

**PERANAN ABANG YUSUF PUTEH DALAM
PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK,
1970-2009**

AWG KASMURIE BIN AWG KITOT

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

PERANAN ABANG YUSUF PUTEH DALAM
PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK,
1970-2009

AWG KASMURIE BIN AWG KITOT

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: AWG KASMURIE BIN AWG KITOT

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 130001

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ ("Hasil Kerja ini"):


PERANAN ABANG YUSUF PUTEH DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT
MELAYU SARAWAK, 1970-2009

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon



Tarikh : 06 JUN 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRACT

This research set forth the role of Abang Yusuf Puteh in the development of the Sarawak Malay Society from 1970 to 2009. The detailed research opened the role played by Abang Yusuf Puteh towards the development of Sarawak Malay society in the aspects of politics (leadership), economy (poverty) and social (education issues and religious practice). Abang Yusuf Puteh regarded the four aspects as issues that delayed the development of Sarawak Malay society especially the Malay society at the coastal area. The scope of the research begin from 1970, i.e. when Abang Yusuf Puteh was appointed as the first Malay chosen to hold a post as the Secretary of the Sarawak State Government and ended in 2009 when he passed away at the age of 74. During his service, he witnessed the slowdown in the development of the coastal Malay society. Qualitative approach was used for this history research. The discussion in every chapter used the thematic method. Library research was done to examine and analyse the primary source such as official documents, personal papers, speeches, government publications, interview transcriptions and other works. Besides the primary source, secondary source such as book, thesis, dissertation, graduation exercises, journals, conference proceedings, newspapers and magazines were also used as references to solidify the research. The research method was solidified with in-depth interview of 15 selected respondents. The research also revealed that Abang Yusuf Puteh succeeded in playing an important role in his effort to transform the culture of leadership towards a much better direction. Some of them were to propose motion in the State Legislative Assembly so society's development given priority compared to job scope outside their jurisdiction. Besides, he succeeded in obtaining approval from the Speaker of the State Assembly to allow each member of the state assembly to bring two observers when the Sarawak State Legislative Assembly debate was taking place. Moreover, in the aspects of education his effort could be seen through the maintenance in concept of life of the

coastal society in school, robustness of the education infrastructure, heightening the awareness on the importance of education among parents. His role in strengthening education also was seen through the changes in education system besides proliferation in the aspect of moral. In the aspect of economy, he had given agriculture aid to the residents, trained the residence to be independent and fought for development of the Malay coastal society. Hereafter, to strengthen religion among the Malay coastal society, Abang Yusuf Puteh succeeded in obtaining solid support to demolish customs and cultures that were diverse from the Islamic teaching in ‘Angkatan Nahdatul Islam Bersatu’ (BINA) *muktamar*. Other achievements were establishing the ‘Setia’ mini mosque and opening a free religious education classroom for the Malay coastal residents. He was generous and made his home as a place to educate Islamic religion. Finally, Abang Yusuf Puteh’s rebuke and effort succeeded in returning the prestige and standing of the Sarawak Malay society’s so they were not lagging from the current modernization.

ABSTRAK

Kajian ini mengetengahkan peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak dari tahun 1970 sehingga 2009. Penelitian dalam kajian ini merungkai sejauhmana peranan penting yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak dalam aspek politik (kepimpinan), ekonomi (kemiskinan) dan sosial (isu pendidikan dan amalan keagamaan). Abang Yusuf Puteh berpandangan bahawa keempat-empat aspek tersebut merupakan isu yang melambatkan proses pembangunan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Skop kajian ini bermula pada tahun 1970, iaitu bermulanya perlantikan Abang Yusuf Puteh sebagai anak Melayu pertama yang dipilih untuk menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang menyaksikan kemunduran pembangunan masyarakat Melayu pesisir dan tamat pada tahun 2009 apabila beliau meninggal dunia ketika berusia 74 tahun. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah secara kualitatif dan perbincangan bagi setiap bab adalah menggunakan kaedah tematik. Kajian perpustakaan dibuat bagi meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer seperti dokumen rasmi, kertas-kertas peribadi, ucapan-ucapan, terbitan kerajaan, transkripsi temubual dan beberapa karya yang telah dihasilkan. Di samping itu, sumber sekunder seperti buku, tesis, desertasi, latihan ilmiah, jurnal, kertas persidangan, akhbar dan majalah juga dirujuk bagi memantapkan kajian. Kaedah kajian diperkukuhkan dengan wawancara yang mendalam dengan 15 orang responden terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa Abang Yusuf Puteh berjaya memainkan peranan penting dalam usaha mengubah budaya kepimpinan ke arah yang lebih baik. Antaranya, mengemukakan usul dalam Dewan Undangan Negeri supaya pembangunan masyarakat diberikan perhatian utama berbanding

tugasan di luar bidang mereka. Selain itu, beliau turut berjaya mendapatkan kelulusan Speaker Dewan untuk membenarkan setiap Ahli Dewan membawa masuk dua orang pemerhati luar ketika perdebatan Dewan Undangan Negeri berlangsung. Di samping itu, usaha beliau dalam aspek pendidikan pula diperlihatkan menerusi pengekal konsep kehidupan masyarakat pesisir di sekolah, pemerkasaan infrastruktur pendidikan, peningkatan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan, perubahan dalam sistem pendidikan dan peningkatan aspek moral melalui pendidikan. Manakala dalam aspek ekonomi, beliau telah memberikan bantuan pertanian kepada penduduk, melatih penduduk berdikari dan memperjuangkan kemajuan untuk masyarakat Melayu pesisir. Seterusnya, bagi memantapkan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir, Abang Yusuf Puteh telah berjaya mendapat sokongan padu supaya adat dan budaya yang bertentangan dengan Islam dihapuskan dalam muktamar Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA). Kejayaan lain ialah mengasaskan Surau Setia, membuka kelas pendidikan agama secara percuma kepada penduduk Melayu pesisir dan menjadikan rumahnya sebagai tempat pengajaran agama Islam. Akhirnya, teguran dan usaha Abang Yusuf Puteh telah berjaya mengembalikan kedudukan dan martabat masyarakat Melayu di Sarawak supaya tidak ketinggalan dalam arus kemodenan.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah. Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi di atas limpah rahmat dan kurniaNya maka tesis ini telah berjaya dituntaskan. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam sebagai penguat semangat tatkala menghadapi kesulitan dan kesempitan dalam pengembaraan ilmu ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Arba'iyah Mohd Noor dan Dr Suffian Mansur selaku penyelia yang banyak membimbing, memberikan kata semangat dan mencurahkan idea yang bernas sehingga kajian ini dapat direalisasikan.

Terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas sokongan dan dorongan. Penghargaan juga dititipkan kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana sudi untuk membiayai pengajian ini. Tidak akan dilupakan kepada pihak-pihak tertentu yang menjadi titik tempur dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini terutamanya perpustakaan, arkib dan juga kepada semua informan. Ucapan terima kasih yang tidak terbalas turut dikalungkan buat sahabat Dr Sara Beden, Suhana, Zuber, Arina, Piza dan rakan-rakan seperjuangan HLP 2013.

Yang terakhir dan terkhusus, sudah pastinya cinta hati bonda yang amat disayangi Siah binti Abang Aboi dan Allahyarham ayahanda Awang Kitot@Basrie bin Pengiran Ismail yang terus memberikan semangat juang dalam diri anakanda. Cinta kasih ayahanda yang amat disayangi anakanda Awang Nadhir Rayyan Farris dan ahli keluarga yang lain. Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi dalam mengejar keberkatan ilmu.

Awg Kasmurie bin Awg Kitot (AHA130001)
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

JADUAL KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Abstract	iii
Abstrak	v
Penghargaan	vii
Jadual Kandungan	viii
Senarai Rajah	xii
Senarai Gambar	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Singkatan	xv
Senarai Lampiran	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang kajian	1
1.3 Konsep Pembangunan	6
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Objektif Kajian	17
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Kepentingan Kajian	22
1.9 Kajian Literatur	23
1.10 Metodologi Kajian	41
1.11 Batasan Kajian	45
1.12 Pembahagian Bab	46
BAB 2: LATAR BELAKANG ORANG MELAYU SARAWAK	
2.1 Pengenalan	50
2.2 Orang Melayu	51
2.3 Orang Melayu Sarawak	57
2.4 Istilah ‘Masuk Melayu’	74
2.5 Kedudukan Sosioekonomi Melayu Sarawak	79
2.6 Kedudukan Melayu Sarawak Dalam Pentadbiran	87
2.7 Golongan Melayu Perabangan	91
2.8 Sejarah Golongan Melayu Perabangan	94
2.9 Susun Lapis Golongan Melayu Perabangan	97
2.10 Kesimpulan	99

BAB 3: LATAR BELAKANG KELUARGA, KERJAYA DAN POLITIK ABANG YUSUF PUTEH

3.1	Pengenalan	104
3.2	Latar Belakang Keluarga dan Pendidikan	105
3.3	Kerjaya Awal Abang Yusuf Puteh	115
3.4	Penglibatan Dalam Politik	134
3.5	Faktor Perjuangan Abang Yusuf Puteh	139
3.6	Karya-karya Abang Yusuf Puteh	147
3.7	Kesimpulan	150

BAB 4: MERUBAH ASPEK KEPIMPINAN POLITIK MELAYU SARAWAK

4.1	Pengenalan	152
4.2	Kepimpinan Melayu Sarawak	153
4.3	Kepimpinan Melayu Menurut Abang Yusuf Puteh	159
	4.3.1 Hubungan Rakyat dan Pemimpin	168
4.5	Teguran Terhadap Budaya Kepimpinan	172
	4.5.1 Budaya Materialistik	172
	4.5.2 Kepimpinan yang Pincang	179
	4.5.3 Kepimpinan yang Statik	186
	4.5.4 Kepimpinan Tidak Bermoral	194
4.6	Usaha Abang Yusuf Puteh Menyedarkan Kepimpinan Melayu	201
4.7	Kesimpulan	205

BAB 5: MENTRANSFORMASI PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU PESISIR

5.1	Pengenalan	208
5.2	Pendidikan Orang Melayu Sarawak Sebelum Kedatangan Brooke	209
5.3	Pendidikan Orang Melayu Sarawak Zaman Brooke, 1841-1941	212
5.4	Pendidikan Orang Melayu Sarawak Zaman British, 1946-1963	219
5.5	Teguran Abang Yusuf Puteh Terhadap Pendidikan Melayu	231
	5.5.1 Pengabaian Infrastruktur Institusi Pendidikan	231
	5.5.2 Pengabaian Terhadap Kebajikan Guru	236
	5.5.3 Kelemahan Sistem Pendidikan	241
	5.5.4 Kekurangan Kemudahan Infrastruktur	244
5.6	Usaha Abang Yusuf Puteh Terhadap Pendidikan Melayu	257
	5.6.1 Pengekalan Konsep Kehidupan Melayu Pesisir	257
	5.6.2 Memperkasakan Infrastruktur Sekolah	260
	5.6.3 Meningkatkan Kesedaran Ibu bapa	265
	5.6.4 Sistem Pendidikan	269
	5.6.5 Peningkatan Moral Melalui Pendidikan	270
5.7	Perubahan Terhadap Pendidikan Daerah Kalaka, 1970-2009	273
5.8	Kesimpulan	281

BAB 6: USAHA MENINGKATKAN EKONOMI MELAYU PESISIR		
6.1	Pengenalan	283
6.2	Kemiskinan dalam Kalangan Melayu Pesisir, 1970-2009	284
6.3	Kehidupan Masyarakat Melayu Pesisir	291
6.4	Teguran Abang Yusuf Puteh Terhadap Aspek Ekonomi	295
	6.4.1 Kemunduran Penempatan Melayu Pesisir	295
	6.4.2 Kelemahan Pemerintah	297
	6.4.3 Pemimpin yang Kurang Agresif dan Efektif	302
	6.4.4 Kelemahan dalam Konteks Pengurusan Ekonomi	304
	6.4.5 Pengekalan Dalam Ekonomi Sara Diri	306
	6.4.6 Kehilangan Kuasa Ekonomi	311
	6.4.7 Ungkapan-ungkapan yang Mengekang Kemajuan Minda	313
6.5	Usaha Abang Yusuf Puteh dalam Meningkatkan Ekonomi Melayu	336
	6.5.1 Bantuan dalam Aspek Pertanian	337
	6.5.2 Melatih Penduduk Melayu Berdikari	340
	6.5.3 Memperjuangkan Kemajuan Rakyat	342
6.6	Kesimpulan	346
BAB 7: MEMARTABATKAN ASPEK KEAGAMAAN		
7.1	Pengenalan	349
7.2	Perspektif Abang Yusuf Puteh Terhadap Amalan, Nilai dan Sikap Masyarakat Melayu Sarawak	351
7.3	Teguran Terhadap Amalan Melayu Pesisir	359
	7.3.1 Transformasi Amalan untuk Kebaikan	359
	7.3.2 Penghapusan Amalan yang Jumud	368
7.4	Nilai Masyarakat Melayu Pesisir	361
	7.4.1 Transformasi Nilai Positif untuk Jati Diri	367
	7.4.2 Perubahan Seiring Perkembangan Teknologi	368
	7.4.3 Pengekalan Nilai Positif untuk Kemakmuran	374
7.5	Kritikan Terhadap Sikap Melayu Pesisir	377
7.6	Sikap yang Mengekang Kemajuan Minda	378
	7.6.1 Pasrah Kepada Nasib	379
	7.6.2 Malu Tidak Bertempat	383
	7.6.3 Sukar Menerima Perubahan	384
	7.6.4 Tiada Keyakinan Diri	385
	7.6.5 Goyah atau Tiada Pendirian	387
	7.6.6 Sikap Tidak Mensyukuri Rahmat	392
	7.6.7 Sikap Takbur	394
	7.6.8 Sikap Materialistik	395
	7.6.9 Sikap Dengki	398
7.7	Usaha Memartabatkan Agama	400
7.8	Kesimpulan	407
BAB 8: PENUTUP		410
RUJUKAN		422

SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	442
LAMPIRAN	444

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Graf Perbandingan Jumlah Populasi Penduduk Sarawak Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2000	58
Rajah 2.2	Graf Perbandingan Taburan Penduduk Melayu di Sarawak, 1970-2000	59
Rajah 5.1	Graf Menunjukkan Jumlah Keseluruhan Pelajar Sekolah Melayu di Kuching, 1883-1921	215
Rajah 5.2	Graf Perbandingan Bilangan Jenis Sekolah, Pelajar dan Guru di Sarawak Pada Tahun 1947	221
Rajah 5.3	Graf Perbandingan Bilangan Jenis Sekolah, Guru dan Pelajar di Sekolah Cina Pada Tahun 1946 dan 1952	222
Rajah 5.4	Graf Menunjukkan Jumlah Pelajar Mengikut Kaum Pada Tahun 1954	224
Rajah 5.5	Graf Menunjukkan Jumlah Pelajar Mengikut Kaum Pada Tahun 1960	226
Rajah 5.6	Graf Perbandingan Jumlah Pelajar Menamatkan Pelajaran Mengikut Kaum 1960	227
Rajah 5.7	Graf Perbandingan Jumlah Penduduk Melayu Pesisir di Kalaka dan Saribas dan Orang Melayu Sarawak	274
Rajah 5.8	Graf Perbandingan Jumlah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka	276
Rajah 5.9	Graf Perbandingan Jumlah Guru di Daerah Kalaka	277
Rajah 5.10	Graf Perbandingan Jumlah Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka	279
Rajah 6.1	Graf Menunjukkan Tahap Kemiskinan Negeri-negeri di Malaysia Pada Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009	288
Rajah 6.2	Graf Menunjukkan Tahap Kemiskinan Tegar Nasional dan Negeri-negeri di Malaysia Pada Tahun 1984 dan 2009	289
Rajah 6.3	Perbandingan Tahap Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar Kaum-kaum di Malaysia	290

SENARAI GAMBAR

Gambar 5.1	Salah Sebuah Sekolah di Daerah Kalaka pada tahun 1990-an	235
Gambar 5.2	Pemandangan di Kawasan Sekolah Kebangsaan Perpat, Kalaka	235
Gambar 5.3	Kuarters Guru di Sekolah Kebangsaan Kupang, Kalaka	240
Gambar 5.4	Kemudahan Jalan Raya untuk Keselesaan Pelajar ke Sekolah	262
Gambar 5.5	Sekolah Menengah Kebangsaan (BM) Saratok	263
Gambar 5.6	Sekolah Kebangsaan Abang Abdul Rahman, Saratok	263
Gambar 5.7	Kolej Tingkatan 6 Saratok	267
Gambar 5.8	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Saratok	267
Gambar 6.1	Rumah Masyarakat Melayu Pesisir pada tahun 1990-an	333
Gambar 6.2	Keadaan Masyarakat Melayu Pesisir Kalaka tahun 1990-an	334
Gambar 6.3	Keadaan Bangunan Kedai di Kabong pada tahun 1995	334
Gambar 6.4	Jalan di Kampung Masyarakat Pesisir yang tidak bertar	335
Gambar 6.5	Masjid untuk Kegunaan Masyarakat di Gerigat Kalaka	335
Gambar 6.6	Jalan Pengangkutan Utama Masyarakat Melayu Pesisir	336
Gambar 6.7	Air Bersih belum dibekalkan kepada Penduduk Kampung pada tahun 1991	336
Gambar 6.8	Rumah Penduduk Melayu Pesisir di Daerah Kalaka pada tahun 2014	345
Gambar 6.9	Salah Sebuah Banglo Kepunyaan Penduduk Melayu Pesisir dalam Proses Pembinaan	346

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Jumlah Populasi Penduduk Sarawak Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2000	57
Jadual 2.2	Taburan Penduduk Melayu di Sarawak, 1970-2000	59
Jadual 5.1	Jumlah Keseluruhan Pelajar Sekolah Melayu di Kuching, 1883-1921	215
Jadual 5.2	Jumlah Penduduk Melayu Pesisir di Kalaka dan Saribas	274
Jadual 5.3	Jumlah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka	275
Jadual 5.4	Jumlah Guru di Daerah Kalaka	277
Jadual 5.5	Jumlah Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Daerah Kalaka	278
Jadual 6.1	Insiden Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar di Malaysia, 1970, 1984 dan 2009	287

SENARAI SINGKATAN

PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Muda
LCDA	-	Lembaga Pemilikan & Pembangunan Tanah
AZAM	-	Angkatan Zaman Mansang
mtDNA	-	Mitochondrial DNA
UMNO	-	The United Malays National Organization
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
PERMAS	-	Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak
BN	-	Barisan Nasional
PRN	-	Pilihan Raya Negeri
SGOU	-	Sarawak Government Officer Union
STU	-	Sarawak Teachers' Union
UMKL	-	Universiti Malaya Kuala Lumpur
BLTC	-	Batu Lintang Training Centre
BLTC	-	Batu Lintang Teaching College
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PRM	-	Parti Rakyat Malaya
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
SEDC	-	Sarawak Economic Development Corporation
BINA	-	Angkatan Nahdatul Islam Bersatu
PBDS	-	Parti Bansa Dayak Sarawak
NEGARA	-	Parti Negara Rakyat Sarawak
PBB	-	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
GLS	-	Government Lay School
SPG	-	Society for the Propagation of the Gospel
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita dan Kemajuan Masyarakat
PGK	-	Paras Garis Kemiskinan
PLI	-	Poverty Line Income
CPI	-	Consumer Price Index
RMK10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
BMR	-	Basal Metabolic Rate
PAL	-	Physical Activity Level
FELCRA	-	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
CCO	-	Clandestine Communist Organization
IKIM	-	Institut Kefahaman Islam Malaysia
MIS	-	Majlis Islam Sarawak

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Sebahagian Daripada Hasil Karya Abang Yusuf Puteh	438
LAMPIRAN B	Transkrip Wawancara	439

University of Malaya

BAB 1 : PENDAHULUAN

PENGENALAN

Bahagian ini merupakan pengantar tesis yang mengandungi latar belakang kajian, konsep pembangunan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian literatur, kaedah penyelidikan dan sumber, batasan kajian dan pembahagian bab. Perbahasan juga turut mengupas mengenai latar belakang masyarakat Melayu Sarawak dan peranan Abang Yusuf Puteh yang membawa kepada beberapa teguran oleh beliau. Sebelum menelusuri dengan lebih mendalam aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam kajian ini, maka pemahaman mengenai aspek budaya masyarakat Melayu Sarawak perlu diketengahkan dengan jitu. Melalui perbahasan dalam bab pendahuluan ini, persoalan berhubung peranan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu Sarawak penting untuk dikaji akan terjawab.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengupas dan menjelaskan peranan Abang Yusuf Puteh,¹ iaitu seorang anak tempatan Melayu Perabangan Sarawak terhadap masyarakat Melayu pesisir di Sarawak pada tahun 1970-2009. Beberapa aspek yang telah diberi pertimbangan ialah latar belakang orang Melayu di Sarawak, keperibadian Abang Yusuf Puteh, merubah aspek kepimpinan Melayu Sarawak, mentransformasi pendidikan masyarakat Melayu pesisir, teguran terhadap ekonomi Melayu pesisir dan memartabatkan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir. Semua aspek tersebut dikaji berdasarkan karya-karyanya dan sumber-sumber yang lain bagi melihat teguran dan peranan beliau dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat Melayu di Sarawak.

¹ Seorang tokoh Melayu Perabangan, tokoh politik Melayu di Sarawak dan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, iaitu orang Melayu Sarawak pertama yang memegang jawatan tersebut.

Hal ini ditujukan kepada masyarakat Melayu di kawasan pesisir supaya mereka berusaha untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek.

Abang Yusuf Puteh merupakan penduduk kampung yang berasal dari pesisiran pantai yang dihimpit kemiskinan dan kemunduran pada masa itu. Setelah berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya, beliau telah ditawarkan pekerjaan oleh kerajaan kolonial British sekembalinya ke tanah air (Sarawak). Perkhidmatan beliau dalam dua zaman, iaitu zaman penjajahan dan zaman merdeka memberikan kekuatan kepada pembentukan jati dirinya untuk memberikan sumbangan terhadap kemajuan negara terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Antara usaha yang diberikan tumpuan oleh beliau termasuklah aspek pendidikan, ekonomi dan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir. Pendidikan yang diperoleh pada zaman koloni British menyedarkan beliau bahawa pendidikan yang disediakan pada zaman British bukannya untuk melahirkan masyarakat Melayu yang berpengetahuan dan berilmu tetapi sekadar untuk menampung jawatan-jawatan kecil yang ada pada zaman tersebut.² Pemerhatian beliau terhadap corak kehidupan orang Melayu Sarawak antara tahun 1959 hingga 1991 semasa menjawat jawatan dalam kerajaan telah memberikan impak kepada kesedarannya untuk melihat orang Melayu di Sarawak menikmati kemajuan dan bukannya jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan kaum-kaum yang lain terutamanya kaum Cina.

Kemunculan Abang Yusuf Puteh yang dianggap sebagai *ultra Malay*³ oleh sesetengah pihak mempunyai cita-cita yang besar untuk melihat kebangkitan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak terutamanya dalam aspek kemajuan rohani dan

² Menurut Abang Yusuf Puteh, pelatih British yang mempunyai kelayakan yang lebih rendah (tanpa ijazah) daripada kami (orang Melayu Sarawak) akan diterima masuk dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Daerah dengan gaji empat kali lebih banyak daripada kami (orang Melayu Sarawak). Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 76.

³ "Ultra Malay" merujuk kepada semangat kemelayuan yang tinggi yang terdapat dalam dirinya. Melalui wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai, beliau menyatakan bahawa Abang Yusuf Puteh sebagai seorang yang memiliki semangat kemelayuan yang tinggi yang tidak ada pada orang lain ketika itu. Beliau ingin melihat masyarakat Melayu Sarawak berubah demi kemajuan yang ingin dicapai. Walau bagaimanapun, menerusi wawancara dengan isteri Allahyarham, iaitu Datuk Rogayah Abdul Majid pada 02 September 2015, pada jam 10.30 pagi di kediamannya di Jalan Song, Kuching, beliau berpandangan bahawa Abang Yusuf Puteh bukanlah "ultra Malay" sebagaimana yang dikatakan sesetengah pihak. Hal ini kerana beliau tetap mengambil berat terhadap kaum-kaum lain ketika beliau berkhidmat dengan kerajaan.

jasmani. Kemunculan idea kesedaran beliau bermula pada awal 1970-an ketika menerajui perkhidmatan awam negeri telah berjaya mengubah landskap kebiasaan kakitangan Melayu dewasa itu. Tindakan paling awal yang dilakukannya adalah berusaha untuk mengubah minda golongan intelektual Melayu yang kebanyakannya terdiri daripada kakitangan kerajaan. Setelah itu, melebarkan pemikirannya dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu pesisir yang masih jauh ketinggalan dalam aspek pembangunan fizikal.

Oleh yang demikian, beliau berusaha untuk menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak untuk meningkatkan taraf hidup melalui penulisan supaya mereka berusaha untuk melakukan perubahan terhadap permasalahan besar yang menjadi dilema sehingga mencengkam kemajuan masyarakat. Usahnya diterjemahkan dalam penulisan dan terpancar melalui beberapa karyanya yang memberikan fokus kepada aspek-aspek budaya, iaitu nilai, amalan dan sikap selain aspek kepemimpinan pemimpin-pemimpin Melayu yang menjadi punca masyarakat Melayu Sarawak ketinggalan daripada arus modenisasi selain mundur dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, beliau turut menyuarakan aspek budaya yang perlu dikekalkan dan dihidupkan semula berdasarkan kepada kepentingannya kepada masyarakat Melayu dewasa ini. Peranannya menjadi perintis penting ke arah mengubah nasib orang-orang Melayu Sarawak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada peranan beliau dalam menangani isu kelemahan kepemimpinan Melayu, isu pendidikan, isu kemiskinan serta amalan, nilai dan sikap yang berkaitan dengan budaya masyarakat Melayu Sarawak.

Pengalaman yang diperoleh Abang Yusuf Puteh ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri Sarawak sejak 1959 sehingga 1991 telah banyak membuka mata dan telinga beliau tentang kemunduran masyarakat Melayu Sarawak dalam pelbagai aspek. Atas dasar inilah, beliau bertindak dengan mengundurkan diri daripada

tugasnya yang terakhir sebagai ketua kakitangan awam negeri Sarawak (jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak) pada tahun 1985 dan melibatkan diri dalam bidang politik sehingga tahun 1991. Tujuannya berjuang adalah untuk memartabatkan maruah masyarakat Melayu Sarawak agar kembali menerajui kemajuan dalam pelbagai aspek. Sokongan yang padu kepada mantan Ketua Menteri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak, iaitu Rahman Yaakub (Tun) yang bersama-sama menentang kepimpinan Taib Mahmud (Tun) ketika itu adalah diakibatkan kepercayaan beliau dengan kepimpinan Rahman Yaakub dan wujudnya ketidakpuasan hati beliau terhadap kepimpinan Taib Mahmud terutamanya dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu Sarawak.

Walau bagaimanapun, pada Pilihan Raya Umum Negeri 1991 beliau tidak mempertahankan kerusi yang telah dimenangi pada Pilihan Raya Umum Negeri 1987 akibat wujudnya perbalahan dalam komponen pro-maju (pembangkang) ketika itu yang ingin berjuang untuk mendapatkan jawatan Ketua Menteri Sarawak untuk kaum dayak. Atas dasar kesedaran perjuangannya untuk kemajuan dan membela nasib masyarakat Melayu, beliau berusaha untuk menyedarkan masyarakat Melayu dengan menghasilkan karya yang berdasarkan realiti kemunduran kehidupan masyarakat Melayu Sarawak antara tahun 1970 sehingga 2009.

Seterusnya, dalam menelusuri aspek budaya Melayu Sarawak pula dapat dilihat menerusi sejarah budaya Melayu Sarawak. Menurut Sanib Said, budaya masyarakat Melayu Sarawak sebelum kedatangan Brooke di Sarawak pada abad ke-19 adalah yang terunggul jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain dari aspek agama, sosial, politik dan ekonomi.⁴ Kegagalan masyarakat Melayu setelah pemerintahan Brooke dalam mempertahankan budaya mereka telah mengakibatkan kaum-kaum lain semakin agresif dalam meningkatkan kemajuan masing-masing sehingga akhirnya masyarakat Melayu

⁴ Lihat, Sanib Said, Melayu di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu. *The Sarawak Museum Journal Vol XL.No.61*, Kuching: The Museum, Kuching, 1989, hlm. 87-101.

Sarawak jauh ketinggalan. Hal ini terkesan daripada hilangnya kuasa politik yang telah diambil alih oleh rejim Brooke 1841-1941 dan kemudiannya koloni British setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, bermula 1946-1963.

Hilangnya kuasa kepimpinan orang Melayu Sarawak menjadi pemangkin kepada kemunduran masyarakat Melayu. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketiadaan pucuk pimpinan yang benar-benar mampu untuk membawa perubahan kepada budaya masyarakat Melayu. Kejatuhan nilai budaya orang Melayu Sarawak telah membawa kepada ketepuan minda untuk melakukan perubahan tanpa kepimpinan yang berkesan. Perkara ini dianalogikan Abang Yusuf Puteh umpama kapal yang berlabuh tanpa sauh akan tetap hanyut apabila nakhoda dan anak kapalnya tertidur.⁵ Terpancar di sini bahawa aspek kepimpinan memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan masyarakat Melayu Sarawak untuk mencapai kemajuan. Pemimpin yang jujur dan amanah adalah kunci dalam usaha untuk mengubah pemikiran masyarakat Melayu Sarawak melalui penekanan terhadap pembangunan pendidikan mereka.

Teguran terhadap aspek kepimpinan pemimpin Melayu yang melemahkan orang Melayu Sarawak telah dimulakan oleh Muhammad Rakawi Yusuf sejak 1930-an lagi dengan penubuhan *Fajar Sarawak* pada tahun 1932, iaitu akhbar Melayu yang pertama di Sarawak. Golongan datu-datu telah dikritik dengan hebatnya kerana bersikap lepas tangan, leka dan tidak mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah kemunduran masyarakat (Melayu).⁶ Walau bagaimanapun, terlebih awal daripada itu dalam buku tulisan Ahmad Syawal Abdul Hamid pada tahun 1876 telah dengan tegas mengutarakan sindiran yang tajam terhadap kepimpinan yang ada terutamanya penjajah yang tidak memperdulikan nasib rakyat jelata. Hal ini sebagaimana nasihat yang diberikan oleh Nikosa kepada seorang pemuda, iaitu Pilina tentang teknik pertanian yang teratur dan ilmu pertanian yang tinggi berupaya untuk membawa keuntungan yang berlipat kali

⁵ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 33.

⁶ Lihat, Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 28.

ganda kepada pengusaha. Impaknya, Pilina telah berjaya dalam bidang pertanian yang diceburinya.⁷ Peranan kepimpinan Melayu sedia ada yang lemah dalam memimpin dan memajukan orang-orang Melayu Sarawak turut dirujuk dengan jelas dalam novel *Hikayat Panglima Nikosa* ini. Kerajaan di bawah kekuasaan Brooke dengan jelas memperlihatkan tiada usaha untuk membantu dalam memajukan rakyat. Kepentingan rakyat tidak dipedulikan memandangkan Sarawak mempunyai tanah yang luas dan subur tetapi lebih menjaga kepentingan diri sendiri.⁸

Atas landasan inilah maka kajian ini dilakukan dengan menganalisis peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak berdasarkan teguran dalam penulisannya. Hal ini sudah tentu melibatkan tegurannya terhadap kepimpinan Melayu dan masyarakat Melayu Sarawak agar mampu untuk melakukan transformasi minda bagi mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

KONSEP PEMBANGUNAN

Menurut Anthony Giddens, pembangunan merujuk kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan pembangunan sesebuah negara. Hal ini bermakna kemajuan sesebuah masyarakat adalah bergantung kepada kemajuan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, pembangunan negara-negara di dunia adalah berbeza antara negara

⁷ Rujuk, *Hikayat Panglima Nikosa. Kuching: Bukit Persinggahan, 1876*. Novel ini merupakan novel yang terawal di Sarawak dan di Malaysia setelah pembentukan Malaysia. Penghasilan novel yang lain hanya muncul setelah 48 tahun Novel Hikayat Panglima Nikosa ditetbitkan. Lihat juga, Utusan Malaysia 12 Januari 2001.

⁸ Menurut Lockard pemerintah Brooke telah membawa masuk orang-orang Cina bukan sahaja dari Tanah Besar China tetapi dari Tanah Melayu. Selain itu, orang-orang Cina yang dibawa masuk diberi tambang percuma, elau dan turut dihadihkan tiga ekar tanah untuk seorang dewasa di Lembah Sungai Rajang pada awal 1870. Hal ini jelas memperlihatkan usaha pemerintah Brooke yang membantu aspek pertanian orang-orang Cina dan meminggirkan orang-orang Melayu di Sarawak. Brooke bukan sahaja tidak membangunkan aspek pertanian orang Melayu tetapi turut memusnahkan penguasaan perdagangan orang Melayu dengan memberi pelbagai alasan seperti tidak bijak dalam berniaga, pedagang Melayu menghasut penduduk peribumi lain ketika berurusaniaga, tidak mahu mengotorkan tangan orang Melayu dengan ekonomi dan lain-lain lagi. Sila lihat, C.A. Lockard, "Charles Brooke and the Foundation of Modern Chinese Community in Sarawak". *Sarawak Museum Journal*, 1971, hlm. 77-108, lihat juga, R.M. Pringle, *The Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*. London: MacMillan, 1970, hlm. 325. Masyarakat Melayu Sarawak menguasai ekonomi sebelum kedatangan Brooke pada abad ke 19 dengan menguasai kebudayaan di Sarawak. Dasar ekonomi Brooke pada pandangan Sanib Said adalah bersifat anti Melayu. Kebimbangan Brooke dengan penguasaan ekonomi oleh orang Melayu akan mengancam kedudukan politiknya. Oleh yang demikian, tekanan diberikan Brooke terhadap penguasaan ekonomi Melayu Sarawak sehingga mengakibatkan orang Melayu Sarawak semakin lemah dalam sektor ekonomi perdagangan. Brooke mula menekan dan memusnahkan sistem perdagangan Melayu. Rujuk, Sanib. *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, hlm. 22, Sanib. "Melayu di bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu", hlm. 87-101, Hashim ada menyebut bahawa penguasaan kapitalis Cina dalam aktiviti perdagangan oleh Brooke telah berjaya melenyapkan penguasaan ekonomi perdagangan oleh orang Melayu Sarawak. Penguasaan ini semakin ketara apabila pentadbiran Sarawak diserahkan kepada Charles Brooke pada tahun 1868. Lihat, Hashim Fauzy Yaacob. *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah Penjajahan British, 1941-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm. 35.

dunia pertama, kedua dan ketiga. Negara dunia pertama merupakan negara yang maju dengan penguasaan yang tinggi dalam bidang perindustrian. Manakala negara dunia kedua merupakan negara-negara yang berfahaman komunis. Sedangkan negara dunia ketiga termasuk Malaysia merupakan negara-negara yang baharu membangun dalam pelbagai aspek. Keadaan ini sudah pasti akan membawa kepada dimensi pembangunan yang berbeza mengikut tahap kemajuan sesebuah negara.⁹ Oleh yang demikian, merujuk kepada pembangunan Malaysia amnya dan Sarawak khususnya seharusnya akan memperlihatkan berlakunya sesuatu proses pembangunan walaupun secara perlahan. Hal ini demikian kerana pembangunan sesuatu yang sepatutnya akan tetap berlaku dan tidak akan terhenti pada satu-satu tahap tetapi akan terus mengalami perubahan dan bergerak mengikut peredaran zaman.

Menurut Ahmad Mahdzan Ayob pula, pembangunan membawa pengertian yang sangat luas meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial. Walau bagaimanapun, dalam konteks negara membangun sudah tentu pembangunan itu lebih terarah kepada pembangunan ekonomi. Hal ini merujuk kepada pembangunan ekonomi merupakan asas kepada kemajuan sesebuah negara sebelum menuju kepada pembangunan dalam aspek-aspek yang lain. Berdasarkan penjelasan tersebut juga menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi memang merupakan aspek penting ke arah pembangunan mapan dan tidak dinafikan ekonomi juga adalah pemangkin sesebuah pembangunan. Hal ini merujuk kepada aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk melabur dalam pelbagai projek yang memberikan keuntungan kepada kerajaan. Kemajuan dalam pembangunan ekonomi sudah tentu dapat menampung kepada pembangunan yang lain seperti peluang pekerjaan, infrastruktur dan sebagainya.¹⁰

⁹ A. Giddens, *Sociology Sixth Edition*, Cambridge: Polity Press, 2009, hlm. 418-419.

¹⁰ Ahmad Mahdzan Ayob, *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 1-2.

Manakala berdasarkan kepada Riyadi dan Deddy Supriyadi, pembangunan merupakan proses untuk melakukan perubahan. Malah setiap individu pasti akan memikirkan hal yang sama, iaitu pembangunan sering dikaitkan dengan perkembangan, modenisasi, industri dan perbandaran. Walau bagaimanapun, keempat-empat perkara yang dikaitkan dengan pembangunan tersebut mempunyai latar belakang, asas, hakikat dan prinsip kesinambungan yang berbeza meskipun aspek tersebut merupakan sesuatu yang menggambarkan tentang perubahan.¹¹ Dapat disimpulkan bahawa pandangan Riyadi dan Deddy Supriyadi menunjukkan bahawa pembangunan mengandungi unsur perubahan yang nyata sama ada dalam aspek ekonomi, sosial atau budaya.

Terdapat juga pengertian pembangunan yang membawa kepada makna yang berbeza apabila didefinisikan bukan dalam konteks pembangunan fizikal. Hal ini sebagaimana Zaheruddin Othman dan Mohd Yusuf Pon telah mendefinisikan pembangunan sebagai satu proses yang membolehkan kehidupan manusia untuk merealisasikan potensi, membina keyakinan dalam diri dan membawa kehidupan yang penuh bermakna ke arah kemuliaan. Maka pembangunan seperti ini dapat membebaskan seseorang daripada rasa takut untuk mengelak dieksploitasi dan berani untuk menuntut hak-hak mereka. Keadaan ini dapat menjelaskan bahawa pembangunan merupakan satu pergerakan yang menjauhkan seseorang atau sekelompok masyarakat daripada penindasan politik, ekonomi dan juga sosial.¹²

Pembangunan merupakan satu perubahan ekonomi, sosial dan budaya secara sengaja menerusi kebijaksanaan dan strategi untuk menuju ke arah yang diimpikan. Sebagai contoh, perubahan dalam aspek ekonomi dapat dilihat melalui peningkatan atau pertumbuhan pengeluaran yang pantas di dalam sektor industri sehingga menyumbangkan pendapatan yang besar kepada negara. Hal ini membawa

¹¹ Riyadi dan Deddy Supriyadi Bratakusumah, *Perencanaan Pembangunan Daerah*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 2005, hlm. 348.

¹² Zaheruddin & Mohd Yusof Pon, *Pengantar Teori Pembangunan Dunia Ketiga*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2005, hlm.2.

perubahan kepada aspek sosial apabila rakyat akan memanfaatkan kemakmuran hasil daripada kemajuan ekonomi seperti kemajuan dalam pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan proses pembuatan keputusan dalam politik. Manakala perubahan budaya turut berlaku apabila semangat kebangsaan dan nasionalisme mula bertapak kukuh dalam diri masyarakat. Di samping itu, perubahan turut dialami dalam aspek nilai dan norma sesebuah masyarakat.¹³

Seterusnya, Rahimah Aziz mengatakan bahawa walaupun terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pakar-pakar tertentu sama ada dalam bidang ekonomi ataupun sosial untuk menerangkan konsep pembangunan namun masih tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan jitu. Oleh yang demikian, pembangunan tidak mempunyai makna yang khas yang dapat menerangkan maksudnya secara holistik. Hal ini dapat diteliti menerusi perbincangan teori pembangunan oleh para sarjana yang lain seperti Syed Husin Ali dalam penulisannya pada tahun 1976.¹⁴ Menurut Ginanjar Kartasasmita pula, beliau memberikan definisi yang lebih sederhana terhadap pembangunan, iaitu sesuatu proses perubahan ke arah yang lebih baik berbanding sebelum itu melalui usaha yang terancang.¹⁵

Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut jelas menunjukkan aspek pembangunan bukan merujuk kepada perubahan lahiriah semata-mata tetapi juga perubahan batiniah seseorang. Selain itu, pembangunan sesuatu yang terus berlaku dalam sesebuah masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, kajian tentang peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak merujuk kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan transformasi minda masyarakat tersebut.

¹³ Deddy T. Tikson, *Keterbelakangan & Ketergantungan: Teori Pembangunan di Indonesia, Malaysia dan Thailand*, Jakarta: Ininnawa, 2005, hlm.268.

¹⁴ Rahimah Aziz, *Pengantar sosiologi pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 197. Lihat juga, Syed Husin Ali, *Apa Erti Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.

¹⁵ Ginanjar Kartasasmita, *Sasaran dan kebijaksanaan pokok pembangunan jangka panjang kedua dan Repelita VI*, Universitas Brawijaya Malang, Fakultas Ilmu Administrasi, 1994, hlm.7.

PERNYATAAN MASALAH

Sejarah telah membuktikan berlakunya peminggiran atau *marginalization* terhadap tokoh-tokoh yang dianggap sebagai penentang kepada pihak berkuasa yang selayaknya diangkat sebagai pejuang atau pembela tanah air. Isu peminggiran atau *marginalization* merupakan isu yang berlaku di seluruh dunia sama ada peminggiran dalam aspek politik, ekonomi mahu pun sosial. Hal ini sebagaimana perbincangan yang diutarakan oleh Abu Talib Ahmad tentang peminggiran yang berlaku terhadap tokoh aliran kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang mempunyai semangat nasionalisme Melayu yang menebal dalam diri mereka dan berperanan dalam memperjuangkan kemerdekaan. Beberapa tokoh aliran kiri ini hampir tidak dikenali khalayak masyarakat dalam usaha mereka berjuang demi kedaulatan negara. Antaranya, Jaafar Hussin, Abdul Majid Salleh dan Mohd Salleh Daud yang merupakan pemimpin PKMM yang terus terpinggir dalam naratif sejarah kebangsaan.¹⁶ Hal ini kerana perjuangan aliran kiri tidak mendapat pengiktirafan sebagaimana perjuangan yang dibawa oleh aliran kanan. Dalam sejarah klasik Sarawak isu peminggiran terhadap tokoh-tokoh yang berjuang demi kedaulatan dan kebebasan turut berlaku. Antaranya, Shariff Masahor, Rentap, Datu Patinggi Ali, Linggir, Rosli Dhobi dan pejuang-pejuang yang lain. Ketika pentadbiran Brooke dan British mereka diletakkan sebaris sebagai musuh, penentang, petualang dan penderhaka. Lantaran itu perjuangan yang telah mereka lakukan seolah-olah terpinggir dan tidak diingati ketika itu.

Keadaan yang sama turut berlaku dalam era pasca merdeka menerusi peminggiran Abang Yusuf Puteh dalam kalangan tokoh yang berbakti kepada rakyat dan masyarakat.¹⁷ Dalam kalangan tokoh di Sarawak nama Abang Yusuf Puteh tidak mendapat perhatian pengkaji ataupun penulis. Jasa yang pernah ditaburkan oleh beliau

¹⁶ Abu Talib Ahmad, Aliran Kiri Dalam Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 36, 2008, hlm. 24-51.

¹⁷ Ini turut diakui oleh Habib Mahmud yang mengenali secara peribadi perjuangan dan jasa bakti yang dicurahkan oleh Abang Yusuf Puteh. Menurutnya, sepanjang pembabitan Abang Yusuf Puteh dalam politik dan kerajaan Sarawak banyak sumbangan yang telah beliau berikan terutamanya dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu. Rujuk, *Utusan Malaysia*, 09 November 2009, hlm. 2.

terkubur bersama jasadnya. Peranan dan usaha yang telah disumbangkan oleh beliau dalam membawa isu pembangunan masyarakat Melayu pesisir tenggelam begitu sahaja. Beliau merupakan „wira yang tidak didendangkan“ yang telah banyak menabur bakti dan usaha untuk masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Isu peminggiran ini merupakan isu yang besar dalam sejarah apabila tokoh yang telah memberikan sumbangan yang bermakna sepanjang perjuangannya telah terpinggir. Oleh sebab mereka dianggap sebagai penentang maka peranan mereka sengaja ditenggelamkan dalam arus perdana. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menyedarkan dan mengetengahkan ketokohan Abang Yusuf Puteh, iaitu seorang pemimpin yang banyak memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Walau bagaimanapun, beberapa orang tokoh di Sarawak yang sezaman dengannya sering mendapat perhatian penulis-penulis prolific. Antaranya, Taib Mahmud, Ahmad Zaidi Adruce, Rahman Yaakub, Adenan Satem dan Abang Abu Bakar.¹⁸

Walaupun bagaimanapun, setelah diteliti dan ditelusuri ternyata penulisan-penulisan tersebut didapati hanya mendokong dan memuji pucuk pimpinan yang telah berjaya membawa dan menggerakkan pembangunan terhadap Sarawak sedangkan tidak pula menyentuh secara khusus kejayaan dalam membawa sebarang bentuk pembangunan terhadap masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Hal inilah yang membawa kepada teguran Abang Yusuf Puteh terhadap budaya pemimpin Melayu Sarawak, aspek pendidikan, ekonomi dan keagamaan mereka. Peranan Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk membangunkan mereka daripada kemunduran amat diperlukan bagi membela nasib mereka. Oleh yang demikian, permasalahannya adalah pembangunan mapan Sarawak yang dikatakan telah berjaya dilaksanakan ternyata tidak secara holistik

¹⁸ Rujuk, Sanib Said, *Yang Dikehendaki: Biografi Yang Di-Pertua Sarawak, Tun Datuk Patinggi Hj. Ahmad Zaidi Adruce Mohd. Noor*, Kuching: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, 1991, James Ritchie, *Tun Ahmad Zaidi: Son of Sarawak*, Pelanduk Publications, 2000, Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*, Selangor: Penerbitan Pena Sdn Bhd, 1981, Bob Reece, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak: some reflections of his life and times*, Kuching, Persatuan Kesusasteraan Sarawak, 1993, dan, Loon Ching Yu, *The Plot that Failed: Sarawak : 10 March 87-17 April 87*, Singapore: Summer Times, 1987.

memandangkan kemunduran pembangunan yang berterusan masih dihadapi oleh masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Berpandukan kepada pernyataan tersebut juga menunjukkan isu kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak dalam membawa pembangunan kepada masyarakat Melayu pesisir di Sarawak jelas membawa kepada kajian ini dilakukan. Kelemahan kepimpinan Melayu dalam usaha untuk melaksanakan pembangunan terhadap masyarakat Melayu telah bermula setelah kejatuhan kepimpinan Melayu kepada kuasa penjajah pada pertengahan abad ke-19. Walaupun kepimpinan Melayu Sarawak ketika itu masih diberi peluang oleh pimpinan Brooke, namun kuasa kepimpinan bukan berada di tangan pemimpin Melayu. Kehilangan kekuasaan kepimpinan Melayu Sarawak seolah-olah tidak disedari kerana Raja Brooke masih mempergunakan pengaruh yang ada dalam kalangan mereka. Tambahan pula, perlantikan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak merupakan salah satu strategi penjajah bagi mendapatkan sokongan dan dokongan untuk terus berkuasa dan menikmati hasil secara tidak langsung di Sarawak.

Brooke menyedari bahawa pemilihan golongan Melayu Perabangan bagi menggantikan pemimpin-pemimpin Melayu pada zaman kekuasaan kesultanan Melayu Brunei amat penting bagi mengalihkan sokongan golongan tersebut sebelum mengancam kedudukannya sebagai pemerintah baharu di Sarawak. Pemilihan golongan pemimpin masyarakat daripada golongan Melayu Perabangan sudah ternyata tepat sehingga membawa kepada kelangsungan pentadbiran Brooke selama 100 tahun di Sarawak. Timbul persoalan berkaitan dengan kemunduran masyarakat Melayu terutamanya Melayu pesisir di Sarawak walaupun pemimpin-pemimpin utama dalam membantu pentadbiran penjajah majoritinya adalah dalam kalangan orang Melayu itu sendiri. Hal ini menunjukkan kelemahan yang ketara kepimpinan Melayu dalam usaha membantu membangunkan masyarakat Melayu Sarawak.

Penguasaan pemimpin-pemimpin Melayu dalam politik negeri di Sarawak terus wujud dan hanya terhenti seketika pada tahun 1963 apabila Stephen Kalong Ningkan dilantik memegang jawatan eksekutif yang pertama di Sarawak pasca merdeka. Akhirnya, krisis Perlembagaan Sarawak yang berlaku di bawah kepimpinan Ningkan pada tahun 1966 telah membawa kepada peralihan kuasa kepimpinan kepada orang Melayu apabila berlakunya pelucutan jawatan Ningkan.¹⁹ Sarawak di bawah pentadbiran Tawi Sli sebagai ketua menteri hanya mengambil masa yang singkat, iaitu bermula 1966 dan berakhir pada 6 Julai 1970 apabila Rahman Yaakub telah dilantik untuk memegang jawatan ketua menteri Sarawak yang baharu bagi menggantikan beliau. Peralihan kuasa kepimpinan ini sebagai petanda kembalinya kekuasaan orang Melayu Sarawak. Walaupun orang Melayu di Sarawak masih tidak mencapai tahap kemajuan sebagaimana yang dikehendaki ketika pentadbiran Rahman Yaakub sebagai Ketua Menteri, namun usaha-usaha yang berterusan terus dilaksanakan melalui Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah dilantikinya.²⁰ Ketika Sarawak di bawah kepimpinan Taib Mahmud selama hampir 32 tahun tidak dinafikan pembangunan tetap berlaku namun agak perlahan berbanding dengan tempoh masa pentadbirannya yang agak panjang. Seringkali dikatakan bahawa Sarawak telah membangun dan nasib masyarakat Melayu akan terbela. Namun, hakikatnya pembangunan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan penempatan masyarakat Melayu pesisir terlalu perlahan dalam pelbagai aspek malah kemiskinan dapat disaksikan hampir di keseluruhan daerahnya.

Oleh yang demikian, kepimpinan Melayu Sarawak dilihat mampu memainkan peranan penting dalam usaha untuk menyebarkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak tentang pembangunan dan kemajuan. Walau bagaimanapun,

¹⁹ Krisis Perlembagaan Sarawak 1966 berlaku apabila seramai 21 daripada 42 orang Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak telah kehilangan keyakinan kepada pentadbiran Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Peristiwa ini telah membawa kepada pemecatan Stephen Kalong Ningkan oleh Gabenor Sarawak, iaitu Tun Abang Haji Openg dan akhirnya telah melantik Penghulu Tawi Sli sebagai Ketua Menteri Sarawak yang kedua. *The Borneo Post*, April 26, 2010. Rujuk juga, Imtiaz Omar. 1996. *Rights, Emergencies and Judicial Review*. Martinus Nijhoff Publishers, hlm. 135.

²⁰ Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah dilantik oleh Rahman Yaakub (Tun) bagi memantau dan membantu masyarakat Melayu Sarawak selain daripada kaum-kaum lain, ialah Abang Yusuf Puteh yang merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri yang pertama dari kaum Melayu. Rujuk, Fail Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985.

kepimpinan yang muncul ketika itu tidak berupaya untuk memacu perubahan kepada masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir sehingga menjadi isu yang mendapat perhatian dalam teguran dan kritikan Abang Yusuf Puteh.

Isu pendidikan turut menjadi titik tolak kajian ini dilakukan. Pendidikan di Sarawak pernah dibincangkan dalam kajian-kajian sebelum ini tetapi tidak menyentuh secara khusus aspek pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Masyarakat Melayu di kawasan pesisir seperti dianaktirikan dalam bidang pendidikan apabila pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah baharu banyak dibangunkan di kawasan bandar ataupun di kawasan-kawasan utama tumpuan penduduk terutamanya di Kuching, Sibu dan Miri.²¹ Tempoh yang panjang selepas pembentukan Malaysia ternyata tidak menjamin kepada pembangunan yang seimbang dalam bidang pendidikan bagi masyarakat Melayu pesisir. Menurut rekod Jabatan Perangkaan dan Jabatan Pelajaran Negeri, sekolah-sekolah baharu yang wujud di kawasan penempatan penduduk Melayu pesisir di Kalaka hanya menunjukkan pertambahan yang tidak seimbang dengan jumlah peningkatan penduduk Melayu di kawasan tersebut.²²

Hakikatnya, isu kemiskinan masyarakat Melayu pesisir berkait rapat dengan budaya kepimpinan Melayu dan kemunduran dalam aspek pendidikan. Hubungan antara kepimpinan Melayu dan pendidikan dengan kemiskinan dapat dibuktikan melalui pandangan Za'ba yang menyatakan kemiskinan orang Melayu disebabkan pemerintahan raja-raja Melayu dan para pembesar yang zalim serta pendidikan merupakan jalan yang penting untuk mengukuhkan kedudukan orang Melayu.²³ Pandangan Za'ba memperjelas bahawa aspek pendidikan yang benar-benar bermanfaat mampu menjadi medium untuk

²¹ Lihat, Seymour, James Madison. 1967. *Education in Sarawak Under Brooke Rule 1841-1941*. M.A Thesis, University of Hawaii, dan, Seymour, James Madison. 1972. *The Rural School and Rural Development Among the Iban of Sarawak, Malaysia*. PhD Thesis University of Stanford.

²² Dibincangkan dalam bab 4.

²³ Zainal Abidin Ahmad. *Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu*. Al-Ikhwan, 16 Jun 1927, hlm. 187, iaitu "Bahawasanya keselamatan orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-perangai yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubati kemiskinannya yang paddy pihak otak itu-yakni kemiskinan pengetahuannya dengan jalan diberi mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka disitulah sahaja boleh didapati jalan keselamatan ini, tiada yang lainnya", dan hlm. 216, iaitu "Pelajaran yang dikatakan cukup itu hendaklah termasuk di dalamnya pelajaran-pelajaran berniaga, berjual beli, pertukaran, membuat barang-barang, bercucuk tanam dan berbagai-bagai perusahaan dan pekerjaan mengeluarkan hasil. Dalam pada itu, tidaklah pula dimaksudkan tiap-tiap seorang termesti belajar dan mengetahui kesemuanya itu".

membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, kajian ini amat relevan dengan situasi dan isu semasa khususnya yang berhubung kait dengan isu kemiskinan yang merajai kehidupan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak.²⁴

Seterusnya, pengamalan amalan, nilai dan sikap tradisional yang negatif sekaligus dipraktikkan secara berterusan dilihat Abang Yusuf Puteh sebagai antara punca kemunduran dan kejumudan minda masyarakat Melayu pesisir untuk melakukan tranformasi. Hal ini lebih membimbangkan apabila amalan positif yang menjadi amalan masyarakat ini sejak dahulu lagi semakin hilang dalam jiwa mereka. Amalan, nilai dan sikap yang memundurkan terus menjadi pegangan masyarakat Melayu pesisir. Terdapat pengkaji yang melakukan kajian terhadap amalan masyarakat Melayu pesisir tetapi tidak secara menyeluruh melainkan menyentuh aspek adat istiadat sahaja. Begitu juga kajian yang dilakukan terhadap amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tetapi hanya membincangkan unsur-unsur khurafat dalam amalan pendukunan masyarakat Islam Sarawak secara keseluruhannya.²⁵

Berdasarkan perbincangan tersebut maka kajian yang mendalam dan meluas terhadap peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak dalam aspek budaya kepimpinan, pendidikan, kemiskinan serta amalan, nilai dan sikap masyarakat ini perlu diberi perhatian sewajarnya dan memerlukan kajian yang berterusan. Sekaligus, peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak dapat diperjelaskan sebagaimana yang dinyatakan dalam penulisannya sebelum ini. Tambahan pula kajian tentang teguran dan kritikan Abang Yusuf Puteh menerusi karya-karyanya (1990-an-2000-an) belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji setakat ini.

²⁴ Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh aspek kepimpinan dan pendidikan secara holistik melainkan hanya beberapa aspek tentang sosial, organisasi ekonomi dan sistem nilai masyarakat Melayu Saribas. Lihat, Zainal Kling. 1973. *The Saribas Malays of Sarawak (Their Social and Economic Organisation and System of Values)*, PhD Thesis, University of Hull.

²⁵ Lihat (sekadar beberapa contoh), Hossain bin Fauzi, *Adat Istiadat Orang Melayu Sarawak: Satu Tinjauan di daerah Saribas*. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Pengajian Bahasa Moden, Universiti Pertanian Malaysia, 1995, dan Ratna binti Amin, *Unsur-unsur Khurafat dalam Amalan Pendukunan di Kalangan Masyarakat Islam Sarawak*, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, Abang Yusuf Puteh telah memainkan peranan penting dengan membawa idea-idea kemajuan dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Melayu Sarawak dalam pelbagai bidang. Ekoran daripada itu, beliau telah bertindak dengan menegur budaya kepimpinan Melayu yang menyebabkan masyarakat Melayu ketinggalan dalam aspek pendidikan, kemunduran dalam bidang ekonomi dan pengekalaman amalan yang mengakibatkan kejumudan minda mereka. Isu-isu berkenaan jelas belum lagi diselesaikan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir dan tidak diberikan perhatian sebagaimana yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh.

Oleh itu, terdapat dua persoalan kajian yang akan dijelaskan berhubung dengan usaha untuk menyelesaikan permasalahan tersebut yang sekali gus dapat menjawab setiap objektif yang dikemukakan. Pertama, apakah peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak sebagaimana yang terpapar dalam karya-karyanya? Peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak dapat diperlihatkan menerusi teguran-teguran yang dikemukakan olehnya terhadap aspek budaya kepimpinan Melayu Sarawak, pengabaian pendidikan masyarakat Melayu pesisir, kemunduran ekonomi masyarakat Melayu pesisir dan kejumudan minda masyarakat Melayu Sarawak yang masih berpegang kepada amalan tradisi yang memundurkan. Idea-idea pembangunan yang dibawanya, iaitu mentransformasi budaya kepimpinan Melayu yang pincang, idea kemajuan untuk meningkatkan tahap pendidikan, usaha untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir dan langkah memartabatkan aspek keagamaan masyarakat Melayu Sarawak. Akhirnya, impak daripada teguran-teguran ini membawa kepada idea-idea pembangunan beliau yang akan beliau usahakan untuk menyumbang ke arah

pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu Sarawak khususnya masyarakat Melayu pesisir dalam pelbagai bidang.

Kedua, apakah usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk merubah masyarakat Melayu Sarawak ke arah lebih baik dalam aspek budaya kepimpinan, pendidikan, ekonomi dan dalam memartabatkan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir? Persoalan ini akan merungkai usaha Abang Yusuf Puteh untuk mentransformasikan budaya kepimpinan Melayu Sarawak, memajukan pendidikan masyarakat Melayu pesisir, meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir dan memartabatkan aspek keagamaan masyarakat Melayu Sarawak. Ringkasnya, perbincangan dalam kajian ini akan memperjelas dan menjawab peranan dan teguran yang diketengahkan oleh Abang Yusuf Puteh sebagaimana yang telah digariskan dalam kedua-dua persoalan kajian tersebut bagi kemajuan masyarakat Melayu Sarawak (1970-2009).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai lima sasaran penting kepada jawapan persoalan yang dikemukakan. Pertama, menghuraikan latar belakang masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini penting untuk diperhalusi terlebih dahulu sebelum meneroka dengan lebih mendalam teguran dan idea kemajuan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak. Pengetahuan mengenai latar belakang masyarakat Melayu pesisir akan dapat meneliti aspek sosioekonomi mereka dengan lebih mendalam.

Kedua, menghuraikan peranan Abang Yusuf Puteh dalam memberikan teguran terhadap kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak. Melalui objektif ini akan menjelaskan teguran Abang Yusuf Puteh terhadap budaya kepimpinan Melayu Sarawak. Teguran dan idea yang dilontarkan beliau akan dapat membetulkan budaya kepimpinan Melayu agar melaksanakan amanah mereka dengan penuh tanggungjawab.

Ketiga, menghuraikan peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pendidikan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Objektif ini akan merungkai tahap pendidikan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak sekali gus memperlihatkan kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memajukan aspek pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Seterusnya, teguran dan idea yang disampaikan beliau akan mampu untuk meningkatkan tahap kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir itu sendiri.

Keempat, mengulas teguran Abang Yusuf Puteh terhadap kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Melalui objektif ini kebenaran teguran Abang Yusuf Puteh terhadap kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak dalam melaksanakan tanggungjawab mereka akan terungkap sepenuhnya. Lanjutan itu, analisis ini juga akan dapat memperlihatkan kegagalan pemimpin-pemimpin Melayu untuk menangani masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir.

Kelima, menganalisis peranan Abang Yusuf Puteh terhadap amalan agama, nilai dan sikap dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Aspek amalan, nilai dan sikap dalam masyarakat Melayu Sarawak berkait rapat juga dengan aspek keagamaan. Oleh yang demikian, objektif ini akan menganalisis teguran Abang Yusuf Puteh terhadap aspek-aspek tersebut selain melontarkan idea-idea bernas untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat ini. Seterusnya, teguran dan idea yang disampaikan beliau akan mampu untuk mengubah corak dan cara berfikir masyarakat ini berhubung amalan, nilai dan sikap mereka. Seterusnya, perkara ini akan membawa kepada pembangunan dari segi minda dalam aspek sosial, ekonomi dan aspek kerohanian agar setanding dengan kaum-kaum lain.

SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas peranan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu pesisir menerusi karya-karyanya seperti *The Malay Mind* (1996) dan *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak* (1996), *The Malay Culture of Sarawak* (1999), dan *Malay Politics & Perabangan* (1999).²⁶ Karya-karya beliau akan dianalisis untuk melihat peranannya terhadap pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Menurut Lee Yong Leng, masyarakat Melayu pesisir merupakan masyarakat bumiputera Melayu yang menetap di kawasan pesisiran pantai Sarawak.²⁷ Kelompok Melayu pesisir dalam kajian ini adalah Melayu pesisir di kawasan Kalaka, Saribas.

Pengkaji juga hanya akan memilih dan mengkaji isu-isu yang berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir Sarawak antara tahun 1970 sehingga 2009 berdasarkan kajian dan pemerhatian Abang Yusuf Puteh sebagaimana yang digarapkan beliau dalam karya-karyanya. Kajian ini meneliti jangka masa atau tempoh yang bermula pada tahun 1970 bertitik tolak daripada faktor kemunduran masyarakat Melayu Sarawak pesisir di Daerah Kalaka yang ketara dalam pelbagai bidang jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain terutamanya masyarakat Cina.²⁸ Kesedaran pendidikan yang perlahan di kawasan-kawasan tersebut telah dilihat oleh Abang Yusuf Puteh sebagai kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu. Tambahan pula, pada masa itu berlakunya ledakan isu politik yang melibatkan kepimpinan Melayu Sarawak terutamanya antara Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak dan Ketua Menteri Sarawak.²⁹ Justeru, faktor-faktor inilah yang mendorong beliau bangkit untuk menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak termasuklah pemimpin pada

²⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, 1996, *The Malay Culture of Sarawak*, 1999, *Malay Politics & Perabangan*, 1999.

²⁷ Lee Yong Leng, *Penduduk dan Penempatan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

²⁸ Lihat, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985.

²⁹ Faisal S Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 2012, hlm. 125. Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak ketika itu ialah Rahman Yaakub (Tun) manakala Ketua Menteri Sarawak pula ialah Taib Mahmud (Tun).

masa berkenaan agar membuat transformasi untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Abang Yusuf Puteh ternyata tidak menunggu lama untuk mendapatkan peluang dalam usaha merealisasikan perjuangannya demi masyarakat Melayu Sarawak. Tahun 1970 juga dipilih memandangkan beliau telah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak selama 15 tahun maka banyak pengalaman yang telah diperoleh dan tindakan yang telah dilakukan beliau dalam usaha untuk membantu masyarakat tersebut sejak memegang jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam negeri tersebut. Selain itu, tindakan beliau dalam usaha untuk membantu sedaya upaya mungkin memajukan masyarakat Melayu pesisir dicatatkan dalam fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970 sehingga 1985. Bahkan, beberapa usaha dan saranan beliau sama ada ketika beliau menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak mahu pun ketika menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN N.26 Kalaka) turut dimuatkan dalam akhbar utama di Sarawak, iaitu *Sarawak Tribune* dalam tempoh tersebut dan *hansard*³⁰ dalam tempoh 1987 sehingga 1991.

Sementara tahun 2009 sebagai penanda akhir ruang lingkup tempoh kajian kerana Abang Yusuf Puteh telah meninggal dunia pada 9 November 2009 pada usia 74 tahun. Beliau tetap diingati sebagai intelektual Melayu yang berani dalam menyuarakan pandangan dan menghasilkan buah fikiran yang lumayan untuk masyarakat terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Keberanian beliau semasa hayatnya tidak dapat dilupakan terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir Sarawak.³¹ Kelopak usaha beliau terus diingati di sepanjang zaman dalam buku-buku penulिसannya yang pasti akan menjadi rujukan generasi yang akan datang. Beliau terus bergiat aktif dalam

³⁰ Merupakan Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri.

³¹ Beberapa sesi temubual telah dilakukan oleh pengkaji terhadap dua generasi yang berbeza, iaitu generasi pada zaman Abang Yusuf Puteh dan generasi kedua selepas beliau. Hasil temubual mendapati beliau merupakan tokoh yang banyak berjaya dalam aspek politik, sosial, ekonomi dan aspek keagamaan masyarakatnya. Jasa-jasa beliau dalam membangunkan modal insan terutamanya masyarakat Melayu Pesisir terus diingati sehingga sekarang. Temubual dijalankan pada tarikh 21 Disember 2013, 9 Januari 2014, 2 September 2015, 20 September 2015 (sebanyak 3 temubual), 21 September 2015 dan melalui mesej menggunakan aplikasi *Facebook* terhadap informan yang jauh.

penulisan dalam usaha untuk menyampaikan idea dan kritikan terhadap kerajaan negeri dan kepimpinan Melayu di Sarawak untuk memberikan perhatian kepada masyarakat Melayu pesisir melalui mata pena sehingga akhir hayatnya.

Subjek utama yang menjadi fokus kajian ialah peranan Abang Yusuf Puteh dengan berlandaskan karya-karya yang telah dinyatakan sebelum ini. Justeru, subjek-subjek yang memerlukan penelitian dan penjelasan kajian, ialah isu kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak, kemunduran aspek pendidikan, kemiskinan masyarakat Melayu pesisir serta amalan agama, nilai dan sikap yang negatif masyarakat Melayu Sarawak. Subjek-subjek yang diteliti berdasarkan karya-karya beliau berfokuskan masyarakat di kawasan pedalaman atau pesisir kerana kehidupan mereka terus dihimpit kemiskinan dan jauh daripada pembangunan serta taraf pendidikan yang sangat rendah. Keadaan ini dialami oleh masyarakat di kawasan ini sejak ketika berada di bawah cengkaman penjajah Brooke, 1841-1941 dan zaman koloni British, 1946-1963 sehinggalah bebas daripada penjajahan. Selain itu, penafian terhadap hak masyarakat Melayu Sarawak dalam pendidikan yang lebih banyak dimanfaatkan oleh golongan elit, orang British dan orang Cina sama ada pada zaman regim Brooke mahupun zaman koloni British turut diberikan perhatian.³² Seterusnya, peminggiran dan diskriminasi dalam bidang pekerjaan antara British dan masyarakat Melayu Sarawak yang menyumbang kepada kemiskinan turut juga diteliti.

³² Walaupun perjuangannya lebih menjurus kepada masa depan dan pembangunan orang-orang Melayu namun beliau bukanlah seorang yang ekstremis agama mahupun perkauman. Hal ini sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahmad Viya dalam blognya, <http://sejarahmelayusarawak.blogspot.ae/2015/03abang-yusuf-puteh.html?m=1>, iaitu "*Abang Yusuf was a strong proponent of indigenous self-reliance and unity and opposed religious and racial extremism*". Hal ini selari dengan pandangan isteri beliau, iaitu Datuk Rogayah Abdul Majid yang menyebut bahawa Abang Yusuf Puteh beliau berjuang untuk masyarakat Melayu tetapi tidak pula mengabaikan kaum-kaum lain dan beliau bukanlah "ultra Malay". Manakala Wawancara bersama Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai pula mengatakan, Abang Yusuf Puteh seorang pejuang Melayu Sarawak yang sejati dan jiwanya adalah Melayu. Ketika dalam perkhidmatan awam beliau seorang yang sangat tegas dan berlaku adil kepada semua kakitangan. Hal ini menjelaskan bahawa Abang Yusuf Puteh bukanlah bersifat ekstremis kepada mana-mana kaum ataupun agama tetapi beliau berusaha untuk mendapatkan hak dan keadilan bagi pihak-pihak yang tertentu.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat mengetengahkan peranan Abang Yusuf Puteh kepada orang Melayu di Sarawak khasnya dalam menyumbangkan pemikiran yang terpancar melalui idea-idea atau buah fikiran berdasarkan karya-karyanya. Menerusi karya-karyanya, beliau menyuarakan pelbagai teguran dinamik dan membina demi kemajuan masyarakat Melayu Sarawak yang jauh ketinggalan terutamanya dalam aspek ekonomi dan sosial pada ketika itu dan relevan sehingga ke hari ini.

Selain itu, dapat memaparkan kepentingan dan memanfaatkan sumbangan pemikiran beliau yang bertitik tolak daripada kegigihannya untuk mengubah pegangan dan minda masyarakat supaya berusaha untuk mencapai kemajuan. Di samping itu, dapat memahami isu dan permasalahan yang melingkari masyarakat Melayu di Sarawak secara menyeluruh dan berkesan. Dengan itu, tindakan yang lebih lanjut dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berwajib supaya tidak berlakunya peminggiran masyarakat dan tidak wujudnya unsur penindasan terhadap mereka. Lanjutan itu, pemantauan dapat dilakukan secara berterusan supaya mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya dalam aspek pembangunan dan berupaya untuk bersaing dengan kemajuan di kawasan yang lain.

Seterusnya, kajian ini diharap dapat menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak agar melakukan transformasi untuk mencapai kemajuan pada hari ini. Kajian ini akan memperincikan unsur budaya negatif yang bertapak kukuh dalam minda orang Melayu Sarawak dan suasana masyarakatnya seperti yang diujahkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam *The Malay Mind*, iaitu “kita tidak akan berfikir secara positif tanpa memahami unsur-unsur negatif dalam minda orang Melayu melalui cara positif”. Pandangan dan hujah beliau ini sekaligus menunjukkan ketegasan dan keberaniannya dalam mengkritik amalan agama, nilai dan sikap masyarakat Melayu Sarawak khususnya yang berunsur

negatif dengan aspirasi murni untuk melihat masyarakat ini berubah dan maju dalam pelbagai bidang.

Kajian ini turut menonjolkan keperluan anak jati Melayu Sarawak sama ada pemimpin atau bukan pemimpin (golongan intelek) dalam memikul tanggungjawab dan memainkan peranan dalam mempamerkan corak kepimpinan dan usaha memajukan pendidikan masyarakat. Misalnya, M.C Roff dalam *Politic of Belonging*,³³ menyatakan bahawa penubuhan Parti Negara Sarawak (PANAS) pada 9 April 1960 oleh Datu Bandar Abang Mustapha disebabkan atas desakan untuk membela kedudukan dan memajukan pelajaran orang Melayu Sarawak. Perkara ini bertepatan dengan penegasan Abang Yusuf Puteh mengenai kepentingan corak kepimpinan dan pendidikan dalam usaha membawa perubahan positif kepada orang Melayu Sarawak.

KAJIAN LITERATUR

Kajian bermula daripada beberapa subtema-subtema hasil penulisan yang mencakup tema yang tertumpu kepada asal usul orang Melayu, budaya kepimpinan Melayu Sarawak, aspek sosioekonomi dan aspek keagamaan mereka.

Penulisan mengenai leluhur orang Melayu dapat ditelusuri dalam tulisan, Tweedie dalam *Prehistoric Malaya*.³⁴ Kajiannya membuktikan penduduk di Alam Melayu mempunyai peranan yang sangat penting dalam menyebarkan ketamadunan di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan bahawa penempatan di Alam Melayu telah lama wujud melalui fasa-fasa zaman pra sejarah. Seterusnya, kajian Wan Hashim bin Wan Teh dalam *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud Di Malaysia Sejak Ribuan Tahun* yang lalu turut berpegang kepada fakta bahawa di Alam Melayu telah wujud banyak kerajaan

³³ Buku ini diterbitkan oleh Oxford University Press, London, 1974.

³⁴ M.W.F. Tweedie, *Prehistoric Malaya*, Singapore: Eastern University, 1957.

besar dan kerajaan kecil. Sebelum Islam disebarkan di Alam Melayu sebahagian kerajaan ini menjadi pusat pengajian agama-agama awal seperti Hindu dan Buddha.³⁵

Seterusnya, kajian berkaitan leluhur Melayu di Alam Melayu dapat dilihat melalui kajian Stephen Oppenheimer pada tahun 1998, iaitu *Eden in the East: The Drowned Continent of Southeast Asia* yang berpandangan bahawa orang Melayu adalah penduduk asal di Alam Melayu dan bukannya masyarakat yang berhijrah dari Tanah Besar ke kepulauan Melayu. Penghijrahan bangsa Melayu berlaku akibat daripada banjir besar yang melanda Asia Tenggara sehingga tenggelam pada penghujung zaman ais. Kesannya, rumpun-rumpun Melayu telah bertebaran ke serata tempat di dunia Melayu. Hal ini membuktikan bahawa Pentas Sunda (*Sundaland*) merupakan leluhur orang Melayu dan bukannya berasal dari Tanah Besar seperti China dan Indochina. Seterusnya, Zafarina Zainudin turut mengukuhkan pandangan Oppenheimer bahawa penemuan melalui mtDNA (*Mitochondrial DNA*) bukan sahaja menjelaskan malah membenarkan teori manusia terawal berasal dari Pentas Sunda (*Sundaland*) dan kemudiannya melakukan penghijrahan ke kawasan-kawasan lain di dunia.³⁶ Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh secara khusus asal-usul orang Melayu di Sarawak dan ianya hanya bersifat khusus tentang leluhur orang Melayu secara umum selain untuk membuktikan kewujudan bangsa Melayu merupakan leluhur dari Pentas Sunda dan bukan sebaliknya.

Sementara itu, penulisan berkaitan leluhur orang Melayu Sarawak pula dapat diteliti berdasarkan kajian Hugh Low seawal 1848. Beliau mengatakan bahawa orang Melayu Sarawak telah bercampur baur daripada beberapa buah kerajaan seperti Johor dan Melaka dengan orang Jawa yang telah menguasai wilayah barat dan selatan. Mereka

³⁵ Wan Hashim Bin Wan Teh, *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud di Malaysia Sejak Ribuan Tahun yang Lalu*, Bangi, Selangor: IBKMM, 1986.

³⁶ Rujuk kertas kerja Prof Dr Zafarina Zainudin, iaitu „Malay Archipelago: The Origin of Malays“. dlm Konvensyen Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia pada 20 Januari 2012, Kuala Lumpur. Lihat juga beberapa kajian yang lain seperti Muklis Paeni dalam kertas kerja yang bertajuk “Penerimaan Anjakan Paradigma Asal Usul Bangsa Melayu melalui Kajian Genom Manusia di Nusantara”. Lihat juga, Zafarina Zainudin, Nur Haslindawaty Abd Rashid, Norazmi Mohd Nor & S. Panneerchelvam, „Malay Archipelago: The Origin of Malays“. dlm. Konvensyen Asal-usul Melayu: Induknya di Alam Melayu. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 24 Disember 2015.

digelar mengikut kawasan atau wilayah masing-masing tetapi menjadi satu kebiasaan masyarakat ketika itu digelar sebagai orang Melayu. Malah diyakini bahawa orang Melayu Sarawak berasal daripada Melayu Sumatera.³⁷ Beccari dalam bukunya³⁸ turut menyentuh serba sedikit asal usul orang Melayu Sarawak. Becarri turut mengatakan bahawa orang Melayu Borneo seperti juga penduduk Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini bertitik tolak daripada setiap orang Melayu Sarawak yang mengaku diri mereka Melayu adalah beragama Islam dan bercakap menggunakan bahasa Melayu. Ketua-ketua orang Islam, iaitu orang Melayu di Sarawak terdiri daripada kalangan mereka yang berketurunan Arab. Dalam masa yang sama Beccari menegaskan bahawa beliau bersetuju dengan pandangan Hugh Low yang mengatakan bahawa orang Melayu Sarawak termasuk bahagian-bahagian lain di Borneo adalah berasal dari Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu, beliau meyakini bahawa orang Melayu Sarawak adalah berasal dari etnik yang pelbagai hasil daripada asimilasi kaum-kaum di Sarawak.

Seterusnya, melalui penulisan Mohammad Tahir yang telah ditransliterasi dalam Hikayat Datuk Merpati pada tahun 1989 memberikan pelbagai pandangan tentang asal usul masyarakat Melayu di Sarawak. Melalui penulisannya dapat menelusuri leluhur Melayu Sarawak yang menyebut tentang nenek moyang orang Melayu Sarawak. Menerusi Hikayat Datuk Merpati dikatakan Datuk Merpati telah dibuang negeri oleh Ratu Jawa sehingga terdampar di Johor dan akhirnya dikahwinkan dengan Permaisuri, iaitu Puteri kepada Raja Jarum pemerintah Kerajaan Johor. Ketika Datuk Merpati dan Permaisuri berbulan madu kedua-duanya telah dipukul ribut dan akhirnya terdampar bersama-sama pengikut-pengikutnya di sebuah tempat dinamakan Tanjung (Tanjung Datu) di hujung Sarawak, iaitu antara Kalimantan dan Sarawak. Seterusnya, kajian G. Robert menerusi artikel yang berjudul Datu Merpati (A Sadong Version) dan Mohd

³⁷ Low, H., *Sarawak: Its Inhabitants and Productions*, London: Franks Cass & Co. Ltd, 1848, hlm. 93-97.

³⁸ Lihat, Beccari, O., *Wandering in The Great Forests of Borneo: Travels and Research of a Naturalist in Sarawak*, London: Archibald Constable & Co. Ltd, 1904, hlm. 19-22.

Yusuf Shibli (1950) *The Descent of Some Kuching Malay*.³⁹ Kedua-duanya mempunyai persamaan menerusi cerita orang Melayu dan Dayak tentang asal usul orang Melayu di Sarawak. Datu Merpati yang dilahirkan di Santubong merupakan anak kepada pemerintah Minangkabau atau Jawa yang telah berkahwin dengan wanita tempatan. Dua orang anaknya menjadi Datu Pertama di Sarawak. Keturunan mereka akhirnya menjadi golongan elit di Kuching. Walau bagaimanapun, penulisan tentang leluhur masyarakat Melayu Sarawak kebanyakannya hanya berkisar tentang leluhur masyarakat Melayu di bahagian Kuching sahaja dan tidak menyebut tentang leluhur orang Melayu di Saribas (termasuklah daerah Kalaka)

Kajian berkenaan masyarakat Melayu Saribas dapat diteliti menerusi penulisan A.J.N Richards, iaitu *The Descent of Some Saribas Malays*,⁴⁰ Benedict Sandin, *Descent of Some Saribas Malays (and Ibans) II*,⁴¹ dan *Origin of the Saribas Malays*,⁴² yang mengemukakan asal usul masyarakat Melayu di daerah Saribas, Sarawak. Bermula dengan kedatangan golongan bangsawan dari Minangkabau yang bernama Abang Gudam ke Saribas. Ketika menjejakkan kaki di lembah tersebut, beliau mendapati telah wujudnya pemerintahan Melayu yang diketuai oleh seorang yang bergelar Temenggung di situ, iaitu Temenggung Kadir yang kebetulan berada dalam kesedihan dan kedukaan kerana mengenangkan anak perempuannya yang dijadikan sebagai gundik Sultan Brunei. Zainal Kling pula lebih memberikan fokus terhadap struktur sosial ekonomi masyarakat Melayu Saribas yang turut menyentuh sedikit sebanyak leluhur masyarakat Melayu di daerah Saribas.⁴³ Namun penulisan beliau berkenaan aspek tersebut hanya berbentuk umum sahaja. Kajian dan penulisan-penulisan ini sekaligus memberikan

³⁹ Lihat, *Sarawak Museum Journal* 5/2 September, (1950).

⁴⁰ *Sarawak Museum Journal*, XI (21), (1963)

⁴¹ *Sarawak Museum Journal*, XI (23-24), (1964)

⁴² *Sarawak Museum Journal* XVIII, 34-35, (1969)

⁴³ Zainal Kling, *The Saribas Malays of Sarawak (Their Social and Economic Organisation and System of Values)*. PhD Thesis, University of Hull, 1973.

maklumat yang berguna dalam usaha menambah baik kajian ini khususnya tentang leluhur orang Melayu Sarawak.⁴⁴

Seterusnya, kajian yang bertemakan mengenai kegiatan kepolitikan Melayu Sarawak dapat ditelusuri dalam tulisan Sanib Sanib Said melalui kajiannya, iaitu *Malay Politic in Sarawak: The Search for Unity Political Ascendancy*. Kajian ini turut memberikan gambaran tentang situasi politik orang Melayu yang semakin terhapus akibat penyerahan Sarawak yang membawa kepada penjajahan mutlak koloni British pada tahun 1945. Orang Melayu Sarawak telah mula menampakkan kemerosotan yang amat ketara dalam aspek politik setelah kuasa pemerintahan bertukar tampuk pentadbiran, iaitu daripada Brooke kepada pihak British.⁴⁵ Selain itu, Sanib Said turut memuatkan kajiannya yang bertajuk *Melayu di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu pada tahun 1989*. Dalam penulisannya Sanib lebih menumpukan kekuasaan politik orang Melayu Sarawak yang sememangnya telah menampakkan kejatuhannya ketika di bawah pentadbiran Brooke lagi. Hal ini diperlihatkan menerusi kekuasaan kepimpinan Melayu di Sarawak yang semakin terhakis terutamanya ketika di bawah pemerintahan Raja Putih Ketiga, iaitu Charles Vyner Brooke dengan penubuhan *Committee of Administration*.⁴⁶

⁴⁴ Beberapa pandangan dan pendapat berkaitan asal-usul Melayu Sarawak boleh juga merujuk kepada tulisan dan kajian berikut, iaitu G. Robert, „Datu Merpati (A Sadong Version)“, *Sarawak Museum Journal* 5/2 September, 1950, hlm.265 dan Mohd Yusuf Shibli, „The Descent of Some Kuching Malay“, 1950, hlm. 262-264. Hedda Morrison, *Sarawak*, London: MacGibbon & Kee, 1957, hlm. 127-128. Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*. U.S.T Cooperative, 1960, Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm. 5, Hugh Low, *Its Inhabitants and Productions*, London: Frank Cass & Co Ltd, 1968, hlm. 93-122, Tom Harrison, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia: a Socio Ecological Survey*, 1970, Abang Abdul Rahman Zohari. Pembentukan Melayu Baru Sarawak Menjelang Abad Ke 21: Potensi, Cabaran dan Harapan, dlm *Seminar Budaya Melayu Sarawak II*, 28 Jun 1993, hlm. 2. Seterusnya, terdapat beberapa kajian lain yang turut menyentuh pelbagai aspek lain dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak, antaranya, Noakes, *Malays of Sarawak, Awaken! A Plan for The Reconstruction of Malay Economy and Culture* (1954), Mohd Murtaadza Hj Daud, *Kepercayaan Karut di Kalangan Orang Melayu dan Tafsiran dari Segi Agama dan Masyarakat* (1966), Page, *Some Malay Customs and Ceremonies* (1968), Zainal Kling, *The Saribas Malays of Sarawak (Their Social and Economic Organisation and System of Values)* (1973), Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy* (1985), C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970* (1987), Hossain bin Fauzi, *Adat Istiadat Orang Melayu Sarawak: Satu Tinjauan di Daerah Saribas* (1995), Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak* (1996), *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak* (1996), Ishikawa, *Between Frontier: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s* (1998), Awang Hasmadi Awang Mois, *Adat Melayu Sarawak* (1998), Abang Yusuf Puteh, *The Profile Malay of Sarawak* (2005), dan Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963* (2013). Kebanyakan penulisan di atas mewakili disiplin ilmu dalam bidang antropologi dan sejarah, iaitu mengenai masyarakat Melayu namun pada masa yang sama dapat memberikan penjelasan dan perbincangan kepada asal usul masyarakat Melayu di Sarawak sebagai bab pengenalan kajian ini.

⁴⁵ Sanib, *Malay Politic In Sarawak: The Search for Unity Political Ascendancy*, 1985.

⁴⁶ Lihat, Sanib, „Melayu di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu“, hlm. 87-101.

Seterusnya, Sabihah Osman menerusi buah fikiran yang dimuatkannya dalam *Melayu Muslim Political Participation in Sarawak, 1952-1987* mengatakan bahawa penyertaan politik masyarakat Melayu Sarawak telah menunjukkan bahawa mereka bergiat aktif dalam kegiatan kepolitikan sejak zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei lagi. Kepimpinan Melayu diberi peluang dalam bidang pentadbiran ketika zaman Brooke, Jepun dan British. Para penjajah masih memberikan kepercayaan kepada masyarakat Melayu dalam bidang pentadbiran.⁴⁷ Walau bagaimanapun, aspek pentadbiran hanya untuk golongan elit Melayu sahaja dan bukannya untuk golongan marhaen. Dalam penulisan lain Sabihah Osman yang bertajuk *Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19* pula, beliau mengupas tentang kehilangan kuasa dan kedudukan kepimpinan Melayu Sarawak yang semakin berkurangan setelah berlakunya pertukaran tampuk kekuasaan di Sarawak. Beliau turut membincangkan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak gagal memainkan peranan untuk memajukan masyarakat Melayu walaupun segelintir mereka mempunyai kedudukan dalam pentadbiran. Perkara yang lebih malang lagi apabila pemimpin Melayu hanya berkuasa dalam aspek agama dan adat sahaja.⁴⁸

Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Dayang Nuralam, Ikhwan Zaini: *Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politik* hanya menumpukan kepada perjuangan dan kegiatan kepolitikan tokoh yang dikaji tanpa mengaitkan dengan bidang sosioekonomi masyarakat Melayu Sarawak termasuk aspek budayanya.⁴⁹ Kajian lanjut turut dilakukan oleh Dayang Nuralam terhadap peranan penting Ikhwan Zaini dalam usaha untuk membentuk perpaduan dalam masyarakat menerusi politik.⁵⁰ Kajian ini turut menyentuh peranan Ikhwan Zaini sebagai tokoh politik yang memainkan peranan

⁴⁷ Sabihah Osman, *Malay-Muslim Political Participation in Sarawak, 1952-1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987.

⁴⁸ Lihat, Sabihah Osman, *Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19*, dlm Rahmat Saripan, Mohd Kamaruzaman, Nik Hassan Shuhaimi, Saliha Hassan & Abd Murat, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 132-184.

⁴⁹ Dayang Nuralam binti Awang Raini, *Ikhwan Zaini : Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politik*, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1996/1997.

⁵⁰ Dayang Nuralam binti Awang Raini, *Ikhwan Zaini : Pejuang Perpaduan*, Kuching: Persatuan Sejarah Cawangan Sarawak, 2001.

dalam aspek perpaduan masyarakat namun tidak secara menyeluruh. Aspek-aspek penting dalam pembangunan masyarakat seperti ekonomi, sosial dan keagamaan tidak terangkum dalam kajian ini.

Manakala Nordi Achie dalam kajiannya di peringkat kedoktoran, iaitu *Pemikiran Politik Intelektual Melayu di Sarawak: Kajian Berdasarkan Utusan Sarawak, 1951-1959* turut memaparkan pemikiran politik sezaman yang turut berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak ketika itu.⁵¹ Kegiatan kepolitikan golongan intelektual Melayu di Sarawak ini jelas memberikan panduan kepada kajian mengenai peranan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu. Hal ini memandangkan pemikiran kepolitikan golongan intelektual Melayu dalam kajian Nordi turut menyentuh aspek kepentingan masyarakat Melayu di Sarawak. Kajian ini mempunyai kekuatan dalam menyediakan garis panduan yang agak jelas dalam menganalisis teguran-teguran Abang Yusuf Puteh terhadap aspek budaya kepimpinan Melayu Sarawak dalam konteks pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak secara khusus. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya lebih memfokuskan pemikiran politik golongan intelektual terhadap pergolakan politik yang berlaku di Sarawak dan Tanah Melayu serta kritikan terhadap sistem politik yang membawa kepada unsur-unsur negatif seperti sekularisme, komunisme, kolonialisme, cauvanisme dan apartheid sahaja. Ini bermakna kajian yang dilakukan oleh Nordi Achie langsung tidak menyentuh atau menelusuri kritikan golongan intelektual ini terhadap budaya kepimpinan negeri.

Selain itu, terdapat kajian Nordi Achie yang lain menyentuh aspek politik kepimpinan, iaitu kepentingan peranan kepimpinan dalam membangunkan masyarakatnya. Kajian ini dituangkan dalam *Pemikiran Ahmad Syawal Abdul Hamid Terhadap Kepimpinan dan Kemajuan Melayu dengan Rujukan Kepada Hikayat Panglima Nikosa, 1876*. Menerusi kajian ini Nordi cuba untuk mengangkat kritikan

⁵¹ Nordi Achie, *Pemikiran Politik Intelektual Melayu di Sarawak: Kajian Berdasarkan Utusan Sarawak, 1951-1959*, Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.

Ahmad Syawal kepada kepimpinan yang tidak berusaha untuk membangunkan masyarakat Melayu di Sarawak dari aspek ekonomi. Dalam masa yang sama Ahmad Syawal turut mengemukakan cadangan yang boleh digunakan oleh masyarakat Melayu terutamanya dalam usaha untuk memajukan lagi aspek pertanian mereka. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan masih tidak mencukupi dalam menjelaskan situasi masyarakat Melayu memandangkan aspek sosial yang berkaitan masyarakat Melayu Sarawak masih lagi dikesampingkan.

Sementara itu, Jeniri Amir selaku penganalisis politik yang prolifik telah membedah situasi politik di Sarawak melalui himpunan ideanya dalam *Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis*.⁵² Dalam penulisan mutakhir ini, beliau mengutarakan agak meluas tentang kepimpinan di Sarawak walaupun secara umum sama ada kepimpinan di pihak pembangkang mahupun pemimpin pemerintah. Hal ini sudah pasti merujuk kepada tanggungjawab dan janji yang perlu ditunaikan kepada rakyat. Kupasan dalam tulisan beliau ternyata lebih tertumpu kepada tanggungjawab golongan pemimpin di Sarawak terhadap golongan yang dipimpin. Walaupun Jeniri Amir berusaha untuk mengupas kepimpinan pemimpin Sarawak yang menjadi fokus beliau namun tidak menyentuh secara khusus dan teliti tentang peranan kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya Melayu di kawasan pesisir. Penulisannya lebih memberikan keutamaan terhadap kegiatan kepolitikan negeri Sarawak secara khusus oleh golongan pemimpin negeri berbanding penumpuan kepada aspek sosiobudaya masyarakat Melayu. Adapun, beberapa perbincangan menyentuh tentang kepentingan rakyat yang perlu diberikan perhatian oleh kepimpinan negeri namun masih banyak kepincangan yang meletakkan penulisan ini masih mempunyai banyak kelemahannya.

⁵² Jeniri Amir, *Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis*, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.

Hashim Fauzy Yaacob pula dalam penulisan mutakhirnya yang bertajuk *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British, 1945-1963* turut membincangkan kemerosotan kedudukan kepimpinan Melayu sehingga membawa kesan kepada aspek sosial dan ekonomi Melayu Sarawak.⁵³ Kelemahan kepimpinan Melayu Sarawak mengakibatkan masyarakat Melayu mengalami pengabaian yang amat ketara berbanding dengan masyarakat Cina. Golongan pemimpin Melayu Sarawak tidak mempunyai usaha yang gigih untuk membangunkan masyarakat mereka sendiri. Akibatnya, masyarakat Melayu tidak mengalami sebarang perubahan yang positif malah bertambah tertekan dengan perubahan sistem ekonomi ketika itu yang bersifat pasaran terbuka (*laissez-faire*) yang kebanyakannya dikuasai oleh kaum Cina dengan mendapat keistimewaan daripada pemerintah. Sememangnya diakui bahawa penulisan Hashim Fauzy turut menyentuh aspek asal usul Melayu, ekonomi, sosial dan kepolitikan Melayu namun ianya tidak dikupas secara mendasar. Hal ini memandangkan asal usul Melayu Sarawak hanya dijelaskan sepintas lalu sahaja, begitu juga aspek ekonomi, sosial dan kepimpinan Melayu Sarawak. Selain itu, skop ruang dan masa yang berbeza, iaitu kedudukan masyarakat Melayu Sarawak ketika pentadbiran British sedangkan kajian bermula pada tahun 1970 sehingga 2009. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dikemukakan oleh beliau telah memberikan sumbangan dalam usaha untuk menganalisis peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu di Sarawak.

Selain itu, Faisal Syam Hazis dan Stanley Bye Kadam-Kai turut memberikan sumbangan kepada penulisan tentang aspek kepolitikan negeri Sarawak.⁵⁴ Isu-isu politik negeri mendapat tempat dalam karya ini. Penulisan ini dapat mencitrakan kejujuran menerusi penyampaian idea-idea berkaitan suasana politik negeri Sarawak dewasa itu. Penulisan ini terlalu memfokus kepada aspek politik atau kepimpinan, iaitu lebih terarah

⁵³ Hashim Fauzy, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*.

⁵⁴ Faisal Syam Hazis & Stanley Bye Kadam-Kai (ed), *Politics and Local Government in Sarawak*, Kuching: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.

kepada aspek politik pembangunan pemimpin-pemimpin di Sarawak semata-mata secara khusus malah tidak menyentuh perihal masyarakat Melayu secara terperinci dan lebih lanjut.

Kebanyakan tulisan yang dipaparkan telah mengupas mengenai peranan pemimpin Melayu Sarawak secara langsung mahupun tidak langsung. Secara keseluruhannya, tulisan-tulisan ini masih bersifat umum walaupun membincangkan peranan tokoh-tokoh tertentu. Kupasan terhadap peranan tokoh ini masih terbatas dan tidak menyeluruh serta hanya lebih cenderung kepada isu-isu tertentu dalam masyarakat Melayu semata-mata. Isu yang sering kali dilontarkan menjurus kepada penulisan-penulisan mengenai peranan seseorang tokoh dalam aspek politik tanpa mengaitkan peranan penting yang dimainkan mereka ke arah memajukan masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir Sarawak. Walau bagaimanapun, tulisan-tulisan sebagaimana yang dinyatakan di atas boleh dijadikan panduan kepada kajian ini dalam mengupas peranan dan sumbangan seseorang tokoh kepada masyarakatnya.

Secara umum, kebanyakan kajian tidak mengupas peranan tokoh dari aspek sosial masyarakat Melayu Sarawak secara mendasar. Perkara yang lebih membimbangkan apabila ada penulis yang hanya mengepilkan beberapa kekuatan semata-mata tanpa melihat kelemahan-kelemahan dalam aspek sosial yang seharusnya perlu dibincangkan. Situasi ini seolah-olah menunjukkan bahawa usaha untuk membangunkan masyarakat Melayu Sarawak tidak diberi perhatian sewajarnya.

Seterusnya, terdapat beberapa penulisan yang mengupas dengan mendasar aspek sosio ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Hal ini dapat diperlihatkan melalui kajian Zainal Kling pada tahun 1973. Kajian ini merupakan antara kajian terawal yang memberikan fokus kepada sosioekonomi masyarakat Melayu pesisir, iaitu orang Melayu Saribas. Kajian beliau lebih memberikan fokus kepada aspek ekonomi dan sosial

masyarakat Melayu pesisir tetapi mengabaikan aspek peranan kepimpinan.⁵⁵ Hal ini seolah-olah menunjukkan aspek kepimpinan Melayu tidak penting kepada perubahan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, penulisan ini telah memberikan input kepada kajian ini, iaitu memberikan fokus kepada masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Walaupun fokus kajian yang dilakukan oleh Zainal Kling berbeza, iaitu menggunakan pendekatan sosiologi tetapi kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kerana merujuk kepada subjek kajian yang sama walaupun kawasan yang berbeza dengan kajian ini.

Seterusnya, aspek sosial masyarakat Melayu Sarawak pernah dibincangkan oleh Nordi dalam penulisannya, iaitu *Pemikiran Rakawi Yusuf dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak, 1932*.⁵⁶ Penulisan ini memperjelas bahawa terdapat amalan budaya masyarakat Melayu yang menyuburkan keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Hal ini dibuktikan dengan pengamalan budaya seperti bergendang dan bermukun yang membuka ruang kepada pergaulan antara lelaki dan perempuan sehingga boleh menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang aspek budaya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dalam penulisan ini hanya menyentuh amalan bergendang sahaja dan tidak melihat budaya-budaya lain secara menyeluruh. Hal ini memandangkan banyak aspek dalam sosio budaya yang ditegur oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya yang membawa kepada beberapa kelemahan aspek sosial, ekonomi dan keagamaan mereka.

Abdul Razak Abdul Kadir menerusi kajiannya dalam *Dato Sri Anis bin Abot: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak* telah memulakan penulisannya dengan memberikan paparan tentang peranan tokoh tersebut seperti latar

⁵⁵ Rujuk, Zainal Kling, *The Saribas Malays of Sarawak (Their Social and Economic Organisation and System of Values)*, Tesis Ph.D, University of Hull, 1973.

⁵⁶ Nordi Achie, *Pemikiran Rakawi Yusuf dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak, 1932*, dlm *Sejarah*, No.7, 1999.

belakang keluarga, pendidikan dan pengalamannya.⁵⁷ Kajiannya yang berkaitan aspek pemikiran Dato Sri Anis bin Abot ternyata jelas memaparkan sumbangan pemikiran tokoh tersebut dalam mengembangkan syiar Islam dan peribadi Islam di Sarawak. Bahkan, melalui pemikirannya maka tertegaknya aspek pembangunan agama, ekonomi Islam dan keilmuan Islam kepada masyarakat setempat serta masyarakat Melayu di Negeri Sarawak. Walaupun penulisan Abdul Razak cuba untuk mengangkat sumbangan tokoh tersebut kepada masyarakat Islam namun tulisan ini masih mengabaikan sumbangan tokoh tersebut dalam aspek politik dan ekonomi secara holistik. Ini bermakna kajian berkenaan kepentingan budaya kepimpinan Melayu Sarawak dan aspek ekonomi mereka masih belum diteroka dan diketengahkan sepenuhnya. Sedangkan aspek kepimpinan memainkan peranan penting dalam mengubah stigma masyarakat Melayu Sarawak yang masih berpegang kepada budaya negatif yang membantutkan perkembangan politik, ekonomi dan sosial mereka.

Kedapatan juga tulisan yang menyentuh tentang peranan tokoh terhadap aspek sosial masyarakat Melayu menerusi kajian Adnan Haji Nawang di peringkat kedoktoran beliau, iaitu *Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu*. Beliau telah menggarap pemikiran Za'ba dalam penulisannya dan sumber-sumber bertulisnya yang berjuang untuk menghapuskan kemiskinan orang Melayu di Malaya (Semenanjung Malaysia) agar dapat bergerak bersama-sama dalam arus kemajuan. Hasil dapatan kajian ini mendapati kemunduran orang Melayu disebabkan pembudayaan ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam selain kelemahan para pemimpin yang menjadi boneka kepada British. Akibatnya, orang Melayu mundur dalam bidang ekonomi, pendidikan dan politik Muslim di Tanah Melayu. Oleh itu, Za'ba telah menyeru agar orang Melayu Semenanjung kembali kepada ajaran Islam.⁵⁸ Kajian tentang pemikiran

⁵⁷ Abdul Razak Abdul Kadir, *Dato Sri Anis bin Abot: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak, 2007.

⁵⁸ Lihat, Adnan Haji Nawang, *Pemikiran Za'ba Terhadap Kemajuan Masyarakat Melayu*, Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1986.

Za“ba ini hanya menjurus kepada masyarakat Melayu di semenanjung sedangkan kajian ini pula akan meneliti aspek peranan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu Sarawak.⁵⁹ Walau bagaimanapun, penulisan Adnan Haji Nawang sangat penting sebagai landasan kepada kajian ini memandangkan fokus kepada idea-idea yang sama dan hanya dibezakan dengan ruang dan masa sahaja.

Seterusnya, penulisan yang menyentuh perihal sosio dan budaya masyarakat Melayu di Sarawak sama ada pengkaji tempatan atau luar negara dapat dilihat menerusi Margaret Brooke,⁶⁰ Tom Harisson,⁶¹ Noboru Ishikawa,⁶² Awang Hasmadi Awang Mois,⁶³ dan Nordi Achie.⁶⁴ Walau bagaimanapun, tidak ada satu pun yang memberikan penjelasan mengenai sebab masyarakat Melayu Sarawak masih mengamalkan budaya negatif sejak turun temurun yang hanya mendatangkan kemunduran kepada mereka. Hal ini dapat disaksikan dengan situasi masyarakat Melayu di kawasan pesisir yang tidak mengalami transformasi sejajar dengan perkembangan semasa pada masa itu. Oleh sebab minat pengkaji-pengkaji yang terdahulu terhadap pensejarahan Sarawak lebih banyak terarah kepada perkembangan politik Sarawak, maka hal ini menjadi alasan nyata perbincangan aspek budaya masyarakat Melayu tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Hal ini membuktikan bahawa pengkaji-pengkaji sejarah Sarawak kurang mengambil berat terhadap kepentingan mengetengahkan aspek budaya masyarakat Melayu secara holistik kerana aspek ini tidak dilihat memberikan impak yang besar kepada kemajuan masyarakat berbanding aspek politik dan ekonomi sehingga mengabaikan kepentingan aspek ini untuk dibincangkan dengan lebih ilmiah.

⁶⁰ M. Brooke, *My Life in Sarawak*, United Kingdom: Oxford University Press, 1913.

⁶¹ T. Harisson, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia: A Socio Ecological Survey*, London : Macmillan, 1970.

⁶² Lihat tesisnya, Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, Tesis Ph.D yang diterbitkan, New York: The City University of New York, 1998.

⁶³ Awang Hasmadi Awang Mois, Adat Melayu Sarawak, dlm Abdul Latif Abu Bakar (Ed), *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998.

⁶⁴ Sekadar menyebut beberapa nama pengkaji dan penulis.

Hal ini jelas membuktikan bahawa penulisan kebanyakan pengkaji lebih memfokus kepada aspek budaya masyarakat Melayu di Sarawak secara umum, iaitu hanya menyentuh dari aspek reaksi dan interpretasi terhadap budaya masyarakat Melayu Sarawak. Kajian-kajian tersebut tidak mendiskusikan dengan mendalam dan rinci tentang aspek budaya terhadap kesan dan akibat kerencanan budaya dalam masyarakat Melayu.⁶⁵

Berdasarkan kepada penulisan dalam bentuk log harian Margaret Brooke turut memberikan sumbangan kepada literatur kajian ini. Keadaan ini memandangkan pengalaman yang dialami oleh Margaret dalam *My Life in Sarawak* yang telah dituangkan dalam bentuk penulisan. Penulisan Margaret Brooke ternyata tidak boleh diabaikan memandangkan kehidupannya yang dilingkungi masyarakat Melayu ketika itu. Aspek sosial seperti kepentingan ilmu pendidikan kepada semua lapisan masyarakat menjadi keutamaan beliau. Hal ini telah membawa satu kejayaan menerusi penyediaan aspek pendidikan kepada golongan wanita di Sarawak dewasa itu. Perkara ini jelas membuktikan bahawa kesedaran pendidikan telah berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, dalam penulisan beliau hanya menyentuh perihal masyarakat Melayu di bahagian Kuching atau bandaran sahaja namun aspek sosial masyarakat Melayu pesisir terus dilupakan. Manakala penulisan Tom Harrison menerusi dalam kajian beliau terhadap masyarakat Melayu di Sarawak, beliau hanya menyentuh sepintas lalu tentang budaya masyarakat di situ. Tom Harisson ternyata memberikan fokus terhadap aspek sosioekonomi sahaja.⁶⁶ Perkara yang sama turut dilakukan Noboru Ishikawa berdasarkan kajiannya, iaitu *Between Frontier: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern*

⁶⁵ Antaranya, J.L. Noakes, *Malays of Sarawak, Awaken! A plan for The Reconstruction of Malay Economy and Culture*, Kuching: Sarawak Co-Operative Development Department, 1954, Mohammed Yusof Shibli, *The Descent of Some Kuching Malays*, *Sarawak Museum Journal*, V : 2, hlm. 262-264. M. Page, *Some Malay Customs and Ceremonies*, Kuching : Borneo Literature Bureau, 1968 dan Abang Yusuf Puteh, *Beberapa Segi Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964 dan 2008.

⁶⁶Lihat, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia: A Socio Ecological Survey*, 1970.

Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s⁶⁷ menunjukkan bahawa kepentingan aspek budaya masyarakat Melayu terus dikesamping lantaran fokus kajian lebih terarah kepada keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu di kawasan pesisir di Sarawak.

Sementara itu, Awang Hasmadi Awang Mois dalam penulisannya, iaitu Adat Melayu Sarawak⁶⁸ mengemukakan adat-adat dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang masih terus diamalkan. Kedapatan adat budaya masyarakat Melayu yang semakin luntur tidak lagi dipraktikkan dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, penulisan ini masih tidak menyentuh secara menyeluruh tentang aspek budaya seperti budaya kepimpinan dan ekonomi dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak lebih-lebih lagi masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Seterusnya, kajian Ahmad Zainal Abidin dan Abdullah Salleh dalam *Life in The Malay Kampongs of Kuching, Fifty Years Ago, Kuching*⁶⁹ telah mempersembahkan satu penulisan sebagaimana penulisan-penulisan yang lain sebelum ini, iaitu hanya menyentuh aspek sosioekonomi masyarakat Melayu bandaran atau di bahagian Kuching sahaja. Walau bagaimanapun, penulisan Ahmad Zainal Abidin dan Abdullah Salleh boleh dijadikan panduan yang bermakna kepada kajian ini selanjutnya.

Terdapat kajian yang membicarakan aspek politik tetapi diselitkan juga aspek budaya masyarakat Melayu Sarawak. Hasil penulisan Faisal Syam Abdul Hazis yang turut menggunakan penulisan Abang Yusuf Puteh sebagai sumber⁷⁰ menyatakan bahawa pandangan Abang Yusuf Puteh berkaitan sifat taat setia orang Melayu sebenarnya berakar umbi daripada budaya masyarakat Melayu, iaitu sifat tidak mahu menyinggung perasaan orang lain, sifat konservatif, rasa hormat kepada orang yang lebih tua, cara hidup sederhana dan naluri mengikut-ngikut.⁷¹ Walaupun penulisan ini

⁶⁷ Noboru, Ishikawa, *Between Frontier: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, 1998.

⁶⁸ Awang Hasmadi bin Awang Mois, Adat Melayu Sarawak, dlm Abdul Latif Abu Bakar (ed), *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*, 1998.

⁶⁹ Ahmad Zainal Abidin dan Abdullah Salleh, *Life in The Malay Kampongs of Kuching, Fifty Years Ago*, Kota Samarahan: Institute of East Asian Studies (Nusantara Studies Program) Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, 2002.

⁷⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications SdnBhd, 1996.

⁷¹ Mohd Faisal Syam Abdul Hazis (penyt), *Etnikisme & Pembangunanisme: Budaya Politik Melayu Sarawak*, Kota Samarahan:

tidak membicarakan dengan rinci berkenaan aspek budaya tetapi penulisan Faisal Syam Abdul Hazis boleh dijadikan panduan untuk mengetengahkan sifat orang Melayu Sarawak dalam kajian ini.

Penulisan muktahir berkenaan dengan aspek politik, sosioekonomi dan budaya masyarakat Melayu Sarawak boleh diteliti menerusi penghasilan Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya merangkumi 15 bab dengan penampilan istimewa hasil penulisan Adenan Satem (Ketua Menteri Sarawak).⁷² Walaupun secara umumnya karya ini amat menarik dengan membincangkan banyak aspek bermula dengan asal usul masyarakat Melayu Sarawak dan beberapa aspek yang lain namun ianya tidaklah menyeluruh dan mendasar. Kehidupan masyarakat Melayu pesisir tidak diberi fokus dalam penulisan ini. Walau bagaimanapun, penulisan hasil karya ini boleh dijadikan panduan dalam merealisasikan kajian terhadap masyarakat Melayu pesisir menerusi peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan mereka yang merangkumi aspek budaya kepimpinan, pendidikan, meningkatkan taraf ekonomi dan memartabatkan aspek keagamaan mereka.

Dalam konteks pensejarahan Sarawak, kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang menelusuri sejarah Sarawak lebih tertumpu dan menunjukkan kecenderungan penyelidikan dalam bidang dan tema tentang perkembangan politik,⁷³ ekonomi⁷⁴ dan sosial,⁷⁵ berbanding aspek peranan seseorang tokoh terhadap

Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, 2006.

⁷² Awang Azman Awang Pawi (ed), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya*, Kota Samarahan: Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, 2014.

⁷³ Antaranya (sekadar menyebut beberapa contoh terpilih), Chu Chi Hung, *Minority Representative in the Malaysian Legislature*, Ph.D., Thesis, University of Kentucky, 1974, John Frederick Jolis George, *Kaum Bidayuh Sarawak : Mencari Identiti Politik 1960-1980*, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1980/1981, Norshiah Abang Chee, *Pergerakan Komunis di Sarawak*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987, Awang Reduan Awang Omar, *Perpecahan dan Gabungan Parti-parti Politik di Negeri Sarawak (1963-1990)*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990, Jawan A. Jayum, *Political Change and Economic Development Among the Ibans of Sarawak, East Malaysia*, Ph.D., University of Hull, 1991, Juliana Chan Sau Yeong, *Kajian Biografi Politik Ong Kee Hui-Pelopop Parti SUPP*, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1991/1992. Fred Entau, *Krisis Politik Sarawak 1966 dan 1986 : Satu Tinjauan Politik*, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, Habib Bughiba Mohammad Bustamam, *Limbang Wilayah Tuntutan Kerajaan Brunei, 1890-1976*, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2011. Faisal S. Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics In Sarawak*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2012.

⁷⁴ Antaranya (sekadar menamakan beberapa contoh), Awang Hopeni Awang Ongget, *Sejarah Perkembangan Ekonomi Negeri Sarawak Pada Zaman Pemerintahan Kolonial British (1946-1963) dan Tahap-Tahap Awal Selepas Kemerdekaan (1963-1970)*, Ijazah Sarjana Muda Satera (Kepujian), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991.

⁷⁵ Antaranya (sekadar merujuk kajian pilihan), Harisson. Tom, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia : A Socio Ecological Survey*. London : Macmillan, 1970. R.C. Fidler, *Kanowit: A Bazaar Town in Borneo*, Ph.D., Thesis University of

masyarakatnya. Perkara ini semakin jelas apabila peranan tokoh marhaen dalam membangunkan masyarakat Melayu di kawasan pesisir masih belum mendapat perhatian sewajarnya. Perkara ini lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan peranan tokoh tempatan terhadap pembangunan masyarakat yang meliputi aspek politik, sosial, ekonomi dan agama. Begitu juga, impaknya kepada orang Melayu Sarawak yang dipaparkan dengan jelas menerusi tinta pena yang masih lagi tidak diperah untuk mendapatkan patinya secara mendalam. Kajian ini akan mengkaji peranan Abang Yusuf Puteh khususnya sumbangan beliau dalam pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak yang setakat ini belum mendapat perhatian secara menyeluruh.

Lanjutan daripada itu, terdapat satu sahaja kajian yang menjadikan karya Abang Yusuf Puteh sebagai sebahagian daripada sumber rujukan,⁷⁶ iaitu kajian tentang kemiskinan dan kemunduran masyarakat Melayu di Sarawak dengan memfokuskan kepada masyarakat Melayu pesisir di kawasan Samarahan, Sarawak. Kajian ini dilakukan oleh Azri Nor Abdul Rahman pada tahun 1998 yang bertemakan sosioekonomi masyarakat Melayu pesisir di Kampung Meranek, Samarahan.⁷⁷ Kajian ini mendapati bahawa kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu di Sarawak lebih banyak dipengaruhi oleh politik semasa. Pembahagian kekayaan yang tidak adil berlaku akibat daripada struktur kepimpinan yang mengenyepikan keadilan. Seterusnya, hal ini juga terkesan daripada pemikiran masyarakat kampung yang sudah terbiasa dengan lambang kepimpinan pemerintahan dan bukannya kepada sikap kepimpinan. Kajian ini menyimpulkan bahawa politik pembangunan dilakukan untuk meraih

Pennsylvania, 1972. C.A. Lockard, *From Kampung to City : A Social History of Kuching, Malaysia 1820-1970*. Ohio University, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No.75, 1987. Habib Bughiba Mohammad Bustamam, *Perkembangan Islam di Sarawak 1946-1991*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991. Noboru, Ishikawa, *Between Frontier: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, Tesis Ph.D yang diterbitkan. The City University of New York. USA, 1998. Abdul Razak bin Abdul Kadir, *Dato Sri Anis bin Abot: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*. Majlis Islam Sarawak, Kuching, 2007. Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, 2013.

⁷⁶ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.

⁷⁷ Kajian bertajuk, *Poverty In Sarawak*, 1998. Tesis Sarjana, Brunei: Universiti Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan buku "River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak" (1996) sebagai sebahagian daripada rujukannya.

kemenangan sebaliknya pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu di Sarawak menjadi pertaruhan.

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincangkan, didapati kajian yang menjurus terhadap peranan Abang Yusuf dalam pembangunan masyarakat Melayu Sarawak di kawasan pesisir belum diberi perhatian yang sewajarnya. Kekosongan ini ternyata memberikan kelebihan kepada penulis untuk merungkai hasil-hasil terkini dalam permasalahan besar orang Melayu Sarawak yang membawa kemunduran kepada mereka sejak dari zaman rejim Brooke, 1841 lagi dengan lebih menyeluruh dan komprehensif. Berdasarkan kritikan panjang lebar dan jelas terhadap kajian-kajian terdahulu, dalam aspek pensejarahan budaya masyarakat Melayu Sarawak, jelas belum ada kajian dilakukan terhadap aspek budaya negatif masyarakat Melayu Sarawak (1970-2000-an) secara holistik.

Sehubungan itu, dalam aspek perkembangan pensejarahan Sarawak, penyelidikan terutamanya mengenai aspek budaya dalam sesebuah masyarakat terus diabaikan. Walaupun terdapat beberapa penulisan yang menyentuh mengenai kehidupan budaya masyarakat Melayu di Sarawak secara tidak langsung,⁷⁸ namun aspek peranan seseorang tokoh terhadap masyarakatnya dalam budaya politik, sosial, ekonomi dan keagamaan terus dipinggirkan dan hanya menjadi parasit⁷⁹ dalam kajian-kajian yang berkenaan. Hal ini menampakkan ketiadaan kajian yang menyentuh secara tepat berkaitan peranan seseorang tokoh terhadap aspek budaya masyarakat Melayu Sarawak dan ianya bukan setakat lompong tetapi belum ada kajian yang dilakukan sekaligus memberikan ruang untuk diisi oleh penulis. Penulisan para penyelidik tentang peranan Abang Yusuf Puteh terhadap beberapa aspek budaya masyarakat Melayu Sarawak tidak kedengaran langsung lantaran dijelaskan secara tergesa-gesa dan secara umum apabila

⁷⁸ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, 2013. T.Harrison, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia*, *The Sarawak Museum Journal*, Vol.11, 1964. T. Harisson, *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia: A Socio Ecological Survey*, 1970.

⁷⁹ Kamus Dewan Edisi Keempat, tumbuhan atau haiwan yang hidup pada tumbuh-tumbuhan atau pada haiwan yang lain, menumpang pada yang lain tanpa perlu membayar apa-apa.

tumpuan lebih kepada aspek-aspek yang terbiasa (politik, ekonomi dan sosial).⁸⁰ Selain itu, tulisan yang dinyatakan juga dapat memberikan satu titik permulaan kepada kajian ini dilakukan terutamanya menjelaskan peranan Abang Yusuf Puteh dalam masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini merujuk kepada kritikan beliau dalam aspek politik kepimpinan Melayu, pembangunan sosial, ekonomi masyarakat Melayu pesisir dan konteks keagamaan mereka dalam usaha mentransformasikan masyarakat Melayu Pesisir. Semoga tesis tentang “Peranan Abang Yusuf Puteh Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak, 1970-2009” akan dapat mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh para pengkaji terutamanya peranan beliau terhadap pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam bahagian metodologi, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dengan mengaplikasikan kaedah penyelidikan kepustakaan atau *library research*, analisis teks, penyelidikan arkib dan wawancara. Kajian ini menjadi tumpuan penyelidikan memandangkan belum terdapat usaha yang dilakukan untuk merungkai peranan Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat Melayu di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir antara tahun 1970 sehingga 2009. Oleh yang demikian, kaedah yang digunakan ternyata sesuai digunakan untuk menganalisis data supaya seimbang tanpa merujuk kepada satu-satu data semata-mata. Seterusnya, hasil dapatan yang kukuh dan konkrit berjaya diperoleh.

Kajian ilmiah ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan atau *library research*, analisis teks, penyelidikan arkib dan wawancara. Metodologi yang digunakan dalam seluruh kajian ini adalah berasaskan kepada metodologi yang sesuai dengan jenis

⁸⁰ Rujuk, *Ikhwan Zaini: Pejuang Perpaduan*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, 2001, Pemikiran Rakawi Yusuf dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak, 1932, dalam *Jurnal Sejarah*, No.7, 1999, hlm. 81-120, Pemikiran Ahmad Syawal Abdul Hamid Terhadap Kepimpinan dan Kemajuan Melayu dengan Rujukan Kepada Hikayat Panglima Nikosa, 1876, dalam *Jurnal Purba*, Bil. 22, 2003, hlm. 68-100 dan Abdul Razak Abdul Kadir, *Dato Sri Anis bin Abot: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*, Majlis Islam Sarawak, Kuching, 2007.

penyelidikan ini. Kajian ilmiah ini menggabungkan kedua-dua sumber primer dan sekunder. Sumber-sumber primer termasuklah dokumen-dokumen rasmi, kertas-kertas peribadi, ucapan-ucapan, terbitan kerajaan dan wawancara. Penggunaan sumber primer pada zaman Brooke dan kolonial yang relevan turut menjadi rujukan dalam kajian ini, namun penggunaannya sangat terhad memandangkan maklumat-maklumat berkaitan tidak banyak tercatat dalam sumber kolonial. Manakala sumber sekunder pula terdiri daripada buku, tesis, disertasi, latihan ilmiah, jurnal, kertas persidangan, akhbar dan majalah.

Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokus kepada peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak, 1970-2009 berdasarkan sumber iaitu, *The Malay Mind* (1996) dan *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak* (1996). Oleh itu, kajian ini akan mengungkap peranan Abang Yusuf Puteh dengan membuat penelitian terhadap aspek budaya kepimpinan Melayu Sarawak, isu kemunduran pendidikan, isu kemiskinan masyarakat Melayu pesisir dan isu amalan agama, nilai dan sikap masyarakat Melayu Sarawak. Kesemua aspek ini akan dianalisis dengan menggunakan analisis teks berdasarkan karya-karya Abang Yusuf Puteh secara tematik. Melalui metod ini data-data yang dikumpulkan akan disusun, dijelaskan dan kemudiannya dianalisis.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan bahan dalam kajian ini dilakukan menerusi tiga kaedah, iaitu kaedah kepustakaan, kaedah kearkiban dan kaedah temubual. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan atau sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber utama terdapat bahan berbentuk bertulis seperti dokumen-dokumen rasmi kerajaan, kertas-kertas peribadi, ucapan-ucapan, terbitan kerajaan dan wawancara, tesis, disertasi, latihan ilmiah, jurnal, kertas-kertas kerja seminar, akhbar dan majalah.

Dokumen-dokumen ini dirujuk khususnya bagi mendapatkan fakta-fakta tepat tentang hal-hal yang berkaitan dengan latar belakang Melayu Sarawak, kemunculan Melayu Perabangan, latar belakang Abang Yusuf Puteh, aspek budaya kepimpinan Melayu Sarawak, isu pendidikan masyarakat Melayu pesisir (sosial), isu kemiskinan (ekonomi) serta amalan agama, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir (aspek keagamaan).

Dokumen-dokuman ini diperoleh secara langsung dari perpustakaan. Bagi kaedah perpustakaan, pengumpulan data primer dan sekunder dibuat di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi (IPT), Perpustakaan atau Pusat Sumber agensi-agensi tertentu seperti Dewan Bandaraya Kuching Utara, Yayasan Sarawak, Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Institut Pemikiran Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak, Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Cawangan Sarawak. Di samping itu, kajian ini juga melebarkan jangkauan premis sumber kajian bagi memantapkan dan melengkapkan bahan bermaklumat daripada koleksi peribadi/individu tertentu seperti pengumpul manuskrip hasil tinta, sahabat, atau waris (isteri dan anak-anak) atau keturunan Datuk Abang Yusuf Puteh.

Kaedah kearkiban pula melibatkan pengumpulan bahan atau maklumat berbentuk fail-fail kerajaan, dokumen-dokumen rasmi dan *hansard* sebagai sumber sokongan dalam kajian ini yang diperoleh daripada perpustakaan Negeri Sarawak, Arkib Negara Cawangan Sarawak dan *State Record Repository*, Pustaka Negeri Sarawak.

Selain itu, kaedah lain yang digunakan ialah kaedah temubual atau wawancara iaitu salah satu cara pengumpulan data yang dilakukan dengan menemubual secara langsung responden yang dipilih. Seramai 15 orang responden telah dipilih dalam memastikan kejayaan kajian ini. Ciri-ciri responden yang dipilih ialah responden yang mengenali,

rapat dan mendampingi beliau seperti isteri, anak-anak, kaum keluarga, rakan-rakan sepejuangan, pekerja dan masyarakat kampung di daerah Kalaka.⁸¹ Sementara skrip soalan yang disediakan adalah berdasarkan objektif temu bual yang dijalankan yang distruktur dengan tema-tema yang tertentu. Jenis soalan temu bual adalah *temu bual tidak berstruktur (tidak terpiawai)*, iaitu soalan-soalan umum disediakan terlebih dahulu. Sementara soalan-soalan khusus hanya akan ditentukan apabila penyelidik membuat temu bual dengan responden mengikut tujuan kajian.⁸² Jenis soalan temu bual ini juga dikenali sebagai *temu bual tematik*, iaitu temu bual dilaksanakan berasaskan tema yang telah dirancang lebih awal.⁸³

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kaedah kajian ini terutamanya dalam berurusan dengan pihak arkib muzium Negeri Sarawak. Keperluan yang diberikan oleh pihak arkib muzium untuk menggunakan kemudahannya memerlukan masa dan prosedur yang sangat ketat. Hal ini menyebabkan masa yang terlalu lama menunggu kelulusan kebenaran untuk menggunakan bahan-bahan yang terdapat dalam simpanan pihak arkib. Kedudukan dan letakan sumber material bahan arkib yang relevan dalam keadaan berselerak turut menjadi masalah dalam merealisasikan kajian ini. Selain itu, masalah dalam usaha mengatur temujanji turut dihadapi. Hal ini terutamanya dalam mengatur tarikh dan masa wawancara yang sesuai antara pengkaji dengan informan. Seterusnya, tidak dapat dinafikan sumber utama kajian dan sumber maklumat dalam bahasa Inggeris turut menambahkan beban dan masalah kepada kajian ini dilaksanakan. Hal ini memandangkan pengkaji merupakan penutur bahasa Melayu.

⁸¹ Antara responden yang diwawancara ialah, Datuk Rogayah Abdul Majid (isteri Abang Yusuf Puteh), Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Mohiden (Tokoh politik dan Melayu Perabangan), Cik Dayang Rubiah (anak Sulong Abang Yusuf Puteh), Puan Mordiah Abdul Kadir (pekerja Abang Yusuf Puteh), Puan Mordiah Sulaiman, Haji Daud Bin Ulei, Encik Manterang bin Bakar, Encik Ramlan Iskandar, Encik Razali Busri (menerusi aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp*), Puan Nursiyati Deni, Encik Ahmad Dewi (menerusi aplikasi *Facebook*), Encik Ikhwan Achem (menerusi aplikasi *Facebook*), Encik Sauti Karim, Puan Salina Sauti dan Encik Ali Sabana bin Bujang.

⁸² Sabitha Marican, *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*, cet. kedua, Selangor: Edusystem Sdn Bhd, 2009, hlm.145.

⁸³ Lihat, Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009, hlm. 71.

BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini diakui banyak halangan dan rintangan yang terpaksa dihadapi terutamanya untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Antara masalah utama yang dihadapi sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan, ialah untuk mengakses beberapa dokumen rasmi, maklumat dari jabatan-jabatan tertentu terutamanya jabatan di peringkat negeri dan bahan-bahan arkib terutamanya arkib muzium yang memerlukan tempoh yang panjang mendapatkan kebenaran untuk mengakses maklumat yang ternyata lebih banyak tersimpan. Selain itu, urusan-urusan rasmi untuk mendapatkan masa yang sesuai dan menunggu untuk mewawancara isteri tokoh memandangkan beliau mempunyai urusan rasmi lain yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Proses yang lama untuk mendapatkan kebenaran bagi tujuan mengakses maklumat menjadi penghalang kepada kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang penting bagi tujuan menyokong idea dengan fakta-fakta dari sumber primer.

Tempoh masa untuk menunggu kebenaran dalam usaha untuk mengakses maklumat dari arkib muzium yang banyak menyimpan khazanah-khazanah berharga untuk sejarah negeri Sarawak merupakan hambatan yang paling besar sepanjang kajian ini dilakukan. Hal ini memandangkan banyak bahan-bahan yang diperlukan dalam kajian ini begitu banyak tersimpan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Tindakan jabatan-jabatan kerajaan yang banyak menyempitkan ruang kepada para pengkaji menjadi satu masalah dan beban dalam usaha untuk menyelongkar sejarah negeri Sarawak sendiri. Begitu juga, tindakan beberapa jabatan atau agensi yang dihubungi untuk mendapatkan maklumat berkenaan Abang Yusuf Puteh sehingga menafikan beliau pernah berkhidmat di jabatan atau agensi tersebut jelas satu usaha untuk memadamkan jasa dan bakti yang pernah beliau taburkan untuk negeri Sarawak.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sumber-sumber yang berjaya diakses memberikan ruang kepada pengkaji untuk menyediakan dan melengkapkan kajian ini walaupun menghadapi kekangan dan halangan dari pelbagai aspek. Di samping itu, harus diakui masalah turut dihadapi ketika tempoh menunggu tokoh-tokoh yang perlu diwawancara disebabkan tokoh-tokoh tersebut merupakan tokoh penting yang memerlukan masa yang sesuai dan lapang untuk diwawancara. Walaupun begitu, wawancara dengan masyarakat Melayu di kawasan pesisir dapat dijalankan dengan mudah dan membekalkan banyak maklumat yang mungkin tidak tersimpan dalam mana-mana material bertulis setakat ini.

Walaupun bagaimanapun, halangan dan hambatan yang dihadapi sepanjang melaksanakan kajian ini tidak pernah menjadi penghalang dan bukan merupakan alasan kepada pengkaji untuk berlengah-lengah atau menyerah kalah untuk kajian ini disiapkan sehingga ke titik yang terakhir.

PEMBAHAGIAN BAB

Perbincangan keseluruhan adalah terhadap peranan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu Sarawak semata-mata. Untuk penelitian dan penghasilan sesebuah tesis yang lebih berkesan, penulisan penyelidikan dalam struktur kajian ini mengandungi lapan bab utama. Bab satu merupakan bahagian pendahuluan berfungsi sebagai suatu pengenalan kepada penyelidikan dengan mengemukakan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, batasan kajian dan pembahagian bab. Di dalam bab ini juga mengandungi hasil kajian terdahulu mengenai aspek kepimpinan Melayu Sarawak, aspek sosio ekonomi masyarakat Melayu Sarawak dan aspek budaya masyarakat Melayu Sarawak, tidak ketinggalan pemikiran tokoh-tokoh tertentu dan kajian yang berkaitan.

Bab kedua memberikan gambaran mengenai latar belakang masyarakat Melayu di Sarawak. Terkandung di dalamnya tentang asal usul orang Melayu Sarawak dengan mengemukakan beberapa pandangan tokoh-tokoh tertentu. Dalam bab kedua juga akan membincangkan mengenai „istilah masuk Melayu“ yang sering menjadi persoalan kepada asal usul masyarakat Melayu Sarawak. Perbincangan turut menyentuh tentang kedudukan sosioekonomi Masyarakat Melayu Sarawak, kedudukan Melayu Sarawak dalam pentadbiran Brooke (1841-1941) dan Koloni British (1946-1963), golongan Melayu Perabangan, sejarah golongan Melayu Perabangan dan strata sosial golongan Perabangan

Seterusnya, dalam bab ketiga perbincangan berkisar di sekitar latar belakang Datuk Abang Yusuf Puteh. Antara pengisian kandungan dalam bab ketiga ialah kelahiran, keluarga, pendidikan, kerjaya, penglibatan dalam bidang politik, faktor perjuangan dan hasil karya Abang Yusuf Puteh.

Manakala dalam bab keempat menghuraikan mengenai peranan Abang Yusuf Puteh terhadap aspek kepimpinan dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak. Kajian hanya akan memfokuskan budaya kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak dalam tempoh yang telah dinyatakan dalam skop kajian. Bab ini turut mengandungi kepimpinan Melayu menurut Abang Yusuf Puteh terutamanya dalam hal yang berkaitan hubungan rakyat dan pemimpin. Seterusnya, perbincangan akan menjurus kepada teguran yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap kepimpinan Melayu Sarawak dalam usaha untuk menyedarkan mereka agar melaksanakan tanggungjawab dengan adil dan saksama. Lanjutan itu, peranan yang berupa sumbangan Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu pesisir akan diperinci.

Bab kelima mengulas tentang peranan Abang Yusuf Puteh terhadap suasana pendidikan yang dialami oleh masyarakat Melayu Sarawak khususnya penduduk

Melayu pesisir di Daerah Kalaka. Seterusnya, dalam bab ini turut dimuatkan pendidikan masyarakat Melayu Sarawak ketika zaman Brooke dan British. Pendidikan masyarakat Melayu Sarawak pada zaman Brooke dan British perlu dijelaskan untuk melihat signifikan perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan pesisir pra dan pasca penjajahan. Beberapa saranan dan bantuan dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh dalam usaha memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu Sarawak khasnya masyarakat Melayu pesisir turut dibincangkan.

Dalam bab yang keenam pula, perbincangan difokuskan dengan menjelaskan peranan Abang Yusuf Puteh terhadap isu kemiskinan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya Melayu pesisir. Menerusi bab ini juga akan dihuraikan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak ketika berada di bawah penguasaan Brooke, 1841-1941 dan koloni British, 1946-1963. Manakala data kemiskinan masyarakat Melayu Sarawak antara tahun 1980 sehingga 1995 dan 2000 sehingga 2010 turut dikemukakan untuk melihat kesignifikan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu pesisir. Kemudian akan disusuli teguran Abang Yusuf Puteh terhadap kemiskinan yang berleluasa dalam kalangan masyarakat tersebut. Seterusnya, saranan Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk mengurangkan tahap kemiskinan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya penduduk-penduduk Melayu di daerah tersebut.

Manakala dalam bab yang ketujuh, perbincangan akan berkisar terhadap peranan Abang Yusuf Puteh terhadap perubahan dalam amalan agama, nilai dan sikap masyarakat Melayu di kawasan pesisir Sarawak. Peranan-peranan beliau perlu diketengahkan memandangkan amalan agama, nilai dan sikap negatif mula mengambil alih banyak elemen dalam kalangan orang Melayu Sarawak. Seterusnya, saranan perubahan yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap amalan agama, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir ini akan menutup bab ini.

Seterusnya bab yang terakhir adalah bab kelapan, iaitu kesimpulan. Di dalam bab ini merupakan kesimpulan daripada perbincangan bab satu hingga bab tujuh dan menjelaskan capaian persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan sebelum ini. Melalui bab ini kesimpulan dibuat mengenai peranan yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Kemunduran masyarakat Melayu di kawasan pesisir dalam aspek pendidikan (sosial), ekonomi dan keagamaan jelas memperlihatkan kelemahan golongan pemimpin Melayu yang mengamalkan budaya kepimpinan yang bersifat individualistik. Menelusuri budaya kepimpinan Melayu yang ditegur oleh Abang Yusuf Puteh menampakkan kurangnya usaha yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Melayu di kawasan tersebut sehingga membawa kepada kemunduran yang amat ketara. Berdasarkan kesimpulan dapat memperjelas peranan Abang Yusuf Puteh yang berusaha untuk memartabatkan kedudukan masyarakat Melayu supaya kembali mencapai kegemilangan terutamanya masyarakat Melayu pesisir sebagaimana zaman sebelum kedatangan penjajah barat.

BAB 2 : LATAR BELAKANG ORANG MELAYU SARAWAK

PENGENALAN

Perbincangan bab ini difokuskan kepada dua aspek utama. Pertama, faktor-faktor kemunculan orang Melayu Sarawak¹ yang telah membawa kepada kewujudan istilah *masuk Melayu* sehingga menjadi perdebatan tentang asal usul sebenar orang Melayu Sarawak. Kedua, mengenai perkembangan orang Melayu, menyentuh tentang kedudukan sosioekonomi dan pentadbiran orang Melayu Sarawak ketika di bawah kesultanan Melayu Brunei (pada abad ke-16 hingga ke-19)² dan Brooke (1841-1941), dalam hubungannya dengan pembentukan kelas elit Melayu Perabangan di Sarawak. Perlu ditegaskan di sini, golongan Melayu Perabangan memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan masyarakat Melayu Sarawak. Namun ini tidak bermakna masyarakat Melayu bukan dari golongan Melayu Perabangan tidak memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kedudukan yang dimiliki oleh golongan Melayu Perabangan terutamanya ketika rejim Brooke telah membantu dalam menjaga kepentingan orang Melayu Sarawak. Antaranya, dengan memberikan bantuan sokongan dalam pembangunan pendidikan anak-anak Melayu yang dilihat sebagai satu jalan keluar untuk merintis masa depan masyarakat Melayu itu sendiri.

Memandangkan Abang Yusuf Puteh merupakan keturunan Melayu Perabangan satu huraian ringkas mengenai sejarah perkembangan golongan Melayu Perabangan dan pembahagian kelas golongan tersebut yang banyak melahirkan tokoh-tokoh sama ada dalam bidang sosial, ekonomi ataupun politik di Sarawak akan dibincangkan.

¹ Masyarakat Melayu tertumpu di kawasan pesisiran pantai Kuching, Sadong, Samarahan, Sibul, Simanggang, Saribas, Spaoh, Kabong, Lingga, Maludam, Bintulu, Miri dan Kapit. Kegiatan ekonomi mereka tertumpu dalam sektor pertanian dan perikanan.

² Sabihah Osman. Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19, dlm Jawatan Kuasa Kolokium, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 132.

ORANG MELAYU

Menurut takrifan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, orang Melayu ditakrifkan sebagai kelompok masyarakat yang bercakap menggunakan bahasa Melayu, beragama Islam, mengikut adat resam dan mengamalkan budaya orang Melayu.³ Menurut Syed Husin Ali, terdapat pelbagai variasi huraian berkenaan Melayu sekiranya ditakrifkan secara berbeza-beza. Seandainya dirujuk kepada pengertiannya dari aspek sosial dan budaya akan menjelaskan bahawa kelompok masyarakat Melayu tidak hanya tertakluk kepada masyarakat di Semenanjung Malaysia semata-mata tetapi meliputi masyarakat di ratusan kepulauan Indonesia dan Filipina atau lebih jelas lagi dengan penggunaan istilah Nusantara. Kawasan yang diduduki oleh masyarakat Melayu merupakan kawasan yang sangat luas malah terdiri daripada pelbagai suku bangsa, kaum, keturunan, dan menggunakan pelbagai bahasa pertuturan dan loghat.⁴ Pengertian ini juga sudah tentu tidak mengecualikan masyarakat yang berada di kepulauan Borneo seperti Sabah dan Sarawak. Hal ini telah membentuk satu entiti bangsa Melayu dalam lingkungan yang lebih luas di bumi Nusantara.

Menurut Syed Husin Ali, orang Melayu dicirikan secara lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar tetapi mempunyai susuk badan yang tegap, berbudi bahasa yang tinggi dan bersikap lemah lembut. Dari sudut undang-undang sesiapa sahaja boleh ditafsirkan sebagai orang Melayu walaupun terdiri dari apa jua keturunan, asalkan beragama Islam, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Oleh yang demikian, beliau berpendapat orang yang memeluk Islam dan hidup dalam lingkungan Melayu tetapi tidak mengamalkan adat istiadat orang Melayu tidak

³ *Perlembagaan Malaysia*, 1963, Perkara 160 (2).

⁴ Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah & Masa Depan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2008, hlm. 1-2. Lihat juga, Stamford Raffles, *Memoir*, Ed. Sophia Raffles, London: James Duncan, Jil.1, hlm. 29. Menurut Raffles, masyarakat Melayu sebagai bangsa dalam konteks yang lebih besar daripada susunan ras dan kesukuan yang meliputi Indonesia, Filipina yang berbicara menggunakan bahasa satu bahasa, meskipun bertaburan di beberapa buah kepulauan di Laut China Selatan dan Lautan Hindu sehingga ke Sumatera dan Irian Barat.

melayakkan seseorang itu dianggap sebagai orang Melayu.⁵ Hal yang sama turut dikemukakan oleh Duarte Barbosa melalui pengamatannya, iaitu orang Melayu merupakan masyarakat Muslim yang taat, berbudi pekerti yang luhur dan bersopan santun, cerdik, meminati muzik serta saling sayang menyayangi antara satu dengan yang lain.⁶ Malah lebih awal daripada itu, Tome Pires telah memberikan pandangannya berkenaan dengan orang Melayu antaranya, orang Melayu adalah orang yang kuat cemburu. Hal ini dibuktikan melalui pemerhatiannya, iaitu orang Melayu tidak akan menyangkan wajah isteri masing-masing di tempat umum sehinggakan sekiranya berpergian akan dipastikan kenderaan yang digunakan ditutup dengan rapi agar tidak kelihatan (tidak dilihat oleh kaum lelaki selain daripada muhrimnya).⁷

Walaupun terdapat beberapa pengkaji yang mengemukakan pandangan persamaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Nusantara tetapi Abang Yusuf Puteh pula menegaskan bahawa pandangan yang menyebut orang Melayu di Malaysia adalah sama walau dari mana-mana negeri merupakan salah faham yang perlu diambil perhatian. Persamaan yang mungkin ada dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia ialah dari aspek agama yang dianuti, iaitu Islam dan bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu. Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar yang digunakan dan diajar di semua sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa yang digunakan boleh jadi berbeza apabila dialek tempatan digunakan. Ini akan mengakibatkan mereka tidak akan memahami antara sama dengan yang lain.

⁵ Menurut Syed Husin Ali, di Tanah Semenanjung orang-orang Melayu merupakan anak watan asalnya. Namun semakin mengecil apabila penjajah menggalakkan kemasukan pekerja-pekerja buruh dari luar terutamanya India dan China. Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, 2008, hlm. 1-7. Lihat juga, Mohd Salleh Lamry, Mereka yang Terpinggir: Orang Melayu Sumatera Utara, *Jurnal Melayu*, Jil. 2 Bil.2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Disember 2004, hlm. 73-90.

⁶ Rujuk laporan yang disiapkan pada tahun 1518 Masihi, Duarte Barbosa, *The Book of Duarte Barbosa*, Ed. M.L. Dames, London: Hakluyt Society, Jil.2, No. 49, 1921, hlm. 176-177.

⁷ Rujuk, laporan yang dihimpunkan antara tahun 1512-1515 Masihi, Tome Pires, *The Suma Oriental of Tome Pires*, Ed. Armando Cortesao, London: Hakluyt Society, Jil.2, No.90, 1944, hlm.268.

Di samping itu juga, perbezaan pemahaman dan pengajaran terhadap agama Islam itu sendiri mungkin turut bervariasi antara satu tempat dengan tempat yang lain di Malaysia.⁸ Hal ini dapat diperjelaskan menerusi Raoul Naroll, iaitu untuk mengenalpasti seseorang atau sesuatu kelompok adalah dengan melihat kepada beberapa kriteria seperti kedekatan kawasan tempat tinggalnya, unsur-unsur budaya yang diamalkan dan struktur masyarakatnya.⁹ Oleh yang demikian, pandangan Abang Yusuf Puteh dapat dirumuskan, iaitu orang Melayu di Malaysia adalah berbeza mengikut kawasan dan penempatan masing-masing berdasarkan jarak yang memisahkan antara Melayu di Malaysia Barat dan Melayu di kepulauan Borneo.

Kewujudan orang Melayu di Malaysia bukan bermulanya dengan kewujudan kerajaan kesultanan Melayu Melaka tetapi telah muncul lebih awal daripada itu. Masyarakat Melayu merupakan rumpun masyarakat yang sangat besar dan melebar dari barat ke timur. Harus ditegaskan bahawa masyarakat Melayu yang ada bukanlah golongan pendatang yang berhijrah ke Asia Tenggara tetapi telah lama menetap dan menjalani hidup bermasyarakat seterusnya membina sistem politik sendiri. Bahkan bangsa Melayu ternyata berbeza dengan kaum-kaum lain kerana pengelompokan Melayu sememangnya telah lama berlaku dan telah wujud sehingga berjaya membentuk beberapa buah kerajaan Melayu berdasarkan tempat terbinanya kerajaan tersebut.¹⁰ Kajian oleh pakar-pakar turut mengesahkan kewujudan masyarakat Melayu di Asia Tenggara telah pun bermula sejak 20 hingga 25 ribu tahun yang lalu.¹¹

Terdapat empat teori yang merujuk kepada asal usul Melayu di Alam Melayu, iaitu Teori Manusia Melayu dari Yunnan, Teori *out of Africa*, Teori *out of Taiwan* (Teori

⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak : A Socio-Political Portrait*, Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd, 1998, hlm. 1.

⁹ Raoul Naroll, On Ethnic Unit Classification, *Current Anthpology*, Vol 5, 1964, hlm. 283.

¹⁰ Tengku Luckman Sinar, Jati Diri Melayu, dlm. Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zaina Abidin Borhan (Peny.), *Pengajian Sastera dan Sosio Budaya Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 1998, hlm. 511.

¹¹ A. Aziz Deraman, Pola Minda Melayu dlm. Anwar Ridhwan *Minda Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005. hlm. 62-63.

Keretapi Ekspres dari Taiwan) dan Teori *out of Nusantara* (Teori Nusantara). Teori terawal yang membicarakan tentang leluhur orang Melayu berasal dari orang Mongoloid, iaitu kumpulan Indochina yang kemudiannya berhijrah ke kawasan selatan dari Tenggara China atau Yunan. Mereka dikenali juga sebagai Melayu Deutro atau Pantai yang membentuk penduduk Malaysia dan Borneo. Hal ini berdasarkan ciri-ciri yang dimiliki mempunyai persamaan, iaitu dahi yang luas, kulit sawo matang, mata yang cantik, rambut yang hitam dan badan yang seimbang.¹² Kemudian Teori *out of Africa* yang mengutarakan pandangan berlakunya pergerakan manusia moden dari benua Afrika ke utara dalam tempoh zaman air Eemian yang dikatakan berjaya melakukan penghijrahan melalui laluan selatan ke India. Namun masih tidak dapat ditentukan tarikh sebenar berlakunya migrasi tersebut disebabkan ketiadaan bukti fosil yang sangat penting untuk mengangarkan penentuan tarikhnya. Masyarakat Semang yang mendiami kawasan Lembah Lenggong di Perak dilihat mempunyai persamaan ciri-ciri keturunan mtDNA kuno yang menunjukkan bahawa mereka adalah sebahagian dari migrasi yang sama masyarakat Afrika. Manakala teori *out of Taiwan* (model keretapi ekspres dari Taiwan) juga muncul yang dikemukakan oleh ahli bahasa dan arkeologi sekitar tahun 1970-an dan 1990-an terutamanya perkembangan model-model bahasa Austronesia dan bukti arkeologi ketika itu. Menerusi teori ini dikatakan berlakunya migrasi masyarakat dari Lembah Yangtze dalam beberapa pelayaran yang tiba di Semenanjung Tanah Melayu melalui kepulauan di Asia Tenggara. Ini bermakna penghijrahan masyarakat dari Lembah Yangtze tidak secara terus ke Semenanjung Tanah Melayu tetapi berselerakan di kepulauan yang terdapat di Asia Tenggara terlebih dahulu.¹³

¹² M.W.F. Tweedie, *Prehistoric Malaya*, Singapore: Eastern University, 1957.

¹³ S. Oppenheimer, „Out of Africa: Peopling of the World and the Origins of Malays“. *Konvensyen Asal-usul Melayu: Induknya di Alam Melayu*, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 24 Disember 2015, hlm. 19-22.

Walau bagaimanapun, kemunculan teori *out of Nusantara* berserta bukti-bukti yang jelas telah menafikan teori-teori yang telah dijelaskan seperti perpindahan (migrasi) dari Tanah Besar ke Nusantara, teori *out of Africa* dan teori *out of Taiwan*.¹⁴ Teori kedua menegaskan bahawa penghijrahan manusia yang berlaku di dunia sebenarnya bermula di Pentas Sunda. Hal ini dibuktikan melalui kajian mtDNA terhadap penemuan arkeologi di Malaysia dan Indonesia. Menurut Zafarina Zainudin, hasil penemuan data-data yang berkaitan dengan mtDNA telah mengukuhkan teori yang membenarkan bahawa manusia dari dataran Sunda merupakan penghijrah dengan merentas ke benua-benua lain di dunia. Dapatan ini sekaligus menolak pandangan-pandangan yang lain tentang asal usul Melayu di Alam Melayu. Berdasarkan kepada penemuan mtDNA ini juga telah membuktikan bahawa bangsa Melayu dari ukuran umur kewujudan mereka adalah jauh lebih lama dari bangsa yang lain seperti bangsa Cina dan India.¹⁵

Seterusnya, Pakar Genetik Universiti Oxford, iaitu Stephen Oppenheimer menegaskan bahawa melalui penemuan yang dibuat dari bangsa-bangsa orang asli yang terdapat di Nusantara, Australia hingga ke Hawaii dapat membuktikan kaitan mtDNA dan struktur gigi di antara golongan yang terawal dan golongan yang terkemudian. Melalui penemuan ini maka dapat menjelaskan bahawa penghijrahan manusia berlaku adalah dari Pentas Sunda ke kawasan sekitarnya hinggalah ke utara dan selatan bukan sebaliknya.¹⁶

Di samping itu, Stephen Oppenheimer turut mendedahkan bukti lain yang menyokong kepada teori *out of Nusantara* adalah penemuan ketamadunan tertua manusia dalam aspek pertanian berbanding kemajuan pertanian yang lain di dunia. Hal ini dibuktikan dengan penemuan tapak semaian dan penanaman padi yang ditemui di kawasan Bukit Bunoh,

¹⁴ Konvensyen Asal Usul Melayu telah berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC) pada 20 Januari 2012.

¹⁵ Zafarina Zainudin, Nur Haslindawaty Abd Rashid, Norazmi Mohd Nor & S. Panneerchelvam, "Malay Archipelago: The Origin of Malays". Konvensyen Asal usul Melayu: Induknya di Alam Melayu. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 24 Disember 2015.

¹⁶ S. Oppenheimer, "Out of Arica" (Penghijrahan dari Afrika: Pendudukan Manusia di dunia dan Asal-usul Melayu), Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Seminar Asal-usul Melayu: Induknya di Alam Melayu, 24 Disember 2015 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Lenggong, Perak oleh pasukan arkeologi Universiti Sains Malaysia. Penemuan kapak tangan yang dianggarkan berusia 1.83 billion tahun turut dijumpai yang membuktikan kepakaran teknologi manusia pada zaman tersebut dalam penciptaan peralatan seperti senjata dan peralatan pertanian sebelum berlakunya hentaman meteor.¹⁷

Hasil daripada konvensyen tersebut telah menyatakan bahawa teori *out of Africa*, iaitu migrasi Manusia Moden dari benua Afrika teori yang mengemukakan pandangan berlakunya migrasi manusia dari Tanah Besar ke Alam Melayu ditolak dengan mengemukakan teori baru migrasi manusia moden, iaitu *out of Nusantara*. Migrasi manusia bermula di Pentas Sunda bergerak ke utara dan selatan untuk membina penempatan di kawasan-kawasan baru di dunia. Bahkan, Wan Hashim Wan Teh lebih awal daripada itu mengatakan bahawa masyarakat Melayu yang berada di Alam Melayu telah pun berada di Alam Melayu sejak 35000 tahun yang lalu.¹⁸ Sekaligus menolak pandangan yang dilontarkan oleh pendukung teori migrasi dari Tanah Besar ke Nusantara dan *out of Africa*. Oleh yang demikian, bukti dan penemuan ini mematahkan hujah yang dikemukakan oleh Tweedie yang berpegang kepada alasan bahawa para pengkaji tidak menjumpai apa-apa bukti sejarah mahupun persamaan budaya dan bahasa masyarakat yang tinggal di China (Yunnan) dengan masyarakat yang mendiami Alam Melayu.

Semua pandangan menunjukkan pelbagai variasi pendapat dalam memberikan petunjuk kepada ciri-ciri orang Melayu yang sama namun berbeza dari segi teori kedatangan atau leluhur orang Melayu, iaitu teori migrasi dan teori nusantara. Teori nusantara, iaitu *out of Nusantara* merupakan hasil kajian terkini yang menggabungkan sejarah dan sains moden berdasarkan bukti-bukti empirikal dan saintifik untuk menjelaskan satu dimensi baharu leluhur orang-orang Melayu di dunia. Hal ini jelas membuktikan bahawa teori yang

¹⁷ *The Star*, 17 February 2011, hlm. 2.

¹⁸ Rujuk, Wan Hashim Bin Wan Teh, *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud Di Malaysia Sejak Ribuan Tahun yang Lalu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986.

mengatakan bahawa masyarakat Melayu di Nusantara adalah berasal usul dari Indochina dan Afrika ternyata tidak tepat berpandukan kepada hasil dapatan pasukan pengkaji yang mengemukakan teori *out of Nusantara*. Walaupun berlakunya perselisihan pandangan berkaitan teori leluhur orang Melayu di Asia Tenggara tetapi dua perkara yang jelas menunjukkan persamaan ciri-ciri penting orang Melayu di Malaysia, iaitu dari segi agama Islam sebagai pegangan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama perhubungan antara satu dengan yang lain.

ORANG MELAYU SARAWAK

Penduduk Melayu merupakan kaum yang ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan Cina. Walau bagaimanapun, jumlah peningkatan kaum Melayu adalah yang terpentas berbanding dengan kaum-kaum lain di Sarawak sejak 1970 sehingga 2000 dengan peningkatan yang konsisten sebanyak 3.1 peratus.¹⁹ Berdasarkan kepada jadual 2.1 menunjukkan etnik Melayu Sarawak mengalami peningkatan sebanyak 280,844 orang antara tahun 1970 dan 2000 yang antara tahun 1970 dan 2000, iaitu peningkatan dari 181,426 orang kepada 462,270 orang. Jadual 2.1 menunjukkan jumlah penduduk Melayu di Sarawak berbanding dengan etnik-etnik yang lain.


Jadual 2.1 : Jumlah Populasi Penduduk Sarawak Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2000

Etnik Tahun	Iban	Cina	Melayu	Bidayuh	Melanau	Lain-lain	Jumlah
1970	303,461	293,949	181,426	83,612	53,379	60,445	926,269
1980	368,508	360,553	248,757	104,914	69,813	83,008	1,235,553
1991	483,468	447,525	350,570	135,595	93,721	114,720	1,642,771
2000	603,735	537,230	462,270	166,756	112,983	125,793	2,071,506

Sumber: Laporan Banci Penduduk Sarawak 1970, 1980, 1991 and 2000

¹⁹ Lam Chee Kheung, *The Malay Population of Sarawak, 1947-2000*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, hlm. 5.

Rajah 2.1 : Graf Perbandingan Jumlah Populasi Penduduk Sarawak Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2000



Sumber: Laporan Banci Penduduk Sarawak 1970, 1980, 1991 and 2000

Menurut Lee Chee Keung, terdapat lima kawasan penempatan utama penduduk Melayu di Sarawak yang mengunjur dari bahagian pertama sehingga ke bahagian kelima. Lima bahagian tersebut ialah bahagian pertama (Kuching - termasuklah Samarahan), bahagian kedua (Sri Aman), bahagian ketiga (Sibu - termasuklah Sarikei dan Kapit), bahagian keempat (Miri - termasuklah Bintulu) dan bahagian kelima (Limbang). Berdasarkan jadual 2.2 di bawah menunjukkan majoriti masyarakat Melayu Sarawak menetap di Bahagian Kuching, iaitu sebanyak 99,990 orang pada tahun 1970 kepada 273,639 orang pada tahun 2000.²⁰ Keadaan ini dapat diperhatikan menerusi jadual 2.2 di bawah.

²⁰ Ibid., hlm. 27.


Jadual 2.2: Taburan Penduduk Melayu di Sarawak, 1970-2000

Tahun	1970		1980		1991		2000	
Bahagian	Melayu	Total*	Melayu	Total*	Melayu	Total*	Melayu	Total*
Pertama	99,990	346,973	137,792	451,811	200,084	594,079	273,639	777,854
Kedua	36,347	137,260	44,182	156,101	53,159	162,805	66,002	182,902
Ketiga	16,288	319,036	27,235	381,299	35,157	482,125	40,718	566,663
Keempat	17,371	135,918	26,540	199,518	45,224	340,587	60,856	469,525
Kelima	12,713	36,731	12,263	43,824	16,946	63,175	21,055	74,562
Total	182,709	975,918	245,012	1,235,553	350,570	1,642,771	462,270	2,071,506

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Sarawak, 1970-2000

Total* - Jumlah lain-lain etnik di bahagian tersebut.

Rajah 2.2: Graf Perbandingan Taburan Penduduk Melayu di Sarawak, 1970-2000



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Sarawak, 1970-2000

Total* - Jumlah lain-lain etnik di bahagian tersebut.

Masyarakat Melayu Sarawak yang difokuskan dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu di bahagian kedua yang merupakan penempatan orang Melayu yang kedua terbesar di Sarawak. Majoriti penduduk Melayu yang mendiami bahagian kedua tergolong dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Oleh yang demikian, bertitik tolak dari teori migrasi „out of Nusantara“ bab ini akan melihat bagaimana kewujudan orang Melayu Sarawak berdasarkan teori tersebut. Orang Melayu Sarawak pada asalnya merupakan satu kaum

yang bersatu padu dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri. Malah tidak keterlaluan dikatakan orang Melayu Sarawak merupakan kaum yang menguasai aspek politik, ekonomi dan sosial di Sarawak²¹ dan sangat dihormati oleh kaum-kaum yang lain. Kedudukan golongan Melayu Sarawak diakui dan mempunyai kedudukan tersendiri dalam sistem sosial masyarakat di Sarawak lantaran sumbangan besar mereka dalam pelbagai bidang sama ada dalam pentadbiran mahupun dalam bidang-bidang yang lain.²² Atas bantuan dan sokongan golongan ini telah memungkinkan rejim Brooke terus bertahan selama 100 tahun di Sarawak²³ sehingga penyerahan kuasa dilakukan oleh Raja Ketiga²⁴ daripada rejim Brooke kepada koloni British atas beberapa faktor.²⁵ Golongan Melayu ketika itu telah berjaya dalam mengukuhkan kedudukan mereka dan berjaya dalam memonopoli kebudayaan masyarakat²⁶ di Sarawak malah diakui kegemilangan pentadbiran mereka oleh kaum-kaum lain di negeri tersebut. Menurut Sanib Said, kebudayaan Melayu Sarawak dari segi agama, politik, sosial dan ekonomi boleh dikatakan yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di Sarawak. Namun, penguasaan kebudayaan Melayu Sarawak terutamanya dalam aspek ekonomi mula terhakis lebih-lebih lagi apabila berlakunya kemasukan orang Cina pada tahun 1870-an.²⁷ Walau bagaimanapun, kegigihan

²¹ Lihat, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 25, dan, Lihat juga, Sanib Said, *Melayu di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu*, hlm. 87-101.

²² Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, *Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik*, dlm Nik Hassan Shuhaimi Abd Rahman (ed) *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, Bangi, Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2013, hlm. 1101-1102.

²³ *Ibid.*, hlm. 1102.

²⁴ Raja Charles Vyner Brooke yang mengambil alih pentadbiran daripada bapanya, iaitu Raja Charles Brooke yang telah meninggal dunia pada tahun 1917. Raja Charles Vyner Brooke menyambung pentadbiran dalam keadaan Sarawak yang aman dan kurang berlakunya pemberontakan penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Dayak. Lihat, Borneo Literature Bureau, *Information on Sarawak*, Sarawak Information Service, 1960, hlm. 18 dan Hepburn, J., *The Handbook of Sarawak: Comprising Historical, Statistical and General Information Concerning The Colony Obtained From Official and Other Reliable Records and Compiled*, hlm. 22.

²⁵ Ini telah menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu berpecah kepada dua puak iaitu puak yang menyokong penyerahan Sarawak dan Puak yang menentang penyerahan Sarawak. Golongan penentang penyerahan (anti-cession) turut menaikkan poster seperti „No Cession“, „Sarawak Natives Want the Rajah Muda“ dan „We Want Brooke, not Bureaucracy“ manakala pihak yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British pula menaikkan poster seperti „We Love Cession“, „Down with Brooke“ dan „God Save the King“. Ketaksuban penyokong masing-masing bukan sahaja memecahkan masyarakat Melayu tetapi turut menyebabkan keluarga yang berpecah belah, bapa menentang anak, pergaduhan adik beradik berlaku dan kawan baik enggan bercakap dengan yang lain. Lihat, M. MacDonald, *Borneo People*, hlm. 347-352.

²⁶ Menurut Sanib Said kebudayaan Melayu Sarawak terdiri dari segi agama, politik, sosial dan ekonomi. Rujuk, Sanib Said, *Melayu di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu*, hlm. 87-101. Lihat juga, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 25.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 87.

dan usaha berterusan masyarakat Melayu Sarawak ini seharusnya dipuji kerana sentiasa mendapat tempat di hati setiap pentadbir yang berjaya mengambil alih kuasa di Sarawak.²⁸

Permasalahan tentang istilah Melayu Sarawak turut muncul sebagaimana asal usul masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Beberapa pengkaji luar ternyata gagal dalam memberikan pandangan untuk mengenalpasti Melayu yang sebenar di Sarawak dengan menyempitkan istilah Melayu Sarawak itu sendiri. Kajian J.C Jackson misalnya, memberikan pandangan dengan menyebut bahawa seseorang Melayu adalah mereka yang beranggapan mereka adalah Melayu malah dianggap sedemikian oleh orang yang sama bangsa dengan mereka.²⁹ Menerusi pandangan Jackson terhadap Melayu Sarawak telah memungkinan Tom Harrison dalam kajiannya mengatakan bahawa Melayu Sarawak ialah setiap orang yang menganut ajaran Islam.³⁰ Seterusnya, penelitian istilah yang diberikan oleh Abang Yusuf Puteh ternyata memberikan satu dimensi lain kepada pengertian Melayu Sarawak. Beliau menyatakan bahawa orang Melayu Sarawak merupakan bangsa yang bercampur dengan kaum-kaum lain yang tersebar di nusantara.³¹ Berdasarkan pengertian dan istilah yang diberikan beberapa pengkaji dapat dikatakan bahawa orang Melayu Sarawak ialah mereka yang beragama Islam, mengamalkan adat istiadat Islam, bercakap dalam bahasa Melayu yang terdiri daripada pelbagai loghat atau dialek dan kelompok yang mendiami daerah-daerah di Sarawak.

Manakala, penelitian terhadap leluhur orang Melayu Sarawak masih diperdebatkan sehingga sekarang dengan mengemukakan pelbagai bukti dan petunjuk oleh para pengkaji dan penulis. Perbincangan asal usul Melayu Sarawak mempunyai signifikan yang tersendiri

²⁸ Abang Ahmad Urai menjelaskan masyarakat Melayu Sarawak sentiasa mendapat tempat dan diberi peluang dalam pentadbiran dalam mana-mana pentadbiran sama ada semasa Kesultanan Brunei, Dinasti Brooke, Pendudukan Jepun dan Koloni British. Hal ini jelas kepada beliau kerana pernah hidup pada pemerintahan Brooke, pendudukan Jepun dan juga di bawah koloni British. Wawancara dengan Tokoh Politik dan Melayu Sarawak serta waris Datuk Merpati Jepang iaitu Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di kediamannya Jalan Muda Hasyim, Satok, Kuching pada 09 Januari 2014.

²⁹ J.C. Jackson, *Sarawak: Geographical Survey of Development Country*, London: University of London Press, 1965, hlm.29.

³⁰ T. Harrison, *The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia: A Socio Ecological Survey*, hlm. 159.

³¹ Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm.2.

dalam sejarah Sarawak terutamanya ketika di bawah pemerintahan kesultanan Melayu Brunei dan di bawah penguasaan Brooke. Perdebatan mengenai asal usul Melayu Sarawak telahpun bermula sejak 1840-an lagi,³² lebih-lebih lagi setelah James Brooke berjaya mengambil alih kuasa pemerintahan di Sarawak daripada kesultanan Melayu Brunei pada tahun 1841. Hal ini digambarkan melalui Robert Pringle, yang mengatakan bahawa istilah Melayu sememangnya tidak pernah wujud sebelum kedatangan Brooke di Sarawak. Menurut Robert Pringle, Brooke merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan gelaran orang Melayu di Sarawak buat pertama kalinya.³³ Malah lebih awal dari itu, Everett dan Hewitt mengatakan bahawa “... *Sarawak Malays are a very complicated mixtyre of entirely different types of people and in Sarawak there is no such thing as a Malay race*”.³⁴ Atas dasar itu, beberapa pandangan lain telah mula muncul sehingga menjadi perdebatan para sarjana seperti mana asal usul orang Melayu itu sendiri.

Terdapat beberapa pendapat yang tersebar luas mengenai asal usul orang Melayu Sarawak yang dikemukakan para pengkaji sejarah mengenai Sarawak. Pendapat pertama mengatakan orang Melayu Sarawak berasal dari Selatan Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.³⁵ Bukti yang dikemukakan untuk menyokong pendapat ini adalah persamaan budaya yang ketara di antara orang Melayu Sarawak dan orang di Sumatera serta Semenanjung Malaysia akibat penghijrahan besar-besaran orang Melayu dari kawasan-kawasan tersebut ke Sarawak pada ketika itu. Walau bagaimanapun, dakwaan ini ditolak oleh pengkaji-pengkaji yang lain disebabkan tiada bukti yang kukuh menunjukkan berlakunya penghijrahan besar-besaran ke Sarawak oleh orang Melayu dari Selatan Sumatera dan Tanah Melayu. Walaupun terdapat beberapa penempatan penghijrah Melayu

³² Antaranya, kewujudan pengkaji-pengkaji sejarah kerajaan Brooke, iaitu Baring-Gould, S. & Bampfylde, C.A., *A History of Sarawak Under its Two White Rajahs, 1839-1908*, London: Henry Sotheran, 1909.

³³ Istilah Melayu telah dibawa oleh Brooke dari Singapura pada tahun 1841, ianya digunakan kepada semua penduduk yang tinggal di pesisiran pantai hinggalah ke Kepulauan Nusantara. R.M. Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, Kuala Lumpur: S.A. Majeed & Co Sdn Bhd, 2007, hlm. xix dan 79.

³⁴ Everett & Hewitt, *A History of Santubong, an Island Off the Coast of Sarawak*, *JMBRAS* 52, 1909, hlm. 3.

³⁵ Rujuk, S.Baring Gould & C.A Bamfyldde, *A History of Sarawak Under its Two White Rajahs, 1839-1908*, hlm. 46.

di Kuching, Sarawak seperti Kampung Boyan dan Kampung Gersik. Namun kampung-kampung ini merupakan kampung yang baharu wujud kerana tidak dikenali sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak pada tahun 1839.³⁶

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh mengutarakan pandangan yang selari dengan pandangan yang pertama, iaitu orang Melayu Sarawak berasal dari Sumatera. Abang Yusuf Puteh berhujah melalui persamaan yang jelas penggunaan gelaran “abung” di Lampong dengan “abang” dalam kalangan orang Melayu di Sarawak. Selain itu, susur galur dalam keturunan kedua-dua masyarakat Melayu itu turut juga menunjukkan pangkat dan gelaran yang tinggi dalam strata sosial masyarakat tersebut. Walaupun kebanyakannya masyarakat Melayu Sumatera mengamalkan peraturan matrilokal dalam adat perkahwinan mereka namun Melayu Sarawak adalah bersifat bilateral (sama-sama menitik beratkan perempuan dan lelaki walaupun sebelah pihak lelaki dititikberatkan lebih sedikit). Hal ini sudah tentu bertentangan dengan sifat orang Minangkabau yang mengamalkan matrilinear atau menitikberatkan perempuan.³⁷

Pendapat kedua berhujah bahawa majoriti orang Melayu Sarawak berasal daripada masyarakat Dayak darat, iaitu suku kaum Bidayuh di Sarawak.³⁸ Pendapat ini berdasarkan kedatangan Islam ke Pulau Borneo pada abad ke-14 telah menyebabkan sejumlah besar masyarakat Iban, Bidayuh, Melanau, Kedayan dan kumpulan-kumpulan asli (peribumi) kecil yang lain telah memeluk Islam yang juga dianggap sebagai satu cara untuk 'masuk Melayu' (menjadi Melayu). Hal ini didakwa telah membentuk satu kumpulan masyarakat Melayu Sarawak. Walaupun hujah ini diterima secara meluas oleh kebanyakan sarjana,

³⁶ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search For Unity and Political Ascendancy*, hlm. 5.

³⁷ Abang Yusuf Puteh, *Beberapa Segi Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm. 2.

³⁸ T. Harrison, The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia, dlm. *Sarawak Museum Journal*, Vol.11, 1964, hlm. 349. Pandangan ini ditolak oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisanannya *Beberapa Segi Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 2.

termasuk Harrison pada tahun 1970, namun hujah-hujah yang dibangkitkan oleh para pendukung pendapat ini sangat lemah.

Takrifan yang tepat mengenai tempat asal usul mereka sangat mustahil untuk ditentukan kerana orang Melayu Sarawak merupakan sebuah masyarakat yang bercampur baur dengan kaum-kaum lain di Sarawak. Namun dapat disimpulkan bahawa orang Melayu Sarawak merupakan keturunan bangsa Melayu dan bukan keturunan apa-apa bangsa yang lain. Orang Melayu Sarawak dalam kajian ini juga merujuk kepada orang Melayu yang tinggal di kawasan pesisiran sebagaimana yang menjadi fokus pemikiran Abang Yusuf Puteh.³⁹ Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Benedict Sandin yang mengatakan bahawa migrasi dalam kalangan masyarakat Iban bukan lagi satu fenomena baharu dan ianya merupakan sebahagian kebudayaan dan praktik tradisional sejak dahulu lagi. Perpindahan masyarakat Iban ini sudah tentu berlaku akibat daripada sesuatu yang perlu untuk mereka elakkan seperti melarikan diri daripada serangan musuh sama ada untuk mendapatkan kepala (*headhunter*) atau merompak harta benda mereka atau mungkin untuk mendapatkan tanah-tanah baharu untuk bercucuk tanam.⁴⁰

Penghijrahan masyarakat Iban dari kawasan lain dan bukannya penduduk asal peribumi di Sarawak dapat disaksikan dengan pendapat seterusnya, iaitu masyarakat ini berasal dari Kumpang, iaitu berada dalam kawasan wilayah utara Kapuas dan Ketungau di Kalimantan seawal tahun 1540M. Kelompok ini memasuki Sarawak melalui jalan sungai antara Batang Kapuas dan Batang Lupar lalu berselerakan ke kawasan-kawasan lain seperti Lingga dan Sebuyau. Pendapat Peter ini turut mengetengahkan berlakunya ekspedisi Kayan, iaitu penghijrahan masyarakat Kayan dari Kalimantan ke Sarawak dalam tahun 1863 dan

³⁹ Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, 2008, hlm. 1-3. Lihat juga, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, 2008, hlm. 12.

⁴⁰ Lihat, Benedict Sandin, *Return Iban (Iban Genealogy)*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1967, hlm. 41.

berterusan sehingga tahun 1870. Seterusnya semakin meluas selepas tahun 1880-an di Lembah Baram, Limbang, Lawas dan Sungai Belain.⁴¹

Pendapat tersebut turut bertentangan dengan pernyataan James C. Jackson yang menyebut tentang perpindahan beramai-ramai orang Iban dari Sungai Kapuas, Kalimantan menuju ke barat laut melalui kawasan pergunungan dan seterusnya memasuki kawasan Sarawak pada awal kurun ke-19.⁴² Freeman dan Richards⁴³ lebih awal daripada itu turut mengemukakan pandangan yang seriring, iaitu terdapat dua hala perpindahan orang Iban ke Sarawak, iaitu menerusi Sungai Rejang, Batang Lupar dan Sungai Kanyau (cabang kepada Sungai Kapuas di Kalimantan). Hal ini membuktikan bahawa orang Melayu Sarawak telah wujud dan menetap di Sarawak sejak dahulu lagi sebelum kedatangan Brooke dan bukannya berasal daripada masyarakat yang lain.

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Benedict, Peter dan Jackson membuktikan bahawa kedatangan masyarakat Dayak dan Iban ke Sarawak adalah terkemudian berbanding dengan kedatangan dan tempoh masyarakat Melayu membina penempatan dan penghidupan di Sarawak. Ini menjelaskan bahawa pendapat yang mengatakan orang Melayu Sarawak berasal usul daripada masyarakat Dayak dan Iban adalah tidak tepat. Begitu juga pendapat yang dikemukakan, iaitu pembentukan Melayu di Sarawak adalah hasil daripada perkembangan agama Islam dengan pengislaman penduduk peribumi yang membawa kepada pembentukan orang Melayu merupakan satu pegangan yang sangat longgar dan satu tanggapan yang tidak logik sama sekali.

⁴¹ Lihat, Peter, M. Kedit., *Iban Bejalai*, Kuala Lumpur; Ampang Press, 1993. Menurut Guerreiro, tidak ada sesiapa yang pasti tarikh tepat bermulanya migrasi masyarakat Kayan ke Sarawak. Namun ada yang mengatakan bahawa ianya bermula sekitar 200 tahun dahulu tetapi tidak ada bukti yang kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut. Rujuk, Guerreiro A.J, The Lahanans: Some Notes on the History of a Kajang Group, *Sarawak Gazette*, No. 1500, 1987, hlm. 3. Lihat juga, Penghulu Nyipa, Migration of the Kayan People, *The Sarawak Museum Journal*, Vol VII, June, 1956, hlm. 21-24.

⁴² J.C. Jackson, *Sarawak: Geographical Survey of Development Country*, London: University of London Press, 1965, hlm. 30.

⁴³ J.D. Freeman, *Iban Agriculture : A Report on the Shifting Cultivation of Hill Rice by the Iban of Sarawak*, London, H.M.S.O (Colonial Research Studies, No.18), 1955, hlm. 11-20, dan, lihat juga, A.J.N. Richards, The Migration of the Ibans and Their Petry, *The Sarawak Museum Journal*, Jil. V, No. 1, 1949, hlm. 77-78.

Menurut penulisan mutakhir Sanib Said,⁴⁴ penegasan beliau jelas dalam mempertahankan Melayu adalah Melayu dan bukannya daripada mana-mana kaum atau pun bangsa yang wujud di Sarawak. Penduduk di dunia Melayu, termasuk di Borneo, dalam sejarah awalnya adalah berbangsa Melayu. Sesetengah mereka beragama animisme atau Hinduisme. Apabila agama Islam dianuti oleh semua kerajaan ketika itu, maka sebilangan besar orang Melayu dan Melayu yang tidak memeluk Islam menjadi suku kaum yang lain yang mana pada abad ke-19 telah dilabelkan dengan berbagai nama, termasuk nama umum Dayak.⁴⁵ Hal ini menunjukkan bahawa pendapat yang mengatakan „masuk Melayu“ dengan memeluk agama Islam sebagai asas kepada pembentukan orang Melayu Sarawak oleh masyarakat peribumi merupakan satu tanggapan yang sangat lemah. Pandangan ini hanya boleh diterima apabila menganggap bahawa perkembangan masyarakat Melayu telahpun berlaku sebelum memeluk Islam dan seterusnya ajaran Islam diserap ke dalam masyarakatnya. Oleh hal yang demikian, orang Melayu di Sarawak adalah orang Melayu dan tidak mungkin berasal daripada kaum lain di Sarawak.

Pandangan yang ketiga, kewujudan bangsa Melayu di Borneo telah bermula sebelum zaman pra sejarah lagi sebagaimana yang diutarakan oleh Robert Blust.⁴⁶ Hujahnya ialah sebuah kerajaan Melayu Borneo di Kalimantan Barat telah memindahkan segala aktiviti dan kuasanya ke Tenggara Sumatera yang kemungkinan berlaku pada abad yang ke-5 atau ke-6 SM atas dasar untuk memastikan kelebihannya ke atas negara jirannya dalam aktiviti perdagangan antarabangsa. Selepas kerajaan Melayu Borneo ini berpindah ke Sumatera, pusat budaya Melayu telah beralih ke kawasan Selat yang kemudiannya diiktiraf sebagai

⁴⁴ Sanib Said. Kerajaan Awal di Sarawak Sebelum 1400ES, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 3, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 94-107.

⁴⁵ Menurut Sanib Said di Borneo, khususnya Sarawak, apabila disoal siapa Melayu, dijawab “Dayak masuk Islam”. Dari segi sejarah ini mungkin tidak tepat; ini merupakan soalan yang salah. Sebaliknya, ditanya siapa Dayak dan dijawab “Melayu yang tidak masuk Islam”, kerana pada sejarah awal semuanya adalah Melayu dan semua Hindu kerana belum masuk Islam. Lihat, Sanib Said, Kerajaan Awal di Sarawak Sebelum 1400ES, 2012, hlm. 98.

⁴⁶ Rujuk, *Whence The Malays?*, dlm. James T. Collins & Awang Sariyan (Ed.), *Borneo and The Homeland of The Malays*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 64-65.

asal-usul sejarah Melayu. Ini menunjukkan bahawa orang Melayu Sarawak berasal daripada orang Melayu yang telah wujud ketika pra-sejarah lagi di Kalimantan Barat, Borneo.

Hal ini membenarkan pandangan Abang Yusuf Puteh yang mengatakan orang Melayu Sarawak adalah Melayu dan bukannya berasal daripada mana-mana kumpulan etnik lain di Borneo. Walau bagaimanapun, beliau tetap menerima pandangan yang mengatakan bahawa telah berlakunya asimilasi antara etnik yang terdapat di Sarawak melalui ikatan perkahwinan dengan masyarakat Melayu Sarawak itu sendiri. Di samping itu, turut menerima pandangan yang mengatakan penduduk Melayu Sarawak yang terawal datang ke Sarawak melalui gelombang migrasi daripada kawasan-kawasan lain di Asia ketika itu. Bermula dengan Datu Merpati yang datang dari Pagar Ruyung, Palembang, Sumatera yang telah sampai ke Sarawak melalui Johor dan Sambas di Kalimantan Barat pada abad ke-15.⁴⁷ Seterusnya kedatangan Abang Gudam putera kedua kepada Raja Harun dari Pagar Ruyung, Sumatera (Minangkabau) yang mengembara sehingga sampai ke Saribas⁴⁸ sekitar abad ke-16.⁴⁹ Begitu juga, perpindahan penduduk Melayu dari Brunei terutamanya ketika Sarawak berada di bawah penguasaan Kesultanan Melayu Brunei.⁵⁰

Penelitian terhadap penulisan mengenai Datu Merpati sering dikaitkan dengan keturunan masyarakat Melayu di bahagian Kuching manakala Datu Abang Gudam pula dikaitkan dengan asal usul jurai keturunan masyarakat Melayu di Saribas dan kawasan sekitarnya. Oleh yang demikian, berpandukan kepada sejarah asal usul masyarakat Melayu di Sarawak dapat dipecahkan kepada dua kumpulan utama, iaitu Melayu Sarawak

⁴⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak*, 1998, hlm. 5.

⁴⁸ Anthony Richards, The Descent of Some Saribas Malays, dlm *Sarawak Gazette*, Vol CIV, No. 1444, 30 June 1978, hlm. 134-137, dan, lihat juga, Mohammed Yusof Shibli, The Descent of Some Kuching Malays, dlm *The Sarawak Museum Journal*, Vol 2, 1950, hlm. 262.

⁴⁹ Tempoh masa ini dapat dikaitkan dengan tempoh masa pemerintahan Sultan Abdul Kahar di Brunei ketika itu yang dicatatkan oleh Awang Muhammad al-Sufri sekitar tahun 1524 hingga 1530. Dalam tempoh tersebut Temenggong Kadir telah melarikan diri dari Brunei kerana kecewa dengan tindakan sultan yang mengambil anaknya, iaitu Dayang Chi" sehingga terdampar di satu tempat dinamakan Saribas. Akhirnya mendirikan kerajaan Saribas. Lihat, Awang Muhammad al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Brunei: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2001, hlm. 39.

⁵⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak*, 1998, hlm. 5.

(bahagian Kuching sekarang) dan Melayu Saribas (kebanyakannya adalah masyarakat Melayu di kawasan pesisir).

Lanjutan daripada itu, terdapat banyak pendapat yang menerima asal usul Melayu Sarawak adalah daripada keturunan Datu atau Datuk Merpati daripada Minangkabau, Sumatera yang berhijrah ke Sambas Kalimantan bersama-sama isterinya, iaitu Pemaissuri (Puteri kepada Raja Undi atau Raja Jarum dari Johor), dan kemudiannya ke sebuah tempat yang dinamakan Santubong di Sarawak. Antara tokoh yang mengemukakan pendapat ini ialah Mohammed Tahir Abdul Gani,⁵¹ Tom Harrison⁵² dan Ishikawa⁵³ bersetuju dengan pendapat tersebut. Seterusnya, Mohammed Rakawi Yusuf dan Hepburn pula mempunyai pandangan dan dapatan yang berbeza berbanding dengan pendapat tokoh-tokoh sebelumnya. Walaupun bersetuju tentang asal usul Melayu Sarawak daripada keturunan Datuk Undi ataupun Raja Jarum, namun mereka berpendapat bahawa Datuk Undi merupakan moyang kepada orang Melayu Sarawak dan telah berhijrah dari Sumatera ke Pulau Borneo. Kemudiannya anak Datuk Undi, iaitu Datuk Permaisuri telah dikahwinkan dengan Datuk Merpati atau Adipati yang berasal dari Sumatera. Setelah berlakunya kemerosotan dan kejatuhan kerajaan Majapahit pada ketika itu telah mendorong keduanya untuk mengembara ke Sarawak.

Bukti yang dikemukakan oleh Mohammed Rakawi Yusof adalah penggunaan perkataan „kola“ yang digunakan oleh „ulun“ atau orang suruhan apabila bercakap dengan golongan datu atau datuk. Penggunaan perkataan „kola“ adalah kata ganti nama yang bermaksud saya.

⁵¹ Lihat, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989. Terbitan asalnya pada tahun 1932.

⁵² Lihat, *The Malays of South-West Sarawak before Malaysia: A Socio-ecological Survey*, Ann Arbor: Michigan State University Press, 1970. Walau bagaimanapun, Harrison beranggapan orang Melayu di Sarawak berasal daripada kaum peribumi lain di Sarawak.

⁵³ Lihat, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s – 1990s*, 1998, hlm. 47-49.

Kola berasal dari perkataan Jawa iaitu „ku-lah“ bahasa yang digunakan oleh orang Jawa apabila bercakap dengan ratu-ratu mereka.⁵⁴

Pandangan Mohammed Rakawi Yusuf dan Hepburn turut dikongsikan oleh Abang Ahmad Urai yang berpendapat orang Melayu Sarawak berasal daripada keturunan Raja Jarum pemerintah Johor dan Datu Merpati dari Sumatera.⁵⁵ Hal ini demikian kerana banyak pendapat mengatakan bahawa Datu Merpati, iaitu keluarga Diraja Minangkabau telah melakukan pelayaran sehingga tiba di satu tempat dinamakan Santubong bersama isterinya Datu Pemaisuri⁵⁶ di Sarawak dan telah mengahwinkan anaknya, iaitu Merpati Jepang dengan anak keturunan Melayu Perabangan yang berasal dari keturunan Kesultanan Perabangan di Sanggau, Kalimantan, iaitu Abang Adi.⁵⁷ Bahkan, orang Melayu di Sarawak juga dikatakan telah wujud terlebih dahulu berbanding kaum-kaum lain di Sarawak.⁵⁸

Ishikawa bersependapat dengan pandangan Abang Ahmad Urai dan Mohammad Shibli yang mengatakan orang Melayu Sarawak berasal daripada keturunan Diraja Minangkabau di Sumatera. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya keturunan Datu Merpati di Sarawak terutamanya dari susur galur keturunan golongan Melayu Perabangan. Bukti kewujudan nama sebuah sekolah kebangsaan di Kuching yang mengambil nama Datu Merpati Jepang juga dianggap sebagai satu bukti penting asal usul orang Melayu daripada keturunan Raja Jarum di Sumatera.⁵⁹

⁵⁴ Rujuk, *Hikayat Sarawak*, 1932. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, 2008, hlm. 20.

⁵⁵ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Sri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Mohiden, bapa beliau merupakan salah seorang golongan pembesar perabangan ketika rejim Brooke dan merupakan ahli politik yang telah bersara serta mempunyai hubungan persaudaraan dengan Abang Yusuf Puteh. Ishikawa, Noboru, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s – 1990s*, 1998, hlm. 47-49, menegaskan bahawa Raja Jarum adalah Sultan Johor yang merupakan ayahanda kepada Datu Pemaisuri, iaitu isteri kepada Datu Merpati, dan lihat juga, Mohammed Yusof Shibli, *The Descent of Some Kuching Malays*, 1950, hlm. 262-264. Beliau menyatakan Raja Jarum, iaitu Sultan Johor juga dikenali sebagai Datu Undi.

⁵⁶ Datu Pemaisuri adalah Puteri kepada Raja Jarum pemerintah Kerajaan Johor.

⁵⁷ Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*. 2008, hlm. 1-2, lihat juga, Abang Yusuf Puteh. *Malay Politics and Perabangan*, 1999, hlm. 72-78 dan temubual dengan Tan Sri Datuk Sri Abang Ahmad Urai turut menyatakan pandangan yang sama, iaitu Perkahwinan tersebut antara anak Datu Merpati, iaitu Merpati Jepang dan Dayang Murdiah, iaitu anak perempuan kepada Abang Adi.

⁵⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996, hlm. 4-5. Beliau mengatakan bahawa orang Melayu di Sarawak telah wujud sejak lama dahulu dan bukan daripada keturunan mana-mana kumpulan etnik di Borneo. Ini sebagaimana dijelaskan oleh Sanib Said dalam bukunya *“Malay Politic In Sarawak 1945-1966”* tahun 1985 dan lihat juga, Hedda Morrison, *Sarawak*, 1957, hlm. 127. Ini sekaligus menyanggah pandangan dan pendapat sarjana barat seperti Tom Harrison, iaitu Bekas Kurator Muzium Sarawak .

⁵⁹ Lihat, Hedda Morrison, *Sarawak*, 1957, hlm. 47.

Selain itu, peraturan dan adat perkahwinan masyarakat Melayu Sarawak dengan orang-orang Minangkabau turut dipertemukan titik persamaan terutamanya dalam aspek „menyerah“ yang dilakukan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan tinggal dan menetap di rumah pengantin perempuan dan tidak sepertimana yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Sembilan.⁶⁰ Walau bagaimanapun, pembuktian ini belum ada kesahihannya dan tidak ada bukti yang benar-benar kukuh untuk menyokong pandangan ini. Asimilasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak menjadikan ianya amat mustahil untuk menjelaskan asal usul orang Melayu Sarawak secara tepat.

Seterusnya, masyarakat Melayu Saribas yang dikaitkan dengan keturunan Datu Abang Gudam pula pernah dibincangkan dalam penulisan Anthony Richards pada tahun 1978.⁶¹ Kajian mutakhir berkaitan Datu Abang Gudam turut menjadi fokus Sanib Said pada tahun 2013.⁶² Menurut Anthony Richards, keturunan keluarga sebelah lelaki masyarakat Melayu di Saribas berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dari keturunan Raja Suran dan „*Alexander The Great*“ manakala keturunan sebelah perempuan adalah dari Brunei dan Jawa melalui Johor. Abang Gudam merupakan anak kedua Raja Harun yang telah membawa diri kerana berasa tidak layak mewarisi takhta yang diwasiatkan ayahandanya sehingga sampai ke sebuah negeri bernama Saribas. Di situlah beliau berkenalan dengan Temenggong Kadir, iaitu pemerintah negeri Saribas. Temenggong Kadir akhirnya meminta pertolongan dari Abang Gudam untuk mendapatkan kembali anaknya Dayang Chi“ atau Dang Chi“ di paksa

⁶⁰ Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, 2008, hlm. 2 dan lihat, Awg Kasmurie et. al, *Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik.*, dlm. Nik Hassan Shuhaimi Abd. Rahman (Ed) *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2013, hlm. 1102.

⁶¹ Rujuk, Anthony Richards, „The Descent of Some Saribas Malays, *Sarawak Gazette* Vol CIV No. 1444, 30 June 1978, hlm. 134-137, dan „The Descent of Some Saribas Malay“, *Sarawak Museum Journal*, Vol. II, Nos 21-2 (July-December 1963, hlm. 99-107.

⁶² Merujuk kepada Sanib Said, „*Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Dangan Temenggong Kadir Negeri Saribas: Kajian Pensejarahan Melayu*“. Tesis Kedoktoran Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2013.

tinggal di istana sultan.⁶³ Abang Gudam telah berjaya mendapatkan semula Dayang Chi“ menerusi tanda lahir yang diberitahu terlebih dahulu oleh Temenggong Kadir. Menurut Sanib Said, Temenggong Kadir dan isterinya bersetuju untuk mengahwinkan Dayang Chi“ dan Abang Gudam sebagai memenuhi janji setelah berjaya membebaskan anak mereka. Seterusnya, Temenggong Kadir telah menyerahkan kerajaannya kepada Abang Gudam untuk meneruskan pemerintahan negeri Saribas.⁶⁴ Namun menurut Anthony Richards, setelah berjaya mendapatkan semula Dayang Chi“ di Brunei mereka telah melarikan diri dan telah berkahwin di Putat dan menetap di situ.⁶⁵

Oleh yang demikian, berdasarkan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan membuktikan bahawa kewujudan orang Melayu di Sarawak telahpun bermula sebelum kedatangan Brooke lagi. Pandangan dan pendapat yang dikemukakan sekaligus menepis pendapat yang mengatakan bahawa istilah Melayu hanya wujud apabila Brooke mula berkuasa di Sarawak pada tahun 1841. Ini sekaligus menafikan pandangan yang lebih liar mengatakan orang Melayu Sarawak adalah berasal daripada susur galur etnik lain yang terdapat di Sarawak.⁶⁶ Pandangan yang dipelopori oleh Tom Harrison ini turut menjadi sandaran Sanib Said⁶⁷ yang bersetuju mengatakan bahawa masyarakat Melayu Sarawak berasal daripada susur galur etnik lain yang terdapat di Sarawak. Sarjana yang berpegang kepada pendapat bahawa orang Melayu Sarawak berasal daripada kaum lain yang terdapat di Sarawak percaya orang Melayu Sarawak merupakan golongan kacukan dan paling tidak

⁶³ Anthony Richards, „The Descent of Some Saribas Malays, 30 June 1978, hlm. 134-137. Lihat juga, Benedict Sandin, „Descent of Some Saribas Malays (and Ibans), *Sarawak Museum Journal*, Vol. XI (23-24), 1964, hlm. 512-515.

⁶⁴ Sanib Said, „*Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Dangan Temenggong Kadir Negeri Saribas: Kajian Pensejarahan Melayu*“. Tesis Kedoktoran Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2013, hlm. 151-152.

⁶⁵ Anthony Richards, „The Descent of Some Saribas Malays, 30 June 1978, hlm. 134-137.

⁶⁶ Tom Harrison mengatakan bahawa orang Melayu di Sarawak adalah berasal dan susur galur daripada kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak. Walaupun, pada hakikatnya beliau sependapat dengan Mohammad Tahir Abdul Ghani tentang asal usul Datuk Merpati. Tom Harrison, *The Malays of South-West Sarawak before Malaysia: A Socio-ecological Survey*, 1970.

⁶⁷ Lihat, Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, 1985. Walau bagaimanapun, beliau akhirnya bersetuju dengan pandangan kaum Melayu adalah penghuni negeri Sarawak yang awal, jika tidak yang terawal sekali jika dibandingkan dengan orang lain. Dengan bukti sejarah yang ada orang Melayu adalah yang lebih bumiputera jika dibandingkan dengan kaum yang lain. Rujuk, Sanib Said, *Melayu Dalam Sejarah Sarawak : Iktibar Untuk Pembangunan Masa Depan*, dlm. *Seminar Budaya Melayu Sarawak II*, 28-30 Jun 1993, Yayasan Budaya Melayu & Kerajaan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 3-4. Lihat juga, Sanib Said, dlm *Polemik Sejarah Malaysia*, 2012, hlm. 95.

asli dalam kalangan penduduk peribumi yang lain. Ciri-ciri bahasa daripada etnik-etnik lain seperti Melanau, Iban dan Bidayuh dalam bahasa Melayu Sarawak antara kayu ukur yang digunakan untuk menjelaskan pandangan ini.⁶⁸

Pendapat aliran yang mengatakan orang Melayu Sarawak berasal daripada kaum lain ternyata ditolak dan ditentang oleh Abang Yusuf Puteh dengan mengatakan bahawa orang Melayu Sarawak adalah orang Melayu dan bukannya susur galur daripada kumpulan etnik lain di Sarawak.⁶⁹ Hal ini diperkukuhkan lagi dengan penulisan Abang Abdul Razak, iaitu bangsa Melayu Sarawak mempunyai sejarah yang tua. Kisah Datuk Merpati telah memulakan sejarah bangsa Melayu Sarawak di Lembah Sungai Sarawak dengan menubuhkan sebuah kerajaan di Pasir Kuning yang dikenali sebagai Santubong.⁷⁰ Terdapat bukti kukuh yang menyebut telah wujudnya sebuah kota pelabuhan penting sejak abad ke-7 lagi di kawasan tersebut.⁷¹ Selain itu, kajian arkeologi yang dilakukan membuktikan telah wujud kerajaan-kerajaan Melayu tua di Sarawak. Antaranya Samarahan, Kalaka, Sadong dan beberapa buah lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan-kerajaan tua Melayu ini akhirnya telah jatuh ke tangan Kesultanan Melayu Brunei.⁷² Menurut Jamil al-Sufri, pada awal abad ke-17M Sarawak telah menjadi sebuah negeri yang berdaulat apabila Sultan Brunei melantik adindanya Pengiran Tengah menjadi Sultan Sarawak Darul Hana. Baginda telah dikurniakan sebanyak 1000 orang pengikut yang terdiri daripada para pembesar dan hulubalang. Walau bagaimanapun, baginda akhirnya telah mangkat setelah dibunuh oleh hambanya dan dimakamkan di Santubong.⁷³

⁶⁸ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, 2013, hlm. 11.

⁶⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, 1996, hlm. 5. Lihat juga, Sanib Said, dlm. *Polimik Sejarah Malaysia Jilid ke-3*, 2012, hlm. 95.

⁷⁰ Rujuk, Abang Abdul Razak, *Kisah Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

⁷¹ Tom Harisson & S.J O'Connor, The Prehistoric Iron Industry in the Sarawak River Delta: Evidence By Association, *The Sarawak Museum Journal XII*, 1968, hlm.3. Lihat juga, Sanib Said, The History of Sarawak: When We Begin?, dlm SAWAKU, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak I*, 1, 1991.

⁷² Amin Sweeney, "Silsilah Raja Berunai", *JMBRAS*, 1968.

⁷³ Jamil al-Sufri, Sultan Tengah: Sultan Sarawak Darul Hana Pertama & Yang Terakhir, SAWAKU, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak I*, 1, 1991, hlm. 78.

Berdasarkan perbincangan terdapat pelbagai versi pendapat berhubung leluhur orang Melayu Sarawak yang telah diutarakan berserta hujah-hujah untuk membenarkan pendapat masing-masing berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Berlandaskan kepada kekuatan dan keampuhan bukti jelas menunjukkan bahawa asal usul orang Melayu Sarawak mempunyai hubungan yang signifikan dengan masyarakat Melayu di Sumatera. Walau bagaimanapun, dengan bermulanya pembentukan Malaysia hasil daripada persetujuan Singapura,⁷⁴ Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963, gelaran Melayu di Sarawak telah diperkukuhkan lagi dengan penetapan kriteria bangsa Melayu sebagai mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan⁷⁵ 1963.⁷⁶

Menerusi penulisan Jeniri Amir, beliau mengatakan bahawa terdapat banyak pendapat yang diusulkan berkaitan leluhur orang Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, beliau mengambil pendekatan dengan menyimpulkan bahawa sememangnya telah wujudnya orang Melayu asli di Sarawak tetapi dalam masa yang sama sudah pasti berlakunya proses asimilasi kaum kesan daripada penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat peribumi. Akhirnya, masyarakat yang telah menganut agama Islam ini menggelarkan diri mereka sebagai orang Melayu. Oleh yang demikian, Jeniri Amir menyifatkan ianya sebagai penyumbang kepada keunikan sejarah dan budaya masyarakat Melayu di Sarawak sehingga hari ini.⁷⁷

⁷⁴ Singapura akhirnya dikeluarkan daripada Malaysia pada 7 Ogos 1965. Lihat Kosim, M. Belajar dari Negara Tetangga: Catatan Wisata Ilmiah ke Singapura., *Jurnal Karsa* (Terakreditasi No. 80/DIKTI/Kep/2012), 18(2), 2012, hlm. 96-113, dan, lihat, *Fail National Archives of Australia*, A1838/280/3028/2/1 part 2.

⁷⁵ Penetapan istilah Melayu dari segi undang-undang dan perlembagaan bagi Syed Husin Ali akan menambah rumitkan takrifan Orang Melayu, iaitu takrifan mengikut undang-undang dan penggunaan istilah bumiputera. Hal ini demikian kerana mengikut undang-undang sesiapa sahaja dan berketurunan apa saja, asalkan beragama Islam, bercakap menggunakan bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu maka secara teorinya seseorang itu berketurunan Melayu.

⁷⁶ *Perlembagaan Persekutuan 1963*, Perkara 160 (2).

⁷⁷ Lihat, Jeniri Amir, *Asal Usul Melayu Sarawak: Menjejak Titik Tidak Pasti*, *Jurnal Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 1-17.

ISTILAH ‘MASUK MELAYU’

Perubahan politik yang berlaku dalam sejarah Sarawak daripada pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei, penjajahan rejim Brooke (1841-1941), pendudukan Jepun (1941-1945), penjajahan koloni British (1946-1963) dan seterusnya pembentukan Persekutuan Malaysia 1963 dikatakan telah membawa kepada pembentukan beberapa kumpulan etnik di Sarawak. Terdapat pendapat yang dikemukakan bahawa orang Melayu di Sarawak terhasil dengan pengenalan istilah „masuk Melayu“ yang digunakan ketika pentadbiran Brooke 1841.⁷⁸ Istilah „masuk Melayu“ sering kali dikemukakan oleh sarjana barat mengenai asal usul kewujudan masyarakat Melayu di Sarawak. Sarjana yang berpegang kepada paksi bahawa kewujudan masyarakat Melayu di Sarawak yang berasal daripada masyarakat peribumi yang lain terutamanya etnik Dayak, beranggapan istilah „orang Melayu Sarawak“ yang digunakan di Sarawak adalah sangat longgar.⁷⁹ Situasi ini disebabkan penggunaan istilah „masuk Melayu“ digunakan adalah sebenarnya berkaitan tentang perluasan dan perkembangan Islam di Sarawak.⁸⁰

Mengikut pendukung kepada pandangan ini, sebelum kedatangan James Brooke⁸¹ di Sarawak, istilah Melayu sememangnya tidak pernah wujud sebelum itu. Oleh yang demikian, Brooke dikatakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan gelaran orang Melayu buat pertama kalinya di Sarawak.⁸² Pandangan yang mencitrakan tentang tidak

⁷⁸ Noboru Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, Tesis Ph.D yang diterbitkan, New York: The City University of New York, 1998, hlm. 38-39.

⁷⁹ Rujuk, Awang Hasmadi Awang Mois, Masalah Masyarakat Melayu Sarawak dan Pembangunan, dlm *Seminar Budaya Melayu II*, 28-30 Jun 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 1993, hlm. 2, King, V., Additional Notes On The Malohs and Related People of Kalimantan Barat: The Value of Dutch Ethnography”. *Sarawak Museum Journal*. Vol XX. 1972, hlm. 94, Tom Harrison, *The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia*, 1970, hlm. 159, dan, John Goately, *The Malays*, dlm Tom Harrison (ed). *The Peoples of Sarawak*. The Sarawak Museum, Kuching, 1959, hlm. 103-113.

⁸⁰ Awang Hasmadi Awang Mois, *Adat Melayu Sarawak*, dlm Abdul latiff Abu Bakar (Ed) *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*, 2001, hlm. 158. Lihat juga, King, V., Additional Notes On The Malohs and Related People of Kalimantan Barat: The Value of Dutch Ethnography, 1972, hlm. 94. King memprojeksikan kewujudan masyarakat Melayu di Sarawak adalah terhasil daripada penyebaran dan peluasan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat peribumi yang terdiri daripada pelbagai kaum. Hal ini demikian kerana beliau berpandangan proses yang membawa kepada kewujudan orang Melayu Sarawak adalah melalui proses yang diistilahkan sebagai „masuk Melayu“.

⁸¹ Raja Putih pertama di Sarawak selepas penyerahan Sarawak oleh Kerajaan Brunei kepada James Brooke.

⁸² Istilah Melayu telah dibawa oleh Brooke dari Singapura pada tahun 1841, ianya telah digunakan kepada semua penduduk yang tinggal di pesisiran pantai hinggalah ke kepulauan Nusantara. Lihat, R.M. Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, 2007, hlm. xix dan 79.

wujudnya masyarakat Melayu di Sarawak sebelum bermulanya pentadbiran Brooke memprojeksikan kedangkalan para sarjana tentang penguasaan dan kebijaksanaan pentadbiran orang Melayu Sarawak sebelum itu. Pelbagai bentuk penulisan berkaitan sejarah Sarawak sentiasa menzahirkan masyarakat Melayu sememangnya telah wujud sebelum kedatangan Brooke lagi.⁸³

Kewujudan orang Melayu di Sarawak adalah disebabkan kemasukan masyarakat peribumi yang lain seperti Iban, Bidayuh, Melanau dan Kedayan ke dalam agama Islam yang diistilahkan sebagai „masuk Melayu“. Menurut mereka keadaan ini telah mewujudkan kelompok Melayu di Sarawak. Hal ini menjelaskan bahawa orang Melayu sememangnya tidak wujud di Sarawak melainkan sama ada melalui asimilasi penduduk, perkahwinan dan penyebaran agama Islam itu sendiri. Orang Melayu Sarawak menurut istilah „masuk Melayu“ adalah tidak asli dan berasal daripada kaum-kaum peribumi kecil lain yang terdapat di Sarawak. Hal ini sebagaimana yang digambarkan oleh A.B Ward bahawa orang Melayu dan Iban (*Sea Dayak*) adalah daripada keturunan yang sama setelah memperincikan aspek fizikal, bahasa dan hubungan sosial mereka. Namun kedua-duanya dipisahkan oleh agama yang dibawa oleh pendakwah Islam yang bertindak menyebarkan Islam di sepanjang pantai Borneo pada kurun ke-15.⁸⁴

Menurut Pringle, penduduk Sarawak lebih gemar mengenali antara satu sama lain berdasarkan kawasan dan nama sahaja seperti „orang Banting“ atau „orang Saribas“.⁸⁵ Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, gelaran Melayu tidak digunakan sebelum kedatangan Brooke ke Sarawak tetapi lebih merujuk kepada kawasan penempatan kaum-

⁸³ Elizabeth Pollard turut menggunakan perkataan „*Local Malay*“ untuk merujuk kepada masyarakat Melayu Sarawak ketika penentangan orang Melayu dan Dayak terhadap pentadbiran Pengiran Mahkota di Sarawak pada tahun 1836. Hal ini jelas menunjukkan kewujudan orang Melayu Sarawak sebelum kedatangan Brooke lagi, sekaligus menolak pandangan sempit sarjana-sarjana seperti Tom Harrison. Lihat, Elizabeth Pollard, *Kuching Past and Present*, Sarawak: Borneo Literature Bureau, 1972, hlm. 2.

⁸⁴ Ward, A.B., *Rajah's Servant*, Ithaca: Cornell University Press, 1966, hlm. 31.

⁸⁵ R.M. Pringle, The Brookes of Sarawak: Reformers In spite of Themselves, *The Sarawak Museum Journal*, Vol XIX, 1971, hlm. 53-76. Beliau mengutarakan pandangan dalam penulisannya, iaitu ketika Brooke berjaya mendapat mandat pemerintahan Sarawak daripada Kesultanan Brunei telah mewujudkan pembahagian etnik Melayu dan Dayak. Hal ini bertujuan untuk memudahkan lagi pentadbirannya untuk mendapatkan maklumat kawasan-kawasan yang mereka diami. Dan lihat juga, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, 2007, hlm. 79.

kaum yang tersebar di seluruh Sarawak. Tindakan Brooke mewujudkan gelaran orang Melayu dalam kalangan masyarakat Sarawak sebenarnya bertujuan untuk memudahkan lagi urusan pentadbirannya di bumi Sarawak. Menurutnya orang yang digelar sebagai Melayu ini diakui orang yang bijaksana dan pada tanggapannya perlu didekati untuk memudahkan urusan pentadbiran.⁸⁶ Brooke menyedari hakikat kehebatan orang Melayu dalam pelbagai bidang seperti bidang pengembaraan dan kelautan, malah orang yang berwawasan tinggi serta sangat perlu untuk diberi perhatian yang lebih serius seandainya ingin berjaya dalam pemerintahannya sebagai pemerintah di Sarawak.

Lebih awal daripada itu, John Goately pada tahun 1959⁸⁷ turut mengutarakan istilah „masuk Melayu“ yang telah membawa kepada kewujudan Melayu Sarawak. Melalui proses asimilasi puak-puak yang terdapat di pesisiran pantai seperti Melanau dan Kedayan telah memeluk agama Islam. Beliau mengatakan bahawa masyarakat Muslim di Bahagian Ketiga dan masyarakat Melanau Muslim di Bahagian Keempat, kadang kala dipanggil dengan gelaran orang Melayu bukan sahaja dalam kalangan mereka sendiri, bahkan daripada masyarakat atau kaum yang lain. Walau bagaimanapun, mereka (Melanau) masih tetap dikenali sebagai orang Melanau walaupun seringkali dirujuk sebagai orang Melayu.

Selain itu, kemunculan gelaran orang Melayu Sarawak juga dapat disaksikan melalui perkahwinan campur antara orang Islam dengan kaum-kaum lain terutamanya dalam kalangan wanita Dayak (Bidayuh), dan sedikit daripada kaum Cina yang menyerahkan anak-anak perempuan mereka kepada masyarakat Islam untuk dijadikan sebagai anak angkat. Oleh hal yang sedemikian, Joan Goately berpendapat bahawa proses pengislaman ini lebih sinonim dengan istilah „masuk Melayu“ yang telah membentuk kumpulan masyarakat Melayu Sarawak pada hari ini. Dalam erti kata lain, „masuk Melayu“ merujuk

⁸⁶ Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, *Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya Dengan Amalan patriotik*, dlm Nik Hassan Suhaimi Nik Abd. Rahman (Ed), *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah & Budaya Di Alam Melayu*, Bangi, Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), 2013, hlm. 1095-1106.

⁸⁷ John Goately, *The Malays*, dlm Tom Harrison (ed), *The Peoples of Sarawak*, 1959, hlm. 103-113.

kepada sesiapa yang memeluk agama Islam akan diiktiraf sebagai orang Melayu. Maka kewujudan masyarakat Melayu di Sarawak terbentuk daripada proses pengislaman penduduk Sarawak daripada peribumi yang lain dan bukannya asli daripada kelompok Melayu.

Idea mengenai istilah „masuk Melayu“ ini tidak diperdebatkan setelah sekian lama sehingga munculnya beberapa penerbitan pengkaji tempatan Sarawak berkenaan orang Melayu Sarawak seperti Datuk Abang Yusuf Puteh.⁸⁸ Abang Yusuf Puteh mengatakan istilah „masuk Melayu“ merupakan asindeton⁸⁹ yang tidak tepat dan sangat mengelirukan masyarakat umum. Seseorang Melayu itu dapat disamakan dengan seorang penganut Islam yang lain namun tidak semestinya seseorang yang bukan Islam akan terus menjadi seorang Melayu sebaik sahaja memeluk agama Islam. Walaupun beliau bersetuju dengan idea umum „masuk Melayu“ tetapi Abang Yusuf Puteh berhujah bahawa bukan Islam tidak boleh secara automatik menjadi Melayu setelah memeluk agama Islam.

Walaupun bagaimanapun, pegangan Abang Yusuf Puteh terhadap istilah „masuk Melayu“ sebenarnya masih tidak menolak konsep „masuk Melayu“ itu sendiri. Hal ini terpancar melalui penulisannya, iaitu „seseorang yang memeluk Islam itu akan kekal sebagai etnik asalnya akan tetapi anak-anak mereka boleh dikategorikan sebagai Melayu“.⁹⁰ Walaupun tidak dinyatakan secara jelas, pandangan Abang Yusuf Puteh mengenai konsep masuk Melayu dilihat sebagai satu percubaan untuk menunjukkan bukan Melayu tidak secara automatik diserap ke dalam masyarakat hanya melalui penukaran agama. Bagaimanapun, berdasarkan perspektif ini juga, Abang Yusuf Puteh turut mencadangkan bahawa sesuatu

⁸⁸ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996, hlm. 6., *River of Dry Tear : The Poor Malays of Sarawak*, 1996, hlm 4-5., *The Malay Culture of Sarawak*, 1996, hlm. 3., *The Malays of Sarawak: A Socio-Political Portrait*, 1998, hlm. 2-3, dan, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 11.

⁸⁹ Deretan kata yang tidak menggunakan kata hubung.

⁹⁰ Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 11.

kaum atau etnik boleh diperoleh melalui kelahiran yang merupakan ciri bertentangan dengan konsep masuk Melayu yang pada dasarnya merupakan satu proses sosial.

Di samping itu, Abang Yusuf Puteh juga cuba untuk menekankan kewujudan kumpulan tersendiri Melayu Sarawak dan bukannya berasal daripada orang Melayu di Tanah Melayu.⁹¹ Melayu Sarawak juga bukannya berasal daripada keturunan mana-mana kumpulan etnik yang terdapat di Borneo atau di mana-mana jua tetapi adalah penduduk asal Sarawak. Menurut Abang Yusuf Puteh, walaupun orang Melayu di Tanah Melayu dan orang Melayu Sarawak berasal daripada keturunan yang sama namun terdapat perbezaan budaya yang ketara dalam aspek kehidupan mereka. Sebagai contoh, perbezaan dalam aspek adat perkahwinan orang Melayu Sarawak yang unik dan tidak diamalkan oleh orang Melayu di Tanah Melayu.⁹²

Ishikawa turut membincangkan mengenai istilah „masuk Melayu“ dalam kajiannya mengenai masyarakat Melayu Sarawak. Beliau berpendapat, sesebuah keturunan itu akan berkongsi sifat-sifat budaya yang ada dalam keturunan mereka. Dengan adanya unsur-unsur kebudayaan ini akan memberi jaminan kesinambungan sejarah kepada sesuatu etnik. Bagi masyarakat Melayu Sarawak sudah tentu unsur kebudayaan utama yang dikongsi bersama adalah Islam, iaitu komitmen kepada ajaran Islam yang merupakan penanda paling penting bagi membezakan mereka dengan kaum Dayak dan Cina. Terkesan betapa dekatnya ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu telah mendorong mereka mengistilahkan seseorang yang memeluk Islam sebagai „masuk Melayu“. Secara tepatnya menurut beliau lagi, penukaran ini harus dipanggil "masuk Islam" dan bukannya "masuk Melayu".⁹³

⁹¹ Faisal S. Hazis, *Contesting Sarawak Malayness: Glimpses of The Life and Identity of The Malays in Southwest Sarawak*, dlm Zawawi Ibrahim (Ed), *Representation, Identity and Multiculturalism In Sarawak*. Dayak Cultural Foundation & Persatuan Sains Sosial Malaysia, 2008, hlm. 277.

⁹² Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, 1964 dan 2008.

⁹³ Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers : The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, hlm. 43-45.

Bagi orang Melayu, kategori etnik mereka bersandarkan kepada konsep agama dan pertalian darah,⁹⁴ lebih-lebih lagi nenek moyang masyarakat Melayu Sarawak adalah pendatang Melayu-Muslim dengan pelbagai budaya dan latar belakang sejarah. Terpancar daripada pandangan Ishikawa ini menunjukkan bahawa ciri penting dalam etnik Melayu Sarawak ternyata jelas membawa kepada penafian bahawa keturunan penduduk Melayu daripada susur galur masyarakat peribumi yang lain terutamanya daripada kaum Dayak. Penegasan Ishikawa jelas mempunyai persamaan dan menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh tentang istilah ini.

KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI MELAYU SARAWAK

Dalam aspek sosial masyarakat Melayu Sarawak, apabila menelusuri sejarahnya terdapat penumpuan yang jelas terhadap kaum Melayu dan „berbangsa“⁹⁵ di negeri ini. Masyarakat Melayu mempunyai kedudukan sosial yang tertinggi jika dibandingkan dengan masyarakat lain sejak berada di bawah kerajaan kesultanan Brunei, malah ketika di bawah pentadbiran rejim Brooke (1841-1941), zaman pendudukan Jepun (1941-1945) dan begitu juga ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran koloni British (1946-1963). Walau bagaimanapun, transformasi sistem sosial dan penguasaan terhadap ekonomi berlaku bila mana tahap sosial masyarakat Melayu yang tidak selari manakala aspek ekonomi berjaya diambil alih oleh masyarakat Cina.

Golongan Melayu ketika berada di bawah pentadbiran kesultanan Brunei telah berjaya dalam mengukuhkan kedudukan mereka dan berjaya dalam memonopoli kebudayaan masyarakat di Sarawak malah diakui kegemilangan pentadbiran mereka oleh kaum-kaum

⁹⁴ Walau bagaimanapun, menurut Perlembagaan Malaysia 1963. „Melayu“ ditakrifkan sebagai mereka yang bercakap dalam bahasa Melayu, mempunyai keimanan dalam ajaran Islam, dan mengikut adat resam orang Melayu. Oleh yang demikian, definisi ini menunjukkan „Melayu“ adalah berdasarkan semata-mata kepada bahasa, agama dan adat, dan tidak merujuk kepada keturunan sejarah bangsa Melayu itu sendiri.

⁹⁵ Golongan masyarakat Melayu Sarawak yang bergelar seperti Pengiran, Perabangan dan Sharif.

lain di negeri tersebut. Kegigihan dan usaha berterusan masyarakat Melayu Sarawak ini seharusnya dipuji kerana sentiasa mendapat tempat di hati setiap pentadbir yang berjaya mengambil alih kuasa di Sarawak.⁹⁶ Hal ini sebenarnya dibuktikan dalam konteks Sarawak kerana masyarakat Melayu yang berjaya menguasai kebudayaan masyarakat setempat telah mendapat sokongan dan rasa hormat serta kagum daripada kaum-kaum yang lain di Sarawak. Terkesan daripada keadaan ini telah mewujudkan satu kelompok Melayu Sarawak dan kebanyakannya terdiri daripada golongan bangsawan Melayu Perabangan dan keturunan mereka. Kewujudan golongan masyarakat Melayu elit perabangan ini merupakan pegawai tinggi yang telah berjaya membentuk kumpulan sistem sosial sendiri dan dilindungi sepenuhnya oleh pemerintah rejim Brooke ketika pemerintahannya.⁹⁷

Kemunculan masyarakat Melayu Sarawak sebagai kategori etnik yang tersendiri mempunyai akar dalam transformasi politik disebabkan oleh kewujudan kuasa-kuasa politik dari luar. Ketika berada di bawah penguasaan kesultanan Melayu Brunei, sistem sosial masyarakat Melayu Sarawak di bahagikan kepada tiga kelas,⁹⁸ iaitu kelas pertama terdiri daripada keluarga Diraja Brunei seperti Pengiran, Syarif dan Sayid. Kelas kedua pula ialah golongan ketua-ketua tempatan Melayu (antaranya, Banting dan Saribas), manakala kelas yang ketiga terdiri daripada golongan petani, nelayan dan golongan hamba.⁹⁹

Ketika di bawah pemerintahan kesultanan Brunei pegangan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak kebanyakannya adalah daripada kelas ketiga, iaitu terdiri daripada masyarakat petani dan nelayan. Sumber ekonomi bagi golongan masyarakat Melayu dalam

⁹⁶ Wawancara dengan Tokoh Politik dan Melayu Sarawak serta waris Datu Merpati Jepang, iaitu Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di kediamannya Jalan Muda Hasyim, Satok, Kuching pada 09 Januari 2014. Beliau menjelaskan masyarakat Melayu Sarawak sentiasa mendapat tempat dan diberi peluang dalam pentadbiran dalam mana-mana pentadbiran sama ada semasa Kesultanan Brunei, Dinasti Brooke, Pendudukan Jepun dan Koloni British. Hal ini jelas kepada beliau kerana pernah hidup pada pemerintahan Brooke, pendudukan Jepun dan juga di bawah koloni British.

⁹⁷ Noboru Ishikawa, *Between Frontiers : The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, hlm. 31-38.

⁹⁸ Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji menyimpulkan hierarki sosial masyarakat Melayu yang berbeza, iaitu golongan atasan yang terdiri daripada golongan pengiran, syarif dan ketua-ketua Melayu Sarawak. Kelas kedua merupakan masyarakat biasa yang telah merdeka dan kelas ketiga ialah terdiri daripada golongan hamba. Lihat, Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak dalam Zaman Rejim Brooke 1841-1946*, Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hlm. 84-88.

⁹⁹ R. M. Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm.80.

kelas ketiga ialah menjalankan aktiviti pertanian padi huma dan sawah serta menangkap ikan di sungai atau pun laut. Penguasaan orang Melayu dalam bidang pentadbiran dan sosial telah memberikan peluang kepada golongan masyarakat Melayu Sarawak menguasai masyarakat peribumi bukan Melayu yang lain. Oleh yang demikian, masyarakat peribumi bukan Melayu terpaksa membayar cukai kepada ketua-ketua Melayu sebagai contoh cukai padi yang diperoleh daripada masyarakat Iban atas nama Sultan Brunei.¹⁰⁰ Selain itu, golongan ketua-ketua Melayu turut menjalankan aktiviti perdagangan di samping bertindak sebagai pentadbir. Kesan daripada dominasi ketua-ketua Melayu ke atas masyarakat peribumi yang lain juga telah memudahkan mereka untuk mengeksploitasi kedudukan dengan menawarkan hasil barangan seperti padi, sarang burung dan garam kepada mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian orang Melayu „biasa“ yang turut terlibat dalam aktiviti perdagangan. Hal ini disebabkan faktor petempatan di mana orang-orang Melayu banyak menetap di kawasan lembah sungai dan menjadi laluan utama untuk aktiviti perdagangan. Hal ini sudah tentu memberi peluang kepada kebanyakan daripada mereka berjaya untuk mengawal laluan di kuala-kuala sungai. Kelebihan ini menyebabkan masyarakat Dayak yang menetap di kawasan hulu sungai terpaksa mengadakan hubungan perdagangan dengan mereka.

Seterusnya, setelah penyerahan Sarawak oleh Sultan Brunei kepada mantan kakitangan Syarikat Hindia Timur British, iaitu James Brooke telah berlaku sedikit perubahan terhadap sistem stratafikasi masyarakat Melayu. Perubahan berlaku terhadap sistem sosial masyarakat Melayu Sarawak apabila Brooke telah memperkenalkan satu lagi kelas, iaitu kelas pertengahan berbanding dengan sistem hierarki ketika pentadbiran kesultanan Melayu Brunei. Golongan pertengahan yang merupakan kelompok kelas yang baru ketika rejim

¹⁰⁰ Ibid, hlm.63.

Brooke dikenali sebagai orang kerani¹⁰¹ yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan,¹⁰² nakhoda dan orang pereman.¹⁰³ Hal ini menjadikan terdapat empat susun lapis sosial masyarakat Melayu Sarawak yang telah wujud ketika Brooke, iaitu golongan yang teratas terdiri daripada golongan aristokrat Melayu yang terdiri daripada pemerintah dan ketua agama Islam yang terdiri daripada golongan Melayu Perabangan diketuai oleh Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong.¹⁰⁴ Seterusnya, golongan yang berasal daripada keturunan kesultanan Brunei yang digelar sebagai Pengiran yang berada di kedudukan di bawah golongan perabangan, iaitu Datu ketika zaman Brooke. Begitu juga golongan yang mendakwa daripada keturunan Arab yang mempunyai susur galur daripada keturunan Nabi Muhammad S.A.W yang dipanggil sebagai Tuanku atau Sharif di Sarawak.¹⁰⁵

Golongan Melayu Perabangan ialah golongan elit yang mendiami pusat pentadbiran, iaitu Kuching. Golongan ini digambarkan sebagai golongan yang berada pada kedudukan teratas dalam hierarki sosial masyarakat dan menjadi satu kebanggaan bagi budaya orang Melayu di Sarawak. Selain itu, golongan ini boleh dikenali melalui perwatakan mereka dari segi cara berpakaian, bahasa yang digunakan, pendidikan, kedudukan ekonomi dan etika

¹⁰¹ Sekolah mubaligh dan sekolah Melayu yang dibiayai oleh kerajaan melahirkan kelas orang Melayu yang berpendidikan barat sebagai pegawai awam yang dikenali sebagai „orang kerani“. Kumpulan ini sama ada daripada golongan masyarakat Melayu kelas paling rendah daripada golongan kelas aristokrasi (atasan) dan golongan rakyat biasa yang berkedudukan tertinggi dalam strata sosial masyarakat tetapi menerima kedudukan mereka kerana berada dalam kedudukan yang istimewa dalam perkhidmatan dengan kerajaan. Lihat, C.A. Lockard, *The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, Tesis Ph.D, Madison: University of Wisconsin, 1975, hlm. 410.

¹⁰² Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 15-19.

¹⁰³ Abang Yusuf Puteh percaya perkataan pereman berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu freeman. Rakyat biasa dan kebanyakannya adalah golongan petani. Lihat, *The Malay Culture of Sarawak*, hlm. 109.

¹⁰⁴ Menurut Abang Yusuf Puteh, jumlah Datu yang „bergelar“ mengikut adat semasa pemerintahan Brooke ialah sebanyak Sembilan orang. Mereka terdiri daripada Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggong, Datu Amar, Datu Hakim, Datu Bentara, Datu Imam, Datu Menteri dan Datu Pahlawan. Mereka inilah yang dibawa oleh Rajah untuk berunding atau mesyuarat dua kali seminggu mengenai rakyat. Ibu pejabat mereka dikenali sebagai Balai Datu-datu. Rujuk, *Malay Politics & Perabangan*, hlm. 75 dan *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 16.

¹⁰⁵ Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, hlm. 40. Menurut Pringle, beliau tidak menyebut tuanku tetapi sharif atau sayid sahaja. Begitu juga terdapat 3 susun lapis masyarakat pada zaman pemerintahan Brooke iaitu golongan atasan yang terdiri daripada golongan Datu-datu (Perabangan), golongan Arab iaitu Sayid atau Sharif dan keturunan Kesultanan Brunei. Seterusnya golongan yang kedua ialah ketua-ketua Tempatan masyarakat Melayu Sarawak seperti Dato Malek Borhan dari Banting dan beberapa orang ketua Melayu Saribas, mereka ini menguasai kuala-kuala sungai. Kemudiannya yang ketiga iaitu kelas terbawah terdiri daripada nelayan, petani, hamba dan pengikut-pengikut. Lihat, R.M. Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm. 80.

sosial mereka.¹⁰⁶ Mereka ialah golongan keturunan bangsawan perabangan dan berkhidmat dengan kerajaan serta mempunyai hubungan rapat dengan raja dan keluarganya.¹⁰⁷

Oleh sebab golongan Melayu Perabangan yang dibentuk dan diiktiraf oleh Brooke berjaya dalam pelbagai bidang maka kewujudan golongan elit ini sering menonjol dan lebih dominan. Sementelahan itu, etnik Melayu yang bukan daripada golongan perabangan berasa kabur akan kedudukan mereka sama ada yang mempunyai persaudaraan dengan golongan ini ataupun tidak. Kendatipun mereka turut memberikan sumbangan kepada pemerintahan rejim Brooke seperti menjadi tukang masak, tukang kebun ataupun menjadi guru kepada anak-anak, isteri kepada golongan pembesar dan pegawai-pegawai Brooke.

Brooke dan keluarganya sendiri turut menimba ilmu daripada guru-guru bukan daripada keturunan Melayu Perabangan.¹⁰⁸ Perkara ini diperlihatkan apabila Brooke mempelajari bahasa Melayu Sarawak dan budaya orang-orang Melayu yang perlu dikuasai sekiranya ingin terus kekal dan mendapatkan sokongan serta kesetiaan daripada penduduk tempatan.¹⁰⁹ Kemahiran berbahasa dan memahami adat resam masyarakat tempatan oleh seorang pemimpin yang bergelar raja ini sudah pasti akan memberikan kesan yang tersendiri kepada rakyat jelata.¹¹⁰ Kebijaksanaan Brooke dalam tindakannya membudayakan budaya masyarakat setempat dalam dirinya memberikan satu kekuatan

¹⁰⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, hlm. 25.

¹⁰⁷ Elizabeth Pollard menjelaskan bahawa Raneë Margaret (isteri Rajah Charles Brooke) kurang bersama dengan rakan-rakan dari Eropah, malah beberapa ketika setelah sampai di Sarawak, dia telah belajar bercakap bahasa Melayu (Sarawak) dan menghabiskan banyak masanya bersama dengan isteri-isteri serta anak-anak perempuan kawan suaminya, iaitu golongan Datu. Selain itu, hubungan yang rapat dan mesra antara Raneë dengan orang Melayu Sarawak (golongan Datu) dapat diperlihatkan apabila orang Melayu telah membantu dalam mengebumikan anaknya yang telah meninggal dunia di tanah perkuburan keluarga Brooke bersebelahan kubur Annie, Julia dan Basil Brooke secara senyap apabila tidak dibenarkan dikebumikan oleh Bishop Chambers atas alasan anaknya belum lagi dibaptiskan. Lihat, Elizabeth Pollard, *Kuching Past and Present*, hlm. 43.

¹⁰⁸ Encik Syawal merupakan cendekiawan Melayu yang bergelar „guru“ oleh Raneë. Beliau boleh berbahasa Arab dan merupakan penulis Melayu kepada Rajah. Rujuk, M. Brooke, *My Life in Sarawak*, hlm 160-165.

¹⁰⁹ J. Rawlins, *Sarawak, 1839-1963*, London: Macmillan & Co Ltd, 1965, hlm. 27.

¹¹⁰ Ibid, hlm. 27. Lihat juga, C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia 1820 -1970*, Ohio: Ohio University, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No 75, 1987, hlm. 20. Masyarakat Melayu Sarawak merupakan kelompok penduduk yang sangat penting. Mereka merupakan golongan yang memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan kepada pemerintahan Brooke. Rujuk, Borneo Literature Bureau. *Information on Sarawak*, 1960, hlm. 12.

kepada kelangsungan rejim ini sehingga penyerahan Sarawak kepada British pada 1 Julai 1946.¹¹¹

Golongan masyarakat Melayu yang berada di lapis yang kedua pula ialah golongan pertengahan yang terdiri daripada tiga kumpulan yang besar ketika pemerintahan rejim Brooke, iaitu golongan nakhoda, orang pereman dan orang kerani. Pada dasarnya, nakhoda merupakan orang yang mengetuai sesebuah kapal dan menjalankan aktiviti perniagaan dan menguasai aktiviti perdagangan di sepanjang pantai dan sungai sehingga ke peringkat antarabangsa. Hal ini telah menjadikan mereka memiliki kekayaan sehingga dikatakan melebihi golongan kelas pertama¹¹² dan yang paling kaya dalam masyarakat Melayu.¹¹³ Seterusnya, golongan kedua di dalam kelas pertengahan, iaitu orang pereman manakala golongan kelas pertengahan yang digelar sebagai „orang kerani“ pula ialah pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja di pejabat. Mereka memperlihatkan beberapa sifat yang tertentu seperti bekerja dengan kerajaan dan mendapat penghormatan yang tinggi daripada masyarakat.¹¹⁴ Golongan ini juga dikenali sebagai golongan rakyat yang merdeka dan merupakan golongan masyarakat Melayu Sarawak yang majoriti pada ketika itu.

Masyarakat Melayu Sarawak yang berada pada lapisan yang ketiga pula terdiri daripada golongan petani, nelayan, buruh dan pekerja yang berkerja dengan golongan keluarga aristokrat. Kebanyakan mereka juga terlibat secara langsung dalam penanaman padi huma atau padi sawah dan memancing atau menangkap ikan di kawasan pantai serta sungai. Bagi Brooke, pekerjaan sebagai nelayan dan petani adalah sinonim dengan ciri-ciri kemelayuan.

¹¹¹ Sanib said menjelaskan bahawa walaupun Sarawak mempunyai Rajah Putih di peringkat awal pemerintahan Brooke, kebudayaan Melayu menjadi tunjang „*political-administration*“ Sarawak. Rajah Putih menggunakan gelaran-gelaran Melayu seperti Raja Muda, Tuan Muda dan Dayang Rane untuk isteri raja. Lihat, Sanib Said, *Melayu Di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-politik Melayu*, hlm. 89-90. Hal ini turut disokong oleh Awg Kasmurie bin Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansor, *Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik*, dlm Nik Hassan Shuhaimi Abd. Rahman (Ed) *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, hlm. 1102.

¹¹² Golongan datu-datu dan perabangan.

¹¹³ Terkesan daripada pengalaman golongan nakhoda yang sering kali berulang alih ke kawasan-kawasan yang lain telah memberikan kesempatan kepada mereka untuk mendalami ajaran Islam daripada pedagang-pedagang dari kawasan yang lain, malah mengetahui tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku serta juga dikenali sebagai golongan elit terpelajar masyarakat Melayu Sarawak. C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia 1820-1970*, Ohio: Ohio University, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No 75, 1987.

¹¹⁴ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, hlm. 21.

Hal ini sudah tentu berbeza ketika pemerintahan kesultanan Brunei yang mana kuasa ekonomi diberikan kepada masyarakat Melayu Sarawak yang melakukan aktiviti pertanian dan penternakan. Pengambilalihan aktiviti perdagangan¹¹⁵ oleh orang Cina menyebabkan berakhirnya penguasaan ekonomi oleh orang Melayu yang pernah dikuasai oleh mereka pada suatu ketika dahulu. Seterusnya, kelas yang paling bawah pula ialah golongan hamba yang terdiri daripada gundik-gundik dan hamba-hamba kepada golongan bangsawan serta turut melakukan kerja-kerja domestik kepada tuannya.¹¹⁶ Golongan ini merupakan yang paling kecil bilangannya berbanding golongan kelas kedua dan ketiga.

Masyarakat Melayu Sarawak ketika zaman pemerintahan Brooke telah diberikan banyak keistimewaan sehinggakan Brooke menaruh kepercayaan kepada masyarakat Melayu. Walaupun begitu, ini bukan bermakna tidak wujudnya ketidakpuasan hati dan penentangan daripada masyarakat Melayu Sarawak terhadap pemerintahan Brooke. Sebagai contoh, penentangan yang dilakukan oleh Pakatan Melayu, iaitu Syarif Masahor dengan Datu Patinggi Haji Abdul Ghapur yang bertujuan untuk menyingkirkan Brooke dari kerajaan Sarawak. Terdapat dua sebab yang membawa kepada penentangan golongan-golongan datu ini terhadap pentadbiran Brooke, iaitu dengan alasan Brooke telah merampas hak-hak yang sepatutnya milik mereka dan sebahagiannya pula kerana masih menaruh kesetiaan kepada kesultanan Melayu Brunei.¹¹⁷

Penguasaan Brooke ke atas Sarawak bukan sahaja membawa kepada terputusnya hubungan antara kerajaan Brunei tetapi turut memberikan impak yang besar kepada kedudukan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak. Dalam aspek ekonomi kebanyakan orang Melayu hanya diberi peluang untuk menguasai bidang ekonomi yang berskala rendah

¹¹⁵ Alasan yang diberikan oleh Brooke bagi memastikan orang Melayu Sarawak terus berada dalam kemiskinan dengan menjadi nelayan dan petani adalah beliau tidak mahu mengotori tangan orang Melayu dengan aktiviti perdagangan. Rujuk, R.M. Pringle, *The Rajahs and The Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm. 325.

¹¹⁶ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, hlm. 7-8.

¹¹⁷ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 31.

dan tidak mewujudkan sebarang bentuk persaingan pada ketika itu. Brooke menggalakkan masyarakat Melayu Sarawak melibatkan diri dalam aktiviti bercucuk tanam dan menangkap ikan. Brooke telah memperkenalkan program intensif ekonomi ke atas orang Melayu dengan harapan dapat menggalakkan mereka untuk mengusahakan tanaman perladangan yang melibatkan lada hitam, gambir dan kelapa.¹¹⁸

Seterusnya, dominasi ekonomi oleh masyarakat Melayu Sarawak terutamanya golongan atasan dan golongan pertengahan, iaitu nakhoda telah dilumpuhkan dengan pengenalan sistem baharu oleh Brooke. Beliau telah memperkenalkan sistem perdagangan bebas dan sistem mata wang yang mendorong kepada kemunculan sistem kapitalisme di Sarawak. Tujuannya bukan untuk kepentingan penduduk Sarawak tetapi semata-mata untuk menguasai sumber-sumber asli yang ada dan sekaligus bagi menghalang masyarakat kelas atasan dan peribumi untuk melibatkan diri dalam aktiviti perdagangan. Pengenalan kepada sistem perdagangan bebas ini sudah tentu tidak dapat dikuasai oleh mereka.¹¹⁹

Di samping itu, pengenalan sistem tersebut diwujudkan apabila timbul keresahan dalam diri Brooke bahawa golongan nakhoda akan memberi ancaman kepada kuasa politiknya. Oleh yang demikian, tindakan perlu diambil untuk meminggirkan golongan nakhoda dengan menghapuskan hubungan perdagangan mereka malah lebih teruk lagi apabila melabelkan golongan nakhoda sebagai lanun.¹²⁰

Selain itu, kewujudan kapitalis Cina dan halangan daripada Brooke telah berjaya melenyapkan penguasaan masyarakat Melayu dalam sektor ekonomi khususnya bidang perdagangan. Di samping itu, golongan pentadbir Melayu turut dinafikan hak untuk meneruskan aktiviti ekonomi memungut cukai daripada penduduk peribumi Sarawak tanpa

¹¹⁸Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 77.

¹¹⁹ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 35-37.

¹²⁰ Lihat, Faisal S. Hazis, *Contesting Sarawak Malayness: Glimpses of The Life and Identity of The Malays in Southwest Sarawak*, dlm Zawawi Ibrahim (ed.), *Representation, Identity and Multiculturalism In Sarawak*, Malaysia: Dayak Cultural Foundation & Persatuan Sains Sosial Malaysia, 2008, hlm. 276.

kebenaran daripada Brooke. Begitu juga, hubungan perdagangan golongan Melayu kelas atasan dengan masyarakat peribumi tidak boleh dilakukan tanpa izin daripada kerajaan penjajah. Oleh hal yang sedemikian, aspek ekonomi masyarakat Melayu Sarawak hanya mampu berkembang di peringkat kampung sedangkan sistem perdagangan bebas yang telah diperkenalkan oleh Brooke lebih menguntungkan dan memberikan peluang yang lebih luas kepada masyarakat Cina.¹²¹

Tuntasnya, masyarakat Melayu Sarawak pernah menguasai aspek sosioekonomi masyarakat peribumi yang lain di Sarawak. Hasil daripada sistem sosioekonomi yang teratur dan tersusun telah membolehkan mereka mendominasi masyarakat Melayu dan bukan Melayu dalam pelbagai aspek. Kedatangan kuasa barat telah berjaya memporak-perandakan sistem ini dan akhirnya telah melemahkan kuasa orang Melayu Sarawak. Sistem tradisi yang menjadi nadi kekuatan masyarakat Melayu telah dimusnahkan demi kepentingan politik dan ekonomi penjajah. Hal ini jelas terpancar melalui tindakan rejim Brooke menghalang orang Melayu Sarawak daripada menguasai aktiviti ekonomi terutamanya perdagangan dalam skala yang lebih besar, malah berusaha memundurkan masyarakat Melayu Sarawak dengan dasar pecah dan perintahnya.

KEDUDUKAN MELAYU SARAWAK DALAM PENTADBIRAN

Sistem pentadbiran di Sarawak sebelum kedatangan penjajah Brooke adalah unik jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran di kawasan-kawasan lain ketika itu. Walau pun Sarawak di bawah penguasaan kerajaan kesultanan Brunei, tetapi pentadbirannya adalah bersifat autonomi. Penguasaan golongan aristokrat Melayu Sarawak menunjukkan pengaruh yang besar dan kuat golongan ini ke atas pentadbiran Sarawak. Kerajaan kesultanan Brunei meletakkan gabenornya di Sarawak yang dikenali sebagai Pengiran

¹²¹ R.M. Pringle, *Rajahs and Rebel : The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm. 325.

Mahkota. Namun begitu pemimpin tempatan (golongan aristokrat Melayu Sarawak) yang bertindak memegang kuasa autonomi (menguasai sungai dan pantai), iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong.¹²² Walaupun golongan datu-datu ini telah dipertanggungjawabkan untuk menguasai masyarakat Dayak serta mengawasi kawasan pantai dan muara sungai namun mereka turut mempunyai tugas yang lain seperti mentadbir golongan aristokrat lain yang terdapat di Sarawak.¹²³

Kemudiannya, pada tahun 1841 Sarawak telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada mantan pegawai Syarikat Hindia Timur British, iaitu James Brooke sebagai balasan atas bantuan ketenteraan membantu Sultan Brunei untuk memadamkan pemberontakan di Sarawak. Peristiwa ini telah mengakibatkan Sarawak menerima Raja Putih yang pertama dan bukan daripada kalangan kerajaan-kerajaan kesultanan yang ada di sekitarnya ketika itu. Raja James Brooke telah melaksanakan pentadbiran secara tidak langsung bertunjangkan dasar pecah dan perintah¹²⁴ ke atas Sarawak. Hakikatnya, pelaksanaan dasar ini sudah tentulah bertujuan utama untuk kelangsungan jaminan kedaulatan beliau sebagai pemerintah di Sarawak.

Justeru, terkesan daripada kepentingan golongan Melayu kepada pentadbirannya maka peranan dan penglibatan golongan pembesar Melayu ketika pemerintahan Brunei di Sarawak wajar diteruskan. Brooke berpandangan bahawa penglibatan golongan pembesar ini mesti diteruskan agar dapat mengukuhkan pemerintahannya di samping pengalaman

¹²² Ibid., hlm. 323. Datu Patinggi dan Datu Bandar menguasai masyarakat Dayak manakala Datu Temenggong menguasai bahagian pantai, muara sungai dan memerintah masyarakat Dayak yang berhijrah ke kawasan tepi pantai. Ketiga-tiga golongan aristokrat Melayu Sarawak ini mengakui bahawa mereka berasal daripada keturunan Datu Merpati dan bukannya daripada keturunan Kesultanan Brunei, rujuk, Henry Keppel, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for The Suppression of Piracy*, New York: Harper & Bros, 1846, hlm. 9. Turut menegaskan tentang kewujudan kekuasaan golongan Datu di Sarawak, beliau mengatakan bahawa seorang ketua yang dominan dalam politik dipanggil datu dan pemimpin agama dipanggil imam. Lanjutan daripada pembentukan sesebuah masyarakat yang agak besar maka perlu adanya seorang pemimpin untuk menjaga keamanan penduduk-penduduk di kawasan kampung. Pemimpin yang dilantik akan menjadi dominan dalam aspek politik di sesebuah kampung atau masyarakat yang dipanggil sebagai ketua kampung. Lihat, Noboru Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, Tesis Ph.D, New York: The City University of New York, 1998.

¹²³ Rujuk, John C. Templer, (ed), *The Private Letter of Sir James Brooke K.C.B. Raja of Sarawak Vol 1*, London: Richard Bently, 1855, hlm. 314. Datu Patinggi merupakan ketua bagi golongan aristokrat orang Bungsi (kelas dari kerabat Brunei), Datu Bandar mentadbir golongan awang-awangan (bukan kerabat Diraja Brunei) manakala Datu Temenggong pula mentadbir golongan dari kalangan hamba raja yang terdiri daripada penduduk Melayu Sarawak, golongan hamba dan pengikut-pengikutnya. Rujuk, C.A. Lockard, *Southeast Asia Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia 1870-1970*, hlm. 28.

¹²⁴ Dasar yang memisahkan kelompok masyarakat dalam sesebuah kawasan mengikut kaum dan jenis pekerjaan.

golongan tersebut sebelum ini amat diperlukan untuk melicinkan lagi pemerintahannya. Atas kesedaran betapa pentingnya pemimpin-pemimpin kaum yang wujud di Sarawak ketika itu telah membawa kepada pelantikan beberapa pemimpin Melayu terutamanya golongan elit Melayu Perabangan yang sangat dihormati oleh masyarakat peribumi yang lain lebih-lebih lagi dari kalangan masyarakat Melayu itu sendiri.¹²⁵ Perhubungan yang erat di antara Brooke dengan pemimpin elit Melayu telah memberikan pengaruh yang kuat ke atas struktur sosial dan politik masyarakat Melayu. Akhirnya, golongan pembesar Melayu diwujudkan untuk terus mendapatkan kesetiaan. Kedudukan golongan Melayu ini diakui mempunyai kedudukan tersendiri dalam sistem sosial masyarakat di Sarawak lantaran sumbangan besar mereka dalam pelbagai bidang sama ada dalam pentadbiran mahupun dalam bidang-bidang yang lain.¹²⁶ Atas bantuan dan sokongan golongan ini telah memungkinkan rejim Brooke terus bertahan selama 100 tahun di Sarawak¹²⁷ sehinggalah penyerahan kuasa dilakukan oleh Raja Ketiga¹²⁸ daripada rejim Brooke kepada koloni British lantaran atas beberapa faktor.¹²⁹

Menurut J.P Ongkili terdapat tiga faktor yang membawa kepada penyerahan Sarawak yang telah dilakukan oleh Vyner Brooke kepada British untuk dijadikan tanah koloni British. Faktor yang pertama ialah permasalahan keluarga Brooke, iaitu antara Vyner Brooke dan Bertram Brooke. Keadaan Vyner Brooke yang telah tua dan tidak mempunyai

¹²⁵ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di Kuching, Sarawak pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

¹²⁶ Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansor, Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik, dlm Nik Hassan Shuhaimi (Ed), Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam, hlm. 1101-1102.

¹²⁷ Ibid., 2013, hlm. 1102.

¹²⁸ Rajah Charles Vyner Brooke yang mengambil alih pentadbiran daripada bapanya, iaitu Rajah Charles Brooke yang telah meninggal dunia pada tahun 1917. Rajah Charles Vyner Brooke menyambung pentadbiran dalam keadaan Sarawak yang aman dan kurang berlakunya pemberontakan penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Dayak. Lihat, Borneo Literature Bureau, *Information on Sarawak*, Kuching: Sarawak Information Service, 1960, hlm. 18, dan Hepburn, J., *The Handbook of Sarawak: Comprising Historical, Statistical and General Information Concerning The Colony Obtained From Official and Other Reliable Records and Compiled*, Singapore: Malaya Publishing House, 1949, hlm. 22.

¹²⁹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, Kuching, 9 September, 1971. Penyerahan Sarawak kepada British telah menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu berpecah kepada dua puak, iaitu puak yang menyokong penyerahan Sarawak dan puak yang menentang penyerahan Sarawak. Golongan penentang penyerahan (*anti-cession*) turut menaikkan poster seperti „No Cession“, „Sarawak Natives Want the Rajah Muda“ dan „We Want Brooke, not Bureaucracy“ manakala pihak yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British pula menaikkan poster seperti „We Love Cession“, „Down with Brooke“ dan „God Save the King“. Ketaksuban penyokong masing-masing bukan sahaja memecahkan masyarakat Melayu tetapi turut menyebabkan keluarga berpecah belah, bapa menentang anak, berlaku pergaduhan adik beradik dan kawan baik enggan bercakap dengan yang lain. Lihat, M. Mcdonald., *Borneo People*, hlm. 347-352.

waris boleh mengakibatkan takhta kerajaan Sarawak akan jatuh ke tangan Bertram. Walau bagaimanapun, Bertram telah pun berusia dan waris berikutnya adalah anak Bertram, iaitu Anthony Brooke sedangkan Vyner Brooke hanya mempunyai anak perempuan seramai tiga orang dan tidak layak menjadi raja Sarawak mengikut undang-undang negeri Sarawak. Oleh yang demikian, Vyner Brooke tidak rela Anthony Brooke memegang takhta kerajaan Sarawak untuk menjadi raja. Faktor kedua ialah hubungan antara Britain dan Sarawak. Hubungan ini telah membawa kepada termeterainya perjanjian pada tahun 1888 antara Britain dan Sarawak. Melalui perjanjian 1888, Britain bersetuju untuk memberikan bantuan pertahanan dalam hal ehwal luar Sarawak. Perjanjian ini sangat penting kepada Brooke memandangkan pemerintahan Brooke di Sarawak adalah bersifat keluarga dan bantuan daripada kuasa besar sangat perlu untuk menjaga kepentingan dan jaminan keselamatannya. Faktor terakhir yang membawa kepada penyerahan ini adalah faktor sosioekonomi. Vyner Brooke merasakan bahawa dia tidak mampu untuk menyediakan kemudahan kepada Sarawak kesan daripada Perang Dunia Kedua setelah tentera Jepun menyerah kalah.

Golongan Datu (kebanyakan Melayu Perabangan) telah memberikan kerjasama politik apabila Brooke memberikan jawatan-jawatan politik dalam pemerintahannya kepada mereka. Golongan-golongan elit ini juga mendapat gaji tetap sebagaimana pegawai-pegawai Brooke yang lain. Sebaliknya, gaji tetap yang diberikan bukan sahaja untuk mengaburi mata golongan elit Melayu ini untuk memberikan sokongan yang padu kepada Brooke tetapi juga bertujuan bagi menghapuskan kuasa mengutip cukai hasil daripada masyarakat Dayak, sekaligus menampakan pengikisan kuasa dan pengaruh golongan ini sedikit demi sedikit berjaya dilakukan oleh Brooke.

GOLONGAN MELAYU PERABANGAN

Orang Melayu Sarawak pada asalnya merupakan satu kaum yang bersatu padu dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri. Malah tidak keterlaluan dikatakan orang-orang Melayu Sarawak bangsa yang dihormati yang menguasai aspek politik, ekonomi dan sosial di Sarawak yang kebanyakannya dimonopoli oleh golongan Melayu Perabangan.¹³⁰ Kekuatan pengaruh golongan ini menyebabkan kaum-kaum lain memberikan kesetiaan dan sokongan yang padu terhadap mereka. Walaupun Melayu Perabangan dilihat memegang tampuk yang tinggi dalam sistem sosial di Sarawak tetapi tidak semua Melayu Perabangan ataupun Orang Berbangsa ini terdiri dalam kelompok kelas pertama Melayu Perabangan.¹³¹

Dalam konteks Sarawak, sesiapa sahaja yang berjaya memonopoli aset kebudayaan akan dianggap sebagai Melayu Sarawak. Golongan ini terdiri daripada golongan aristokrat Melayu dan keturunan mereka. Mereka datang daripada kumpulan sosial yang tersendiri dan dinamakan sebagai golongan Perabangan. Golongan ini telah dicipta dan dibentuk serta dilindungi dengan dianugerahkan jawatan dan kedudukan oleh kerajaan Brooke. Golongan Perabangan ini telah berkhidmat dalam pentadbiran Brooke sebagai pegawai elit tempatan. Sistem sosial orang Melayu Sarawak telah dibentuk dalam strukturnya sehinggakan etnik Melayu bukan Perabangan di Sarawak berasa kabur sama ada wujud atau pun tidak hubungan persaudaraan mereka dengan golongan bangsawan ini. Perlu ditegaskan bahawa

¹³⁰ Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics and Perabangan*, 1999, hlm. 64-82. Lihat juga, Noboru Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 47-48. Sejarah masih mengulangi dengan mengatakan tentang legenda Datu Merpati dan keluarganya. Hal ini menjelaskan tentang asal usul perabangan yang dipercayai daripada keluarga Diraja Minangkabau dan merupakan cucu kepada Raja Jawa. Datu Merpati telah datang ke Tanjung Datu dan seterusnya menetap di Santubong, Sarawak bersama isterinya Datu Permaisuri, iaitu anak perempuan kepada Raja Jarum dari Johor. Anak lelaki Datu Merpati, iaitu Merpati Jepang akhirnya telah berkahwin dengan anak Abang Adi, iaitu Dayang Murdiah di Santubong dan kemudian telah menetap di Lidah Tanah. Namun tema ini sering kali berulang, iaitu hubungan yang rapat dengan kesultanan di Tanah Melayu, Sambas dan Brunei. Lihat, Bob Reece, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993, hlm. 1-2.

¹³¹ Abang Yusuf Puteh menyatakan bahawa semasa pemerintahan kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke Melayu Perabangan berada di kedudukan teratas dalam sistem sosial masyarakat. Terdapat empat kelas golongan Melayu Perabangan. Kelas Pertama adalah golongan Melayu perabangan yang bergelar Datu seperti Datu Patinggi, Datu Temenggong, Datu Bandar, Datu Amar, Datu Hakim, Datu Imam, Datu Pahlawan, Datu Bentara, Datu Shahbandar dan Datu Menteri, Kelas kedua pula terdiri daripada kumpulan khas di dalam lima bahagian, iaitu hanya bergelar Datu. Kelas ketiga merupakan kelas di mana kedudukan Abang Yusuf namun dalam kelas ketiga dibahagi lagi kepada tiga kelas yang lebih kecil berdasarkan di mana lokasi Melayu Perabangan berada, iaitu Kategori pertama di Kuching, kedua Melayu perabangan yang berada di Simanggang (Sri Aman), Sibul, Miri dan Limbang dan kategori yang ketiga Melayu Perabangan yang berada di pesisir pantai digelar sebagai orang Laut, orang Nebi dan orang Meran. Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics and Perabangan*, hlm. 74-75.

masyarakat Melayu Sarawak mempunyai kedudukan tersendiri yang telah diakui dengan sumbangan besar kepada masyarakat. Kebanyakan keturunan golongan bangsawan Perabangan menetap di pusat bandar, iaitu Kuching dan berkhidmat dalam Sektor Perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian orang Melayu Sarawak menetap di kawasan pesisiran pantai dan lembah sungai di kawasan pedalaman sebagai nelayan dan petani.¹³²

Bibit-bibit perpecahan orang Melayu Sarawak mula wujud dan ketara ketika berlakunya penyerahan Sarawak oleh rejim Brooke kepada British untuk dijadikan sebahagian koloni British pada 1 Julai 1946. Ini sekaligus berlakunya penafian hak masyarakat Sarawak untuk mencapai kemerdekaan dan pemerintahan sendiri sebagaimana yang telah dijanjikan oleh pemerintahan rejim Brooke yang ketiga, iaitu Charles Vyner Brooke seperti mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan 1941.¹³³ Perpecahan telah timbul dan mewujudkan dua kelompok masyarakat Melayu, iaitu penyokong penyerahan dan anti penyerahan (*anti-Cession*). Akibatnya, keadaan ini bukan sahaja melibatkan masyarakat malah sesama keluarga seperti pergaduhan antara sanak saudara, adik beradik serta anak dan orang tuanya.¹³⁴

Sebelum penyerahan penuh Sarawak kepada British dilaksanakan, penduduk Sarawak telah bersiap sedia untuk menerima kedatangan kembali raja Charles Vyner Brooke sebagai ketua negara Sarawak pada awal tahun 1946 sebaik sahaja berakhirnya pendudukan Jepun.

¹³² Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 31-32.

¹³³ Perlembagaan yang telah dipersetujui oleh Vyner Brooke sebagai Rajah Putih ketika itu bersama dengan Majlis Negeri untuk memberikan peluang kepada masyarakat peribumi sebagai pemerintah dan sekaligus memberikan kemerdekaan kepada Sarawak untuk memerintah sendiri.

¹³⁴ Ini telah menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu berpecah kepada dua puak, iaitu puak yang menyokong penyerahan Sarawak dan Puak yang menentang penyerahan Sarawak. Golongan penentang penyerahan (*anti-cession*) turut menaikkan poster seperti „*No Cession*“, „*Sarawak Natives Want the Rajah Muda*“ dan „*We Want Brooke, not Bureaucracy*“ manakala pihak yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British pula menaikkan poster seperti „*We Love Cession*“, „*Down with Brooke*“ dan „*God Save the King*“. Ketaksuban penyokong masing-masing bukan sahaja memecahkan masyarakat Melayu tetapi turut menyebabkan keluarga yang berpecah belah, bapa menentang anak, berlaku pergaduhan antara adik beradik dan kawan baik enggan bercakap dengan yang lain. Lihat, Malcolm McDonald, *Borneo People*, 1985, hlm. 347-352. Penyataan ini turut disokong oleh Tan Sri Datuk Amar Abang Ahmad Urai melalui wawancara dengan Tokoh Politik dan Melayu Sarawak serta juga merupakan waris Datuk Merpati Jepang, iaitu Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di kediamannya Jalan Muda Hasyim, Satok, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014. Beliau menjelaskan keadaan ketika itu amat getir bagi perpaduan orang-orang Melayu diakibatkan berlakunya pergaduhan dan permusuhan antara mereka.

Walau bagaimanapun, telah tersebar khabar angin yang menyebut bahawa Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak sebagai koloni British. Penyerahan Sarawak kepada British ternyata dirancang dengan baik dan teratur. Hal ini dapat disaksikan kedatangan dua orang ahli parlimen British yang menguasai bahasa Melayu ke Sarawak untuk menemui masyarakat tempatan mendapatkan reaksi kepada perancangan untuk menjadikan Sarawak sebagai jajahan British. Selain itu, setiausaha kepada raja turut mengelilingi Sarawak untuk menyampaikan harapan Charles Vyner Brooke dan pada pertengahan Mei 1946 telah berlangsungnya perbincangan dalam „*Council Negri*“ berhubung dengan penyerahan Sarawak kepada British. Terkesan daripada peristiwa ini, penentang kepada penyerahan Sarawak terus berusaha untuk menggagalkan rancangan tersebut. Keinginan dan kesungguhan rakyat Sarawak (*anti-cession*) terutamanya orang Melayu Sarawak dan Iban untuk mengharapkan Raja Charles Vyner Brooke agar kembali ke Sarawak telah mendorong mereka mengemukakan rayuan kepada raja yang telah dianggap sebagai „bapa kepada keluarga Sarawak“. Bagi kelompok yang menyambut positif penyerahan pula, beranggapan ianya sebagai satu bentuk permulaan kepada pembangunan Sarawak di bawah pentadbiran British terutamanya selepas sahaja mengalami pelbagai kemusnahan akibat daripada Perang Dunia Kedua, 1941-1945. Di samping itu, pentadbiran yang baru diyakini mampu untuk memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada rakyat Sarawak seperti dalam aspek perubatan dan pendidikan.¹³⁵

Keadaan ini amat merisaukan orang Melayu Sarawak dan golongan datu-datu. Oleh hal yang sedemikian, golongan Melayu Perabangan telah mengambil inisiatif untuk memulih dan menjernihkan keadaan ini. Golongan ini telah melakukan pelbagai cara untuk membawa kembali perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Antaranya, dengan melakukan petunjukan bangsawan yang sememangnya hiburan yang amat diminat oleh

¹³⁵ Elizabeth Pollard, *Kuching Past and Present*, hlm. 99.

masyarakat Melayu Sarawak dewasa itu. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dilakukan oleh golongan perabangan seperti Abang Ahmad Urai (Tan Sri Datuk Seri)¹³⁶ telah memberikan impak yang sangat besar dalam menyatukan masyarakat Melayu Sarawak seperti sebelum itu. Usaha ini dilakukan secara berterusan sehingga lama-kelamaan orang Melayu yang sukakan persembahan bangsawan ketika itu mula bersama-sama menyaksikan persembahan tersebut. Ikatan ukhwah akhirnya terjalin kembali. Masyarakat Melayu yang berpecah dan hampir menghancurkan nasib Melayu Sarawak telah berjaya disatukan dengan menerima takdir penyerahan Sarawak kepada koloni British.¹³⁷

SEJARAH GOLONGAN MELAYU PERABANGAN

Berdasarkan penelitian Abang Yusuf Puteh berkaitan asal usul golongan perabangan, beliau menjelaskan bahawa gelaran perabangan berasal dari kerajaan yang berada di kawasan Sungai Kapuas Ulu di Kalimantan Barat, Indonesia. Terdapat tiga aspek utama mengenai Dinasti Abang di Sanggau yang telah digariskan oleh beliau, iaitu yang pertama, golongan bangsawan Perabangan yang dimulai oleh Abang Awal bin Nurul Kamal yang telah menjadi pemerintah pertama kerajaan ini, kedua, pusat pemerintahan kerajaan ini dinamakan sebagai Putussibau di Nanga Silat dalam kawasan Kapuas Ulu dan yang ketiga,

¹³⁶ Beliau merupakan anak kepada pemimpin Melayu Perabangan yang berpengaruh, iaitu Datu Hakim Abang Haji Mohideen di Bandar Kuching.

¹³⁷ Beliau merupakan antara tokoh penting dalam pembentukan Malaysia 16 September 1963. Beliau juga tokoh politik yang disegani di Sarawak. Pernah menjawat jawatan penting dalam perkhidmatan ketika koloni British di Sarawak pada tahun 1954-1961 dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1961-1969. Pada tahun 1974, beliau telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri di Saribas dan pernah dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri di Sarawak antara tahun 1976-1981. Dipilih menjadi Senator untuk Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 13 November 1985. Kemudian dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara pada 15 April 1985. Seterusnya dilantik menjadi yang Dipertua Dewan Negara pada tahun 1988-1990. Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen di kediaman beliau Jalan Muda Hasyim, Kuching, Sarawak pada jam 3.30 petang bertarikh 9 Januari 2014. Menurut Craig Alan Lockard, opera Melayu, iaitu bangsawan merupakan organisasi sukarela orang Melayu Sarawak yang ditubuhkan untuk memberi hiburan dan rekreasi kepada masyarakat Melayu. Di samping menghiburkan masyarakat yang mempunyai saluran hiburan yang terhad, persembahan bangsawan ini juga sebagai satu jalan untuk mengeratkan hubungan masyarakat Melayu pada ketika itu. Antara kelab bangsawan yang ditubuhkan ialah, Kelab Gersik Re-Setia Jaya dan Kumpulan Kampung Jawa. Walau bagaimanapun, Kelab Gersik Re-Setia Jaya merupakan kelab yang ditubuhkan secara formal dan didaftarkan sebagai persatuan sukarela dan kelab rekreasi dan dinaungi Datu Menteri Abang Mohammed Zin. Lihat juga, C.A. Lockard, *The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, hlm. 404.

jurai keturunan Abang Awal mempunyai darah raja untuk melayakkan baginda menjadi pemerintah sesebuah kerajaan.

Hasil kajian ini telah diperoleh melalui temu bual yang telah dilakukan ke atas keturunan ke-19 kerajaan ini, iaitu Abang Mohd Noh bin Abang Hamdi di Sanggau, Kalimantan Barat. Harus ditekankan bahawa, pemerintah kerajaan Sanggau yang terakhir adalah generasi yang ke-18, iaitu Penambahan Abang Marhaban Salleh yang menggunakan gelaran Pengiran Pati dan kerajaan ini telah berakhir apabila berlakunya pendudukan Jepun di Asia Tenggara pada tahun 1941. Walaupun begitu, maklumat tentang hubungan golongan perabangan di Kapuas, Sumatera dan Sarawak masih lagi samar-samar tanpa ada maklumat yang lebih tepat. Lebih-lebih lagi istilah „Perabangan“ tidak wujud dan diketahui di Sanggau. Begitu juga dengan gelaran „Datu“ tidak digunapakai dalam kalangan mereka tetapi menggunakan gelaran „Dato“ dan masih digunakan untuk gelaran bagi waris keluarga diraja tersebut.

Namun begitu, beliau percaya bahawa terdapat sekelompok golongan Perabangan di Sarawak pasti berasal daripada golongan „Abang“ yang terdapat di Sanggau. Walau bagaimanapun, bila dan bagaimana golongan perabangan ini mula bertapak di Sarawak tidak dapat dipastikan dengan tepat. Harus dinyatakan bahawa penempatan yang paling hampir di Sarawak dengan Putussibau (pusat pemerintahan Abang Awal) adalah sebuah daerah yang bernama Lubok Antu, namun tidak dijumpai atau ditemui walaupun sebuah keluarga atau koloni perabangan yang berada di situ. Seterusnya, persoalan kedua ialah golongan perabangan pertama di Sarawak di catatkan adalah perabangan di Santubong, iaitu Abang Adi dan adakah kemungkinan mereka merentasi sempadan melalui Lubok Antu atau tempat lain atau dari arah laut daripada Putussibau ke Sambas dan melakukan pelayaran ke Santubong?. Persoalan-persoalan ini masih belum terjawab lantaran

kekurangan sumber yang menghadkan kajian beliau. Di samping itu juga, Abang Yusuf Puteh turut menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara golongan Abang di Sanggau dan Perabangan di Sarawak. Hal ini demikian kerana golongan Abang di Sanggau adalah daripada keturunan raja sedangkan di Sarawak mereka digelar sebagai Orang Berbangsa (*a kind of nobility*).

Dalam sejarah Melayu Sarawak, kesinambungan sejarah golongan Melayu Perabangan biasanya diketahui melalui mitos asal usul mereka, iaitu sebuah kisah legenda Datu Merpati dan isterinya (Permaisuri). Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini Datu Merpati dipercayai daripada keluarga diraja Minangkabau dan cucu kepada Raja Jawa. Datu Merpati yang berasal dari Sumatera telah belayar ke Tanjong Dato dan seterusnya telah bergerak ke Santubong untuk membina penempatan di situ bersama dengan isterinya, Permaisuri, puteri kepada Raja Jarum, iaitu Raja Johor. Akhirnya, keturunan mereka menjadi pemerintah di kawasan penempatan masyarakat dari Sungai Sarawak hinggalah ke Sungai Rejang. Putera sulung Merpati, iaitu Merpati Jepang telah dikahwinkan dengan Dayang Murdiah, iaitu anak perempuan Abang Adi seorang pemerintah di Santubong. Seterusnya mereka telah berpindah ke Lidah Tanah yang merupakan kawasan penting untuk menguasai jalan perdagangan yang berhampiran dengan kedua-dua anak Sungai Sarawak.¹³⁸

Mitos asal ini sebenarnya berfungsi khususnya untuk mengesahkan kesinambungan sejarah Melayu Perabangan, iaitu kelas bangsawan yang terdapat di Kuching. Justeru, mereka sering mendakwa mempunyai hubungan keturunan secara langsung dengan Datu Merpati. Hal ini dibuktikan, pada tahun 1940, keturunan-keturunan elit Melayu di Kuching

¹³⁸ Lihat, Mohammed Yusof Shibli, *The Descent of Some Malays*, hlm. 262-264.

telah dikumpulkan dan mereka telah mendakwa keturunan mereka berasal daripada keturunan Datu Merpati anak kepada Raja Jawa.¹³⁹

SUSUN LAPIS GOLONGAN MELAYU PERABANGAN

Harus ditekankan bahawa golongan Melayu Perabangan (*a kind of nobility*) sememangnya telah mendapat kedudukan yang istimewa sama ada ketika Sarawak berada di bawah kesultanan Brunei atau pun di bawah pemerintahan regim Brooke. Golongan Melayu Perabangan yang digelar juga sebagai *orang berbangsa* menduduki status yang tinggi sebagai golongan kelas elit atau atasan. Walau bagaimanapun, dalam keturunan Perabangan itu sendiri terbentuknya beberapa kelas atau kedudukan yang tersendiri berdasarkan lokasi dan peranan golongan ini dalam pentadbiran.

Kelas pertama golongan Melayu Perabangan mempunyai 10 gelaran, iaitu Datu Patinggi, Datu Temenggong, Datu Bandar, Datu Amar, Datu Hakim, Datu Imam, Datu Bentara, Datu Shahbandar, Datu Menteri dan Datu Pahlawan. Walau bagaimanapun, pembahagian kelas dan jawatan golongan ini tidak wujud sebelum 1840 kerana ianya hanya diwujudkan ketika Brooke berkuasa di Sarawak. Mereka memainkan peranan penting dalam pentadbiran Brooke dan menjadi menteri „*de facto*“ kepada Raja Putih. Datu-datu daripada kelas pertama ini lebih dikenali dalam kalangan orang Melayu Sarawak sebagai Datu Bergelar. Terpancar kepentingan daripada gelaran dan status kedudukan mereka sebagai Datu Bergelar maka memberikan kesan yang istimewa kepada anak-anak mereka untuk mewarisi sebagai golongan Melayu kelas pertama secara automatik. Pusat pentadbiran datu-datu daripada kelas pertama ini dinamakan sebagai Balai Datu.¹⁴⁰

¹³⁹ Ibid, hlm. 264.

¹⁴⁰ Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics and Perabangan*, hlm. 74-75.

Kelas kedua, golongan Melayu Perabangan dalam kelas yang kedua merupakan kumpulan khas yang mewakili lima bahagian. Datu-datu ini tanpa gelaran melainkan hanya digelar Datu sahaja. Ketika zaman pemerintahan Raja Putih setiap bahagian pentadbiran akan diletakkan seorang ketua yang digelar sebagai Datu. Golongan datu-datu akan bertugas sebagai Ketua pegawai adat atau pun perkhidmatan awam di setiap bahagian di Sarawak. Misalnya, Datu Abang Zain dan Datu Abang Abu Talip antara yang pernah berkhidmat sebagai Datu di Bahagian Kedua, Simanggang (Sri Aman). Walaupun, gelaran Datu seolah-olah dikhaskan untuk golongan Melayu Perabangan tetapi terdapat juga golongan Melayu bukan Perabangan berada dalam kelas ini. Antaranya, Datu Awang Lai (Mukah), Datu Zain Galau (Baram) dan Datu Pengiran Matusin (Lawas). Anak-anak mereka akan turut mewarisi sebagai keturunan kelas kedua, bukan sahaja dihormati malah lebih berpengaruh.

Seterusnya, kelas ketiga¹⁴¹ golongan Melayu Perabangan pula terbahagi lagi kepada tiga kelas, iaitu kelas ketiga yang pertama golongan Melayu Perabangan yang menetap di kawasan Kuching, kelas kedua pula semua orang Melayu pesisir yang mendiami kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Datu di setiap bahagian seperti Simanggang, Sibul, Miri dan Limbang. Seterusnya, kelas ketiga ialah golongan yang dilabelkan sebagai orang laut yang jauh ketinggalan daripada kemajuan.¹⁴²

Kelas yang keempat, iaitu yang terakhir untuk golongan perabangan ialah daripada komuniti Melanau (Islam atau pun bukan). Hal ini demikian kerana wujud beberapa keluarga perabangan dan menggunakan gelaran tersebut sehingga sekarang daripada komuniti ini. Sebagai contoh, Tun Abang Sallahudin, beliau merupakan bekas Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak (1970 dan 2014), sebelum memeluk Islam, beliau dikenali

¹⁴¹ Ibid., hlm.75. Abang Yusuf Puteh menegaskan dia berada dalam Kelas Ketiga keturunan Melayu Perabangan.

¹⁴² Ibid., hlm. 75-76.

sebagai Abang Louis Barieng dan begitu juga Pemanca Abang Hairani dari Matu, iaitu seorang Perabangan Melanau yang berpengaruh turut bukan daripada keturunan Melayu Perabangan.¹⁴³

Secara ringkasnya, dapatlah dinyatakan bahawa kedudukan sosial golongan Perabangan mempunyai penjelasan yang tersendiri berdasarkan kepada empat kelas golongan ini. Berdasarkan daripada klasifikasi ini dapat dinyatakan terdapat beberapa kriteria turut mempengaruhi kepada terpancarnya pembahagian kelas ini dalam golongan Perabangan, iaitu atas dasar kekuasaan yang dimiliki seseorang golongan Perabangan, kedudukan atau lokasi penempatan mereka, protokol dan kedudukan ekonomi yang mereka miliki. Empat kriteria ini menjadi indikator yang jelas bagi menunjukkan status kedudukan golongan ini di Sarawak terutamanya ketika di bawah pemerintahan kesultanan Brunei dan rejim Brooke. Daripada golongan perabangan ini lahirlah Abang Yusuf Puteh dari kelas ketiga golongan ini. Abang Yusuf Puteh telah berjaya membuktikan kemampuan golongan kelas ketiga golongan Melayu Perabangan dalam bidang pentadbiran, politik dan juga pemikiran. Perjuangan muktahir beliau dalam usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu Sarawak terpancar melalui ketokohan dan hasil-hasil karyanya.

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan menunjukkan terdapat banyak pandangan atau pendapat tentang asal usul orang Melayu Sarawak telah dilontarkan oleh para pengkaji dalam usaha untuk mengukuhkan dapatan masing-masing. Pandangan-pandangan ini sudah tentu memberikan banyak tafsiran terhadap susur galur keturunan orang-orang Melayu Sarawak yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, bagi pengkaji tempatan¹⁴⁴ mereka tetap berpegang

¹⁴³ Ibid., hlm.75-76.

¹⁴⁴ Antaranya, (Sekadar menyebut beberapa nama) Abang Yusuf Puteh dan Sanib Said.

teguh dan bertegas mengatakan bahawa orang Melayu Sarawak merupakan penduduk yang lebih bumiputera daripada bumiputera. Hal ini sudah tentu memberikan tanggapan yang jelas bahawa orang Melayu Sarawak bukanlah percampuran daripada mana-mana etnik atau kaum minoriti lain yang terdapat di Sarawak sebagaimana yang telah digembar-gemburkan oleh sarjana-sarjana barat.¹⁴⁵

Terkesan daripada perselisihan pandangan dan pendapat berkaitan asal usul orang Melayu Sarawak telah menimbulkan satu lagi cabang perdebatan mereka, iaitu tentang istilah „masuk Melayu“. Istilah ini ternyata dengan terbuka, sengaja menolak dan menafikan kewujudan masyarakat Melayu Sarawak itu sendiri sebagai masyarakat yang wujud di Sarawak berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Oleh yang demikian, hujah-hujah turut dikemukakan oleh para pengkaji tempatan bagi membuktikan bahawa istilah „masuk Melayu“ merupakan satu cara terdesak yang digunakan oleh orientalis¹⁴⁶ barat untuk menafikan orang Melayu Sarawak sebagai antara bangsa yang terawal membina petempatan di Sarawak.

Berpaksikan kepada catatan sejarah dan penulisan mutakhir para pengkaji tempatan telah membuktikan orang Melayu Sarawak begitu berjaya dalam bidang sosioekonomi dan pentadbiran. Orang Melayu Sarawak ternyata telah memonopoli aspek budaya masyarakat sehingga telah mewujudkan rasa hormat dan disanjung tinggi oleh kaum peribumi yang lain. Kewujudan sistem yang unik dan bersistematik dalam aspek sosial, ekonomi mahu pun politik telah membuktikan golongan ini berjaya sebagai pentadbir di bawah pemerintahan beberapa orang sultan dan raja.¹⁴⁷ Kesedaran tentang keperluan untuk bersatu di bawah satu komuniti masyarakat yang mempunyai kawasan tertentu demi kelangsungan

¹⁴⁵ Antaranya, (sekadar menyebut beberapa nama) Tom Harrison, Pringley dan John Goately.

¹⁴⁶ Pengkaji-pengkaji barat yang mengkaji aspek sosial, budaya, agama masyarakat Timur.

¹⁴⁷ Lihat, Jackson, J.C., *Sarawak: A Geographical Survey of a Developing State*, London: University of London Press, 1965, hlm. 41.

untuk generasi yang akan datang, memberikan kesan tersendiri kepada kekuatan mereka berbanding dengan masyarakat peribumi lain yang hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil.

Walau bagaimanapun, kemantapan orang Melayu Sarawak dalam bidang-bidang ini dimusnahkan apabila berlakunya penyerahan Sarawak kepada James Brooke pada tahun 1841. Brooke dengan sengaja telah merosakkan sistem yang ada untuk melemahkan kekuatan orang Melayu Sarawak tetapi dengan bijak mengangkat lebih tinggi masyarakat Melayu dari golongan Melayu Perabangan. Golongan Melayu Perabangan, terutamanya daripada kelas teratas dalam stratifikasi sosial masyarakat Melayu Sarawak ciptaan Brooke ditonjolkan untuk memudahkan pentadbirannya di samping untuk memperkukuhkan kedudukannya dengan memperoleh kesetiaan daripada masyarakat Melayu ketika itu. Hal ini lebih merisaukan Brooke apabila sebahagian orang Melayu Sarawak masih lagi memberikan penuh kesetiaan kepada kesultanan Brunei, walaupun Brooke telah dilantik menjadi Raja Putih Sarawak yang pertama atas kurniaan Sultan Brunei sendiri.

Golongan Melayu Perabangan di Sarawak mendapat tempat yang istimewa ketika di bawah pentadbiran rejim Brooke dengan pengurniaan pelbagai gelaran datu kepada mereka. Hal ini secara tidak langsung telah meminggirkan kedudukan golongan pengiran yang mempunyai pertalian dengan kesultanan Brunei secara halus dan terancang. Kerisauan Brooke dalam hal ini ada logiknya, kesetiaan golongan ini terhadap kesultanan Brunei sudah semestinya akan menjadi ancaman kepada pemerintahannya.

Oleh yang demikian, ketokohan golongan Melayu Perabangan perlu digunakan untuk memantapkan kerajaan baharunya. Sungguhpun golongan Melayu Perabangan menduduki carta tertinggi dalam hierarki masyarakat Melayu Sarawak tetapi tidak semua ahli-ahli dalam golongan ini mendapat keistimewaan tersebut melainkan yang berada dalam kelas pertama dan kedua. Walau bagaimanapun, selepas berakhirnya pentadbiran Brooke di

Sarawak telah muncul golongan Melayu Perabangan daripada kelas ketiga dan keempat yang berjaya melahirkan golongan pemimpin yang berwibawa dalam pelbagai bidang.

University of Malaya

BAB 3 : LATAR BELAKANG KELUARGA, PENDIDIKAN, KERJAYA DAN POLITIK ABANG YUSUF BIN ABANG PUTEH

PENGENALAN

Perbincangan dalam bab ini akan membincangkan secara khusus mengenai latar belakang dan keperibadian Abang Yusuf bin Abang Puteh dalam menentukan corak pemikiran dan peranannya dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu Sarawak khususnya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Hal ini penting untuk ditelusuri kerana hipotesis awal menunjukkan bahawa keperibadian Abang Yusuf Puteh dilihat turut memberikan pengaruh yang besar kepada aspek kepimpinan Melayu, aspek sosial, ekonomi dan keagamaan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Perjalanan keperibadian Abang Yusuf Puteh telah membuka ruang kepada perkembangan pemikiran beliau dalam usaha untuk mencapai matlamat dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu Sarawak sebagaimana yang dilontarkan dalam setiap penulisannya. Aspek yang mempengaruhi pemikiran Abang Yusuf Puteh turut dicernakan dalam bahagian ini supaya dapat melihat pembentukan pemikiran beliau yang sentiasa mengemukakan idea yang bernas demi kepentingan masyarakat Melayu. Bahagian ini akan memperjelas keperibadian Abang Yusuf Puteh sekali gus memberikan gambaran kepada perbincangan dalam bab-bab yang seterusnya. Berdasarkan perbincangan dalam bab ini juga persoalan mengenai pemikiran yang mendasari perjuangan Abang Yusuf Puteh dan pemikiran perjuangan beliau akan terjawab.

LATAR BELAKANG KELUARGA DAN PENDIDIKAN

Sanib Said menyebut dalam kajiannya bahawa Kalaka adalah salah sebuah daripada enam buah kerajaan yang pernah wujud di Sarawak.¹ Kewujudan Kalaka sebagai sebuah kerajaan turut disebut di dalam “Syair Tarsilah Cetera Dato” Gudam dan Temenggong Kadir Negeri Saribas” yang diperintah oleh dua orang adik beradik perempuan, iaitu Dayang Hubu” dan Dayang Ruku.² Kini kehilangan kerajaan Kalaka hanya mampu memaparkan kemiskinan yang amat menyedihkan di tempat yang sekarang digelar sebagai Daerah Kalaka, Saratok. Di daerah kecil ini telah lahirnya seorang pemimpin yang begitu mengambil berat perihal nasib masyarakatnya sehingga ke akhir hayatnya.

Abang Yusuf bin Abang Puteh dilahirkan pada tanggal 7 Julai 1935 di Saratok, Sarawak. Walaupun lahir daripada sebuah keluarga yang miskin namun kehadiran beliau disambut dengan penuh kesyukuran oleh ahli keluarga. Kehidupan yang serba kekurangan dengan pertambahan anggota keluarga yang baharu tidak pernah menambahkan kesukaran dan mengurangkan kegembiraan mereka. Malah memberi petanda kepada pemimpin keluarganya, iaitu ayahandanya untuk terus berusaha bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga. Tambahan pula, kelahiran amanah Allah ini telah menyerikan lagi kehidupan pasangan ini. Sesungguhnya tidak ada sesiapa pun yang menyangka bayi lelaki yang baharu lahir ini mampu menjadi kebanggaan keluarga dan masyarakat Melayu di kawasan tersebut khasnya. Dalam bidang pendidikan, beliau boleh dikatakan sebagai anak Melayu yang bijak dan berwawasan sehingga ditawarkan biasiswa oleh kerajaan koloni British untuk melanjutkan pelajaran. Setelah menamatkan pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Malaya,³ beliau diberi peluang untuk bekerja dalam kerajaan koloni British yang banyak

¹ Sanib Said, Kerajaan Awal di Sarawak Sebelum 1400ES, dlm *Polemik Sejarah Jilid 3*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 94-107.

² Ibid., hlm. 94. Sebagaimana disebutkan di dalam syair tersebut, “*Terhenti dulu kisah itu, Tersebutlah pula habar suatu, Di Negeri Kalaka habarnya tentu, Dayang Hubu dan Dayang Ruku*”.

³ Universiti Malaya di Singapura ketika itu.

memberikan pengalaman dan membentuk ciri-ciri kepimpinan unggul beliau sebagai seorang pemimpin.

Ayahanda kepada Abang Yusuf, iaitu Abang Puteh bin Abang Elias digambarkan sebagai seorang yang bijak, bertaqwa dan sentiasa ringan tulang untuk membantu anggota masyarakat yang lain. Beliau sangat dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu di daerah tersebut. Abang Yusuf banyak terkesan dengan sikap dan peribadi ayahandanya sehingga membentuk keperibadian beliau. Abang Puteh telah meninggal dunia ketika berusia 84 tahun, pada 29 Julai 1983 (18 Syawal 1403 H). Manakala bondanya, iaitu Sajerah binti Haji Abdul Hamid telah meninggalkan beliau terlebih dahulu ketika Abang Yusuf Puteh baharu menjejaki usia 12 tahun, iaitu pada tahun 1946 (1365 H). Bondanya merupakan seorang ibu yang solehah, penyayang dan berperwatakan lemah lembut.⁴ Abang Yusuf Puteh berasal daripada keturunan Melayu Perabangan yang sememangnya dipandang tinggi masyarakat Melayu Sarawak dan masyarakat bukan Melayu.⁵ Beliau merupakan antara golongan Melayu Perabangan yang hidup dalam kemiskinan dan berada dalam kelas ketiga⁶ daripada golongan ini menurut stratifikasi sosial masyarakat Melayu pada zaman Brooke. Pada detik itu juga, kemiskinan sebenarnya sudah melanda di mana-mana dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

Ketika kecil, Abang Yusuf Puteh sering menemani bapanya berniaga secara kecil-kecilan dengan melakukan perjalanan dari pekan Saratok dengan menyusuri sungai sehingga ke Kabong malah ada ketikanya, sehingga ke Babang yang berhampiran dengan Sempadan Indonesia. Beliau ternyata mengagumi usaha dan kesungguhan bapanya dalam membesarkan tujuh orang anak dan melaksanakan dua kerja, iaitu perniagaan secara kecil-

⁴ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, hlm. 14.

⁵ Walau bagaimanapun, tidak semua Melayu Perabangan mempunyai kedudukan yang tinggi dan memiliki kekayaan yang melimpah ruah sama ada semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, rejim Brooke, pentadbiran Jepun atau ketika pemerintahan koloni British. Lihat, Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, *Abang Yusuf Puteh, 1935-2009: Nasionalis Sarawak Era Pasca Kolonial*, dlm Prosiding Seminar IAHA, Alor Setar, Kedah, 2014.

⁶ Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, hlm. 75.

kecilan dan petani huma yang mengikut musim. Pelbagai persoalan menerpa fikirannya, bagaimana ayahnya mampu memberikan kehidupan yang bermakna kepada keluarganya hanya dengan memperoleh sedikit hasil?⁷ Kehidupan keluarga dan masyarakat sekitar sebagai petani ternyata masih segar dalam ingatannya.⁸ Kesukaran dan kesusahan hidup dengan berniaga kecil-kecilan dan mengumpul kayu api di hutan selama 10 tahun bersama-sama bapanya telah mematangkan pemikirannya dalam memahami kehidupan orang Melayu di kawasan pesisir yang dihambat kemiskinan.

Abang Yusuf Puteh telah berkahwin dengan wanita pilihannya sendiri yang berasal dari Johor dan merupakan pelajar jurusan Ekonomi di Universiti Malaya, Kuala Lumpur (UMKL). Isterinya Rogayah Abdul Majid (sekarang Datuk) merupakan pelajar tahun pertama dan beliau berada dalam tahun ketiga ketika pertemuan pertama mereka. Mereka telah melangsungkan perkahwinan di Sarawak pada 19 Januari 1963 sebelum peristiwa bersejarah pembentukan Persekutuan Malaysia berlaku. Perkahwinan mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata, iaitu dua orang puteri dan seorang putera.⁹

Daya kepimpinan Abang Yusuf Puteh telah terserlah sejak dari kecil lagi. Beliau dikenali sebagai seorang yang amat berhati-hati dalam memilih kawan di sekelilingnya. Beliau menyedari bahawa kawan yang mempunyai sifat-sifat yang berkualiti sukar untuk ditemui. Beliau menolak kawan-kawan yang bersifat mementingkan diri sendiri atau yang

⁷ Abang Yusuf Puteh, *River of Dr Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 17.

⁸ *Ibid.*, hlm. 17. Beliau mengatakan bahawa kehidupan masyarakat Melayu pesisir dalam pemerhatiannya sejak kecil dan selama 10 tahun sejak 1986 sebagai model kemiskinan. Sebagai contoh keluarganya sebagai keluarga petani ketika itu akan makan nasi hasil daripada tuaian yang telah lepas, ikan dari sungai berhampiran atau daripada tapak huma ataupun ikan yang dikeringkan dan dimasinkan, sayur-sayuran daripada hutan, hanya akan dapat merasa daging daripada burung liar yang berjaya dijerat dan air daripada hujan atau pun daripada sungai yang berlumpur. Semuanya diambil secara primitif. Beliau turut menjelaskan melalui gambaran pengalaman sendiri yang dialami mengingati tentang makan secara berjimat, lampu minyak tanah, pondok yang dibuat daripada kayu yang lembut dan daripada pokok nipah. Tidur beralaskan daun nipah bersama nyamuk yang kelaparan. Namun yang amat menyedihkan beliau adalah kemiskinan seolah-olah diwarisi. Masyarakat Melayu di kawasannya masih seperti nenek moyang mereka dahulu dan tidak banyak yang berubah. Berkocak dalam mindanya sebagaimana yang dinyatakannya masyarakat Melayu di kawasan tersebut tidak mengharap Hotel Sangri-la tetapi cukup perubahan yang membawa kepada kegembiraan.

⁹ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013. Beliau mengatakan perkahwinan tersebut berlangsung di Sarawak. Dikurniakan 3 orang cahaya mata, iaitu Dayang Rubiah, lulusan undang-undang yang kini membuka perniagaan sendiri, Dayang Kartini, lulusan dalam bidang rekaan grafik, juga turut membuka perniagaan, dan Abang Rahmat Shobra, yang kini bertugas sebagai pegawai di Khazanah Nasional. Datuk Rogayah sendiri aktif dalam Pertubuhan Wanita (*Women Institute*) di Sarawak. Pada tahun 1980, beliau telah mendapat status penduduk Sarawak setelah menetap selama 20 tahun di Sarawak.

digelarnya sebagai „*opportunists*“. Sikap berhati-hati yang ditunjukkan Abang Yusuf Puteh jelas mencitrakan kematangan pemikirannya dan menggambarkan sikap kepimpinan yang dimilikinya. Beliau beranggapan bahawa hubungan yang jujur dalam persahabatan adalah amat penting. Walaupun Abang Yusuf Puteh dikenali sebagai seorang yang „*sdective*“ tetapi beliau tidak pernah mengeneipkan rasa hormatnya kepada orang lain.¹⁰ Sejak dari zaman sekolah rendah di Saratok lagi Abang Yusuf Puteh dikenali mempunyai sikap berani bertanya kepada setiap persoalan yang berlegar-legar di benak fikirannya. Malahan beliau turut berani membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh gurunya seperti kesilapan ejaan dan lain-lain sedangkan tindakan tersebut dianggap „*taboo*“ dalam masyarakat Melayu ketika itu. Namun beliau tidak pernah rasa takut dalam menegur atau membetulkan sesuatu demi kebenaran. Hal yang sama turut dikongsi oleh Abang Haji Ahmad Urai, Encik Sauti Karim dan Haji Daud bin Ulei yang mengenali peribadi Abang Yusuf Puteh.¹¹ Berdasarkan penelitian terhadap sikap dan tindakan Abang Yusuf Puteh ini jelas menunjukkan daya kepimpinan sememangnya telah wujud secara tidak langsung dalam diri beliau.

Latar belakang kehidupan Abang Yusuf Puteh yang penuh dengan kesusahan banyak memberikan kesan yang mendalam kepada kekuatan perjuangannya. Pengalaman demi pengalaman yang dituai oleh Abang Yusuf Puteh telah berjaya membentuk keunggulan keperibadian beliau. Lantaran itu, maka tidak hairanlah beliau mempunyai rekod yang cemerlang sejak berada di peringkat sekolah, universiti dan seterusnya sebagai kakitangan perkhidmatan awam sama ada ketika di bawah koloni British mahupun setelah Sarawak menjadi sebuah negeri dalam Malaysia. Abang Yusuf Puteh seorang yang menjunjung

¹⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, hlm. 74

¹¹ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014, Wawancara dengan Encik Sauti bin Karim di Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok, pada jam 11.00 pagi bertarikh 19 September 2015, dan, Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, hlm. 124.

tinggi tanggungjawab yang diberikan dan melaksanakannya sebaik mungkin dengan penuh iltizam, amanah dan dedikasi.

Kemiskinan dan kesukaran dalam hidup menjadi pengalaman yang sangat bernilai bagi Abang Yusuf Puteh. Kesedaran tentang perlunya pendidikan telah mula memberontak kuat dalam dirinya sejak dari peringkat awal persekolahan lagi. Beliau beranggapan bahawa pendidikan merupakan jalan utama untuk anak-anak Melayu sepertinya mencapai kejayaan dalam kehidupan. Tambahan pula, kecekan bapanya berusaha tanpa penat lelah dalam memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan membesarkan anak-anaknya menjadi sumber inspirasi kepadanya. Beliau bertekad untuk membuktikan bahawa anak Melayu pesisir di Sarawak mampu meraih kecemerlangan dan berupaya mengubah kehidupan keluarga. Dengan usaha yang tidak pernah putus asa dalam meniti kehidupan yang sukar dan kepayahan yang tidak terkata, beliau terus mengatur langkah mengejar kejayaan. Kejayaan mesti digenggam, kata-kata azimat yang dibekalkan keluarga terus tersemat kukuh dalam jiwa nuraninya. Pemikiran yang matang ditonjolkan oleh Abang Yusuf Puteh ternyata membuahkan hasil apabila menjadi anak Melayu pesisir di Daerah Kalaka, Saratok yang pertama menggenggam segulung ijazah. Ternyata pemilihan beliau sebagai salah seorang penerima biasiswa kerajaan British di Sarawak tidak sia-sia kerana akhirnya beliau berjaya menyumbangkan bakti kepada negeri Sarawak ketika di bawah koloni British (1959-1963) sebelum dan selepas pembentukan Malaysia (1963-2009).

Beliau memperoleh pendidikan terawal secara formal di tempat kelahirannya, iaitu di Sekolah Abang Abdul Rahman, Saratok pada Januari 1942.¹² Pada hari pertama beliau menjejakkan kaki di sekolah sebagai pelajar, beliau telah menanam azam yang tinggi untuk mencapai impian. Dugaan dan cabaran tidak pernah mematahkan semangat juangnya,

¹² Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid, di rumah Shobra, Jalan Stampin Timur Kuching, Sarawak pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

malah lebih memberikan kekuatan yang tersendiri untuknya terus bergerak ke depan. Wajah ayah yang sedang mengumpul kayu api dan bekerja penuh keringat di „huma“¹³ serta keluarga yang tersayang sering terbayang di benak fikirannya. Pada masa itu juga, Jepun masih berkuasa dan bermaharajalela di Sarawak selepas berjaya menundukkan kuasa penjajah Brooke (ketika itu di bawah pentadbiran Raja Charles Vyner Brooke) dan tentera British. Beliau menyedari bahawa inilah jalannya untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan kesukaran dalam hidup. Persekolahan Abang Yusuf Puteh di Sekolah Rendah Kerajaan Abang Abdul Rahman ternyata membuahkan hasil apabila berjaya melanjutkan pelajarannya ke peringkat sekolah menengah di Bandar Kuching, Sarawak.

Akhirnya, pada tahun 1949, beliau telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah dan Pusat Latihan Batu Lintang (BLTC), Kuching. Di sini juga bermula cerita tentang pengembaraannya daripada kegelapan menuju cahaya, daripada kemiskinan untuk menuju kemewahan dan daripada berputus asa menuju ke ufuk yang baharu.¹⁴ Kematangan pemikirannya tidak dapat untuk disangkal lagi. Di kala usianya baru menjejak 13 tahun, beliau mampu untuk berpandangan lebih jauh bagi menggenggam cita-cita. Tiada siapa menyangka bahawa anak Melayu pesisir ini bakal menjawat pelbagai jawatan penting di tanah tumpah darahnya. Sekolah dan BLTC sentiasa teguh dalam ingatannya lantaran jasa dan bakti pusat pendidikan ini dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak bumiputera terutamanya orang Melayu Sarawak yang dahagakan ilmu pengetahuan. Hal ini diperlihatkan dengan ungkapannya, iaitu “ *Batu Lintang Training Centre And School has a magic hold on me, like a potent spell. In my heart it is everywhere, just like our old house in Saratok*”.¹⁵

¹³ Bendang atau sawah

¹⁴ Abang Yusuf Puteh, *Who Shall Separate Us: Batu Lintang Teachers' College 1949-1999, 50th Anniversary of Golden Memories*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1999, hlm. 2.

¹⁵ *Ibid.*, hlm.1.

Pengajian beliau di Sekolah dan BLTC memakan masa selama enam tahun, iaitu bermula pada tahun 1949 sehingga 1954. Dalam masa yang sama, beberapa buah sekolah di sekitar Kuching, iaitu sekolah St. Thomas, St. Joseph dan St. Mary turut menumpang di Kolej Latihan Batu Lintang akibat daripada kekurangan guru selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945. Tambahan pula, pelajar yang bakal menduduki peperiksaan „*Senior Cambridge*“ di tiga buah sekolah tersebut tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar dari sekolah mubaligh di sekitar Kuching telah ditempatkan di BLTC supaya mereka dapat meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan lebih sempurna. Perlu ditegaskan bahawa, BLTC memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat pendidikan menengah tinggi di Sarawak pada ketika itu. Selain itu, pusat latihan ini pernah menjadi pusat tahanan perang ketika berlakunya pendudukan Jepun di Sarawak. Pada tahun 1948, pusat ini telah dikenali sebagai Kolej Latihan Batu Lintang dan kemudiannya dijadikan pusat latihan dan sekolah pada tahun 1949 sehingga 1954. Walau bagaimanapun, pada tahun 1959 fungsi pusat tersebut telah ditukar sekali lagi kepada Kolej Perguruan Batu Lintang (BLTC) bagi melahirkan guru-guru untuk berkhidmat dalam kerajaan.¹⁶

Ketika berada di Sekolah dan BLTC, Abang Yusuf Puteh bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan tetapi beliau turut melanjutkan pelajaran menengahnya di situ. Dengan disiplin tinggi yang dimilikinya dan berjaya menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar asrama telah banyak memberikan pengalaman berguna untuknya menjadi insan yang baik.¹⁷ Hasil daripada disiplin yang tinggi juga telah banyak memberikan faedah dan

¹⁶ Ibid., hlm.1-17.

¹⁷ Walau bagaimanapun, pada pandangan beliau menjadi pelajar asrama bukan merupakan pilihan yang beliau ada melainkan terpaksa menghadapi keadaan tersebut demi menuntut ilmu yang tidak disediakan di kampungnya. Oleh yang demikian, kekuatan dalam menangkis pengaruh-pengaruh negatif dalam diri seorang pelajar yang berada di asrama adalah dituntut supaya tidak mempersia-siakan peluang yang diberikan terutamanya kejutan budaya yang sering dialami pelajar-pelajar dari luar bandar. Hal ini digambarkan melalui pernyataan beliau, iaitu *“It must be pointed out here that the education policy and system is not free from serious shortcomings; some areas in fact have major faults. The luxury in hostel life for instance has led to the unintended luring of the students to white-collar life.*

manfaat kepadanya, malah berpeluang mempelajari pelbagai perkara yang positif melalui hubungan dan interaksi dengan kaum-kaum lain yang turut menimba ilmu di situ. Selain itu, beliau juga berpeluang bergaul dengan golongan yang lebih dewasa, iaitu sebahagiannya guru-guru yang telah berusia dan sarat dengan pengalaman yang berharga dalam diri mereka.¹⁸ Mereka telah menjadi sumber inspirasi dan memberikan dorongan semangat yang tidak mungkin dapat dibeli dengan wang ringgit. Abang Yusuf Puteh mengakui bahawa Sekolah dan BLTC banyak meniupkan semangat wira kepadanya sebagai anak Melayu pesisir Sarawak.

Abang Yusuf Puteh mempunyai rekod yang sangat cemerlang dalam pelajarannya di sekolah. Kebijaksanaannya memang terserlah dalam semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran lukisan dan pertukangan sebagaimana diakuinya dalam penulisannya. Kecemerlangan dan kebijaksanaannya terbukti apabila sentiasa mendapat tempat pertama di dalam kelasnya.¹⁹ Selepas berusaha dengan gigih selama empat tahun, akhirnya beliau berjaya mendapat Sijil Tingkatan Tiga pada tahun 1952.

Pada tahun 1953, beliau meneruskan lagi pencarian ilmu di Sekolah St. Thomas, Kuching untuk mendapatkan sijil „*Junior Cambridge*“. Setelah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan „*Junior Cambridge*“. Beliau terus mengorak langkah dengan lebih gigih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya, iaitu „*Senior Cambridge*“ pada tahun 1954. Tiada siapa menyangka ketika berada di Tingkatan 5, iaitu „*Senior Cambridge*“, Abang Yusuf Puteh bukan setakat lulus dengan cemerlang dalam peperiksaannya, malahan beliau telah berjaya menjadi pelajar cemerlang dalam pelajaran Kitab Injil (*Scriptures*) dengan mendapat 95 peratus markah dan berjaya mengalahkan pelajar-pelajar lain yang

The federal government must address the problems seriously and urgently”. Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, hlm. 128.

¹⁸ Abang Yusuf Puteh, *Who Shall Separate Us: Batu Lintang Teachers’ College 1949-1999, 50th Anniversary of Golden Memories*, hlm. 35.

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 150. Beliau pernah sekali jatuh tempat kedua setelah Awangku Idriss (Pelajar Brunei) berjaya mengalahkannya, namun ini lebih memberikan kekuatan semangat untuknya belajar untuk tidak mengalah. Ketika itulah kali pertama dan terakhir beliau berjaya dikalahkan di dalam peperiksaan, setelah itu beliau tidak memberikan sebarang peluang kepada orang lain.

beragama Kristian. Tiada siapa yang menyangka anak Melayu pesisir yang beragama Islam berjaya merangkul kejayaan ini dan kejayaannya ini telah menjadi buah mulut ibu bapa dan para hadirin yang hadir di majlis penyampaian hadiah sekolahnya. Hal ini sebagaimana pernyataan beliau ketika ke pentas untuk menerima hadiah setelah namanya diumumkan apabila mendengar suara para tetamu dengan nada terkejut menyebut, “...*he’s a Malay, he’s a Malay*”. Atas kejayaan tersebut juga, beliau telah menerima hadiah berupa kitab Injil daripada *Bishop of Borneo, The Most Reverend Nigel Cornwall* ketika itu.²⁰

Dalam peperiksaan „*Senior Cambridge*“, Abang Yusuf Puteh merupakan antara enam orang pelajar di seluruh Sarawak yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dengan memperoleh pangkat satu (*Grade One*).²¹ Dengan kejayaan yang cemerlang itu, beliau mula menanam impian untuk menjadi seorang doktor walaupun pada peringkat awal beliau hanya bercita-cita untuk menjadi seorang pegawai tadbir. Walau bagaimanapun, impian tersebut terpaksa dilupakan memandangkan situasi ekonomi dan sekolah ketika itu tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi untuk mengajar subjek dalam bidang sains. Akhirnya, beliau terpaksa akur meneruskan pelajaran dalam bidang sastera ketika berada di Tingkatan 6 di sekolah yang sama.

Tuntutan untuk memperoleh ilmu pengetahuan seakan-akan belum berakhir bagi Abang Yusuf Puteh. Hal ini terpancar daripada kegigihannya untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi demi membuktikan anak Melayu pesisir mampu berjaya dengan membawa kebanggaan kepada keluarga dan masyarakatnya. Oleh yang demikian, pada September 1956 dengan menaiki kapal terbang jenis „Dakota“ beliau telah berangkat ke Singapura dari Kuching untuk menyambung pelajarannya setelah berjaya mendapat tempat

²⁰ Ibid., hlm. 151.

²¹ Ibid., hlm. 151-152.

di Universiti Malaya, Singapura.²² Inilah angan-angannya selama ini yang akhirnya telah menjadi kenyataan untuk terbang di awan biru dengan mesin yang mampu terbang (kapal terbang) di udara.²³ Ketika di Universiti Malaya, beliau telah berpeluang berjumpa dan mengenali Pendeta Za'ba yang bertugas di Universiti Malaya di Singapura ketika itu. Ternyata Abang Yusuf Puteh terkesan dengan pemikiran Za'ba yang akhirnya menjadi tunjang kepada setiap perjuangannya secara langsung atau tidak langsung.²⁴ Setelah mengharungi kepayahan dan kesukaran di negara orang, pada tahun 1959, akhirnya Abang Yusuf Puteh telah berjaya menamatkan pelajaran peringkat ijazahnya dalam bidang antropologi dan pengajian Melayu.²⁵

Sekembalinya ke Sarawak, beliau telah diberi peluang untuk berkhidmat dengan kerajaan British dalam bidang pentadbiran. Walaupun telah berjaya menjawat jawatan yang baik dalam kerajaan koloni British di Sarawak, beliau sentiasa gelisah lantaran sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan. Persis kata cendekiawan, harta boleh dicari tetapi ilmu dibawa hingga ke mati, jauh perjalanan semakin banyak pengalaman yang akan diperoleh. Kecintaan beliau terhadap ilmu tidak pernah berhenti, hal ini dibuktikan apabila beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Cambridge, United Kingdom pada tahun 1961. Ketika itu, beliau telah pun bekerja sebagai seorang pegawai dengan kerajaan British di Sarawak. Beliau terlebih dahulu mengikuti Kursus Musim Panas selama seminggu di Universiti Oxford, United Kingdom sebelum meneruskan pelajaran ke Cambridge di peringkat sarjana. Seterusnya, pada 17 September 1963 sehari selepas pembentukan Malaysia, beliau

²² Ijazah yang berjaya beliau peroleh dari Universiti Malaya, Singapura telah musnah semasa kebakaran yang telah memusnahkan kediaman beliau di Kuching. Walau bagaimanapun, beliau berusaha untuk mendapatkan kembali ijazah tersebut daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur namun pihak universiti hanya dapat menyediakan pengesahan yang membuktikan bahawa beliau telah berjaya memperoleh ijazah dari Universiti tersebut di Singapura.

²³ Abang Yusuf Puteh, *Who Shall Separate Us: Batu Lintang Teachers' College 1949-1999, 50th Anniversary of Golden Memories*, hlm. 144.

²⁴ Merujuk kepada tindakan-tindakan yang diambil demi kepentingan orang Melayu Sarawak ketika bertugas di bawah kerajaan Koloni, Kerajaan Negeri Sarawak dan Selepas bersara daripada Perkhidmatan Awam, iaitu menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, 1987-1991 dan bersara daripada politik.

²⁵ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

meneruskan pengembaraan ilmu yang seolah-olah belum cukup untuk dicurahkan kepada agama, bangsa dan negara di Universiti Princeton, New Jersey, Amerika Syarikat sebagai „*Parvin Fellow*“ dalam bidang hal ehwal awam dan hubungan antarabangsa.²⁶

Tuntasnya, Abang Yusuf Puteh telah melalui pelbagai rintangan sepanjang pengembaraannya menuntut ilmu pengetahuan demi mencapai cita-cita dan impiannya. Walaupun beliau telah berjaya mendapat pekerjaan yang baik selepas menamatkan pelajaran di peringkat ijazah namun demi kecintaannya terhadap ilmu telah mendorong beliau untuk terus menggali khazanah ilmu di universiti berprestij di luar negara, iaitu di Universiti Cambridge, United Kingdom dan Universiti Princeton di Amerika Syarikat. Sekembalinya ke tanah air, beliau tidak lupa pada asal usul dan mencurahkan khidmat baktinya kepada negeri Sarawak untuk bersama-sama membangunkan anak wataninya terutamanya masyarakat Melayu Sarawak yang begitu jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang.

KERJAYA AWAL ABANG YUSUF PUTEH

Semangat perjuangan yang lahir daripada pengalaman yang pernah dilalui Abang Yusuf Puteh menjadi pemangkin yang membina kekuatan yang ampuh khususnya keberanian dalam wataknya. Pejuangannya merupakan sebuah perjuangan yang bersifat sederhana pada era pasca kolonial. Beliau berjuang untuk membebaskan pemikiran masyarakat Melayu Sarawak yang begitu mundur sejak di bawah pemerintahan rejim Brooke. Perjuangan Abang Yusuf Puteh yang lantang melontarkan teguran terhadap kemunduran masyarakat Melayu terutamanya orang Melayu di kawasan pesisir Sarawak bukan untuk mendapat nama atau pujian. Atas dasar itu, beliau wajar dianggap sebagai nasionalis era

²⁶ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, hlm. 144-145, dan wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

pasca kolonial. Tindakan beliau yang begitu lantang menegur dan menyuarakan pandangan kepada pihak kerajaan sering dianggap sebagai pembelot dan penentang. Walau bagaimanapun, bagi masyarakat Melayu pesisir beliau tetap dianggap sebagai pejuang yang membela nasib mereka untuk mendapatkan hak pembangunan daripada kelemahan kepimpinan Melayu. Bahkan, perjuangan beliau turut memberikan impak kepada pembangunan sosial, ekonomi dan aspek agama masyarakat Melayu pesisir. Namun begitu, sering kali juga pejuang disalah tafsirkan sebagai seseorang yang hanya berusaha untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan tanpa melihat dari konteks yang lebih luas. Hal ini kemungkinan pengaruh penulisan yang banyak memaparkan perjuangan tokoh-tokoh pada era sebelum merdeka telah memungkinkan tanggapan sedemikian terus menjadi sinonim dalam diri masyarakat dasawarsa ini. Mereka beranggapan bahawa pejuang ialah tokoh-tokoh yang berjuang untuk membebaskan negara daripada kolonialisme semata-mata.

Memetik kata-kata A. Samad Said berkenaan perjuangan Dato^o Onn, iaitu “Sama ada kita sedari atau tidak, Dato^o Onn masih mewarnakan arah dan hala perjuangan bangsa Melayu sekalipun dia telah keluar daripada UMNO dan setelah dia meninggal dunia. Malah hal-hal yang diperjuangkan setelah merdeka dalam bidang bahasa, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi, termasuk perjuangan mempertahankan hak-hak istimewa bangsa Melayu sebagai bumiputera negara kita pada hakikatnya juga dikira sebagai perjuangan sebagaimana yang pernah dipelopori oleh Dato^o Onn”.²⁷ Hal ini menjelaskan bahawa perjuangan boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk dan bukan hanya merujuk perjuangan untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan. Oleh yang demikian,

²⁷ A. Samad Said, menerusi kata pengantarnya dalam buku Biografi Dato^o Onn, dlm Anwar Abdullah. *Biografi Dato^o Onn: Hidup Melayu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm.14.

pejuang yang berjuang demi kemajuan dan mempertahankan hak anak bangsa itulah dikatakan sebagai nasionalis sama ada pada era pra atau pasca merdeka.

Abang Yusuf Puteh merupakan seorang tokoh dan pemimpin yang berjiwa rakyat. Pembentukan keunggulan keoknuman²⁸ Abang Yusuf Puteh semakin terserlah setelah beliau menamatkan pengajian di Universiti Malaya pada tahun 1959. Dalam masa yang sama British yang masih menjajah Sarawak secara tidak langsung memberikan impak kepada semangat nasionalis yang semakin menebal dalam jiwa beliau. Lebih-lebih lagi setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957 ketika tempoh pengajiannya masih berbaki dua tahun di Singapura. Tarikh keramat kemerdekaan Tanah Melayu telah menyuntik kesedaran yang mendalam dalam dirinya terutamanya apabila mengenangkan nasib orang-orang Melayu yang masih terpinggir di bumi sendiri, iaitu Sarawak.

Sebelum Abang Yusuf Puteh terlibat dalam dunia politik pada tahun 1987, beliau banyak mengutip pengalaman sebagai kakitangan kerajaan ketika dua zaman, iaitu zaman penjajah British (1941-1963) dan setelah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Kerjaya pertama beliau bermula apabila ditawarkan jawatan sebagai *Sarawak Administrative Officer* (SAO) di Daerah Muara Tuang oleh kerajaan British sebaik sahaja berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1959.²⁹ Oleh itu, beliau ditempatkan di kuarters kelas tiga kerajaan di Jalan Batu Lintang, Kuching. Kemudiannya beliau berpindah ke kuarters kelas satu pada april 1960 setelah hanya beberapa bulan di kuarters kelas tiga.³⁰ Jawatan sebagai SAO di

²⁸ Sama maksudnya dengan keperibadian.

²⁹ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid (isteri Allahyarham Datuk Abang Haji Yusuf bin Abang Puteh), di kediamannya di Jalan Song, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 21 Disember 2013.

³⁰ Menurut Abang Yusuf Puteh, ketika berada di kediaman kerajaan atau lebih tepat kuarters tiga inilah kali pertama pertemuan beliau dengan Rahman Yaakub pada Januari 1960. Di sini jugalah Abang Yusuf Puteh begitu terkesan dengan kedudukan masyarakat Melayu yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya oleh British. Rasa ketidakpuasan hati beliau diterjemahkan sebagaimana pernyataannya, iaitu "*A British recruit with lower qualification than mine would enter the Civil Service as a District Officer with four times the salary. Such was the colonial injustice*". Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 76.

Daerah Muara Tuang banyak memberikan input terbaik beliau untuk mengetahui tentang kehidupan masyarakat Melayu terutamanya aspek sosial dan ekonomi mereka. Keadaan ini jelas telah memberikan kesan yang mendalam kepada perjuangannya selepas itu. Beliau dapati walaupun Daerah Muara Tuang merupakan daerah berhampiran dengan pusat pentadbiran kerajaan bahagian Kuching tetapi taraf kehidupan masyarakatnya masih jauh ketinggalan dalam pembangunan. Hal ini lebih-lebih lagi kawasan masyarakat Melayu pesisir di bahagian Simanggang³¹ (sekarang Sri Aman) sudah tentu lagi menyedihkan.

Setelah pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Abang Yusuf Puteh telah dinaikkan pangkat yang lebih tinggi bersesuaian dengan kelayakan yang dimiliki beliau. Antara jawatan lain yang pernah dipegang beliau sebelum menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak ialah, *Local Officer*, Residen Bahagian Kuching dan *State Development Officer* yang bertindak menguruskan penempatan pegawai-pegawai kerajaan.³² Kemudiannya, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum diberikan amanah untuk menggalas tanggungjawab yang lebih mencabar, iaitu sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak beliau disifatkan sebagai seorang yang mempunyai rekod cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.³³

Selain itu, terdapat beberapa jawatan lain yang turut dipegang Abang Yusuf Puteh di sepanjang kerjayanya ketika berada di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (1970-1985). Antaranya, sebagai pengerusi pertama Yayasan Sarawak yang menumpukan perhatian kepada pendidikan anak-anak bumiputera di Sarawak. Beliau yang merupakan antara pengasas penubuhan Yayasan Sarawak memberikan tumpuan kepada pembangunan

³¹ Pada ketika itu Betong, Kalaka dan Saribas adalah sebahagian Bahagian Kedua Simanggang (Sri Aman) sebelum Daerah Betong dinaikkan taraf menjadi Bahagian Betong pada 26 Mac 2002. Lihat, www.betongro.sarawak.gov.my.

³² Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di Rumah Shobra, Jalan Stampin Timur Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

³³ Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2010, hlm. 46-47.

pendidikan masyarakat bumiputera terutamanya anak-anak Melayu di kawasan luar bandar. Tindakan Abang Yusuf Puteh ini mencitrakan bahawa pendidikan merupakan jalan utama untuk melakukan perubahan dalam meningkatkan aspek kehidupan masyarakat di luar bandar. Atas kesedaran ini juga, maka Abang Yusuf Puteh telah menawarkan 90 peratus biasiswa Yayasan Sarawak kepada anak-anak Melayu.³⁴

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh turut memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA). BINA merupakan sebuah organisasi penting dalam menyebarkan ajaran Islam di Sarawak sejak penubuhannya pada tahun 1969. Menurut Abdul Kadir Hassan (mantan Mufti Negeri Sarawak) penubuhan BINA mempunyai kepentingan yang signifikan dengan perkembangan gerakan dakwah Islam di Sarawak. Hal ini memandangkan tidak ada satu pun pergerakan Islam yang menjalankan kegiatan dakwah Islam sepertimana yang dilakukan oleh BINA.³⁵ Dalam pergerakan ini, Abang Yusuf Puteh juga berusaha untuk mengajak masyarakat Melayu untuk memantapkan aspek ekonomi mereka menerusi pemahaman ajaran Islam yang sebenar.³⁶

Jawatan-jawatan lain yang pernah disandang oleh Abang Yusuf Puteh ialah sebagai Presiden Persatuan Kesusasteraan Sarawak, Ketua Editor *Sarawak Gazette*, Setiausaha Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Naib Presiden *The Royal Asiatic Society*, Cawangan Malaysia dan pemegang amanah Yayasan Tun Abdul Razak. Beliau turut pernah dianugerahkan *Eishenhower Fellowship* untuk jelajah pembelajaran selama empat bulan di Amerika Syarikat pada 1980.³⁷ Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan besar Abang Yusuf Puteh sebagai anak Sarawak yang pertama memperoleh anugerahnya. Malah beliau merupakan penerima yang keempat dari Malaysia setelah Tun Mohd Suffian menerimanya

³⁴ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden, Tokoh Melayu Perabangan Sarawak di Kuching, Sarawak pada 9 Januari 2014.

³⁵ Rujuk, *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, Jawatankuasa Penyelidikan Sejarah, Kuching: Penerbitan dan Penerangan BINA, 1979, hlm.15.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 93-94.

³⁷ http://www.bharian.com.my/bharian/articles/DuniaBuku_AdatPerkahwinanOrangMelayuSarawak/Article bertarikh 22 April 2011. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, 1996.

untuk kali pertama pada tahun 1964, diikuti Encik Wan Hamid bin Mohd Salleh dan Profesor Yip Yat Hoong. Anugerah ini diperkenalkan pada tahun 1953 bagi menghargai jasa besar mantan presiden Amerika Syarikat dalam aspek kemanusiaan, iaitu Eisenhower.³⁸

Keteguhan semangat jati diri Melayu Sarawak telah tertanam dalam dirinya sehingga beliau tidak menyenangi kedatangan orang luar ke tanah Sarawak walaupun orang Melayu dari Malaysia Barat. Keadaan ini lebih-lebih lagi apabila seseorang itu membawa satu budaya yang tidak bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini ditegaskan Abang Ahmad Urai bahawa budaya Melayu Sarawak mempunyai nilai kesopanan dan kesantunannya yang tersendiri, atas sebab itu juga masyarakat Dayak begitu menyanjung tinggi orang Melayu Sarawak dewasa itu. Jiwa Melayu yang berpegang teguh kepada agama menjadi pedoman kepada Abang Yusuf Puteh dalam bidang pentadbiran ketika memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sejak tahun 1970.³⁹

Atas dasar itu juga, semua pegawai kerajaan berketurunan Melayu diminta untuk mengenakan jubah berwarna putih dan aktiviti keagamaan di setiap jabatan kerajaan dipergiatkan. Lanjutan daripada itu, penubuhan dan pembukaan surau-surau di setiap jabatan kerajaan di Sarawak dilancarkan yang dinamakan sebagai Surau Setia supaya orang-orang Melayu kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Tindakan yang diambil oleh Abang Yusuf Puteh ternyata memberikan kesan kepada perubahan dalam aspek agama pegawai-pegawai Melayu di Sarawak ketika itu. Hal ini terkesan daripada pelbagai budaya asing yang menerjah masuk ke negeri Sarawak telah membawa permasalahan yang begitu kronik dalam masyarakat terutamanya orang Melayu Sarawak. Penjajahan Brooke dan

³⁸ Tun Mohd Suffian adalah Mantan Presiden Mahkamah Persekutuan dan penerima pertama dari Malaysia, manakala Encik Wan Hamid Wan Salleh Mantan Pengarah Pengurusan Pemas dan Profesor Yip Yat Hoong adalah mantan Timbalan 1 Naib Canselor Universiti Malaya. Rujuk, *Sarawak Gazette*, Vol. CVI, No. 1466, 30 April 1980, hlm. 60.

³⁹ Ishikawa, N., *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, hlm. 31-38, dan, Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai, Tokoh Melayu Perabangan Sarawak di Kuching, Sarawak pada 9 Januari 2014.

koloni British telah banyak memperkenalkan budaya barat yang bertentangan dengan agama yang menjadi paksi kepada kekuatan jiwa dan semangat Melayu yang subur dalam jiwa Abang Yusuf. Penjawat-penjawat awam yang terdidik dengan budaya luar telah mengakibatkan tingkah laku mereka bertentangan dan lari daripada ajaran agama kerana terlibat dengan aktiviti perjudian dan minuman keras.⁴⁰ Oleh yang demikian, tindakan Abang Yusuf ternyata telah membersihkan serba sedikit kekotoran peninggalan penjajah barat dalam masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan kakitangan kerajaan berketurunan Melayu di Sarawak.

Sejarah membuktikan budaya masyarakat Melayu Sarawak berpegang teguh kepada empat asas utama, iaitu agama, kesetiaan, adat dan perpaduan.⁴¹ Asas-asas inilah yang berperanan dalam menyatukan masyarakat Melayu yang bertaburan di bumi Sarawak sehingga mampu bertahan sehingga ke hari ini. Sifat kesetiaan juga wujud dalam diri Abang Yusuf Puteh yang dimanifestasikan melalui semangat kesetiannya kepada kepimpinan pemimpin yang berwibawa. Abang Yusuf Puteh mengagumi daya kepimpinan pemimpin Sarawak di bawah Abdul Rahman Yaakub (Tun) dengan menumpukan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap beliau. Sumbangan Tun Rahman sebagai Ketua Menteri Sarawak dan pemimpin Melayu telah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat di Sarawak.⁴² Daya kepimpinan yang cemerlang Abdul Rahman Yaakub terpancar dengan pengaruhnya yang tersebar bukan sahaja dalam kalangan masyarakat

⁴⁰ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di kediaman beliau pada jam 3.30 petang bertarikh 9 Januari 2014.

⁴¹ Aspek kesetiaan yang wujud dalam diri masyarakat Melayu Sarawak turut disebut dan disentuh dalam penulisan mutahir Hashim Fauzy Yaaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 29. Hal ini menjelaskan orang Melayu Sarawak mempunyai sikap kesetiaan dan kepatuhan terhadap sistem pentadbiran termasuklah ketua-ketua mereka. Wawancara bersama Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di Kuching, Sarawak, pada, 9 Januari 2014.

⁴² Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*, Petaling Jaya, Selangor: Penerbitan Pena Sdn Bhd, 1981, hlm. 34-39. Antara sumbangan Abdul Rahman Yaakub ialah beliau merupakan tokoh yang telah berjaya memulihkan keamanan daripada ancaman komunis dengan termeterainya perjanjian damai di Simanggang (Sri Aman), Sarawak pada 4 Mac 1974 di antara kerajaan negeri Sarawak dengan Bong Kee Chok yang mengetuai seramai 500 orang gerila komunis. Gerila komunis telah menyerahkan semua senjata kepada pasukan keselamatan dan ini menandakan Operasi Sri Aman telah berjaya. Lihat juga, *Sarawak Tribune*, 09 August 1971, hlm.1. Operasi Ngayau dilancarkan oleh kerajaan negeri di bawah pentadbiran Rahman Yaakub dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan bagi memerangi gerila komunis di Sarawak. Rahman Yaakub sebagai Ketua Menteri dan Abang Yusuf Puteh sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri pada masa itu telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kehidupan rakyat Sarawak terus terjaga dari aspek sosial, ekonomi, politik dan keagamaan.

Melayu Sarawak tetapi juga dalam kalangan masyarakat peribumi yang lainnya. Di samping itu, masyarakat Melayu Sarawak kebanyakannya memberikan kesetiaan kepada Rahman Yaakub sebagai pemimpin untuk terus menaburkan khidmatnya kepada Kerajaan Negeri Sarawak.⁴³ Kesetiaan yang bertapak kukuh dalam dirinya terhadap Rahman Yaakub tidak dapat dikikis dengan mudah, sehingga beliau sanggup melepaskan jawatannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1985, pada ketika Taib Mahmud⁴⁴ (sekarang Tun) memegang tampuk Ketua Kerajaan Negeri Sarawak apabila berlakunya krisis⁴⁵ antara Rahman Yaakub dan anak saudaranya Taib Mahmud. Justifikasinya, kesetiaan yang bertapak dalam dirinya merupakan manifestasi daripada asas pegangan masyarakat Melayu Sarawak, lebih-lebih lagi terhadap pemimpin yang disanjung tinggi oleh mereka. Keadaan ini juga dapat diperlihatkan sebagaimana semangat kesetiaan yang pernah ditunjukkan oleh masyarakat Melayu Sarawak terhadap pemerintahan kerajaan Brunei sebelum pengambilalihan kuasa rejim Brooke. Begitulah juga kesetiaan orang Melayu Sarawak kepada Brooke, apabila mereka (golongan *anti-cession*) bangun menentang penyerahan Sarawak kepada koloni British.

Selanjutnya, Abang Yusuf Puteh juga merupakan seorang yang berperwatakan tegas dalam melaksanakan amanah yang terpikul di bahunya. Abang Ahmad Urai turut mengakui perwatakan tegas yang dimiliki oleh Abang Yusuf Puteh dalam melaksanakan setiap tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam dan ketua.⁴⁶ Ketegasan beliau dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah dibuktikan ketika beliau menjawat jawatan

⁴³ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di kediaman beliau pada jam 3.30 petang bertarikh 9 Januari 2014.

⁴⁴ Sekarang merupakan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak yang baru melalui perlantikan pada tarikh 1 Mac 2014. Rujuk, www.Sarawak.gov.my.

⁴⁵ Krisis ini digelar sebagai *Ming Court Affair*. Pertemuan kumpulan penentang pentadbiran Taib Mahmud sebagai Ketua Menteri di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur. Kumpulan ini menggelarkan diri mereka sebagai Kumpulan Maju terbentuk daripada Parti Bansa Dayak Sarawak dan parti baru, iaitu Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) yang dipimpin oleh Tun Rahman Yaakub, bapa saudara Taib Mahmud dan bekas Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak. Kumpulan penentang Taib Mahmud bukan hanya terdiri daripada parti pembangkang tetapi juga beberapa orang Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada komponen Barisan Nasional Sendiri, iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Bertujuan untuk menjatuhkan Taib Mahmud dan mendapatkan semula kuasa. Rujuk, Alli Kawi, *It Has Been Worth The Pain*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2009, hlm. 274-277.

⁴⁶ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 September 1980, hlm. 2.

sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang memperlihatkan kakitangan awam negeri pada ketika itu berusaha dengan gigih untuk melaksanakan tugas di jabatan masing-masing. Gaya kepimpinan beliau yang tegas dalam memastikan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan dinamik dan berkesan bukan sahaja menimbulkan rasa takut tapi wujud rasa hormat dalam kalangan kakitangan awam terhadapnya. Situasi ini, lebih-lebih lagi kekerapan Abang Yusuf Puteh melakukan pemantauan terhadap tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan kerajaan pada masa itu. Dalam konteks ini, ketegasan beliau bukan bermaksud sikapnya yang tidak berperikemanusiaan tetapi kerana amanah dan kejujuran dalam mentadbir amat dititikberatkannya sehingga dapat mencerminkan sikap dirinya sebagai seorang pemimpin yang berwibawa.⁴⁷

Pandangan Abang Ahmad Urai ternyata selari dengan Razali Busri, iaitu penduduk generasi kedua yang mengenali dan mengetahui usaha-usaha berterusan Abang Yusuf Puteh terhadap kemajuan masyarakat di daerah tersebut. Menurut Razali Busri, Abang Yusuf Puteh merupakan seorang yang sangat merendah diri tetapi sangat dihormati oleh masyarakat di Daerah Kalaka kerana ketokohan dan perjuangan beliau dalam membantu untuk membangunkan masyarakatnya. Bahkan, Razali Busri dengan berani mengatakan bahawa Abang Yusuf Puteh merupakan kesayangan masyarakat di Saratok. Beliau sangat tegas dalam tindakannya demi perubahan yang akan membawa kemajuan kepada masyarakatnya. Seorang yang berjiwa besar untuk melihat anak-anak Melayu pesisir setanding dengan masyarakat lain di luar sana. Sumbangan beliau dalam bidang sosial, ekonomi dan pendidikan terhadap masyarakat Melayu pesisir telah membuka ruang kepada masyarakat di Daerah Kalaka untuk mengecapi pelbagai kemajuan pada hari ini.⁴⁸

⁴⁷ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai, Tokoh Politik Melayu Sarawak di kediamannya di Jalan Muda Hasyim, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

⁴⁸ Wawancara dengan Encik Razali bin Busri, penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok (yang kini berada di Kota Kinabalu, Sabah) melalui aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp*. Beliau menegaskan Abang Yusuf Puteh merupakan tokoh yang digeruni sama ada kawan ataupun pihak lawan. Beliau seorang yang sangat bermurah hati dengan membantu pembangunan Daerah Saratok sebaik mungkin

Menurut Encik Ali Sabana bin Bujang, Abang Yusuf Puteh merupakan seorang yang tegas dan berani menyuarakan teguran kepada penjawat awam. Hal ini dibuktikan ketika Abang Yusuf Puteh menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri beliau amat menitikberatkan disiplin dalam kalangan kakitangan kerajaan seperti „*punctuality*“ dan aspek penampilan.⁴⁹ Ini dibuktikan dengan ucapan Abang Yusuf Puteh kepada penjawat awam negeri Sarawak pada 31 Mac 1979, iaitu:

*Top of my priority is discipline. Discipline may have several academic definitions and may come in various scientific forms and styles. We are all administrators and we deal with practical problems and not academic arguments. My version of discipline is simple. It is a sense of realization and acceptance of our responsibilities, an off-shoot or conscience.*⁵⁰

*Punctuality: It is imperative for all officers from the State Secretary down to the drivers to observe the requirements of the general. Orders in this respect, the working hours given in the General Orders are the minimums expected of us and not maximum as some officers might have thought. There is no excuse for being late nor is there any for leaving office early. I have recently conducted many surprise checks in Kuching and also some districts. I regret to say there is plenty of room for improvement. ... Unpunctuality can reflect on the character of an officer in that by being late he may not have sense of urgency in his work. For him everything can wait, including time.*⁵¹

Menerusi petikan daripada ucapan tersebut jelas menggambarkan sifat tegas beliau menyeru semua penjawat awam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Bagi Abang Yusuf Puteh mematuhi disiplin merupakan tanggungjawab kerana ianya merujuk kepada aspek-aspek lain seperti menepati masa, penampilan, tidak rasuah dan lain-

sehinggakan beliau sanggup mengeluarkan sumber sendiri. Beliau juga sering menambahkan kemeriahan setiap kali menyambut Ramadhan di Saratok dengan memasang pelita di seluruh perkampungan di Saratok atas pembiayaan dari wangnya sendiri tanpa bantuan atau apa-apa permohonan kepada pihak kerajaan. Razali turut menegaskan bahawa sebagaimana cara dan tindak tanduk Mahathir Mohammad maka seperti itulah cara dan tindakan Abang Yusuf Puteh.

⁴⁹ Wawancara dengan Encik Ali Sabana, seorang guru dan penduduk Kampung Melango, Saratok, pada jam 11.40 pagi bertarikh 24 Mac 2016.

⁵⁰ *Sarawak Gazette*, Vol. CV. No. 1453, 31 March 1979, hlm. 39-42.

⁵¹ *Ibid.*, 39-42.

lain lagi. Beliau berpandangan bahawa sikap tidak menepati masa akan memberikan impak negatif kepada karakter seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Seterusnya, ketegasan beliau turut terserlah apabila beliau tetap dengan pendiriannya terhadap isu yang telah membawa kepada ketegangan di antara beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Setiausaha Kerajaan Persekutuan di Sarawak pada tahun 1980. Sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, beliau telah banyak mendapat laporan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh penerima-penerima pencen daripada kerajaan persekutuan. Tempoh pesara-pesara kerajaan bagi mendapatkan pencen terlalu panjang sehingga memakan masa selama lima tahun adalah sesuatu yang tidak dapat dimaafkan. Hal ini sebagaimana pernyataan beliau, iaitu:

In fact I know of one specific case where it is still pending after 5 years of retirement and still not paid pension. The case under reference is only a gardener, and who happens to be in my hometown. It must be after years of sufferings that his relatives decided to approach me about his problem. It is fortunate that in this case he has direct access to me. I dread to think of cases far away in the „ulu“and other places who have no connections with the Secretariat officials. My information on this particular officer is that he retired on the 31st of December, 1974 and no pension until now as I said. ... The delays may be caused by oversights or even negligence by departmental officers and other agencies which I cannot forgive.⁵²

Isu yang dibangkitkan oleh Abang Yusuf Puteh ketika konferen *Sarawak Government Officer Union* (SGOU) ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati Setiausaha Kerajaan Persekutuan, iaitu Syed Rosley bin Syed Bakar dengan menolak pandangan Abang Yusuf Puteh sebagai sesuatu yang tidak adil kepada kerajaan persekutuan. Beliau menjelaskan kemungkinan terdapat empat faktor yang membawa kepada penangguhan pemberian pencen yang tidak dapat dielakkan.⁵³ Bagi menjawab balas jawapan yang dikemukakan

⁵² Lihat, *Sarawak Tribune*, 15 September 1980, hlm. 1.

⁵³ Lihat, *Sarawak Tribune*, 18 September 1980, hlm. 1-2. Empat alasan yang dikemukakan oleh Setiausaha Persekutuan sebagaimana pernyataan beliau ialah “the lack of the necessary documents required for the computation of pensions; the difficulty in determining the

oleh Setiausaha Kerajaan Persekutuan, Abang Yusuf Puteh menjelaskan bahawa beliau tetap dengan pendiriannya dan berpegang kepada bukti-bukti yang dikemukakan kepada beliau berkaitan isu berkenaan. Beliau turut mengatakan bahawa beliau tidak bermaksud untuk mencampuri hal ehwal pentadbiran Setiausaha Kerajaan Persekutuan tetapi isu ini menggambarkan ketelusan dan imej yang baik serta efisien perkhidmatan awam di Sarawak.⁵⁴ Tindakan tegas Abang Yusuf Puteh dalam menangani isu ini turut mendapat maklumbalas positif daripada Sarjit Singh, iaitu Presiden SGOU.⁵⁵ Nada yang sama turut dikemukakan oleh Sarawak Teachers' Union (STU), yang turut menerima permasalahan yang sama daripada ahli-ahlinya. STU turut berbesar hati apabila Setiausaha Kerajaan Negeri, iaitu Abang Yusuf Puteh dalam masa yang sama turut menyuarakan isu yang berlegar dalam kalangan ahli STU secara tidak langsung. Tindakan Abang Yusuf Puteh ternyata direstui demi menuntut keadilan untuk pesara-pesara kerajaan di Negeri Sarawak.⁵⁶ Walau bagaimanapun, di sebalik ketegasannya Abang Ahmad Urai mengakui adakalanya ketegasan Abang Yusuf Puteh berubah menjadi sikap panas baran. Hal ini dicitrakan ketika beliau memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri yang mudah melenting dan marah kepada penjawat awam yang tidak mematuhi masa dan melengah-lengahkan kerja yang sepatutnya dilaksanakan. Malah ketika menjadi ketua pembangkang dalam DUN Sarawak beliau turut meluahkan perasaan marah dan tidak puas hatinya sebaik sahaja keluar dari dewan persidangan.

Dalam pada itu, Abang Yusuf Puteh yang lahir dalam suasana masyarakat Melayu pesisir sering kali terpengaruh dengan budaya-budaya yang memberi inspirasi positif dalam

employee's share of the EPF account of a retiring officer who was formerly non-pensionable; the failure of the originating department to submit the indebtedness Clearance Certificate; or delay in the emplacement of an officer on the pensionable establishment".

⁵⁴ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 September 1980, hlm. 1, iaitu "I stand by what I said. I am morally strengthened by the message of congratulatory and endorsement from all quarters and the statement from the Unions and the letters in the press, in the interest of emotions and morale my statement has of necessity to be brief. It is not my intention to go into the issues raised, or to enter into public arguments with the Federal Secretary over administrative matters. But it is important that the whole picture be clarified in the interest of good image and efficiency of the Civil Service in the State".

⁵⁵ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 September 1980, hlm. 18.

⁵⁶ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 21 September 1980, hlm.1.

dirinya. Nilai „*berdurok*“ antara aspek budaya masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu pesisir di Sarawak yang memberi banyak manfaat kepada masyarakat. Hal ini bersangkutan-paut dengan karakternya yang menyanjung tinggi nilai yang mulia seperti ini. Sebagai contoh, ketika beliau menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, beliau sering menggalakkan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu untuk melaksanakan amalan gotong royong atau „*berdurok*“ ini.⁵⁷

Hal ini dibuktikan (antaranya), galakan aktiviti gotong royong untuk menyiapkan bangunan sekolah di Kampung Sebandi Matang, Sarawak. Hasil daripada catatan fail merakamkan kerjasama yang amat menggalakkan telah ditunjukkan oleh penduduk kampung demi kelancaran projek tersebut disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Projek ini dinamakan sebagai Projek Tindakan Sivik yang dilancarkan oleh pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah pimpinan beliau (Datuk Abang Yusuf Abang Puteh) selaku Setiausaha Kerajaan Negeri ketika itu.⁵⁸ Projek Tindakan Sivik di Kampung Sebandi Matang ini telah dimulakan pada 18 Disember 1973 bersamaan hari Selasa dan berakhir pada 21 Disember 1973. Sambutan dan kerjasama daripada penduduk-penduduk kampung sangat memuaskan dengan dibantu oleh 12 orang belia dari Briged Pembangunan Belia Negeri Sarawak. Menteri Tanah dan Sumber Galian, iaitu Dr. Sulaiman Haji Daud yang telah melakukan lawatan ke projek tersebut sangat berbesar hati dan gembira dengan

⁵⁷ Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985.

⁵⁸ Rujuk, melalui Fail Bil.(44) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 07 Disember 1973, lihat juga, Fail : (Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2) bertarikh 22 November 1975, Fail: Bil. (223) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 12 September 1974, Fail Bil.(209) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 22 Ogos 1974, Fail Bil. (9) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 04 Mac 1975, Fail Bil. (12) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975, Fail Bil. (19) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 22 November 1975, Fail Bil. (17) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 13 November 1975, melalui surat yang bertarikh 06 April 1977 Fail Bil: (6) dlm YPS/D1/01-3/83 yang ditujukan kepada Encik Shariff Nordin (GB) S.K Serpan Laut. Pejabat Setiausaha memuji tindakan guru-guru dan penduduk kampung menjalankan projek secara gotong royong yang amat digalakkan dalam sistem sosial serta menunjukkan sikap berdikari masyarakat yang sangat tinggi. Melalui catatan 26 Januari 1976 dan hasil kerja yang dilakukan 21 Januari 1976. Penduduk melakukan kerja secara gotong royong membuat jalan raya. Ini disebabkan jalan raya yang rosak disebabkan banjir yang sering berlaku apabila air pasang besar. Oleh yang demikian, perlu dibaiki bagi memudahkan pelajar untuk berulang alik ke sekolah. Melalui catatan bertarikh 5 April 1975 Fail Bil : (11) dlm YPS/D1/01-3/M1-menyatakan penduduk telah bergotong royong membina jalan raya sepanjang 200 kaki menuju ke sekolah. Ianya penting untuk memudahkan murid-murid untuk ke sekolah di kawasan kampung. Berdasarkan catatan bertarikh 14 November 1975-Fail Bil: (14) dlm YPS/D1/01-3/M1- penduduk kampung daripada golongan wanita bergotong royong mengerjakan sawah padi seluas 7 pajak, hasil daripada jualannya akan diserahkan ke tabung perkumpulan tersebut. Gembira dengan sambutan penduduk yang sangat meriah untuk acara gotong royong. Mengangkut tangki-tangki untuk diletakkan di kawasan masjid dan telah mendapat sokongan ramai. Ini membuktikan semangat gotong royong membawa kepada perpaduan. Lebih daripada 100 orang telah mengambil bahagian di kampung Nonok Ulu (Asajaya) pada 24 April 1974. Catatan 17 September 1974. Fail Bil (222) dlm YPS/Kuch/2.

kemajuan hasil kerjasama penduduk dan belia untuk memastikan kelancaran pembangunan projek tersebut. Beliau turut menzahirkan rasa syukur dengan semangat gotong-royong dan menyeru supaya aktiviti seperti ini diteruskan agar dapat merapatkan hubungan antara penduduk dan meningkatkan taraf hidup mereka.⁵⁹

Selain itu, beliau juga berperanan aktif dalam menyebarkan ajaran Islam ketika Tun Rahman Yaakub memegang tampuk pentadbiran Negeri Sarawak yang digelar sebagai *Islamization* dalam kalangan penduduk peribumi seperti Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan dan lain-lainnya.⁶⁰ Abang Yusuf Puteh turut terlibat bersama-sama dengan Tun Rahman Yaakub untuk melaksanakan misi mulia tersebut. Terkesan daripada itu telah memberikan satu pengaruh tersendiri dalam jiwa Abang Yusuf Puteh dalam aspek berkaitan ajaran Islam. Atas kapasiti beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, beliau turut memberikan teguran kepada penduduk-penduduk kampung supaya aktif dalam mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan. Beliau turut menyeru supaya pegawai-pegawai yang menguruskan hal ehwal masjid memberikan peluang kepada pegawai-pegawai muda agar aktiviti berbentuk keagamaan ini ada penyambungannya pada kemudian hari. Dalam hal ini juga, beliau turut memohon pihak Majlis Islam supaya melibatkan anak-anak muda untuk diberikan kursus seperti kursus imam, bilal dan khatib dan tidak hanya mengutamakan orang-orang tua semata-mata.⁶¹ Jelaslah bahawa, keperibadiannya yang begitu mengambil berat perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek agama turut diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang lainnya.

Di samping itu, Abang Yusuf Puteh juga dikenali dengan sikap ambil beratnya terhadap masyarakat Melayu Sarawak. Beliau tidak pernah melupakan tanggungjawabnya

⁵⁹ Rujuk, *The Sarawak Tribune*, 22 Disember 1973, hlm.2, dan, lihat juga, Fail: Bil.8/YPS/D1/01-3/S6 yang bertarikh 6.2.1975, melalui Fail: Bil. (23) dlm YPS/KUC/6.

⁶⁰ Faisal S. Hazis, *The Politics of Islam in Sarawak*, dlm Faisal S. Hazis & Stanley Bye Kadam-Kiai (Ed), *Politics and Local Government in Sarawak*, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013, hlm. 207.

⁶¹ Lihat, catatan yang bertarikh 19 September 1975: Fail Bil : (13) dlm YPS/D1/01-3/M1.

sebagai orang Melayu terhadap masyarakat Melayu itu sendiri, sama ada ketika beliau menjadi kakitangan awam atau ketika menjadi pemimpin kepada parti pembangkang sebelum bersara daripada dunia politik.⁶² Sikap ambil berat beliau jelas ditonjolkan ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak untuk tempoh waktu yang panjang, iaitu dari tahun 1970 sehingga tahun 1985. Sebagai contoh, beliau berusaha untuk membantu penduduk-penduduk kampung yang berada dalam kesusahan. Hal ini dibuktikan sebagaimana yang berlaku kepada Puan Rabiah bt Bujang yang menghadapi kesusahan kerana suaminya yang menderita menghadapi penyakit tibi (Batuk kering atau *penyakit* tuberkulosis). Beliau menghantar wakilnya untuk melawat dan berusaha untuk mendapatkan bantuan kepada Puan Rabiah yang mempunyai tujuh orang anak termasuk tiga orang yang telah bersekolah.⁶³ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memberikan sokongan yang padu supaya beliau diberikan bantuan yang sepatutnya untuk meringankan bebanan beliau. Usaha beliau dalam hal ini tidak hanya berhenti di situ sahaja tetapi surat susulan kepada Pegawai Kebajikan Kanan dipanjangkan menerusi Pegawai Daerah, Kuching pada 26 November 1975, malah sokongan daripada Wakil rakyat N.7 Kuching pada masa itu, iaitu Y.B (Yang Berhormat) Tuan Haji Abdul Rahman Hamzah turut diperoleh agar masalah penduduk perlu diambil perhatian dengan segera.⁶⁴

Usaha murni beliau dalam membantu masyarakat Melayu di kawasan kampung bukan setakat itu sahaja tetapi beliau turut mengambil berat dan melakukan pelbagai inisiatif bagi mengatasi masalah yang melanda penduduk-penduduk kampung seperti kemarau panjang yang pernah terjadi pada tahun 1976. Lanjutan daripada itu, beliau mengarahkan agar

⁶² Lihat, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 19. Beliau telah bersara dari dunia politik setelah tidak mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Kalaka pada Pilihan Raya Umum Negeri 1991 yang dimenangnya atas tiket PERMAS, iaitu sebuah parti pembangkang di Sarawak ketika Pilihan Raya Umum Negeri 1987 dengan majoriti 77 undi.

⁶³ Rujuk surat dengan Rujukan: 16/YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 29 November 1975. Bantuan ini berdasarkan daripada catatan Lawatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2) bertarikh 22 November 1975. Selain itu, mengambil berat tentang seorang penduduk kelainan upaya, iaitu Puan Sihat bt Yusuf yang hilang penglihatan dari Kampung Sebandi Matang untuk mendapatkan bantuan dan perlu untuk diambil tindakan dengan seberapa segera. Ini dibuktikan dengan catatan Lawatan, iaitu Bil. (33) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 16 November 1973.

⁶⁴ Rujuk, *Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970-1985*, Bil. 16/YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 29 November 1975.

tindakan segera hendaklah diambil dengan melaksanakan operasi yang dinamakan sebagai „Operasi Kemarau Kerajaan“. Operasi ini ternyata berjaya dilaksanakan dengan jayanya di kawasan penduduk kampung Melayu yang terjejas teruk terutamanya kawasan kampung-kampung yang terletak di tepi pantai. Atas usaha tanpa penat dan putus asa, kerajaan telah menyediakan peruntukan berupa tangki-tangki air kepada penduduk kampung dalam menghadapi cuaca kemarau tersebut.⁶⁵

Di samping sikapnya yang mengambil berat berkaitan permasalahan penduduk, beliau juga sangat dikenali dengan peribadinya yang begitu mementingkan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian beliau sangat sensitif dalam hal yang berkaitan mengenai pendidikan anak-anak Melayu di kawasan kampung terutamanya. Usaha-usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu dalam pendidikan sentiasa kekal di ingatan mereka. Menurut Haji Daud bin Haji Ulei, peranan yang dimainkan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat kampung sangat besar. Jasa-jasa beliau telah berjaya mengubah landskap kampung Melayu dengan kejayaan anak-anak muda dalam pelajaran yang memberikan manfaat kepada peningkatan taraf hidup keluarga masing-masing. Semuanya atas usaha Abang Yusuf Puteh yang amat menitik beratkan aspek pendidikan sama ada ilmu duniawi mahupun ukhrawi. Masyarakat kampung jelas terkesan dengan usaha Abang Yusuf Puteh dalam memberikan kesedaran kepada mereka.⁶⁶ Bahkan, atas peranan Abang Yusuf Puteh telah berjaya mempercepatkan proses pembangunan masyarakat di kawasan pesisir berbanding dengan usaha-usaha yang agak perlahan daripada pihak kerajaan.

Di samping penekanan dalam pendidikan duniawi, Abang Yusuf Puteh amat menitik beratkan pengetahuan ukhrawi masyarakat Melayu pesisir dari kanak-kanak sehinggalah kepada orang dewasa. Atas tanggungjawab sesama Muslim telah mendorong Abang Yusuf

⁶⁵ Rujuk, *Fail sertiasaha Kerajaan Negeri, 1970-1985*, Bil. 8/YPS/D1/01-3/M1, surat bertarikh 22 Mei 1976.

⁶⁶ Wawancara dengan Haji Daud bin Haji Ulei mantan Ketua Kampung Melango Lama, Saratok di rumah beliau di Kampung Melango Lama pada tarikh 21 September 2015 . Beliau antara yang mempunyai hubungan yang akrab dengan Abang Yusuf Puteh malah beliau menyaksikan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Puteh menjadikan rumahnya sebagai pusat pendidikan agama ketika itu. Terpancar daripada niat murninya apabila beliau sanggup menyediakan pengangkutan van untuk menjemput dan menghantar balik anak-anak masyarakat Melayu di kawasan kampung untuk mempelajari ilmu agama seperti mengaji dan subjek-subjek agama yang lain ke rumahnya. Pengajian akan berlangsung sebelum solat maghrib dan berlanjutan sehingga selepas isya". Setelah itu, jamuan ringan akan dihidangkan kepada semua tetamu yang hadir sebelum mereka berangkat pulang ke rumah masing-masing. Dalam masa yang sama Abang Yusuf Puteh sering kali memberikan nasihat kepada para pelajar tentang kepentingan pendidikan sebagai salah satu wadah untuk melakukan perubahan dalam kehidupan masing-masing. Selain itu, Abang Yusuf Puteh tidak lokek untuk menyampaikan sumbangan kepada anak-anak Melayu yang berjaya dalam pelajaran. Abang Yusuf Puteh sangat menyanjung tinggi pendidikan agama sehinggakan beliau akan memastikan majlis khatamul Quran akan diadakan bagi para pelajar yang berjaya menamatkan bacaan al-Quran dengan penuh meriah. Semuanya atas tanggungan beliau tanpa meminta apa jua bentuk bayaran daripada masyarakat kampung. Malah menurut Ramlan Iskandar, seandainya Abang Yusuf Puteh masih ada pembangunan di Daerah Kalaka sudah pasti akan lebih maju daripada kemajuan yang ada sekarang.⁶⁷

Walaupun Abang Yusuf Puteh bukanlah wakil rakyat di Daerah Kalaka tetapi beliau tetap berusaha untuk memberikan pembangunan di kawasan tersebut. Masyarakat Melayu di kawasan tersebut perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada pemimpin setempat. Memandangkan keperluan masyarakat di daerah tersebut terutamanya Saratok kepada masjid sebagai tempat ibadah dan aktiviti-aktiviti yang lain maka beliau telah

⁶⁷ Wawancara dengan Ramlan bin Iskandar, di Kampung Melango Lama, jam 8.35 malam pada tarikh 21 September 2015. Pernyataan yang sama turut dijelaskan ketika temubual dilakukan dengan Puan Salina Sauti, Puan Nursiyati Deni, Encik Razali Busri dan Encik Ahmad Dewi.

bertindak dengan membina masjid di Saratok pada tahun 1979. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Wan Yusof bin Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang,⁶⁸ iaitu:

Saya sangat beruntung kerana Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri telahpun membina sebuah masjid di Daerah Kalaka. Sebuah masjid yang cantik dan penting untuk penduduk di situ. Saya sebagai wakil rakyat di kawasan Kalaka amat berterima kasih kepada Datuk Setiausaha.⁶⁹

Tindakan Abang Yusuf Puteh jelas mencerminkan kewibawaannya sebagai seorang pemimpin. Walaupun ianya bukanlah di bawah tugas hakiki beliau namun atas dasar kesedaran yang tinggi untuk kemaslahatan umum terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir, beliau telah mengambil tindakan tersebut. Atas inisiatif ini maka sudah tentu akan memudahkan aktiviti kemasyarakatan masyarakat Melayu di kawasan tersebut. Sikap prihatin beliau untuk membangunkan masyarakat Melayu pesisir ternyata tidak berhenti walaupun beliau tidak lagi terlibat dalam politik selepas pilihan raya pada tahun 1991.

Seterusnya, sikap keperihatinan beliau dalam bidang pendidikan tetap ditunjukkan ketika beliau menjawat jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri antara tahun 1970 sehingga 1985. Sikap ambil berat mengenai pendidikan dapat diperlihatkan dengan melaksanakan pelbagai projek sama ada pembaikan, pemulihan atau pembinaan sekolah. Sebagai contoh, projek pembinaan sekolah di Kampung Sebandi Matang setelah bangunan sekolah di kampung tersebut roboh akibat daripada tiupan angin kencang pada 07 Disember 1973.⁷⁰ Seterusnya, pembinaan jambatan di kawasan kampung Moyan Laut yang pada masa itu terlalu uzur dan membahayakan keselamatan para pengguna. Jambatan tersebut bukan sahaja digunakan sebagai laluan

⁶⁸ Datuk Wan Yusof bin Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang merupakan Wakil Rakyat bagi DUN Kalaka ketika itu, iaitu pada tahun 1979.

⁶⁹ Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-10 pada 07 Disember 1979, hlm. 62.

⁷⁰ Rujuk, *Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985*, Bil.(41) dlm YPS/KUC/2.

utama penduduk kampung tetapi jalan yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah untuk pergi ke sekolah yang berhampiran.⁷¹ Hal ini jelas menunjukkan, aspek pendidikan sangat diutamakan dan diambil perhatian oleh beliau selaku Setiausaha Kerajaan Negeri ketika itu.⁷²

Keinginan Abang Yusuf Puteh untuk melihat anak-anak Melayu terus berusaha untuk meninggikan lagi tahap pendidikan diperlihatkan melalui balasan surat beliau kepada Encik Mustapa Chang, iaitu seorang Pegawai Pembangunan Sivik Daerah Simunjan yang ingin memohon cuti belajar. Beliau yang ketika itu memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri ternyata memberi respons yang positif dengan menggalakkan anak-anak Melayu untuk menyambung pelajaran kerana perkembangan semasa yang berlaku sekarang akan memerlukan pekerja-pekerja yang mempunyai kelayakan yang tinggi.⁷³

Justifikasinya, karakter Abang Yusuf Puteh lahir daripada sikap-sikap terpuji yang tersemat kukuh dalam jiwanya. Beliau seorang yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang dan memegang beberapa jawatan penting sepanjang hidupnya.⁷⁴ Oleh yang demikian, pengalaman menempuh pelbagai cabaran menjadi pedoman dan pengajaran kepadanya dalam usaha melakukan yang terbaik untuk anak bangsa terutamanya masyarakat Melayu Sarawak. Sikapnya juga jelas menggambarkan keperibadian unggul beliau sebagai pemimpin yang berwibawa, tidak hanya bercakap kosong tanpa pelaksanaan

⁷¹ Rujuk, Fail Bil. (12) dlm YPS/D1-01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975.

⁷² Lihat juga (antaranya), Melalui catatan *Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970-1985*, Bil. (4) dlm YPS/D1/01-3/S4-perlaksanaan pembinaan sebatang jalan sepanjang $\frac{3}{4}$ batu bagi menghubungkan Sekolah Rendah Moyan Laut/Ledang. Ini memudahkan pelajar-pelajar untuk pergi ke sekolah. Seterusnya, surat yang bertarikh 11 Mac 1977-daripada Guru Besar Sekolah Rendah Serpan Laut, iaitu Encik Shariff bin Nordin kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih atas usaha membina jalan raya sepanjang 700 kaki untuk memudahkan murid-murid sekolah ke Sekolah. Ini menunjukkan keprihatinan beliau ke arah pendidikan yang amat dituntut kepada pelajar demi masa depan. Kerjasama dan gotong royong daripada penduduk turut dipuji demi masa depan anak bangsa. Melalui surat bertarikh 04 Julai 1980 Fail: Bil. (4) YPS/D1/01-3/M2- menyatakan kelulusan wang hasil daripada usaha permohonan yang dilakukannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah \$4000.00 daripada YB Menteri (Datuk Amar Abdul Taib Mahmud –Menteri Pertahanan Malaysia ketika itu) yang bertujuan untuk membina bilik darjah yang bertempat di bawah sebuah surau di kampung Moyan Ulu.

⁷³ Lihat, Fail Ruj : 125/YPS/pf.52, Surat yang bertarikh, 05 Mac 1980.

⁷⁴ Antara pengalamannya, *Sarawak Assistant Officer, District Officer of Kuching, Chairman of Sarawak Foundation, Presiden of Sarawak Literary Society, President of Sarawak Photographic Society, Secretary General of Malay National Union of Sarawak, President of PERMAS, Deputy President of BINA (Angkatan Nahdatul Islam Bersatu), Vice-President of Royal Asiatic Society, Malaysian Branch, Trustee of Tun Abdul Razak Foundation, Member of Institute Technology of Mara Council, Member of Higher Education Council, Exco. Member of Eisenhower Association, Malaysia, Member of National Integration Committee dan Sarawak Gazette Editor. Beliau juga pernah dianugerahkan Eisenhower Fellowship untuk jelajah pembelajaran selama empat bulan di Amerika Syarikat pada 1980.*

yang berkesan. Persis kata orang tua-tua, apa yang dikata pasti akan dikota. Itulah prinsip keperibadian sejati Melayu yang terus dipegangnya, prakarsa⁷⁵ terhebat tinggalannya⁷⁶ pasti akan terus diabadikan untuk meniup roh semangat generasi Melayu Sarawak untuk mencapai cita-cita murninya.

PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Penglibatan Abang Yusuf Puteh dalam dunia politik di Sarawak bermula selepas berlakunya insiden ketegangan di antara Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud. Rata-rata akhbar tempatan di Sarawak ketika itu menggelarkan insiden tersebut sebagai „insiden Bintulu“⁷⁷ yang telah menjadi pemangkin kepada pergolakan hubungan antara Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud. Ketegangan hubungan kedua-dua pemimpin ini telah membawa kepada perpecahan dalam kalangan ahli politik Muslim dalam Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), iaitu antara penyokong yang setia kepada Rahman Yaakub dan penyokong-penyokong Abdul Taib Mahmud. Atas alasan wujudnya gunting dalam lipatan dan musuh dalam selimut maka mesyuarat Agung PBB yang diadakan tiga tahun sekali untuk memilih Ahli Jawatan Kuasa baru telah diadakan pada September 1983. Kesempatan ini digunakan Abdul Taib Mahmud untuk mengukuhkan cengkamannya sebagai pemimpin utama negeri Sarawak. Lanjutan daripada itu, Abdul Taib Mahmud telah menggunakan kedudukannya untuk memastikan kuasa politiknya tidak tergugat dengan tidak

⁷⁵ Sama maksudnya dengan ikhtiar, inisiatif dan daya usaha.

⁷⁶ Merujuk kepada idea yang terangkum di dalam hasil-hasil karyanya.

⁷⁷ Insiden Bintulu berlaku pada September 1983, ketika berlangsungnya pembukaan Pelabuhan Tanjung Kidurong Bintulu, telah berlaku satu insiden antara Rahman Yaakub (TYT Sarawak) dan Abdul Taib Mahmud (Ketua Menteri Sarawak) yang disaksikan oleh khalayak. Peristiwa ini telah memperlihatkan ketegangan hubungan yang serius antara anak saudara dan bapa saudara. Ketika Abdul Taib Mahmud dijemput untuk menyampaikan ucapannya, Rahman Yaakub tanpa di sangka-sangka telah bingkas dari tempat duduknya dan memberi ucapan dengan menyuarakan ketidakpuasan hatinya terhadap kerajaan pusat yang tidak menunaikan janji untuk membina lapangan terbang baru di Bintulu. Terkesan daripada insiden tersebut menyebabkan Abdul Taib Mahmud sebagai ketua menteri berasa malu dengan tindakan bapa saudaranya dan terus meninggalkan majlis ketika Rahman Yaakub sedang berucap. Kesal dengan tindakannya, Abdul Taib Mahmud telah mengambil tindakan dengan mengemukakan permohonan maaf atas tindakannya dan bersedia untuk meletakkan jawatannya sebagai ketua menteri. Walau bagaimanapun, Rahman Yaakub menolak perletakan jawatan Abdul Taib Mahmud kerana pada masa yang sama Rahman Yaakub telahpun bertindak lebih dahulu menghantar surat peletakan jawatan kepada Yang Dipertuan Agong tetapi tidak diperkenankan dan ditangguh sehingga tempohnya tamat pada April 1985. „Insiden Bintulu“ ternyata telah memperlihatkan dengan jelas kekeruhan hubungan antara Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud apabila konfrontrasi terbuka keduanya telah berlaku di khalayak dan dirakam mata masyarakat yang hadir di majlis tersebut. Lihat, *Sarawak Tribune*, 12 Julai 1987, hlm. 1.

membenarkan kedudukan utama di dalam PBB dipertandingkan, begitu juga untuk jawatan timbalan presiden parti (Sayap Pesaka).

Seterusnya, pada 9 Mac 1987, politik Sarawak telah dikejutkan dengan perletakan jawatan empat menteri muda dan tiga timbalan menteri daripada Kabinet Negeri Sarawak. Hakikatnya, kesemua mereka mengadakan pertemuan dengan 20 orang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak yang lain di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur dan mengumumkan bahawa mereka telah hilang kepercayaan ke atas Ketua Menteri Sarawak (Abdul Taib Mahmud). Perbincangan tersebut disertai Rahman Yaakub dan Leo Moggie, iaitu presiden PBDS yang akhirnya mengisytiharkan untuk memberikan sokongan kepada Rahman Yaakub. Sebelum berlangsungnya Pilihan Raya Umum Negeri pada tahun 1987, Rahman Yaakub telah berjaya mendaftar sebuah parti baharu yang dikenali sebagai Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS).⁷⁸

Atas dasar kepercayaan yang tinggi terhadap kredibiliti Abang Yusuf Puteh sebagai mantan penjawat awam nombor satu di Sarawak ketika di bawah Rahman Yaakub dan hubungan yang baik antara mereka telah membawa kepada pemilihan Abang Yusuf Puteh sebagai calon PERMAS di kerusi DUN N.26 Kalaka dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak 1987. Dengan itu, maka bermulalah karier politik Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk menawan kerusi Dewan Undangan Negeri N.26 Kalaka daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Pengaruh yang ada dalam diri Abang Yusuf Puteh di daerah kelahirannya, ternyata telah memberikan kemenangan dalam pertarungan sengit antara beliau dengan calon PBB, Abdul Wahab Aziz walaupun hanya mencapai kemenangan tipis dengan kelebihan 77 undi. Kemenangan ini amat bermakna kepada dirinya memandangkan kawasan Kalaka merupakan tempat kelahirannya dan kawasan luar bandar bumiputera

⁷⁸ Faisal S. Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2012, hlm. 136-137. PERMAS dan PBDS menggelarkan kumpulan mereka sebagai Kumpulan Maju (*Progressive Group*).

Islam yang pertama dirampas dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dalam sejarah pilihan raya Negeri Sarawak selepas merdeka. Kemenangan yang berpihak kepadanya terus digunakan untuk menyuarakan hak-hak masyarakat dan tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh pucuk kepimpinan yang ada agar berusaha melunaskan janji dan kepentingan kemajuan penduduk Sarawak.

Abang Yusuf Puteh telah berjuang bersama-sama idola dan mentornya, iaitu Rahman Yaakub dalam PERMAS menentang Abdul Taib Mahmud (Tun) selaku pemimpin utama, BN Negeri Sarawak dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak yang keenam pada tahun 1987. Kemenangan yang diperoleh dalam Pilihan Raya Umum Negeri 1987 telah memberikan peluang kepada beliau untuk berada di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak bagi memperjuangkan nasib rakyat Sarawak dan masyarakat Kalaka khususnya. Kewibawaan Abang Yusuf Puteh yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan berpandangan jauh telah meletakkan beliau sebagai calon utama untuk memegang status ketua pembangkang di dalam dewan.

Kelantangan Abang Yusuf Puteh menyuarakan teguran terhadap kerajaan negeri semakin memuncak apabila beliau telah memenangi kerusi N.26 Kalaka menerusi PERMAS. Selaku ketua pembangkang beliau tidak melepaskan peluang untuk menyuarakan rasa ketidakpuasan hati beliau terhadap kepimpinan negeri ketika itu. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh beliau untuk melontarkan kritikan pedas terhadap sikap lepas tangan wakil rakyat sebelum dia dan pengabaian agenda pembangunan oleh kerajaan negeri di Daerah Kalaka. Abang Yusuf Puteh menjelaskan pengabaian pembangunan yang amat serius berlaku di Daerah Kalaka di bawah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebelum beliau. Bahkan beliau dengan nada yang berani menyatakan bahawa seandainya Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) tidak memenangi kerusi N.26 Kalaka,

sudah pasti tidak akan wujud sebarang bentuk pembangunan di kawasan tersebut. Hal ini memandangkan pembangunan mula kelihatan di daerah tersebut setelah kemenangan beliau daripada parti pembangkang, iaitu PERMAS. Abang Yusuf Puteh menyifatkan pembangunan yang wujud selepas kemenangan parti pembangkang di kawasan tersebut sebagai „*Eye wash projects*“ yang bertujuan semata-mata untuk mengambil semula hati rakyat di daerah tersebut.⁷⁹ Keberadaan Abang Yusuf Puteh dalam DUN telah mencetuskan fenomena baharu dalam sejarah politik di Sarawak. Keadaan ini dikaitkan dengan keberanian dan kepetahan beliau berdebat dalam DUN sebagai ketua pembangkang sehinggakan Ally Kawi mengatakan bahawa tanpa Abang Yusuf Puteh di dalam dewan keadaaan akan berada dalam keadaan senyap, aman dan boleh dikatakan tidak ada langsung berlakunya perdebatan.⁸⁰

Walaupun penglibatan Abang Yusuf Puteh dalam arena politik dilihat oleh penyokong-penyokong parti Barisan Nasional (BN) sebagai pengkhianat kepada kerajaan yang sedia ada namun beliau sentiasa mendapat tempat dari pandangan mata hati masyarakat di Daerah Kalaka, Saratok. Masyarakat di daerah tersebut menzahirkan rasa syukur atas kemenangan beliau ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) pada tahun 1987 yang membawa kemenangan kepada PERMAS dengan menewaskan calon BN.⁸¹ Abang Yusuf Puteh telah berjaya membuka ruang kepada pelbagai pembangunan di daerah tersebut melalui kecekapan beliau sebagai pembangkang dan selaku ketua pembangkang di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahun 1987 sehingga 1991.⁸²

⁷⁹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 June 1987, hlm. 1. Rujuk juga, *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak*, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-12 pada 11 Julai 1987, hlm. 99-101.

⁸⁰ Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2010, hlm. 120.

⁸¹ Wawancara dengan beberapa orang penduduk Daerah Saratok pada 20 & 21 September 2015. Antaranya, Encik Sauti Karim, Puan Salina, Encik Razali Busri di Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok dan Haji Daud bin Ulei (Mantan Ketua Kampung Melango Lama), Encik Ramlan Iskandar, Encik Menterang dan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok. Selain itu, wawancara melalui aplikasi *Facebook* dan telefon dengan Encik Ahmad Dewi bin Deli penduduk kampung Debak dan Encik Ikhwan penduduk Kampung Hulu Tambak.

⁸² Lihat, *Sarawak Tribune*, 20 June 1987, hlm. 1, dan lihat juga, James Ritchie, *A Political Saga: Sarawak 1981-1993*, Singapore: Summer Times, 1993, hlm 68.

Walau bagaimanapun, setelah berakhirnya tempoh lima tahun beliau tidak lagi mempertahankan kerusi DUN Kalaka dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak yang ketujuh pada tahun 1991. Kewujudan krisis dalam kepimpinan Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS), tindakan ancaman penindasan yang dilakukan Abdul Taib Mahmud selepas pilihan raya terhadap penyokong-penyokong pembangkang dan pembentukan kerjasama antara dua parti Dayak, iaitu Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Negara Rakyat Sarawak (NEGARA) yang mengemukakan projek yang dinamakan „*Sarawak Chief Minister Project 1992*”⁸³ antara alasan yang menyebabkan pengunduran beliau daripada dunia politik.

Perjuangan politik Abang Yusuf Puteh hanya sempat untuk satu penggal sahaja, bermula pada tahun 1987 sehingga 1991 apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk memberikan laluan kepada Pilihan Raya Umum Negeri yang ketujuh pada tahun 1991 dan beliau tidak mempertahankan kerusi yang telah dimenangnya. Dalam pilihan raya 1991 hanya tiga daripada enam calon PERMAS berusaha untuk mempertahankan kerusi masing-masing, namun tewas dengan kemenangan besar Barisan Nasional. Tambahan pula, Abang Yusuf Puteh menyedari bahawa rakyat dengan jelas menolak PERMAS sebagai sebuah parti politik yang baharu. Ini dibuktikan dengan kekalahan teruk PERMAS dalam pilihan raya pada tahun 1987. Manakala dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak pada tahun 1991, PERMAS hanya mengemukakan tiga orang calon sahaja yang berakhir dengan kekalahan. Hakikat ini harus ditelan oleh ahli-ahli PERMAS bahawa parti ini tidak relevan lebih-lebih lagi telah membawa perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu. Atas kesedaran itu, Abang Yusuf Puteh mendesak pemangku

⁸³ Rujuk, Mason, R., Parti Bansa Dayak Sarawak and the Sarawak State Elections of 1987 and 1991, *Kajian Malaysia* XIII, No1, 1995, dlm Faisal S. Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, hlm.159. “Sarawak Chief Minister Project 1992” ialah satu projek besar yang bertujuan untuk melantik ketua menteri Dayak dalam kerajaan sekiranya kedua-dua parti tersebut berjaya menawan kerajaan Negeri Sarawak dalam pilihan raya umum negeri 1991. Kedua-dua parti Dayak ini berusaha untuk memanipulasi nasionalisme masyarakat Dayak untuk mencapai tujuan utama mereka dan PBDS mempunyai keyakinan yang tinggi untuk memenangi pilihanraya tersebut sekurang-kurangnya 22 kerusi Dewan Undangan Negeri. Malangnya, setelah berakhir pilihan raya 1991, PBDS hanya mampu menang 7 kerusi dan NEGARA langsung gagal.

presiden PERMAS, iaitu Datuk Salleh Jafaruddin untuk meletak jawatan. Beliau yang menyanjung tinggi kepentingan dan keutamaan perpaduan orang Melayu Sarawak turut memohon kepada kepimpinan PERMAS untuk membubarkan parti tersebut supaya masyarakat Melayu Sarawak kembali bersatu.⁸⁴

Walaupun sumbangan beliau dalam bidang politik tidak panjang namun perjuangannya tidak berhenti seiring dengan karier politiknya tetapi diluahkan dalam bentuk karya-karya penulisannya sehingga beliau menghempuskan nafas terakhir pada 9 November 2009. Jasadnya telah pergi menemui Yang Khalik tetapi roh dan kekuatan semangat perjuangannya tetap bersemadi dalam jiwa masyarakat Melayu Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir hingga ke hari ini.

FAKTOR PERJUANGAN ABANG YUSUF PUTEH

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perjuangan Abang Yusuf Puteh. Pertama, pengalaman hidup keluarga dan pengalaman memperoleh pendidikan termasuklah pengaruh pensyarah, guru-guru dan rakan-rakan sekolah telah banyak memberikan pengaruh yang berbeza dalam diri beliau. Pengalaman inilah merupakan pengalaman yang terbaik dan berharga untuk diri beliau. Pengaruh daripada kehidupan yang sukar daripada keluarga yang besar dan hidup dalam kesusahan telah membina kecekalan dalam diri beliau untuk berusaha melakukan perubahan dan menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak.⁸⁵

Pengaruh sosialisasi daripada rakan sebaya, guru pelatih dan guru-guru ketika berada di Sekolah dan Pusat Latihan Batu Lintang⁸⁶ pada tahun 1949 memberikan serba sedikit kesan dalam pemikirannya. Pergaulan dengan pelajar dari Borneo Utara (Sabah) dan Brunei

⁸⁴ James Ritchie, *A Political Saga: Sarawak 1981-1993*, 1993, hlm 68. Lihat juga, Malike Brahim, *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*, 2011, hlm. 156.

⁸⁵ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 17.

⁸⁶ Abang Yusuf Puteh, *Who Shall Separate Us: Batu Lintang Teachers' College 1949-1999, 50th Anniversary of Golden Memories*, hlm. 4. Kewujudan Sekolah Batu Lintang ketika itu pada tahun 1949 adalah dikhaskan untuk memajukan kaum-kaum peribumi di Sarawak, Sabah dan Brunei ketika zaman British.

sebenarnya memberikan impak yang besar dalam perjuangannya. Perbezaan kehidupan pelajar Brunei yang kebanyakan daripada keluarga yang berada, seolah-olah menimbulkan tanda tanya berbanding dengan pelajar-pelajar dari Sarawak yang rata-rata dari keluarga yang miskin ataupun hidup susah. Kebanyakan pelajar hanya berkaki ayam untuk ke kelas lantaran ketidakmampuan untuk menyediakan selipar ataupun kasut. Selain itu, hanya pelajar dari Brunei sahaja yang mampu untuk membeli dan menyediakan tilam dan alas kaki untuk keselesaan ketika berada di asrama berbanding dengan pelajar-pelajar daripada Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) dan ini termasuklah Abang Yusuf Puteh yang hanya mampu tidur beralaskan lantai sahaja.⁸⁷ Walaupun beliau berasal daripada keturunan Melayu Perabangan tetapi beliau bukanlah dari kalangan Melayu Perabangan yang kaya dan hidup dalam kemewahan serta terkenal.

Mengimbas kembali kepada pengaruh kehidupan beliau, pengaruh dari konteks pendidikan ketika di sekolah rendah menyaksikan kemunduran pelajar-pelajar Melayu dalam pendidikan. Begitu juga semasa beliau berada di Kolej Batu Lintang dan Sekolah St. Thomas selama enam tahun, beliau telah menyaksikan sendiri pelajar-pelajar Melayu yang menghadapi pelbagai kesukaran seperti kesusahan dan akhirnya membawa kepada kegagalan dalam pelajaran. Harus ditekankan juga beberapa orang guru Melayu yang berkhidmat di sekolah rendah, Sekolah dan BLTC dan Sekolah St. Thomas sudah pasti memberikan impak yang bermakna kepada semangat nasionalis beliau dalam pelbagai bidang.⁸⁸ Hal ini turut menyuntik satu pengaruh besar dalam usaha beliau untuk memajukan kaum bumiputera terutamanya masyarakat Melayu Sarawak.

Kedua, ketika berada di Universiti Malaya, pengaruh lebih kuat melanda personaliti dan kesedaran dalam dirinya tentang orang Melayu di Sarawak. Kekuatan pengaruh gurunya,

⁸⁷ Lihat, *Ibid.*, hlm. 4.

⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 286-374. Beliau banyak mengabadikan kenangan dengan menjelaskan kehebatan guru-gurunya dalam pelajaran dan kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam dan adat Melayu Sarawak.

iaitu Za'ba dapat dilihat sebagaimana beliau menggunakan kata-kata gurunya dalam menggambarkan kemiskinan yang seolah-olah telah menjadi nadi dan darah daging kepada orang Melayu Sarawak. Pengaruh Za'ba memberi kekuatan yang luar biasa kepada perjuangan dan usahanya untuk memberikan hak kemajuan kepada orang Melayu.⁸⁹ Za'ba merupakan seorang nasionalis bagi orang Melayu yang memperjuangkan masa depan masyarakat Melayu di Tanah Melayu telah memberikan suntikan sumber inspirasi kepada beliau. Rentak perjuangan dan penulisan-penulisan Za'ba pada zaman tersebut sudah pasti telah merintis jalan untuknya berjuang dengan cara yang tersendiri terutamanya pada pertengahan 1980-an hingga akhir hayatnya pada tahun 2009.⁹⁰

Ketiga, aura yang terpancar daripada keperibadian beberapa tokoh terkenal. Misalnya, Rahman Yaakub (Tun) juga turut menyumbang impak yang besar kepada karakter Abang Yusuf Puteh.⁹¹ Rahman Yaakub dikenali dengan perwatakannya yang tegas bukan sahaja di Sarawak tetapi di peringkat persekutuan semasa memegang pelbagai portfolio⁹² di peringkat pusat. Pada 7 Julai 1970, beliau telah mengangkat sumpah untuk menjadi Ketua Menteri Sarawak yang ketiga bagi menggantikan Datuk Penghulu Tawi Sli. Abang Yusuf Puteh selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang pertama dari kalangan orang Melayu Sarawak ketika itu menjadikan Rahman Yaakub sebagai idolanya demi berbakti kepada anak negeri. Rahman Yaakub bukan hanya dikenali di tanah tumpahnya Sarawak, tetapi amat disegani oleh kalangan ahli politik di Semenanjung. Kepetahannya berbicara dan kebijaksanaannya memang diakui oleh sesiapa sahaja yang mengenalinya. Selain itu,

⁸⁹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 1. Kata-kata Za'ba iaitu gurunya semasa di Universiti Malaya di Singapura yang sering menjadi pegangan beliau ialah "*The Malays, as a whole, are particularly poor people. Poverty is their most outstanding characteristic and their greatest handicap*". Kata-kata ini jugalah yang menjadi bahagian penutup kepada buku ini.

⁹⁰ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

⁹¹ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai (Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan Speaker Dewan Negara), beliau pernah memegang portfolio penting sama ada di peringkat negeri mahupun pusat. Beliau merupakan antara tokoh politik Melayu yang disegani di Sarawak. Wawancara diadakan di rumah beliau di Jalan Muda Hasyim, Satok, Kuching, jam 3.30 petang pada 9 Januari 2014.

⁹² Antaranya, pada tahun 1963, Tun dilantik menjadi Menteri Muda di Kementerian Pembangunan Luar Bandar Persekutuan. Seterusnya pada tahun 1964, beliau dilantik pula menjadi menteri Muda Kementerian Kehakiman sebelum bertukar portfolio sebagai Menteri Tanah dan Galian Persekutuan hingga 1969. Beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran Persekutuan dari tahun 1969 hingga 1970. Rujuk, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/7593-tun-datuk-patinggi-haji-abdul-rahman-bin-yakub.html>.

semangat jiwa Melayu yang kuat dan kental yang sememangnya telah sebatu dalam dirinya semakin meluap-luap, lebih-lebih lagi selepas peristiwa 13 Mei 1969 apabila mengenangkan nasib orang Melayu ketika itu yang hilang dan bangkit semula untuk mencari identiti dan untung nasib mereka di tanah air sendiri lantaran peristiwa hitam tersebut.⁹³ Terkesan daripada sikap Rahman Yaakub yang begitu bijak dalam pentadbiran memberikan keyakinan kepada beliau bahawa itulah contoh pemimpin yang perlu ada untuk membawa transformasi dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan orang Melayu.⁹⁴ Tambahan pula, wujud keserasian antara kedua-duanya, lebih-lebih lagi dalam soal nasib orang Melayu yang menambahkan lagi kepercayaan mendalam beliau terhadap Rahman Yaakub. Kesetiaannya terhadap Rahman Yaakub tidak dapat dipertikaikan dan disangsikan lagi dan ini dibuktikan apabila beliau menyokong tindakan Rahman Yaakub membentuk kumpulan Maju, iaitu parti pembangkang di peringkat Negeri Sarawak dalam Pilihanraya Umum Negeri Sarawak, 1987.⁹⁵ Tindakan Rahman Yaakub yang begitu mengambil berat tentang nasib masyarakat Melayu Sarawak ternyata memberikan kesan terhadap usaha-usahanya selepas itu.⁹⁶

Seorang lagi pemimpin yang sangat dikagumi oleh Abang Yusuf Puteh ialah Mahathir Mohammed (sekarang Tun dan merupakan mantan Perdana Menteri Keempat). Menurut beliau, Mahathir Mohammed seorang pemimpin yang berjaya melaksanakan visi dan misi yang telah ditetapkan olehnya. Mahathir Mohammed merupakan satu anugerah kepada

⁹³ Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*, Selangor: Penerbitan Pena Sdn Bhd, 1981, hlm. 3.

⁹⁴ Faisal S. Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, hlm. 85. Beliau menyatakan Tun Abdul Rahman Yaakub telah berusaha untuk menaikkan dan menguatkan pegangan politik orang Melayu Sarawak di Sarawak. Hal ini dapat diperlihatkan beliau telah melantik beberapa pegawai Muslim bumiputera dalam jawatan-jawatan penting ketika pentadbirannya seperti Abang Yusuf Puteh yang merupakan orang kuat dan penasihatnya bagi menggantikan Gerusin Lembat, Bujang Mohammad Nor dan Safri Awang Zaidel (hanya menyebut beberapa nama).

⁹⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 87. Untuk rekod PERMAS (Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak) disokong oleh Kerajaan Persekutuan dari permulaannya.

⁹⁶ *Ibid.*, 1996, hlm. 62. Beliau menegaskan Tun Rahman Yaakub adalah pemimpin yang mempunyai kualiti-kualiti kepimpinan yang diperlukan. Tun Rahman adalah pengatur strategi terbaik yang pernah dia kenali dalam apa jua bidang sekalipun. Rahman turut berjaya memenangi hati orang-orang Islam melalui kerja-kerja penyebaran agama Islam tanpa diketahui di Sarawak. Selain itu, berjaya mendapatkan Bong Kee Cheok, iaitu pemimpin Parti Komunis Kalimantan Utara (PARAKU) dan ahli-ahlinya untuk menyerah diri serta menandatangani Perjanjian Damai. Di samping itu, kekaguman beliau juga terhadap keistimewaan Tun Rahman dalam bidang perhubungan awam yang mampu menarik hati orang ramai dan beberapa kemahiran lainnya yang tiada tolak bandingnya.

negara kerana berjaya melakukan transformasi yang hebat kepada negara membangun seperti Malaysia sehingga mampu menjadi salah sebuah negara membangun yang paling pantas mencapai kejayaan di dunia. Wawasan 2020 yang diketengahkan beliau membuktikan Mahathir adalah seorang pemimpin yang berpandangan jauh ke hadapan yang tiada tolok bandingnya demi mencorak kemajuan negara. Oleh yang demikian, Mahathir telah banyak memberikan pengaruh yang besar kepada keperibadian Abang Yusuf Puteh untuk berjuang demi kemajuan masyarakat Melayu Sarawak.

Selain itu, Mahathir yang dikaguminya merupakan arkitek kepada pembangunan negara Malaysia yang moden dan pemimpin yang bertanggungjawab melahirkan begitu ramai jutawan Melayu di Malaysia.⁹⁷ Peluang beliau mengenali lebih dekat gaya pemikiran Mahathir Mohammed terjelma apabila bersama-sama dalam banyak perbincangan atau pertemuan mengenai aspek pendidikan dalam Majlis Pendidikan Tinggi di mana Mahathir Mohammed menjawat jawatan Menteri Pelajaran ketika itu. Situasi itu semakin menyemarakkan lagi semangat juangnya lebih-lebih lagi apabila sering mendiskusikan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan anak-anak Melayu.⁹⁸ Hal ini sudah tentu memberikan kesan yang mendalam pada perjuangan dan pemikiran Abang Yusuf Puteh untuk mencapai cita-citanya dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat Melayu Sarawak khususnya.

Seterusnya, pada era 1970-an, Abang Yusuf Puteh turut memainkan peranan penting dalam penerbitan „*Sarawak Gazette*” sebagai editor, yang telah diwarisi sejak zaman Brooke lagi. Rahman Yaakub yang memegang tampuk pentadbiran eksklusif Sarawak sebagai Ketua Menteri telah membawa masuk Abdullah Thani atau lebih dikenali sebagai Ahmad Boestamam dalam usaha untuk memperkasakan lagi majalah „*Sarawak Gazette*”.

⁹⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 67, dan Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

⁹⁸ Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid di kediaman keluarga di Rumah Shobra Jalan Stampin Timur, Kuching, pada jam 2.00 petang bertarikh 21 Disember 2013.

Ahmad Boestamam lahir daripada keturunan Minangkabau tetapi menetap di Perak apabila kedua-dua orang tuanya berhijrah ke Tanjung Malim Perak. Semangat jiwa Melayu yang menebal dalam sanubarinya telah terpicat dengan gerakan kebangsaan Melayu hasil daripada pendedahan mendalam melalui majalah dan akhbar Melayu seperti majalah *Cenderamata*, *akhbar Majlis*, *Warta Malaya* dan buku-buku Indonesia yang menjadi santapan pengetahuan utamanya saban hari. Mata dan telinganya menjadi terlalu peka dan sensitif serta dengan penuh kesedaran memahami pemikiran umum orang-orang Melayu. Beliau yakin dan percaya, kelemahan politik, ekonomi, sosial serta sikap negatif orang-orang Melayu menjadi punca yang terus melambatkan mereka untuk mencapai kemajuan.⁹⁹ Di samping itu, pergaulan dan perkenalan dengan Ibrahim Haji Yaacob dalam akhbar *Warta Kinta* secara tidak langsung mendedahkan beliau kepada idea politik kiri untuk berjuang menentang penjajahan British.¹⁰⁰

Selain itu, Ahmad Boestamam juga pernah menjadi ahli parlimen Setapak Selangor sebagai calon Parti Rakyat Malaya (PRM) dan membentuk *Socialist Front*, setelah berjaya mengalahkan calon Perikatan, iaitu Aishah Ghani. Ahmad Boestamam sentiasa mempunyai idea yang bernas yang banyak dituangkan dalam bentuk penulisan.¹⁰¹ Kemalapan bintang Ahmad Boestamam berlaku sekitar akhir 1960-an, setelah parti baru¹⁰² di bawah kepimpinannya tidak mendapat sambutan dalam kancah arena politik Malaysia. Pada tahun 1970, Rahman Yaakub (Pemimpin Parti Barisan Rakyat Jati Sarawak ketika itu) telah menjemput Ahmad Boestamam untuk menabur bakti dan ideanya untuk perjuangan partinya, hasil usaha beliau akhirnya Rahman Yaakub berjaya menjadi Ketua Menteri

⁹⁹ Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 5-6.

¹⁰⁰ *Ibid.*, hlm. 19.

¹⁰¹ Antaranya, *Konfrontasi*, *Kabus Pagi*, *Malam Tidak Berbintang*, *Garis Hitam Membelah Langit*, *Merangkaklah Senja Menutup Pandangan*, *Sorong Makan Tarik Makan serta Api dan Air Mata* (semuanya dihasilkan ketika beliau berada dalam tahanan 1963-1967).

¹⁰² Parti Marhaen, iaitu parti baru yang ditubuhkan oleh Ahmad Boestamam setelah beliau kembali dari England. Lihat, Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 362.

Muslim yang pertama di Sarawak.¹⁰³ Kemudian pada awal tahun 1973, Ahmad Boestamam sekali lagi dijemput Rahman Yaakub untuk bekerja di Sarawak sebagai penulis teks ucapannya dan juga penulis beberapa rencana di dalam *Sarawak Gazette*.¹⁰⁴ *Sarawak Gazette* ketika itu pula dipimpin oleh Abang Yusuf Puteh selaku ketua editornya. Idea-idea penulisan dan sejarah perjuangan Ahmad Boestamam sekali gus telah memberikan kesan yang tersendiri dan mungkin tidak dipatrikan di atas kertas. Walau bagaimanapun, pengaruh seorang pejuang gigih ini sudah tentu memberikan satu tiupan semangat kepada Abang Yusuf dalam memenuhi kehendak nalurinya demi kemajuan masyarakat Melayu.

Di samping itu, faktor keempat yang boleh dinyatakan di sini adalah pengaruh dari negara-negara luar seperti Jepun, Britain dan Amerika Syarikat¹⁰⁵ yang turut memberikan impak kesedaran dalam diri beliau. Beliau turut merakamkan perjalanannya ke 30 buah negara luar yang meliputi lima benua dalam karyanya yang banyak menterjemahkan pengalaman-pengalaman berharga yang pernah dilaluinya.¹⁰⁶ Pengalaman hasil daripada pengembaraan sama ada ketika melanjutkan pelajaran, urusan kerja atau atas alasan peribadi memberikan banyak input dan kesedaran dalam dirinya untuk melihat tanahairnya mampu bersaing dengan negara-negara luar yang lain. Hal ini yang disebutkan beliau sebagai elemen rahsia dalam pengembaraan adalah khazanah tersembunyi yang mampu memberikan impak yang bermakna kepada diri seseorang. Ini dijelaskan dengan pernyataan beliau, iaitu:

Setting out on a journey to a foreign land or even a new area in our own country should be like the sunrise: anticipation of the unknown. To

¹⁰³ James P. Ongkili, *Mordenization in East Malaysia 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 109.

¹⁰⁴ Antara rencana yang ditulis oleh Ahmad Boestamam dalam *Sarawak Gazette* ialah Erti Nasionalisme (*Sarawak Gazette*, 28 Februari 1973), Sheriff Masahor (*Sarawak Gazette*, 30 April 1973) dan Penilaian Semula Terhadap Sejarah Sarawak (*Sarawak Gazette*, 31 Mei 1973).

¹⁰⁵ Abang Yusuf Puteh melanjutkan pelajaran di Universiti Cambridge di Britain pada tahun 1961. Namun sebelum itu beliau terlebih dahulu memasuki Universiti Oxford untuk seminggu bagi menghadiri kelas musim panas. Seterusnya pada 17 September 1963 pula beliau ke Universiti Princeton, New Jersey di Amerika Syarikat setelah menamatkan pengajian di Universiti Cambridge.

¹⁰⁶ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *Little Footsteps*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1993.

*achieve a meaningful impact of the trip, one must cultivate a sense of adventure. The secret element in an adventure is the hidden treasures.*¹⁰⁷

Keadaan ini sudah pasti terkesan apabila beliau melihat kemajuan bangsa-bangsa luar dalam pelbagai bidang yang diceburi. Perjalanan ini sudah tentu memberikan kesan kepada jiwa perjuangan beliau untuk melihat bangsanya maju ke hadapan dan mampu bersaing dengan kaum-kaum yang lain.¹⁰⁸

Tidak dapat dinafikan juga pengaruh negara jiran, iaitu Indonesia turut menjadi faktor kelima dalam menyumbangkan kesedaran beliau terhadap pembangunan orang Melayu di Sarawak. Pengaruh ini mungkin ada walaupun tidak dijelaskan secara langsung oleh beliau sebagaimana yang dicatatkan dalam buku beliau. Hubungan kekeluargaan yang rapat daripada golongan masyarakat yang mempunyai gelaran Gusti di Kalimantan Barat. Sudah tentu memberikan pengaruh yang tersendiri kepada pemikiran dan seterusnya perjuangan beliau, lebih-lebih lagi Abang Yusuf sering kali menziarahi keluarganya di sana. Oleh yang demikian, maka tidak mustahil benih perjuangan berjaya ditanam dalam pemikirannya. Apabila melihat kemiskinan penduduk tinggalan penjajah Belanda beliau sudah dapat menggambarkan kemiskinan orang Melayu Sarawak. Kemerdekaan dan kekuatan serta keberanian rakyat Indonesia bermandikan darah dan air mata untuk membebaskan diri daripada jajahan Belanda sudah tentu memberikan sedikit sebanyak pengaruh dalam diri beliau untuk berjuang demi masyarakat Melayu.¹⁰⁹

Hasil daripada pengaruh ini ternyata telah berjaya diterjemahkan oleh beliau melalui sikap dan pendirian tegas beliau dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Pengaruh ini memberikan kekuatan dalam perjuangannya. Gambaran-gambaran yang diperoleh sama ada

¹⁰⁷ Ibid., hlm. 6-7.

¹⁰⁸ Wawancara dengan isteri Allahyarham Datuk Abang Yusuf Puteh, iaitu Datuk Rogayah Abdul Majid bertempat di kediaman beliau di Rumah Shobra Jalan Song, Kuching, Sarawak pada 21 Disember 2013.

¹⁰⁹ Ibid., wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid, 2013. Namun isteri beliau menolak pengaruh dari negara jiran, iaitu Indonesia dalam perjuangannya walau pun mengakui mempunyai keluarga rapat yang berada di Kalimantan.

daripada penglihatan dan pendengarannya ditunjukkan dengan kelantangan beliau dalam menyuarakan pandangan dan pendapat.¹¹⁰ Hal ini lebih-lebih lagi dalam isu-isu berkaitan keadilan, kemiskinan dan pendidikan orang-orang Melayu Sarawak khasnya masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

KARYA-KARYA ABANG YUSUF PUTEH

Pada peringkat awal penulisan Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya lebih tertumpu kepada aspek sosial masyarakat Melayu Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Oleh sebab itu, tidak keterlaluan apabila dikatakan bahawa Abang Yusuf Puteh memulakan penulisannya bertunjangan kecintaannya kepada masyarakat Melayu Sarawak. Hampir kesemua penulisannya menjurus kepada kehidupan masyarakat Melayu Sarawak sama ada dalam aspek agama, sosial, ekonomi mahupun politik. Luahan Abang Yusuf Puteh berkaitan masyarakat Melayu Sarawak jelas mencitrakan rasa tanggungjawab yang harus dipikul olehnya sebagai anak Melayu pesisir. Penulisannya banyak memprojeksikan kemunduran orang Melayu terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Terdapat dua peringkat kegiatan penulisan Abang Yusuf Puteh, iaitu pertama pada peringkat awal kerjayanya semasa pemerintahan kerajaan British di Sarawak sehingga pembentukan Malaysia dan kedua selepas bersara dari dunia politik. Penglibatan peringkat pertama penulisan Abang Yusuf Puteh adalah pada tahun 1961 yang diterbitkan di dalam *Sarawak Gazette*,¹¹¹ iaitu warta utama kerajaan Sarawak ketika itu sehinggalah pada tahun 1980-an. Hasil penulisan pertama beliau yang dibukukan telah diterbitkan oleh Dewan

¹¹⁰ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden di rumahnya pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

¹¹¹ Abang Yusuf Puteh, *Jugglery of Sarawak Malay Language*, Kuching: *Sarawak Gazette*, 1961, dan, *Idiomatic Expressions*, Kuching: *Sarawak Gazette*, 1961.

Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1964.¹¹² Buku yang diterbitkan ini merupakan tesis, iaitu hasil daripada kajian terhadap adat perkahwinan masyarakat Melayu Sarawak untuk memperoleh ijazah sarjana muda Universiti Malaya pada tahun 1958. Pada peringkat kedua pula beliau telah menghasilkan sebanyak 15 buah buku termasuk sebuah buku yang dihentikan penjualannya atas sebab tertentu.¹¹³

Kebanyakan buku yang dihasilkan oleh Abang Yusuf Puteh banyak menyentuh secara langsung ketiga-tiga aspek utama, iaitu ekonomi, sosial dan politik. Terdapat lima karya beliau yang menyentuh tentang aspek sosial masyarakat Melayu Sarawak, iaitu *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*,¹¹⁴ *The Malay Culture of Sarawak*¹¹⁵ dan *Code of Conduct and Value Systems of Sarawak Malays*.¹¹⁶ Ketiga-tiga buah penulisan ini banyak menyentuh tentang aspek sosiobudaya masyarakat Melayu seperti perkahwinan, keluarga Melayu Sarawak, adat-adat Melayu Sarawak yang lain serta sistem masyarakat Melayu Sarawak. *Little Footsteps*¹¹⁷ pula merupakan penulisan beliau hasil daripada pengalaman dan perjalanan beliau ketika berada di luar negara. Pengalaman yang dikutip ketika berada di negara asing ternyata menyedarkannya tentang kemunduran masyarakat Melayu Sarawak terutama di tempat asalnya, iaitu Kalaka. Seterusnya, buku yang bertajuk *Who Shall Separate Us*¹¹⁸ merupakan catatan pengalaman ketika belajar di sekolah menengah di Kuching sekitar tahun 1950-an yang turut dijadikan sumber ilham untuk menghasilkan penulisannya. Walaupun ianya sekadar kutipan daripada pengalaman Abang Yusuf Puteh, namun banyak mengetengahkan pengajaran yang amat bermakna terutamanya tentang kepentingan pendidikan untuk pembangunan dalam sesebuah masyarakat.

¹¹² Lihat, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, , 1964. Terdapat juga dalam bahasa Inggeris, iaitu “*Marriage Customs Among The Sarawak Malays*” yang diterbitkan pada tahun 1966.

¹¹³ Wawancara bersama Datuk Rogayah Abdul Majid (isteri Allahyarham Datuk Abang Haji Yusuf bin Abang Puteh), di kediamannya di Jalan Song, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 21 Disember 2013. Tajuk buku tersebut ialah “*Woman of Sarawak*”.

¹¹⁴ Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964 dan 2008.

¹¹⁵ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1996.

¹¹⁶ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 2000.

¹¹⁷ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1993.

¹¹⁸ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1999.

Berdasarkan karya-karya yang dihasilkan oleh beliau, hanya sebuah karya beliau yang menyentuh berkenaan aspek politik Melayu Sarawak secara fokus, iaitu dalam *Malay Politics & Perabangan*.¹¹⁹ Menerusi buku ini Abang Yusuf Puteh menjelaskan budaya politik pemimpin Melayu di Sarawak sama ada merujuk kepada budaya positif mahupun negatif. Budaya kepimpinan negatif ternyata banyak memberikan impak negatif kepada pembangunan masyarakat Melayu secara umumnya. Di samping itu, penjelasan tentang asal usul dan susun lapis golongan Melayu Perabangan turut dihuraikan. Hal ini kerana golongan Melayu Perabangan merupakan golongan pemimpin yang mendapat tempat dalam pentadbiran Brooke dan juga ketika pentadbiran British. Golongan ini memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat Melayu selepas itu.

Abang Yusuf Puteh begitu mengambil berat perihal masyarakat Melayu di kawasan pesisir sehingga menyebabkan beliau meluahkan teguran menerusi penulisannya. Buktinya, lapan buah daripada hasil karyanya dengan berani melontarkan teguran terhadap budaya kepimpinan negatif pemimpin Melayu, pengabaian dalam aspek sosial terutamanya pendidikan, kemunduran ekonomi dan pegangan tradisi yang menjadi faktor kepada kemunduran pembangunan masyarakat Melayu pesisir. Hal ini dapat diteliti menerusi hasil penulisannya seperti *A Rose Garden in My Heart*,¹²⁰ *Another Day Wakes Up*,¹²¹ *The Malay Mind*,¹²² *Midnight at Noon: The Poor Malays of Kalaka*,¹²³ *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*,¹²⁴ *The Malay of Sarawak: A Socio-Political Potrait*,¹²⁵ *Malay Humour*¹²⁶ dan *A Profile of Sarawak Malays*.¹²⁷ Berdasarkan lontaran-lontaran idea beliau jelas menunjukkan bahawa faktor kemunduran pembangunan masyarakat Melayu Sarawak

¹¹⁹ Buku ini diterbitkan pada tahun 1999 oleh Shobra Publishing Sdn Bhd.

¹²⁰ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1994.

¹²¹ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1995.

¹²² Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1996.

¹²³ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1996.

¹²⁴ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1996.

¹²⁵ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 1998.

¹²⁶ Diterbitkan oleh Shobra Publishing Sdn Bhd, 2001.

¹²⁷ Diterbitkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005.

dalam aspek sosial dan ekonomi sering menjadi tumpuan dalam penghasilan karyanya. Beliau yakin dan percaya bahawa kelemahan kepimpinan Melayu dalam usaha membawa pembangunan kepada masyarakat Melayu menjadi pemangkin kepada keadaan tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa pengalaman yang telah ditempuhi oleh Abang Yusuf Puteh menjadi benteng yang kukuh dalam menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran. Beliau yang membesar dalam keluarga yang besar tidak ketinggalan dalam membantu bapanya merantau untuk mencari rezeki walaupun terpaksa menempuh laluan sungai yang merbahaya. Kesukaran bapanya dalam usaha mencari pendapatan untuk meneruskan kehidupan ternyata banyak memberikan semangat dalam dirinya untuk berjaya dalam pelajaran. Abang Yusuf Puteh dikenali sebagai pelajar yang bijak dalam kalangan guru dan rakannya. Hal ini dibuktikan apabila beliau berjaya menyambung pelajaran ke peringkat menengah rendah di bandar Kuching yang merupakan impian setiap pelajar di kawasan luar bandar. Kehidupan di sekolah berasrama mendedahkan beliau kepada pelbagai pengalaman baharu yang beliau peroleh daripada pergaulan dengan pelajar di kawasan lain termasuklah pelajar-pelajar dari Brunei. Kesedaran tentang betapa pentingnya masyarakat Melayu perlu bangkit daripada kealpaan jelas bermula pada peringkat ini. Beliau mendapati pelajar-pelajar Melayu begitu sedikit berbanding dengan pelajar-pelajar bangsa lain yang jelas menunjukkan kemunduran yang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Abang Yusuf Puteh akhirnya telah berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang sehingga melayakkan beliau mendapat tawaran untuk belajar di sebuah universiti berprestij, iaitu di Universiti Malaya di Singapura.

Dalam bidang politik pula, Abang Yusuf Puteh begitu menyanjungi mentornya, iaitu Tun Rahman Yaakub. Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak yang diadakan pada tahun 1987 menjadi titik tolak kepada penglibatan beliau dalam dunia politik di Sarawak setelah menyertai Parti Maju yang diketuai oleh Tun Rahman Yaakub. Pengalaman pertama beliau akhirnya membuahkan hasil setelah memperoleh kemenangan dengan mengalahkan calon Barisan Nasional. Atas dasar kebijaksanaan dan kepetahan beliau dalam mengutarakan hujah menjadikannya sebagai pilihan utama untuk memegang tampuk ketua pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak. Peranan beliau sebagai ketua pembangkang ternyata memberikan kekuatan kepada pasukan pembangkang ketika itu dalam usaha untuk menggerakkan wakil-wakil rakyat supaya tidak leka dengan tanggungjawab masing-masing.

Sebaik sahaja menamatkan pelajaran pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaya, Singapura Abang Yusuf Puteh terus mendapat tawaran kerajaan British untuk menjawat jawatan-jawatan penting kerajaan. Seterusnya, tujuh tahun selepas pembentukan Malaysia beliau telah menjawat jawatan tertinggi dalam sektor perkhidmatan awam negeri setelah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970. Beliau telah menjadi orang Melayu pertama yang dilantik untuk memegang jawatan tersebut. Di samping itu, beliau turut menjadi editor kepada *Sarawak Gazette*, iaitu sebuah warta kerajaan negeri. Jawatan ini menjadi wadah penting kepada beliau untuk menyuarakan pelbagai pandangan dan pendapat khasnya yang berkaitan dengan masyarakat Melayu dan masyarakat Sarawak amnya. Sebagai seorang yang mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan beliau banyak menulis terutamanya di dalam *Sarawak Gazette* sejak tahun 1961 lagi. Buku pertama hasil penulisan beliau telah diterbitkan pada tahun 1964 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kesemua hasil karya beliau yang diterbitkan jelas menunjukkan

perjuangan beliau dalam usaha membela nasib masyarakat Melayu Sarawak terutamanya Melayu pesisir di Sarawak. Sepanjang tempoh beliau bergiat aktif dalam bidang penulisan, sebanyak 15 buah buku penulisannya yang telah diterbitkan.

University of Malaya

BAB 4 : MERUBAH ASPEK KEPIMPINAN POLITIK MELAYU SARAWAK

PENGENALAN

Perbahasan dalam bab kepimpinan Melayu Sarawak ini akan membincangkan secara khusus mengenai peranan Abang Yusuf Puteh dalam usaha merubah aspek kepimpinan Melayu di Sarawak. Dalam perbahasan bahagian ini perhatian akan diberikan terhadap sikap kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak yang sepatutnya bertindak melaksanakan amanah yang dipikul dengan penuh tanggungjawab. Kepimpinan yang berkesan memainkan peranan yang penting untuk memacu kemajuan dalam kalangan masyarakat Melayu seterusnya mampu bersaing dalam dunia yang semakin maju. Melalui perbahasan ini perspektif terhadap kelemahan kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak yang diberi perhatian oleh Abang Yusuf Puteh akan dapat dilihat. Oleh yang demikian, bahagian ini akan memperlihatkan lontaran teguran Abang Yusuf Puteh terhadap golongan pemimpin yang kelihatan gagal dalam melakukan transformasi minda dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Kemunduran masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pesisir dilihat oleh Abang Yusuf Puteh adalah akibat daripada kegagalan kepimpinan pemimpin Melayu ini untuk mencapai kemajuan dan melakukan perubahan dalam kehidupan mereka. Impaknya, masyarakat Melayu pesisir terus berada dalam lingkungan kemiskinan tanpa pembelaan yang sewajarnya.

Perbahasan dalam bab empat ini penting untuk dikaji bagi melihat budaya kepimpinan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak pada tahun 1970 sehingga 2009 sebagaimana teguran yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh. Perbincangan ini akan dimulakan dengan kepimpinan Melayu pada pandangan Abang Yusuf Puteh yang sangat penting untuk dipraktikkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu supaya berkemampuan untuk menjiwai

rakyat marhaen. Seterusnya, dibincangkan juga hubungan rakyat dan pemimpin menurut pandangan beliau. Di samping itu, teguran Abang Yusuf Puteh terhadap kelemahan kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak yang menyimpang daripada amanah dan tanggungjawab mereka akan dapat ditelusuri dan diterokai secara tuntas. Di akhir perbahasan, beberapa peranan yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk merubah kepimpinan Melayu Sarawak turut akan dikupas sepenuhnya dalam bab ini.

KEPIMPINAN MELAYU SARAWAK

Orang Melayu telah menjadi pembesar di Sarawak untuk tempoh masa yang sangat panjang sama ada ketika kesultanan Brunei, rejim Brooke (1841-1941), Jepun (1941-1945) dan koloni British (1946-1963). Keadaan ini membuktikan kepimpinan berkesan yang ditunjukkan golongan ini sehingga mampu untuk memimpin dalam tempoh yang lama.¹ Walau bagaimanapun, beberapa kepincangan telah dikesan dalam budaya kepimpinan orang Melayu di Sarawak pada penilaian Abang Yusuf Puteh, hasil daripada pengalamannya dalam bidang pentadbiran peringkat negeri sejak 1959-1991. Penjelasan mengenai budaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak akan menjadi fokus kepada perbincangan ini melalui perspektif pemikiran Abang Yusuf Puteh.

Perbincangan mengenai kedudukan orang Melayu Sarawak dalam aspek pentadbiran telah dibincangkan dalam bab dua tesis ini. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk diketengahkan idea-idea pemikiran Abang Yusuf Puteh terhadap kelemahan kepimpinan Melayu di Sarawak dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Sejarah telah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin Melayu yang memegang tampuk pemerintahan di Sarawak sejak dari zaman kekuasaan kesultanan Melayu Brunei

¹ Noboru, Ishikawa, *Between Frontier: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 25.

seringkali melakukan tindakan yang menggambarkan sikap mementingkan diri sendiri. Hal ini dibuktikan apabila golongan pemimpin Melayu ini sejak dari awal pentadbiran di bawah kesultanan Melayu Brunei, Brooke mahupun British pemimpin-pemimpin Melayu terlalu mudah ditewaskan dengan kuasa wang yang melemahkan kepimpinan orang Melayu. Sejarah ketamakan wakil Sultan Brunei di Sarawak, iaitu Pengiran Mahkota dapat menjelaskan situasi ini yang akhirnya membawa kepada pemberontakan penduduk Sarawak yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan Bidayuh (*Land Dayak*). Kuasa kebendaan telah menutup amanah yang diberikan sehingga beliau memaksa penduduk Sarawak bekerja sebagai pelombong tanpa upah yang sepatutnya. Sikap tamak pemimpin seperti ini telah membawa kepada kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat marhaen.²

Selepas pemberontakan penduduk Sarawak berjaya ditamatkan oleh James Brooke, Pengiran Muda Hasyim telah melantik Brooke sebagai Residen Sarawak pada Februari 1841. Sarawak hanya diserahkan kepada Brooke oleh Sultan Omar Ali Saifuddin pada 1 Ogos 1842 setelah Brooke melakukan ugutan kepada Pengiran Muda Hasyim disebabkan tidak berpuas hati dengan kedudukannya hanya sebagai Gabenor Sarawak.³ Awal daripada itu, pada 24 September 1841, Pengiran Muda Hasyim telah melantik Brooke menjadi Gabenor Sarawak setelah Brooke menghantar kapal perang British⁴ setelah berjaya mengugut Pengiran Muda Hasyim dengan menggunakan cubaan untuk meracun jurubahasanya sebagai alasan.

² Pengiran Mahkota merupakan seorang yang bijak tetapi terkenal sebagai pemerintah yang kejam dan sangat tamak. Beliau telah mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyat dan menjadikan isteri dan anak-anak rakyatnya sebagai hamba sekiranya tidak mampu untuk membayar cukai. Akhirnya, rakyat telah menggunakan kuasa mereka dengan melakukan pemberontakan pada tahun 1837 dengan membina tentera masing-masing dan enggan membayar cukai. J. Rawlins, *Sarawak-1939-1963*, London: MacMillan & Co Ltd, 1965, hlm. 15-16.

³ Ibid., hlm. 23-24. Perjanjian penyerahan Sarawak termasuk hasil mahsul Sarawak kepada James Brooke oleh Sultan Omar Ali Saifuddin dengan bayaran \$2,500 setahun kepada sultan. Walau bagaimanapun, James Brooke turut terikat dengan syarat-syarat dalam perjanjian antaranya, Sarawak tidak boleh diserahkan kepada pihak lain tanpa pengetahuan sultan dan agama penduduk-penduduk Sarawak tidak boleh ditukar. Lihat juga, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 27.

⁴ Menurut Rawlins, kapal perang British yang dihantar James Brooke adalah kapal perang Royalist yang dilengkapi senjata api sehingga menakutkan Pengiran Muda Hasyim. Beliau akhirnya telah membuat keputusan untuk menjadikan Brooke sebagai Gabenor Sarawak dengan membuat perjanjian. Selepas perjanjian diisytiharkan tembakan meriam telah dilakukan dan bendera British dikibarkan. Lihat, J. Rawlins, *Sarawak-1939-1963*, hlm. 23-24. Manakala menurut Hashim Fauzy kapal tersebut dinamakan sebagai Kapal perang Diana. Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 27.

Tanggal 1 Ogos 1842, James Brooke dengan rasminya telah menguasai Sarawak⁵ sepenuhnya dengan menggunakan gelaran Raja Sarawak. Walaupun James Brooke berjaya menguasai Sarawak dengan menundukkan penguasaan pemimpin Melayu namun pengekaln kepimpinan Melayu terpaksa diteruskan demi kepentingan politiknya. Oleh itu, kepimpinan Melayu Perabangan dikekalkan manakala pemimpin Melayu daripada golongan Pengiran dan Syarif dilumpuhkan. Penguasaan daripada kedua-dua golongan ini dihapuskan oleh Brooke memandangkan mempunyai hubungan dan kaitan dengan kesultanan Melayu Brunei. Kerisauan Brooke berasas apabila kedua-duanya dikhuatiri akan melakukan pembelotan terhadap kepimpinan Brooke. Manakala pemimpin-pemimpin daripada Melayu Perabangan pula kebanyakannya terdiri daripada golongan datu-datu yang merupakan masyarakat tempatan yang tidak menyenangi penguasaan dan kepimpinan golongan pengiran.⁶ Apabila diselidiki jelas menunjukkan kelemahan kepimpinan ketika di bawah penguasaan Pengiran Mahkota menjadi punca kejayaan James Brooke menjatuhkan penguasaan kepimpinan Melayu di Sarawak.

Pada zaman pentadbiran James Brooke didapati kepimpinan pemimpin-pemimpin Melayu yang dilantik oleh Raja Brooke tidak mengambil berat kebajikan masyarakatnya. Hal ini sebagaimana digambarkan oleh Joan Rawlins,⁷ pemimpin-pemimpin Melayu yang dilantik oleh Brooke tidak berusaha untuk memajukan masyarakatnya dan mengakibatkan kehidupan mereka sentiasa berada dalam kesusahan. Ironinya, dalam pentadbiran James Brooke amat menggalakkan semua golongan masyarakat untuk berjumpa dengannya untuk menyampaikan atau mengadu segala permasalahan yang berlaku. Keadaan ini sudah tentu telah memberikan peluang kepada penduduk tempatan terutamanya masyarakat yang hidup susah untuk mengadu berkenaan kehidupan sukar yang mereka tempuhi. Aduan oleh

⁵ Bahagian Pertama, iaitu Bahagian Kuching sekarang.

⁶ Rujuk, Zainal Kling, "James Brooke dan Sarawak Pertembungan Kebudayaan Timur dan Barat", dlm *Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 162.

⁷ Dalam, J. Rawlins, *Sarawak-1939-1963*, 1965, hlm. 27-32.

anggota masyarakat tetap diambil berat dan dilakukan siasatan agar dapat memastikan beliau menerima maklumat yang betul dan tepat. Melalui aduan yang diterima beliau akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membantu mereka. Tindakan beliau tidak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Melayu lain yang lebih mementingkan kedudukan dan kekayaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka kepada masyarakat sekeliling.

Kepincangan kepimpinan pemimpin Melayu dengan jelas telah dikesan ketika itu sehingga mengakibatkan berlakunya kemunduran orang-orang Melayu di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir dari pelbagai aspek pembangunan. Masyarakat Melayu pesisir menerima impak negatif yang besar berikutan mereka jauh daripada kediaman pemimpin-pemimpin utama masyarakat Melayu dan kurang didedahkan dengan dunia luar. Selain itu, golongan pemimpin ini juga tidak mengambil berat terhadap aspek pendidikan masyarakat Melayu pesisir yang hanya mampu bersekolah sehingga ke peringkat rendah sahaja telah memburukkan lagi situasi mereka. Kepimpinan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak yang pincang ini terus mendorong kepada kelemahan sistem sosial, ekonomi dan politik orang Melayu sendiri.

Kepincangan ini menjadi pemangkin kepada *ondor rarat*, iaitu pemikiran yang terpesong dan menjurus serta lebih cenderung kepada aspek negatif semata-mata dan telah memberikan impak negatif terhadap kemajuan masyarakat Melayu Sarawak sehingga kemiskinan terus menyelimuti kehidupan mereka. Golongan pemimpin yang berkuasa terus membina kekayaan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial, manakala golongan rakyat terutamanya orang Melayu terus menjadi hamba kepada kerakusan golongan pemimpin Melayu.

Sejak berlakunya peralihan kuasa daripada pentadbiran British kepada penduduk peribumi Sarawak setelah pembentukan Malaysia pada tanggal 16 September 1963,

keadaan kehidupan orang Melayu masih lagi berada pada takuk yang lama. Sikap sukar menerima perubahan dikaitkan oleh Abang Yusuf Puteh sebagai kegagalan golongan pemimpin Melayu sendiri dalam membawa kemajuan kepada masyarakat Melayu di Sarawak. Kesukaran orang Melayu Sarawak untuk menerima perubahan adalah disebabkan golongan pemimpin Melayu tidak memainkan peranan untuk membetulkan kelemahan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, budaya kepimpinan golongan pemimpin Melayu ini dikatakan Abang Yusuf Puteh sebagai pencemaran politik yang mengakibatkan *ondor rarat* berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu.⁸ Masyarakat Melayu yang berpegang kepada *ondor rarat* akan terus ketinggalan di belakang dan sukar untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Masyarakat Melayu mengalami zaman kemunduran akibat terlalu menekankan aspek negatif dalam pemikiran mereka sehingga mereka takut untuk melakukan sesuatu perkara. Sepatutnya kepimpinan yang berkesan berupaya untuk menggalas cabaran penting dalam memperbetul dan mentransformasikan budaya kepada aspek yang lebih positif. Ironinya, kepimpinan ini telah mengkhianati harapan dan impian rakyat sehingga mengekalkan kemunduran dalam kehidupan masyarakat Melayu di Sarawak. Hal inilah yang menjadi tumpuan teguran Abang Yusuf Puteh demi tuntutan ke arah kelangsungan kemajuan orang Melayu Sarawak. Sebagaimana kritikan Abdullah Munshi yang mengkritik kepimpinan Melayu dalam pentadbiran,⁹ maka idea yang sama turut dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu melontarkan teguran terhadap kegagalan pucuk kepimpinan akibat budaya kepimpinan negatif yang diamalkan oleh golongan pemimpin Melayu Sarawak. Pati daripada buah fikirannya telah dituangkan dalam teks „*The Malay Mind*“ yang turut

⁸ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 252, dan, *The Malay Mind*, hlm. 11.

⁹ Zainal Abidin Borhan, “Pemikiran Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi Tentang Orang Melayu, dlm *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 84-85.

memberikan gambaran tentang budaya kepimpinan masyarakat Melayu Sarawak yang menyumbang kepada kemunduran orang Melayu Sarawak.

Abang Ahmad Urai turut menggambarkan peranan penting golongan pemimpin sebagai pokok pangkal kemajuan bagi setiap negara atau negeri. Ini merujuk kepada pemimpin yang berwibawa merupakan pemimpin yang mempunyai semangat dan sanggup menghadapi sebarang cabaran yang mendatang demi maruah dan harga diri. Kepentingan pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab menurut Abang Ahmad Urai dapat ditelusuri menerusi ucapannya, iaitu:

Pokok pangkal kemajuan bagi tiap-tiap negara dan negeri yang merdeka seperti kita Sarawak ini, adalah bergantung teguh atas pimpinan inilah maka baharu timbulnya perasaan yang sedia berkorban, perasaan yang sedia mahu memperjuangkan untung nasib rakyat daripada semua lapisan masyarakat terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat jelata. Ini bererti jikalau tidak ada pimpinan yang jujur dan bertanggungjawab itu, maka sudah tentu semangat yang mahu bekerja keras dari pegawai-pegawai kerajaan dan sokongan daripada rakyat sendiri akan sebaliknya lemah.¹⁰

Pandangan di atas menjelaskan betapa peranan penting yang perlu dimainkan oleh golongan pemimpin demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat marhaen. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang bangun untuk memperjuangkan hak dan nasib rakyat dan bukannya pemimpin yang lemah. Seterusnya, berdasarkan kepada teguran Abang Yusof Puteh terdapat beberapa budaya kepimpinan Melayu Sarawak yang menjadi tumpuan beliau. Antaranya, kepimpinan yang dikuasai oleh sifat materialistik, kepimpinan yang pincang, kepimpinan statik dan kepimpinan yang tidak bermoral sehingga melambatkan proses pembangunan lahiriah dan zahiriah dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

¹⁰ Ucapan Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Saribas ketika Persidangan yang Pertama bagi penggal yang Kedua, 25th March 1976. Rujuk, *Council Negri Debates Official Report Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri*, 25th March 1976, hlm. 2.

KEPIMPINAN MELAYU MENURUT ABANG YUSUF PUTEH

Kuasa kepimpinan Melayu Sarawak telah wujud sejak tanah tersebut berada di bawah penguasaan kesultanan Melayu Brunei sebagai tanah kuripan kerajaan agung tersebut bermula pada abad ke-14 lagi sebelum dikuasai oleh Dinasti Brooke. Kekuasaan kepimpinan Melayu telah menjadikan kedudukan mereka begitu dihormati dan disanjung oleh masyarakat yang lain. Walau bagaimanapun, situasi ini mula menampakkan perubahan apabila dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Brooke tidak menyebelahi orang Melayu Sarawak tetapi memberikan kelebihan kepada masyarakat Cina. Sememangnya tidak dinafikan berlakunya pemberian kuasa politik oleh Brooke kepada golongan Melayu Perabangan namun hakikatnya kuasa pentadbiran masih dipegang sepenuhnya oleh Raja Brooke.¹¹ Ketika pentadbiran Brooke, kepimpinan Melayu yang sedia ada tidak mampu untuk membantu dalam membangunkan hal ehwal masyarakat Melayu Sarawak di kawasan bandar. Berdasarkan situasi pembangunan masyarakat Melayu dikawasan Bandar yang terabai dapat mencitrakan kesukaran dan kemunduran yang lebih serius yang dihadapi oleh masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Hal ini menunjukkan ketandusan kualiti kepimpinan yang sepatutnya mampu untuk mempertahankan dan menyuarakan hak masyarakatnya, bukan untuk kepentingan diri atau sesiapa. Inilah yang disebut oleh Abang Yusuf Puteh tentang kemasyhuran sebenar ialah mereka yang mampu untuk mencapai kehebatan melalui usaha sendiri dan bukannya sekadar bertuah mendapat teras kebesaran daripada warisan.¹² Justeru, kepimpinan yang wujud hasil warisan daripada kepimpinan yang sebelum ini bukanlah kepimpinan berkualiti sebagai pemimpin untuk masyarakatnya atau kepada sesiapa sahaja.

¹¹ Walaupun orang Melayu Sarawak diberikan sedikit kuasa dalam membantu pentadbiran tetapi hakikatnya kuasa politik pembesar Melayu Sarawak semakin terhakis dan beransur hilang semasa Brooke dan hampir pupus ketika penjajahan koloni British. Rujuk, Rob Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982.

¹² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 64. "...the real greats achieve fame and greatness through their own efforts".

Dalam membicarakan tentang kepimpinan Melayu Sarawak, Abang Yusuf Abang Yusuf Puteh turut menambah ciri-ciri kualiti kepimpinan yang telah digariskan oleh Ketua Menteri Sarawak dalam satu ucapan pada 28 Mac 1995, iaitu sensitif, ikhlas, fikiran terbuka, berkeupayaan dan arif serta merendah diri. Kualiti kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin sebagai tambahan menurut Abang Yusuf Puteh, ialah jujur, mudah didekati, memaafkan dan bertolak ansur, adil dan saksama, sikap berkecuali, berkemampuan untuk mendengar pandangan orang lain, akauntabiliti dan yang teratas daripada semuanya ialah tidak melakukan rasuah.¹³ Beliau berpandangan kepimpinan yang berkualiti adalah pemimpin yang memiliki kualiti semulajadi bukan berdasarkan kepada pandangan orang lain yang mampu merosakkan daya kepimpinan seseorang. Abang Yusuf Puteh menegaskan selain kualiti semulajadi yang dimiliki oleh seseorang pemimpin (kualiti yang ada dalam diri seseorang) terdapat juga sebahagian pemimpin mempunyai kualiti tidak secara langsung yang diperoleh daripada orang yang rapat atau kenalannya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau, iaitu *“A good example of an indirect quality is the role of the wife. It can make or break a leader. If she is nosy, domineering, and interfering in official matters, leadership suffers from respect, and many would suffer from fear”*.¹⁴ Pendapat yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh jelas seiring dengan pandangan Hassan Ahmad yang menyebut bahawa mutu kepimpinan yang berkesan adalah salah satu faktor penting yang berupaya untuk menyelamatkan keberadaan orang Melayu. Dalam hal ini adalah sukar untuk menjadi seorang pemimpin yang memimpin sesebuah masyarakat apatah lagi sesebuah negara.¹⁵ Maka sudah tentu bukanlah sembarangan orang yang layak

¹³ Walau bagaimanapun, beliau hanya membicarakan empat ciri kualiti pemimpin yang paling penting yang merangkumi kesemua ciri-ciri tersebut, iaitu jujur, mudah didekati, akauntabiliti dan tidak melakukan rasuah.

¹⁴ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 74.

¹⁵ Hassan Ahmad berpendapat terdapat beberapa ciri pemimpin yang mampu untuk mensejahterakan orang Melayu. Pertama, pemimpin yang berupaya menyatukan orang Melayu, Kedua, pemimpin yang memahami masalah bangsanya dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai, tepat, berani dan tegas, Ketiga, pemimpin yang cekap, bersih dan amanah, Keempat, pemimpin yang berfikiran luas, bijaksana, berilmu dan tidak emosi, Kelima, pemimpin yang berani mempertahankan hak bangsanya, dan Keenam, pemimpin yang pandai memujuk rakyat. Lihat, Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*, Shah Alam, Selangor: Alaf 21 Sendirian Berhad, 2006, hlm.61-62.

untuk menjadi pemimpin yang sanggup untuk memikul tanggungjawab dan amanah yang digalas dibahu mereka.

Walau bagaimanapun, menurut penilaian Abang Yusuf Puteh terdapat empat kualiti kepimpinan yang sangat penting yang digariskan oleh beliau, iaitu bersikap jujur, tidak rasuah, akauntabiliti, dan mudah didekati. Hal ini sebagaimana pernyataan beliau, iaitu :

*In the final analysis I would grade, honesty, incorruptibility, accountability, and accessibility as being the most important, side by side with humanity. A leader, to go down as a great man in the history of a government, must possess these qualities.*¹⁶

Keempat-empat ciri kualiti kepimpinan tersebut merujuk kepada sikap merendah diri seseorang pemimpin dalam sesebuah kelompok masyarakat atau pentadbiran. Hal ini demikian kerana pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan sebagaimana yang diutarakan mampu mengekalkan sikap merendah diri yang menjadi kunci kepada kejayaan dalam pembangunan negara.¹⁷ Dalam perbincangan ini beliau lebih mengkhusus kepada pembangunan masyarakat Melayu di kawasan pesisir di Sarawak. Beliau dengan tegasnya telah memberikan justifikasi yang tersendiri tentang kualiti yang perlu ada dalam kepimpinan Melayu.

Berdasarkan pernyataan di atas, pemimpin yang mempunyai kualiti yang berkesan adalah pemimpin yang bersikap merendah diri dalam apa jua situasi atau keadaan. Sikap yang tidak membezakan taraf kepimpinannya akan menjadi pemacu kepada hubungan yang lebih bermakna di antara pemerintah dan golongan yang diperintah. Hasilnya, kerjasama dapat diwujudkan dengan lebih mesra dan konsep memahami antara satu dengan yang lain akan berlaku. Berdasarkan pandangan Abang Yusuf Puteh, seorang pemimpin yang hebat dalam sejarah pemerintahan mesti mempunyai ciri-ciri kualiti ini dan seorang yang sanggup

¹⁶ Ibid., hlm. 74-75.

¹⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 74-75. "A leader, to go down as a great man in the history of a Government, must possess these qualities".

turun ke lapangan untuk melaksanakan tanggungjawab yang digalas atas bahu mereka. Kualiti kepimpinan seperti ini turut diutarakan oleh Tenas Effendy yang mengatakan bahawa kepimpinan yang memerhatikan nasib bawahan yang dipimpinnnya dengan penuh minat dan cermat mencitrakan kepimpinan yang berwibawa dan memahami makna falsafah “senasib sepenanggungan seiaib dan semalu” dengan rakyatnya.¹⁸

Dalam menelusuri aspek kualiti kepimpinan, Peristiwa Ming Court (Ming Court Affair) 1987 menjadi kemuncak kepada hilangnya kepercayaan golongan rakyat yang dipimpin oleh Rahman Yaakub¹⁹ terhadap corak kepimpinan negeri Sarawak.²⁰ Walaupun Abang Yusuf Puteh tidak terlibat secara langsung dalam peristiwa ini tetapi beliau memberikan sokongan yang padu terhadap usaha Rahman Yaakub untuk menolak Taib Mahmud selaku ketua menteri ketika itu. Tindakan yang tidak profesional Taib Mahmud ketika memegang jawatan ketua menteri dengan mengabaikan dan tidak mepedulikan cadangan, pandangan dan nasihat Abang Yusuf Puteh mempamerkan sikap seorang pemimpin yang tidak mempunyai kualiti. Hal ini sudah tentu tidak dapat diterima oleh Abang Yusuf Puteh selaku Setiausaha Kerajaan Negeri yang sentiasa akan berhadapan dengan Taib Mahmud sebagai ketua menteri.²¹ Hal tersebut sekaligus menyemarakkan semangat Abang Yusuf Puteh untuk menyuarakan rasa ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran pemimpin yang sepatutnya memayungi rakyat tetapi lebih kepada memayungi diri dan golongan „pembodek“ semata-mata. Situasi beliau lebih terarah untuk menuntut hak kemajuan masyarakat Melayu pesisir yang mengalami pengabaian dalam pembangunan. Hal ini jelas menghimpit minda Abang Yusuf Puteh pada ketika itu untuk membawa suara masyarakat

¹⁸ Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, Pekanbaru: Yayasan Tenas Effendy, 2010, hlm. 157.

¹⁹ Tun Rahman Yaakub merupakan mantan ketua menteri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak.

²⁰ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 9 April 1987.

²¹ Menurut Ally Kawi, Taib Mahmud beranggapan bahawa Abang Yusuf Puteh bukanlah orang yang boleh memberikan kesetiaan kepadanya. Ketika itu Taib memegang jawatan menteri kerajaan persekutuan dan Abang Yusuf Puteh tidak pernah memenuhi permintaan Setiausaha Politik Taib, iaitu Abdul Rahim Hamzah untuk semua jenis bantuan dan permintaan daripada kerajaan negeri sekiranya mempunyai urusan di negeri Sarawak. Hal ini telah menyebabkan wujudnya perasaan benci Taib terhadap Abang Yusuf Puteh. Rujuk, Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2010, hlm. 120.

terutamanya dalam aspek pembangunan melalui teguran-teguran yang dilontarkan menerusi penulisannya.

Melalui sikap jujur diharapkan golongan pemimpin terutamanya dalam kalangan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak berusaha dalam membangunkan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu pesisir yang sangat dahagakan kesejahteraan dalam kehidupan mereka setelah memberikan kesetiaan dan kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin Melayu yang sepatutnya mewakili mereka. Keperluan sikap jujur dalam kalangan golongan pemimpin menjadikan mereka tergolong dalam kalangan pemimpin yang mampu untuk mengelak daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan agama. Sekiranya diteliti dan difahami, pada tahun 1982 kempen bersih, cekap dan amanah telah dilancarkan pada era pentadbiran Perdana Menteri Mahathir Mohamad bertujuan untuk menerapkan sikap ini dalam diri setiap kakitangan dan pemimpin-pemimpin kerajaan. Hal ini disebabkan kesedaran Mahathir tentang pemimpin-pemimpin akar umbi yang memiliki sikap jujur dan amanah memainkan peranan penting dalam membantu melicinkan jentera pentadbiran tanpa melakukan kerosakan yang boleh melemahkan struktur kerajaan yang sedia ada dan mengakibatkan rakyat hilang kepercayaan. Ini merupakan cogan kata yang digunakan oleh Mahathir Mohamad bagi menggambarkan perubahan yang baik di bawah kepimpinannya. Menurut Mahathir, sikap amanah ini mampu untuk membentuk kesabaran seseorang pegawai atau pemimpin.²²

Perilaku jujur dan amanah Mahathir dalam memikul tanggungjawab yang diberikan sememangnya sesuatu yang tidak asing lagi kepada umum. Atas dasar inilah, beliau telah bertindak di luar jangkaan apabila melontarkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran

²² Tun Mahathir dalam memoirnya ini turut menjelaskan tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam pentadbirannya setelah mengambil alih jawatan nombor satu di negara ini, iaitu “melalui kempen itu, perubahan mula berlaku. Ini adalah salah satu cara mengurangkan rasuah. Seperti yang saya sebut di dalam bab-bab sebelumnya, bagi membina sebuah hotel memerlukan 200 jenis kelulusan berasingan, dan ia mengambil masa bertahun-tahun untuk mendapatkannya. Disebabkan masa adalah wang maka pemohon yang tidak sabar menunggu tergerak untuk memberi sogokan bagi mempercepatkan proses kelulusan. Lambat-laun pegawai sedar bahawa ada faedah yang boleh didapati dengan melambatkan kerja. Tabiat ini perlu diseekat”. Mahathir Mohamad, *Doktor Umum*, Kuala Lumpur: MPH, 2012, hlm. 414.

Tunku Abdul Rahman yang merupakan perdana menteri ketika itu. Mahathir dengan lantang telah mengkritik dan menyalahkan kepimpinan (*The United Malays National Organization*) UMNO ke atas peristiwa hitam rusuhan perkauman yang terjadi pada 13 Mei 1969, impak daripada taraf hidup masyarakat Melayu yang begitu jauh ketinggalan berbanding kaum Cina. Hal ini dibuktikan melalui surat Mahathir kepada Tunku Abdul Rahman antara lain menyebut, iaitu “... *I blamed the political leadership of UMNO for the riots and wrote a strong letter to the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, urging him to resign*”.²³ Kenyataan ini menunjukkan bahawa Mahathir merupakan seorang pemimpin yang bertindak atas dasar „berani kerana benar“ malah tidak takut akan risiko yang boleh menyebabkan karier politiknya berakhir namun beliau berpendapat kepentingan masyarakat lebih diutamakan jika dibandingkan dengan kedudukannya ketika itu. Hal ini jelas membuktikan sekali lagi bahawa Mahathir menyelami denyut nadi rakyat apabila beliau menerima pelucutan keahliannya dalam UMNO dan tidak pernah memasang niat untuk menubuhkan parti baharu ataupun menyertai barisan pembangkang demi mengelakkan berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu.²⁴ Di samping itu, sekiranya diamati pada peringkat awal zaman pemerintahan Mahathir, beliau telah memutuskan untuk melakukan perubahan dalam tiga bidang dalam usaha untuk memacu kemajuan ekonomi negara, iaitu membanteras rasuah, meningkatkan kecekapan dan menanam sifat amanah.²⁵

Hal ini sewajarnya menjadi panduan kepada golongan pemimpin Melayu di Sarawak untuk berpegang kepada prinsip agar menjadi ikutan masyarakat marhaen. Aura kepimpinan seperti ini menjadi indikator kepada Abang Yusuf Puteh dengan menyeru kepimpinan Melayu Sarawak supaya mengambil langkah dan ikhtibar pentadbiran yang dilaksanakan oleh Mahathir sebagai pemimpin yang bertindak memikul amanah yang

²³ Mahathir Mohamad, *A New Deal for Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 22.

²⁴ Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005, hlm.28.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 414.

dipertanggungjawabkan.²⁶ Beliau berpandangan pemimpin yang baik adalah pemimpin yang tidak melakukan rasuah. Hal ini kerana pembangunan dan pembelaan ke atas nasib rakyat akan diberi perhatian yang sewajarnya terutama perjuangannya kepada nasib yang menimpa masyarakat Melayu pesisir. Justeru, pemimpin yang bebas daripada amalan rasuah mempunyai kesabaran dalam tindak tanduknya. Seperti mana tindakan Mahathir dalam berurusan dengan pemimpin-pemimpin bersifat kronisme maka begitulah kritikan Abang Yusuf Puteh terhadap pemimpin Melayu Sarawak yang mengamalkan kronisme.²⁷ Abang Yusuf Puteh turut dengan jelas menempelak golongan pemimpin Melayu yang gagal melaksanakan amanah yang diberi dengan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan ciri kejujuran seseorang pemimpin sebagai pengkhianat kepada Tuhan dan dirinya sendiri. Ini sebagaimana ditegaskan olehnya, iaitu *“a dishonest leader is traitor unto God and to himself”*.²⁸

Seseorang pemimpin yang baik dan aspek akauntabiliti mempunyai hubungan yang akrab memandangkan akauntabiliti itu sendiri membawa maksud melaksanakan tugas atau kewajiban dengan penuh bertanggungjawab dan sebaik mungkin.²⁹ Dalam ajaran Islam turut menekankan aspek akauntabiliti sebagai satu ciri yang perlu ada bukan sahaja dalam diri seseorang pemimpin tetapi setiap umatnya yang disebut sebagai ihsan, iaitu bersifat baik. Hal ini memandangkan akauntabiliti bukan sahaja menyentuh aspek melaksanakan sesuatu tugas dengan penuh tanggungjawab tetapi juga berkaitan melaksanakan sesuatu

²⁶ Abang Yusuf Puteh dengan jelas mengagumi karakter Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang tegas dengan menggambarkan Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang bersih sebagaimana diluuhkannya, iaitu *“Some years ago the Federal Government, under the 2M Administration (Mahathir and Musa) coined and popularized the slogan : Bersih, Cekap dan Amanah=referring to political leadership and the civil service. It was the moving spirit for the nation”*. Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 66. *“The Prime Minister, Dr Mahathir, has been characteristically forthright in his criticism (at the end February 1996) of the excessive powers that the Chief Minister of Sabah can wield “in making a person either rich or poor”*. Lihat juga, *ibid.*, hlm. 89.

²⁷ Mahathir dengan tegas menolak amalan rasuah dan kronisme. Hal ini sebagaimana dinyatakan beliau, iaitu *“Rasuah tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, tetapi boleh dikurangkan. Dengan mengurangkan jumlah kelulusan yang diperlukan dan mempercepatkan pengeluarannya, rasuah makin susah dilakukan. Bagi mempercepatkan kerja setiap kali aduan dibuar, saya sendiri membuat pertanyaan berulang kali. Kadang-kadang niat baiki saya itu menyebabkan saya dituduh mengamalkan kronisme, tetapi kalau saya tidak campur tangan akan berlaku kelewatan dan timbul peluang untuk memberi sogokan. Akhirnya, saya memutuskan bahawa lebih baik dituduh mengamalkan kronisme atau rasuah daripada bertolak ansur dengan kelewatan. Setidak-tidaknya kerja berjalan”*. Mahathir Mohamad, *Doktor Umum*, hlm. 415.

²⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 75.

²⁹ Kamus Dewan Edisi Ke 4.

tugas dengan sempurna dan terbaik sehingga selesai.³⁰ Abang Yusuf Puteh turut pernah meluahkan rasa kecewanya terhadap pemimpin Perkhidmatan Awam Negeri kerana mencampuri urusan yang bukan di bawah tanggungjawabnya sehingga mengganggu bidang tugas pihak lain. Pemimpin sedemikian jelas melakukan penyalahgunaan kuasa yang sepatutnya tidak dilakukan olehnya. Misalnya, penindasan yang dilakukan oleh pemimpin Melayu kepada sesiapa sahaja yang tidak memberikan sokongan kepada mereka ketika pilihanraya terutamanya terhadap orang-orang Melayu. Selain itu, ketua-ketua kampung Melayu yang tidak memberikan sokongan turut ditamatkan perkhidmatan mereka. Hal ini membuktikan penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh kepimpinan pemimpin Melayu di Sarawak.³¹

Seterusnya, ciri kepimpinan yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin menurut Abang Yusuf Puteh ialah kepimpinan yang mudah untuk didekati.³² Pemimpin seperti ini mempunyai jiwa yang dekat dengan kehidupan rakyat malah tidak kekok untuk mendekati masyarakat atau rakyat jelata. Keadaan seperti ini pernah juga berlaku sebagaimana tercatat dalam sejarah raja-raja di Kerajaan Rokan yang hidup dengan penuh kesederhanaan seperti raja kerajaan Tambusai, Dalu-dalu, Kepenuhan, Rokan IV Koto dan Rambah. Sikap mudah didekati raja-raja dan para pembesar kerajaan-kerajaan ini ditonjolkan dengan kesanggupan mereka turun ke bendang untuk menanam padi bersama-sama rakyat jelata. Terkesan daripada eratnya hubungan pemimpin yang memerintah dan golongan yang diperintah akan memudahkan pentadbiran diuruskan dengan berkesan dan efektif. Situasi sebegini sudah tentu merapatkan hubungan yang lebih utuh antara satu dengan yang lain. Segala

³⁰ <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7117-akauntabiliti-menurut-pandangan-islam>.

³¹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 5 September 1987, hlm.1-2, dan, lihat juga, *Sarawak Tribune*, 06 May 1987, hlm.1 dan *Sarawak Tribune*, 07 November 1987, hlm.1.

³² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 74.

permasalahan dapat dinilai dan diselesaikan secara baik dan berupaya untuk memacu keamanan dalam sesebuah negara.³³

Golongan pemimpin berwawasan jauh yang mempunyai sifat bertanggungjawab terhadap sesuatu tindakan keputusan dan sebagainya atau lebih tepat mempunyai akauntabiliti merupakan antara sikap yang diperlukan dalam diri seseorang pemimpin. Hal ini dibuktikan dengan tindakan yang dilakukannya seperti memindahkan dan memberikan amaran tegas terhadap penjawat awam ketika beliau memegang jawatan tertinggi dalam sektor awam negeri sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Beliau diakui sebagai seorang yang sangat tegas dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.³⁴

Ketegasan Abang Yusuf Puteh terbukti dalam tindakan dan keputusan yang diambil olehnya apabila beliau dengan lantang menyelar sesetengah pegawai yang tidak berupaya untuk melaksanakan tugas dengan penuh amanah.³⁵ Sekiranya ditelusuri kedudukan pemimpin dalam budaya Melayu itu sendiri menunjukkan golongan ini mempunyai pengaruh dalam kehidupan rakyat, diberi kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab kepada masyarakat yang dipimpin. Walau bagaimanapun, kepercayaan yang diberikan hendaklah dibayar dengan perlaksanaan tindakan dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara.³⁶

³³ Tenas Effendy turut mengutarakan kepentingan ciri kepimpinan yang mudah didekati dalam penulisannya, iaitu “Di Rokan dikenal ungkapan adat yang mengatakan: “di mana rakyat berkadang, di sana raja bertandang”, yang bermakna bahawa raja dan rakyatnya selalu hidup dalam persebatian yang kekal. Eratnya hubungan antara raja dengan rakyatnya menyebabkan penyelenggaraan pemerintahan kerajaan berjalan lancar...”. Lihat, Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 157-158.

³⁴ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden pada 09 Januari 2014, jam 3.30 petang di kediaman beliau di Jalan Muda Hasyim, Kuching, Sarawak. Lihat juga, *The Borneo Post*, 23 Januari 1980, hlm. 11.

³⁵ Wawancara dengan Haji Daud bin Ulei, Mantan Ketua Kampung Melango Lama, Saratok pada 21 September 2015, jam 9.00 malam di kediaman beliau di Kampung Melango Lama, Saratok, Sarawak. Beliau merupakan antara ketua masyarakat Melayu di Daerah Kalaka Saratok yang menyaksikan perjuangan dan peranan besar yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan politik, ekonomi, sosial dan bidang keagamaan masyarakat Melayu.

³⁶ Tenas Effendy turut menyatakan ungkapan bagi menggambarkan sifat akauntabiliti seseorang pemimpin Melayu, iaitu “Kepercayaan jangan disia-siakan, kekuasaan jangan disalah gunakan, kebebasan jangan berlantas angan” dan “adat memegang kepercayaan orang, jangan sesekali main belakang; adat memegang kekuasaan jangan sekali merosak binasakan; adat memegang kebebasan jangan sekali lupa batasan”. Rujuk, Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 163.

Perkara ini selari dengan ketetapan beliau melalui ucapannya dalam Konferen Residen, Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan Negeri pada 22 Januari 1980 di Simanggang (Sri Aman), iaitu:

*If officers are strict in their administration of the Government policies and laws, some of them may be labelled as arrogant. And if they are too easy going, some people may say they are weak or even corrupt.*³⁷

Berdasarkan ucapan beliau ini jelas menunjukkan bahawa seseorang pemimpin perlu tegas dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan urusan berjalan dengan lancar dan berkesan. Dalam masa yang sama hubungan keakraban antara pemimpin dan golongan yang dipimpin tetap dituntut supaya matlamat dapat dicapai dengan jayanya. Oleh itu, kesan daripada ketegasan sikap dan tindakannya telah membawa satu pembaharuan yang positif dalam kalangan penjawat awam di Negeri Sarawak ketika itu misalnya menepati masa, tegas dan bekerja dengan penuh iltizam serta amanah.³⁸ Berhubung dengan hal ini, Ally Kawi telah menegaskan bahawa “*He was regarded as the „roaringtiger” of the civil service*”. Sebagai seorang pegawai yang mempunyai rekod yang cemerlang dalam perkhidmatan, beliau turut menjadi inspirasi dan idola pegawai-pegawai muda untuk dicontohi ketika itu.³⁹

Hubungan Rakyat dan Pemimpin

Abang Yusuf Puteh mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa seorang pemimpin yang memperoleh kesetiaan dan kepercayaan daripada golongan yang di bawah pimpinannya adalah asas kepada kepimpinan yang berkesan dan diterima dalam masyarakat. Sejak dari zaman berzaman konsep kesetiaan menjadi pegangan rakyat kepada pemerintah yang

³⁷ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden pada 09 Januari 2014, jam 3.30 petang di kediaman beliau di Jalan Muda Hasyim, Kuching, Sarawak. Lihat juga, *The Borneo Post*, 23 Januari 1980, hlm. 11.

³⁸ *Sarawak Gazette*, Vol. CV. No. 1453, 31st March 1979, hlm. 39-42.

³⁹ Lihat, Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, hlm. 46-47.

menjadi penabung kepada kehidupan mereka. Kepimpinan yang telah mendapatkan kesetiaan daripada golongan rakyat jelata akan membuktikan kelangsungan pentadbiran seseorang pemerintah. Oleh yang demikian, sebagai timbal balas atas kesetiaan yang telah ditunjukkan rakyat maka pemerintah perlu memberikan kepercayaan kepada rakyat. Situasi ini akan menambahkan kekuatan mental dan fizikal seseorang pemimpin dalam pentadbiran sesebuah pemerintahan.

Walau bagaimanapun, seseorang pemimpin perlu melakukan sesuatu untuk mendapatkan kesetiaan daripada rakyat jelata seperti menepati janji, memberikan pembangunan, berlaku adil dan tidak bersifat materialistik. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Brooke terhadap orang Melayu Sarawak yang memberikan ketaatan serta kesetiaan kepadanya. Brooke menyedari untuk mempertahankan kuasa dan meluaskan pengaruhnya adalah perlu baginya memberikan perhatian kepada orang-orang Melayu yang menguasai pentadbiran Sarawak sebelum ketika di bawah pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei. Tindakan Brooke bertepatan dengan saranan Frank Swettenham, iaitu

*When you take Malay Sultan, Haji, Chief or simple village headman, into your confidence, when you consult him on all questions affecting his country, you can carry him with you, secure his keen interest and co-operation, and he will travel quite as fast as is expedient along the path of progress.*⁴⁰

Layanan yang begitu baik Brooke kepada pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak telah memberikan keistimewaan kepada kepimpinan Datu menjadikan orang-orang Melayu kaum yang berpengaruh di Sarawak. Orang-orang Melayu pula memberikan kesetiaan kepada Brooke malah berusaha mempertahankannya dari ancaman pihak musuh ketika itu.⁴¹ Kesetiaan orang-orang Melayu kepada Brooke dapat dibuktikan melalui peristiwa perancangan Linggir, iaitu pemimpin Iban dari Saribas yang ingin mendapatkan kepala

⁴⁰ Lihat, Steven Runciman, *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841-1940*, London: Cambridge University Press, 1960, hlm. 260.

⁴¹ R.M. Pringle, *The Rajah and The Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm. 149-150.

Brooke tetapi usaha tersebut telah digagalkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu yang setia kepada Brooke.⁴² Kesetiaan orang Melayu terhadap Brooke juga dapat dibuktikan melalui bantuan yang diberikan kepada Brooke dalam usaha untuk menghapuskan pemberontakan orang Cina di Bau pada tahun 1857.⁴³

Kepentingan kesetiaan dan kepercayaan dalam hubungan antara pemimpin dan rakyat yang dipimpin jelas sangat diperlukan dalam pembangunan negara yang terbilang. Rakyat menyerahkan kesetiaan kepada pemimpin manakala pemimpin menganugerahkan kepercayaan mereka kepada golongan rakyat. Atas dasar saling memerlukan dan mempercayai antara satu sama lain seperti ini akan memberikan ruang untuk golongan pemimpin dan golongan yang dipimpin bersatu dalam melakukan tadbir urus yang berkesan kepada masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh menyakini kepemimpinan yang berkesan merupakan pemimpin yang berupaya mendapatkan kesetiaan daripada pengikutnya (rakyat). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu:

*Good leadership is basically a two-way traffic of loyalty and trust. The followers must give undivided loyalty to their leader in return for which they must be given full trust. The co-ordination between the two is like the synchronization of the mind and the heart.*⁴⁴

Pernyataan di atas merujuk kepada hubungan yang rapat antara kesetiaan dan kepercayaan dalam menentukan halatuju seseorang pemimpin. Pucuk kepimpinan seseorang pemimpin tetap berpaksi kepada penyerahan kesetiaan golongan rakyat. Tanpa kesetiaan yang sepatutnya seseorang pemimpin tidak akan mampu untuk melaksanakan

⁴²Kebiasaan Brooke yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan masyarakat ke rumahnya telah mengundang bahaya kepadanya. Hal ini dibuktikan apabila sebanyak 80 orang Iban yang diketuai oleh Linggir dari Saribas telah datang ke rumahnya ketika beliau sedang menikmati makan malam. Alasan kedatangan mereka adalah untuk membalas lawatan persahabatan kepada Brooke sedangkan ketika itu Linggir telah menyediakan bakul untuk mendapatkan kepala Brooke. Namun Brooke terselamat apabila pemimpin Melayu yang terdiri daripada Datuk Temenggong dan Datuk Bandar masing-masing membawa tentera sebanyak 30 dan 50 orang. J. Rawlins, *Sarawak-1839-1963*, hlm. 29.

⁴³ Lihat, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang-orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, hlm. 29.

⁴⁴ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 75.

pentadbiran dengan efektif. Begitu juga yang berlaku sebaliknya di mana rakyat perlu untuk mendapatkan kepercayaan daripada golongan pemimpin supaya tidak akan wujud syak wasangka di antara satu dengan yang lain. Seseorang pemimpin yang telah mendapatkan kesetiaan daripada golongan yang dipimpin tetapi tidak memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada golongan yang dipimpin akan membantutkan proses kepimpinan yang berkesan.

Hubungan antara rakyat dan pemimpin dalam konteks ini disebut Tenas Effendy sebagai „kedekatan“ dan „persebatian“ sebagaimana yang digambarkan dengan jelas melalui ungkapannya, iaitu “didahulukan selangkah, ditinggikan seranting”.⁴⁵ Hal yang sama turut dilaungkan oleh Abang Yusuf Puteh supaya pemimpin yang dipilih atau dilantik mudah untuk didekati, dihubungi dan memahami kehendak dan kemahuan rakyat. Oleh itu, hubungan yang akrab akan terjalin antara pemimpin dan rakyat. Seterusnya golongan pemimpin dapat merapatkan diri dan memahami perkembangan yang berlaku dalam kalangan marhaen. Situasi seperti inilah yang menjadi panduan kepada Abang Yusuf Puteh berjuang untuk menyedarkan kepimpinan Melayu agar mengotakan sumpah dan ikrar mereka setelah dipilih menjadi pemimpin untuk masyarakat mereka. Akibat daripada kelemahan kepimpinan Melayu telah membawa kemunduran dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Kegagalan untuk membawa kemajuan dan pembangunan kepada masyarakat Melayu membuktikan kepimpinan Melayu yang sedia ada tidak berjaya untuk memahami permasalahan rakyat. Bertitik tolak daripada kemajuan yang jauh dibelakang menjadi asbab kepada teguran Abang Yusuf Puteh kepada kepimpinan pemimpin Melayu di Sarawak.

⁴⁵ Lihat, Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 164.

TEGURAN TERHADAP BUDAYA KEPIMPINAN

Budaya Materialistik

Terkesan daripada pengalaman memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan (1956-1985), telah banyak membuka mata dan minda Abang Yusuf Puteh tentang budaya yang diamalkan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak. Budaya yang diamalkan para pemimpin ini terus memundurkan masyarakat Melayu daripada arus kemajuan, lebih-lebih lagi dunia tanpa sempadan dewasa ini. Sejak dari dulu lagi Abang Yusuf Puteh menyedari hakikat ini, atas sebab inilah beliau tidak menggunakan kuasa yang ada sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri sewenang-wenangnya untuk kepentingan diri sebaliknya mendesak supaya kakitangan kerajaan melipatgandakan usaha dengan jujur dan amanah. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Abang Ahmad Urai (Tan Sri Datuk Seri) ketika ditemubual tentang pendirian Abang Yusuf Puteh, iaitu :

...semangat Melayunya yang kuat. Beliau tidak mahu bangsa Melayu Sarawak digoncang. Apa yang kamu boleh gelarkan sebagai Melayu Nasionalis. Ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, sehingga orang Melayu dari Semenanjung sendiri tidak disenanginya apabila melakukan perkara yang tidak sesuai dan menyalahi budaya tempatan. Oleh sebab itu, ramai pegawai-pegawai yang tidak melaksanakan tugas dengan amanah dan jujur telah diberhentikan.⁴⁶

Pandangan ini memanifestasikan bahawa Abang Yusuf Puteh amat mengambil berat akan budaya kepimpinan yang sewajarnya dibudayakan oleh para pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Amalan budaya yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat menyebabkan beliau bangkit untuk menyuarakannya. Tindakan Abang Yusuf Puteh sebagaimana yang dijelaskan oleh Abang Ahmad Urai membuktikan sikap tegas yang dimiliki oleh beliau dalam melaksanakan

⁴⁶ Kata-kata yang diungkapkan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai berkenaan semangat yang dimiliki oleh Abang Yusuf Puteh ketika wawancara dengan beliau di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

tanggungjawab yang dipikul ketika menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970-1985. Tidak keterlaluan seandainya dikatakan bahawa Abang Yusuf Puteh mencipta nama tersendiri dan menjadi buah mulut dalam kalangan penjawat awam ketika itu terkesan daripada ketegasan dan keberaniannya dalam menentang kebatilan serta sikap tidak bertanggungjawab kakitangan kerajaan. Atas sikap yang sedemikian beliau digelar sebagai orang kuat dalam perkhidmatan awam.⁴⁷ Malah Tun Rahman Yaakub pernah menggambarkan sikap bertanggungjawab dan amanah Abang Yusuf Puteh dalam melaksanakan tugasnya dengan berkata “*the most efficient Bumiputera civil service I have ever come across. He was very incisive and decisive. Contrary to his public image, he was very understanding and sensitive to the feelings of others*”.⁴⁸

Budaya materialistik yang menjadi fokus teguran beliau terdiri daripada budaya kronisme dan budaya kepimpinan korupsi. Teguran terhadap pengamalan budaya kronisme dipancarkan melalui ungkapannya, iaitu;

*There is much too much of self-centredness and self-interest which in the classical definition would disqualify many as leaders.... You do not have to go very far to see the abuses of leadership. Take the case of a simple minor project in any village. You will hear a lot of stories of how much really gets down to the people who are supposed to benefit from it.*⁴⁹

Beliau menegur sikap pemimpin-pemimpin Melayu yang terlalu mementingkan diri sendiri sehingga mendorong mereka melakukan penyelewengan. Bagi beliau, pemimpin-pemimpin Melayu sepatutnya melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan jujur dan ikhlas, namun sebaliknya yang berlaku para pemimpin ini mengambil kesempatan untuk kepentingan diri, keluarga dan juga sesiapa yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Budaya kronisme ini jelas baginya terlalu berpusat kepada diri sendiri dan

⁴⁷ *Sarawak Tribune*, 10 Mei 1987, hlm. 4. “Described as a man of steel during his civil service days, Datuk Amar Abang Yusuf Puteh has successfully inculcated a greater sense of discipline and responsibility in the state civil service”.

⁴⁸ *Ibid.*, 10 Mei 1987, hlm. 4.

⁴⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 29.

keutamaan kepada kepentingan sendiri. Penyalahgunaan kuasa yang ada menambahkan lagi kesengsaraan masyarakat Melayu untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka apabila pemimpin hanya memenuhi poket sendiri dan kaum keluarga semata-mata.

Pengamalan budaya ini didapati semakin kronik dan mendarah daging dalam kalangan pemimpin sehingga sanggup menyeleweng menerusi projek-projek kecil di kampung. Pandangan Abang Yusuf Puteh terhadap budaya kronisme yang berlaku dalam kalangan kepimpinan Melayu di Sarawak selari dengan alasan yang dikemukakan oleh tokoh politik wanita Sarawak, iaitu Hafsa Harun ketika beliau meletakkan jawatan dalam Ahli Majlis Tertinggi Dewan Undangan Negeri Sarawak.⁵⁰ Hal ini menunjukkan budaya kronisme yang berlaku mengakibatkan rakyat menjadi mangsa penindasan pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Justeru, sebagai nasionalis Melayu beliau membuat kritikan yang pedas kerana budaya ini memberikan impak yang mendalam terhadap nasib masyarakat Melayu Sarawak khususnya di kawasan pesisir. Budaya negatif ini jika dibiarkan berterusan bukan sahaja menambahkan kesusahan masyarakat yang dipimpinya malahan meranapkan sesebuah kerajaan yang terbina.

Selain itu, pengamalan sikap tamak dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak turut memanifestasikan budaya materialistik yang mempunyai hubungan yang rapat dengan budaya kronisme. Hal ini sepertimana lontaran Abang Yusuf Puteh dalam *Malay Politics & Perabangan*, iaitu:

*Greedy. Its evil twin is selfishness. It is not easy to detect unselfishness in the politics of today. Conversely it is easy, almost instantly, to notice greed and selfishness. The main reason for this is money, the root of all evils.*⁵¹

⁵⁰ *Sarawak Tribune*, 9 April 1987, hlm. 1. Datuk Hajah Hafsa Harun ialah bekas Menteri Muda Pembangunan Sosial dan Ketua Wanita PBB. Beliau meletak jawatan sebagai menteri dalam Majlis Tertinggi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak. Hal ini sebagaimana dilaporkan oleh media arus perdana di Sarawak ketika itu, iaitu "...one of the reasons she quit the government was because the Chief Minister gave away 3,000 acres of land sought by farmers to multi-millionaire timber businessman and SNAP President. Datuk Hajah Hafsa said that the land, at Penambe, on the coast of the First Division had been sought for a considerable time by farmers in the area, especially from Kampung Buntal, but their numerous requests to the government were ignored".

⁵¹ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, hlm. 30.

Berdasarkan pernyataan tersebut, Abang Yusuf Puteh menegur sikap tamak segelintir pemimpin Melayu yang sepatutnya menjaga kebajikan dan menunaikan tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Para pemimpin tidak bertindak sewajarnya dalam menggalas tanggungjawab tetapi sebaliknya mereka berusaha untuk memperoleh keuntungan dengan menggunakan kedudukan yang telah diamanahkan untuk kepentingan diri sendiri.⁵² Pengamalan budaya ini pada pandangan Abang Yusuf Puteh semakin ketara dalam kalangan pemimpin politik dewasa ini yang berusaha untuk mencapai cita-cita masing-masing tanpa memikirkan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Abang Yusuf Puteh dengan nada berani menegur sikap keji golongan pemimpin sebegini kerana menjadi hamba kepada wang yang merupakan punca utama segala kejahatan. Impaknya, sikap tamak yang berpaksikan wang ringgit semata-mata berupaya mencambahkan pelbagai benih kemungkaran dalam masyarakat. Akhirnya, nasib masyarakat Melayu Sarawak terus diperjudikan demi kepentingan golongan pemimpin seperti ini.

Seterusnya, budaya materialistik ditunjukkan juga melalui budaya korupsi pemimpin Melayu Sarawak. Tindakan sesetengah pemimpin Melayu Sarawak dalam kegiatan yang tidak bermoral ini mengakibatkan kemusnahan dalaman kepada sistem politik sesebuah tampuk pemerintahan. Terkesan daripada budaya materialistik yang semakin menyubur ketika itu membawa kepada teguran Abang Yusuf Puteh kepada golongan pemimpin yang sepatutnya menjaga kesejahteraan masyarakat. Keadaan ini lebih dirasai oleh masyarakat di kawasan pedalaman khususnya masyarakat Melayu di kawasan pesisir yang begitu menagih pembangunan demi pembangunan akibat segelintir golongan pemimpin Melayu yang berkiblatkan materialistik. Abang Yusuf Puteh dengan lantangnyanya menyuarakan teguran terhadap tindakan atau kegiatan politik wang yang dilakukan oleh beberapa orang pemimpin politik Melayu di Sarawak ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) yang diadakan

⁵² Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996, hlm. 13.

pada tahun 1987.⁵³ Beliau melahirkan kebimbangan tindakan ini akan memberikan kesan yang mendalam kepada proses demokrasi dan terutamanya memberikan impak terhadap kepercayaan kerohanian sebagai seorang Muslim.⁵⁴ Penyalahgunaan kuasa dan ketidakprihatinan terus berlaku tanpa ada rasa belas dan kasihan kepada nasib rakyat. Abang Yusuf Puteh meluahkan kekecewaannya apabila BN Tiga (Barisan Nasional yang dianggotai oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Sarawak National Party (SNAP) dan Sarawak United People Party (SUPP) diberi mandat sekali lagi untuk mentadbir Sarawak walaupun gagal memenangi 2/3 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak, iaitu *“for it will see another 5 years of misrule and injustice”*.⁵⁵ Hal ini dinyatakan Abang Yusuf Puteh, iaitu :

*... corruption = „pæah amanah“, has become a very huge termite; a monster that seems to roam the jungle quite freely. When the heart, eyes and hands are corrupt, the mind may succumb, and the soul flees.*⁵⁶

Berdasarkan pernyataan di atas, beliau mengekspresikan kebimbangan terhadap budaya kepimpinan Melayu di Sarawak dengan menganalogikan karakter pemimpin-pemimpin tersebut dengan anai-anai. Anai-anai merupakan haiwan perosak dan pemusnah, jika dibiarkan bertapak mampu meranapkan sesebuah perlindungan dan kehidupan. Ibarat api dalam sekam lama-kelamaan mangsa akan mengalami kemusnahan dan kehancuran. Oleh itu, beliau menyelar sikap pemimpin-pemimpin tersebut dengan sindiran yang tajam. Para pemimpin yang berkarakter sedemikian akan mudah rosak akhlakunya, hilang pertimbangan mata hati dan tandus perasaan keinsanan akibat korupsi. Atas kesedaran betapa dahsyatnya

⁵³ Lihat, *Sarawak Tribune*, 11 April 1987, hlm. 2. Laporan akhbar tersebut turut menyentuh tentang berlakunya amalan membeli undi daripada pengundi dengan menawarkan sejumlah \$500 (RM belum digunakan ketika itu) kepada setiap pengundi yang mengundi Barisan Nasional, iaitu *“...and possibly elsewhere in Sarawak as well – are planning to make \$500 offers to all voters who pledge to vote BN”*.

⁵⁴ *Sarawak Tribune*, 10 Mei 1987, hlm. 2. Selain itu, akhbar yang sama turut melaporkan bahawa kegiatan politik wang yang berlaku telah menyebabkan diskriminasi berlaku terhadap pembangunan masyarakat Melayu luar bandar (pesisir) dan kawasan bandar. Sebagai contoh pada tahun 1987 sebanyak \$4 juta untuk pembangunan kecil di kawasan pedalaman di Kabong bagi keperluan penduduk telah diluluskan oleh Datuk Abang Abu Bakar tetapi sebanyak \$2 juta wang untuk beberapa projek pembangunan di kawasan tersebut telah dilaporkan digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik Melayu untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk setempat.

⁵⁵ *Sarawak Tribune*, 10 Mei 1987, hlm. 2.

⁵⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 29.

budaya korupsi ini, maka beliau menegaskan rasuah sebagai kejahatan yang menjadikan pelakunya sebagai hamba dan sekali gus menjatuhkan darjah kerohanian seseorang itu.

Keadaan ini sudah pastinya memberikan impak yang negatif kepada tanggungjawab yang sepatutnya digalas oleh seseorang pemimpin. Pemimpin yang diharapkan menjadi pelindung dan memberikan kekuatan kepada rakyat telah bertindak sebaliknya kerana tuntutan material. Apabila aspek material menjadi raja dalam pemikiran mereka maka dengan sendirinya kerohanian akan berubah menjadi kejahatan. Pembangunan dan kemajuan yang diharapkan rakyat digantikan dengan penderitaan dan kemiskinan kerana pemimpin leka mengumpul kekayaan sendiri tanpa rasa bersalah dan malu. Calon Pilihan Raya Umum Negeri untuk kerusi Repok, Sarikei, iaitu Wong Sing Nang turut menyanjung pandangan Abang Yusuf Puteh berkaitan isu rasuah atau politik wang dalam kalangan pemimpin. Sesungguhnya budaya rasuah ini menjadi penyakit sosial yang merosakkan masyarakat. Selain itu, amalan rasuah juga menunjukkan ketidakperhatian yang dilakukan pemimpin terhadap rakyat. Hal ini sebagaimana ditegaskan beliau, iaitu:

*Money politics is the incubator of social ills and injustices. Those who spent so much money to get elected do not do so out of charity, but in the expectation that they can reap returns worth many more times than this investment.*⁵⁷

Dalam konteks pensejarahan klasik Sarawak, budaya materialistik sama ada budaya kronisme atau korupsi telah berlaku dan diamalkan sehingga mendorong kepada penentangan dan suasana yang tidak tenteram. Impaknya, perkara ini telah membawa kemunduran kepada masyarakat Melayu terutamanya. Sebagai contoh, kerosakan budaya kepimpinan dalam pentadbiran di Sarawak berlaku ketika pemerintahan Pengiran Mohd

⁵⁷ Lihat juga, *Sarawak Tribune*, 30 April 1987, hlm. 2. Calon Pilhanraya Umum Negeri untuk kerusi Repok, Sarikei, iaitu Wong Sing Nang turut menyanjung pandangan Abang Yusuf Puteh berkaitan isu rasuah atau politik wang dalam kalangan pemimpin. Sesungguhnya budaya rasuah ini menjadi penyakit sosial yang merosakkan masyarakat. Selain itu, amalan rasuah juga menunjukkan ketidakadilan yang dilakukan pemimpin terhadap rakyat. Hal ini sebagaimana ditegaskan beliau, iaitu “*Money politics is the incubator of social ills and injustices. Those who spent so much money to get elected do not do so out of charity, but in the expectation that they can reap returns worth many more times than this investment*”.

Salleh Ibnu Pengiran Sharifuddin atau lebih dikenali sebagai Pengiran Mahkota. Baginda dilahirkan di Sambas dan ayahandanya merupakan waris kepada Sultan Abdul Hakkul Mubin. Baginda telah ditugaskan untuk menjadi ketua kerajaan atau gabenor Sarawak bagi mewakili kesultanan Brunei. Ketika penguasaannya di Sarawak, baginda telah bertindak kejam dengan mengerahkan seluruh tenaga rakyat untuk berkerja dan menyerahkan semua hasil kepada baginda tanpa diberikan sebarang upah. Hal ini telah menimbulkan rasa ketidakpuasan hati penduduk dan mereka telah bangun untuk memberontak yang diketuai oleh Pengiran Usop, iaitu seorang keluarga Diraja Brunei.⁵⁸ Ketiadaan hasil akibat telah diarah untuk diserahkan keseluruhannya kepada Pengiran Indera Mahkota menambahkan lagi penderitaan masyarakat Melayu. Hal ini menyebabkan kemunduran terus menjadi sebahagian kehidupan dan membawa kepada penentangan berterusan terhadap Pengiran Indera Mahkota yang berakhir dengan kejatuhannya.

Berdasarkan penilaian Abang Yusuf Puteh, seseorang pemimpin perlu memainkan peranan mereka dengan memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun, tindakan pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak dilihat oleh beliau sebagai satu tindakan yang menguntungkan diri sendiri dan kaum kerabat semata-mata. Situasi ini secara jelas mengabaikan kebajikan rakyat terutamanya masyarakat Melayu pesisir yang begitu menghormati pemimpin-pemimpin yang telah dipertanggungjawabkan. Hal ini sebagaimana yang dilontarkan oleh beliau dalam penulisannya iaitu, "*Leadership should mean responsibilities and obligations to serve the „Rakyat“ and not a licence to benefit personally...*"⁵⁹

Ternyata, Abang Yusuf Puteh tidak sebulu dan tidak menghalalkan budaya materialistik yang menjadi amalan dalam kalangan pemimpin Melayu pada masa itu. Budaya

⁵⁸ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 26.

⁵⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 29.

materialistik pemimpin-pemimpin ini membuktikan bahawa budaya kronisme dan korupsi bukan hanya merosakkan negara malah lebih teruk lagi telah meremehkan keyakinan rakyat yang telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada golongan pemimpin. Akibatnya, rakyat menjadi mangsa kerakusan dan ketamakan pemimpin. Pembuktian ini jelas membenarkan tindakan Abang Yusuf Puteh dalam menegur pemimpin-pemimpin yang mendahului kepentingan peribadi demi hak yang sepatutnya menjadi milik rakyat. Pemimpin sepatutnya menjadi tunjang dan tonggak utama yang membela nasib rakyat agar dapat mengecapi kemajuan seiring dengan arus perkembangan zaman. Budaya materialistik ini turut mencerminkan keruntuhan moral dalam kalangan pemimpin kerana sikap mereka persis memberikan penghormatan yang tinggi kepada kebendaan sehingga mengeneppikan amanah. Oleh itu, budaya kronisme dan korupsi ini perlu ditransformasi agar dapat mewujudkan pemimpin yang berjiwa rakyat demi kepentingan masyarakat Melayu khasnya.

Kepimpinan yang Pincang

Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, seseorang pemimpin yang berkesan mestilah yang mempunyai kepimpinan yang jujur, amanah dan mendahulukan rakyat. Inilah sebenarnya ciri kepimpinan orang Melayu. Kepimpinan yang mungkir janji dan iri hati bukanlah merupakan budaya orang Melayu. Menurut Hassan Ahmad, budaya sifat malas, emosional, hasad dengki dan iri hati merupakan konsep budaya yang dicipta oleh orang luar yang tidak mendalami minda orang Melayu.⁶⁰ Hal ini ternyata berbeza dengan sifat yang tepat bagi orang Melayu, iaitu rajin, kuat bekerja, rasional, jujur, tidak dengki dan suka dengan kejayaan orang lain. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan pada hari ini orang Melayu seolah-olah telah melupakan nilai-nilai ini apabila digantikan dengan nilai persaingan yang

⁶⁰ Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*, Shah Alam, Selangor: Alaf 21 Sendirian Berhad, 2006, hlm. 158.

difikirkan mampu untuk melahirkan masyarakat yang cekap, tetapi hilang nilai kerjasama dan tolak ansur.⁶¹ Budaya sebegini akhirnya membawa kepada kepimpinan yang pincang menerusi amalan mungkir janji, perasaan iri hati dan hasad dengki. Kepincangan kepimpinan dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak khususnya yang memungkiri janji kepada masyarakat terbukti melalui pernyataan berikut, iaitu:

*The „rakyat“ have been promised all kinds of things, heavens and earth. What do the people in the villages like Perpat and Empelam get? A little hell!. The rural folks have been promised possibilities after possibilities i.e. „Kemungkinan“; and „rancangan“ after „rancangan“ have been promised but they have flown away in thin air with the landas or forgotten once the election has been won. They are still in poverty = „kemiskinan“, much as their forefathers were in, and the benefits of independence in the last long thirty two years of „merdeka“ for them remain largely „kosong“ = zero!.*⁶²

Situasi ini sering kali dilakukan oleh kepimpinan Melayu yang memberikan janji kosong kepada masyarakat Melayu dengan tidak menunaikan janji-janji yang telah mereka taburkan. Sebagai contoh, ketika pilihan raya pemimpin-pemimpin Melayu akan menjanjikan syurga dan dunia kepada masyarakat Melayu sekiranya dipilih sebagai pemimpin. Syurga dan dunia yang dimaksudkan Abang Yusuf Puteh merujuk kepada pembangunan yang dijanjikan oleh pemimpin kepada penyokong ketika kempen pilihan raya. Hal ini bertujuan untuk menarik perhatian rakyat agar memilih mereka sebagai pemimpin sedangkan janji-janji tersebut hanya untuk mengaburi mata rakyat. Abang Yusuf Puteh menganalogikan keperitan dan penderitaan yang dihadiahkan oleh golongan pemimpin yang mungkir janji dengan „neraka“ yang sudah pasti membayangkan kesengsaraan dan penderitaan hidup yang maha kronik. Keadaan ini akan terus berulang dari pilihan raya ke pilihan raya dan masyarakat Melayu terus ketinggalan jauh di belakang kerana pengabaian yang dilakukan oleh kepimpinan Melayu ini. Abang Yusuf Puteh turut

⁶¹ Ibid., hlm. 161-162.

⁶² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 265-266.

menyuarakan kebimbangan apabila pemikiran masyarakat Melayu telah mula dirosakkan dengan kebendaan akibat dijanjikan dengan pelbagai kemungkinan dan rancangan. Masyarakat Melayu sering tertipu dengan janji pucuk kepimpinan Melayu sendiri, sehinggakan beliau turut menegaskan tidak ada pemimpin Melayu yang boleh membawa kepada kepimpinan yang sebenar.⁶³ Kepimpinan yang memungkiri janji ini, akhirnya terus meletakkan kemiskinan sebagai peneman kepada orang Melayu.

Abang Yusuf Puteh pernah menyuarakan isu yang berkaitan bertitik tolak daripada ketidakpuasan hati beliau terhadap pengabaian golongan pemimpin terhadap masyarakat Melayu pesisir pada tahun 1987. Beliau mengkritik pentadbiran Barisan Nasional (BN) yang mengabai dan tidak mengendahkan pembangunan di Daerah Kalaka pada masa itu. Keadaan ini berbeza sebelum berlangsungnya pilihan raya apabila wakil rakyat yang bertanding berusaha untuk menarik undi dengan menaburkan pelbagai janji sekiranya beroleh kemenangan.⁶⁴ Oleh itu, penilaian beliau berdasarkan tahun 1970 sehingga 2009 jelas membuktikan kepincangan dalam kalangan pemimpin Melayu masih berterusan ekoran kegagalan pemimpin-pemimpin untuk menunaikan janji yang telah ditaburkan setelah memenangi pilihan raya. Situasi ini turut membuktikan kewujudan kepimpinan yang pincang dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah terhadap rakyat yang sepatutnya dilindungi. Impaknya, pengamalan sikap mungkir janji dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak telah membantutkan pembangunan dan kemajuan di kawasan masyarakat Melayu pesisir sehingga jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Selain itu, beliau turut menggambarkan tentang pemimpin yang bersikap oportunistik yang rata-ratanya menyelubungi pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak sehingga menghalang pembangunan masyarakat. Perkara ini turut berpunca daripada sikap

⁶³ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, , hlm. 29-30, dan *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 265-266.

⁶⁴ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20th June 1987, hlm. 1.

mementingkan diri yang menebal dalam diri mereka. Abang Yusuf Puteh menggambarkan pemimpin oportunist ini sebagai pembawa malapetaka kerana membawa kemusnahan dan perpecahan dalam masyarakat. Teguran ini sebagaimana dilontarkan beliau, iaitu:

*Opportunist. This group is the big tragedy is the action of the opportunists brings destruction an disunity. They would prostitute themselves to the leaders, making false report and others and resorting „mencucuk-cucuk“, a game in which Malays are expert. Objective honours and opportunities.*⁶⁵

Gambaran Abang Yusuf Puteh terhadap pemimpin oportunist ini membuktikan bahawa sikap kepimpinan sebegini akan mengakibatkan kerosakan yang dahsyat kepada masyarakat. Budaya kepimpinan pemimpin oportunist dalam kalangan pemimpin Melayu Sarawak ini dikecam Abang Yusuf Puteh sebagai „melacurkan diri“ demi nama, pangkat dan darjat tanpa mempedulikan maruah diri sendiri. Selain itu, pemimpin oportunist ini juga sanggup melakukan penipuan, pembohongan dan mengampu ketua masing-masing untuk menjatuhkan orang lain. Sebagai imbalan daripada tindakan tersebut, mereka dapat menjaga hubungan yang baik dengan pemimpin yang lebih tinggi. Kedudukan dan status menjadi keutamaan berbanding melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Pembudayaan kepimpinan oportunist ini jelas menggambarkan kepincangan yang ketara bagi segelintir pemimpin Melayu Sarawak. Akibatnya, masyarakat Melayu pesisir Sarawak terus terabai daripada pembangunan yang menjadi impian mereka sejak dari dulu lagi.

Seterusnya dalam aspek kepimpinan Melayu yang penuh dendam dan dengki turut dibincangkan oleh beliau. Abang Yusuf Puteh berpandangan pemimpin yang memiliki sifat

⁶⁵ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, hlm. 30.

sebegini merupakan golongan pemimpin yang takut akan bayangannya sendiri dan bukan seorang pemimpin yang baik.⁶⁶ Hal ini sepertimana yang disuarakan oleh beliau:

*Vindictiveness (dendam) and malice (dengki) are shadows of person's guilt and fear. A guilty person, fearful of his own shadows, cannot be a good leader. Vindictive leadership is evil; a dishonest leader is a traitor unto God and to himself.*⁶⁷

Berdasarkan kepada pernyataan tersebut menjelaskan tentang pemimpin yang bersifat sedemikian merupakan pemimpin yang sering melakukan kesalahan dalam tadbir urus dan pecah amanah. Inilah yang dikatakan sebagai takut dengan bayangannya sendiri. Seorang pemimpin yang berkaliber sudah semestinya seorang yang baik budi pekerti dan menyayangi orang yang berada di bawah pimpinannya. Hal ini sebagaimana yang diterapkan oleh baginda rasul dan khulafa ar-Rasyidin ketika pentabdiran mereka sehingga memuncakkan dunia Islam ketika itu. Kepimpinan seperti inilah yang dikehendaki oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu pemimpin Melayu yang berupaya untuk membawa kemajuan kepada masyarakat Melayu Sarawak dari aspek kemajuan dunia dan akhirat.⁶⁸

Pemimpin yang mempunyai sifat dendam dan dengki akan merosakkan moral masyarakatnya tetapi sebaliknya pemimpin yang mempunyai keperibadian yang baik, penyayang dan pengasih pasti akan membawa sinar kesejahteraan dan kebahagiaan kepada masyarakat. Hal ini selari dengan kepimpinan Melayu sebagaimana yang ditegaskan oleh Tenas Effendy, iaitu “seseorang pemimpin wajib mempunyai keperibadian yang terpuji, memenuhi syarat yang sudah ditetapkan sebagai acuan dasar, sesuai menurut ketentuan

⁶⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 75.

⁶⁷ Ibid., hlm. 75.

⁶⁸ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden, beliau menyatakan bahawa Abang Yusuf Puteh merupakan seorang yang tegas dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Beliau menekankan akhlak Islamiah dalam kalangan pekerja awam Negeri Sarawak ketika beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Atas dasar keperihatinan beliau dalam isu-isu akhlak pekerja Islam telah membawa kepada pengasasan Surau Setia oleh beliau pada tahun 30 Januari 1975 di setiap jabatan kerajaan dan bahagian di Sarawak.

yang berlaku, baik formal atau tidak. Keperibadian akan menentukan jenis pemimpin, dan amat menentukan pula dalam kepimpinannya”.⁶⁹

Kepimpinan yang pincang turut merangkumi pemimpin yang tidak adil dan bersifat pilih kasih. Bagi Abang Yusuf Puteh, pemimpin yang tidak adil dan bersifat pilih kasih adalah sebagaimana yang dilakukan oleh pihak British terhadap beliau ketika menjadi pegawai semasa penjajahan British di Sarawak. Walaupun beliau merujuk kepada ketidakprihatinan yang dilakukan oleh pemimpin British namun ianya dikaitkan dengan corak kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak lebih-lebih lagi selepas berakhirnya pilihan raya umum negeri pada tahun 1987. Teguran beliau terhadap corak kepimpinan sebegini sebagaimana pernyataan beliau, iaitu:

*With our qualifications a British officer would be entitled to the luxury of a large bungalow. A British recruit with lower qualifications than mine would enter the Civil Service as a District Officer with four times the salary. (My salary was only \$585). Such was the colonial injustice.*⁷⁰

Berdasarkan pernyataan di atas menunjukkan bahawa seseorang pemimpin itu hendaklah berlaku adil, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya dan bukannya memandang kepada warna kulit, keturunan atau melibatkan parti politik. Perbezaan fahaman politik dalam kalangan rakyat tidak sepatutnya menghalalkan tindakan tidak adil yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menghukum mereka. Dorongan kepada teguran beliau seiring tindakan yang diambil pihak kerajaan negeri sejurus berakhirnya pilihan raya umum negeri Sarawak yang berlangsung pada 14 sehingga 15 April 1987. Pihak kerajaan negeri telah mengambil tindakan terhadap penyokong-penyokong pihak pembangkang dalam pilihan raya dengan menukarkan mereka atau tindakan yang lebih drastik dengan

⁶⁹ Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 172.

⁷⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 76.

menamatkan perkhidmatan mereka. Tindakan tidak adil yang diambil pihak kerajaan telah dikecam oleh Abang Yusuf Puteh, sebagaimana yang dilaporkan, iaitu:

These civil servants were openly campaigning on behalf of the „Barisan Tiga“ during the recent state elections, and were used to man PBB operations rooms throughout the state. Nothing is being done to deal with them for this open breach of civil service regulations and neutrality. Therefore those calling on civil servants suspected of supporting the Maju Group should not constantly expose their own hypocrisy by calling on them to resign from the civil service.⁷¹

Teguran tajam Abang Yusuf Puteh ada asasnya sehingga beliau begitu lantang menyuarakan pandangannya berkaitan sifat tidak adil yang diamalkan dalam kepimpinan pemimpin terutamanya pemimpin Melayu. Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin rakyat tidak seharusnya menjadi mangsa kepada pertikaian ideologi politik antara golongan pemimpin. Atas dasar kepentingan kepada rakyat, beliau membuat seruan kepada pemimpin-pemimpin politik menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada rakyat. Perbincangan hendaklah menjurus demi kepentingan rakyat dan pembangunan sesebuah negara. Hal ini sebagaimana dilihat melalui pernyataannya, iaitu *“In politics, let us be political foes, but let us not become personal enemies”*.⁷²

Golongan pemimpin sepatutnya menjadi contoh yang baik kepada rakyat marhaen dalam segala tindakan dan perlakuan mereka. Pemimpin memainkan peranan penting agar negara mampu menangkis anasir-anasir luar yang mampu merosakkan pemikiran rakyat. Pemimpin yang pincang bukan sahaja merosakkan sistem pentadbiran malah menghancurkan masa depan negara, rakyat dan warisan yang ada. Banyak contoh negara yang berjaya di dunia ini disebabkan tanggungjawab pemimpin bukan untuk melunaskan dendam selepas pilihan raya atau pemilihan tetapi berusaha untuk melakukan tadbir urus dengan lebih berkesan demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

⁷¹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 12 Jun 1987, hlm. 1.

⁷² Rujuk, *Sunday Tribune*, 12 Julai 1987, hlm. 2.

Tuntasnya, terpancar daripada kepimpinan yang pincang menerusi amalan yang memungkir janji, oportunist dan dendam serta dengki ini bukan sahaja memberikan gambaran kelemahan para pemimpin tetapi impak yang lebih besar kepada rakyat atau masyarakat Melayu Sarawak khususnya. Masyarakat Melayu bukan sahaja mengalami kekecewaan apabila dimitoskan dengan janji kosong malahan kehilangan tempat untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka. Di samping itu, keadaan ini akan lebih menyukarkan mereka untuk memohon bantuan atau pertolongan akibat amalan mungkir janji yang berterusan dalam kalangan pemimpin Melayu. Selain itu, masyarakat Melayu Sarawak tidak akan mampu untuk terus maju ke hadapan kerana budaya pemimpin yang bersikap oportunist menjadi amalan dalam kalangan kepimpinan Melayu Sarawak. Akibatnya, kehidupan masyarakat Melayu pesisir terus berada dalam kepompong kemiskinan dan kemunduran lantaran pemimpin ini tidak mengubah sikap negatif mereka.

Kepimpinan yang Statik

Pengamalan kepimpinan yang statik menunjukkan corak kepimpinan seseorang pemimpin yang lemah. Sejarah telah membuktikan kelemahan pucuk kepimpinan dalam sesebuah negara boleh menyebabkan kejatuhan sesebuah kerajaan. Kepimpinan yang statik ialah pemimpin yang tidak bersedia untuk mentadbir atau memerintah. Perkara ini termasuklah sikap pemimpin yang melaksanakan tugas-tugasnya secara sambil lewa sehingga berlaku pengabaian kepada rakyat dan tidak mengetahui keperluan-keperluan yang mesti dipenuhi untuk rakyat. Abang Yusuf Puteh secara jujurnya telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan pemimpin-pemimpin Melayu di Sarawak ketika itu. Hal ini demikian kerana pada tahun 1991, kepimpinan Melayu di Semenanjung telah memperkenalkan slogan politik yang baru untuk menunjukkan imej Melayu yang digelar

sebagai Melayu Baharu. Pada pandangan beliau, imej tersebut sebenarnya merupakan sesuatu yang sangat berharga, seiring dan bersesuaian dengan pelancaran Wawasan 2020 untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau :

In 1991 the Malay Federal leaders introduced a new political slogan for a new image of the Malays: „Melayu Baru“ = New Malays. this is a most noble Declaration for the community, like its twin dream of Vision 2020 for the nation.⁷³

In a conceptual form „Melayu Baru“ means a race which has a culture that is in step with the changing times, equipped and ready to face challenges, able to compete without aid or assistance, educated and knowledgeable, sophisticated, sincere, disciplined, trustworthy and efficient. That indeed a mouthful, but all those elements must be accepted as the prerequisites for change, which in this case effectively means a radical transformation.⁷⁴

Seruan kepada perubahan untuk orang Melayu, iaitu daripada Melayu lama kepada Melayu baharu memberikan semangat kepada Abang Yusuf Puteh agar masyarakat Melayu Sarawak turut serta dalam perubahan tersebut. Tujuannya supaya masyarakat Melayu mencapai kemajuan dan meninggalkan segala kemunduran yang telah mereka warisi sejak zaman berzaman terutamanya ketika berada di bawah penakluk dan penjajah seperti rejim Brooke, Jepun dan koloni British. Kedudukan ekonomi masyarakat Melayu ketika rejim Brooke (1841-1941) dan koloni British (1946-1963) yang sangat menyedihkan jika dibandingkan dengan kekuatan ekonomi masyarakat Cina dan Eropah. Walaupun benar kedudukan politik orang Melayu amat dikagumi ketika itu tetapi tidak semua orang Melayu mempunyai kesempatan dan menikmati keistimewaan yang sedemikian.⁷⁵

⁷³ Lihat Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 52.

⁷⁴ Lihat Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 276.

⁷⁵ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 113-114.

Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh mengharapkan kepimpinan Melayu yang sedia ada pada masa itu agar bertindak dengan cepat dan tidak berdiam diri untuk mempersetujui seruan kepada Melayu baharu. Apa yang berlaku adalah di sebaliknya, kepimpinan yang statik dalam kalangan pemimpin Melayu mengakibatkan mereka tidak memandang serius dan malah tidak mempunyai sebarang keputusan sama ada menerima atau menolak slogan tersebut (Melayu baharu). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau dalam *The Malay Mind*:

*I have wondered at this poser: why is that the State Government has been silent on „Melayu Baru‘?. Does silence mean acceptance or rejection?. Can or should the answer go either way?. If it is affirmative, the vital question must be this: why is there ni olan to implement?.*⁷⁶

Tindakan dengan berdiam diri tanpa memberikan sebarang keputusan ini menjelaskan budaya kepimpinan pemimpin yang bersifat statik dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Sudah seharusnya pemimpin-pemimpin yang ada hendaklah bersifat dinamik dan bertindak untuk kemajuan dan kemakmuran masyarakat. Sungguhpun pemimpin-pemimpin ini mengetahui keperluan bagi mereka menjelaskan keadaan sebenar sama ada menerima ataupun menolak, namun tindakan berdiam diri ternyata tindakan kurang bijak yang mereka lakukan. Hal ini dengan jelas menunjukkan tidak ada tindakan lanjut daripada pemimpin untuk meningkatkan usaha bagi menghapuskan kemunduran dan digantikan dengan kemajuan. Keadaan ini telah menambahkan lagi penderitaan masyarakat Melayu khasnya apabila semakin jauh untuk berada dalam kelompok masyarakat yang maju dan makmur.

Teguran terhadap kepimpinan yang statik dan sambil lewa dalam melaksanakan tugas mereka kepada rakyat ada asasnya. Beliau menyaksikan sendiri kemunduran dan kepayahan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak sejak memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan negeri terutamanya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri sehingga

⁷⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 54.

telah banyak memberikan jawapan berkenaan suasana tersebut. Kemunduran masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek direkodkan dalam catatan desa pejabatnya. Pelbagai aktiviti dilakukan demi untuk mencari jalan penyelesaian. Namun pergerakannya terhadap memandangkan tugas pemimpin setempat terpaksa diambil alih untuk membantu kampung-kampung Melayu hampir di seluruh Sarawak. Kepimpinan pemimpin Melayu yang tidak aktif dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat yang dipimpinnya yang kebanyakan mereka terdiri daripada orang Melayu sudah pasti hanya akan merugikan orang Melayu dan generasi Melayu itu sendiri. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Syed Hussien al-Attas dalam penulisannya, iaitu “pemimpin Melayu yang diam dan tidak berbuat apa-apa, akhirnya orang Melayu juga yang rugi”.⁷⁷

Seterusnya, pemimpin yang diistilahkan beliau sebagai *Pak Ikut* atau juga diistilahkan sebagai Pak Turut turut ditegur dan mendapat perhatian sewajarnya daripada Abang Yusuf Puteh. Pemimpin yang dilabelkan sebagai *Pak Ikut* ini turut menggambarkan kepincangan dalam kepimpinan Melayu Sarawak dan teguran beliau dipaparkan dalam pernyataan berikut, iaitu: ““*Pak Ikut*”. *The other term for this is „pak turut”. These are follow-the-leader groups who are mostly aimless, apart from the ambition to make money. They obey the orders of the leader minimum questions*”.⁷⁸

Pemimpin *Pak Ikut* atau Pak Turut merupakan golongan pemimpin yang tidak mempunyai cita-cita dalam usaha untuk membantu masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Golongan pemimpin seperti ini hanya bertujuan untuk memenuhi cita-cita sendiri agar dapat mengumpulkan kekayaan semata-mata. Abang Yusuf Puteh menegaskan bahawa golongan pemimpin seperti ini tidak mempunyai arah tujuan yang jelas tetapi mengikut segala arahan pemimpin-pemimpin atasan tanpa banyak bicara. Impaknya, pemimpin *Pak*

⁷⁷ Lihat, Syed Hussien al-Attas, *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*, Kuala Lumpur: Al-Nujum Enterprise, 1983, hlm. 245.

⁷⁸ Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, hlm. 30.

Ikut ini tidak memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat yang sepatutnya menjadi keutamaan mereka. Budaya kepimpinan *Pak Ikut* ini mencitrakan kepincangan corak kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak yang mengutamakan jawatan demi kelangsungan hidup dan kepentingan diri sendiri. Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh tidak pernah takut untuk melontarkan teguran terhadap pihak-pihak tertentu demi kemakmuran rakyat. Hal ini dibuktikan beliau dengan menegur Syed Rosley bin Abu Bakar, iaitu Setiausaha Kerajaan Persekutuan di Sarawak berkaitan tindakan yang tidak adil diberikan kepada penjawat awam di Sarawak.⁷⁹

Kepimpinan yang statik dalam kalangan pemimpin turut diperlihatkan dalam hal yang berkaitan kebajikan. Hal ini dapat ditelusuri berdasarkan Fail Rekod Setiausaha Kerajaan Negeri (1970-1985), iaitu semasa Abang Yusuf Puteh memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri pada tempoh yang sama. Atas dasar keprihatinan beliau dengan nasib rakyat, beliau memantau dengan cara mengarahkan kakitangannya membuat pemantauan selain beliau sendiri membuat lawatan secara langsung. Berdasarkan catatan dan rekod Setiausaha Kerajaan Negeri didapati pemimpin yang sepatutnya bertanggungjawab tidak menjalankan tugas dengan sewajarnya. Dalam hal ini, pemimpin yang dipilih oleh rakyat seharusnya berusaha untuk mendekati rakyat dan cuba untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang membelenggu rakyat. Misalnya, berdasarkan catatan daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menunjukkan permohonan bantuan orang kelainan upaya (OKU), iaitu Puan Sihat bt Yusuf yang hilang penglihatan dari Kampung Sebandi Matang diuruskan dengan lancar.⁸⁰ Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod tidak ada bukti atau sebarang catatan yang menunjukkan pemimpin yang dipilih ketika pilihan raya

⁷⁹ Abang Yusuf Puteh telah bertindak dengan mengkritik Setiausaha Kerajaan Persekutuan dan tetap berdiri teguh dengan pendiriannya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau, iaitu *"I stand by what I said. I am morally strengthened by the messages of congratulations and endorsement from all quarters and the statement from the Unions and the letters in the press"*. Ini jelas membuktikan ketegasan Abang Yusuf Puteh dalam melakukan sesuatu tindakan. Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 September 1980, hlm. 1.

⁸⁰ Rujuk, Catatan Lawatan, Bil. (33) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 16.11.1973.

turut bertindak sama ada menjenguk atau melakukan lawatan susulan untuk meninjau keadaan beliau. Kesannya, kehidupan masyarakat Melayu terus berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta tidak terbela dan kurang mendapat perhatian daripada kepimpinan Melayu yang berada di kawasan masing-masing. Situasi ini menjelaskan kelemahan pemimpin dengan penampilan budaya kepimpinan yang statik kerana tidak bertindak secara progresif dalam menangani masalah kebajikan masyarakat.

Sebanyak 2085 fail yang direkodkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di kawasan-kawasan kampung berkaitan dengan situasi kemiskinan dan kemunduran yang jauh dari pembangunan. Hanya sebanyak 135 fail sahaja berkenaan dengan laporan permasalahan penduduk di kampung-kampung Melayu.⁸¹ Angka 135 ini bukan bermakna masyarakat Melayu di kampung-kampung Melayu tidak berada di paras kemiskinan dan mundur tetapi disebabkan oleh sikap kepimpinan pemimpin Melayu yang statik. Pemimpin tidak mempunyai inisiatif untuk meninjau dan tidak memiliki kepekaan dalam usaha untuk mengambil berat keadaan penduduk. Pemimpin Melayu hanya lantang bersuara ketika pilihan raya dan menaburkan janji-janji kosong demi memperoleh undi kemenangan.⁸²

Antara gambaran kesusahan masyarakat Melayu ialah kemiskinan hidup yang berlaku kepada Puan Rabiah bt Bujang yang menghadapi kesusahan kerana suami yang sakit batuk kering. Puan Rabiah mempunyai tujuh orang anak termasuk tiga orang yang telah bersekolah. Keadaan ini sudah tentu mengakibatkan penderitaan dan keperitan hidup beliau

⁸¹ Rujuk, *Fail Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sarawak: 1970-1985*.

⁸² Lihat Awang Hasmadi, *Masyarakat Melayu Sarawak: Satu Penilaian*, dlm Seminar Budaya Melayu Sarawak Ke-3, Kuching, Sarawak, 1999, hlm. 1-12. Beliau menegaskan hasil daripada pertemuan penduduk kampung Melayu di Maludam, mendapati pemimpin iaitu wakil rakyat di kawasan tersebut sangat jarang melakukan perjumpaan bersama penduduk kampung tetapi hanya akan menunjukkan muka apabila tiba musim pilihan raya. Hal ini sudah tentu akan melambatkan lagi pembangunan dalam pelbagai aspek di kawasan-kawasan tersebut. Tindakan pemimpin yang mengabaikan penduduk-penduduk kampung telah membina satu kelompok masyarakat miskin yang jauh daripada arus pemodenan.

sekeluarga. Ekoran daripada budaya kepimpinan statik yang diamalkan para pamimpin Melayu telah menyebabkan kebajikan keluarga ini terabai.⁸³

Sebenarnya, situasi ini turut berlaku secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan yang lain cuma tidak direkodkan atau diambil perhatian oleh kepimpinan di kawasan-kawasan tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa, kepimpinan Melayu yang statik ternyata akan menambahkan penderitaan masyarakat Melayu dan kebajikan mereka berterusan terabai, terutamanya di kawasan luar bandar. Pemimpin yang statik, iaitu pemimpin yang tidak berinisiatif dalam usaha membawa kemajuan kepada rakyat akan membiarkan rakyatnya sendirian dengan tidak mengambil tindakan susulan. Sebagai contoh berdasarkan penelitian terhadap penyata rasmi persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak sejak 1970 sehingga 1986 didapati wakil rakyat yang dipilih di kawasan DUN Kalaka kurang berperanan dalam memajukan masyarakat Melayu di kawasan tersebut. Kendatipun ada usaha yang cuba dilakukan oleh golongan pemimpin ini untuk pembangunan di kawasan masing-masing tetapi ianya hanya berada diperingkat cadangan semasa persidangan sahaja. Sebagai contoh Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Kalaka, iaitu Wan Yusof bin Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang pernah mengutarakan cadangan supaya kerajaan negeri menilai kemungkinan yang boleh dilakukan untuk menjadikan hasilan pokok nipah sebagai sumber ekonomi masyarakat Melayu di Daerah Kalaka memandangkan banyak pokok-pokok nipah di kawasan tersebut. Namun tiada tindak balas yang diperolehi ketika persidangan tersebut dan juga pada persidangan yang seterusnya.⁸⁴ Malah Abang Yusuf Puteh menyifatkan wakil-wakil rakyat yang pernah berkhidmat di DUN Kalaka sejak Pilihan Raya Umum yang pertama pada tahun 1970

⁸³ Rujuk, *Fail Rekod Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970-1985*. Perkara ini direkodkan sebagaimana dalam surat dengan rujukan Bil: (16) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 22 November 1975. Seterusnya, bantuan susulan diberikan, berdasarkan daripada catatan Lawatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2 bertarikh 29 November 1975.

⁸⁴ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama, 07 Disember 1971, hlm. 65, lihat juga, Council Negri Debates Official Report First Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri, 09th December 1975.

selepas sahaja peristiwa berdarah 13 Mei 1969 sehingga ke Pilihan Raya Umum pada tahun 1983 telah gagal untuk memberikan sebarang pembangunan di daerah tersebut. Malah mereka terlalu jarang untuk melawat kawasan yang diwakili setelah menang dalam pilihan raya. Mereka hanya akan muncul apabila tibanya musim pilihan raya seterusnya.⁸⁵

Walau bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa cadangan pembangunan di kawasan Melayu pesisir terutamanya di daerah Kalaka hanya mendapat tempat di dalam perdebatan DUN Sarawak selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum Negeri 1987. Berdasarkan penelitian yang dilakukan didapati kekalahan calon parti kerajaan telah menyedarkan pihak-pihak tertentu supaya tidak melakukan pengabaian terhadap pembangunan dalam sesebuah masyarakat. Kemenangan Abang Yusuf Puteh yang merupakan calon dari parti pembangkang memberikan sinar baharu kepada masyarakat di kawasan pesisir terutamanya daerah Kalaka. Pada persidangan pertama bagi penggal yang pertama DUN yang ke-12 pada 11 Julai 1987 telah kedengaran cadangan untuk pembinaan klinik baharu di Daerah Kalaka.⁸⁶

Seterusnya, pada 19 Julai 1987 pula cadangan bekalan elektrik ke kawasan Kalaka mula disuarakan.⁸⁷ Kemudian pada 23 November 1987, Datuk Alfred Jabu ak Numpang (Mantan Menteri Pertanian dan Pembangunan merangkap Timbalan Ketua Menteri) mengumumkan pembangunan projek pertanian di daerah Kalaka akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Beliau mengumumkan bahawa kajian akan dilakukan untuk melihat kesesuaian tanah di kawasan tersebut. Selain itu, peruntukan *Integrated Agriculture Development Project* (IADP) di Kalaka disediakan untuk menguatkan lagi khidmat sokongan pertanian di daerah tersebut. Peruntukan termasuklah untuk pembinaan bangunan, pengangkutan, peralatan dan

⁸⁵ Wakil-wakil rakyat yang pernah berkhidmat di DUN Kalaka sebelum Abang Yusuf Puteh ialah Wan Alwi Ibrahim (1970), Ahmad Zaidi Adruce (1975) dan Wan Yusuf Tuanku Bujang (1979). Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, 1996, hlm. 18-19.

⁸⁶ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 11 Julai 1987, hlm. 14-15.

⁸⁷ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 19 Julai 1987, hlm. 16.

pengambilan kakitangan di stesen-stesen di Spaoh, Pusa, Betong, Debak, Saratok, Roban dan Kabong.⁸⁸ Hal ini bermakna pemimpin-pemimpin sebelum ini kurang berusaha dan tegas dalam menyuarakan keperluan rakyat di kawasan tersebut. Abang Yusuf Puteh yang lantang dan tegas melontarkan teguran menimbulkan kebimbangan terhadap pimpinan negeri. Begitu juga sikap Abang Yusuf Puteh yang dapat merasai denyut nadi masyarakat mengakibatkan kepimpinan yang ada berusaha untuk menyediakan pelbagai pembangunan di kawasan tersebut. Ringkasnya, teguran dan penilaian Abang Yusuf Puteh terhadap kepemimpinan pemimpin yang statik ini perlu diberi perhatian sewajarnya agar rakyat mendapat pembelaan dan hak mereka. Pemimpin yang diberikan kepercayaan oleh rakyat sewajarnya bertindak dan bergerak dengan aktif dan progresif dalam usaha membela nasib rakyat yang memerlukan khidmat para pemimpin.

Kepimpinan Tidak Bermoral

Menurut Tenas Effendy, pemimpin Melayu yang membawa kesejahteraan kepada rakyatnya dicerminkan melalui perilaku mereka. Pemimpin yang mempunyai perilaku dan moral yang tinggi akan memikul tanggungjawab yang digalas di bahu mereka dengan penuh kejayaan. Pemimpin yang bermoral mempunyai budi pekerti yang terpuji, dekat dengan rakyat dan memahami nasib yang menimpa rakyatnya. Ini ditegaskan lagi dengan ungkapan Melayu, iaitu “raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah”. Perilaku pemimpin yang adil, jujur, setia, taat, berbudi luhur, lemah lembut dan bijak sudah tentu akan dihormati, disanjung, dipuji dan ditaati oleh rakyat atau sesebuah masyarakat. Manakala perilaku kepimpinan yang tidak mempunyai moral dalam kepimpinan akan

⁸⁸ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 23 November 1987, hlm. 174-175.

dibenci dan ditentang oleh rakyat.⁸⁹ Hal ini menunjukkan pemimpin yang bermoral sentiasa mendapat sanjungan dari kelompok masyarakat yang dipimpin.

Umum mengetahui bahawa pemimpin mempunyai tanggungjawab yang besar dalam usaha untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka sama ada melalui pemilihan ketika pilihan raya mahupun melalui perlington dalam jabatan-jabatan tertentu. Tanggungjawab kepada rakyat tidak seharusnya dipandang ringan oleh golongan pemimpin yang telah diberi kepercayaan untuk mentadbir dan mengurus institusi atau negara. Mereka seharusnya berterima kasih kepada kepercayaan dan kesetiaan yang diperoleh dengan rasa syukur dan berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat sebagai pelanggan kepada keberadaan mereka di tampuk pentadbiran.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan muncul juga segelintir golongan pemimpin yang bertindak di luar batas yang telah dihadkan sehingga membawa banyak bencana kepada rakyat dan negara. Menurut Hassan Ahmad, perubahan sistem kepimpinan Melayu dari sistem lama yang dikatakan bercorak „feudal“ kepada sistem baharu yang disebut sebagai „sistem kepimpinan politik“ telah membawa satu dimensi baharu yang lebih mementingkan persaingan.⁹⁰ Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin yang bersifat individualistik dan pentingkan diri akan sanggup untuk melakukan apa jua tindakan demi kelangsungan kuasa yang dimiliki. Atas dasar itu, Abang Yusuf Puteh percaya wujudnya beberapa halangan bagi pemimpin Melayu Sarawak yang dihibab dengan karakter negatif mesti dibuka agar kepimpinan yang berkesan akan dapat dibentuk. Atas kesedaran ini telah membawa kepada Abang Yusuf Puteh mengheret perkara ini dalam penulisannya yang dengan nyata menyentuh tentang kelemahan pucuk kepimpinan Melayu di Sarawak.

⁸⁹ Rujuk, Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 158.

⁹⁰ Hassan Ahmad, *Ke Arah Melayu Global*, hlm. 46.

Menurut Abang Yusuf Puteh, terdapat sikap kepemimpinan pemimpin yang tidak bermoral, iaitu „pala“ angin“, „batu api“, „terhegeh-hegeh“ dan „gila bayang“.

Kepimpinan pemimpin yang berperilaku „pala“ angin“ ini sebagaimana yang dinyatakan beliau, iaitu:

*Head of the winds. It means a person who talks big, talks a lot, and generally talks nonsense, and empty boaster. But to succeed in contemporary politics, political aspirants cannot afford to forego it completely. In politics now, dreaming big is an essential ingredient, talking big and loud, too.*⁹¹

Berdasarkan pernyataan tersebut Abang Yusuf Puteh menjelaskan bahawa kepimpinan pemimpin yang bersikap „pala“ angin“ merupakan seseorang yang tidak bermoral dalam perilakunya. Seseorang yang disifatkan oleh Abang Yusuf Puteh sebagai pemimpin yang bercakap besar, banyak bercakap dan seorang pemimpin yang boleh ditafsirkan sebagai pemimpin yang dungu dan bercakap kosong. Sikap pemimpin yang mempunyai karakter „pala“ angin“ tidak mampu untuk mengawal situasi yang pasti akan membawa banyak kerosakan dalam masyarakat.⁹²

Seseorang pemimpin sepatutnya berani untuk memikul beban tanggungjawab yang diberikan untuk membawa suara rakyat demi kemakmuran masyarakat dan negara. Mereka dipilih atas dasar kesetiaan rakyat untuk membawa kemajuan dan pembelaan kepada masyarakat dan bukannya untuk menunaikan impian diri sendiri semata-mata. Segelintir golongan pemimpin Melayu seperti inilah yang ditegur oleh Abang Yusuf Puteh yang telah tersasar daripada landasan moral yang sebenar. Impaknya, rakyat terus menderita tanpa mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada kepimpinan Melayu sendiri.

⁹¹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 71.

⁹² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 283. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1hlm. 71.

Seterusnya, perilaku pemimpin Melayu yang turut mendapat teguran Abang Yusuf Puteh ialah pemimpin yang bersikap „batu api“. Pemimpin Melayu berperilaku „batu api“ seperti yang dinyatakan beliau, iaitu:

*... fire stone. This refers to people who like to instigate or mislead others in order to secure nominations for positions. Those who aspire to the top must be able to master the art.*⁹³

Pemimpin berperilaku „batu api“ merupakan pemimpin yang sering kali mewujudkan fitnah dan merosakkan keharmonian sesebuah masyarakat. Kesanggupan untuk menjatuhkan pihak-pihak lain jelas mengekspresikan kejahatan yang bertapak dalam diri mereka sama ada untuk memperoleh keistimewaan ataupun perhatian. Tindak tanduk kepimpinan Melayu bersikap „batu api“ ini adalah untuk memastikan kedudukan dan keselamatan dirinya kekal di tampuk pentadbiran. Pemimpin seperti ini sanggup melakukan sebarang tindakan demi mencapai matlamat yang dicita-citakan. Hal ini jelas mencitrakan kepimpinan Melayu yang berpegang kepada prinsip „matlamat membenarkan cara“ yang menyimpang jauh dari ajaran agama.⁹⁴

Perilaku sebegini menunjukkan kepentingan diri diangkat lebih tinggi darjatnya berbanding usaha untuk mengangkat permasalahan masyarakat dan rakyat. Keadaan ini terus memaparkan kesengsaraan rakyat terutamanya masyarakat Melayu yang terus dibiarkan sedangkan para pemimpin yang menjadi harapan terus bercakaran antara satu sama yang lain. Malah mereka sanggup melakukan kerosakan kepada orang lain demi kepentingan diri sendiri. Dalam hal ini Abang Yusuf Puteh mengaitkan pemimpin Melayu yang bersedia menceburi arena politik kerana ianya dianggap sebagai lubuk untuk mencipta

⁹³ Ibid., hlm. 71.

⁹⁴ Prinsip ini diperkenalkan oleh Niccolo Machiavelli dalam karyanya „The Prince“ yang diterjemahkan oleh Rufus Goodwin. Prinsip Niccolo yang terkenal dengan „matlamat membenarkan cara“ telah ditulis pada tahun 1513 namun hanya diterbitkan selepas kematiannya pada tahun 1532. Antara tindakan yang disarankan oleh Niccolo ialah “*You can 't leave them alone and you can 't allow the memory of the old liberty. The safest way to deal with them is ruin them and then live there*”. Prinsip beliau merujuk kepada membenarkan apa sahaja cara yang dilakukan untuk mencapai matlamat yang diinginkan sehingga sanggup untuk melakukan penipuan, fitnah dan membunuh. Rujuk, Niccolo Machiavelli, *The Prince*, Wellesley MA: Brenden Books, 2002, hlm. 45.

kekayaan yang mereka idam-idamkan selama ini dan bukannya untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Hal ini dibuktikan dengan keadaan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan penempatan pesisir yang terus dibiarkan tanpa kemajuan dan pembangunan yang sepatutnya telah lama mereka kecapai. Ketiadaan pemimpin Melayu yang telah dilantik atau dipilih tidak menampakkan kesungguhan untuk membantu mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan melainkan berusaha untuk kepentingan diri sendiri.

Seterusnya, perilaku pemimpin Melayu yang ditegur oleh Abang Yusuf Puteh ialah pemimpin yang bersikap „terhegeh-hegeh“. Hal ini turut dilontarkan oleh beliau, iaitu “*A show off. Today a politicians needs to oversell himself*”.⁹⁵ Kerendahan moral pemimpin Melayu turut ditonjolkan Abang Yusuf Puteh melalui perilaku „terhegeh-hegeh“⁹⁶ yang ditunjukkan oleh segelintir golongan pemimpin. Keadaan ini bagi membuktikan kepada sesiapa sahaja bahawa mereka (golongan pemimpin) telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tindakan pemimpin seperti ini semata-mata untuk menunjuk-nunjuk tentang kehebatan dan sumbangan masing-masing supaya terus mendapat mandat daripada pihak atasan ataupun rakyat. Berdasarkan kepada pernyataan Abang Yusuf Puteh dapat difahami bahawa segelintir pemimpin Melayu yang bertindak sedemikian dengan tujuan untuk mendapat perhatian dan pujian masyarakat. Sedangkan jelas menunjukkan bahawa keinginan dengan niat untuk memperlihatkan amalan kepada orang lain adalah termasuk dalam bentuk riak yang tidak diterima amalannya di sisi Allah.

⁹⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 71.

⁹⁶ Bahasa Melayu Sarawak yang bermaksud mengada-ngada atau menunjuk-nunjuk. Menurut Jessica Ong Hai Liaw (Timbalan Pengarah Bahagian Kepimpinan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan Pensyarah Kanan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) dalam *Utusan Malaysia*, 24 Oktober 2012, „*terhegeh-hegeh*“ adalah selari dengan sikap berlengah. Sikap ini sering diamalkan dalam kalangan masyarakat hari ini yang suka membuang masa dan melambat-lambatkan kerja. Maksud perkataan „*terhegeh-hegeh*“ dalam bahasa Malaysia standard ternyata berbeza dengan „*terhegeh-hegeh*“ dalam bahasa Melayu Sarawak yang digunakan oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya.

Hal ini demikian kerana orang seperti ini tidak mengharapkan pahala daripada Allah melainkan untuk mendapatkan pujian daripada manusia.⁹⁷

Oleh yang demikian, pemimpin yang berperilaku „terhegeh-hegeh“ yang digambarkan oleh Abang Yusuf Puteh jelas lebih menumpukan kepentingan diri agar terus mendapat pujian manusia. Pemimpin seperti ini juga melepaskan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan demi kemakmuran masyarakat ataupun rakyat kerana meletakkan pujian dunia lebih tinggi darjatnya berbanding dengan pandangan Allah. Impaknya, segala permasalahan yang dihadapi golongan yang dipimpin tidak dipedulikan dan diambil berat sehingga rakyat terus menghadapi kemunduran tanpa sebarang pembelaan.

Selain itu, perilaku yang tidak bermoral dalam kalangan pemimpin Melayu yang turut ditegur oleh Abang Yusuf Puteh ialah pemimpin yang berperilaku „gila bayang“. Hal ini sebagaimana disebut beliau, iaitu:

*... shadow madness. It refers to the day-dreamers who think highly about themselves. A politician of today needs this in a rather large dosage, both for self-inspiration as well as a way to convince (or deceive) others.*⁹⁸

Menurut Abang Yusuf Puteh, gila bayang ini umpama orang yang bermimpi di siang hari. Terdapat segelintir pemimpin Melayu Sarawak yang berperilaku gila bayang. Perilaku ini jelas menunjukkan pemimpin Melayu tidak berperanan secara serius dalam usaha untuk memajukan rakyat tetapi lebih kepada untuk mengekalkan kedudukan dan status diri sendiri. Pemimpin yang bersikap „gila bayang“ ini sentiasa berasa bahawa mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sesebuah organisasi masyarakat. Perilaku ini sememangnya berada dalam diri ahli-ahli politik sebagai inspirasi dalaman untuk mereka mencapai impian dan harapan. Pemimpin seperti ini hanyalah memberikan harapan yang

⁹⁷ Rujuk, *Utusan Malaysia*, 30 September 2014, dalam Kolum Bicara Agama yang bertajuk “Bahaya Hidup Menunjuk-nunjuk”.

⁹⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 72.

menggunung semata-mata yang tidak mempunyai makna melainkan untuk memujuk anggota masyarakat supaya terus memberikan sokongan kepada mereka. Hakikatnya, perilaku ini antara subjek yang turut menjadi tumpuan teguran Abang Yusuf Puteh kerana perilaku „gila bayang“ ini menunjukkan sikap mementingkan diri seseorang lebih daripada orang lain.⁹⁹

Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa teguran Abang Yusuf Puteh terhadap perilaku kepimpinan pemimpin Melayu yang tidak bermoral ini mempunyai asas yang kukuh apabila aspek kemakmuran dan keharmonian rakyat ternyata telah diabaikan oleh pemimpin sedemikian. Sebenarnya, kemunduran masyarakat Melayu Sarawak terutamanya masyarakat Melayu pesisir dalam aspek sosial, ekonomi dan keagamaan adalah berpunca daripada kelemahan kepimpinan pemimpin Melayu Sarawak. Kepimpinan Melayu Sarawak ternyata gagal dalam memainkan peranan sekurang-kurangnya untuk mengekalkan penguasaan ekonomi dan sosial oleh masyarakat Melayu. Apa yang lebih malang ialah kegagalan masyarakat Melayu mengekalkan penguasaan ekonomi dan sosial bukan sahaja di kawasan pesisir tetapi turut dialami di kawasan penempatan Melayu di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu di kawasan pesisir terus terbiar dalam pelbagai aspek kehidupan sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Hakikat ini sebagaimana dituturkan Tenas Effendy dalam penulisannya, iaitu “apabila pemimpin tidak senonoh, negeri rosak rakyat bergaduh”. Pemimpin seperti itu menunjukkan seorang pemimpin yang tidak tahu hak dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya sehingga membinasakan kepentingan rakyat.¹⁰⁰

⁹⁹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 284.

¹⁰⁰ Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, hlm. 159-160.

USAHA ABANG YUSUF PUTEH MENYEDARKAN KEPIMPINAN MELAYU

Dalam aspek politik kepimpinan di Sarawak, Abang Yusuf Puteh bukan sahaja melontarkan teguran menerusi penulisannya tetapi mengusulkan perkara tersebut dalam perdebatan DUN khususnya terhadap kepimpinan Melayu di kawasan DUN yang mempunyai majoriti Melayu. Abang Yusuf dengan penuh keyakinan mengatakan bahawa kemunduran orang Melayu di Sarawak disebabkan kepimpinan Melayu yang meminggirkan kepentingan masyarakat demi kepentingan diri sendiri. Akibatnya, masyarakat Melayu di Sarawak tidak mempunyai kemampuan untuk berdaya saing dengan kaum-kaum lain yang terdapat di Sarawak. Oleh yang demikian, beberapa usaha telah beliau lakukan menjurus kepada budaya kepimpinan Melayu Sarawak terutamanya dalam persidangan DUN Sarawak.

Beliau berusaha untuk membudayakan kepimpinan yang prihatin dalam kalangan pemimpin di Sarawak dengan menasihati mereka supaya lebih fokus kepada usaha untuk pembangunan rakyat. Kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat ketika pilihan raya wajib ditunaikan. Nasihat Abang Yusuf Puteh diluahkan dalam persidangan DUN yang berlangsung pada tahun 1987. Abang Yusuf Puteh menyeru semua pemimpin supaya mengutamakan tanggungjawab masing-masing dan bukannya sanggup menerima atau memikul tanggungjawab daripada pihak lain sehingga mengganggu tanggungjawab yang sebenar. Dalam erti kata lainnya, Abang Yusuf Puteh berusaha untuk mengubah sikap pentingkan diri pemimpin kepada kepentingan masyarakat atau rakyat. Hal ini dapat dibuktikan melalui nasihat beliau terhadap Adenan Satem (Sekarang Tan Sri Datuk Patinggi) supaya mengutamakan kepentingan masyarakat sebelum sanggup menerima cadangan perlantikan beliau sebagai Ahli Senat Universiti Kebangsaan Malaysia. Abang Yusuf Puteh percaya bahawa sekiranya Adenan Satem sanggup menerima perlantikan

tersebut sudah pasti akan memberikan impak negatif kepada pembangunan rakyat yang berada di bawah pentadbirannya sebagai ADUN. Keadaan ini lebih-lebih lagi apabila pembangunan di kawasan luar bandar hanya akan dilakukan atas permintaan atau desakan penduduk semata-mata dan bukannya atas daya usaha dan pemantauan seseorang pemimpin.¹⁰¹

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh telah mengusulkan cadangan kepada Speaker Dewan ketika itu untuk membenarkan lima orang pemerhati luar dibawa masuk setiap kali persidangan bermula. Usul beliau telah diterima oleh Speaker Dewan dengan membenarkan setiap ADUN membawa masuk dua orang pemerhati sahaja setiap kali persidangan. Keputusan ini sudah tentu cukup memberikan kepuasan kepada Abang Yusuf Puteh. Walaupun tindakan beliau dianggap sebagai remeh tetapi ternyata ahli-ahli dewan ketika itu mula terkesan dengan usul ini.¹⁰² Hal ini demikian kerana ahli-ahli dewan mesti membuktikan sikap tanggungjawab masing-masing dengan mengambil bahagian secara aktif dalam usaha untuk menyerlahkan perjuangan masing-masing sebagai wakil rakyat. Oleh yang demikian, tiada lagi istilah „goyang kaki“ atau ahli dewan yang pasif setelah diberikan mandat oleh rakyat dalam pilihan raya.

Abang Yusuf Puteh berpandangan setiap wakil rakyat yang dipilih hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan janji sebagaimana yang telah termaktub dalam manifesto masing-masing. Oleh itu, beliau dengan lantangnya menyuarakan bantahan terhadap Speaker DUN Sarawak pada 11 Julai 1987 dalam satu persidangan dewan. Bantahan beliau berkaitan dengan pengumuman Speaker Dewan yang hanya membenarkan perdebatan satu soalan sahaja untuk setiap ahli dewan. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati beliau memandangkan peraturan tersebut akan mengakibatkan kebajikan rakyat di

¹⁰¹ Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke 12, 9 Julai 1987, hlm. 66.

¹⁰² Lihat, *Sarawak Tribune*, 7th July 1987, hlm. 1.

kawasan DUN masing-masing akan menerima tempasnya.¹⁰³ Tindakan tersebut jelas menyekat usaha wakil rakyat memperjuang dan menyuarakan hak rakyat untuk diberikan perhatian yang sewajarnya. Hal ini demikian kerana tidak banyak usaha yang dapat dilaksanakan apabila penetapan sedemikian rupa dikuatkuasakan untuk setiap ahli dewan. Hakikatnya, setiap wakil rakyat perlu melaksanakan janji-janji mereka untuk melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin demi pembangunan rakyat.

Selain itu, beliau juga berusaha dengan mengusulkan supaya semua pemimpin negeri mengetepikan soal peribadi demi rakyat dan pembangunan. Tindakan sebilangan besar pemimpin yang masih terbawa-bawa dengan sikap dendam dan benci ketika pilihan raya perlu dihentikan. Tambahan pula, pilihan raya telahpun lama berakhir. Hal ini dapat diteliti menerusi kata-kata beliau, iaitu:

*Above all let us not be carried away by personal prejudices or personal hatred. In politics, let us become or let us be political foes but let us not become personal enemies.*¹⁰⁴

Berdasarkan petikan tersebut Abang Yusuf Puteh menyuarakan kebimbangannya berkaitan isu tersebut yang telah mengakibatkan berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri. Akibat daripada itu masyarakat Melayu Sarawak berani bertindak dengan melakukan tindakan yang bertentangan dengan adat orang Melayu Sarawak. Antaranya, memulaukan majlis seperti majlis perkahwinan, sambutan Aidil Fitri dan kenduri kendara. Perbuatan yang lebih menyedihkan berlaku apabila mereka sanggup memulau majlis pengebumian saudara mara sendiri. Tindakan negatif tersebut turut dilakukan oleh pucuk pimpinan tertinggi akibat dendam politik. Bagi Abang Yusuf Puteh, pemimpin sepatutnya menjadi contoh dan menunjukkan tauladan yang baik kepada rakyat dan masyarakat. Keadaan ini disifatkan Abang Yusuf Puteh sebagai sesuatu yang amat

¹⁰³ Lihat, *Sunday Tribune*, 12 July 1987, hlm.1.

¹⁰⁴ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 103.

malang. Hal ini sebenarnya kesan daripada kelemahan tindakan pemimpin-pemimpin yang mencipta tembok yang memisahkan lapisan masyarakat dengan slogan „*partisan loyalties*“: Dalam aspek ini beliau bukan sahaja menegur kelemahan kepimpinan di barisan pihak kerajaan semata-mata bahkan kepada pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain. Teguran beliau berkenaan perkara tersebut ternyata mendapat sokongan penuh daripada ADUN Sarawak. Keutamaan beliau jelas demi perpaduan dan pembangunan yang adil kepada semua lapisan masyarakat Sarawak pada ketika itu.¹⁰⁵

Usaha Abang Yusuf Puteh dalam menyedarkan golongan pemimpin bagi memastikan rakyat mendapat pembelaan sewajarnya diteruskan tanpa putus asa. Misalnya, dalam persidangan DUN Ke 12 beliau telah menegaskan supaya kepimpinan Melayu di kawasan majoriti Melayu bertindak adil terhadap semua lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik atau kedudukan. Antaranya, dalam aspek undang-undang di mana pihak tertentu hanya akan mengambil tindakan terhadap golongan bawahan sahaja tetapi mengecualikan golongan berkedudukan tinggi daripada diambil sebarang tindakan undang-undang.¹⁰⁶ Hal ini sebagaimana cadangan beliau kepada ahli dewan, iaitu:

*The trouble is that it is common to hear complaints by the people in the state that the authorities only “tangkap” the small fish, and allow big whales and semah to go scot-free.*¹⁰⁷

Pernyataan tersebut menunjukkan Abang Yusuf Puteh telah berusaha untuk menyedarkan golongan pemimpin agar tidak menyalahgunakan kuasa demi kepentingan peribadi masing-masing. Para pemimpin seharusnya bertindak jujur dalam menggalas segala amanah yang telah diikrarkan setelah diberikan kepercayaan oleh rakyat dan masyarakat.

¹⁰⁵ Ibid., hlm. 103.

¹⁰⁶ Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke 12, 25 Mei 1988, hlm. 52.

¹⁰⁷ Ibid., hlm. 52.

KESIMPULAN

Jelas kepincangan yang ketara dalam kepimpinan Melayu adalah kerana tergelincir dan terpesong daripada budaya dan ciri-ciri kepimpinan yang dituntut untuk kemakmuran rakyat. Sikap, cara dan corak kepimpinan mereka secara langsung tidak membantu dalam memajukan masyarakat Melayu di Sarawak malah menonjolkan ketidakjujuran dan sikap mementingkan kebendaan. Bentuk kepimpinan seumpama ini akan menyebabkan masyarakat Melayu terus berada dalam kemiskinan dan kemunduran. Situasi ini, jelas menunjukkan kebendaan dan kepentingan diri menjadi keutamaan berbanding kepentingan dan kebajikan golongan yang dipimpin. Kepimpinan yang pincang ini mengakibatkan kemajuan sukar dicapai sehingga kemiskinan terus mewarnai kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Pemikiran masyarakat Melayu terus dijumudkan sehingga membawa kepada pemikiran negatif masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian mereka yang dinamakan sebagai *ondor rarat*. Dalam hal ini, Abang Yusuf Puteh menganggap bahawa sepatutnya golongan pemimpin memainkan peranan penting bagi menanam dan menunjukkan contoh yang positif kepada masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, kepimpinan yang boleh memundurkan masyarakat perlu ditransformasi demi kemajuan orang Melayu Sarawak. Budaya materialistik pemimpin Melayu yang merangkumi budaya kronisme dan korupsi perlu dihapuskan untuk menggerakkan kemajuan masyarakat Melayu. Pemimpin Melayu perlu sedar akan keadaan ini dan menggerakkan kepimpinan ke arah kepentingan masyarakat Melayu.

Di samping itu, beliau turut menegur kepimpinan Melayu yang pincang kerana mungkir janji dan iri hati. Kepimpinan sebegini tidak seharusnya dilakukan oleh pemimpin Melayu yang dipilih untuk membawa rakyat keluar dari kepompong kemiskinan. Kepimpinan ini

kelas bukanlah merupakan budaya orang Melayu yang menuntut kepimpinan yang jujur, amanah dan mendahulukan rakyat.

Abang Yusuf Puteh turut menegur golongan pemimpin Melayu yang bersikap sambil lewa, iaitu tidak bertindak dan menggerakkan kemajuan untuk rakyat. Pemimpin yang statik bukanlah pemimpin yang layak untuk memegang jawatan dan memimpin masyarakat. Hasilnya, segala kesusahan dan keperluan rakyat terutamanya kawasan masyarakat Melayu tidak dapat dipenuhi oleh kepimpinan Melayu yang mengamalkan kepimpinan yang sambil lewa. Masyarakat Melayu terus terabai daripada arus kemajuan.

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh turut meletakkan bahawa golongan kepimpinan Melayu di Sarawak perlu mempunyai moral yang tinggi seiring dengan seruan yang terkandung di dalam ajaran Islam. Pemimpin yang bermoral adalah pemimpin yang mampu membawa perubahan positif kepada masyarakat Melayu apabila meletakkan ketaqwaan kepada Allah dalam diri masing-masing. Hal ini sudah tentu akan memberi impak kepada kepimpinan pemimpin Melayu untuk melaksanakan janji yang diamanahkan dengan penuh iltizam dan tanggungjawab.

Ringkasnya, dapatlah dinyatakan bahawa teguran beliau terhadap budaya kepimpinan Melayu ini adalah berdasarkan realiti ketika berada dalam perkhidmatan awam terutamanya ketika memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dari 1970-1985. Kepimpinan Melayu yang tersasar daripada landasan dan konteks positif ini perlu dilakukan perubahan demi kepentingan kemajuan dan kemakmuran masyarakat Melayu Sarawak. Abang Yusuf Puteh sebenarnya mahu golongan pemimpin Melayu yang diberi tanggungjawab, menjalankan amanah dengan menampilkan karisma, wibawa, diyakini dan progresif bukannya hanya menjadi boneka yang mengaburi mata rakyat. Atas kesedaran ini maka Abang Yusuf Puteh berusaha untuk menyedarkan golongan pemimpin terutamanya

keimpinan Melayu Sarawak supaya berubah demi kepentingan rakyat dan masyarakat. Oleh itu, beberapa usaha telah beliau lakukan agar dapat merealisasikan harapan rakyat untuk mengecapi pembangunan dan kemajuan terutamanya dalam aspek ekonomi dan sosial.

University of Malaya

BAB 5 : MENTRANFORMASI PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU PESISIR

PENGENALAN

Perbincangan dalam bab ini difokuskan kepada empat aspek utama. Pertama, senario pendidikan masyarakat Melayu Sarawak sebelum penyerahan Sarawak kepada James Brooke dan kemudiannya pada zaman pemerintahan rejim Brooke pada tahun 1841 sehingga 1941. Seterusnya, senario ini mencakupi suasana pendidikan khususnya prasarana yang disediakan untuk sekolah-sekolah masyarakat Melayu di Sarawak selepas hampir satu dekad pembentukan Malaysia, iaitu pada tahun 1970 sehingga 2009, khususnya ketika Abang Yusuf Puteh menjawat jawatan sebagai Setiausaha Negeri Sarawak yang pertama dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

Kedua, menyentuh tentang teguran-teguran Abang Yusuf Puteh terhadap pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan luar bandar menerusi penulisan-penulisannya. Lontaran teguran beliau bukanlah bersifat peribadi tetapi bertujuan demi kemajuan masyarakat Melayu Sarawak yang jelas terabai berbanding dengan masyarakat lain terutamanya masyarakat Cina di kawasan-kawasan bandar. Ketiga, berikutan daripada itu, saranan-saranan beliau untuk meningkatkan kesedaran pendidikan turut dikemukakan dalam bab ini.

Keempat, bab ini akan turut membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam isu pendidikan masyarakat Melayu Sarawak dari tahun 1985 sehingga 2009. Sejauhmana akhirnya peranan yang dicitrakan dalam bentuk teguran dan saranan serta usahanya memberikan kesan kepada pembangunan pendidikan dan kemajuan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pesisir.

PENDIDIKAN ORANG MELAYU SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BROOKE

Ilmu pendidikan merupakan aspek yang penting kepada kejayaan sesebuah kerajaan yang memerintah. Menerusi kebijaksanaan dalam ilmu pengetahuan yang dimiliki, seseorang pemerintah berupaya untuk menguasai penempatan sesuatu kawasan. Hal ini melambangkan kepentingan aspek pendidikan amat dititikberatkan dalam kalangan golongan bangsawan dengan pengajaran dan pembelajaran dilangsungkan di istana atau rumah-rumah pembesar.¹ Walaupun pendidikan amat ditekan dan diberikan tumpuan dalam kalangan bangsawan tetapi hak golongan marhaen untuk memperoleh ilmu pengetahuan dengan penekanan terhadap aspek keagamaan tidak dapat dinafikan. Pendidikan pada zaman sebelum kedatangan Brooke di Sarawak bergerak secara tidak formal terutamanya dalam kalangan golongan istana, para pembesar dalam kesultanan Melayu Brunei dan masyarakat Sarawak seiring dengan penyebaran dan perkembangan Islam di rantau tersebut. Kewajiban menuntut ilmu yang disarankan dalam ajaran Islam menjadi asas penting kepada masyarakat.² Hakikatnya, walaupun ada dalam kalangan mereka tidak mampu untuk menulis dan membaca dalam tulisan rumi, masyarakat Melayu Sarawak yang berpendidikan khasnya mampu untuk menulis dan membaca tulisan jawi yang menggunakan huruf-huruf Arab.³

Menurut Pringle, sebelum kedatangan Brooke terdapat mubaligh Kristian mencatatkan bahawa beberapa orang golongan pembesar mampu menulis, membaca dan memahami isi kandungan yang mereka baca walaupun rata-ratanya golongan rakyat biasa dikatakan masih

¹ Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", *Sarawak Museum Journal*, XLVII, December 1997, hlm.107-124.

² Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Pentadbiran British, 1946-1963*, hlm. 33.

³ Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", hlm.107-124. Lihat juga, Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 83-84. "The majority of the nakhoda held the title of ,haji', and were often literate. The ability to read and write jawi script was indispensable in applying to open coconut gardens under Sarawak land regulations, since the registration forms were available in jawi, English and Chinese".

lagi buta huruf.⁴ Kendatipun, dakwaan Pringle tidak tepat memandangkan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya telah mampu untuk menulis dan membaca tulisan jawi walaupun tidak secara keseluruhannya.⁵ Hal ini dibuktikan dengan pandangan Hugh Low yang menyebut tentang penekanan aspek pendidikan dalam kalangan orang Melayu Sarawak telah bermula sebelum kedatangan Brooke ke Sarawak lagi.⁶

Lantaran itu, Hugh Low turut menyebutkan bahawa kegagalan memberikan pendidikan kepada anak-anak khususnya dalam kalangan bangsawan Melayu merupakan suatu perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan martabat serta amat memalukan mereka.⁷ Malah menurut Sabihah Osman, sistem pendidikan tradisional telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sebelum pemerintahan Brooke pada tahun 1841. Sistem pendidikan tradisional ini lebih bercorak keagamaan seperti kelas pengajian al-Quran dan penulisan jawi. Kelas-kelas ini dilaksanakan di surau, masjid dan rumah-rumah guru agama yang terdapat di kawasan kampung Melayu ketika itu.⁸

Ilmu pengetahuan diambil berat sejajar dengan tuntutan agama Islam kepada penganut-penganutnya sebagaimana yang dicitrakan sejak zaman diangkatnya kerasulan Nabi Muhammad S.A.W dengan mukjizat al-Quran untuk sekalian umat manusia.⁹ Atas dasar inilah ilmu agama terus disebarluaskan di segenap pelusuk alam selari dengan penyebaran Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, penekanan terhadap pendidikan Islam seperti membaca al-Quran dan hukum-hukum agama diajar kepada masyarakat Islam termasuklah

⁴ R.M. Pringle, *Rajahs and The Rebel: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, 1970.

⁵ Morrison menggunakan kebanyakan mereka bagi merujuk masyarakat Melayu Sarawak pada sebelum kedatangan Brooke telah mendapat pendidikan dan mampu untuk menguasai literasi dalam tulisan jawi dan bahasa Arab. Kemampuan dalam aspek pendidikan turut menjadi faktor orang Melayu mampu untuk menguasai kaum-kaum lain. Oleh itu tidak mustahil keseluruhan Borneo secara politiknya berjaya didominasi oleh orang-orang Melayu selama beratus tahun lamanya. Lihat, Hedda Morrison, *Sarawak*, hlm. 127.

⁶ Pendidikan yang diajar dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak ialah membaca dan menulis bahasa mereka sendiri, membaca al-Quran dalam bahasa Arab dan membaca beberapa doa dalam agama Islam. H. Low, *Sarawak: Its Inhabitants and Productions*, London: Frank Cass & Co. Ltd, 1968, hlm. 138.

⁷ *Ibid.*, hlm. 145.

⁸ Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 43-44.

⁹ Al-Quran, *Surah al-Alaq*, 96 : ayat 1-5. Ayat 1-5 ini merupakan ayat pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W di Gua Hira". Surah ini dinamakan sebagai al-alaq (segumpal darah) diambil dari perkataan alaq yang terdapat dalam ayat kedua surah ini. Turut dinamakan sebagai surah al-Iqra atau al-Qalam. Surah ini dengan jelas perintah membaca al-Quran kepada manusia yang merujuk kepada tuntutan kewajiban untuk umat manusia supaya dapat memuliakan manusia dengan ilmu pengetahuan.

masyarakat Melayu Sarawak. Sebelum kedatangan Brooke, kelas-kelas pengajian agama pada peringkat ini berpusat di surau, masjid dan rumah-rumah pembesar seperti ketua kampung.¹⁰ Peranan para pendakwah Islam ternyata memberikan impak yang bermakna kepada pendidikan masyarakat Melayu Sarawak. Penguasaan literasi Melayu Sarawak telah berjaya membawa kepada penguasaan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik sehingga kepada penguasaan Brooke pada tahun 1841. Pengajian Islam begitu dititikberatkan oleh masyarakat Melayu kepada pewaris yang akan datang supaya terus berkekalan dalam akidah Islamiah.

Penekanan terhadap perkara ini dapat diteliti berdasarkan catatan Hugh Low, iaitu majlis kenduri besar-besaran diadakan bagi merai dan mendoakan kesejahteraan anak-anak Melayu yang berjaya menamatkan bacaan al-Quran (Khatam al-Quran).¹¹ Khatam al-Quran yang dimaksudkan bukan sekadar penumpuan dalam pembacaan al-Quran tetapi tamat pengajian dengan melengkapinya asas-asas utama dalam bidang al-Quran seperti bunyi, lagu, kaedah-kaedah pembacaan yang dipraktikkan sebagai mana pengajian di Kota Mekah dan mendalami bidang ilmu yang terdapat di dalam al-Quran. Malah seseorang pelajar perlu diuji terlebih dahulu oleh seorang pakar yang mahir dalam bidang tersebut. Pada peringkat yang lebih tinggi pelajar-pelajar Melayu ketika itu turut mempelajari mata pelajaran lain seperti perundangan Islam, usuluddin, ilmu tafsir, bahasa Arab dan lain-lain lagi. Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu Sarawak tidak ketinggalan dalam menjunjung tinggi ilmu pengetahuan yang telah diwariskan sejak zaman berzaman.¹²

¹⁰ Putit Matzen, Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak, dlm Seminar Budaya Melayu Sarawak II, 28-30 Jun 1993, Kuching, Sarawak, hlm. 1-15.

¹¹ Majlis kenduri besar-besaran merujuk kepada sambutan seperti jamuan dan sedekah untuk masyarakat kampung dan pemberian makanan berupa beras pulut kuning dan hiasan berwarna-warni kepada guru pelajar-pelajar yang berjaya. Rujuk, H. Low, *Sarawak: Its Inhabitants and Productions*, hlm. 138-139.

¹² *Ibid.*, hlm. 138-139.

PENDIDIKAN ORANG MELAYU DI ZAMAN BROOKE, 1841-1941

Aspek pendidikan formal tidak diberi perhatian yang sewajarnya kepada masyarakat Melayu Sarawak pada awal pentadbiran Brooke di Sarawak. Walau bagaimanapun, pendidikan secara tidak formal berterusan dalam masyarakat Melayu Sarawak sebagaimana yang menjadi seruan dalam Islam. Pendidikan formal untuk masyarakat Melayu Sarawak bermula pada 21 Jun 1883 apabila sekolah Melayu pertama, iaitu Sekolah Kampung Jawa dan Sekolah Kampung Gersik¹³ telah dibuka di Kampung Jawa dan Kampung Gersik, Kuching. Walaupun begitu, pendidikan untuk masyarakat Melayu pesisir di Sarawak masih tidak terbela dan jauh ketinggalan dari arus pendidikan yang kian berkembang ketika itu.¹⁴

Walaupun kuasa kepimpinan bertukar tangan daripada golongan bangsawan Melayu kepada James Brooke pada tahun 1841 namun pentadbiran Brooke masih mengekalkan jawatan bangsawan Melayu Sarawak. Brooke memerintah secara tidak langsung menerusi golongan bangsawan Melayu kerana pengalaman dan pengaruh mereka masih diperlukan dalam usaha untuk memastikan penguasaannya terus stabil dan kukuh ke atas Sarawak.¹⁵ Dalam aspek pendidikan, Brooke memberikan perhatian yang sewajarnya untuk membangunkan pendidikan masyarakat Melayu¹⁶ Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di Kuching. Namun pendidikan secara formal hanya bermula ketika pentadbiran

¹³ Loh Chee Yin menyatakan bahawa, orang Melayu mendapat kedudukan istimewa dengan pembukaan sekolah kerajaan yang diberi bantuan oleh kerajaan Brooke. Selain itu, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi kerajaan ketika zaman pemerintahan Charles Brooke. Bahasa Melayu turut mendapat tempat sebagai bahasa mahkamah dan setiap pegawai kerajaan diarahkan untuk mempelajari bahasa Melayu. Rujuk, Loh Chee Yin, *Pieces from the Brooke Past: The Malay Language*, *Sarawak Gazette*, Mei 1966, hlm. 162. Bahasa rasmi ketika kerajaan Brooke dan sekolah-sekolah untuk orang Melayu yang ditubuhkan oleh pemerintah Brooke ialah bahasa Melayu bertepatan kedudukannya sebagai bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara ketika itu. Lihat juga, H. Morrison, *Sarawak*, hlm.127.

¹⁴ Menurut Abang Yusuf Puteh, sekolah pertama yang direkodkan di kawasan Melayu Pesisir adalah di Kabong pada tahun 1916. Sekolah tersebut di bawah kelolaan Cikgu Bojeng, mempunyai hanya enam orang pelajar Melayu dan salah seorangnya bernama Rajak yang akhirnya turut menjadi guru serta menabur bakti kepada anak-anak Melayu. Sekolah tersebut juga dijayakan oleh organisasi sekolah, mendapat sumbangan dan pembiayaan daripada salah seorang pentadbir Melayu pesisir yang berjaya dalam perniagaan iaitu Abang Bujang bin Abang Ading seorang pegawai bumiputera yang berasal dari Daerah Lingga. Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 122.

¹⁵ Morrison berpendapat terpancar kegigihan Brooke untuk mendapatkan sokongan yang berterusan daripada orang Melayu Sarawak dalam pentabdirannya dengan menyediakan pendidikan kepada orang Melayu Sarawak. Hal ini demikian kerana, orang Melayu Sarawak bukan sahaja memberi sokongan tanpa berbelah bahagi kepada Raja Brooke tetapi turut menjadi dan membentuk angkatan tentera yang kuat untuk mempertahankan Sarawak daripada musuh. Di samping pendidikan, kerajaan Brooke turut melantik orang-orang Melayu Sarawak sebagai pentadbir di pejabat-pejabat kerajaan. Dari aspek pendidikan misalnya, sekolah Melayu merupakan satu-satunya sekolah yang dikekal dan mendapat bantuan kerajaan. H. Morrison, *Sarawak*, hlm. 127.

Raja Putih Sarawak yang kedua, iaitu Charles Brooke pada tahun 1883.¹⁷ Semasa pemerintahan raja kedua juga, sekolah kerajaan yang ketiga telah berjaya dibuka, iaitu *Government Lay School* (GLS) pada tahun 1903 dengan menyediakan pelbagai aliran sekular dan pendidikan vernakular kepada masyarakat Melayu Sarawak namun ianya tidak bertahan lama.¹⁸ Pendidikan yang ditawarkan oleh GLS dan dua buah sekolah yang premier, iaitu sekolah Kampung Jawa dan Sekolah Kampung Gersik bertujuan untuk menyediakan orang Melayu agar dapat memegang jawatan kerani dan jawatan-jawatan lain dalam kerajaan. Oleh yang demikian, kerajaan Brooke turut menyediakan silibus pendidikan bahasa Inggeris di samping subjek-subjek lain yang berkaitan untuk sekolah-sekolah tersebut. Kerajaan Brooke percaya bahawa orang Melayu mempunyai potensi untuk menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam.¹⁹

Walaupun pendidikan untuk masyarakat Melayu Sarawak jelas diberi perhatian melalui pembinaan sekolah untuk masyarakat Melayu tetapi Brooke turut memberikan sokongan dan bantuan kepada pendidikan kaum Dayak yang diuruskan oleh golongan mubaligh dengan naungan dan sokongan kewangan daripada pentadbiran Brooke. Sekolah-sekolah Mubaligh ini dibuka oleh *Society for the Propagation of the Gospel* (SPG) dengan bantuan dan sokongan kewangan daripada kerajaan Brooke pada tahun 1847. Walau bagaimanapun, sekolah di bawah kendalian Mubaligh Kristian ini menerima semua kaum untuk mengikuti

¹⁷ Nigel Cornwall, *Borneo, Past, Present and Future*, London: Society for The Propagation of the Gospel in Foreign Parts, Westminster, 1953, hlm. 31-35. Rane Margaret yang mempunyai hubungan yang akrab dengan isteri-isteri pembesar Melayu Sarawak telah berjaya memujuk pemerintahan suaminya untuk membantu Abang Mohammad Kassim untuk menubuhkan sekolah Melayu secara rasmi, iaitu Sekolah Kampung Jawa (sekolah Abang Kassim), iaitu sekolah kerajaan yang pertama di Sarawak. Lihat juga, Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", December 1997, hlm.107-124. Pada 21 Jun 1883, Datu Bandar Abang Mohammad Kassim (lebih dikenali sebagai Mat Kassim) dan isterinya Dayang Saadah (Anak kepada Datuk Patinggi Abdul Gapur) dianggap sangat progresif oleh orang-orang Eropah. Datu dan isterinya adalah pelopor utama dalam pendidikan orang Melayu dan memberi galakan kepada pembaharuan lebih ke hadapan kepada wanita. Datu telah menyumbang kepada kejayaan pembukaan sekolah formal Melayu pertama di Sarawak pada tahun 1883, dan memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengekalkan sistem pendidikan Melayu. Lihat, *Sarawak Gazette*, (On Mat Kassim), June 16, 1909, August 1, 1921; M. Brooke, *My Life in Sarawak*, hlm.162-163; Baring-Gould and Bamfylde, *White Rajahs*, hlm. 421; Arthur Bartlett Ward, *Rajah's Servant*, hlm. 199.

¹⁸ C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, hlm. 120-121, lihat juga, C. Brooke, *Ten Years in Sarawak*, London: Tinsley Brothers, 1866, Jilid II, hlm. 326, dan, R.M. Pringle, *The Brookes of Sarawak : Reformers in Spite of Themselves*, *The Sarawak Museum Journal*, Kuching, hlm. 19, 38-39.

¹⁹ Hal ini sebagaimana dibuktikan dalam *Sarawak Gazette*, 1903, hlm. 163, iaitu "Our idea is that with good teaching, the Malay in the duties of clerks would be often equal to the Chinese and perhaps sometimes superior...They do exceedingly well in surveying and measuring and are neat in mapping [for the land office], and as they are tee-totalers in religion, their brains and hands are often truer than those who indulge in stronger drinks".

persekolahannya.²⁰ Sekolah-sekolah Mubaligh yang dibuka bukan sahaja untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat tetapi lebih penting daripada itu bertujuan untuk menyebarkan ajaran Kristian. Ini dibuktikan sebaik sahaja James Brooke berjaya menguasai Sarawak beliau telah membawa masuk mubaligh Kristian dari gereja Anglikan Britain selain mubaligh agama Kristian dari mazhab Katolik ke Sarawak.²¹ Di samping itu, pendidikan menggunakan medium bahasa Cina tidak ketinggalan dalam persaingan untuk memberikan pendidikan kepada kaum dan bahasa ibunda masing-masing apabila persatuan kaum Cina turut membuka sekolah aliran Cina dengan sokongan padu daripada kerajaan Brooke. Hal ini dibuktikan dengan pembukaan sekolah Cina yang pertama di Bau pada tahun 1852.²²

Walaupun tiga buah sekolah Melayu yang menawarkan pelajaran vernakular dan berbentuk praktikal telah dibuka oleh pemerintah Brooke untuk pelajar-pelajar Melayu Sarawak tetapi sambutan daripada ibu bapa Melayu ternyata amat mengecewakan apabila pendaftaran pelajar yang tidak konsisten malah mengalami kemerosotan yang amat ketara pada tahun 1930. Senario ini tidak berlaku kepada sekolah Mubaligh yang menunjukkan peningkatan saban tahun sejak akhir 1880-an sehingga 1900 dengan peningkatan sebanyak 68 peratus, iaitu seramai 340 orang berbanding sebanyak 160 orang pada akhir 1880-an. Hal ini berbeza pula dengan sekolah Melayu yang hanya menunjukkan sedikit peningkatan bermula 1889 sehingga 1921 walaupun telah ditubuhkan dua buah sekolah Melayu yang baharu.

²⁰ Putit menjelaskan bahawa aktiviti misionari di Sarawak agak berbeza sekiranya dibandingkan dengan kegiatan misionari di kawasan-kawasan lain seperti di India, Afrika malah juga Semenanjung Malaysia. Hal ini demikian kerana, James Brooke berpegang kepada perjanjiannya dengan Sultan Brunei supaya menumpukan perhatian kepada kestabilan dan mubaligh Kristian yang dipilihnya sendiri. Oleh itu, sekolah-sekolah Mubaligh terbuka luas untuk menerima pelajar dari kaum dan agama yang lain. Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", December 1997, hlm. 107-124. Lihat juga, Seymour, J.M., 'Education in Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941,' Bahagian III, *Sarawak Gazette*, 1350, 31 Ogos 1970, hlm. 158.

²¹ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Pentadbiran British, 1946-1963*, hlm. 32. Antara sekolah Mubaligh yang didirikan ialah, Sekolah St Joseph (1883), St. Theresa (1885) yang merupakan sekolah kelolaan *Anglican Church* manakala pada tahun 1900, Sekolah Methodist ditubuhkan untuk masyarakat Cina Foochow di Sibiu.

²² Lihat juga, Seymour, J.M., *Education in Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, hlm. 158.


Berdasarkan kepada maklumat dalam *Sarawak Gazette* sejak 1883 sehingga 1921 telah menunjukkan kemerosotan dari segi jumlah keseluruhan pelajar Melayu mendaftar untuk memulakan persekolahan. Hal ini dapat diteliti melalui jadual 5.1, iaitu:

Jadual 5.1 : Jumlah Keseluruhan Pelajar di Sekolah Melayu di Kuching, 1883-1921

Tiga buah sekolah telah ditubuhkan untuk pelajar Melayu				
Tahun	Sekolah Kampung Jawa	Sekolah Kampung Gersik	GLS	Jumlah
1883	70	-	-	70
1889	117	-	-	117
1894	112	56	-	168
1906	80	31	60	171
1908	67	57	51	175
1910	43	52	50	145
1915	103	60	63	226
1921	61	32	64	157

Sumber: Sarawak Gazette, May 1, 1883, August 1, 1889, August 1, 1894, July 2, 1906, July 1, 1910, July 1, 1915, Nov 1 dan December 1, 1921.

Rajah 5.1: Graf Menunjukkan Jumlah Keseluruhan Pelajar di Sekolah Melayu di Kuching, 1883-1921



Sumber: Sarawak Gazette, May 1, 1883, August 1, 1889, August 1, 1894, July 2, 1906, July 1, 1910, July 1, 1915, Nov 1 dan December 1, 1921.

Berdasarkan jadual 5.1 didapati jumlah pendaftaran persekolahan pelajar Melayu menunjukkan pola yang tidak konsisten bermula pada tahun 1908 sehingga 1921. Hal ini dibuktikan apabila jumlah pelajar Melayu pada tahun 1908 sebanyak 175 orang telah menurun kepada 145 orang pada tahun 1910, iaitu penurunan sebanyak 30 orang atau 17.14 peratus. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah berubah pada tahun 1915 apabila berlakunya peningkatan mendadak, iaitu sebanyak 81 orang atau 55.9 peratus. Menjelang tahun 1921 jumlah pelajar Melayu telah kembali menurun kepada 157 orang atau sebanyak 30.5 peratus berbanding tahun 1915.

Keadaan di atas merujuk kepada kerisauan ibu bapa pelajar-pelajar Melayu ketika itu, iaitu bermula tahun 1900-an apabila pendidikan vernakular barat yang diperkenalkan oleh kerajaan Brooke sedangkan harapan masyarakat Melayu supaya penekanan pendidikan agama Islam diberikan kepada anak-anak Melayu. Kecenderungan kemerosotan kehadiran pelajar-pelajar Melayu di sekolah Melayu berbanding sekolah-sekolah Mubaligh yang mencatatkan dua kali ganda pelajar lebih banyak berbanding sekolah-sekolah Melayu jelas menunjukkan isu tersebut diletakkan sebagai faktor dominan.²³ Selain itu, keadaan sistem persekolahan Melayu yang tidak sistematik dan tindakan ibu bapa yang mengeluarkan atau memberhentikan persekolahan anak-anak mereka atas beberapa faktor sebelum menamatkan persekolahan mereka turut memberikan impak kepada kemerosotan bilangan tersebut.²⁴

Kemasukan beramai-ramai mubaligh Kristian dari pelbagai mazhab²⁵ yang berlumba-lumba untuk menyebarkan fahaman masing-masing serta disuburkan dengan galakan daripada Brooke dengan menaja mubaligh Kristian telah mengakibatkan kebimbangan

²³ Menurut Hashim, kedatangan Mubaligh Kristian dalam usaha untuk menyebarkan agama Kristian melalui pembukaan sekolah-sekolah Mubaligh dan memperkenalkan mata pelajaran sekular amat membimbangkan ibu bapa yang ternyata jelas mengancam pegangan agama Islam dan berlawanan dengan sistem pendidikan masyarakat Melayu. Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Pentadbiran British, 1946-1963*, hlm. 32-33.

²⁴ Lihat, *Sarawak Gazette*, October 1st, 1925.

²⁵ Antaranya, Mazhab Khatolik, Protestan dan Anglican. Mazhab Anglican merupakan mazhab yang menjadi pegangan oleh Masyarakat Britain dan dinaungi oleh Raja England.

masyarakat Melayu terhadap akidah anak-anak mereka. Hal ini dibuktikan dengan kemerosotan mendadak jumlah pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah tersebut disebabkan bimbang dengan tindakan pemerintah Brooke yang menggalakkan penyebaran agama Kristian. Senario ini akhirnya telah memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu untuk memulakan sistem pendidikan yang lebih formal yang menekankan aspek keagamaan untuk kelangsungan generasi Melayu agar tetap berpegang teguh kepada ajaran Islam.²⁶ Walaupun pendidikan sekolah Melayu mengalami zaman kemalapan terutamanya terkesan daripada kerisauan ibu bapa terhadap akidah anak-anak mereka namun kemerosotan pendidikan sekolah Melayu berakhir pada awal 1930-an apabila empat sekolah baharu untuk kemudahan pelajar-pelajar Melayu telah dibuka. Hal ini telah memberikan sinar baharu kepada pemantapan bidang ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar Melayu. Antara sekolah baharu yang dibuka sekitar tahun 1930-an ialah Sekolah Merpati Jepang yang terletak di Kampung Bandarshah, iaitu kawasan pertempatan golongan-golongan Datu. Pembukaan sekolah ini telah berjaya menampung seramai 90 orang pelajar pada tahun 1930.²⁷ Seterusnya, pada tahun 1931, Sekolah Inchi Buyong telah diperkenalkan di Kampung Ulu Sungai Bedil dengan menempatkan seramai 75 orang pelajar. Sekolah ini dibuka dengan bertujuan mengurangkan buta literasi masyarakat di kawasan tebingan sungai Sarawak yang berdekatan dengan Astana Raja (Kediaman rasmi Raja Brooke).²⁸

Satu-satunya sekolah perempuan yang dibuka pada tahun 1926 ialah Sekolah Datu Pemaistri yang dinaungi oleh Datu Syahbandar Abang Abdillah. Beliau telah berjaya membuka sebuah sekolah perempuan pertama di Kampung Satok dan menjadi satu-satunya

²⁶ Lihat, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Pentadbiran British, 1946-1963*, hlm. 32-33.

²⁷ Lihat, *Sarawak Gazette*, January 3rd, 1933.

²⁸ Nama sekolah ini telah dicadangkan oleh Datu Syahbandar bagi mengingati jasa dan bakti Inche Buyong dalam bidang pendidikan kepada masyarakat Melayu Sarawak khususnya di Kuching. Beliau berasal daripada keluarga Minangkabau, Sumatera yang berhijrah ke Sarawak seterusnya menabur budi di Sarawak. Lihat, *Sarawak Gazette*, June 2nd, 1930 dan May 1st, 1931.

sekolah perempuan yang terus wujud sehingga pendudukan Jepun pada tahun 1941. Datu Syahbandar Abang Abdillah merupakan penyokong kuat kepada pendidikan wanita dan beliau merupakan anak kepada pendokong terawal pendidikan Melayu di Sarawak, iaitu Abang Mohammad Kassim. Sekolah ini memberikan fokus berkaitan asas pendidikan sastera, kemahiran membaca dan menulis kepada pelajar-pelajarnya. Pada tahun 1933 sekolah ini telah mempunyai 50 orang pelajar Melayu.²⁹

Kemasukan pelajar-pelajar Melayu yang tidak konsisten malah semakin berkurangan di Sekolah Kampung Jawa dan GLS telah menzahirkan idea untuk penggabungan kedua-dua sekolah tersebut bagi membentuk sekolah baharu yang menjadi aset paling penting kepada masyarakat Melayu Sarawak, iaitu Madrasah Melayu pada tahun 1931.³⁰ Berdasarkan rekod pada peringkat awal pembukaan Madrasah Melayu sebanyak 280 orang pelajar telah mendaftar secara rasmi untuk mengikuti pelajaran di institusi pendidikan tersebut. Seterusnya, menjelang enrolmen pada tahun 1933 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 120 orang kepada 400 orang pelajar berbanding tahun 1931. Hal ini menunjukkan peningkatan peratus 42.85 peratus, iaitu purata peningkatan seramai 60 orang pelajar dalam tempoh dua tahun.³¹ Tujuan penubuhan Madrasah Melayu ini bukan semata-mata melahirkan anak Melayu Sarawak yang berpendidikan tetapi membolehkan mereka menjawat jawatan kerani bagi membantu pentadbiran raja selain melahirkan pegawai-pegawai yang berkebolehan dan guru-guru Melayu yang dapat meneruskan usaha mendidik masyarakat Melayu sendiri.³²

²⁹ Pada tahun 1954, Madrasah Melayu telah dibangunkan sebagai sekolah menengah rendah kerajaan kedua menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar Melayu. Rujuk, *Sarawak Gazette*, December 2nd, 1929, August 1st, 1930, June 3rd, 1933 dan October 1st, 1925. Lihat juga, Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954, hlm. 99. Rujuk, *Sarawak Gazette*, December 2nd, 1929, August 1st, 1930, June 3rd, 1933 dan October 1st, 1925. Lihat juga, Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954, hlm. 99.

³⁰ Loh Chee Yin, *Pieces from the Brooke Past: The Malay Language*, dlm *Sarawak Gazette*, Mei 1966, hlm. 162.

³¹ Rujuk, *Sarawak Gazette*, July 1st, 1931 dan January 3rd, 1933

³² Kerajaan Brooke telah bertindak menghantar lepasan pelajar dari Madrasah Melayu ke Maktab Perguruan Tanjung Malim (MPSI), Perak untuk menampung kekurangan guru di Sarawak. Hal ini demikian kerana, di Sarawak ketika itu belum mempunyai satu institusi khas dalam melatih pelajar-pelajar lepasan sekolah untuk menjadi pendidik. Hasilnya, tidak lama selepas itu kerajaan telah mewujudkan

PENDIDIKAN ORANG MELAYU SARAWAK DI ZAMAN BRITISH, 1946-1963

Selepas pendudukan Jepun yang berakhir pada Ogos 1945, sistem pendidikan yang telah dimulakan oleh pemerintah Brooke telah diambil alih oleh Pemerintahan Tentera British sehingga April 1946 sebelum penyerahan sepenuhnya Sarawak kepada koloni British pada 1 Julai 1946. Walaupun keluarga Brooke masih mempunyai hak ke atas Sarawak tetapi Charles Vyner Brooke, iaitu Raja Ketiga telah mengambil keputusan yang mengejutkan penggantinya³³ dan rakyat Sarawak terutamanya rakyat yang setia kepada keluarga Brooke apabila bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Pendidikan pada zaman koloni British di Sarawak telah berkembang selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan pertambahan bilangan penduduk di sesebuah kawasan. Sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan juga tidak lagi hanya terhad kepada sekolah Melayu tetapi telah membawa kepada kemunculan sekolah-sekolah vernakular peribumi yang lain. Sebagaimana pada zaman Brooke, pendidikan pada zaman British terutamanya selepas perang dunia juga dibahagikan kepada tiga iaitu, Sekolah Vernakular, Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh.³⁴ Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah Melayu ternyata lebih berkembang memandangkan sistem pendidikan dan persekolahan Melayu sememangnya telah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pemerintah Brooke sebelum itu.

Kolej Perguruan di Sarawak untuk pelajar-pelajar Sarawak. Lihat, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 34.

³³ Pengganti mutlak Charles Vyner Brooke sebagai Raja Sarawak sepatutnya saudara lelakinya, iaitu Bertram Brooke, namun akibat daripada usianya yang telah lanjut dengan itu waris yang terdekat dan terhampir adalah anak Bertram, iaitu Anthony Brooke. Hal ini disebabkan Charles Vyner Brooke sendiri tidak mempunyai waris lelaki. Rujuk, Jagjit Singh Sidhu, *Sarawak 1900-1963*, dlm Zainal Abidin Wahid (ed), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 164. Lihat juga, Sanib Said, *Anti-Cession Movement, 1946 to 1951: The Birth of Nationalism in Sarawak*, Tesis B.A Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975, hlm. 16. Cubaan pernah dilakukan oleh Vyner Brooke untuk menghalalkan matlamat agar anak perempuannya diangkat sebagai pemerintah Sarawak (Raja) melalui penggubalan Perlembagaan 1941. Oleh yang demikian, bagi melancarkan niat tersebut penggunaan Perlembagaan 1941 dilakukan di luar pengetahuan Bertram Brooke dan telah menimbulkan kemarahan serta perasaan tidak puas hati Bertram. Vyner Brooke ternyata lebih mengambil perhatian kepada nasihat Setiausaha Sulitnya, iaitu McBryan. Walau bagaimanapun, cita-cita Vyner Brooke untuk mengubah undang-undang Negeri Sarawak yang telah membataskan hanya keturunan lelaki daripada keluarga Brooke sahaja yang boleh diangkat untuk menjadi Raja Sarawak.

³⁴ Ketiga-tiga jenis sekolah ini telah beroperasi pada zaman pemerintahan Brooke. Lihat, Le Gros Clark, C.D., *The Blue Report*, Kuching, 1935, hlm. 7.


Sekolah-sekolah yang wujud di Sarawak ketika pentadbiran koloni British diawasi sepenuhnya oleh jabatan pelajaran yang telah diwujudkan sejak tahun 1924 lagi.³⁵

Sistem pendidikan di Sarawak ketika koloni British dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sistem pendidikan agama dan sistem pendidikan vernakular. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan sekolah agama yang dihaskan untuk masyarakat Islam di Sarawak dan sekolah sekular yang menempatkan pelbagai kaum. Walaupun pembahagian sekolah tidak dilakukan secara langsung pada zaman Brooke namun begitu pendidikan agama turut diberi penekanan yang sewajarnya kepada anak-anak Melayu terutamanya yang bersekolah di sekolah-sekolah Melayu. Hakikatnya tetap jelas, pendidikan Melayu secara eksklusifnya diberikan kepada pelajar pada peringkat sekolah rendah sahaja tetapi untuk ke peringkat yang seterusnya, iaitu peringkat menengah pelajar-pelajar Melayu terpaksa menyambung pelajaran mereka ke sekolah Mubaligh seperti Sekolah St. Thomas dan St. Joseph. Abang Yusuf Puteh sendiri sebagai contoh yang terpaksa menyambung pelajaran ke peringkat menengah di sekolah Mubaligh Kristian dan mempelajari mata pelajaran Pengetahuan Bible sepanjang berada di sekolah tersebut. Selepas tamatnya perang dunia kedua, kebanyakan sekolah-sekolah di bawah jajahan British mengalami kemusnahan dari aspek harta benda seperti bangunan, perabot dan peralatan malah kekurangan guru-guru yang terlatih untuk mengajar pelajar-pelajar sekolah. Selain daripada kerja-kerja pemulihan, keperluan lain yang turut mendesak adalah untuk mendapatkan guru terlatih dari kolej latihan perguruan untuk sekolah-sekolah aliran Melayu.³⁶

³⁵ Diwujudkan oleh Raja Charles Vyner Brooke (Raja Ketiga Sarawak) pada tahun 1924.

³⁶ Bewsher, R.A., Agricultural Education Officer to the Acting Director of Education, *Report on Visits to Schools in 4th and 5th Divisions, March-June 1947*, No.51 in D.A. 22/7/3, 6th June 1947, MSS Pac.s. 59, RHL.

Rajah 5.2: Graf Perbandingan Bilangan Jenis Sekolah, Pelajar dan Guru di Sarawak Pada Tahun 1947



Sumber: Sarawak Annual Report 1947 – 1953, Government Printing Office, Kuching.

Berdasarkan Rajah 5.2, ketika koloni British telah mendapat kuasa penuh terhadap Sarawak pada tahun 1947, terdapat 72 buah sekolah kerajaan telah dibuka yang merangkumi seramai 4,416 orang pelajar dengan penempatan seramai 109 orang guru berbanding dengan sekolah mubaligh sebanyak 58 buah sekolah, 5,087 pelajar dan 192 orang guru. Sementara itu, sekolah Cina sebanyak 192 buah sekolah dengan 19,522 orang pelajar dan 656 orang guru. Hal ini menunjukkan kesedaran pendidikan pelajar-pelajar Melayu masih lagi rendah berbanding dengan pelajar-pelajar Cina walaupun sekolah-sekolah Melayu mendapat bantuan daripada pihak kerajaan. Hal ini dapat diperlihatkan berdasarkan data-data bilangan sekolah, murid dan guru di Sarawak pada tahun 1946 sehingga 1952 yang menunjukkan peningkatan yang ketara jumlah sekolah, pelajar dan guru di Sekolah-sekolah Cina sebagaimana dipaparkan dalam rajah 5.3.

Rajah 5.3 : Graf Perbandingan Bilangan Jenis Sekolah, Guru dan Pelajar di Sekolah Cina Antara Tahun 1946 dan 1952



Sumber: Sarawak Annual Report 1947 – 1953, Government Printing Office, Kuching

Berdasarkan rajah 5.3, didapati pertumbuhan sekolah Cina dari tahun 1946 sehingga 1952 menunjukkan pola yang meningkat secara berterusan, iaitu peningkatan dari 173 buah kepada 226 buah. Hal ini menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak 53 buah (30.6%) dalam tempoh tersebut. Jumlah guru turut menunjukkan pola yang meningkat, iaitu pertambahan sebanyak 345 orang berbanding 592 orang pada tahun 1946 kepada 937 orang pada tahun 1952. Jumlah pelajar di sekolah Cina turut menunjukkan peningkatan secara berterusan, iaitu peningkatan sebanyak 10 446 orang daripada 18,222 orang pada tahun 1946 kepada 28,668 orang pada tahun 1952.³⁷ Sekolah-sekolah Cina ini semakin berkembang dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah menunjukkan kesatuan mereka dalam menempatkan golongan Cina supaya setanding malah mampu untuk mengatasi anak-anak peribumi terutamanya orang Melayu.

³⁷ Sarawak Annual Report 1947 – 1953, Government Printing Office, Kuching.

Terkesan dengan kemunculan bantahan terhadap penyerahan Sarawak dan sokongan golongan pendidik Melayu terhadap pergerakan anti-penyerahan (anti-cession) sebenarnya telah memberikan impak kepada pendidikan Melayu di Sarawak lebih-lebih lagi pada sekitar tahun 1947. Situasi menjadi lebih kronik apabila sistem pendidikan di Sarawak baru sahaja dalam proses pemulihan akibat daripada peperangan dan bertambah perit apabila seramai 87 daripada 152 orang guru di sekolah Melayu meletakkan jawatan sebagai protes terhadap pekeliling yang diedarkan oleh kerajaan koloni British. Hal ini telah membawa kepada penutupan sebanyak 22 buah sekolah akibat daripada peristiwa tersebut.³⁸ Keadaan ini sudah pasti memberikan kesan yang lebih ketara kepada berlakunya kemerosotan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah kerajaan.


Perletakan jawatan guru-guru Melayu akibat membantah „Circular No.9/1946“ jelas telah melumpuhkan beberapa buah sekolah Melayu kerajaan di Kuching. Walau bagaimanapun, perkara ini menjadi usaha perintis kepada kewujudan sekolah-sekolah komuniti persendirian Melayu di Kuching. Sekolah persendirian Melayu yang pertama ialah Sekolah *Ra'yat* (Rakyat)³⁹ di kawasan penempatan Datu yang ditubuhkan pada tahun 1947 dengan menyediakan pendidikan kepada pelajar perempuan dan lelaki. Antara tahun 1947 dan 1952, tujuh buah sekolah *ra'yat* telah ditubuhkan, iaitu tiga di kawasan Datu dan empat di kawasan penduduk Melayu di kawasan tebingan Kuching. Usaha ini menjadikan sebanyak lapan buah sekolah *ra'yat* telah dibuka di Kuching termasuk yang pertama dibuka di kawasan penempatan Datu. Walaupun demikian, hanya beberapa buah sahaja yang dapat bertahan akibat daripada kekurangan dana dan kemudahan, tambahan pula telah berlakunya

³⁸ *Sarawak Annual Report 1947*, Kuching : GPO, 1948. Penutupan sekolah bukan sahaja disebabkan oleh keputusan seramai 87 orang guru Melayu meletakkan jawatan akibat membantah Circular 9/1946 tetapi juga terkesan daripada tindakan ibu bapa yang menyokong anti-penyerahan dengan mengeluarkan anak-anak mereka daripada sekolah-sekolah tersebut. Hal ini telah membawa kepada pembukaan beberapa buah sekolah persendirian Melayu yang dinamakan sebagai Sekolah *Ra'yat* bagi menempatkan pelajar-pelajar tersebut untuk meneruskan pengajian mereka. Lihat, Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, 1997, hlm. 303.

³⁹ Antara pelopor kepada pembukaan Sekolah *Ra'yat* untuk kepentingan pelajar-pelajar Melayu ialah Cikgu Lily Eberwein, iaitu Presiden Kaum Ibu. Beliau turut menceritakan keperitan dalam mencari ilmu pengetahuan dengan menempuh pelbagai cabaran lebih-lebih lagi bagi pelajar perempuan. Beliau dilahirkan di Kuching hasil perkahwinan campur di sebelah ayahnya seorang pegawai Eropah dan ibunya seorang Melayu. Rujuk, *Sarawak Tribune*, 9th February, 1971.

kemerosotan gerakan anti-penyerahan pada masa tersebut.⁴⁰ Walau bagaimanapun, usaha dalam mendidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada anak-anak Melayu dapat diusahakan melalui penubuhan sekolah-sekolah ini.⁴¹ Pada akhir tahun 1954, terdapat seramai 1,846 orang pelajar Melayu yang direkodkan mendaftar di sekolah-sekolah persendirian Melayu ini.⁴² Walaupun bilangan pelajar-pelajar Melayu menunjukkan peningkatan dan penambahan bilangan yang mempunyai kesedaran untuk bersekolah tetapi masih tidak mampu untuk mengatasi pertumbuhan pelajar-pelajar Cina.

Rajah 5.4: Graf Menunjukkan Jumlah Pelajar Mengikut Kaum Pada Tahun 1954



Sumber: Sarawak Education Department, Annual Summary, 1954, Table IX.

Berdasarkan kepada rajah 5.4, pada tahun 1954 sahaja dianggarkan jumlah pelajar Cina yang dicatatkan adalah sebanyak 21.3 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Cina, iaitu 174,618 orang berbanding pelajar Melayu sebanyak 6.5 peratus daripada 108,533 orang, 2.6 peratus pelajar Dayak daripada 309,142 orang dan lain-lain kaum berjumlah

⁴⁰ Sekolah-sekolah Ra'yat ini merupakan sekolah persendirian yang dibina dan dibiayai dananya oleh orang-orang Melayu, iaitu pendokong kepada gerakan anti-Cession berikutan perletakan jawatan guru-guru terhadap tindakan kerajaan British yang mengeluarkan Pekeliling 9. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya kemerosotan kepada gerakan ini telah menyebabkan perpecahan kepada ahli-ahli dalam gerakan ini yang akhirnya membawa kepada kekurangan dana dan sokongan daripada mereka untuk sekolah-sekolah Ra'yat. Akhirnya, keputusan untuk menutup sekolah-sekolah ini diambil dan para pelajar Melayu kembali menyambung pelajar di sekolah-sekolah kerajaan yang lain.

⁴¹ Lihat, *Utusan Sarawak*, 19 Disember 1949, dan, C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, 1987, hlm. 483.

⁴² Kebiasaanya sekolah tradisional Melayu hanya mempunyai seorang guru yang lebih cenderung untuk fokus kepada aspek mata pelajaran agama sahaja. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, 1997, hlm. 304.

9,665 orang sebanyak 4.0 peratus.⁴³ Jumlah keseluruhan pelajar yang didaftarkan pada tahun tersebut adalah sebanyak 52,674 orang. Terpancar daripada perbezaan jumlah tersebut membuktikan masyarakat Cina begitu menitikberatkan pendidikan dalam kalangan kehidupan mereka dan memandang jauh ke hadapan dalam pelbagai aspek. Oleh sebab itu, walaupun jumlah peratusan keseluruhan pelajar Melayu dan bumiputera lain digabungkan masih tidak mampu mengatasi jumlah peratusan pelajar-pelajar Cina yang berdaftar.

Kemunduran pendidikan dalam kalangan orang Melayu terus diperdebatkan. Perbezaan jumlah yang ketara pelajar Melayu berbanding dengan pelajar Cina menunjukkan jurang pendidikan yang terlalu jauh antara kedua-dua kaum tersebut. Pada tahun 1958, hanya terdapat 27 orang pelajar Melayu yang lulus dalam peperiksaan „Sarawak Junior Cambridge“ dari Madrasah Melayu, St Joseph, St Thomas dan St Theresa.⁴⁴ Pada tahun 1959, perbezaan yang sangat ketara dapat ditunjukkan berdasarkan rekod pada tahun 1960 yang menunjukkan bahawa pada peringkat sekolah menengah hanya 44 orang pelajar Melayu yang mengikuti pelajaran di Sekolah Aliran Inggeris dan Cina. Jumlah enrolmen pelajar kaum Cina pula sebanyak 1,487 orang daripada jumlah keseluruhan pelajar kedua-dua aliran tersebut, iaitu sebanyak 1,610 orang pelajar yang jelas menunjukkan jurang yang sangat ketara berbanding jumlah pelajar Melayu.⁴⁵ Situasi pendidikan Melayu di kawasan bandar ternyata begitu membimbangkan dan keadaan ini sudah tentu menjadi lebih kritikal di kawasan-kawasan luar bandar yang majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana penurunan jumlah pelajar menunjukkan situasi yang amat serius terkesan daripada penurunan kehadiran pelajar dan ditambah lagi dengan pengabaian pelajar serta ibu bapa terhadap pendidikan anak masing-masing.⁴⁶

⁴³ Ibid., hlm. 304. Lihat juga, Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1954, Table IX.

⁴⁴ *Utusan Sarawak*, 25 Disember 1958, hlm. 1.

⁴⁵ *Council Negri Debates*, 6th, 7th, 8th, 9th Disember 1960, hlm. 24.

⁴⁶ Keadaan ini telah disebutkan dalam Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954, hlm. 88.

Rajah 5.5: Graf Menunjukkan Jumlah Pelajar Mengikut Kaum Pada Tahun 1960




Sumber: Jones, L. W., Sarawak: Census of Population (15th June 1960), Kuching: Government Printing Office, 1962

Rajah 5.5 menunjukkan bahawa menjelang tahun 1960, jumlah keseluruhan pelajar yang direkodkan adalah sebanyak 94,773 orang. Berdasarkan jumlah tersebut sebanyak 14,173 orang pelajar Melayu daripada 10.96 peratus jumlah keseluruhan penduduk Melayu di Sarawak telah direkodkan. Pelajar daripada kaum Dayak ternyata menunjukkan peningkatan yang amat ketara, iaitu sebanyak 27,079 orang atau 7.16 peratus daripada populasi, manakala pelajar Cina terus kekal mendahului dengan jumlah 52,798 orang atau sebanyak 23 peratus daripada populasi masyarakat Cina di Sarawak. Selebihnya 723 orang ialah kaum-kaum lain yang mewakili 8.9 peratus daripada populasi. Berdasarkan jumlah tersebut hanya empat peratus sahaja orang Melayu yang berjaya menamatkan pengajian mereka di sekolah menengah jika dibandingkan dengan 74 peratus pelajar Cina selain peratusan pelajar Eropah yang juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar Melayu Sarawak.⁴⁷

⁴⁷ Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1962, hlm. 91.

Oleh yang sedemikian, keadaan ini tidak menghairankan apabila kadar celik huruf masyarakat Melayu yang direkodkan hanya 25 peratus berbanding dengan Cina, iaitu sebanyak 53 peratus. Masyarakat daripada bumiputera yang lain sebanyak 35.8 peratus yang merangkumi Melanau sebanyak 17.8 peratus, Bidayuh 11 peratus dan Iban 7 peratus daripada populasi masing-masing.⁴⁸ Kadar celik huruf masyarakat Cina jelas menunjukkan aspek pendidikan sangat diutamakan kepada anak-anak mereka. Kesedaran tentang kepentingan pendidikan mendorong kaum Cina membuka pusat-pusat pendidikan agar mereka tidak ketinggalan dalam arus perubahan. Kaum Cina ternyata menyedari bahawa untuk bersaing dengan kaum peribumi bukan sahaja perlu menguasai aspek ekonomi tetapi juga memastikan aspek pendidikan turut berada dalam genggaman mereka.

Rajah 5.6 : Graf Perbandingan Jumlah Pelajar Menamatkan Pengajian Mengikut Kaum, 1960



Sumber: Jones, L. W., Sarawak: Census of Population (taken on 15th June 1960), Kuching: Government Printing Office, 1962.

Rajah 5.6 menunjukkan perbandingan jumlah pelajar Melayu dan Cina yang berjaya menamatkan pendidikan sama ada peringkat menengah dan universiti pada tahun 1960. Jika diteliti, rajah tersebut menunjukkan bahawa pada tahun 1960 daripada 2,829 orang pelajar

⁴⁸ Jones, L. W., *Report on the Census of Population (taken on 15th June 1960)*, 1961, Ch.VI.

secara keseluruhannya hanya 104 orang pelajar Melayu yang berjaya menamatkan pelajaran di peringkat menengah rendah dan tujuh orang berjaya menamatkan pelajaran di peringkat maktab dan universiti. Hal ini membuktikan bahawa hanya 111 orang pelajar yang berjaya menamatkan pelajaran sekurang-kurangnya peringkat menengah berbanding dengan 2,829 orang pelajar. Hal ini bermakna seramai 2,718 orang tidak berjaya menamatkan pelajaran sama ada gagal ataupun berhenti. Hal ini ternyata berbeza dengan jumlah pelajar kaum Cina yang berjaya menamatkan pelajaran seramai 2,312 orang, iaitu seramai 2,107 orang di peringkat menengah manakala 205 orang pelajar berjaya menamatkan pelajaran di peringkat universiti.⁴⁹

Berdasarkan rekod pada tahun 1963, dianggarkan seramai 244,279 orang penduduk sepatutnya berada di sekolah namun separuh daripadanya sahaja yang memasuki sekolah rendah dan menengah. Direkodkan 78 peratus penduduk kaum Cina yang berada dalam usia persekolahan berada di sekolah, manakala hanya 45 peratus sahaja pelajar Melayu memilih untuk meneruskan pelajaran ke sekolah rendah dan menengah.⁵⁰ Pada tahun semasa, seramai 359 orang pelajar Sarawak yang lulus dalam peperiksaan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ke luar negara seperti ke Tanah Melayu, Singapura, Australia, Kanada dan United Kingdom. Berdasarkan jumlah pelajar yang berjaya hanya 27 orang merupakan pelajar Melayu, iaitu sepuluh orang ke peringkat ijazah, empat orang diploma, empat orang pelajar ke peringkat persijilan dan empat orang dalam kursus kejururawatan.⁵¹

Kekurangan jumlah pelajar Melayu menghadiri persekolahan bukan sahaja disebabkan sekolah-sekolah yang kebanyakannya di bina di kawasan bandar atau kampung-kampung utama sahaja tetapi disebabkan oleh sistem persekolahan yang berat sebelah yang

⁴⁹ Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (taken on 15th June 1960)*, 1962, hlm. 90.

⁵⁰ Sarawak Education Department, *Annual Summary*, 1963, Table IB.

⁵¹ Lihat, *Sarawak Gazette*, April 1963, hlm.86-92.

diamalkan oleh koloni British. Pandangan yang merujuk pendidikan pada zaman koloni British sebagai „zaman mission“⁵² ternyata jelas membuktikan alasan yang menyebabkan kemunduran sistem persekolahan Melayu yang tidak diberi perhatian sewajarnya. Tindakan koloni British telah meninggalkan sistem persekolahan Melayu yang jauh ke belakang berbanding pendidikan kaum Cina dan sekolah Mubaligh. Bukan itu sahaja, pendidikan lanjutan untuk sekolah-sekolah Melayu tidak diberi perhatian seadilnya oleh pihak British. Situasi ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tiada pilihan melainkan terpaksa melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas di sekolah Mubaligh seperti Sekolah St. Thomas, St. Joseph, St. Theresa, Sunny Hill dan lain-lain.⁵³ Oleh yang demikian, sekolah-sekolah Mubaligh semakin berkembang dan mantap melalui sumber dana yang banyak disalurkan oleh British.⁵⁴

Atas kesedaran yang tinggi untuk melihat masyarakat Melayu pesisir mencapai kemajuan dalam bidang pendidikan maka Abang Yusuf Puteh bangkit untuk menyuarakan teguran melalui penulisannya. Apabila mengimbas kembali kepada fakta sejarah dan perkembangan pendidikan bagi masyarakat Melayu di Sarawak ianya jelas membuktikan pendidikan masyarakat Melayu di kawasan bandar banyak diberi perhatian oleh pihak kerajaan dewasa itu. Walaupun penumpuan pendidikan terhadap masyarakat Melayu tidak boleh dibanggakan kerana pendidikan untuk kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina yang lebih ke hadapan tetapi asas yang disediakan seperti kewujudan institusi pendidikan telah memberikan peluang pengenalan kepada masyarakat Melayu dalam aspek pendidikan.

⁵² Putit Matzen, „Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak“, *Sarawak Museum Journal*, XLVII, December 1997, hlm. 107-124.

⁵³ Hashim turut mengkritik tindakan British yang mengabaikan pelajaran pendidikan menengah dalam kalangan pelajar Melayu. Keadaan ini menjadi satu faktor yang telah menafikan hak pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas. Atas alasan ini telah menjadi satu faktor ibu bapa pelajar Melayu tiada pilihan tetapi terpaksa memberhentikan persekolahan anak-anak mereka kerana tidak mempunyai kemampuan menghantar anak mereka ke sekolah mubaligh. Peluang untuk pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah ialah sekolah Batu Lintang dan Madrasah Melayu sahaja, itupun hanya peringkat menengah rendah dan terpaksa melalui proses pemilihan yang sangat ketat. Rujuk, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 100.

⁵⁴ Putit Matzen, „Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak“, December 1997, hlm. 107-124. Beliau mengistilahkan zaman Koloni British sebagai „Zaman Mission“, apabila kerajaan British lebih menitik beratkan pendidikan sekolah-sekolah Mubaligh dengan harapan sebagai medium untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan pelajar Melayu yang bersekolah di sekolah Mubaligh.

Suasana pendidikan masyarakat Melayu di kawasan bandar pada tahap tersebut sudah cukup membimbangkan Abang Yusuf Puteh dan sudah tentu keadaan lebih sukar terpaksa diharungi masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Justeru, hasil daripada pemerhatian, pengamatan dan penyelidikan Abang Yusuf Puteh telah mendorong beliau untuk membuat teguran agar pertimbangan dan langkah yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berwajib. Oleh yang demikian, hasil daripada penyelidikan yang dilakukan di kawasan-kawasan Melayu pesisir di Daerah Kalaka telah menemukan beberapa aspek yang disentuh beliau untuk diambil pertimbangan dan langkah yang sewajarnya oleh pihak-pihak berwajib.

TEGURAN ABANG YUSUF PUTEH TERHADAP PENDIDIKAN MELAYU

Secara umumnya, data-data di atas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pesisir masih keciciran dalam aspek pendidikan sehingga 1960-an. Pelajar-pelajar Melayu di kawasan luar bandar masih kurang terdedah dengan perkembangan pendidikan yang berlaku dewasa itu. Peluang pendidikan yang sangat terhad di kawasan luar bandar dengan pelbagai bentuk kekurangan selain kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi penyumbang kepada anak-anak Melayu yang sepatutnya berada di alam persekolahan tidak mendapatkan pendidikan yang sewajarnya.

Abang Yusuf Puteh ternyata bertindak melalui pengalaman perit yang pernah dialami sendiri dalam usaha untuk mencari ilmu pengetahuan sebagai anak Melayu pesisir. Hal ini sudah pasti menjadi indikator penting kepada usahanya untuk memartabatkan pendidikan bagi masyarakat Melayu pesisir khususnya. Walaupun Sarawak telah berada dalam Malaysia sejak 1963, namun beliau melihat orang Melayu Sarawak masih terlalu jauh daripada arus kemajuan. Malah antara tahun 1970 sehingga 1996, kedaifan sekolah-sekolah masyarakat

Melayu pesisir masih ditakuk yang lama dan membimbangkan. Peranan pendidikan sebagai wadah untuk mencapai kemajuan yang memprojeksikan kejayaan sesebuah masyarakat sepatutnya sudah lama difahami dan diberi penekanan dalam kalangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu pesisir jelas ketinggalan dalam aspek pendidikan ini sebagaimana yang dicitrakan oleh Abang Yusuf Puteh melalui penulisannya. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat 13 buah kampung Melayu pesisir di Daerah Kalaka, Saratok yang dijelajahi untuk meninjau keadaan pendidikan yang disediakan kerajaan kepada masyarakat Melayu sekitarnya.⁵⁵ Tambahan pula, beliau yang pernah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak 1960 sehingga 1985 banyak memberikan input tentang jurang pendidikan masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu, berdasarkan pengalaman, pengamatan dan pemerhatian beliau di Daerah Kalaka di dapati masyarakat Melayu pesisir jauh ketinggalan dan mundur dalam aspek pendidikan. Kemunduran ini disebabkan oleh pengabaian infrastruktur institusi pendidikan, pengabaian terhadap kebajikan guru dan pelajar serta kurangnya kesedaran terhadap pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir.

Pengabaian Infrastruktur Institusi Pendidikan

Pengalaman alam persekolahan peringkat sekolah rendah di kampung yang jauh di pedalaman telah memberikan banyak input yang berguna kepada Abang Yusuf Puteh. Keadaan infrastruktur sekolah yang begitu menyedihkan terpaksa ditempuhi demi mendapatkan ilmu pengetahuan bagi mengejar cita-cita untuk menggapai kejayaan.⁵⁶ Beliau menyaksikan kedaifan tersebut tanpa sebarang bentuk perubahan sepanjang enam

⁵⁵ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 21-73.

⁵⁶ Putit Matzen turut menyatakan tentang pengabaian infrastruktur di sekolah-sekolah secara tidak langsung. Menurut beliau, sekolah-sekolah yang banyak dibina di merata tempat di Sarawak banyak yang belum lengkap dari segi fizikalnya, tetapi tetap ada guru untuk mengajar para pelajarnya. Lihat juga, Putit Matzen, "Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak", December 1997, hlm.107-124.

tahun untuk menghabiskan persekolahan rendahnya bermula pada tahun 1941 sehingga 1946. Keadaan ini sudah tentu mewujudkan perasaan insafnya terhadap nasib yang menimpa masyarakat Melayu di kawasan luar bandar atau pesisir. Situasi ini jelas menggambarkan pengabaian aspek infrastruktur oleh pihak kerajaan malah ada kawasan penempatan tertentu masyarakat Melayu pesisir yang lebih teruk apabila langsung tidak mempunyai sebuah sekolah pun untuk pendidikan anak-anak mereka.⁵⁷ Hal ini lebih menyedihkan apabila tidak ada sebarang bentuk perubahan atau usaha untuk membangunkan semula sekolah tersebut atau sekolah-sekolah di sekitarnya untuk keselesaan para pelajar menimba ilmu pengetahuan. Kedaifan dan pengabaian infrastruktur dapat diteliti sebagaimana yang ditegaskan oleh beliau dalam penulisannya, iaitu:

*The primary school is in a really deplorable state of maintenance should travel more extensively to the rural areas of the state to see the awful conditions of rural schools. The one at Kupang is appalling. It has been there since the colonial days. I have taken a few pictures of this school for posterity, and proof of rural neglect. It is unimaginable that after some 32 years of independence that the teachers, including the headmaster, are housed in make-shift huts.*⁵⁸

Berdasarkan petikan di atas, didapati suasana kondusif tiada langsung dalam kamus hidup para pelajar dan guru-guru di kawasan pesisir. Setelah hampir 32 tahun keadaan sekolah yang banyak menaburkan bakti kepada beliau masih tetap sama tanpa sebarang perubahan sejak dari zaman kolonial lagi.

Kondisi sekolah yang begitu daif telah wujud di situ sejak zaman kolonial tanpa sebarang pembaharuan dan pembaikpulihan yang sewajarnya. Kalau ada pun pembaikpulihan yang dilakukan namun masih tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa kerajaan tidak mengabaikan pendidikan masyarakat pesisir. Dalam era pascamerdeka adalah amat menyedihkan apabila menyaksikan keadaan bilik kelas yang

⁵⁷ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 21-26.

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 22.

tidak selayaknya untuk diduduki pelajar dalam menimba ilmu. Beliau tidak mampu untuk membayangkan keperitan dan kesukaran pelajar-pelajar Melayu pesisir ini dalam usaha untuk menempatkan diri mereka sebaris dengan pelajar-pelajar di kawasan bandar. Selain pengabaian infrastruktur untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, kekurangan kemudahan asas seperti kediaman guru, bekalan air dan letrik turut dialami sekolah-sekolah di kawasan Melayu pesisir. Suasana seperti ini melemahkan semangat guru-guru untuk terus memberikan khidmat pendidikan kepada anak-anak Melayu pesisir. Gambaran dari penulisan Abang Yusuf Puteh berkaitan infrastruktur sekolah-sekolah di kawasan Melayu pesisir Sarawak khususnya di Daerah Kalaka jelas membuktikan pengabaian yang ketara pihak kerajaan terhadap pendidikan masyarakat di situ.

Berdasarkan teguran yang dilontarkan Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya didapati pengabaian infrastruktur pendidikan di kawasan tersebut jelas menunjukkan sikap lepas tangan pihak kerajaan terhadap pembangunan pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Senario ini menyebabkan mereka terus ketinggalan dalam arus kemajuan pendidikan yang sepatutnya telah semakin berkembang ketika itu lebih-lebih lagi setelah dua dekad berlakunya pembentukan Malaysia. Impaknya, masyarakat Melayu di kawasan bandar dan kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina terus bergerak pantas tanpa menoleh ke belakang lagi dari aspek ekonomi dan sosial sedangkan masyarakat Melayu pesisir masih jauh ketinggalan akibat kemunduran dalam bidang pendidikan.

Teguran Abang Yusuf Puteh ini sejajar dengan kritikan yang pernah dilontarkan oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) tentang pengabaian pihak pemerintah dalam aspek pembangunan pendidikan orang-orang Melayu. Hal ini kerana golongan yang berkedudukan sezaman dengannya terlalu leka dengan kemewahan sendiri tanpa berjuang untuk kepentingan masyarakat. Golongan pemimpin ketika itu berkemampuan untuk

menubuhkan ratusan buah kelab dengan tujuan untuk berhibur namun tidak menghiraukan aspek pendidikan masyarakat Melayu khususnya untuk pembangunan modal insan generasi yang akan datang.⁵⁹ Abang Yusuf Puteh menjadikan pendekatan yang dibawa oleh Za'ba sebagai sumber inspirasi untuk melakukan perkara yang sama, iaitu berusaha untuk memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu melalui pandangan dan tegurannya. Sementara itu, Ungku Aziz turut membincangkan punca-punca kemiskinan masyarakat di kawasan luar bandar. Beliau telah memberikan cadangan bahawa untuk mengubah corak hidup masyarakat di kawasan luar bandar perlu memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan selain menghapuskan penindasan yang dilakukan terhadap masyarakat ini.⁶⁰ Pandangan-pandangan tersebut mencerminkan kepentingan aspek pendidikan untuk memajukan sesebuah masyarakat.

Tuntasnya, pengabaian aspek infrastruktur bagi tujuan pendidikan di kawasan masyarakat Melayu pesisir memberikan impak negatif kepada perkembangan pendidikan di kawasan tersebut malah telah melambatkan kemajuan dari aspek fizikal kepada kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, pihak kerajaan hendaklah melakukan transformasi dalam membangunkan pendidikan di kawasan-kawasan yang telah lama dibiarkan sebelum ini agar mereka mampu mengubah nasib kepada yang lebih baik sebagaimana kehidupan masyarakat Melayu di kawasan bandar dan kaum-kaum lain.

⁵⁹ Zainal Abidin Ahmad, Jalan Keselamatan Orang-orang Melayu, *Al-Ikhwān* 16 Jun: 187, dan, 16 Ogos 1927, hlm. 229.

⁶⁰ Ungku A. Aziz, *Jejak-jejak di Pantai Zaman*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1987.

Gambar 5.1 : Salah Sebuah Sekolah di Daerah Kalaka pada tahun 1994



Sumber: Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.

Gambar 5.2 : Pemandangan di kawasan Sekolah Rendah Kerajaan Perpat di Daerah Kalaka pada tahun 1994



Sumber: Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.

Pengabaian Terhadap Kebajikan Guru

Selain pengabaian infrastruktur dalam bidang pendidikan di kawasan Melayu pesisir, perkara yang turut dibangkitkan adalah berkaitan dengan pengabaian terhadap kebajikan guru. Pengabaian terhadap kebajikan guru ternyata dirasakan dan dialami bagi guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah di kawasan Melayu pesisir kerana situasinya amat menyedihkan. Hal ini menunjukkan ketidakprihatinan pihak kerajaan terhadap pendidikan masyarakat di kawasan pesisir sehingga kebajikan guru dan pelajar dianaktirikan. Oleh sebab tiada tempat untuk mengadu maka hal ini menjadi benteng yang kukuh untuk pihak yang berwajib terus menerus melakukan kezaliman terhadap hak pendidikan masyarakat. Menurut Percival dan Robert, antara faktor yang perlu diambil perhatian untuk menjaga kebajikan guru ialah hubungan pentadbiran dan keadaan persekitaran sekolah.⁶¹ Hal ini kerana faktor ini mampu mempengaruhi emosi guru yang sudah pasti akan memberikan impak kepada pelaksanaan tugas dan prestasi mereka kepada anak-anak pelajar.

Tinjauan yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh setelah sekian lama terhadap sekolah-sekolah masyarakat Melayu di kawasan pesisir memperlihatkan keadaan yang tidak berubah sejak sebelum merdeka. Walaupun sudah hampir 32 tahun merdeka (1963-1994), kediaman guru termasuk guru besar amat menyedihkan dan tidak dilakukan sebarang pembaikpulihan.⁶² Kediaman ini kelihatan seperti binaan sebuah pondok sementara waktu sahaja sementara menunggu ia musnah dimamah usia. Keresahan terhadap pendidikan yang meminggirkan kebajikan guru tertuang dalam teguran Abang Yusuf Puteh. Dalam penulisannya, beliau memberikan gambaran tentang keadaan kuarters guru seperti berikut:

⁶¹ Percival, M.S & Robert, T.F., Welfare of the Teacher, *Review of Educational Research*, Vol 22, No.3, 1952, hlm. 206-211.

⁶² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm.22.

*It is unimaginable that after some 32 years of independence that the teachers, including the Headmaster, are housed in make-shift huts.*⁶³

*There are two interesting items worth highlighting. The first is the primary school, built in 1958. Except for the slightly overgrown playing field and one new classroom built on gotong royong (self help), and an attempt at flower landscaping by the headmaster, the school is very much like as it was during the colonial days. The teachers' quarters are as rudimentary as those in Kupang.*⁶⁴

Bertitik tolak daripada pernyataan Abang Yusuf Puteh di atas, jelas membuktikan tidak ada usaha bersungguh-sungguh pihak kerajaan untuk menjaga kebajikan guru-guru demi memartabatkan pendidikan masyarakat Melayu pesisir. Sebaliknya, usaha-usaha yang dilakukan adalah atas kesedaran pimpinan sekolah, iaitu guru besar dan anggota masyarakat kampung melalui perjumpaan dan perbincangan untuk melaksanakan aktiviti gotong royong (berdurok) membina bilik kelas serta melakukan pembersihan di persekitaran sekolah. Hal ini sekali lagi menggambarkan tindakan pengabaian terhadap kebajikan pelajar dan guru yang ternyata tidak diambil peduli oleh kerajaan.

Pengabaian kebajikan guru yang ditugaskan di kawasan pesisir bukan sahaja melibatkan kediaman yang menyedihkan tetapi terdapat sebahagian sekolah hanya menempatkan seorang guru untuk mengajar bilangan pelajar yang ramai dalam pelbagai subjek. Contohnya, Abang Yusuf Puteh sendiri mengalami situasi tersebut semasa zaman persekolahan peringkat rendahnya. Sikap pemerintah terhadap pendidikan masyarakat pesisir berbeza jika dibandingkan dengan masyarakat di kawasan bandar. Hal ini sebagaimana yang diperjelaskan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu:

The school had only one teacher, a saintly gentleman, called Cikgu Adenan bin Abok. He was a multi talented man, apart from his teaching expertise. He was a good carpenter, a lucky fisherman, an accomplished Quran reader, and knew the ways of the rice plant. A deeply religious

⁶³ Ibid., hlm. 22.

⁶⁴ Ibid., hlm. 47.

*man, he tried to impart to us kids what he knew about Islam and the „Mday Adat“.*⁶⁵

Pernyataan tersebut merungkaikan keperitan guru-guru di kawasan masyarakat Melayu pesisir dalam usaha untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Sesiapa sahaja akan beranggapan guru sedemikian sebagai „hero“ dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Pihak kerajaan tidak seharusnya mengambil kesempatan terhadap perkara tersebut dengan bersikap lepas tangan tanpa mengambil tindakan yang sewajarnya. Tindakan pihak kerajaan dengan hanya menempatkan seorang guru di sesebuah sekolah mencitrakan pengabaian yang jelas terhadap kebajikan guru. Akibatnya, para pelajar terpaksa menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai subjek melalui seorang sahaja yang bergelar pendidik. Keadaan ini sekaligus memberikan impak negatif kepada perkembangan pendidikan terutamanya pelajar Melayu pesisir.

Bebanan yang dipikul oleh seorang guru tidak boleh dianggap semata-mata sebagai pengorbanan yang dilakukan oleh mereka. Situasi ini perlu dilihat berdasarkan pemikiran bercapah dan bukannya sehala. Dalam hal ini sebagaimana ikhlas sekali pun seorang guru maka tidak seharusnya pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan yang akhirnya menunjukkan kelemahan dan pengabaian pihak kerajaan terhadap kebajikan guru dan pelajar. Akibat daripada guru yang tidak mencukupi menyebabkan pelajar-pelajar sukar untuk memberikan fokus dan memperoleh pendidikan dengan lebih efisien dan efektif. Walau bagaimanapun, pujian harus diberikan kepada guru seperti ini yang dianggap oleh Abang Yusuf Puteh sebagai mempunyai pelbagai kemahiran dan pakar dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Pengabaian berterusan yang dialami sejak zaman berzaman terutamanya pada zaman Brooke (1841-1941), zaman pendudukan Jepun (1941-1945) dan

⁶⁵ Ibid., hlm.123.

zaman koloni (1946-1963) telah menyebabkan kemunduran masyarakat pesisir dalam bidang pendidikan.

Lontaran teguran Abang Yusuf Puteh sejajar dengan pembangunan pendidikan kawasan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang ditegaskan oleh Datuk Musa Hitam (sekarang Tun) ketika lawatan kerja di Sarawak sebagai Menteri Pelajaran pada 15 September 1980. Keperluan kepada tenaga pengajar pakar yang akan dihantar ke sekolah-sekolah di kawasan pedalaman yang melibatkan penempatan masyarakat Melayu pesisir dituntut dalam usaha untuk membantu memajukan pendidikan di kawasan pedalaman.⁶⁶ Walau bagaimanapun, tiada tindakan yang telah diambil untuk merealisasikan perancangan tersebut menyebabkan kekurangan tenaga pengajar masih terus berlaku di sekolah-sekolah di kawasan pesisir. Ini telah menyebabkan keperluan tenaga pengajar di sekolah-sekolah penempatan Melayu pesisir semakin terdesak walaupun Rancangan Malaysia Keempat telah lama berakhir.

Jelas, walaupun telah bersama-sama mengecapi zaman kemerdekaan apabila terbentuknya Persekutuan Malaysia keadaan yang sama masih terus dialami oleh masyarakat Melayu di kawasan luar bandar khususnya pengabaian dalam mendapatkan hak pendidikan. Pengabaian ini merujuk kepada pengabaian terhadap hak kebajikan guru dan pelajar-pelajar Melayu pesisir untuk mendapat kesempurnaan pendidikan sebagaimana pelajar-pelajar Melayu di kawasan bandar.⁶⁷ Teguran ini merupakan rakaman pengalaman yang dialami dan disaksikan sendiri oleh beliau sebagai anak Melayu pesisir yang dibesarkan dan memperoleh pendidikan awalnya di kawasan tersebut.

⁶⁶ *Sarawak Tribune*, 16 September 1980, hlm. 18.

⁶⁷ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tear: The Poor Malays of Sarawak*, hlm.7-46.

Gambar 5.3 : Kuarters Guru di Sekolah Rendah Kerajaan Kupang, Kalaka pada tahun 1994



Sumber: Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.

Kelemahan Sistem Pendidikan

Dalam konteks yang lebih luas, Abang Yusuf Puteh turut melontarkan kebimbangannya terhadap kelemahan sistem pendidikan yang sedia ada. Pada pandangan beliau, dasar pendidikan yang sedia ada gagal dalam menentukan hala tuju sebenar aspek penggunaan bahasa yang serba tidak kena. Hal ini merujuk kepada sistem yang jelas tidak mengimplementasikan arahan yang asal sehingga membawa kepada kesukaran guru-guru untuk menyampaikan pendidikan. Abang Yusuf Puteh melontarkan kekecewaannya kepada perubahan penggunaan bahasa sebagai medium untuk PdP dalam kelas yang sepatutnya tidak berlaku. Keadaan ini sebagaimana disebutkan beliau, iaitu:

In the rush to push Malay language in schools, teachers trained in English were made to teach in Malay. It was close to the proverb: the blind leading the blind. Then switch back to English in recent years. What is happening is that teachers taught in Malay have to teach in English. A repeat of the proverb, in double dosage. The worst victims of the change-of-heart are the rural students. It has been most unfair to them.⁶⁸

Berdasarkan tegurannya ini menunjukkan bahawa perubahan bahasa pengantar yang terlalu drastik memberikan kesan yang negatif kepada para pelajar malah memberikan tempas kepada motivasi guru-guru. Pendidikan asas guru-guru perlu juga difikirkan oleh pihak kerajaan agar dapat melaksanakan sesuatu tugas dengan lebih efektif dan dinamik. Guru-guru yang berfikir dalam bahasa Inggeris sebagai medium terpaksa melaksanakan PdP ke dalam bahasa Melayu dan begitu juga sebaliknya. Lanjutan itu, keadaan ini akan mengakibatkan kesukaran untuk menyampaikan mesej dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sepatutnya, guru memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menanamkan minat pelajar pada peringkat awal. Oleh yang demikian, teknik pencerahan daripada guru

⁶⁸ Ibid., hlm.311.

berkaitan sesuatu bidang ilmu amat penting sebelum pelajar mampu untuk melakukan sendiri. Hal ini merujuk sesuatu bidang ilmu perlu dijelaskan kepada anak didik dengan penyampaian yang senang difahami supaya memudahkan mereka untuk menghadam ilmu yang telah diajar. Setelah keseronokan ilmu pendidikan dalam kalangan pelajar berjaya dicipta maka kesannya akan memudahkan pencerahan dalam pelbagai ilmu dapat disampaikan. Ini yang disebutkan oleh Siddiq Fadzil, iaitu dunia pendidikan masa kini harus dilihat dalam konteks misi *tahririy-tanwiry* (pembebasan-pencerahan).⁶⁹

Perubahan pelaksanaan bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri pada 1 Januari 1977 selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sememangnya diakui bahawa terdapat usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menjayakan perubahan bahasa pengantar dengan menghantar guru-guru bahasa Malaysia ke pusat-pusat latihan. Menurut Syed Idrus dan Santhiram sebanyak 90 orang guru telah dihantar ke Semenanjung Malaysia pada tahun 1972 bagi merealisasikan harapan untuk mengajar bahasa berkenaan di sekolah-sekolah di Sarawak.⁷⁰ Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan yang mendadak jumlah pelajar di Sekolah aliran Melayu daripada 1,751 orang pada tahun 1971 kepada 12,169 orang pada tahun 1973 sahaja. Peningkatan jumlah pelajar aliran Melayu ini sudah pasti memberikan tekanan kepada guru-guru akibat daripada sistem yang dilaksanakan secara terburu-buru. Keadaan inilah yang menjurus kepada teguran Abang Yusuf Puteh yang mengakibatkan guru menjadi mangsa sistem yang sedia ada.⁷¹ Hal ini sungguh ketara meninggalkan beban sekaligus mengakibatkan berlakunya pengabaian terhadap guru-guru yang terlibat. Kebimbangan Abang Yusuf Puteh bukan sahaja kepada situasi berlakunya pengabaian guru tetapi melibatkan masa depan pelajar pada masa yang akan datang. Dalam erti kata yang

⁶⁹ Lihat, Siddiq Fadzil, Pemberdayaan Umat: Kembalikan Daulat Keinsanan Rakyat!, dlm *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, Kajang Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah, 2012, hlm. 49.

⁷⁰ Lihat, Syed Idrus & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 218.

⁷¹ Ibid., hlm. 219.

lain beliau mengharapkan supaya penggunaan bahasa Inggeris terus digunapakai sebagai bahasa pengantar dalam masa yang sama bahasa Malaysia terus diperkukuhkan. Beliau dengan penuh keyakinan menyuarakan keperluan bahasa Inggeris dalam membawa pemahaman pelajar bertaraf dunia bukan sekadar bahasa tetapi ianya adalah bahasa ilmu, bahasa perniagaan dan juga merupakan bahasa politik.⁷²

Atas landasan itu, beliau berpandangan transformasi boleh dilakukan dalam aspek pendidikan tetapi hendaklah memberikan peluang yang saksama kepada semua pihak demi kepentingan dan kelangsungan pendidikan negara. Hal ini lebih-lebih lagi yang melibatkan pelajar-pelajar dari kalangan masyarakat Melayu pesisir yang masih jauh dalam memahami perubahan sistem pendidikan negara terutamanya apabila melibatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah. Selain itu, guru-guru yang menerima pendidikan menggunakan bahasa Melayu tidak seharusnya diberi tekanan untuk menyampaikan PdP dalam bahasa Inggeris yang boleh memberikan kesan negatif kepada semangat juang mereka. Perubahan-perubahan secara „*ad hoc*” ini bukannya sesuatu yang boleh dibanggakan oleh pihak-pihak yang berusaha untuk melakukan perubahan dasar di peringkat pusat tetapi sesuatu yang meletakkan masa depan para pelajar terutamanya dalam situasi yang tidak akan dapat dijangkakan.

Kerajaan perlu melihat isu ini lebih kreatif dan kritis agar ianya memberikan impak yang lebih positif kepada semua pihak. Tindakan orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan banyak melakukan perubahan dalam sistem pendidikan. Seharusnya, kajian lanjut hendaklah terlebih dahulu dilakukan sebelum arahan kepada pelaksanaan dikeluarkan.

⁷² *Sarawak Tribune*, 16th December 1980, hlm.1.

Kekurangan Kemudahan Infrastruktur

Aspek pendidikan merupakan tiang seri kepada pembangunan sesebuah tamadun manusia. Hal ini termasuk pembangunan dalam kemajuan fizikal dan kerohanian dalam sesebuah masyarakat dan negara. Senario ini menggambarkan bahawa tanpa asas dalam aspek pendidikan akan menyebabkan sesebuah masyarakat dan negara mengalami kemunduran selain mengakibatkan keruntuhan moral yang menjadi musuh dan ancaman kepada negara dewasa ini.⁷³ Kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji barat kebanyakannya bersetuju bahawa pendidikan dilihat sebagai faktor utama kepada berlakunya mobiliti sosial sesebuah masyarakat.⁷⁴ Perkara yang sama turut dikongsikan oleh Kwon Dae-Bong bahawa aspek pendidikan merupakan satu pelaburan yang berupaya untuk menjadikan seseorang itu berfikir jauh ke hadapan dalam mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku.⁷⁵ Hal ini dapat memperjelaskan kepentingan pendidikan sebagai salah satu medium untuk menghapuskan kemiskinan dalam sesebuah masyarakat.

Pandangan ini bertepatan dengan perjuangan Abang Yusuf Puteh menerusi tegurannya terhadap kelemahan pihak kerajaan yang tidak menampakkan usaha untuk memajukan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Impaknya, masyarakat Melayu pesisir jauh ketinggalan dalam aspek pembangunan lantaran kurangnya kemudahan infrastruktur yang menghalang mereka ke arah mencapai kemajuan dalam aspek pendidikan.

Halangan-halangan yang berlaku menyekat kepada kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir lebih-lebih lagi kesedaran pendidikan berbentuk

⁷³ Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fatah Shaharudin, Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, dlm *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 7-22, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 7- 22.

⁷⁴ Becker, G.S., *The Economic Way of Looking at Life, Paper presented at Nobel Lecture*, Department of Economics, University of Chicago, 9th December 1992.

⁷⁵ Kwon, Dae-Bong, Human Capital and its Measurement. Paper presented at *The 3rd OECD World Forum on "Statistics Knowledge and Policy"*, Charting Progress, Building Vision. Busan, South Korea, 27-30 October 2009.

formal pada peringkat awal dalam kalangan mereka masih lagi rendah.⁷⁶ Walaupun kesedaran dalam aspek kerohanian mendesak minda mereka untuk bangkit ke arah memperoleh pendidikan yang lebih berkualiti tetapi kesan daripada kekurangan infrastruktur telah membantutkan impian mereka. Kewujudan kesedaran dalam kalangan mereka jelas apabila tahap buta huruf dalam kalangan generasi selepas merdeka boleh dikatakan tidak ada langsung pada ketika itu.⁷⁷

Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh telah bertindak menegur halangan yang menyekat kepada kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Berkaitan dengan aspek kesedaran pendidikan tidak semua masyarakat Melayu pesisir mengabaikan pendidikan untuk anak-anak mereka. Segelintir mereka menyedari tentang kepentingan ilmu pengetahuan untuk menjadi bekalan dan peninggalan kepada anak-anak mereka pada kemudian hari. Walau bagaimanapun, cita-cita dan harapan mereka terhalang akibat beberapa faktor. Menurut laporan dalam *Sarawak Department of Education Triennial Report*, tindakan kerajaan mengabaikan aspek pendidikan di kawasan pesisir jelas menjadi penghalang kepada proses kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir.⁷⁸

Antara faktor yang membawa kepada kurangnya penerimaan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir ialah masalah pengangkutan. Kedudukan sekolah-sekolah yang berada jauh dari tempat tinggal sudah tentu menyukarkan ibu bapa untuk

⁷⁶ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 128. Ini sebagaimana dijelaskan beliau iaitu, "Education meant very little to the rural Malays not only in Kalaka but throughout Sarawak before the war and even after Malaysia came into being. I recall the occasions when we seniors at Sekolah Abang Abdul Rahman in Saratok had to hunt for truants in the village. Our teachers also came out to persuade the parents to send their children to school. Before the war education was the exclusive luxury of the urban Malays. But even among them, Standard Seven i.e. Form Three, was considered to be highly qualified. Only two Malays in Kuching passed the Cambridge Junior Examinations before the Second World War".

⁷⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 51. "Apart from the revival of spiritual awareness, perhaps the most significant development in the Malay Mind, with long-term effects in their outlook in life, is their realization of and opportunity for quality education. Illiteracy among the post-Malaysia generation is practically nil. The more important development is the extraordinary achievement in tertiary education, with an impressive list of doctorates".

⁷⁸ Tindakan British dengan meletakkan bidang pelajaran di bawah sistem Sekolah Majlis Tempatan antara usaha yang dilakukan untuk melambatkan proses kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di kawasan luar bandar. Hakikatnya, sistem Sekolah Majlis tempatan yang diletakkan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Majlis Bandar bertangjawab secara langsung dalam usaha untuk mengendalikan sekolah rendah dengan mendapat bantuan kewangan kerajaan. Senario ini telah menimbulkan masalah kepada kawasan penduduk yang tidak mempunyai sistem pentadbiran PBT atau lebih tepatnya di kawasan luar bandar atau pesisir. Impaknya, sekolah-sekolah ini terpaksa bergantung kepada sekolah-sekolah persendirian yang didirikan masyarakat tempatan. Akhirnya, keadaan ini menyebabkan terhalangnya kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu Pesisir sedangkan aspek pendidikan masyarakat di kawasan bandar sama ada Melayu, Cina atau kaum-kaum lain telah jauh di hadapan dalam pelbagai aspek. Rujuk, *Sarawak Department of Education Triennial Report*, 1958-1960, hlm. 2.

menghantar anak-anak mereka ke sekolah terutamanya bagi keluarga pesisir yang fakir dan miskin. Pelajar-pelajar di kawasan Melayu pesisir menghadapi masalah pengangkutan setiap kali untuk kembali ke sekolah. Pengangkutan utama masyarakat Melayu pesisir adalah melalui jalan sungai untuk mereka berulang alik dari kampung ke sekolah-sekolah di kawasan bandar apabila musim cuti sekolah. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila tibanya musim tengkujuh yang menyebabkan laut atau muara sungai bergelora. Keadaan ini bertambah kronik apabila pengusaha-pengusaha bot yang turut membawa muatan berlebihan sehingga membahayakan nyawa penumpang termasuk pelajar. Tragedi bot karam yang melibatkan pelajar Melayu pesisir pernah terjadi pada 10 April 1999 yang telah mengakibatkan lapan orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pusa, Saribas terkorban.⁷⁹ Tragedi seperti ini memberikan kesan emosi dan psikologi yang teruk kepada masyarakat setempat lebih-lebih lagi keluarga mangsa yang terlibat. Faktor ini melahirkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa untuk melepaskan anak-anak mereka yang hendak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah apatah lagi anak-anak Melayu pesisir terpaksa menggunakan pengangkutan air yang boleh mengancam keselamatan mereka. Hal ini sudah tentu memberikan kesan negatif kepada pelajar-pelajar Melayu pesisir sehingga mengakibatkan mereka ketinggalan dalam aspek pendidikan semasa.

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh turut menyuarakan halangan dari segi kos pendidikan dalam usahanya untuk membela nasib Melayu pesisir. Hal ini demikian kerana kebanyakan sekolah atau institusi pendidikan dibina atau diwujudkan di kawasan yang jauh daripada tempat tinggal sebahagian daripada anak-anak Melayu pesisir. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar Melayu pesisir terpaksa bergantung kepada pengangkutan sungai untuk ke sekolah yang merupakan jalan perhubungan utama mereka. Kebergantungan pelajar-pelajar Melayu pesisir kepada pengangkutan sungai telah menyebabkan berlakunya peningkatan kos dalam

⁷⁹ *Utusan Malaysia*, 11 April 1999, hlm. 1.

perbelanjaan harian dan kos tambang untuk pergi dan balik ke kampung halaman masing-masing setiap dua minggu atau sebulan sekali. Keadaan ini menambahkan lagi kesukaran kehidupan mereka yang telah tersedia susah. Kos yang tinggi tidak dapat ditangani masyarakat Melayu pesisir yang hanya bergantung kepada rezeki sara diri ibarat „kais pagi makan pagi, kais petang makan petang“. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah atau di peringkat yang lebih tinggi. Kesan daripada kos yang tinggi menyebabkan ramai anak-anak Melayu pesisir tidak mampu untuk meneruskan persekolahan dan telah ketinggalan dalam bidang pendidikan.

Keadaan ini menjadi halangan kepada pemupukan semangat kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan mereka. Situasi ini sudah tentu tidak dapat diatasi oleh masyarakat Melayu pesisir yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dengan bergantung kepada ekonomi sara diri, iaitu bekerja sebagai petani atau nelayan. Oleh yang demikian, tindakan mewarisi kemahiran menangkap ikan dan bercucuk tanam diserahkan kepada anak-anak yang tidak bersekolah. Walaupun segelintir daripada mereka mempunyai kemahuan untuk memberikan pendidikan yang lebih tinggi kepada anak-anak mereka tetapi akibat halangan dari segi kos yang semakin meningkat menyebabkan cita-cita mereka terpaksa dilupakan. Hal ini sudah pasti menghalang kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu pesisir.

Teguran tersebut sebenarnya ingin menjelas dan menggambarkan hasrat Abang Yusuf Puteh supaya pihak kerajaan mengambil perhatian dengan membina sekolah di setiap kampung khususnya di penempatan masyarakat Melayu pesisir. Oleh itu, tindakan dan perhatian yang diberikan oleh pihak kerajaan akan dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pesisir terutamanya masalah kos pengangkutan. Hal ini memandangkan sumber rezeki mereka yang utama hanya bergantung kepada ekonomi sara

diri seperti bercucuk tanam dan menangkap ikan yang sudah pasti membatasi keinginan mereka dalam banyak perkara.

Halangan seterusnya ialah tindakan pasif pihak kerajaan dalam menyediakan pembangunan pendidikan di kawasan Melayu pesisir. Hal ini kerana pengabaian yang berterusan dalam aspek pendidikan di kawasan ini telah menyukarkan anak-anak masyarakat Melayu pesisir untuk mendapat pendidikan yang sempurna sebagaimana pelajar-pelajar di kawasan bandar. Pihak kerajaan seolah-olah tidak ada usaha yang proaktif untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik di kawasan penempatan Melayu pesisir dalam usaha memudahkan mereka untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Akibatnya, anak-anak Melayu pesisir terus ketinggalan dalam aspek pendidikan. Sekiranya pihak kerajaan bertindak dengan menyediakan kemudahan pendidikan, sudah pasti anak-anak Melayu pesisir dapat meneruskan pendidikan mereka di peringkat yang lebih tinggi.

Teguran Abang Yusuf Puteh jelas menunjukkan wujudnya kesedaran tentang pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir tetapi kekurangan kemudahan infrastruktur telah melambatkan proses tersebut. Sehubungan itu, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dalam diri masyarakat Melayu pesisir jelas sebagaimana diekspresikan oleh tindakan mereka dengan melakukan aktiviti bergotong royong (*berdurok*) membaiki kemudahan sekolah yang semakin uzur. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu “*It was a makeshift building, constructed on „gotong royong“: It was their pioneering spirit and early realization of the value of education which are most commendable*”.⁸⁰

Sememangnya diakui bahawa terdapat segelintir masyarakat Melayu pesisir mempunyai keinginan yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak mereka. Oleh yang demikian, keadaan ini telah mendorong mereka untuk berusaha sendiri bersama-sama dengan anggota

⁸⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 53.

masyarakat lain untuk membina institusi pendidikan walaupun dalam keadaan yang serba daif. Mereka sedar tentang kemampuan pendidikan untuk mengubah corak kehidupan mereka yang serba miskin sekurang-kurangnya menjadi lebih baik. Dengan melihat kepentingan ilmu pendidikan dalam kehidupan seharian, sesetengah dalam kalangan mereka sanggup berkorban untuk mencapai cita-cita dan memenuhi harapan mereka.⁸¹ Inilah yang dimaksudkan dengan halangan yang melambatkan proses pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat Melayu pesisir. Akibat halangan-halangan yang terpaksa dihadapi menyebabkan tahap pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka terus ketinggalan. Antara usaha yang terpaksa dilakukan sendiri oleh anggota masyarakat yang sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan, ialah pembinaan sekolah untuk masyarakat setempat. Ini dipancarkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya, iaitu:

*After Kabong and Saratok, the third formal school in Kalaka was established in Nyabor in 1948, on the initiative of, and initially funded by, the villagers themselves. Its first teacher was my late brother-in-law, Cikgu Haji Yusuf Arab, who was paid a salary of \$20 per month, from collection among the villagers, a far, far cry from what the teachers get today...*⁸²

Melihat kesungguhan masyarakat Melayu pesisir yang rela berkorban tenaga dan wang ringgit demi memberikan ilmu pengetahuan kepada generasi baharu menunjukkan wujudnya kesedaran tentang pendidikan dalam diri mereka. Namun proses ini terhalang oleh tindakan pihak-pihak tertentu dengan melakukan pengabaian dalam aspek pendidikan kepada kelompok masyarakat ini. Perkara ini menunjukkan pihak kerajaan kurang memainkan peranan dalam menyebarkan kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu pesisir. Menurut Nursiyati binti Deni, seandainya pihak kerajaan mengambil peduli

⁸¹ Ibid., hlm.128. *When I passed with honours from the University of Malaya in 1959 (only two Sarawak Malays to graduate that years) I might have made the Sarawak Malays proud. Now hundreds pass the SPM with Grade One annually" and at least a hundred graduate every year from local universities and overseas. It is really a fascinating progress. It shows one thing clearly that the Malays have come to value education as a passport to success in life, call it an investment if you like.*

⁸² Ibid., hlm. 53.

terhadap betapa pentingnya pendidikan kepada masyarakat Melayu pesisir sudah pasti infrastruktur sekolah akan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Namun keadaan sebaliknya berlaku apabila pembangunan pendidikan kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak yang berwajib. Keadaan ini menjadi penghalang kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir secara tidak langsung. Hal ini selari dengan pandangan Encik Ramlan Iskandar yang mengatakan bahawa kesedaran tentang pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir yang perlahan adalah disebabkan tindakan pihak kerajaan dan pemimpin yang tidak bertanggungjawab.⁸³

Selari dengan era modenisasi, Abang Yusuf Puteh berpandangan bahawa beberapa aspek dalam sistem pendidikan yang memperlihatkan kelemahan pihak kerajaan dalam memberikan input tentang pendidikan dan menganaktirikan pendidikan masyarakat Melayu pesisir perlu ditangani dengan penuh iltizam dan lebih cakna demi kemajuan rakyat. Kekurangan input tentang keperluan pendidikan dalam kehidupan manusia kepada masyarakat Melayu pesisir adalah perlu diperjelaskan supaya mereka mempunyai pemahaman yang jelas tentang tujuan untuk menuntut ilmu. Hal ini bagi mengikis pandangan sesetengah masyarakat Melayu pesisir yang berpendapat bahawa pendidikan yang diperoleh akan memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan semata-mata dalam sektor awam di pejabat-pejabat kerajaan. Terpancar daripada pandangan beliau di sini ialah ilmu pendidikan itu seharusnya dipelajari dengan ikhlas dan bukannya semata-mata atas alasan ingin mendapatkan pekerjaan untuk membantu kehidupan keluarga. Sewajarnya, pihak yang berkenaan bukan hanya bertindak memperkenalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan meletakkannya di dinding-dinding sekolah tanpa memberikan penerangan dan pendedahan kepada pelajar untuk memahaminya. Pendedahan

⁸³ Wawancara dengan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok, pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015. Hal yang sama turut disuarakan oleh Puan Salina Sauti penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok melalui wawancara pada jam 1.30 petang bertarikh 19 September 2015 dan wawancara dengan Encik Ramlan Iskandar pada jam 10.15 malam bertarikh 20 September 2015.

dan penerangan berhubung input sebenar keperluan pendidikan kepada warga pelajar membolehkan mereka menuntut sesuatu ilmu itu dengan lebih bermanfaat. Oleh itu, apabila masyarakat memahami erti sebenar fungsi sesebuah institusi pendidikan maka ilmu pengetahuan yang diperoleh dapat dikongsi bersama-sama dengan anggota masyarakat itu sendiri.

Seterusnya, sistem pendidikan yang jelas menganaktirikan pendidikan bagi masyarakat Melayu pesisir turut signifikan dengan kelewatan kesedaran pendidikan segelintir mereka. Penyisihan terhadap masyarakat Melayu pesisir dalam aspek pendidikan di kawasan ini sebetulnya telah berlaku sejak pada zaman Brooke lagi sedangkan di bahagian-bahagian lain di Sarawak telah dibangunkan sekolah-sekolah untuk masyarakat di kawasan-kawasan tersebut (kawasan bandar).⁸⁴ Senario ini menunjukkan dalam tempoh yang begitu panjang kawasan-kawasan bandar mempunyai sistem pendidikan yang diakui telah terlalu jauh ke hadapan. Tambahan pula, telah berjaya melahirkan beribu-ribu pelajar yang berpendidikan tinggi.

Hal ini dapat disaksikan melalui keadaan sekolah yang dibina jauh dari kawasan penempatan penduduk kampung terutamanya kawasan Melayu pesisir turut mendatangkan kesukaran kepada mereka. Keadaan ini bertambah sukar apabila kemudahan jalan raya yang tidak sempurna mengakibatkan timbulnya masalah-masalah lain yang tidak dijangka. Keadaan diburukkan lagi dengan kondisi sekolah yang serba kekurangan bukan sahaja dari aspek tiada bekalan air tetapi juga tidak mempunyai jalan raya yang sempurna atau pun jambatan bagi menghubungkan ke sekolah-sekolah yang berada di kawasan yang rendah. Keadaan ini menunjukkan kekurangan dan kedaifan kemudahan yang diperuntukan untuk sekolah-sekolah di kawasan luar bandar khususnya di kawasan masyarakat Melayu pesisir. Keadaan ini sebagaimana dicitrakan beliau, iaitu :

⁸⁴ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 123.

We all walked to school barefooted. It was quite a distance, about a mile for me and much longer for many others. We had to negotiate a very slippery and sometimes muddy foot-path through the village when it rained. During the „landas“ period when rains came down the whole day long and were reinforced by the king tide, the village and the foot-path would be under several feet of water. For student it was a welcome break for they had a good excuse not to go to school.⁸⁵

Merujuk kepada pernyataan tersebut beliau dengan rasa sedih mengungkapkan kemahuan dan keinginan masyarakat Melayu pesisir agar diberi perhatian yang sewajarnya sebagai warganegara yang merdeka. Pengalaman dan pemerhatian yang dilakukan sejak mula menjawat jawatan dalam kerajaan bermula pada tahun 1960⁸⁶ menjadi kekuatan dan keberanian kepada Abang Yusuf Puteh untuk menyuarakan harapan masyarakat Melayu pesisir khasnya dan Sarawak umumnya. Ketiadaan jalan raya atau jambatan di sekolah yang dibina di kawasan rendah mengakibatkan kesusahan berganda kepada para pelajar. Keadaan akan bertambah sukar apabila hujan lebat yang akan menimbulkan kerisauan dalam diri pelajar-pelajar Melayu di kawasan pesisiran. Situasi ini akan menyebabkan jalan yang dilalui bukan sahaja licin tetapi penuh dengan lumpur yang becak. Situasi bertambah kritikal terutamanya apabila tiba musim landas⁸⁷ dalam masa yang sama berlakunya air pasang besar yang mengakibatkan jalan menuju ke sekolah akan ditenggalami air dan merbahaya kepada keselamatan para pelajar.

Ada ketikanya hari persekolahan terpaksa dilupakan sehingga keadaan kembali pulih seperti sedia kala. Lanjutan daripada itu, pelajar-pelajar Melayu pesisir sering kali ketinggalan dalam aktiviti PdP. Cabaran-cabaran seperti ini sebenarnya boleh melemahkan semangat mereka untuk belajar sehinggakan ada antara mereka yang melupakan terus dunia persekolahan untuk meneruskan kehidupan sebagai petani atau nelayan.

⁸⁵ Ibid., hlm.125.

⁸⁶ Abang Yusuf Puteh, *A Profile of Sarawak Malays*, Research Projects of the Institute of Malay Civilisation, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005, hlm. 352.

⁸⁷ Dalam bahasa Sarawak yang membawa maksud musim tengkujuh.

Lantaran itu, pembinaan sekolah di kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan asas adalah perlu bagi memudahkan masyarakat luar bandar seperti orang Melayu pesisir untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah. Dengan itu, anak-anak Melayu pesisir tidak ketinggalan dalam memperoleh ilmu pengetahuan sebagaimana masyarakat lain di Sarawak. Malah tindakan ini memberikan peluang kepada pelajar-pelajar Melayu pesisir mendapatkan kondisi pendidikan yang kondusif sebagaimana rakan-rakan mereka di kawasan bandar. Keadaan ini pasti akan menimbulkan semangat untuk mereka terus berusaha sehingga mencapai kejayaan dalam pelajaran dan seterusnya memberikan kesan positif kepada transformasi masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Sistem pendidikan yang sistematik menjadi tonggak kepada perluasan jaringan pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu, penyediaan perancangan yang berkesan perlu untuk memacu dan menjulang aspek pendidikan di kawasan penempatan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak dalam arus modenisasi. Kelemahan sistem pendidikan yang sedia ada harus diperbaiki dan dimantapkan.⁸⁸ Kepentingan sistem pendidikan yang padu dalam memantapkan aspek pendidikan yang mapan telah mendorong kepada perlaksanaan pelan transformasi dalam aspek ini. Walau bagaimanapun, penggubalan Pelan Pendidikan Kebangsaan (2006-2010) yang berorientasikan pelan strategik pendidikan negara-negara barat dilihat masih lagi lemah dan tidak mampu untuk menterjemahkan harapan yang terkandung dalam FPK. Menurut Tajul Ariffin, transformasi pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia masih kurang mantap untuk memberikan penekanan kepada nilai-nilai yang sepatutnya diambil perhatian sebagaimana yang ditekankan dalam FPK.⁸⁹ Hal ini membuktikan kecemerlangan pendidikan amat bergantung kepada strategi pendidikan untuk menentukan hala tuju sistem pendidikan yang lebih

⁸⁸ Mohd Zulfadly Othman, Rohana Hamzah, Ismail Sabri Norihan & Muhammad Afzamiman Ariffin, Dua Teras, Satu Dimensi: Pelan Reformasi Strategik PTV ke Arah Pembangunan Sejahtera, *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 2011, hlm. 109-117.

⁸⁹ Tajul Ariffin Nordin, *Perspektif Falsafah & Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993.

holistik. Ekoran daripada pandangan Tajul Ariffin sekiranya dilaksanakan memberikan impak positif kepada pembangunan pendidikan masyarakat Melayu pesisir sebagaimana harapan dan hasrat yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh.

Kepentingan kesedaran terhadap pendidikan kepada kemakmuran dan kemajuan dalam kalangan masyarakat dapat diperlihatkan sebagaimana Za'ba pernah melontarkan kebimbangannya tentang kurangnya kesedaran orang-orang Melayu di Tanah Melayu terhadap pendidikan sehingga membawa kemunduran dan kemiskinan kepada mereka. Beliau dengan tegas menyeru supaya penumpuan dalam aspek pendidikan diberi perhatian oleh orang-orang Melayu. Aspek pendidikan dilihat sangat perlu bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu untuk keluar dari kemiskinan.⁹⁰ Apabila wujud kesedaran tentang pendidikan usaha untuk mengangkat martabat orang-orang Melayu akan dapat dilaksanakan. Orang-orang Melayu yang berpendidikan akan berusaha dengan ilmu yang dimiliki untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Penguasaan ilmu ini menjadi salah satu jalan ke arah keampuhan sistem sosial, ekonomi dan politik orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun, kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat perlu disokong dengan jaringan infrastruktur yang memudahkan akses kepada pendidikan. Atas alasan pentingnya kesedaran dan rentetan daripada nasib yang menimpa masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebagaimana kritikan Za'ba inilah yang memupuk semangat Abang Yusuf Puteh untuk terus menegur pihak berwajib agar bertindak dan berusaha sedaya upaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir tentang kepentingan pendidikan.

Impaknya, kekurangan kemudahan infrastruktur pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir telah mewujudkan jurang perbezaan yang ketara antara kaum peribumi dan Cina. Masyarakat Cina ternyata berjaya memajukan masyarakat mereka lebih ke hadapan

⁹⁰ Zainal Abidin Ahmad, *Jalan Keselamatan Orang-orang Melayu*, dlm *Al-Ikhwan*, 16 Jun 1927, hlm. 187-229.

dalam pelbagai bidang terutamanya penguasaan dalam ekonomi. Kekurangan kemudahan terutamanya pengangkutan telah mengakibatkan masyarakat Melayu pesisir sukar untuk melanjutkan pelajaran lebih-lebih lagi setelah tamat pendidikan di sekolah rendah. Najihah Abdul Mutalib turut berkongsi pandangan yang sama sebagaimana yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu walaupun wujudnya kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi ianya tidak akan bermakna sekiranya pihak kerajaan tidak melakukan sebarang inisiatif terhadap pembangunan pendidikan orang Melayu.⁹¹ Hal ini lebih-lebih lagi berkaitan dengan pembangunan infrastruktur yang amat diperlukan oleh masyarakat Melayu di kawasan luar bandar dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan anak-anak mereka.

Tuntasnya, pengetahuan tentang kepentingan aspek pendidikan sememangnya telah muncul dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir sejak dari zaman sebelum Brooke terutama apabila tersebar nya ajaran Islam yang menuntut penganut Islam untuk menimba ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, ia bukan dalam bentuk formal sebagaimana yang wujud pada masa sekarang tetapi dalam bentuk tidak formal seperti di istana, rumah-rumah bangsawan dan guru-guru agama. Kedatangan penjajah telah merekabentuk sistem pendidikan yang berasaskan pendidikan formal seperti sekolah dan memperkenalkan sistem pendidikan sekular kepada masyarakat Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, pendidikan berbentuk formal ini lebih tepat hanya disediakan kepada masyarakat Melayu di kawasan bandar dan masyarakat Cina di Sarawak. Perkara ini terbukti apabila wujudnya sekolah-sekolah untuk pendidikan formal di kawasan bandar oleh pemerintah dan masyarakat Cina seperti di bandar Kuching. Perkara ini tidak berlaku di kawasan penempatan masyarakat Melayu pesisir yang terabai dalam pelbagai aspek seperti bidang sosial dan ekonomi.

⁹¹ Najihah Binti Abdul Mutalib, *Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak Dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka, Jurnal Pengajian Melayu Jilid 20*, 2009, hlm. 219-240.

Akibat daripada sikap tidak ambil peduli pemerintah telah menyebabkan masyarakat ini sukar untuk memperoleh pendidikan secara formal dan terbaik untuk anak-anak mereka. Tidak dinafikan juga, pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah kerajaan tetapi kedudukan yang jauh dari kampung dan masalah pengangkutan serta pengabaian dalam aspek pendidikan secara berterusan menjadi halangan kepada lonjakan kesedaran mereka berkaitan pendidikan dewasa itu. Selain itu, pengabaian kerajaan dalam aspek kemudahan-kemudahan asas sekolah-sekolah di kawasan luar bandar seperti kerusi, meja, bangunan sekolah dan alat untuk aktiviti PdP turut memberikan sumbangan negatif kepada kepentingan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Bahkan, pengabaian kebajikan guru dan pelajar turut memberikan impak negatif kepada kewujudan kesedaran dalam kalangan mereka. Keadaan ini sudah tentu menjadi penghalang kepada kewujudan kesedaran yang bermakna dalam diri mereka tentang kepentingan pendidikan yang lebih baik dan seterusnya mampu mengubah pemikiran serta transformasi berpancukan ilmu pengetahuan yang diperolehi.

Berdasarkan penjelasan dan wawancara yang dilaksanakan jelaslah bahawa masyarakat Melayu pesisir bukan menolak pendidikan tetapi tidak diberi peluang yang sepatutnya sebagaimana masyarakat di kawasan yang lain terutamanya kaum Cina dan di kawasan bandar. Manakala infrastruktur pendidikan turut menyedihkan apabila tidak diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan atau golongan pemimpin. Hal ini mengakibatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan mereka bergerak dengan perlahan berbanding di kawasan yang lain. Oleh itu, adalah perlu untuk mengubah stigma yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu pesisir menolak kemajuan dan pendidikan. Sebaliknya, pihak kerajaan dan golongan pemimpin yang kurang memainkan peranan dan seolah-olah melepaskan tanggungjawab yang sepatutnya mereka laksanakan.

USAHA ABANG YUSUF PUTEH TERHADAP PENDIDIKAN MELAYU

Terkesan daripada masyarakat luar bandar yang masih jauh ketinggalan dalam bidang pendidikan seiring dengan zaman sains dan teknologi tanpa melupakan keberuntungan yang terhasil daripada pengalaman hidup yang berharga telah mendorong Abang Yusuf Puteh untuk mengemukakan beberapa saranan dan usaha yang bermakna demi menambah baik dan membela hak masyarakat Melayu pesisir. Pandangan yang disuarakan bertepatan dengan perkembangan zaman dunia tanpa sempadan dewasa ini. Beberapa saranan dan seruan telah dikemukakan bagi menangani isu-isu ini supaya sistem pendidikan diberikan sama rata antara masyarakat bandar dan luar bandar terutamanya pelajar-pelajar Melayu pesisir yang telah terlalu lama menunggu perubahan ini untuk dilaksanakan. Antaranya ialah menyeru pengkalan konsep kehidupan masyarakat Melayu pesisir di sekolah-sekolah di kawasan pesisir, memperkasa infrastruktur sekolah, meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap sistem pendidikan dan peningkatan moral melalui pendidikan.

Pengkalan Konsep Kehidupan Melayu Pesisir

Sistem persekolahan yang menyediakan kemudahan berasrama kepada pelajar di kawasan luar bandar berkemampuan untuk membentuk keperibadian dan pengetahuan pelajar menjadi pelajar yang fokus dalam menimba ilmu pengetahuan. Ini kerana kehidupan di asrama dapat menerapkan disiplin belajar dalam kalangan pelajar sepertimana yang pernah dilalui oleh beliau sendiri.⁹² Peraturan yang diwujudkan mampu menerapkan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri, ibu bapa, rakan-rakan, sekolah dan lain-lain, sekaligus mencitrakan disiplin terpuji pelajar-pelajar asrama. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang memilih untuk berada di asrama di sepanjang pengajian mampu untuk memberikan kesan yang positif kepada sikap seseorang pelajar.

⁹² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 342.

Walaupun kehidupan di asrama yang disediakan makan minum yang mencukupi, tempat tinggal selesa yang dibina daripada konkrit, air dan letrik merupakan satu kemudahan yang serba mewah bagi pelajar luar bandar namun hal ini telah mengakibatkan mereka berasa malu dengan kesusahan dan taraf hidup yang sangat rendah yang dihadapi mereka di kampung halaman masing-masing. Perkara ini dianggap sesuatu yang sangat hina sehingga memberikan sanjungan yang tinggi terhadap corak kehidupan di bandar. Hal ini sebagaimana yang diungkapkan beliau;

Boarding system, while it is good for studies and formal discipline, has very serious consequences on the attitude of the students. The luxury of the boarding facilities makes them frown upon the lowly level of existence in their villages and long-houses. The results have been very disastrous. They regard farmers' life with contempt, preferring urban life. They are not prepared to soil their hands. They dream of the tie or bush-jacket career and lifestyle.⁹³

Berdasarkan petikan tersebut, Abang Yusuf Puteh berpendapat bahawa, pelajar-pelajar luar bandar yang berada di asrama seolah-olah sudah tidak mensyukuri kehidupan lama mereka dan tidak mahu untuk mengotori tangan mereka dengan tanah termasuklah melakukan aktiviti bercucuk tanam dan kerja-kerja kampung yang lain. Azam mereka mula berubah untuk mengenakan pakaian yang segar dan mewah sehingga mengakibatkan lalai dalam pelajaran. Oleh itu, Abang Yusuf Puteh percaya melalui langkah ini akan dapat memperteguhkan jati diri seseorang pelajar supaya mampu berjaya dalam pelajaran dan dalam masa yang sama sentiasa mengenal asal usul. Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan perlu bertindak dengan memperkenalkan mata pelajaran dan melaksanakan aktiviti kurikulum tambahan yang relevan dengan konsep kehidupan mereka. Hal ini sudah tentu akan menyediakan potensi kesediaan mereka untuk meninggalkan kampung halaman pada masa akan datang terutamanya apabila mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke

⁹³ Ibid., hlm. 342.

peringkat yang lebih tinggi. Hal ini sebagaimana nasihat beliau kepada pelajar-pelajar, iaitu keputusan yang cemerlang tetapi tidak diseimbangkan dengan kemahiran sudah tentu akan menyukarkan mereka memperoleh pekerjaan yang sesuai.⁹⁴

Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, banyak bahagian dalam sistem pendidikan yang ada pada masa tersebut tidak relevan dan tidak konsisten dengan perubahan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Hal ini sebagaimana dinyatakan beliau, iaitu:

*A boarding schools should reintroduce subjects and extra-curricular activities relevant to their home situations, i.e. they must not be completely detached from the lands. In fact there is an urgent need to review the entire education policy, many parts of which are outmoded and inconsistent with the fast changing circumstances and demands.*⁹⁵

Oleh yang demikian, beliau menyarankan agar sistem pendidikan digubal semula dengan memperkenalkan subjek-subjek yang berkaitan dengan kehidupan harian pelajar di kawasan luar bandar. Hal ini lebih merujuk kepada keadaan pendidikan sekolah-sekolah berasrama di mana pelajar-pelajar di kawasan luar bandar tiada pilihan melainkan terpaksa memilih untuk tinggal di asrama. Keadaan ini sudah tentu menjarakkan pelajar-pelajar daripada tugas-tugas yang biasa mereka lakukan seperti bercucuk tanam, mencari hasil hutan, menternak haiwan dan sebagainya. Kebiasaan ini sudah tentu merupakan survival masyarakat di kawasan luar bandar untuk meneruskan kehidupan yang tidak diajar secara formal tetapi perlu dikekalkan dan dipraktikan.

Aktiviti tambahan ini bertujuan untuk mengekalkan semangat „berdurok“ dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu pesisir. Menurut Abang Yusuf Puteh aktiviti bercucuk tanam memberikan pendidikan secara tidak langsung untuk tolong menolong antara satu sama lain. Ianya merupakan kaedah tradisional yang perlu dikekalkan dan dipertahankan

⁹⁴ Ketika beliau berucap di hadapan pelajar-pelajar Sarawak di bawah tajaan Yayasan Sarawak di Britain. Rujuk, *Sarawak Tribune*, 18 December 1980, hlm.1.

⁹⁵ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 342.

dalam kalangan generasi baharu.⁹⁶ Selain itu, aktiviti seperti ini mampu memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar di kawasan luar bandar tentang kepentingan pendidikan yang mampu mengubah kehidupan mereka.

Memperkasakan Infrastruktur Sekolah

Institusi pendidikan merupakan agen kepada perubahan dan pembangunan seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang selari dengan tuntutan yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara. Sebagai negara yang berstatus negara Dunia Ketiga, iaitu negara-negara yang membangun dalam pentas persaingan antarabangsa sudah seharusnya kita perlu terus memandang ke hadapan tanpa menoleh lagi. Kemerdekaan yang masih baharu pada dewasa itu bukan menjadi alasan yang kukuh untuk terus mengelak daripada melakukan perubahan. Pendidikan untuk warga tidak boleh dipandang ringan tetapi perlu bersama-sama mengembleng tenaga dan minda bagi merealisasikan transformasi untuk menuju wawasan 2020.

Teguran terhadap beberapa kelemahan kerajaan bukan merujuk kepada sikap benci atau sakit hati Abang Yusuf Puteh tetapi demi kepentingan pendidikan negara terutamanya masyarakat Melayu pesisir. Misalnya, teguran Abang Yusuf Puteh melalui penulisannya berkenaan dengan pembinaan sekolah untuk masyarakat Melayu pesisir terutamanya yang dibina di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan logistik seperti bekalan air, dewan makan, katil dan sebagainya. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai permasalahan lain yang berkaitan dengan aspek kebersihan seperti penyakit yang sudah pasti memberikan kesan yang buruk kepada pelajar-pelajar sekolah di kawasan pesisir. Segala permasalahan ini mengakibatkan pelajar-pelajar akan kehilangan fokus dalam pembelajaran dan aktiviti harian mereka. Sindiran sinisnya sebagaimana terdapat dalam pernyataan, iaitu “*A new*

⁹⁶ Lihat, *Sarawak Tribune*, 9th April 1987, hlm. 18.

*secondary school a few miles away from the township, whose major logistic problem is water supply, among other constraints”.*⁹⁷

Oleh yang demikian, saranan yang dikemukakan supaya sekolah-sekolah yang dibina hendaklah dilengkapi dengan kemudahan asas yang perlu bersesuaian dengan tarafnya sebagai sebuah institusi pendidikan yang membawa transformasi kepada masyarakat dan negara. Beliau sendiri amat mengambil berat terhadap kemudahan asas sekolah ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dari 1970 sehingga 1985. Antaranya, beliau sering mengarahkan kakitangannya untuk melakukan lawatan ke sekolah-sekolah terutamanya di kawasan penempatan Melayu dan membuat laporan hasil lawatan dengan segera kepadanya.⁹⁸ Hal ini sudah tentunya menjurus kepada transformasi dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir itu sendiri dalam pelbagai bidang. Pembinaan sekolah baharu di kawasan yang jauh daripada bandar atau pekan utama sebenarnya bukan menjadi isu utama yang ingin disuarakan oleh Abang Yusuf Puteh tetapi ianya lebih merujuk kepada sindiran terhadap kerajaan tentang masyarakat Melayu pesisir yang terlalu jauh dari sebarang bentuk kemajuan. Ketiadaan kemudahan logistik yang sangat asas seperti bekalan air sudah tentu menjadi satu masalah apatah lagi bekalan elektrik dan lain-lain. Menurut Ikhwan Achem, infrastruktur awam seperti elektrik dan bekalan air untuk kemudahan kebanyakan penduduk kampung yang didiami masyarakat Melayu pesisir telah disediakan oleh pihak kerajaan di antara tahun 1990 hingga 2000. Beliau dengan penuh keyakinan mengatakan bahawa Abang Yusuf Puteh adalah pemangkin kepada pembangunan di kawasan masyarakat Melayu pesisir. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila

⁹⁷ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm.38.

⁹⁸ Rujuk Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985. Antaranya, dalam Fail: Bil (3) dlm YPS/KUC/2 bertarikh 02 April 1974 beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri memohon peruntukan daripada kerajaan untuk membaik pulih keadaan sekolah untuk keperluan pelajar di Kampung Endap. Hal ini memandangkan kondisi sekolah yang terlalu usang dan tanah yang becak apabila hari hujan mengakibatkan ketidakelesaian pelajar untuk belajar. Rujuk juga, Fail: Bil (12) dlm YPS/D1-01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975-jambatan di kawasan kampung perlu dibina kerana penting untuk kemudahan bagi perjalanan penduduk terutamanya pelajar-pelajar sekolah, dan, Fail: bil (4) dlm YPS/D1/01-3/S4-perlaksanaan pembinaan sebatang jalan sepanjang ¾ batu bagi menghubungkan Sekolah Rendah Moyan Laut/Ledang.

kemudahan asas seperti bekalan air dan letrik mula disediakan kepada masyarakat di kawasan tersebut setelah Abang Yusuf Puteh menjadi ADUN Kalaka pada tahun 1987.⁹⁹ Berdasarkan kepada *hansard* pada tahun 1971 didapati tidak ada usaha yang dilakukan oleh wakil rakyat di kawasan Melayu pesisir untuk membawa masuk pembangunan terutamanya kemudahan asas yang sangat penting kepada masyarakat di situ.¹⁰⁰ Hal ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pesisir.

Gambar 5.4 : Kemudahan Jalan Raya untuk Keselesaan Pelajar ke Sekolah.



Sumber : Koleksi Peribadi

⁹⁹ Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem penduduk Kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015.

¹⁰⁰ Lihat, Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan yang Pertama, 07 Disember 1971, dan, Council Negri Debates Official Report First Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri, 09th December 1975.

Gambar 5.5 : Sekolah Menengah Kebangsaan (BM) Saratok.



Sumber : Koleksi Peribadi

Gambar 5.6 : Sekolah Kebangsaan Abdul Rahman Saratok, Sekolah Rendah Abang Yusuf Puteh.



Sumber : Koleksi Peribadi

Gambar 5.7 : Kolej Tingkatan 6 Saratok untuk Kemudahan Pelajar-pelajar di Kawasan tersebut Menyambung Pelajaran ke Peringkat Pra Universiti.



Sumber : Koleksi Peribadi

Gambar 5.8 : Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Saratok di Kawasan Penempatan Masyarakat Melayu Pesisir.



Sumber : Koleksi Peribadi

Meningkatkan Kesedaran Ibu Bapa

Arus pendidikan perdana yang semakin berkembang seiring dengan ledakan teknologi maklumat mendorong umat manusia berlumba-lumba untuk meneroka setiap inci ilmu pengetahuan. Kesedaran pendidikan yang memuncak melalui pengalaman menimba ilmu pengetahuan dari dalam dan luar negara mendesak Abang Yusuf Puteh untuk menggerakkan masyarakat Melayu pesisir tentang kepentingan pendidikan daripada lena yang panjang. Dengan keyakinan yang tinggi untuk membawa transformasi supaya masyarakat di daerahnya bersama-sama merebut peluang yang ada sekalipun pembangunan aspek pendidikan masih dipandang ringan pihak yang berwajib. Masyarakat Melayu pesisir perlu untuk mendapatkan hak yang sama rata sebagai warganegara sebagaimana warganegara Malaysia yang lain.

Di samping itu, kesedaran tentang kepentingan pendidikan perlu dipertingkatkan dalam kalangan ibu bapa di kawasan Melayu pesisir. Beliau amat prihatin bahawa kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir berada pada tahap yang rendah dan amat membimbangkan. Hal ini sebenarnya bukan sahaja Melayu pesisir di Daerah Kalaka tetapi juga di kawasan-kawasan lain seluruh Sarawak sama ada sebelum merdeka, iaitu ketika di bawah pentadbiran Brooke, 1841-1941, Pendudukan Jepun, 1941-1945 dan koloni British, 1946-1963. Bahkan, keadaan ini berlarutan walaupun selepas pembentukan Malaysia, 1963-1995¹⁰¹ sebagaimana yang dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu, *“Education meant very little to the rural Malays not only in Kalaka but throughout Sarawak before war and even well after Malaysia came into being”*.¹⁰²

Kelemahan tentang kesedaran pendidikan mengakibatkan ramai anak-anak muda Melayu pesisir yang tercicir. Mereka terpaksa memilih pekerjaan dalam sektor pembalakan

¹⁰¹ 1985-1995, kajian berkaitan masyarakat Melayu Pesisir dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh.

¹⁰² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 128.

yang jauh dari keluarga masing-masing untuk mencari rezeki demi masa depan terkesan daripada ketinggalan dalam pendidikan. Hal ini sebagaimana yang disuarakan oleh beliau, iaitu, *“Quite a number of the young men have joined „Kerja Blok“ and „Berlelang“ (wanderers to other districts etc.) to seek fortunes in far away lands”*.¹⁰³

Berpandukan kepada pernyataan tersebut menunjukkan kehidupan yang serba kekurangan yang terpaksa ditanggung oleh anak-anak muda yang sepatutnya dalam usia mereka berada di bangku sekolah. Perkara ini sudah tentu menimbulkan persoalan kepada punca berlakunya keadaan sedemikian. Hal ini sudah tentu disebabkan kesedaran yang masih kurang dalam kalangan ibu bapa masyarakat Melayu di kawasan pesisir.¹⁰⁴ Oleh hal yang demikian, kesedaran tentang kepentingan pendidikan perlu untuk membawa perubahan kepada masyarakat Melayu pesisir supaya memberikan penekanan terhadap kepentingan aspek pendidikan kepada generasi yang seterusnya.

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat juga segelintir kecil ibu bapa yang menyedari kepentingan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Keadaan ini menurut Abang Yusuf Puteh, sekurang-kurangnya memberikan sedikit sinar tentang kesedaran masyarakat Melayu pesisir tentang keperluan ilmu pendidikan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan beliau :

For some reasons, I always liked school life. One morning when there was water everywhere in the village and sensing my despair, a robust uncle of mine undertook this most memorable act: he carried me from our house most of the way to the school on his back. In fact such a scene was not totally uncommon for I know of a couple of parents in Saratok who did the same thing for their sons. This showed that the value of

¹⁰³ Ibid., hlm. 51.

¹⁰⁴ Melalui wawancara dengan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam 2.30 Petang bertarikh 20 September 2015, beliau mengakui kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan penduduk di kawasan tersebut hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh. Seinggakan Abang Yusuf Puteh melakukan pelbagai usaha untuk merealisasikan matlamat tersebut. Atas inisiatif dan usaha Abang Yusuf Puteh banyak ilmuan yang telah lahir dari Daerah Kalaka. Seterusnya, menerusi wawancara dengan Encik Ramlan Iskandar, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 9.30 malam bertarikh 21 September turut mengakui tanpa usaha Abang Yusuf Puteh Daerah Kalaka kemungkinan masih ketandusan golongan berpendidikan tinggi. Malah, beliau turut membantu Wahab Aziz (Sekarang Datuk) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi walaupun akhirnya Wahab Aziz menjadi musuh politik beliau. Atas dasar kepentingan pendidikan beliau tidak menyimpan dendam malah terus menabur bakti kepada masyarakat.

*education had taken roots at least among a few in the village as early as that although it took time for it to spread.*¹⁰⁵

Kesedaran pendidikan yang wujud melalui peranan kedua-dua orang tuanya memberikan satu kelebihan kepadanya dalam mengenali kepentingan pendidikan kepada diri, keluarga dan masyarakat. Pengalaman melalui kesanggupan bapa saudaranya bertindak membawanya sepanjang perjalanan dari rumah ke sekolah akibat air bah setiap kali musim „landas“ telah membuktikan kesedaran akan kepentingan dan keutamaan pendidikan. Tindakan seperti ini turut dilakukan oleh segelintir ibu bapa yang lain demi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan. Menurut Ikhwan Achem, walaupun kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan semakin meningkat dewasa ini tetapi masalah infrastruktur di kawasan kampung yang kurang pembangunan menyebabkan masalah tersebut masih berlarutan. Beliau turut menegaskan setiap kali musim „landas“ atau berlakunya air pasang besar jalan-jalan di kampung untuk menuju ke sekolah akan ditenggelami air. Keadaan ini lebih teruk apabila kawasan persekitaran sekolah turut mengalami nasib yang sama. Ibu bapa yang bimbang dengan keselamatan anak-anak mereka terpaksa tidak membenarkan pelajar-pelajar ini pergi ke sekolah. Akibatnya, pelajar-pelajar ini banyak ketinggalan dalam pelajaran mereka.¹⁰⁶

Untuk tujuan tersebut, tindakan proaktif daripada pihak-pihak tertentu seperti pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, anggota masyarakat dan lain-lain perlu diperkasa agar terus menyebarkan maklumat demi membangkitkan kesedaran yang lebih holistik kepada ibu bapa di Sarawak terutamanya masyarakat di kawasan pesisir terhadap kepentingan pendidikan. Atas kesedaran ini juga Abang Yusuf Puteh telah bertindak dengan

¹⁰⁵ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm.125.

¹⁰⁶ Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem, iaitu penduduk kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015. Perbualan berkaitan infrastruktur di kampung dan sekolah yang daif lebih-lebih lagi apabila air pasang besar dan hujan. Beliau turut mengirinkan gambar secara kebetulan pelajar-pelajar di kampung tersebut yang terpaksa mengharungi air pasang besar untuk ke sekolah.

menggunakan sumber kewangannya sendiri untuk membantu masyarakat Melayu pesisir yang tidak berkemampuan agar anak-anak mereka dapat menikmati alam persekolahan. Menurut Nursiyati Deni, antara usaha yang bermakna Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu pesisir adalah membangkitkan rasa kesedaran terhadap bidang pendidikan. Malah Abang Yusuf Puteh dengan berbesar hati turut menjadikan rumahnya sebagai pusat pengajian sama ada ilmu duniawi mahu pun ukhrawi.¹⁰⁷

Menurut Abang Yusuf Puteh, tahap kesedaran ibu bapa semakin menunjukkan peningkatan apabila ibu bapa mula mengkehendaki tempat-tempat yang terbaik untuk persekolahan anak-anak mereka. Kebangkitan kesedaran mengenai pendidikan ini telah mengakibatkan kerajaan menghadapi masalah yang serius dari aspek kekurangan guru dan bilik darjah. Kedudukan daripada rendahnya tahap kesedaran sebelum itu telah membawa kepada era ledakan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Beliau sendiri turut mengambil tindakan dengan memohon bantuan kewangan untuk membina bilik darjah apabila berlakunya pertambahan bilangan pelajar.¹⁰⁸ Oleh yang demikian, tindakan dan sokongan padu daripada kerajaan amat perlu untuk terus menggerakkan cita-cita ini. Hal ini sebagaimana dinyatakan Abang Yusuf Puteh, iaitu, *“Now the position is the reverse. The parents demand places for their children in school. The government is facing serious shortages of teachers and classrooms. Education is undergoing boom times”*.¹⁰⁹

Pernyataan Abang Yusuf Puteh tersebut menggambarkan keyakinan beliau bahawa perubahan suasana kesedaran ketika itu telah mengakibatkan keperluan yang mendesak

¹⁰⁷ Wawancara dengan Puan Nursiyati Deni, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam 2.30 petang bertarikh 20 September 2015 malam di kediaman beliau di Kampung Melango Lama, Saratok, Sarawak. Nada yang sama turut diluahkan oleh Puan Salina Sauti ketika diwawancara pada jam 12.30 tengahari bertarikh 20 September 2015 di Kampung Bunga Raya, Saratok, Sarawak. Malah Encik Razali Busri penduduk Kampung Bunga Raya, Saratok yang kini berada di Sabah atas urusan tugas ketika ditemubual melalui aplikasi Facebook dan Whatsapp pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 turut memberikan pandangan yang sama sebagaimana Puan Nursiyati dan Puan Salina Sauti.

¹⁰⁸ Melalui surat bertarikh 4 Julai 1980 mendapat kelulusan wang berjumlah \$4000.00 daripada YB Menteri (Datuk Amar Abdul Taib Mahmud –Menteri Pertahanan Malaysia ketika itu) bertujuan membina bilik darjah bertempat dibawah surau di kampung Melayu pesisir. Bilik darjah terpaksa dibina di bawah surau memandangkan keadaan sekolah yang terlalu padat tidak dapat dilakukan sebarang penambahan. Tambahan pula, bantuan kewangan yang diluluskan tidak mengizinkan bangunan baharu di bina di kawasan sekolah yang ada. Rujuk, Fail: Bil (4) YPS/D1/01-3/M2.

¹⁰⁹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 128.

kepada peningkatan taraf pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan tersebut. Secara tidak langsung, beliau ingin menyampaikan betapa selama ini aspek pendidikan di kawasan ini begitu ketinggalan akibat pengabaian yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Kesedaran ini telah mengakibatkan pihak kerajaan tidak mempunyai pilihan melainkan membangunkan fasiliti pendidikan dan menambahkan kekurangan guru bagi menampung pertambahan bilangan pelajar di kawasan tersebut. Kesedaran pendidikan sedikit sebanyak telah mula bertapak dalam jiwa masyarakat Melayu pesisir dan seterusnya telah memberikan kesan kepada penyebaran kesedaran secara menyeluruh dalam masyarakat.

Sistem Pendidikan

Seterusnya, sistem pendidikan yang sering kali mengalami perubahan dan menjadikan pelajar sebagai bahan uji kaji kepada pelbagai sistem yang baharu diperkenalkan. Kekerapan perubahan kepada sistem ini mencitrakan kelemahan pihak yang berkenaan dalam menguruskan pendidikan negara. Selain itu, sistem pendidikan negara turut diselar supaya tidak terlalu berpusatkan peperiksaan yang mengakibatkan pelajar hilang fokus kepada aktiviti-aktiviti lain yang sekaligus tidak menepati kehendak yang termaktub dalam FPK.

Teguran beliau terhadap sistem pendidikan yang terlalu berpusatkan kepada peperiksaan ini membuktikan bahawa Abang Yusuf Puteh mengikuti perkembangan pendidikan negara amnya dan Negeri Sarawak khasnya demi kelangsungan pendidikan yang bermutu dan adil kepada pelajar. Kritikan ini dapat diteliti melalui penulिसannya, iaitu:

At the academic level, the policy and particularly the education system have been subjected to far too frequent changes, the result of which is that the students become guinea pigs of sorts. The obvious one is the

*examination system. It is not easy to keep track of the changes both in substance and name.*¹¹⁰

Baginya sistem pendidikan negara yang lebih berpusatkan kepada peperiksaan jelas berupaya merosakkan sistem sosialisasi para pelajar yang merupakan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa akan datang. Sikap yang terlalu taksab kepada peperiksaan hasil daripada sistem pendidikan yang lemah menyebabkan daya pergaulan positif dalam kalangan pelajar turut lemah dan tidak mampu berhadapan dengan cabaran yang mendatang.

Selain itu, pendidikan yang berpusatkan kepada peperiksaan berupaya untuk menjadikan seseorang pelajar menjadi pasif malah tidak mampu untuk berkomunikasi dengan baik kerana tidak berpengalaman menghadapi situasi sosialisasi yang lebih berkesan. Hal ini sudah tentu memberikan impak yang buruk kepada masa depan pelajar dan negara. Tumpuan yang terpaksa diberikan sepenuhnya kepada buku-buku demi untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan menjadi keutamaan sehingga mengakibatkan pengabaian dalam aspek yang sepatutnya turut diberi perhatian.

Oleh yang demikian, anjakan paradigma dalam sistem pendidikan hendaklah dilakukan dengan memberikan keseimbangan antara kurikulum dan kokurikulum supaya sistem pendidikan negara mampu untuk melakukan lonjakan saujana demi kepentingan masyarakat.

Peningkatan Moral Melalui Pendidikan

Aspek pendidikan merupakan antara cabang utama dalam pembentukan akhlak seseorang. Ketinggian dalam ilmu pengetahuan membolehkan seseorang itu untuk membezakan perkara yang positif dan negatif. Oleh hal yang sedemikian, pendidikan

¹¹⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm.310.

sewajarnya diberi penekanan dalam masyarakat agar dapat membentuk golongan masyarakat yang cinta akan ilmu pengetahuan sekaligus memandu seseorang untuk melakukan segala bentuk amal kebaikan. Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, masyarakat Melayu Sarawak sedang mengalami hakisan moral yang serius dan perlu diberi perhatian yang wajar. Hal ini terutamanya berlaku di kawasan bandar-bandar namun begitu tidak bermakna kawasan luar bandar tidak diberi perhatian yang seiring dengan kawasan bandar.

Hal ini sebagaimana yang dinyatakannya, iaitu :

The Malay community is suffering from Moral dilution at all levels. It may be a really tough job to cure the rot in the cities and urban centres but I feel confident that it can be handled in the rural areas. However, the main problem as pointed out in the article on morality in the preceeding Chapter, the moral outlook of the teachers, generally speaking, in the rural areas needs a very close scrutiny by the Ministry of Education. There is a widening detachment of the well-paid teachers from the poor community.¹¹¹

Beliau dengan nada penuh keyakinan meletakkan tanggungjawab aspek pendidikan sangat penting dalam usaha untuk mengekang situasi ini. Perkara ini sudah semestinya tidak dapat dipandang ringan kerana akan melibatkan maruah negara di mata dunia. Keruntuhan moral yang disuarakan oleh Abang Yusuf Puteh tidak hanya berfokus kepada nilai masyarakat tetapi turut akan memberikan kesan kepada aspek sosial dan politik. Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh mengambil langkah yang bijak dengan menyediakan asas pendidikan agama secara percuma kepada masyarakat kampung di Daerah Kalaka terutamanya. Atas dasar tanggungjawab sebagai seorang yang terpelajar yang lahir di kawasan tersebut beliau mengupah seorang guru agama, iaitu Cikgu Yusuf Arab untuk mengajar penduduk kampung. Bahkan, beliau menyediakan pengangkutan untuk mengambil dan menghantar pelajar sebelum dan selepas pengajian yang diadakan dirumahnya. Pengorbanan yang begitu bermakna dan jasanya yang begitu murni kepada

¹¹¹ Ibid., hlm. 311.

pendidikan dan pembangunan masyarakat Daerah Kalaka telah mendapat sanjungan masyarakat di sekitarnya. Pejabat Daerah Saratok telah mengambil inisiatif dengan menggantungkan gambar Abang Yusuf Puteh di dinding pejabat sebagai mengenang dan tanda penghormatan terhadap jasa yang telah dicurahkan.¹¹²

Oleh yang demikian tindakan bersepadu pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan amat perlu supaya keadaan ini dapat dikekang sebelum menjadi barah dalam masyarakat. Perhatian dan tumpuan hendaklah diberikan kepada semua kawasan agar dapat memperkasakan pendidikan di pelbagai peringkat. Selain itu, cadangan turut disuarakan agar Menteri Pendidikan melakukan pemantauan terhadap sistem pendidikan di kawasan luar bandar dan tidak hanya memberikan tumpuan di kawasan-kawasan bandar semata-mata. Di samping itu, masalah moral perlu diambil berat dan ditangani dengan kadar segera agar tidak menjadi virus yang merebak ke seluruh negara.

Atas dasar para pelajar merupakan pewaris negara pada masa depan maka beliau mendesak ibu bapa supaya mengambil berat dan mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa hendaklah bergerak aktif demi menunaikan tanggungjawab terhadap amanah yang telah dikurniakan kepada mereka. Oleh itu, ibu bapa di kawasan Kalaka ketika itu mula mengambil tahu dan memantau setiap aspek pembelajaran anak-anak terutamanya ketika berada di rumah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terus diperkukuhkan dengan menjalin hubungan yang erat antara mereka. Hubungan ibu bapa dan guru amat penting untuk mencari jalan usaha demi kemajuan pendidikan anak-anak.

¹¹² Hasil wawancara dengan Puan Nursiyati Deni di Kampung Melango Lama pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015, Puan Salina Sauti di Kampung Bunga Raya, Saratok pada jam 1.30 Petang, bertarikh 19 September 2015, Encik Manterang di Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015, Encik Ramlan Iskandar pada jam 10.00 malam bertarikh 20 September 2015, Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015, Encik Razali Busri di Kampung Bunga Raya, Saratok, pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 (melalui aplikasi *facebook* dan *whatsapp* memandangkan beliau bekerja di Sabah), Encik Ahmad Dewi Deli, penduduk Kampung Debak pada jam 8.00 malam bertarikh 24 September 2015) melalui panggilan telefon. Semua informan memberi maklumat yang sama berkaitan usaha-usaha Abang Yusuf Puteh.

Abang Yusuf Puteh turut menyeru supaya kedua-dua ibu bapa dan guru sentiasa bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada anak-anak dalam pelajaran.¹¹³

PERUBAHAN TAHAP PENDIDIKAN DAERAH KALAKA, 1970-2009

Pembelaan dan usaha untuk melonjakkan pendidikan berkaitan masyarakat Melayu pesisir sebetulnya telah lama dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu sejak tahun 1970 lagi setelah dilantik untuk menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Aspek pendidikan ternyata menjadi aktiviti yang sering diberi perhatian oleh beliau atas faktor kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu. Beliau yang lahir dari kawasan Melayu pesisir amat memahami situasi yang melanda di kawasan tersebut. Beliau sentiasa bekerja keras dengan tidak pernah mengenal putus asa demi membela nasib masyarakat Melayu. Perjuangan beliau tidak pernah didendangkan walaupun menyumbangkan jasa yang besar kepada transformasi positif bagi masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, beberapa perubahan positif dalam aspek pendidikan terutamanya bagi masyarakat Melayu pesisir mencitrakan kejayaan dan harapan setelah dilaungkan kritikan oleh Abang Yusuf Puteh. Untuk melihat perubahan-perubahan dalam aspek pendidikan maka adalah perlu untuk diperlihatkan jumlah penduduk Melayu pesisir dan jumlah penduduk Melayu di seluruh Sarawak. Dengan itu, peningkatan bilangan dan peratus bilangan sekolah, guru-guru yang ditempatkan dan pelajar-pelajar di Daerah tersebut akan dinilai setiap 10 tahun untuk melihat perubahan dan kebangkitan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat di daerah pesisir terutamanya orang-orang Melayu. Perubahan ini dapat diteliti dalam jadual 4.2 yang berikut:

¹¹³ Lihat, *Sarawak Tribune*, 17 December 1980, hlm. 18.

Jadual 5.2: Jumlah Penduduk Melayu Pesisir di Kalaka dan Saribas

Tahun	Melayu Saribas	Melayu Kalaka	Jumlah Melayu Saribas dan Kalaka	Orang Melayu di Sarawak	Peratus Penduduk Melayu di Daerah Kalaka
1971	8 383	7 210	15593	181 000	8.6
1981	13 457	9 486	22943	258 000	8.9
1991	23 605	14 038	37643	350 570	10.73
2001	29 919	17 641	47560	462 270	10.29
2011	36 756	18 373	55129	568 113	9.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011

Rajah 5.7 : Graf Perbandingan Jumlah Penduduk Melayu Pesisir di Kalaka dan Saribas dan Orang Melayu Sarawak



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981, 1991, 2001 dan 2011.

Berdasarkan jadual 5.2, didapati jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka setiap 10 tahun dari segi bilangan sejak tahun 1971 sehingga 2011. Antara tahun 1971 sehingga 2011 jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka menunjukkan trend peningkatan secara berterusan, iaitu sebanyak 15,593 orang atau 8.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Melayu Sarawak yang berjumlah 181,000 orang pada tahun 1971 kepada 55,129 orang atau 9.7 peratus daripada 568,113 orang pada tahun 2011. Walaupun trend ini

menunjukkan peningkatan dari segi jumlah mutlak penduduk dari tahun 1971 sehingga 2011 tetapi dari segi peratus jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka menunjukkan penurunan dalam jangka masa 2002 sehingga 2011, iaitu sebanyak 9.7 peratus berbanding peratusan jumlah penduduk dalam jangkamasa 1991 sehingga 2001. Oleh yang demikian, jumlah penduduk Melayu di Daerah Kalaka akan digunakan untuk mengukur kejayaan kritikan dan saranan yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh. Peningkatan jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah di Daerah Kalaka, jumlah guru-guru yang telah ditempatkan dan juga jumlah pertambahan pelajar-pelajar di daerah ini akan dianalisis untuk mengetahui perkembangan kesedaran pendidikan di daerah ini sebagaimana yang dikehendaki dan menjadi harapan Abang Yusuf Puteh.


Perkembangan kesedaran tentang kepentingan pendidikan di sesebuah kawasan secara statistiknya dapat dicitrakan dengan peningkatan bilangan institusi pendidikan terutamanya sekolah peringkat rendah dan menengah di kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan semakin banyak pusat pendidikan di sesebuah kawasan maka semakin banyak bilangan pelajarinya. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah di Daerah Kalaka tidak dapat digunakan untuk menggambarkan bilangan pelajarinya. Keadaan ini dapat diteliti melalui jadual 5.3, iaitu:

Jadual 5.3: Jumlah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka

Jumlah Sekolah di Daerah Kalaka dan Saribas, 1985-2011					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jumlah Sekolah Di Daerah Kalaka	SMK & SK Seluruh Sarawak
1981	Saribas	45	6	109	1412
	Kalaka	55	3		
1991	Saribas	45	6	109	1412
	Kalaka	54	4		
2001	Saribas	43	7	106	1433
	Kalaka	52	4		
2011	Saribas	47	8	113	1472
	Kalaka	53	5		

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001 dan 2011

Rajah 5.8 : Graf Perbandingan Jumlah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001 dan 2011

Berdasarkan jadual 5.3, didapati bilangan sekolah sama ada sekolah rendah dan sekolah menengah di Daerah Kalaka hanya mempamerkan peningkatan bilangan sekolah yang sangat kecil, iaitu sebanyak 109 buah sekolah atau 7.7 peratus berbanding keseluruhan sekolah di negeri Sarawak dalam tempoh yang sama, iaitu sebanyak 1,412 buah sekolah. Pada tahun 2002 hingga 2011, peningkatan sekolah (sekolah rendah dan sekolah menengah) di Daerah Kalaka hanyalah bertambah sebanyak 4 buah sahaja kepada 113 buah, namun dari segi peratusannya berbanding keseluruhan sekolah di Sarawak masih kekal sebanyak 7.7 peratus.


Walaupun peningkatan sekolah dalam jumlah yang sangat kecil tetapi bilangan guru di Daerah ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Hal ini secara tidak langsung membuktikan peningkatan jumlah pelajar di dalam sesebuah sekolah di daerah tersebut. Senario ini ditunjukkan di dalam jadual 5.4, iaitu:

Jadual 5.4 : Jumlah Guru di Daerah Kalaka

Jumlah Guru di Daerah Kalaka dan Saribas					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jum. Keseluruhan Guru	Jum.di Daerah Kalaka
1981	Saribas	189	324	513	946
	Kalaka	134	299	433	
1991	Saribas	259	483	742	1362
	Kalaka	166	454	620	
2001	Saribas	355	568	878	1577
	Kalaka	231	468	699	
2011	Saribas	565	913	1478	2756
	Kalaka	405	842	1247	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001 dan 2011

Rajah 5.9 : Graf Perbandingan Jumlah Guru di Daerah Kalaka



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001 dan 2011

Berdasarkan jadual 5.4 didapati peningkatan secara berterusan guru-guru untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di Daerah Kalaka. Antara tahun 1981 sehingga 1990, jumlah keseluruhan guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah di Daerah Kalaka ialah sebanyak 946 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 2,756 orang pada tahun 2011. Jumlah ini menunjukkan peningkatan bilangan guru di Daerah Kalaka sebanyak 1,810

orang atau 65.7 peratus dalam tempoh 21 tahun berdasarkan catat Jabatan Perangkaan Cawangan Sarawak pada tahun 1990.


Peningkatan jumlah guru antara tahun 1981 dan 2011 sebanyak 1,810 orang (65.7%) adalah signifikan dengan peningkatan jumlah pelajar sekolah di Daerah Kalaka. Berdasarkan jadual 5.5 membuktikan bahawa jumlah pelajar di Daerah Kalaka telah menunjukkan pola peningkatan secara berterusan antara tahun 1981 sehingga 2011, selari dengan pertambahan penduduk di daerah ini dan juga ledakan kesedaran teknologi maklumat pada era modenisasi. Keadaan ini ditunjukkan dengan jelas melalui jadual 5.5, iaitu:

Jadual 5.5 : Jumlah Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka

Jumlah Murid di Daerah Kalaka dan Saribas					
Tahun	Daerah	SMK	SK	Jumlah Keseluruhan Murid	Jumlah di Daerah Kalaka
1981	Saribas	4004	6525	10529	19373
	Kalaka	3293	5551	8844	
1991	Saribas	3990	7211	11201	19642
	Kalaka	2751	5690	8441	
2001	Saribas	5506	9474	14980	26081
	Kalaka	4273	6828	11101	
2011	Saribas	6911	9023	15934	27699
	Kalaka	5213	6552	11765	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001, 2011 dan Sumber: Enrolmen Pelajar Pejabat Pendidikan Daerah Saratok, 2000-2011

Rajah 5.10: Graf Perbandingan Jumlah Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Daerah Kalaka



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1981, 1991, 2001, 2011 dan Sumber: Enrolmen Pelajar Pejabat Pendidikan Daerah Saratok, 2000-2011

Berdasarkan jadual 5.5 didapati berlakunya peningkatan bilangan pelajar di Daerah Kalaka. Antara tahun 1981 sehingga 1990, jumlah pelajar di Daerah Kalaka dicatatkan sebanyak 19,373 orang telah meningkat kepada 27,699 orang pada tahun 2002 sehingga 2011. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8,326 orang pelajar atau bersamaan 30.1 peratus. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Cawangan Sarawak pada tahun 1990 dan tahun 2011.

Walaupun bilangan sekolah-sekolah di Daerah Kalaka turut menunjukkan peningkatan namun jumlahnya masih lagi kecil dan tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Peningkatan yang sangat kecil jumlah sekolah di Daerah Kalaka sejak tahun 1981 iaitu sebanyak 109 buah hanya merekodkan pertambahan sebanyak 4 buah sekolah sejak tahun 2002 kepada 113 buah sekolah ataupun peningkatan sebanyak 3.5 peratus dan terus kekal dengan jumlah tersebut sehingga tahun 2011. Jumlah sekolah yang

direkodkan tidak seiring dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah di Daerah tersebut bermula pada tahun 1981 sehingga 2011. Hal ini menunjukkan jumlah sekolah masih tidak mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin ramai untuk memperoleh pendidikan di sekolah-sekolah yang berhampiran dari setahun ke setahun.

Hal ini memprojeksi kurangnya tumpuan pihak kerajaan disebabkan beberapa kekangan tertentu antaranya kemelesetan ekonomi dunia 1998 yang menyebabkan banyak pembangunan tergendala dalam usaha untuk menambah bilangan institusi pendidikan di daerah pesisir tersebut. Walaupun begitu, usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di daerah ini dalam menyediakan guru-guru yang berkelayakan dengan jumlahnya yang menunjukkan pola meningkat antara tahun 2002 sehingga 2011 berbanding jumlah guru yang dicatatkan antara tahun 1981 sehingga 1991 tidak harus diperkecilkan. Peningkatan jumlah sekolah, guru dan kemudahan jelas membuktikan usaha dan suara Abang Yusuf Puteh dalam meningkat dan memartabatkan pendidikan di kawasan Melayu pesisir telah didengari dan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan.¹¹⁴ Malah kelihatan ibu bapa juga telah mempunyai kesedaran untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Ini jelas melalui peningkatan jumlah pelajar dari masa ke semasa. Ibu bapa di kawasan penempatan pesisir semakin terdedah dengan kepentingan pendidikan sebagai satu wadah transformasi kehidupan sebagaimana masyarakat di kawasan bandar. Mereka turut berusaha keras untuk menghantar anak-anak ke sekolah demi masa depan yang lebih terjamin. Peningkatan jumlah pelajar ini amat signifikan

¹¹⁴ Wawancara dengan beberapa orang penduduk di Daerah Kalaka antaranya, generasi yang sezaman dengan Abang Yusuf Puteh seperti Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015, Encik Manterang dari Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015. Seterusnya wawancara dengan generasi yang telah emenrima manfaat hasil daripada usaha dari aspek pendidikan Abang Yusuf Puteh, iaitu Puan Nursiyati Deni di Kampung Melango Lama pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015, Puan Salina Sauti di Kampung Bunga Raya, Saratok pada jam 1.30 Petang, bertarikh 19 September 2015, Encik Manterang di Kampung Melango Lama, Saratok, Encik Ramlan Iskandar pada jam 10.00 malam bertarikh 20 September 2015, Encik Razali Busri di Kampung Bunga Raya, Saratok, pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 (melalui aplikasi facebook dan whatsapp memandangkan beliau bekerja di Sabah). Hasil wawancara menunjukkan bahawa dengan penuh keyakinan mereka mengatakan peningkatan aspek pendidikan di Daerah Kalaka adalah atas daya usaha yang telah dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh. Tanpa keberanian Abang Yusuf Puteh menyuarakan permasalahan mereka sudah tentu suara mereka tidak kedengaran pada pihak kerajaan. Begitu juga usaha yang berterusan dan tanpa putus asa Abang Yusuf Puteh dalam pembangunan masyarakat di daerah tersebut.

dengan jumlah peningkatan masyarakat Melayu pesisir di Daerah Kalaka. Di samping itu, peningkatan golongan profesional dari daerah ini membuktikan kesungguhan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan.¹¹⁵

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, Abang Yusuf Puteh sangat mengambil berat terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir sehingga melontarkan beberapa teguran terhadap pengabaian aspek ini. Beliau bukan sahaja melakukan teguran tetapi turut berperanan dengan berusaha untuk meningkatkan aspek pendidikan masyarakat di kawasan tersebut. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan didapati tahap pendidikan masyarakat Melayu pesisir dalam tempoh kajian masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan nasib masyarakat Melayu di kawasan bandar.

Pengabaian dalam aspek infrastruktur institusi pendidikan oleh pihak kerajaan terhadap masyarakat Melayu pesisir memberikan kesan yang mendalam terhadap masa hadapan anak-anak ini sehingga mematahkan semangat mereka untuk mendalami ilmu pengetahuan. Pengabaian yang lebih buruk lagi apabila terdapat penempatan masyarakat Melayu pesisir yang langsung tidak mempunyai walaupun sebuah sekolah untuk pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, Abang Yusuf Puteh telah menyuarakan permasalahan ini agar diberikan perhatian yang sewajarnya. Usaha beliau ternyata telah mendapat perhatian pihak yang berwajib dengan menambahbaik kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah di kawasan tersebut termasuklah kuarters kediaman guru dan asrama pelajar.

Seterusnya, usaha Abang Yusuf Puteh supaya dilakukan penambahbaikan terhadap sistem pengangkutan turut mendapat perhatian apabila sistem perhubungan seperti jalan raya telah dibina untuk kemudahan masyarakat di situ pada akhir 1990-an. Hal ini

¹¹⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996, hlm. 90.

sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos dan menjamin keselamatan pelajar untuk ke sekolah walaupun agak jauh dari kediaman mereka. Di samping itu, usaha Abang Yusuf Puteh dalam meningkatkan kesedaran ibu bapa turut berjaya dilakukan. Hal ini dibuktikan menerusi statistik jumlah pelajar menunjukkan peningkatan bilangan pelajar di kawasan tersebut. Peningkatan ini menunjukkan ibu bapa mempunyai kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka. Keadaan ini sekaligus memberikan impak yang positif kepada pembangunan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir.

Atas dasar tersebut, Abang Yusuf Puteh dengan penuh keyakinan menyuarakan pandangan, iaitu sekiranya kesedaran pendidikan semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir sebagaimana masyarakat lain sudah pasti masyarakat Melayu pesisir akan mampu untuk bergerak lebih maju ke hadapan dan bersaing dengan masyarakat lain. Ringkasnya, dapatlah dinyatakan bahawa teguran yang diutarakan Abang Yusuf Puteh yang berlandaskan kepada kemunduran beberapa aspek pendidikan masyarakat Melayu pesisir telah mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, kejayaan ini membuktikan kepentingan peranan yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan pendidikan masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

BAB 6 : USAHA MENINGKATKAN EKONOMI MELAYU PESISIR

PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan senario kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, seterusnya usaha berbentuk teguran dan saranan Abang Yusuf Puteh terhadap isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Isu yang berkaitan ekonomi masyarakat Melayu merupakan antara isu yang begitu diberi penekanan ketika hidup beliau sama ada ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam ataupun setelah bersara dalam dunia politik di Sarawak. Perbahasan dalam bab ekonomi masyarakat Melayu Sarawak ini mempunyai signifikan untuk dikaji kerana persoalan mengenai peranan Abang Yusuf Puteh terhadap ekonomi masyarakat Melayu Sarawak akan terjawab. Pandangan Abang Yusuf Puteh mempunyai persamaan dengan perjuangan tokoh bahasa dan akademik negara, iaitu Za'ba dalam hal yang berkaitan dengan isu ekonomi masyarakat Melayu. Walaupun peranan beliau tidak setanding dengan usaha yang dilakukan oleh Za'ba untuk masyarakat Melayu di Tanah Melayu ketika itu tetapi usaha beliau mempunyai keistimewaan tersendiri dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir.

Rentetan daripada proses pembangunan di Sarawak yang sering mengabaikan masyarakat Melayu pesisir telah menyebabkan Abang Yusuf Puteh melontarkan teguran terhadap kemunduran ekonomi masyarakat tersebut. Pengabaian tersebut menjadi titik tolak kepada kesukaran kehidupan, kemiskinan dan kemunduran masyarakat Melayu di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Abang Yusuf Puteh yang menyedari situasi ini mengambil inisiatif dengan menyuarakan rasa ketidakpuasan hati beliau terhadap ketidakadilan pembangunan yang dialami masyarakat Melayu Pesisir di Sarawak. Masyarakat Melayu Sarawak seolah-olah dianaktirikan oleh pemimpin yang diberi

kepercayaan untuk membela nasib mereka dan memberikan pembangunan terutamanya dalam aspek sosial dan ekonomi. Walau bagaimanapun, kepercayaan yang mereka berikan telah dikhianati golongan pemimpin yang terdiri daripada orang Melayu sendiri. Pembangunan pesat di kawasan bandar yang dikuasai majoriti masyarakat Cina ternyata dapat memprojeksi perbandingan kemiskinan masyarakat Melayu dengan kaum lain terutamanya masyarakat Cina. Kemunduran ekonomi yang menjurus kepada kemiskinan yang terus menjadi identiti dalam kalangan masyarakat Melayu dikaitkan dengan beberapa sebab seperti keciciran dalam persekolahan, kebergantungan kepada orang lain, pengamalan budaya yang membawa kemunduran dan kelemahan kepimpinan pemimpin Melayu sendiri.

Lanjutan daripada itu, Abang Yusuf Puteh telah melaksanakan beberapa usaha untuk membangunkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir yang begitu jauh ketinggalan pada ketika itu. Oleh yang demikian, peranan Abang Yusuf Puteh terhadap ekonomi masyarakat Melayu Sarawak akan dikupas melalui perbahasan dalam bab ini. Pandangan dan perspektif beliau yang tersendiri dalam mengupas isu ekonomi terutama masalah yang melanda masyarakat Melayu Sarawak ini banyak dituangkan dalam penulisannya untuk memberikan gambaran sebenar keadaan masyarakat Melayu pesisir. Tujuannya supaya tindakan yang sewajarnya perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan demi meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir di Sarawak.

KEMISKINAN DALAM KALANGAN MELAYU PESISIR, 1970-2009

Merujuk kepada penulisan awal Abang Yusuf Puteh terhadap kemiskinan Melayu Sarawak terutamanya di kawasan Melayu pesisir, aspek kepimpinan Melayu lebih banyak

dibincangkan dalam bab empat.¹ Hal ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh kepimpinan Melayu untuk melakukan transformasi minda masyarakat Melayu pesisir yang telah lama tersisih. Pernyataan ini sudah tentu dapat dikukuhkan melalui pengabaian yang dilakukan secara berterusan oleh pemimpin zaman Brooke, era British dan era 22 tahun pasca merdeka pada tahun 1985 yang masih memperlihatkan senario kemunduran terus melingkungi masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Pemimpin-pemimpin Melayu ternyata gagal dalam melakukan pembaharuan dan memberikan sokongan kepada masyarakat Melayu pesisir untuk bersaing dengan masyarakat yang lain. Kepimpinan Melayu sepatutnya memainkan peranan penting untuk membersihkan insiden kemiskinan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, faktor kepimpinan Melayu ini tidak boleh diletakkan sebagai punca mutlak kepada kemiskinan masyarakat Melayu pesisir tetapi tanggungjawab yang perlu dipikul dan dilaksanakan bersama dalam kalangan masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, sebelum huraian lebih lanjut tentang aspek kemiskinan Melayu pesisir sebagaimana yang digarap dan dikritik oleh Abang Yusuf Puteh, terlebih dahulu perlu difahami definisi tentang indeks kemiskinan dalam konteks kajian ini.

Berdasarkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Kemajuan Masyarakat (KPWK) pada tahun 2012 dan Jabatan Perangkaan Malaysia, kemiskinan dikategorikan kepada dua, iaitu miskin dan miskin tegar. Kategori miskin merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan yang membolehkan isi rumah memiliki keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan untuk kesemua ahlinya. Untuk melihat „*Poverty Line Income*“ (PLI) bukan makanan kiraan yang digunapakai oleh Bank Dunia dalam menentukan sasaran keperluan yang minima untuk aspek perkhidmatan dan bukan makanan. Keperluan ini dikira berdasarkan kepada perbelanjaan keseluruhan isi rumah dengan mengambil kira PLI

¹ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996.

makanan (isi rumah yang berada pada jurang 10 peratus di atas dan 10 peratus di bawah PLI makanan). Ini akan menunjukkan jumlah perbelanjaan sebenar termasuk komponen bukan makanan untuk membolehkan sesebuah isi rumah tersebut berfungsi dalam masyarakat. PLI akan dikira berdasarkan kepada keperluan setiap isi rumah dan Indeks Harga Pengguna atau „*Consumer Price Index*“ (CPI) makanan dan bukan makanan mengikut Negeri dan Strata (Bandar dan Luar Bandar). PLI bukan makanan akan mengambil kira keperluan asas seperti berikut; Pakaian, sewa, minyak dan elektrik, perkhidmatan asas, pengangkutan dan komunikasi dan lain-Lain. Sehubungan itu, merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi, Paras Garis Kemiskinan pada Tahun 2012 selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Paras Garis Kemiskinan (PGK) makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin berdasarkan kepada kiraan di atas adalah RM830 seisi rumah.

Seterusnya, menurut KPWKM berhubung dengan definisi miskin tegar pula merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah yang kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang hanya mencukupi bagi ahli untuk memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan dan minuman yang membolehkan ahlinya berada dalam keadaan yang sihat. PLI untuk miskin tegar berdasarkan indikator komposisi isi rumah, iaitu bilangan ahli, umur dan jantina bagi melihat keperluan diet atau kalori yang telah ditetapkan.² Walau bagaimanapun, PLI turut mengambil kira harga jualan semasa bagi membeli keperluan harian berdasarkan lokasi sesebuah negeri dan strata (bandar atau luar bandar).³ Keperluan kalori bagi setiap isi rumah dikira berdasarkan kepada struktur ahli dalam setiap isi rumah seperti umur, berat, jantina dan kadar metabolisme badan atau „*basal metabolic rate*“ (BMR) mengikut paras aktiviti fizikal atau „*physical activity level*“ (PAL) setiap isi rumah.

² Rujuk, Keperluan Harian Diperlukan atau Recommended Daily Allowance (RDA) 2004, Kementerian Kesihatan dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat juga, G. Anthony, *Sociology Sixth Edition*, Cambridge : Polity Press, 2009, hlm. 480-484.

³ Rujuk, *Jabatan Perangkaan Malaysia 2011*, hlm. 76, dan, <http://www.kpwkm.gov.my/nkra>.

Sejumlah 8,725 kalori setiap hari adalah diperlukan (untuk lima orang setiap isi rumah) berdasarkan kepada tujuh kategori makanan yang meliputi 13 jenis makanan, iaitu nasi, tepung gandum, biskut, ayam, telur, ikan, susu, minyak masak, majerin, gula, buah-buahan, sayur-sayuran, dan kekacang.⁴ Sehubungan itu, merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi, Paras Garis Kemiskinan pada Tahun 2012 selaras dengan RMK10, PGK makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin tegar berdasarkan kepada kiraan di atas adalah RM520 seisi rumah. Berikut jadual yang menunjukkan tahap Kemiskinan dan Miskin tegar pada tahun 1970-2009:

Jadual 6.1 : Tahap Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar di Malaysia, 1970, 1976, 1984 dan 2009

	Insiden Kemiskinan				Insiden Kemiskinan Tegar			
	1970	1976	1984	2009	1970	1976	1984	2009
Malaysia	49.3	37.7	20.7	3.8	*	*	6.9	0.7
Kaum								
Melayu	64.8	46.4	28.7	5.3	*	*	9.9	1.1
Cina	26.0	17.4	7.8	0.6	*	*	2.2	0.1
India	39.2	27.3	9.6	2.5	*	*	1.9	0.3
Lain-lain	44.8	33.8	20.3	6.7	*	*	7.1	1.3
Negeri								
Johor	45.7	29.0	12.2	1.3	*	*	3.1	0.1
Kedah	63.2	61.0	31.3	5.3	*	*	13.5	0.8
Kelantan	76.1	67.1	39.2	4.8	*	*	15.5	1.0
Melaka	44.9	32.4	15.8	0.5	*	*	5.5	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	13.0	0.7	*	*	3.7	0.1
Pahang	43.2	38.9	15.7	2.1	*	*	5.4	0.3
Pulau Pinang	43.7	32.4	13.4	1.2	*	*	4.1	0.1
Perak	48.6	43.0	20.3	3.5	*	*	6.7	0.5
Perlis	73.9	59.8	33.7	7.0	*	*	11.7	0.8
Selangor	29.2	22.9	8.6	0.7	*	*	2.5	0.1
Terengganu	68.9	60.3	28.9	6.5	*	*	11.6	0.5
Sabah & W.P Labuan	*	58.3	33.1	16.0	*	*	9.7	4.7
Sarawak	*	56.5	31.9	4.2	*	*	10.0	1.0
W.P KL	*	*	4.9	1.5	*	*	1.4	0.1


*tidak ada rekod

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita dan Kemajuan Masyarakat, 2012 dan Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009.

⁴ Berdasarkan kepada Komposisi Nutrisi Makanan Malaysia, IMR 1997.

Berdasarkan jadual 6.1 menunjukkan bahawa tahap kemiskinan di Malaysia telah menurun daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 37.7 peratus pada tahun 1976, iaitu penurunan sebanyak 11.6 peratus. Keadaan ini terus merekodkan penurunan pada tahun 1984 kepada 20.7 peratus, iaitu penurunan sebanyak 17.0 peratus. Trend menurun terus direkodkan pada tahun 2009, iaitu 3.8 peratus yang menunjukkan penurunan sebanyak 16.9 peratus berbanding tahap kemiskinan peringkat nasional pada tahun 1984, iaitu 20.7 peratus.

Rajah 6.1 : Graf Menunjukkan Tahap Kemiskinan Negeri-negeri di Malaysia Pada Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009

Walau bagaimanapun, terdapat negeri yang menunjukkan tahap kemiskinan mengatasi peringkat nasional. Berdasarkan rajah 6.1, didapati tahap kemiskinan peringkat nasional pada tahun 1976 adalah 37.7 peratus, terdapat lapan buah negeri yang tahap kemiskinan melebihi tahap nasional, iaitu Kedah (61.0 peratus), Kelantan (67.1 peratus), Perlis (59.8 peratus), Perak (43.0 peratus), Pahang (38.9 peratus), Terengganu (60.3 peratus), Sabah/Wilayah Persekutuan Labuan (58.3 peratus) dan Sarawak (56.5 peratus). Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2009 tahap kemiskinan peringkat

nasional telah menurun kepada 3.8 peratus, iaitu penurunan yang sangat ketara, iaitu sebanyak 33.9 peratus namun tahap kemiskinan negeri Sarawak (4.2 peratus) masih melebihi tahap nasional bersama-sama empat buah negeri yang lain, iaitu Kedah (5.3 peratus), Kelantan (4.8 peratus), Perlis (7.0 peratus) dan Sabah (16.0 peratus).

Seterusnya, tahap kemiskinan tegar peringkat nasional pada tahun 1984 pula berada pada paras 6.9 peratus dan menurun kepada 0.7 peratus pada 2009. Ini membuktikan penurunan tahap kemiskinan tegar sebanyak 6.2 peratus hanya berlaku dalam tempoh 25 tahun. Berdasarkan jadual 6.1 jelas menunjukkan bahawa pada tahun 1984 terdapat enam buah negeri melebihi tahap kemiskinan tegar nasional, iaitu Kedah (13.5 peratus), Kelantan (15.5 peratus), Perlis (11.7 peratus), Terengganu (11.6 peratus), Sabah/Wilayah Persekutuan Labuan (9.7 peratus) dan Sarawak (10.0 peratus). Pada tahun 2009 pula terdapat lima buah negeri yang melebihi tahap kemiskinan tegar nasional 0.7 peratus, iaitu Kedah (0.8 peratus), Kelantan (1.0 peratus), Perlis (0.8 peratus), Sabah/Wilayah Persekutuan Labuan (4.7 peratus) dan Sarawak (1.0 peratus).⁵

Rajah 6.2 : Graf Menunjukkan Tahap Kemiskinan Tegar Nasional dan Negeri-negeri di Malaysia Pada Tahun 1984 dan 2009




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009

⁵ *Jabatan Perangkaan Malaysia*, Tahun 1970, 1985 dan 2009. Walau bagaimanapun, tidak ada rekod yang menunjukkan insiden kemiskinan tegar pada tahun 1970 tetapi hanya bermula pada tahun 1985.

Berdasarkan statistik tersebut menunjukkan bahawa tahap kemiskinan dan kemiskinan tegar di Sarawak terus kekal melebihi tahap kemiskinan dan kemiskinan tegar pada peringkat nasional sejak direkodkan pada tahun 1970 sehingga 2009. Walaupun tahap kemiskinan peringkat nasional menunjukkan pola menurun secara berterusan tetapi tahap kemiskinan di negeri Sarawak terus melebihi tahap kemiskinan pada peringkat nasional. Berdasarkan rajah 6.3, statistik turut menunjukkan bahawa kaum Melayu terus mengalami kemiskinan dan kemiskinan tegar di Malaysia berbanding dengan kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina. Malah tahap kemiskinan orang Melayu melebihi tahap kemiskinan pada peringkat kebangsaan sejak tahun 1970 sehingga 2009 sebagaimana yang direkodkan.⁶

Rajah 6.3 : Graf Perbandingan Tahap Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar Kaum kaum di Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 1970, 1976, 1984 dan 2009

Manakala hasil pemerhatian, pengamatan dan penyelidikan yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh di kawasan penempatan Melayu pesisir sebagaimana yang dinyatakan beliau

⁶ Statistik yang dikeluarkan adalah dalam tempoh 2 sehingga 5 tahun sekali. Pada tahun 1970, statistik kemiskinan hanya melibatkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak melibatkan penduduk Sabah dan Sarawak. Lihat, *Jabatan Perangkaan Malaysia*, Tahun 1970-2012.

didapati masyarakat Melayu pesisir jelas berada di bawah paras miskin tegar. Beliau melihat paras kemiskinan untuk masyarakat Melayu pesisir berdasarkan kepada indeks penggunaan atap zink dalam kalangan mereka.⁷ Penggunaan atap zink yang dimaksudkan beliau bukan hanya merujuk kepada penggunaan atap untuk menutupi bahagian atas rumah tetapi turut berfungsi sebagai dinding untuk rumah-rumah penduduk Melayu pesisir. Ini menunjukkan mereka tidak mampu untuk memiliki atau memperoleh material lain yang harganya terlalu mahal bagi mereka selain digunakan sebagai dinding. Walaupun impak kemiskinan melahirkan daya kreativiti untuk meneruskan kelangsungan hidup tetapi ianya tetap merujuk kepada keseriusan tahap kemiskinan yang dialami penduduk di kawasan ini. Daripada 13 buah perkampungan Melayu pesisir yang dilakukan pemerhatian dan pengamatan didapati masyarakat Melayu pesisir hidup dalam kemiskinan dan kedaifan.⁸

KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU PESISIR

Ekonomi negara⁹ Sarawak dikategorikan sebagai ekonomi yang berasaskan pertanian dengan aktiviti pertanian dilakukan secara meluas pada zaman Brooke dan kolonial British. Antara aktiviti pertanian yang dilakukan oleh masyarakat Sarawak ialah penanaman padi, getah, nenas, lada hitam, sago, kelapa dan buah-buahan serta terlibat dalam bidang perikanan.¹⁰

Pada zaman Brooke, aktiviti perniagaan dalam kalangan masyarakat Melayu hanya melibatkan golongan nakhoda dan pembesar sahaja manakala masyarakat Melayu yang lain terutamanya di kawasan pesisir hanya melakukan aktiviti bercucuk tanam dan memungut hasil hutan untuk menyara kehidupan. Bermula pada pertengahan abad ke-19, aktiviti

⁷ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 9-10.

⁸ Kaedah yang sama turut digunakan oleh Mohd Azri Noor dalam kajiannya terhadap kemiskinan Masyarakat Melayu di kawasan Samarahan, Sarawak. Lihat, *Poverty in Sarawak*, Tesis Sarjana Universiti Brunei Darul Salam, 1998.

⁹ Sebelum Penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, Sarawak adalah sebuah negara di bawah pentadbiran koloni British selepas berlakunya penyerahan Sarawak daripada pemerintah Brooke pada tahun 1946.

¹⁰ *Information on Sarawak*, Borneo Literature Bureau, Kuching, hlm. 33.

perniagaan yang dilakukan oleh golongan nakhoda adalah berkaitan dengan pembalakan untuk dieksport ke pasaran Singapura. Dalam masa yang sama aktiviti penanaman kelapa turut dilakukan di atas tanah yang telah diluaskan untuk pembalakan. Walaupun golongan nakhoda Melayu menguasai aktiviti ekonomi yang meluas tetapi tidak bagi masyarakat Melayu pesisir yang majoritinya hanya mengusahakan penanaman kelapa, pisang dan padi secara kecil-kecilan. Manakala aktiviti penanaman lada hitam dikuasai sepenuhnya oleh masyarakat Cina dan Dayak. Hal ini dibuktikan pada tahun 1894 melalui rekod pendaftaran ladang lada hitam tidak ada seorang pun orang Melayu yang didaftarkan.¹¹ Senario ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pesisir tidak berusaha untuk mencuba tanaman lain yang mampu memberikan persaingan ekonomi kepada masyarakat lain terutamanya kaum Cina ketika itu. Keadaan ini terus membawa mereka kepada permasalahan ekonomi sama ada ketika zaman koloni British ataupun pasca merdeka. Perkara ini antara punca kemiskinan relatif terus berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak sebagaimana kemiskinan masyarakat Melayu di Tanah Melayu sehingga Za'ba dengan sinisnya turut melakukan teguran yang menyelar sikap masyarakat Melayu yang enggan menceburi bidang ekonomi yang lebih menguntungkan untuk mencapai kemajuan dan meningkatkan taraf kehidupan.¹²

Seterusnya, aktiviti ekonomi masyarakat Melayu pesisir yang lain adalah aktiviti penanaman padi. Kebanyakan padi yang ditanam adalah dari jenis padi bukit dengan meluaskan dan membakar kawasan hutan supaya tanah akan lebih subur. Aktiviti penanaman padi jenis bukit kebiasaannya dilakukan oleh orang-orang Murut dan Kelabit manakala orang Dayak dan Melayu kebanyakannya mengusahakan padi huma, iaitu di kawasan tanah paya. Menurut catatan dalam *Information on Sarawak*, aktiviti penanaman

¹¹ *Sarawak Gazette*, March 1st, 1894, hlm. 41.

¹² *Lembaga Melayu*, Singapura, 1917.

padi tidak memberikan pulangan yang lumayan kepada petani kerana hanya untuk keperluan sendiri dan bukan untuk dikomersialkan.¹³ Perkara ini disebabkan aktiviti penanaman padi lebih kepada cara hidup mereka dan bukannya untuk sumber ekonomi. Jadi, pengeluaran sebenar padi di Sarawak ketika itu bukan sahaja tidak dapat diketahui jumlahnya malah tidak mencukupi untuk keperluan penduduk Sarawak sendiri.

Selain terlibat dalam aktiviti penanaman padi untuk keperluan sendiri, masyarakat Melayu turut terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan terutamanya masyarakat Melayu pesisir. Walau bagaimanapun, aktiviti penangkapan ikan juga bukan bertujuan untuk dikomersialkan tetapi merupakan cara hidup mereka sebagai nelayan dan petani. Keadaan akan lebih teruk apabila tiba musim tengkujuh yang menyebabkan mereka terpaksa melakukan aktiviti sampingan yang lain demi kelangsungan hidup.¹⁴

Keadaan ini jelas menggambarkan kesusahan hidup masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Kemiskinan terus diwarisi daripada nenek moyang mereka akibat tindakan pihak kerajaan yang tidak bertanggungjawab dalam usaha untuk melakukan transformasi minda masyarakat Melayu pesisir untuk melakukan perubahan dalam aspek ekonomi. Pengabaian dalam aspek ekonomi turut dilakukan sehinggakan mereka terus tertindas dan dinafikan untuk mencapai kemajuan sebagaimana masyarakat yang lain. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi masyarakat Melayu pesisir yang lemah tidak seharusnya diletakkan kelemahan tersebut kepada pihak kerajaan semata-mata tetapi masyarakat Melayu pesisir itu sendiri yang perlu untuk memainkan peranan untuk merealisasikan perubahan yang berlaku. Senario ini akhirnya terus mengheret mereka kepada kehidupan yang statik tanpa perubahan dan terus berada dalam belenggu kemiskinan.¹⁵

¹³ *Information on Sarawak*, Borneo Literature Bureau, Kuching, hlm.33.

¹⁴ *Ibid.*, hlm.36.

¹⁵ Lihat, (hanya menyatakan beberapa contoh) catatan Lawatan, iaitu Bil. (33) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 16 November 1973 dan surat dengan rujukan : 16/YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 29 November 1975 serta catatan Lawatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2 bertarikh 22 November 1975. Rujuk juga, sebagaimana surat yang dipanjangkan ke Pegawai Kebajikan

Kehidupan yang penuh dengan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu pesisir sejak dari zaman Brooke terus dialami oleh mereka sehingga pada zaman pasca merdeka. Senario ini sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dalam keadaan negara berada dalam situasi yang baik selepas pembentukan negara Malaysia untuk melakukan pembangunan yang seimbang sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Hal ini dilihat oleh Abang Yusuf Puteh sebagai kelemahan masyarakat Melayu sendiri bermula daripada ketirisan pucuk kepimpinan Melayu yang gagal membawa transformasi kepada masyarakat Melayu pesisir terutamanya dalam aspek pendidikan. Kemunduran dalam aspek pendidikan mengakibatkan mereka sukar untuk melakukan perubahan terhadap amalan, sikap dan nilai sehingga faktor-faktor ini meresap dalam diri serta mengganggu proses kemajuan mereka. Berdasarkan kepada senario ini juga telah mendorong beliau berusaha untuk membantu masyarakat Melayu pesisir ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak selain menegur keadaan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat ini. Antara usaha yang dilakukannya ialah menerusi penyelidikan dan pengamatan yang bermula pada tahun 1970 di samping pengalaman yang dilalui sendiri memandangkan daerah tersebut merupakan tempat kelahiran Abang Yusuf Puteh pada tahun 1936.¹⁶

Kanan; menerusi Pegawai Daerah, Kuching pada 26 November 1975 malah sokongan daripada Wakil rakyat N.7 Kuching pada masa itu iaitu Y.B Tuan Haji Abdul Rahman Hamzah turut diperoleh. Antaranya, beliau sedaya upaya membantu orang kelainan upaya, iaitu Puan Sihat bt Yusuf yang telah hilang penglihatan dari Kampung Sebandi Matang untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya daripada pihak yang berwajib. Kehilangan panca indera tersebut telah menyukarkan kehidupan untuk mencari rezeki bagi menampung kehidupan malah beliau telah mengarahkan supaya tindakan segera hendaklah diambil untuk memberi bantuan sebaik mungkin kepada penerima. Di samping itu, beliau turut melakukan usaha lain untuk membantu penduduk kampung Melayu yang miskin di kawasan pesisir. Antaranya, dalam usaha untuk mendapatkan peruntukan tangka air berikutan musim kemarau yang panjang. Atas inisiatif beliau satu operasi dilaksanakan yang digelar sebagai Operasi Kemarau. Keadaan ini jelas membuktikan tahap kemiskinan yang begitu serius dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985, iaitu surat bertarikh 22 Mei 1976, Fail Bil 8/YPS/D1/01-3/M1.

¹⁶ Tindakan yang pernah dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh ketika menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (hanya menyatakan beberapa tindakan). Lihat, catatan Lawatan, iaitu Bil. (33) dlm YPS/KUC/2 yang bertarikh 16 November 1973 dan surat dengan rujukan : 16/YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 29 November 1975 serta catatan Lawatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2) bertarikh 22 November 1975. Rujuk juga, sebagaimana surat yang dipanjangkan ke Pegawai Kebajikan Kanan; menerusi Pegawai Daerah, Kuching pada 26 November 1975 malah sokongan daripada Wakil rakyat N.7 Kuching pada masa itu iaitu Y.B Tuan Haji Abdul Rahman Hamzah turut diperoleh. Antaranya, beliau sedaya upaya membantu orang kelainan upaya, iaitu Puan Sihat bt Yusuf yang telah hilang penglihatan dari Kampung Sebandi Matang untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya daripada pihak yang berwajib. Kehilangan panca indera tersebut telah menyukarkan kehidupan untuk mencari rezeki bagi menampung kehidupan malah beliau telah mengarahkan supaya tindakan segera hendaklah diambil untuk memberi bantuan sebaik mungkin kepada penerima. Lihat juga, Fail Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985, iaitu surat bertarikh 22 Mei 1976, Fail Bil 8/YPS/D1/01-3/M1. Antara usaha beliau adalah dengan membantu penduduk kampung Melayu yang miskin di kawasan pesisir untuk mendapatkan peruntukan tangki air berikutan cuaca kemarau yang panjang. Pelaksanaan operasi ini digelar sebagai operasi kemarau. Keadaan ini membuktikan tahap kemiskinan yang begitu serius dalam kalangan masyarakat Melayu Pesisir.

TEGURAN ABANG YUSUF PUTEH TERHADAP EKONOMI MELAYU

Abang Yusuf Puteh pernah mengungkapkan bahawa pihak pembangkang yang berada dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) menjadi mata dan telinga rakyat terhadap pucuk kepimpinan yang dipilih. Menurut beliau, pemimpin yang telah dipilih dan dilantik sepatutnya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh jujur dan amanah sebagaimana janji-janji yang telah mereka taburkan ketika berkempen dalam pilihan raya. Hakikatnya, semua janji yang diberikan semata-mata untuk memancing undi daripada rakyat. Hal ini terbukti berdasarkan pengabaian yang berterusan terhadap masyarakat Melayu pesisir setelah berakhirnya pilihan raya.¹⁷ Beliau berpandangan berdasarkan pemimpin sebelum ini yang jelas kurang memainkan peranan dalam membela nasib rakyat terutamanya dalam hal berkaitan kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

Kemunduran Penempatan Melayu Pesisir

Kemiskinan merupakan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pesisir secara berterusan sehingga memberikan kesan secara menyeluruh terhadap aspek kehidupan mereka. Abang Yusuf Puteh telah mengesan situasi ini lebih-lebih lagi sejak mula menjawat jawatan sebagai kakitangan ketika koloni British yang masih bertapak di Sarawak. Ketika itu diskriminasi berlaku secara berleluasa dalam pentadbiran British terutama dalam pembahagian ekonomi yang tidak sekata sehingga terus meminggirkan masyarakat Melayu kawasan pesisir di Sarawak.

Dalam penulisannya berkaitan kemiskinan masyarakat Melayu pesisir, beliau dengan nada yang sinis telah melontarkan pandangan tentang kemunduran masyarakat ini dalam aspek pembangunan, iaitu kemiskinan dalam aspek material. Kesedaran wujud dalam diri beliau apabila menyaksikan perbezaan pembangunan yang dialami di kawasan-kawasan

¹⁷ *Sarawak Tribune*, 13 April 1987, hlm.2.

lain jika dibandingkan dengan pembangunan di kawasan Melayu pesisir yang boleh dikatakan tidak mempunyai sebarang bentuk pembangunan yang diusahakan oleh pemerintah. Walaupun tidak adil untuk membandingkan sebuah bandar besar dengan perkampungan yang tidak mempunyai pembangunan tetapi ianya ternyata penting bagi beliau untuk melihat lebih holistik akan pembangunan yang tidak berlaku di kawasan penempatan Melayu pesisir di Sarawak. Hal ini dapat difahami daripada kenyataan Abang Yusuf Puteh dalam *River of Dry Tears : The Poor Malays of Sarawak*, iaitu :

*From New Orleans, half-way across the world, I could see Kalaka in clearer and wider perspective, relatively free from prejudices of proximity. I had enforced the panoramic view with ground visits, mainly for statistics and details.*¹⁸

Abang Yusuf Puteh juga mendapati bahawa tidak terdapat sebarang pembangunan di kawasan penempatan Melayu pesisir walaupun negara telah lama mengecapi kemerdekaan.¹⁹ Keadaan lebih menyedihkan apabila kawasan penempatan Melayu pesisir dipisahkan dari pembangunan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di Sarawak. Teguran Abang Yusuf Puteh dalam hal ini dinyatakan dengan penuh keyakinan oleh beliau, iaitu:

*The village has nothing. Nothing! It has no water supply, no jetty, no light, no clinic, no road and, as I said, no hope. The villager still wank on mud-track and logs, and all are experts in the balancing act when negotiating the usually slippery and muddy tree trunks which serve as their jetties and bridges in the mud-track.*²⁰

Jelas kawasan penempatan masyarakat Melayu pesisir terus diasingkan dalam pembangunan fizikal sedangkan pembangunan di kawasan-kawasan lain terutamanya

¹⁸ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 16.

¹⁹ Menurut artikel yang dimuatkan dalam *Sarawak Tribune*, Abang Yusuf Puteh telah menjelajah ke seluruh pelosok kawasannya di Daerah Kalaka dan Saribas dan terdapat beberapa buah kampung seperti Empelam langsung tidak mempunyai walau sebuah tangki air walaupun setelah 25 tahun mencapai kemerdekaan. Hal ini jelas menunjukkan pembangunan yang tidak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin sebelum beliau. Lihat, *Sarawak Tribune*, 10 Mei 1987, hlm.2 dalam artikel bertajuk "Maju Group : Struggle to Continue" by Hasnah Abdul Rahman".

²⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 30.

bandar telah begitu jauh ke hadapan. Hal ini dibuktikan dengan pembinaan pusat pendidikan yang telah memulakan operasinya sejak zaman Brooke.²¹ Begitu juga pembangunan infrastruktur yang lain seperti jalan raya, bekalan air dan letrik telah membangun dengan pesatnya. Senario ini menjadi persoalan kepada beliau tentang kehidupan masyarakat Melayu pesisir yang terlalu mundur dalam aspek pembangunan material.

Selain itu, beliau turut menambah bahawa kemiskinan yang dialami masyarakat Melayu pesisir tidak ubah seperti perhambaan mental kepada mereka sejak dari zaman penjajah. Oleh yang demikian, beliau menyeru agar masyarakat Melayu pesisir bangkit dari ketidakadilan ini. Perhambaan mental ini sebagaimana dinyatakan beliau, iaitu, "*Kalaka, for the matter Sarawak, suffered from mental slavery from colonial trap, traceable all the way to its days as an appendix to the Brunei Sultan. It is poverty of equal injustice as that of slavery*".²²

Menurut Abang Yusuf Puteh, keadaan ini sepatutnya telah dihapuskan dalam minda masyarakat Melayu pesisir. Masyarakat Melayu pesisir perlu menyedari kemiskinan bukan satu yang mesti diwarisi tetapi perlu berubah dan berusaha untuk mencapai kejayaan serta membebaskan diri dari kemiskinan secara mutlak. Perubahan hendaklah rasional dengan situasi sezaman sebagaimana harapan Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakatnya. Bahkan, kemerdekaan yang telah dikecapi tidak seharusnya disia-siakan begitu sahaja dengan pemikiran mereka masih terus dijajah dan diperhambakan.

Kelemahan Pemerintah

Abang Yusuf Puteh berpendapat kemiskinan yang dialami dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir bukanlah semata-mata sebenarnya berakar umbi daripada masyarakat itu

²¹ Rujuk Bab 5.

²² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 16.

sendiri tetapi turut disebabkan oleh kelemahan golongan pemimpin yang sepatutnya menjaga kawasan tersebut. Akibatnya kesedaran tentang pembangunan terlalu perlahan walaupun memegang tampuk pemerintah dalam tempoh waktu yang panjang. Seterusnya Abang Yusuf Puteh menegur tindakan kerajaan yang tidak mengambil berat kepada nasib masyarakat Melayu pesisir.

*... it is for the love of my birthplace that I returned to its after my retirement from public life, with much hope of contributing to its wellbeing. It is for the love of the poor that I went into politics, in a hopeful mission to bring them out of the past into the present, and to ensure a fair future. But politics and fate have denied me.*²³

Beliau berusaha berjuang untuk mengembalikan hak masyarakat Melayu di kawasannya dengan melibatkan diri dalam bidang politik selepas bersara. Usaha ini tercermin melalui kejayaannya memenangi pilihan raya negeri pada April 1987 atas tiket PERMAS dengan mengalahkan calon BN, iaitu Abdul Wahab Aziz dari PBB.²⁴ Harapan beliau dengan keputusan untuk terjun dalam dunia politik untuk bersama memberikan sumbangan dan kesejahteraan kepada penduduk Melayu pesisir serta membawa mereka keluar daripada kemiskinan untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai pembangunan dengan adil.

Walaupun Abang Yusuf Puteh mengatakan politik dan nasib akhirnya menyingkirkannya namun dengan kehadiran kelibat beliau di dalam Dewan Undangan untuk berbahas tentang sesuatu usul merupakan sesuatu yang terus berada dalam lipatan sejarah DUN Sarawak. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan tentang kemenangan parti pimpinan Taib Mahmud bukanlah sesuatu yang mutlak apabila hanya mampu memenangi 28 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan. Keadaan ini akan menambah kesukaran Taib Mahmud dengan keberadaan Abang Yusuf Puteh dalam DUN yang diakui akan bertambah hangat dengan reputasi beliau sebagai seorang yang sangat berkaliber, berwibawa,

²³ Ibid., hlm. 16.

²⁴ *Sarawak Tribune*, 10 May 1987, hlm.2.

berpengalaman dan kualiti beliau sebagai seorang pembangkang.²⁵ Ketika Daerah Kalaka berada di bawah bendera PBB, pembangunan di daerah masyarakat Melayu pesisir masih berada dalam keadaan statik walaupun setelah beberapa penggal di bawah pimpinan parti kerajaan. Keadaan ini sebagaimana dinyatakan oleh beliau, iaitu, *“Why is progress of the Kalaka Malays static? I can go on with this line of questions on the fate of my birthplace and on the future of my people”*.²⁶

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh menegur kecuaihan pihak kerajaan yang seolah-olah mempergunakan kesetiaan yang diberikan oleh rakyat terutamanya masyarakat Melayu pesisir kepada pihak kerajaan sebelum ini. Tindakan kerajaan yang meninggalkan masyarakat Melayu pesisir terkapai-kapai tanpa arah dan pengertian kemodenan menjadi titik tolak kepada kemunduran kalangan masyarakat ini. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan pemikiran mereka yang masih dibelenggu dengan kepercayaan bahawa ianya merupakan takdir yang harus dipikul dalam kehidupan mereka. Hal ini sebagaimana dinyatakan beliau, iaitu:

*Government's neglect, price of loyalty to political conscience, and economic mess. They have more or less accepted poverty as a way of life. „Suddh takdir Allah“, the more pious among them would conclude. It's God's will, no doubt. But should the authorities do nothing? Poverty has no power on its own. Their political stance has been misconstrued as opposition to „Perintah“, upon which neglect and victimization breed, or that their silence is exploited as weakness. Perhaps it is a virtue to be immune to the whims of fate, but as other parts of the site progress in material prosperity, I can only find sadness in my own heart for this God-forsaken place.*²⁷

Kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir terkesan daripada kelemahan dan pengabaian pihak kerajaan ini terus ditegaskan beliau dalam penulisannya, iaitu:

²⁵ *Sarawak Tribune*, 4 Mei 1987, hlm. 2.

²⁶ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 17.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 36.

*Economically, without exception, the village is well below the poverty-line. And in hope for the future, it has none. Only a miracle can rescue it. It has not seen the face of any Minister since its birth, and may not do so to its demise. Government's neglect is as total as its absolute poverty.*²⁸

Abang Yusuf Puteh ternyata jelas dengan tegurannya bahawa kelemahan pemimpin dalam tindakan dan pengabaian terhadap masyarakat Melayu pesisir merupakan punca kemiskinan menjadi identiti dalam kalangan masyarakat. Mereka gagal untuk memperbaiki taraf hidup dan seolah-olah masih berada dalam zaman penjajahan.

Pengharapan yang terlalu tinggi masyarakat Melayu pesisir dengan manifesto pilihan raya turut menjadi perangkap kepada keadaan kehidupan yang penuh dengan kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini berlaku apabila wakil-wakil rakyat yang mengemukakan pelbagai janji tetapi tidak ditunaikan. Pemimpin yang mewakili mereka banyak memberikan harapan palsu demi mendapat sokongan rakyat dan kemenangan dalam pilihan raya. Pendidikan yang masih kurang menyebabkan masyarakat Melayu pesisir mudah tertipu dengan janji yang ditaburkan oleh para pemimpin. Sokongan terus diberikan walaupun sering tidak ditunaikan. Situasi ini menyebabkan golongan pemimpin terus mengambil peluang atas kelemahan kesedaran dalam kalangan masyarakat sehingga masyarakat terus mengharapkan sesuatu dalam tempoh yang lama tanpa melakukan sebarang usaha untuk mengubah kehidupan. Teguran Abang Yusuf Puteh jelas bertepatan dengan keadaan yang menimpa masyarakat di kawasan tersebut.

*Rural poverty has been suffocated with empty promises and lofty slogans. The time is long overdue for the government to realize this and more so for the rural poor to make their voices heard. It is a matter of realization by one party and organization by the other.*²⁹

²⁸ Ibid., hlm. 37.

²⁹ Ibid., hlm. 113.

Apabila menyaksikan sikap golongan pemimpin yang tidak melaksanakan tugas yang dijanjikan untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat, beliau melontarkan pandangan keperluan kepada wujudnya suara-suara yang berani untuk membawa permasalahan rakyat kepada umum. Akibat daripada keadaan kawasan-kawasan yang terus diabaikan telah memberikan satu kekuatan kepada Abang Yusuf Puteh dengan nada beraninya menyatakan satu wadah yang boleh dilakukan oleh masyarakat Melayu pesisir untuk menuntut janji yang diberikan adalah dengan membawa pihak pembangkang di kawasan tersebut. Hal ini sebagaimana beliau tegaskan bahawa *“If you want development for Kalaka bring in the opposition!”*.³⁰

Semuanya seolah-olah ingin dikekalkan demi mendapatkan sokongan yang berterusan daripada masyarakat Melayu pesisir. Pembangunan dan kesedaran yang akan diperoleh mereka pasti akan menjadi ancaman kepada pengekalan kedudukan mereka sebagai golongan pemimpin di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, inilah yang seharusnya mereka lakukan, iaitu jauhkan masyarakat Melayu pesisir daripada kemajuan sekiranya ingin terus berkuasa. Selain itu, dalam hal ini juga Abang Yusuf Puteh turut menyeru masyarakat Melayu pesisir agar mengikis sikap yang boleh melemahkan semangat mereka untuk mencapai cita-cita dalam kehidupan, iaitu dengan membuang sikap yang menyekat kemajuan pemikiran mereka. Hal ini sebagaimana yang dilontarkan olehnya, iaitu *“The Malays must discard their „syukur“ approach to economic life, and the ministerial leadership must abandon their couldn’t care-less attitude to the sufferings of the poor in the rural area”*.³¹

Penegasan beliau ternyata benar apabila sikap syukur yang tidak bertempat ini telah menyekat pemikiran mereka untuk terus berusaha memajukan ekonomi masing-masing.

³⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 18.

³¹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 317.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pucuk kepimpinan yang ada turut disarankan agar mengambil berat dalam isu ini supaya masyarakat Melayu pesisir dapat lari dari kesengsaraan dan berupaya untuk memajukan diri mereka sendiri. Golongan pemimpin sudah seharusnya memainkan peranan dalam menggerakkan masyarakat ini dari terus dibuai sikap yang hanya memundurkan pemikiran mereka.

Pemimpin yang Kurang Agresif dan Efektif

Selain itu, dalam usaha untuk melihat perubahan kehidupan masyarakat Melayu pesisir, Abang Yusuf Puteh lantas melontar kritikan dengan lantangnyanya berkaitan tindakan pihak kerajaan yang kurang melaksanakan tanggungjawab dengan penuh agresif dan efektif terhadap pembangunan masyarakat di kawasan pesisir. Suasana kehidupan masyarakat Melayu pesisir tidak berubah akibat tindakan yang tidak pro aktif pemimpin-pemimpin yang dipilih. Gambaran tentang ketidakprihatinan pucuk pimpinan yang sepatutnya menggalas amanah yang diberikan jelas mengecewakan beliau. Keadaan masyarakat yang terus dihimpit kemiskinan diluahkan untuk menunjukkan kesukaran dan kesengsaraan masyarakat Melayu pesisir apabila pembangunan mereka tidak diberikan perhatian sewajarnya. Terdapat beberapa luahan beliau, iaitu :

There we have pretty picture: jetties for occasional use, to serve politics, and the primitive „titi' still serving the people's need. The landscape of the village has hardly changed from its immediate post-war look. The mud-track is still there and so are the make-shift houses, though some minimal improvements can be detected. Wooden houses are still very rare. Most houses, however, have switched to zinc roofs instead of the atap materials.³²

One or two local born teachers and a couple of village shop proprietors and possibly the illegal pirate van-operatirs, the village is largely below poverty-line. The sad truth is that Nyabor may possibly be the most prosperous Malay village in Kalaka; and yet it has not crossed the

³² Ibid., hlm. 21.

*poverty-line. With guidance, support and facilities, Nyabor has potentials for growth.*³³

Teguran ini menjelaskan bahawa Abang Yusuf Puteh inginkan supaya perhatian diberikan kepada masyarakat Melayu pesisir. Keadaan ini sesuai dengan keinginannya agar kawasan ini berupaya untuk mencapai kemajuan sebagaimana di kawasan yang lain. Keadaan kediaman masyarakat Melayu pesisir yang tidak banyak berlakunya perubahan merupakan satu isyarat kepada pihak kerajaan supaya tindakan sewajarnya perlu diambil perhatian. Rumah-rumah penduduk yang menggunakan atap zink sebagai bahan utama untuk bumbung dan dinding membuktikan tahap kemiskinan yang serius penduduk sehingga tidak mampu untuk menggunakan kayu sebagai dinding. Kemajuan yang dicapai sudah tentu memberikan impak kepada kehidupan masyarakatnya secara tidak langsung. Beliau menggelarkan kehidupan masyarakatnya sebagai kemiskinan mutlak yang tidak akan berlakunya sebarang bentuk pembangunan dan perubahan. Beliau turut dengan beraninya memberikan gambaran yang jelas untuk menonjolkan kedaifan salah sebuah kampung di kawasan Melayu pesisir, iaitu Perpat:

*Perpat is poor, extremely poor. It is another case of full incidence of absolute poverty. Whatever guideline is used, the entire village is well below the poverty-line. Perpat would fit well the essence of the Malay proverb "macam rumput ditepi jalan."*³⁴

Menurut Abang Yusuf Puteh, keseluruhan orang Melayu pesisir yang mendiami kampung Perpat tergolong dalam kalangan orang miskin dan fakir. Tidak ada gambaran langsung yang menunjukkan wujudnya sebarang bentuk pembangunan di kawasan tersebut. Oleh itu, beliau mengumpamakan kampung tersebut dengan peribahasa Melayu, iaitu "macam rumput ditepi jalan". Hal ini merujuk kepada sesuatu yang langsung tidak

³³ Ibid., hlm. 54.

³⁴ Ibid., hlm. 36.

dipedulikan malah dibiarkan begitu sahaja tanpa diberikan perhatian yang sewajarnya. Begitulah jauhnya masyarakat Melayu pesisir di kampung tersebut daripada pembangunan yang telah lama dikecapi masyarakat di kawasan bandar dan kaum-kaum lain.

Seterusnya beliau dengan lantang menyuarakan tentang keistimewaan daerah ini yang mempunyai potensi yang luas dalam kemajuan ekonomi sekiranya diberi peluang dan perhatian dari segi pembangunannya. Walau bagaimanapun, tumpuan yang tidak adil diberikan dalam konteks pembangunan di Sarawak telah meminggirkan kawasan ini untuk merubah suasana ekonomi dan sosial masyarakatnya.

Kelemahan dalam Konteks Pengurusan Ekonomi

Selaras dengan kepentingan aspek ekonomi yang menjadi nadi kepada perkembangan pembangunan, Abang Yusuf Puteh juga menunjukkan orientasi tegurannya terhadap kemiskinan masyarakat Melayu pesisir berkait dengan kelemahan dalam konteks pengurusan ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Dalam kritikan terhadap kemiskinan masyarakat Melayu di sesebuah kawasan maka aspek ini sudah tentunya menjadi perhatian kritikan Abang Yusuf Puteh. Pandangan terhadap kelemahan pengurusan ekonomi masyarakat Melayu pesisir yang mendasari kemiskinan mereka dibuktikan daripada penulisan beliau dalam *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, iaitu :

Due the poor commodity prices many have abandoned their coconut holdings and some cocoa gardens. Many have also sold their lands for various reasons, including pilgrimage to Mecca, thereby developing an ugly situation from a landed gentry to about three quarters being landless.³⁵

Kelemahan pengurusan ekonomi masyarakat Melayu pesisir terus melingkungi kemiskinan mereka sehingga terus diwarisi oleh waris-waris mereka seterusnya. Sudah tentu keadaan ini tidak akan berakhir sekiranya pengurusan ekonomi masyarakat Melayu

³⁵ Ibid., hlm.39.

pesisir tidak dilakukan sebarang bentuk perubahan. Oleh yang demikian, teguran Abang Yusuf Puteh bukan hanya merujuk kepada kelemahan masyarakat ini tetapi ternyata menyentuh kegagalan pihak kerajaan dan pemimpin yang diberi mandat untuk melakukan anjakan perubahan yang berupaya untuk membawa perubahan dan menghapuskan kemiskinan mereka. Abang Yusuf Puteh dalam tahun 1987 pernah meluahkan cita-citanya untuk memberikan perhatian yang utama dalam pembangunan di kawasan luar bandar atau pesisir ini sekiranya berjaya membentuk kerajaan, iaitu :

*When we form the government, we will dress and undress the development priorities and we can assure that the state of Sarawak that the rural areas will get top priorities from us!*³⁶

Beliau percaya bahawa kelemahan ekonomi masyarakat Melayu pesisir adalah berakar umbi daripada tindakan berat sebelah pemimpin dan kerajaan dalam usaha untuk memajukan ekonomi masyarakat ini. Oleh yang demikian, beliau dengan nada berani berjanji kepada masyarakat ini untuk mengutamakan pembangunan di kawasan ini sekiranya beliau diberi mandat untuk mewakili kawasan ini dalam DUN Sarawak.

Kelemahan pegangan ekonomi masyarakat Melayu pesisir juga perlu diberikan perhatian dan bantuan sewajarnya. Kelemahan pegangan ekonomi masyarakat Melayu pesisir ini telah mengakibatkan berlakunya aktiviti monopoli ekonomi oleh kaum Cina. Hal ini dapat diperhatikan melalui kemiskinan yang ketara dalam kalangan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Kemiskinan semakin ketara lebih-lebih lagi dasar Brooke pada ketika itu yang telah membawa masuk lebih ramai orang Cina Foochow di bawah pimpinan Wong Nai Siong sejak tahun 1870.³⁷ Menjelang tahun 1909 jumlah kaum Cina sudah meningkat kepada 45 000 orang dan akhirnya mengatasi jumlah orang Melayu pada tahun

³⁶ Lihat, *Sarawak Tribune*, 10 May 1987, hlm. 2.

³⁷ C.A. Lockard, Charles Brooke and The Foundation of Modern Chinese Community in Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*. 1971, hlm. 77-108.

1939 dengan jumlah kaum Cina seramai 123 000 orang sedangkan jumlah orang Melayu adalah seramai 92 000.³⁸

Akhirnya, kaum Cina telah diberi tempat untuk menguasai ekonomi dan lebih memajukan lagi bandar Kuching sebagai pusat ekonomi orang Melayu yang didirikan oleh Pengiran Muda Hasyim telah menjadi *Chinatown* pada tahun 1909. Impak daripada peristiwa-peristiwa tersebut telah menjadi satu titik tolak dalam menghalang masyarakat Melayu Sarawak daripada menguasai aspek-aspek lain selain daripada aspek politik. Tindakan harus diambil dengan seberapa segera yang mungkin sebelum terlambat. Hasilnya dinasti Brooke telah mewariskan kemiskinan dan kemunduran dalam penguasaan ekonomi ke atas masyarakat Melayu di Sarawak.

Pengekalan dalam Ekonomi Sara Diri

Peringkat awal kegiatan ekonomi di Sarawak pada zaman Brooke dikuasai oleh orang Melayu terutamanya nakhoda Melayu yang bergiat secara aktif dalam aktiviti perdagangan. Dalam konteks Sarawak nakhoda bersama dengan beberapa golongan aristokrat Perabangan amat dikenali sebagai pedagang yang sangat berkebolehan. Bidang perniagaan merupakan kehidupan mereka dan telah terbiasa dengan urusan-urusan yang berkaitan dengannya.³⁹ Walau bagaimanapun, menjelang akhir abad ke 19 ketika pentadbiran Raja Charles Brooke, beliau telah meluluskan satu peraturan baharu berkaitan aktiviti ekonomi masyarakat di Sarawak.⁴⁰ Keadaan ini telah menafikan penguasaan aktiviti perdagangan maritim yang selama ini dikuasai oleh golongan nakhoda Melayu. Menurut Noboru Ishikawa, golongan nakhoda Melayu berusaha untuk mengekalkan ketuanan mereka dalam

³⁸ Ibid., hlm. 92. Lihat juga, J.L. Noakes. *Sarawak and Brunei : A Report On The 1947 Population Census*, Government Printing Office, Kuching, 1948, Table 2, hlm. 82-83.

³⁹ H. Low, *Its Inhabitants and Productions*, hlm. 136

⁴⁰ Pada zaman Rajah Charles Brooke, satu polisi telah diimplimentasikan, iaitu masyarakat Melayu di kawasan pesisir mengusahakan tanaman kelapa manakala masyarakat Cina dan Dayak mengusahakan lada hitam dan juga gambir. Lihat, Noboru Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, hlm. 93.

hal ehwal maritim dengan mengusahakan perladangan kelapa di kawasan pantai namun tetap gagal dalam percubaan terakhir mereka untuk mengambil alih semula penguasaan aktiviti perdagangan daripada masyarakat Cina. Seawal abad ke-20, penguasaan kelas saudagar nakhoda terhadap ekonomi perdagangan telah berakhir dan akhirnya beralih kepada ekonomi sara diri.⁴¹ Kemusnahan aktiviti perdagangan nakhoda ini sekaligus dapat membayangkan situasi lebih getir yang dihadapi oleh masyarakat Melayu di kawasan pesisir Sarawak yang sememangnya masih kekal dalam aktiviti ekonomi sara diri.

Akhirnya pada awal 1900, hampir keseluruhan perdagangan di Sarawak telah diambil alih oleh masyarakat Cina. Senario ini telah mengakibatkan orang Melayu terutamanya di kawasan pesisir tersepit dan terus berada dalam lingkungan ekonomi tradisional. Pedagang Cina kebanyakannya mempunyai hubungan perniagaan dengan pedagang Cina di Singapura yang membolehkan mereka mendapatkan kredit dalam bentuk tunai atau barangan sebagai pertukaran dengan janji barangan yang dihantar dalam keadaan yang memuaskan. Tambahan pula, mereka terus menguasai ekonomi perdagangan kerana hubungan yang rapat antara satu sama lain dalam usaha untuk memajukan ekonomi mereka. Selain itu, mereka turut mendapat sokongan daripada keluarga, kerabat, kumpulan-kumpulan dan pelbagai bantuan dari keturunan masing-masing.⁴² Akhirnya, ekonomi perdagangan telah berjaya dikuasai oleh masyarakat Cina sedangkan orang Melayu mula hilang kredibiliti dalam aktiviti tersebut. Keadaan lebih parah apabila masyarakat Melayu pesisir terus berada dalam lingkungan ekonomi mereka sendiri yang masih mengekalkan ekonomi bercorak tradisional.

⁴¹ Ibid., hlm. 93.

⁴² Menurut Lockard, beberapa sebab penting yang membawa kepada kejayaan yang begitu pantas dicapai oleh migran, ialah mempunyai modal yang banyak, melakukan aktiviti ekonomi yang berorganisasi dan sikap masyarakat ini dalam cita-cita untuk menguasai ekonomi perdagangan. Kesemua kombinasi ini telah memungkinkan mereka berjaya menyingkirkan penguasaan golongan Melayu nakhoda ketika itu. Sedangkan aktiviti perdagangan masyarakat Melayu tradisional masih menggunakan sistem barter berbanding masyarakat migran Cina yang menggunakan sistem mata wang tunai dengan dilancarkan lagi sistem ekonomi Cina itu sendiri. C.A. Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia 1820-1970*, hlm. 46.

Teguran Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu pesisir bertitik tolak atas kelemahan ekonomi mereka. Beliau berpandangan bahawa masyarakat Melayu pesisir tidak berusaha dalam meningkatkan aktiviti ekonomi untuk lebih berjaya tetapi masih mengekalkan aktiviti ekonomi yang berbentuk tradisional. Gambaran berkaitan ekonomi tradisional yang berlaku di daerah tersebut, iaitu :

*I knew the riverine kampungs well, and the long-houses in the ulu, and of course the bazaar in the district. Upon reflection, I often wonder how my father raised a large family of nine children with his meager income from his small business, and seasonal rice farming.*⁴³

*The main economic activities of this village are listed as rice farming, river fishing, nipah roof-making, lumbering, sago, and rubber small-holdings. Of all these, the only productive and reliable economic activity is that of rice farming which is on their annual calendar providing the main supply for their subsistence, and a little cash for a few.*⁴⁴

*The main economic activities are: rice farming and some river-fishing for their own consumption. I shall examine the economics of rice farming in a special article in Chapter Four. It used to be a major producer of nipah sugar and nipah salt but this is now largely abandoned.*⁴⁵

Jelas bahawa keadaan ekonomi masyarakat Melayu pesisir yang tidak berkembang telah menafikan perubahan untuk meningkatkan aspek ekonomi mereka. Masalah utama yang ingin disampaikan oleh Abang Yusuf Puteh di sini ialah berkaitan dengan kelemahan sistem ekonomi masyarakat Melayu pesisir dalam mengikut perubahan dan perkembangan kegiatan ekonomi ketika itu yang telah dikuasai oleh masyarakat Cina dan golongan aristokrat Melayu terutamanya di kawasan bandar. Kegiatan ekonomi yang berkonsepkan sara diri tidak lagi relevan kerana ekonomi berasaskan perdagangan mula mengambil tempat berikutan kerancangan perkembangan perindustrian di seluruh dunia dan

⁴³ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 17.

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 24.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 32.

pertumbuhan masyarakat dunia yang sudah tentu memerlukan sumber makanan yang banyak.

Selain itu, ekonomi Malaysia pada peringkat awal yang berasaskan ekonomi pertanian membawa kepada seruan Abang Yusuf Puteh supaya masyarakat Melayu pesisir bergiat aktif dalam aktiviti pertanian bukan semata-mata untuk menyimpan stok makanan untuk keluarga tetapi berusaha untuk menambah baik sistem ekonomi sara diri kepada ekonomi berasaskan perdagangan. Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh mengajak masyarakatnya supaya berani menceburi kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan sekiranya tidak mahu terus berada dalam kemiskinan.

Sekiranya ditelusuri sejarah hidup Abang Yusuf Puteh sendiri yang dibesarkan dari darah seorang petani sudah tentu keadaan ini memberikan banyak kelebihan dan keistimewaan kepadanya dalam usaha untuk membantu masyarakat Melayu pesisir ketika itu. Darah anak petani yang masih panas mengalir dalam dirinya memudahkan beliau untuk mendekati dan membangunkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir di daerahnya. Menerusi aspek pertanian beliau yakin masyarakat Melayu pesisir mampu untuk membangun dalam pelbagai aspek pembangunan. Seterusnya, kehidupan masyarakat mampu untuk ditingkatkan. Oleh yang demikian, beliau telah memperkenalkan beberapa kaedah yang lebih efisien dan baharu untuk membangunkan tanah-tanah petani. Antara kaedah pertanian yang baharu adalah dengan menjadikan tanah kepunyaannya sebagai tapak percubaan atau eksperimen memandangkan majoriti masyarakat Melayu pesisir ketika itu masih kurang yakin dengan penggunaan kaedah baharu tersebut. Kerisauan muncul apabila timbul rasa kluatir tanaman tidak menjadi yang sudah tentu akan terus menghimpit kehidupan mereka.⁴⁶

⁴⁶ *Sarawak Tribune*, 3rd April 1987, hlm. 2.

Selain itu, tindakan yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk membantu masyarakat Melayu pesisir dalam konteks kemajuan ekonomi ialah dengan memperkenalkan cara atau kaedah yang lebih praktikal, iaitu penggunaan jentera pertanian. Penggunaan jentera pertanian sudah tentu tidak mampu untuk digunakan oleh golongan petani yang kebanyakannya hidup dalam kemiskinan. Hal ini membuktikan bahawa pihak kerajaan dengan jelas tidak pernah memperkenalkan keadah dan cara baharu untuk meningkatkan hasil pertanian dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir melainkan atas usaha Abang Yusuf Puteh sendiri. Bagi mencapai tujuan ini, Abang Yusuf Puteh telah mengeluarkan modal sendiri untuk membeli jentera-jentera moden yang dapat digunakan oleh semua petani di kawasan tersebut. Tujuannya ialah untuk memajukan tanah-tanah golongan petani dan seterusnya akan dapat memperkembangkan hasil pertanian. Di samping itu, melalui usaha ini sudah pasti akan dapat mengubah kehidupan masyarakat Melayu pesisir kepada yang lebih baik.⁴⁷

Silcock mengatakan bahawa kegiatan ekonomi orang Melayu banyak dipengaruhi tempat tinggal mereka di pesisiran pantai. Oleh yang demikian, ekonomi orang Melayu lebih tertumpu kepada aspek pertanian dan perikanan. Menurut laporan yang dikemukakan oleh Silcock, walaupun masyarakat Melayu banyak yang terlibat dengan aktiviti perikanan berbanding dengan masyarakat Cina tetapi hasil tangkapan nelayan Melayu secara puratanya masih tidak dapat mengatasi hasil purata tangkapan nelayan Cina. Berdasarkan statistik daripada laporan tersebut purata hasil tangkapan seorang nelayan Melayu pada tahun 1947 ialah sebanyak \$680 berbanding dengan tangkapan nelayan Cina, iaitu sebanyak \$1200 sehingga \$2500 setahun. Keadaan ini disebabkan penggunaan perahu bermotor oleh nelayan Cina berbanding dengan kaedah tradisional yang masih digunakan

⁴⁷ *Sarawak Tribune*, 3rd April 1987, hlm. 2.

nelayan Melayu.⁴⁸ Penggunaan kaedah tradisional nelayan Melayu jelas membuktikan bahawa masyarakat Melayu masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan kaum yang lain.

Kehilangan Kuasa Ekonomi

Masyarakat Melayu memegang kuasa dalam bidang ekonomi semasa pemerintahan kesultanan Brunei. Walau bagaimanapun, keadaan ini mula terhakis sedikit demi sedikit apabila Sarawak dikuasai oleh kuasa barat bermula dengan penguasaan James Brooke pada tahun 1841 sehingga 1941. Akhirnya, ekonomi yang selama ini dipegang dan dikuasai oleh masyarakat Melayu mula menunjukkan kelemahan apabila rejim Brooke memulakan tindakan campur tangan dalam hal berkaitan ekonomi. Ekonomi Sarawak yang dipegang oleh orang Melayu mula bertukar tangan kepada masyarakat Cina selepas kemasukan mendadak ketika zaman Brooke terutamanya Charles Brooke sejak tahun 1870.

Dasar Charles Brooke ternyata dengan jelas telah memberikan peluang yang lebih besar kepada kaum Cina dalam aktiviti ekonomi.⁴⁹ Brooke memberikan peluang dan kedudukan ekonomi yang istimewa kepada masyarakat Cina agar kaum ini tidak melakukan penentangan dan mengancam pemerintahannya.⁵⁰ Hal ini berlaku bertitik tolak daripada sikap kaum Cina yang lebih mementingkan dan mengutamakan ekonomi mereka. Pada peringkat awal kedatangan mereka adalah untuk mengerjakan ladang-ladang lada tetapi akhirnya diberi keistimewaan oleh rejim untuk menguasai ekonomi selari dengan perkembangan dasar ekonomi bebas ketika itu dengan memberikan alasan tangan orang

⁴⁸ T.H. Silcock, *Fiscal Survey Report of Sarawak 1956*, Kuching: Government Printing Office, 1956, hlm. 69.

⁴⁹ S.Baring Gould & C.A Bamfylde, *A History of Sarawak Under its Two White Rajahs, 1839-1908* 1909, hlm. 426.

⁵⁰ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 3. Penguasaan ekonomi yang berpindah ke tangan orang Cina turut diungkapkan oleh Tun Mahathir, iaitu "perniagaan orang Cina di Asia Tenggara berkembang. Tidak lama selepas itu mereka mula membina kapal untuk dagangan antara pulau dan dagangan dengan tanah besar China. Akibatnya lebih ramai penduduk Asia Tenggara hilang peluang berniaga apabila jong China menggantikan kapal Melayu". Lihat, Mahathir Mohamad, *Doktor Umum: Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad*, hlm. 56.

Melayu tidak sepatutnya dikotori dengan ekonomi sedemikian.⁵¹ Keadaan ini berterusan sehingga masyarakat Melayu tidak lagi mampu untuk menguasai kembali aspek ekonomi. Masyarakat Melayu tidak mempunyai kemampuan untuk perniagaan sebagaimana masyarakat Cina. Hal ini demikian kerana penguasaan aspek ekonomi berasaskan perdagangan dikuasai oleh masyarakat ini. Selain itu, pekebun kecil juga tidak mampu mengerjakan kebun dan ladang berikutan tidak mempunyai tanah untuk dikerjakan. Kesannya majoriti masyarakat Melayu pesisir yang telah kehilangan tanah hilang mata pencarian lebih-lebih lagi tidak mempunyai pekerjaan tetap dalam mana-mana pekerjaan. Menurut Abang Yusuf Puteh:

*The majority of the villagers are landless and jobless thus creating an idle community. Can the be hope in that situation? The rate of landlessness is staggering. Not more that one third of the Malay families in Saratok have land of more than two acres each. Those with five acres or more can be counted with the fingers.*⁵²

Kehilangan milikan tanah masyarakat Melayu pesisir akibat daripada kelemahan pengurusan dalam aspek ekonomi jelas memberikan kesan yang mendalam dalam diri Abang Yusuf Puteh. Sebagai anak Melayu pesisir yang membesar dalam kalangan masyarakat ini sudah menjadi satu tanggungjawab kepada beliau untuk menyuarakan harapan supaya masyarakat Melayu pesisir bertindak dan berfikir secara lebih rasional dalam apa jua tindakan supaya ianya tidak akan merugikan diri mereka sendiri. Seterusnya, peralihan pegangan ekonomi kepada masyarakat Cina juga terpancar melalui milikan kedai-kedai runcit di kawasan Melayu pesisir malah ada kawasan perkampungan Melayu di Daerah Kalaka dan Saribas tidak mempunyai walau sebuah kedai runcit sekalipun. Hal ini disebabkan ekonomi berbentuk perniagaan dikuasai oleh masyarakat Cina tanpa mendapat persaingan daripada masyarakat Melayu pesisir. Ini menunjukkan situasi ekonomi

⁵¹ R.M. Pringle, *The Rajah and the Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule 1841-1941*, hlm. 325.

⁵² Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 65.

masyarakat Melayu pesisir yang sangat lemah walaupun berada dalam kelompok majoriti.

Keadaan ini jelas tercermin melalui teguran Abang Yusuf Puteh, iaitu:

*Alit has one unique feature: it has no village shop. This is an indicator of their weak economic status, or it could have resulted from the sparsely populated settlement, making it more economical to go to Nyabor or to Kabong for their provisions.*⁵³

Ketiadaan kedai runcit di kawasan Kampung Alit, iaitu salah sebuah perkampungan yang terdapat di Daerah Kalaka menunjukkan ekonomi masyarakat Melayu di kawasan ini yang terlalu lemah dan jauh ketinggalan. Hal ini menunjukkan tidak ada walau seorang pun anggota masyarakatnya yang mampu untuk membuka kedai runcit di kawasan perkampungan tersebut akibat daripada kekangan ekonomi yang terlalu rendah. Hal ini membuktikan tindakan kurang aktif pihak kerajaan telah membawa kepada berlakunya keadaan seperti ini. Menurut Ungku Aziz, tindakan kurang prihatin pihak kerajaan dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu di kawasan pesisiran menunjukkan berlakunya penafian terhadap aspek ekonomi orang Melayu. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar kerajaan perlu melakukan tindakan secara berterusan dalam usaha untuk memperkembangkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Oleh itu, seorang pegawai yang dilantik perlu melaksanakan tanggungjawab dengan berwibawa bagi memantau situasi ini khususnya di kawasan pedalaman.⁵⁴

Ungkapan-ungkapan yang Mengekang Kemajuan Minda

Kemajuan sesebuah masyarakat di dunia berasaskan kepada pemikiran yang positif untuk mentafsir dan mencari jalan penyelesaian yang padu untuk melakukan perubahan dalam kehidupan. Aspek negatif seharusnya menjadi sempadan supaya kemajuan minda

⁵³ Ibid., hlm. 46.

⁵⁴ *Sarawak Tribune*, 13 September 1987, hlm. 3.

dapat tidak terhalang untuk mencari alternatif dalam kehidupan. Akibat daripada kongkongan dan pengabaian penjajahan yang begitu lama telah menafikan hak masyarakat Melayu Sarawak untuk mencapai kemajuan. Tindakan secara halus dan terancang kuasa penjajah telah berjaya menyimpul mati minda negatif dalam jiwa masyarakat Melayu Sarawak. Seterusnya, peranan kepimpinan Melayu dipertikaikan kerana tidak berusaha untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bertindak pantas melakukan transformasi untuk mencapai kemajuan setanding dengan kaum-kaum yang lain.

Akibat dasar berat sebelah penjajah barat menjadikan orang Melayu Sarawak terus terkongkong di kawasan luar bandar. Pendapatan yang sekadar mengisi kelaparan menjadi tradisi dalam sesebuah keluarga. Ketiadaan persaingan dalam ekonomi yang besar sebagaimana yang dikecapi masyarakat Cina terus menyerlahkan kemunduran ekonomi masyarakat Melayu Sarawak.⁵⁵ Kewujudan pelbagai ungkapan negatif dalam kalangan orang Melayu pesisir menyebabkan semangat untuk bersaing dalam bidang ekonomi menjadi semakin lemah. Ungkapan-ungkapan tersebut mencitrakan kelemahan mereka untuk bersaing dalam kegiatan ekonomi ekoran daripada minda yang tertutup. Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh terpanggil untuk menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak agar tidak terlalu taksud sehingga mempercayai ungkapan-ungkapan negatif yang menyebabkan mereka jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh dalam kehidupan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Sarawak dapat digambarkan melalui budaya hidup mereka. Ini sebagaimana yang ditonjolkan secara semulajadi daripada luahan bahasa yang digunakan. Beberapa ungkapan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak yang seolah-olah menunjukkan mentaliti dan kedudukan ekonomi mereka. Masyarakat Melayu Sarawak yang hidup dalam kemiskinan ini seolah-olah akur dengan situasi mereka dan

⁵⁵ Lihat, Hashim Fauzy Yaacob. *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 113.

ternyata bahasa kemiskinan ini memberikan impak psikologi dalam diri mereka, seolah-olah tidak perlu berusaha tetapi cukup dengan apa yang mereka peroleh. Ini menjelaskan aspek agama yang disalah tafsirkan sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini dan aspek adat yang masih beku dan kaku yang memerlukan perubahan agar kehidupan mereka mampu berubah selari dengan arus modenisasi. Antara ungkapan khas dan pelik yang digunapakai terus mengongkong kemajuan masyarakat Melayu Sarawak pada pandangan Abang Yusuf Puteh ialah „*Dunyo tu*“ *dunyo orang kafir, akhirat dunyo kito*“ (dunia ini adalah untuk orang kafir, akhirat adalah dunia kita) yang membawa maksud dunia ini adalah milik orang yang tidak mempunyai kepercayaan agama (kafir) tetapi untuk orang Islam adalah di akhirat nanti.⁵⁶ Hal ini menggambarkan adalah tidak menjadi satu masalah seandainya orang Melayu terus hidup dalam kemiskinan di dunia ini kerana Tuhan akan memberikan balasan syurga kepada mereka selepas mati. Oleh yang demikian, tidak perlu bimbang akan kemiskinan yang sedang dihadapi oleh mereka.

Selain itu, ungkapan yang sering juga digunakan masyarakat Melayu Sarawak ialah „*mun secupak, secupak juak*“ (kalau secupak, secupak juga) yang membawa maksud mereka (orang Melayu) tidak perlu berusaha gigih kerana apa jua cara yang diusahakan atau dilakukan mereka (orang Melayu) akan tetap hidup dalam kemiskinan. Situasi ini menunjukkan sekiranya hidup dalam kemiskinan akan terus berada dalam kepompong yang sama dan tidak akan berubah sama sekali. Sekali lagi salah faham terhadap konsep takdir orang Melayu Sarawak digunapakai dalam konteks ini.⁵⁷

Terlebih awal daripada itu, Za“ba pernah menyuarakan kebimbangan yang sama terhadap masyarakat Melayu yang menyamakan konsep takdir dengan nasib yang menimpa mereka. Hal ini ditegaskan Za“ba, iaitu “*Nyatalah iktikad ini (iktikad nasib) membunuh*

⁵⁶ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 93.

⁵⁷ *Ibid.*, hlm. 92-94.

segala usaha dan tenaga pada perlumbaan hidup, pada hal usaha dan kuat bekerja itulah yang menghasilkan segala rupa kemajuan dan masa hadapan". Za'ba mengesani bahawa pegangan tersebut telah menghambat usaha secara berterusan manusia untuk mengubah kehidupan yang sedia ada kepada yang lebih baik. Antaranya, peningkatan dari aspek ekonomi yang lebih baik, melakukan kebaikan secara berterusan dan lain-lain tindakan positif tanpa berputus asa. Beliau turut menyeru agar masyarakat Melayu berpegang kepada al-Quran al-Hakim walau dalam keadaan apa jua sekalipun.⁵⁸

Seterusnya, minda orang Melayu Sarawak turut dibelenggu oleh pegangan mereka terhadap nasib. Semua perkara yang dilakukan bergantung kepada nasib sama ada nasib baik atau pun sebaliknya. Kejayaan dalam kehidupan akan diperoleh sekiranya nasib menyebelahi mereka. Mereka seolah-olah tidak mempunyai kekuatan untuk mencari titik perubahan supaya setanding dengan kaum-kaum lain yang tidak mudah menyerah kalah. Semangat persaingan secara sihat dan berusaha untuk mencari kekayaan tidak pernah wujud dalam wasilah⁵⁹ kehidupan mereka. Ungkapan, „*nasib sabut timboi, nasib batu tenggelam*“ (nasib sabut timbul, nasib batu tenggelam) menggambarkan kehidupan ditentukan oleh nasib dan bukannya usaha yang dilakukan.⁶⁰ Hal ini sudah tentu bertentangan dengan ajaran suci Islam yang diturunkan oleh Allah kepada baginda Rasulullah S.A.W yang menuntut umat Islam agar berusaha keras untuk meraih kejayaan.⁶¹

Satu lagi ungkapan yang membelenggu minda masyarakat Melayu Sarawak ialah dengan ungkapan „*rejeki lum datang*“ (rezeki belum sampai).⁶² Hal ini bermaksud rezeki atau kekayaan pasti akan datang kepada mereka tanpa diiringi usaha sendiri kerana masanya akan tiba suatu hari nanti. Ungkapan ini juga mencerminkan sikap orang Melayu

⁵⁸ Za'ba, *Falsafah Takdir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 30-32.

⁵⁹ Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud jalan.

⁶⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 93.

⁶¹ Rujuk, al-Quran, Surah ar-Radh ayat 11 : “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka*”.

⁶² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 93.

Sarawak yang hanya bergantung kepada hasil yang ada tanpa berusaha lebih gigih dan bekerja lebih keras demi masa depan anak cucu dan generasi mereka yang akan datang. Abang Yusuf Puteh menegur sikap sebegini yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang perlu dibuang dalam minda mereka. Mereka perlu diperbetulkan dalam memahami konsep takdir yang sebenarnya.

Salah faham dan kesilapan dalam mentafsirkan konsep takdir dalam hidup terus melingkari kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini demikian kerana satu lagi ungkapan yang menyentuh tentang takdir ialah „udah takdir“ (sudah takdir) yang bermaksud telah ditentukan oleh takdir.⁶³ Ini bermakna kegagalan dalam mentafsir takdir yang tepat telah mengakibatkan masyarakat Melayu Sarawak tidak mencari alternatif lain sekiranya gagal dalam sesuatu bidang. Tidak ada keperluan bagi mereka untuk melakukan lebih daripada apa yang telah dilakukan kerana semuanya telah ditetapkan oleh Yang Maha Pencipta. Oleh yang demikian, mereka percaya dan yakin bahawa kegagalan yang mereka hadapi adalah dengan menyalahkan kepada nasib. Terkesan daripada itu Abang Yusuf Puteh mengatakan itulah jawapan mudah dan cara Melayu.⁶⁴ Usaha keras tidak diperlukan melainkan hanya menaruh kepercayaan bahawa semuanya telah ditentukan melalui takdir Allah S.W.T. Lanjutan daripada itu, kemajuan akan sukar untuk berada dalam lingkungan orang Melayu lantaran terlalu taksib berpegang teguh kepada salah faham mereka terhadap konsep takdir.

Seterusnya, ungkapan yang mencerminkan kepasrahan masyarakat Melayu Sarawak ialah, „ulat dalam batu lagik idup“ yang bermaksud ulat di dalam batu lagikan hidup.⁶⁵ Ungkapan ini sekali gus telah membataskan usaha dan inisiatif mereka untuk lebih maju ke hadapan kerana mereka berpendapat bahawa Allah akan pasti membantu mereka untuk

⁶³ Ibid., hlm. 93.

⁶⁴ Ibid., hlm. 93.

⁶⁵ Ibid., hlm. 93.

menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh yang demikian, mereka tidak perlu bimbang atau khuatir tentang apa yang diperoleh mereka pada hari ini. Situasi ini terus membantutkan perkembangan masyarakat Melayu itu sendiri apabila mereka terlalu menyerah kepada nasib tanpa usaha yang berterusan. Orang Melayu Sarawak terus ketinggalan dalam segala aspek terutamanya dalam aspek ekonomi.

Kehidupan masyarakat Melayu Sarawak yang sering meletakkan nasib dalam kehidupan mengakibatkan mereka sukar mencapai kemajuan dan terus ketinggalan dalam kemunduran. Kelemahan dalam memahami konsep takdir terus melemahkan struktur ekonomi mereka untuk bergerak seiring dengan dunia pada abad ke-21. Kesedaran yang tidak wujud dalam kalangan mereka menjadi semakin kronik apabila pemimpin Melayu tidak memberikan perhatian yang sewajarnya. Begitu juga peranan penting pihak jabatan agama Islam Sarawak dalam memberikan penjelasan konsep takdir dan nasib yang menjadi paksi kepada kehidupan orang Melayu Sarawak.

Selain itu, terdapat juga ungkapan-ungkapan yang digunakan oleh masyarakat Melayu yang mencerminkan kedengkian dalam kalangan anggota masyarakat. Menurut Abang Yusuf Puteh, sifat dengki terhadap satu sama lain wujud disebabkan persekitaran kehidupan mereka yang amat menyedihkan kerana kemiskinan dan kepayahan dalam menempuhi kehidupan. Oleh yang demikian, mentaliti mereka tidak dapat menerima hakikat sekiranya terdapat sesiapa sahaja ahli dalam masyarakat berada dalam keadaan yang lebih baik daripada orang lain. Keutamaan yang lebih penting bagi mereka adalah untuk melihat kejatuhan dan bukannya memberikan sokongan kepada kemajuan anggota masyarakat yang lain. Terdapat tiga ungkapan mencerminkan kedengkian masyarakat Melayu Sarawak yang

ditegur oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu, *doa manok tukong* (doa ayam tukong), *nanti" kau kelak* (tunggu kamu nanti) dan *sik air pasang ajak* (air tidak akan selalu pasang).⁶⁶

Dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sebenarnya wujud perasaan iri hati antara satu sama lain walaupun masing-masing berada dalam situasi mencabar yang penuh dengan kedukaan dan keperitan. Oleh yang demikian, kejayaan yang dikecapi oleh orang lain akan mengakibatkan perasaan tidak senang hati atau cemburu anggota yang lain. Doa kebaikan digantikan dengan doa untuk kemusnahan pihak yang memperoleh kejayaan atau mengalami perubahan daripada kehidupan yang miskin kepada kehidupan yang lebih baik. Ungkapan yang sering digunakan bagi menggambarkan kecelakaan orang lain ialah *doa manok tukong*.⁶⁷ Ungkapan ini bermaksud seorang yang tidak mempunyai harta kekayaan mendoakan adalah lebih baik orang lain juga mengalami nasib yang serupa sebagaimana dirinya. Abang Yusuf berpendapat mentaliti orang Melayu sebegini adalah sangat keji kerana sebagai orang Islam sudah sepatutnya mendoakan kebaikan untuk saudara Islam yang lain. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, masyarakat Melayu selain terkongkong dalam kepompong kemiskinan, minda mereka turut terikat dengan nilai negatif yang bertentangan dengan nilai-nilai positif yang mereka miliki.

Seterusnya, ungkapan yang turut mencerminkan satu doa kehancuran kepada kejayaan orang lain iaitu ungkapan *nanti" kau kelak*.⁶⁸ Abang Yusuf Puteh mengistilahkan frasa ini sebagai satu doa secara senyap seseorang kepada orang lain lebih-lebih lagi apabila melihat kemajuan kehidupan seseorang. Oleh yang demikian, perasaan iri hati dan khianat terus menyelubungi diri dan sanggup melakukan apa sahaja demi kemusnahan orang lain. Keadaan seperti ini menjadi alasan yang jelas mengapa kemiskinan terus kekal dalam

⁶⁶ Ibid., hlm. 94.

⁶⁷ Ibid., hlm. 94.

⁶⁸ Ibid., hlm. 94.

kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Secara logiknya, kejayaan yang dikecapi oleh orang lain menyuntik semangat untuk mencapai kejayaan yang sama atau sekurang-kurangnya membuang badi kemiskinan dalam keluarga masing-masing dan bukannya mendoakan kepada kemusnahan orang lain. Sejarah membuktikan bahawa masyarakat Melayu Sarawak adalah sebuah masyarakat yang pernah suatu ketika begitu disegani oleh kaum-kaum lain seperti kaum Dayak. Orang-orang Dayak mengagumi corak kehidupan masyarakat Melayu yang bersistematik dan bijak dalam pentadbiran serta ekonomi.⁶⁹ Lanjutan daripada itu, masyarakat Melayu Sarawak perlu mengembalikan zaman kegemilangan mereka sebagaimana ketika berada di bawah pentadbiran kesultanan Brunei suatu ketika dulu.

Selain itu, doa yang tidak sepatutnya yang dimohon oleh orang Melayu untuk melihat kemusnahan orang lain ialah dengan ungkapan *sik air pasang ajak* (air tidak akan selalu pasang).⁷⁰ Apabila seseorang itu memperoleh kekayaan atau sebuah kejayaan akan menimbulkan perasaan tidak senang hati anggota masyarakat yang lain. Hal ini demikian kerana wujudnya perasaan dengki yang menebal lantaran keadaan kehidupan yang terdesak kerana faktor kemiskinan yang membelenggu mereka. Kemewahan dan kesenangan yang diperoleh orang lain pasti akan menimbulkan perasaan marah dan sakit hati. Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, perkara yang penting bagi masyarakat Melayu Sarawak ialah biar miskin sama miskin dan tidak ada sesiapa boleh melebihi orang lain. Keadaan ini jelas menggambarkan keparahan sikap kedengkian dalam jiwa mereka sekali gus menjadikan mereka sukar melakukan perubahan dalam kehidupan. Sikap dengki terhadap kejayaan orang lain terus menyebabkan sukar untuk memisahkan kemiskinan daripada masyarakat Melayu Sarawak.

⁶⁹ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Mohiden di kediamannya di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014. Lihat juga, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 25.

⁷⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 94.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa ungkapan yang digunakan tersebut citra kepada keadaan status ekonomi masyarakat Melayu Sarawak dan mentaliti mereka secara umum. Seruan kepada pihak tertentu terutamanya pemimpin Melayu Sarawak dan pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sekali lagi terus diberi perhatian oleh Abang Yusuf supaya mengambil langkah seberapa segera dan inisiatif yang berkesan serta serius untuk menangani masalah prinsip asas kehidupan orang Melayu. Kesempatan daripada nilai kesetiaan yang ada dalam kalangan masyarakat Melayu perlu digunakan sebaik mungkin agar mereka boleh menerima segala pandangan dan perubahan yang boleh dilakukan demi kemajuan masyarakat Melayu Sarawak.

Di samping itu, Abang Yusuf Puteh turut menegur penggunaan “bahasa kemiskinan” yang diekspresikan melalui ungkapan-ungkapan yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak bagi menggambarkan sikap mudah mengalah apabila mengalami kegagalan atau terlalu bersifat merendah diri yang tidak kena pada tempatnya. Ungkapan-ungkapan ini jelas sekali mencerminkan faktor yang menyebabkan kemiskinan yang dialami oleh mereka akan terus kekal dan tidak ada usaha yang berganda untuk mencapai sesuatu kejayaan atau kemajuan. Dalam bahagian ini, terdapat 43 frasa yang mencerminkan sikap menyerah kalah atau kekalahan masyarakat Melayu terhadap keadaan kehidupan mereka. Oleh itu, frasa-frasa ini dibahagikan kepada enam kategori, iaitu ungkapan yang merujuk kepada sikap berputus asa, kesukaran dalam kehidupan, pembaziran, minda yang tertutup, kehidupan yang tidak bersistematik dan kepercayaan yang melemahkan ekonomi mereka. Abang Yusuf mengemukakan pelbagai prakarsa⁷¹ agar masyarakat Melayu Sarawak bangkit daripada khayalan supaya tidak menjadikan ungkapan-ungkapan ini melemahkan semangat mereka untuk melakukan transformasi yang positif.

⁷¹ Sama makna dengan inisiatif, daya usaha dan ikhtiar. Rujuk, Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sebenarnya, jika diteliti dan difahami teguran terhadap penggunaan ungkapan yang dikategorikan sebagai sikap berputus asa masyarakat Melayu sepatutnya dapat dijadikan sebagai pengajaran dan teladan kepada anggota sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam konteks masyarakat Melayu Sarawak ungkapan-ungkapan ini ternyata digunakan untuk melemahkan kekuatan diri sendiri dan orang lain (telah dibincangkan bagaimana sikap orang Melayu terhadap kejayaan orang lain). Ungkapan-ungkapan yang digunakan seperti *berlelang ngembak nasib*, iaitu mengembara membawa nasib, *Chino pandei berdagang, sik dapat lawan*, iaitu orang Cina bijak dalam perniagaan dan tidak mampu untuk diatasi, *cukup makan*, iaitu merujuk kepada mendapat balik modal dalam perniagaan sudah memadai dan *dagang kamek tuk jangan endak ajak*, iaitu perniagaan saya ini hanyalah ala kadar sahaja.

Selain itu, *kalah bulu*, iaitu menyerah diri kepada kegagalan, *kejam mato*, iaitu menutup mata dan menyerah kepada nasib, *putus harapan*, iaitu, merasa tidak lagi mempunyai harapan, *semadi si"ado kerjo lain*, iaitu tidak ada pilihan untuk meneruskan kehidupan, *si"berdayo*, iaitu tidak mampu untuk melakukan sesuatu dan *te kang teki*, iaitu tidak mempunyai keyakinan dalam diri. Menurut Abang Yusuf Puteh, dalam konteks ini masyarakat Melayu Sarawak sering kali menggabungkan penggunaan konsep takdir dan tawakal, iaitu ragu-ragu dalam melakukan sesuatu sehingga akhirnya berputus asa atau hilang keyakinan diri. Seterusnya, tiga ungkapan yang menggunakan perkataan mati dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, iaitu *mati akai*, *mati jalan* dan *mati angin* yang merujuk kepada putus harapan atau tiada jalan lagi.

Ungkapan-ungkapan yang telah dikelompokkan dan merujuk kepada sikap berputus asa masyarakat Melayu Sarawak ini jelas menggambarkan sikap sebenar mereka dalam menempuh dugaan dan cabaran. Hal ini menunjukkan mereka menerima sesuatu kesukaran

dan kesusahan dengan tenang dan redha tetapi tidak berusaha untuk mencari jalan penyelesaian atau berusaha dengan lebih gigih untuk merubah kehidupan. Penggunaan ungkapan-ungkapan sebegini juga menjadi pemangkin kepada kekalahan mereka untuk bersaing secara sihat dengan kaum-kaum lain yang lebih maju. Pegangan yang terlalu taksub kepada ungkapan seperti ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya mereka mahu memajukan diri sendiri dan mengecapi kejayaan.

Kategori ungkapan seterusnya ialah kesukaran dalam kehidupan. Terdapat lapan ungkapan yang dikemukakan oleh Abang Yusuf Puteh yang sering kali diguna pakai masyarakat Melayu Sarawak sebagai sandaran bagi menggambarkan kesukaran dalam kehidupan seharian mereka. Ungkapan-ungkapan ini merujuk khusus kepada kesukaran kehidupan mereka namun tidak pula berusaha untuk memajukan diri sendiri dan keluarga. Ungkapan tersebut ialah *bernapas ujung idong*, iaitu bernafas di hujung hidung yang merujuk kepada keadaan ekonomi kehidupan mereka yang sangat sukar dan *gantong sendok*, iaitu apabila kehabisan bekalan makanan di rumah seolah-olah sumber rezeki terhenti setakat itu. Hal ini jelas memaparkan suasana ekonomi yang sangat menyedihkan dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar. Ungkapan *idup merinsak*, iaitu kehidupan yang sangat sukar penuh dengan kesengsaraan yang mengerikan akibat daripada kemiskinan yang dialami oleh mereka sering kedengaran di kawasan kampung-kampung dan perkara ini mengundang kesan negatif dalam pemikiran mereka.

Seterusnya, *kareh pagi makan pagi, kareh bahari makan malam* (kais pagi makan pagi, kais petang makan petang), iaitu merujuk kepada hasil pendapatan yang mereka peroleh adalah dalam jumlah yang sangat kecil. Sekiranya tidak bekerja maka tidak ada hasil yang digunakan untuk menampung kehidupan seharian. Ungkapan ini jelas untuk memberikan

peringatan kepada masyarakat Melayu supaya terus berusaha untuk membanting tulang selagi terdaya dan tidak hanya berpuas hati dengan hasil yang kecil. Walaupun masyarakat Melayu dididik dengan konsep bersyukur tetapi mereka perlu memahami konsep syukur tersebut yang sepatutnya dilafazkan setelah berusaha dengan segala kepayahan dan pengorbanan yang ada. Selain itu, *papo iduo berumo*, iaitu kesengsaraan mereka sebagai pesawah. Masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman menyedari kehidupan sebagai penanam padi yang hidup penuh kesengsaraan dan kemiskinan. Dari generasi ke generasi mereka tidak diberitahu bahawa aktiviti ekonomi ini sangat menguntungkan mereka sekiranya mereka membuat transformasi dengan melakukan pelbagai alternatif yang mampu memajukan bidang ekonomi ini. Walau bagaimanapun, mereka terus berada dalam kepompong kemiskinan kerana pemikiran mereka masih lagi terkongkong dengan ungkapan-ungkapan yang mengakibatkan minda mereka tertutup rapat. Di samping itu, kebanyakan masyarakat Melayu Sarawak di kawasan pedalaman masih lagi buta huruf dan kurang didedahkan dengan dunia sekeliling mereka. Dunia mereka hanyalah di kawasan kampung, hutan dan di tempat mereka membanting tulang, iaitu di huma atau sungai sahaja.

Seterusnya Abang Yusuf turut mengutarakan ungkapan masyarakat Melayu Sarawak tentang kesukaran dalam kehidupan yang terus melemahkan psikologi mereka untuk menjadi lebih agresif dan bergerak maju, iaitu *papo kedano* yang merujuk kepada kehidupan mereka yang terlalu miskin dan sukar untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik. Lanjutan daripada itu, ungkapan *sik berasap dapor* memberikan makna keadaan kemiskinan yang terlalu tinggi dan tiada sebarang makanan yang boleh digunakan untuk mengisi perut mereka sekeluarga. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, ungkapan-ungkapan tersebut wujud bukan untuk melemahkan semangat dan kekuatan

mereka untuk berusaha tetapi terkesan daripada minda yang tertutup dan salah faham terhadap konsep takdir menyebabkan mereka tidak mampu bersaing secara sihat untuk mencari perubahan yang lebih bermakna dalam kehidupan.

Seterusnya, ungkapan yang mencerminkan kekalahan masyarakat Melayu Sarawak dalam meniti ranjau kehidupan adalah berkaitan dengan pembaziran yang berlaku akibat daripada kalah melawan nafsu lantaran kemiskinan bermaharajalela. Oleh yang demikian, apabila mereka memperoleh sesuatu rezeki yang boleh menjadi kebanggaan maka sikap yang melampau akan ditonjolkan. Perkara yang lebih teruk daripada itu mereka akan melakukan pembaziran apabila mempunyai rezeki yang lebih. Hal ini dapat diteliti melalui penggunaan ungkapan yang menggambarkan keadaan ini, iaitu *bisik tanah sibilang dasan* yang bermaksud seseorang itu mempunyai tanah yang begitu banyak. Segelintir masyarakat Melayu Sarawak mempunyai tanah yang banyak dan luas tetapi tidak diusahakan seoptimumnya melainkan sedikit sahaja. Hal ini menunjukkan pembaziran lebih-lebih lagi apabila keadaan kehidupan mereka yang begitu daif dalam pelbagai aspek. Situasi ini sudah tentu mengakibatkan mereka terus berada dalam lingkungan kehidupan yang tetap sama, iaitu kemiskinan dan kesusahan.

Selain itu, terdapat juga penggunaan ungkapan *buar gilak* yang bermaksud melakukan pembaziran yang melampau. Menurut Abang Yusuf Puteh, keadaan ini disebabkan suasana kehidupan yang sangat miskin sehingga menjadi faktor kepada masyarakat Melayu Sarawak untuk berbelanja secara berlebihan apabila memperoleh rezeki yang lebih banyak berbanding sebelumnya. Hal ini sebagaimana dikatakannya, iaitu:

Perhaps because of the atmosphere of poverty, the moment they get extra money they will go on reckless spending sprees. A good example of this are the Malays of Gerigat during obor-obor (jellyfish) boom time. They just spend and spend, with the youths going for the bottles. The men indulge in gambling.⁷²

⁷² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 95.

Mereka akan berseronok sehingga lupa daratan dan tidak memikirkan kemiskinan yang akan mereka warisi kepada generasi yang seterusnya. Keadaan ini jelas mencerminkan sikap mereka yang tidak mensyukuri nikmat yang diberi sebaliknya melakukan pembaziran sedangkan kehidupan yang mereka lalui penuh dengan kesukaran dan kepayahan.

Kenak tendo mengkar po ado telor bah tiaknyo yang bermaksud seolah-olah ada telur di bawah ketiaknyanya merupakan ungkapan yang sering dicanang apabila seseorang itu Berjaya memperoleh kontrak kerajaan. Hal ini memberikan cerminan bahawa masyarakat Melayu kebiasaannya mudah lupa diri apabila mendapat sesuatu yang lebih baik. Sebagai contoh, apabila berjaya memperoleh kontrak daripada kerajaan mereka akan berbangga-bangga dengan hasil yang diperoleh dan melakukan pembaziran yang melampau. Antaranya, membeli sesuatu yang bukan keperluan seperti pakaian yang mewah hanya bertujuan untuk menonjolkan diri sendiri selain menunjuk-nunjuk kepada masyarakat setempat. Keadaan ini lebih memalukan apabila kebanyakan kontrak yang diperoleh oleh orang Melayu Sarawak kebiasaannya akan diberikan kepada orang Cina dengan menggunakan lesen orang Melayu. Hasil yang diperoleh hanya sekitar lima peratus sahaja dalam bentuk komisyen yang jelas merupakan satu jumlah yang sangat kecil. Impaknya, kehidupan mereka tidak akan berubah dan akan terus berada dalam keadaan yang amat menyedihkan sampai bila-bila.

Kategori seterusnya bagi ungkapan yang mencerminkan kekalahan masyarakat Melayu Sarawak pada pandangan Abang Yusuf Puteh ialah keadaan minda masyarakat Melayu yang tertutup. Ungkapan *rupo katak bah empurong*, iaitu seperti katak di bawah tempurong. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat mencapai kemajuan dalam kehidupan apabila jauh daripada dunia luar dan kurang pengetahuan tentang isu semasa yang berlaku. Kurangnya pendedahan pemikiran mereka terhadap dunia luar menjadikan mereka terlalu

jumud dan rigid untuk melakukan transformasi dan menggandakan usaha tanpa mengukalah. Selain itu, *sik endengar bedok* yang bermaksud tidak mendengar bunyi bedok juga merupakan frasa atau ungkapan yang menggambarkan kejumudan minda. Penggunaan frasa ini menunjukkan ketidakpekaan mereka terhadap perubahan zaman sebaliknya terus hanyut dalam dunia mereka sendiri. Akhirnya, kemajuan semakin jauh untuk dikecapi oleh mereka dan generasi yang akan datang terus mewarisi ketegaran yang dimiliki tanpa ada usaha untuk melakukan sebarang tindakan ke arah perubahan yang lebih positif.

Ungkapan yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak yang tidak bersistematik pula dapat diteliti berdasarkan ungkapan iaitu, *kelang kabut* dan *terhalir halir* yang bermaksud tidak teratur dalam melakukan sesuatu terutamanya dalam aspek pengurusan ekonomi mereka. Kelemahan dalam aspek pengurusan telah memberikan ruang kepada kaum lain untuk mencapai kemajuan dan kejayaan dengan meninggalkan masyarakat Melayu Sarawak jauh di belakang. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu di dunia Melayu menguasai aspek ekonomi dalam bidang perdagangan yang meliputi keseluruhan kepulauan Nusantara. Kejayaan kesultanan-kesultanan Melayu yang wujud suatu ketika dahulu seharusnya menjadi pedoman kepada masyarakat Melayu hari ini untuk mengembalikan kebijaksanaan pengurusan orang-orang Melayu dalam pelbagai bidang.

Mereka mempunyai cita-cita yang tinggi namun pada masa yang sama menafikan kemampuan mereka untuk mencapai impian tersebut. Hal ini ditunjukkan melalui ungkapan yang sering mereka gunakan, iaitu *raso hati nak melok gunung, apo boleh buat tangan si'' panjang*. Perancangan yang lemah untuk memajukan diri terutamanya dalam aspek ekonomi sudah pasti akan hanya membawa kepada kegagalan. Tambahan pula, menurut Abang Yusuf Puteh keinginan masyarakat Melayu yang melampaui batas kemampuan yang

ada tanpa perancangan yang sistematik sering kali melemahkan semangat juang mereka sendiri.

Seterusnya, ungkapan *terkapoi kapoi* yang merujuk kepada situasi seseorang yang berusaha dalam keadaan terdesak ketika menghadapi saat-saat yang sukar. Abang Yusuf Puteh merujuk hal ini sama seperti keadaan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak yang begitu sukar untuk berkembang maju. Situasi ini turut menunjukkan kesukaran yang terpaksa mereka hadapi demi meneruskan kehidupan mereka setiap hari.

Selain itu, ungkapan *terkatong katong* dan *tenggelam timboi* juga turut digunakan oleh Abang Yusuf Puteh bagi menunjukkan pengurusan yang tidak bersistematik masyarakat Melayu Sarawak yang terus mengekalkan keberadaan ekonomi mereka di takuk lama. Ungkapan ini membawa makna yang sama seperti terapung-apung. Ini bermaksud keadaan kehidupan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak yang seolah-olah tidak mencapai kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina yang telah berjaya menguasai ekonomi dengan jayanya. Ungkapan ini dengan jelas menggambarkan ekonomi masyarakat Melayu Sarawak yang tidak boleh dibanggakan. Kegagalan mereka untuk berusaha dengan melakukan cara yang lebih bersistematik menjadi punca kepada kegagalan mereka untuk menuju mercu kejayaan sekurang-kurangnya berada dalam satu tahap yang sama dengan kaum yang lain.

Lanjutan daripada itu, terdapat juga ungkapan yang berhubung dengan kepercayaan sebagaimana yang diketengahkan oleh Abang Yusuf Puteh bagi menggambarkan kekalahan yang menjurus kepada kemiskinan dan kegagalan masyarakat Melayu Sarawak untuk mencapai kekayaan dan kejayaan. Terdapat empat ungkapan, iaitu *jaie'' mimpi, ki'' ni''*; *lemah semangat* dan *salah langkah* yang berkaitan dengan kepercayaan dan sering digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak sebagai alasan mudah apabila gagal mencapai

kejayaan dan sekali gus menggambarkan sikap mengalah sehingga kehidupan mereka semakin sukar.

Ketaksuban masyarakat Melayu Sarawak dalam aspek kepercayaan yang karut turut disentuh oleh Abang Yusuf Puteh. Beliau berpandangan bahawa masyarakat Melayu Sarawak telah menjadikan ungkapan yang berunsurkan kepercayaan karut ini sebagai sandaran bagi kegagalan dan kekalahan mereka untuk menambah baik taraf kehidupan. Sebagai contoh, ungkapan *jaik mimpi*, iaitu mimpi buruk yang sering mereka kaitkan dengan aktiviti harian mereka. Mimpi-mimpi buruk yang dialami mereka akan mempengaruhi kehidupan mereka lebih-lebih lagi dalam hal yang berkaitan dengan sosioekonomi. Keadaan ini sudah tentu akan memburukkan lagi kedudukan ekonomi mereka yang telah pun jauh ketinggalan daripada kaum-kaum lain. Akhirnya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh bahawa orang Melayu hanya akan menjadi pemimpi daripada pencapai kejayaan.

Ungkapan berkaitan unsur kepercayaan seterusnya yang sering kali digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak dan membawa kepada kegagalan mereka dalam bidang ekonomi ialah ungkapan *ki''ni''* yang merujuk kepada datuk dan nenek daripada bahasa Iban, iaitu *aki''* dan *ini''*. Masyarakat Melayu dan Iban di Sarawak berkongsi tradisi karut ini. Sebagai contoh, apabila seseorang itu tidak mahu mengambil sesuatu makanan yang diberikan atau tidak memperoleh apa yang diinginkan maka seseorang itu akan menyebut nama nenek moyang untuk mengelakkan daripada ditimpa malapetaka dan roh-roh jahat. Hal ini jelas menggambarkan pemikiran sempit masyarakat Melayu Sarawak yang lebih banyak berangan-angan atau bermimpi buruk sebagai alasan daripada kegagalan mereka dalam aspek ekonomi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina. Oleh hal yang demikian, sekiranya tidak memperoleh segala apa yang diinginkan cukuplah

sekadar dengan menyebut nama nenek moyang mereka tanpa perlu berusaha untuk mendapatkannya sehingga berjaya. Akibat daripada pemikiran sempit masyarakat Melayu ini maka perkara ini terus melalaikan mereka untuk bersaing lebih-lebih lagi dalam dunia globalisasi ini.

Seterusnya, ungkapan *lemah semangat*, iaitu membawa maksud semangat yang lemah dan mengaku kalah. Kepercayaan ini menunjukkan personaliti negatif masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran dan dunia yang semakin mencabar. Bagi masyarakat Melayu Sarawak, seseorang yang *lemah semangat* adalah tanda sesuatu yang buruk kerana dipercayai seseorang itu pasti akan menghadapi pelbagai jenis penyakit atau gagal dalam semua bidang yang diceburinya. Hal ini sudah tentu secara tidak langsung memberikan kesan psikologi kepada masyarakat Melayu Sarawak dalam usaha untuk mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Kesannya kepercayaan seperti ini terus menjadi indikator sebagai punca kegagalan mereka dalam bidang ekonomi.

Hal ini sama juga seperti kepercayaan mereka terhadap ungkapan *salah langkah*. Ia merujuk kepada sikap masyarakat Melayu yang mengalah kepada nasib tanpa terlebih dahulu berusaha untuk mencapai sesuatu kejayaan. Kepercayaan karut yang menjadi pegangan mereka jelas memberikan impak negatif yang berpanjangan dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, sekiranya mereka tidak menerima pembaharuan dan teguran maka hal ini akan menyebabkan mereka berterusan mempercayai sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh begitu mengambil berat akan situasi yang boleh menghancurkan masa depan generasi masyarakat Melayu Sarawak yang seterusnya. Teguran beliau ternyata mempunyai asas yang munasabah untuk dititikberatkan agar transformasi yang berkesan dilakukan untuk membawa kembali masyarakat Melayu sebagaimana zaman kegemilangan mereka suatu

ketika dahulu. Kejatuhan kedudukan masyarakat Melayu Sarawak di bawah penjajahan barat sama ada ketika zaman Brooke pada tahun 1841-1941 atau koloni British pada tahun 1946-1963 terus memundurkan mereka dalam pelbagai aspek lebih-lebih lagi aspek ekonomi. Masyarakat Melayu Sarawak digula-gulakan dengan kedudukan politik sedangkan bidang ekonomi dikuasai secara menyeluruh oleh kaum-kaum lain terutamanya kaum Cina. Penguasaan ekonomi masyarakat Cina begitu jelas sehingga memberikan kesan yang positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat mereka sehingga ke hari ini.

Penguasaan politik masyarakat Melayu terutamanya sejak pada zaman pemerintahan James Brooke sebagai Raja Putih yang pertama 1841 bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana tidak menjanjikan keuntungan secara holistik kepada masyarakat Melayu melainkan hanya memberikan manfaat kepada beberapa orang pembesar Melayu. Pegangan politik masyarakat Melayu didapati terhad dengan perlantikan Ketua Menteri Sarawak Pertama dan Kedua selepas mencapai kemerdekaan dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 daripada kalangan kaum Iban, iaitu Stephen Kalong Ningkan dan Penghulu Tawi Sli. Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza dengan ekonomi masyarakat Cina yang terus kekal dibawah penguasaan mereka sejak zaman pemerintahan malah menguasai secara total sistem ekonomi di kawasan-kawasan bandar utama di Sarawak. Oleh yang demikian, kritikan Abang Yusuf Puteh kepada kelemahan pemikiran sempit masyarakat Melayu ternyata berasas agar mereka berusaha untuk melakukan perubahan yang positif dalam diri mereka. Teguran juga turut dilemparkan Abang Yusuf Puteh terhadap pucuk kepimpinan Melayu Sarawak yang digambarkan oleh beliau sebagai gagal melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha untuk memaju dan menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak supaya tidak leka dengan budaya yang boleh memundurkan ekonomi mereka.

Sebanyak 43⁷³ ungkapan yang dikenal pasti oleh Abang Yusuf Puteh yang melingkari kehidupan masyarakat Melayu Sarawak sehingga menjadi pegangan mereka sekali gus membawa kemunduran dan kemiskinan tanpa sebarang perubahan. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa terdapat beberapa cara bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Melayu, iaitu tidak lagi menggunakan penyataan-penyataan yang seolah-olah menyerah diri tanpa berusaha dan perlu bertindak lebih agresif dan berfikiran positif. Di samping itu, faktor kepimpinan dalam kalangan masyarakat Melayu juga dilihat sebagai satu faktor penting dalam membangunkan ekonomi masyarakat Melayu sebagaimana yang pernah dinikmati oleh masyarakat Melayu pada masa penguasaan kesultanan Brunei dan pada awal pemerintahan dinasti Brooke.⁷⁴

Oleh yang sedemikian, bahasa kemiskinan yang digunapakai dalam penulisan Abang Yusuf Puteh menjelaskan betapa kemiskinan yang melanda atau dialami oleh masyarakat Melayu Sarawak dewasa ini adalah daripada kealpaan meminggirkan kepentingan pendidikan yang begitu penting lantaran leka dengan sanjungan yang diterima sebelum ini. Abang Yusuf Puteh percaya bahawa ungkapan-ungkapan tersebut telah menyebabkan minda masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir Sarawak tertutup sehingga sukar untuk melakukan transformasi dalam kehidupan mereka. Mereka seolah-olah terperangkap dengan ungkapan-ungkapan tersebut sehingga menyerahkan diri sepenuhnya kepada nasib dan takdir. Akhirnya, keadaan ini terus membawa kepada kehidupan yang miskin dan mundur dalam kalangan mereka. Atas dasar itu juga, Abang Yusuf Puteh mengambil pendekatan dengan melakukan teguran terhadap pemimpin-pemimpin Melayu supaya mengambil perhatian secara serius isu kemiskinan yang terus menghimpit masyarakat Melayu di kawasan pesisir ini.

⁷³ Ibid, hlm. 92-99.

⁷⁴ Rujuk, Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, *Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak Menerusi „The Malay Mind“* (1996), dlm *Proceeding of The 50th Anniversary Celebration International Conference*, Hankuk University of Foreign Language, South Korea, 2014, hlm. 500-507.

pesisir sangat ketara disebabkan pengabaian dalam pelbagai aspek. Atas kesedaran itu, beliau melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu pesisir.

Bantuan Dalam Aspek Pertanian

Kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu pesisir telah memberikan inspirasi kepada Abang Yusuf Puteh untuk menghulurkan bantuan sebaik mungkin dalam aspek pertanian kepada mereka. Beliau percaya usaha untuk memajukan aspek pertanian dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir adalah salah satu langkah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan mereka. Berdasarkan rekod yang dimuatkan dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970-1985 kegiatan ekonomi kesemua kampung dan daerah penempatan Melayu pesisir adalah berasaskan ekonomi sara diri, iaitu aktiviti pertanian dan menangkap ikan.⁷⁵ Atas dasar itu, Abang Yusuf Puteh berusaha sedaya mungkin bersama-sama kakitangannya melawat kampung-kampung Melayu di kawasan pesisir untuk mendengar permasalahan yang dihadapi mereka. Dengan cara itu beberapa masalah dikenalpasti antaranya, tidak mempunyai geran tanah⁷⁶ dan kekurangan pengetahuan tentang aspek pertanian.⁷⁷ Oleh itu, pada tarikh 11 April 1974 masyarakat kampung di kawasan Melayu pesisir telah membuat permohonan melalui pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kelulusan geran tanah tersebut. Atas usaha Abang Yusuf Puteh kerajaan negeri telah memberikan kelulusan bagi permohonan geran dan pembahagian tanah baharu untuk mereka.⁷⁸

⁷⁵ Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985.

⁷⁶ Lihat, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970-1985 dalam catatan bertarikh 11 April 1974 Fail Bil: (120) dlm YPS/KUC/2. Berdasarkan catatan dalam fail tersebut menyebutkan bahawa penduduk memohon untuk pembahagian tanah dan geran supaya diberikan dengan kadar segera untuk memudahkan penduduk mengusahakan tanah pertanian masing-masing. Beliau berusaha untuk membantu penduduk selaku Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memenuhi impian penduduk.

⁷⁷ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 9 April 1987, hlm. 18. Abang Yusuf Puteh memberikan galakan kepada masyarakat Melayu pesisir untuk mengerjakan tanah pertanian menggunakan pelbagai kaedah yang lebih berkesan seperti jentera moden dan kaedah „berdurok“.

⁷⁸ Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985, berdasarkan catatan 5 Mei 1974 dalam Fail Bil: (180) dlm YPS/KUC/2.

Di samping itu, Belia Peladang telah dibentuk di bawah hasil usaha beliau untuk menggalakkan masyarakat Melayu meningkatkan pendapatan dan meninggikan taraf hidup mereka. Hal ini bertujuan supaya tidak berlakunya pembaziran sumber tenaga yang sedia ada dalam kalangan anak-anak muda terutamanya di kawasan penempatan Melayu pesisir. Melalui Belia Peladang akan dapat memberikan pengetahuan khusus kepada belia-belia yang ada untuk mengusahakan secara maksimum aspek pertanian dan penternakan. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan kepada belia dalam kalangan Melayu pesisir bahawa aspek pertanian juga mampu untuk memberikan hasil yang lumayan kepada mereka.⁷⁹ Hal ini demikian kerana melalui pendedahan ini golongan belia berupaya untuk mengubah tahap ekonomi keluarga masing-masing supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Matlamatnya sudah tentu untuk membasmi kemiskinan relatif yang menjadi identiti masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Selain itu, pembentukan Belia Peladang merupakan serampang dua mata dalam usaha Abang Yusuf Puteh, iaitu mendedahkan belia kepada bidang perladangan dan membentuk sahsiah golongan belia. Hal ini selari dengan penyataannya, iaitu *Poverty has some very effects on their morality. Joblessness creates idleness in the villages and idleness opens the way to all forms of mischief.*⁸⁰ Hal ini merujuk kepada kemiskinan yang dialami oleh sesebuah masyarakat yang membawa kepada keruntuhan moral dalam kalangan golongan belianya. Ketiadaan pekerjaan akan memburukkan lagi situasi berkenaan sehingga membawa kepada pelbagai gejala negatif seperti mencuri, menghidu gam dan sebagainya. Oleh yang demikian, golongan belia hendaklah dididik dan dilatih untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang berfaedah yang mampu membangunkan sahsiah mereka.

⁷⁹ Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985, berdasarkan catatan bertarikh 22 November 1975 dalam Fail Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2.

⁸⁰ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 170.

Menurut Ramlan Iskandar, Abang Yusuf Puteh seorang yang berpandangan jauh dalam setiap tindakan yang lakukannya. Sememangnya tidak dapat dinafikan Abang Yusuf Puteh telah memberikan pelbagai bantuan dalam aspek pertanian kepada masyarakat kampung. Hal ini termasuklah menggalakkan penggunaan jentera moden, biji benih dan bantuan kewangan untuk pertanian sesiapa sahaja yang benar-benar memerlukan. Malah masyarakat kampung di daerah Kalaka banyak menerima bantuan dalam aspek pertanian dengan menggunakan sumber kewangannya sendiri terutamanya selepas bersara dalam perkhidmatan awam negeri.⁸¹

Seterusnya, beliau turut menyeru masyarakat Melayu di kawasan pesisir supaya terus berusaha untuk memajukan aspek pertanian dengan melakukannya secara „berdurok“ (bergotong royong). Ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses bercucuk tanam dilakukan. Selain itu, beliau turut menyeru agar aktiviti „berdurok“ diaktifkan semula dalam kalangan masyarakat Melayu dengan tujuan untuk menyemarakkan nilai murni dalam kalangan mereka⁸² lebih-lebih lagi apabila terdapat golongan yang lebih memerlukan bantuan seperti ibu tunggal dan warga tua. Golongan ini tidak mempunyai kemampuan untuk mengupah tenaga kerja akibat desakan hidup tambahan pula tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Malah kehidupan mereka ibarat „kais pagi makan pagi, kais petang makan petang“ yang pernah dialami sendiri oleh Abang Yusuf Puteh sebagai anak Melayu pesisir yang miskin.⁸³ Oleh yang demikian melalui kaedah „berdurok“ yang disarankan oleh Abang Yusuf Puteh sekurang-kurangnya tanah pertanian mereka dapat dikerjakan dengan semangat persaudaraan dan permuafakatan.

⁸¹ Wawancara dengan Encik Ramlan bin Iskandar penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 10.20 malam pada tarikh 20 September 2015.

⁸² Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985, melalui Catatan bertarikh 13 November 1975 dalam Fail Bil. (17) dlm YPS/D1/01-3/S2.

⁸³ Lihat, *Sarawak Tribune*, 9 April 1987, hlm.18.

Abang Yusuf Puteh yakin dan percaya bahawa bantuan dalam aspek pertanian yang dibawa ke kawasan masyarakat Melayu pesisir sebagai satu jalan yang mampu mengubah landskap kehidupan masyarakat di kawasan tersebut. Oleh itu, beliau turut membantu dalam usaha membangunkan aspek pertanian masyarakat di kawasan tersebut untuk meningkatkan hasil tuaian yang akan membuahkan pendapatan yang lebih tinggi. Di samping itu, galakan kepada belia-belie untuk mengusahakan tanah pertanian cukup memperlihatkan keprihatinannya terhadap golongan yang bakal menyambung legasi keluarga masing-masing suatu hari nanti. Tindakan beliau yang mendidik sedari awal dalam bidang pertanian tidak boleh dipandang ringan apabila golongan anak muda ini mampu untuk membawa pembaharuan dalam aspek pertanian moden. Selain itu, usaha beliau sebagai wakil rakyat di Daerah Kalaka turut membuahkan beberapa hasil apabila banyak projek-projek pembangunan yang mula membanjiri kawasan tersebut. Projek pembangunan ini sudah tentu memberikan peransang kepada peningkatan sumber ekonomi masyarakat kampung yang sebelum ini terbiar tanpa pembelaan yang sewajarnya. Hasilnya, perubahan kepada taraf hidup masyarakat Melayu pesisir mula menampakkan hasilnya dengan berlakunya peningkatan hasil pendapatan pertanian dan sebagainya.⁸⁴

Melatih Penduduk Berdikari

Proses mendidik masyarakat bukan merupakan perkara yang mudah. Hakikatnya itulah yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu pesisir sama ada secara langsung ataupun tidak. Beliau mendidik masyarakat supaya berdikari sedaya upaya mungkin supaya tidak terlalu mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan semata-mata. Usaha yang dilakukan oleh beliau bukan bermaksud untuk menafikan hak masyarakat

⁸⁴ Wawancara dengan Encik Sauti bin Karim penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok, pada jam 11.30 pagi bertarikh 19 September 2015 dan wawancara dengan Encik Ramlan bin Iskandar, iaitu penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 10.20 malam pada tarikh 20 September 2015.

Daerah Kalaka untuk mendapat bantuan kerajaan tetapi kemajuan yang perlahan di kawasan tersebut. Abang Yusuf Puteh menyeru masyarakat Melayu berusaha sendiri untuk melakukan pembaharuan tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.⁸⁵

Oleh yang demikian, beliau tidak pernah berhenti dalam usaha mengajak masyarakat Melayu supaya belajar berdikari dan menghentikan amalan yang terlalu mengharap dan meminta-minta sesuatu. Teguran beliau ini dapat diteliti melalui surat beliau yang bertarikh 13 Oktober 1976 yang antara lain berbunyi;

amalan dan sikap terlalu bergantung kepada kerajaan dalam sesuatu yang boleh atau mampu dilakukan akan melemahkan sikap berusaha orang-orang kita dan kita tidak ambil berat maka begitulah akibatnya hingga ke beberapa generasi yang akan datang tidak boleh berubah.⁸⁶

Sebenarnya, tindakan beliau adalah untuk meningkatkan keyakinan diri masyarakat Melayu pesisir supaya bergerak dengan pantas untuk melakukan perubahan yang positif. Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa “mereka yang tidak mahu untuk mengubah corak pemikiran dan kehidupan mereka yang ada sekarang adalah mereka yang rugi dan sukar untuk mencapai apa-apa sahaja matlamat yang mereka ingin tuju”.⁸⁷

Atas dasar itu juga beliau memuji tindakan penduduk-penduduk kampung Melayu pesisir yang berusaha sendiri dalam usaha memajukan kampung masing-masing tanpa terlalu mengharap bantuan daripada pihak-pihak tertentu.⁸⁸ Walaupun penduduk digalakkan untuk berusaha sendiri tetapi tidaklah bermakna tidak ada bantuan langsung yang diterima oleh penduduk di kawasan Melayu pesisir. Namun adapun sebarang bantuan dan pembangunan yang diberikan oleh pihak tertentu ianya terlalu perlahan sehingga

⁸⁵ Hal ini dapat diteliti dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985 dalam Fail Bil: (12) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 18 April 1975.

⁸⁶ Lihat, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985 dalam Fail Bil: (5) dlm YPS/01-1/T1 menerusi surat yang bertarikh 13 Oktober 1976.

⁸⁷ Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985 dalam Fail Bil: (5) dlm YPS/01-1/T1 menerusi surat yang bertarikh 13 Oktober 1976.

⁸⁸ Beliau telah memuji semangat penduduk yang tidak mengharap bantuan kerajaan semata-mata dengan memperbaiki kerosakan tangki air di masjid untuk memudahkan penduduk-penduduk kampung beribadah. Rujuk, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, 1970-1985 dalam Fail Bil: (3) dlm YPS/KUC/2(I) yang bertarikh 9 Oktober 1974.

melambatkan proses pembangunan seiring dengan zaman ketika itu. Tambahan pula, Abang Yusuf Puteh ingin melatih masyarakat Melayu pesisir supaya terus berusaha untuk memajukan diri dalam pelbagai bidang yang diceburi. Oleh yang demikian, seruan yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh memaparkan satu usaha untuk mengajak masyarakat Melayu pesisir supaya berdikari untuk mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik.

Memperjuangkan Kemajuan Rakyat

Pada tahun 1987, Abang Yusuf Puteh telah diangkat selaku Ketua Pembangkang mengetuai Kumpulan Maju⁸⁹ di DUN Sarawak selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum Negeri 1987. Beliau menunjukkan sikap prihatin dan terbuka dalam menerima aspek pembangunan yang disediakan oleh mana-mana pihak untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Melayu pesisir. Kemajuan dan pembangunan rakyat adalah keutamaan bagi Abang Yusuf Puteh. Oleh sebab itu, beliau sentiasa memberikan respons yang positif terhadap sebarang bentuk pembaharuan atau pembangunan yang dicadangkan walaupun daripada pihak kerajaan demi rakyat. Atas dasar itu, sebagai pihak pembangkang dalam DUN Sarawak beliau mengalu-alukan pembukaan pejabat Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) di Sarawak pada tahun 1987. Beliau turut mengalu-alukan pihak FELCRA untuk membangunkan projek pertanian di kawasan luar bandar yang sudah pastinya memberikan pelbagai peluang pekerjaan dan pembangunan di kawasan tersebut. Beliau percaya bahawa dengan pelbagai projek yang dibangunkan oleh pihak FELCRA akan memberikan impak kepada pembangunan-pembangunan lain di kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama beliau terus melobi supaya ladang-ladang dibuka

⁸⁹ Merupakan gabungan parti pembangkang di Sarawak yang terdiri daripada Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

melalui projek FELCRA di Daerah Kalaka dalam usaha memajukan ekonomi masyarakat di sini.⁹⁰

Usaha Abang Yusuf Puteh untuk memajukan masyarakat di Daerah Kalaka sememangnya diakui dan mendapat kepercayaan dari masyarakat setempat. Menurut Abang Leman bin Abang Mohamad, masyarakat di Daerah Kalaka amat bersyukur apabila Abang Yusuf Puteh telah terpilih sebagai ADUN yang mewakili Kalaka (N.26). Beliau percaya Abang Yusuf Puteh mampu untuk membawa pembangunan yang bermakna kepada masyarakat di Daerah Kalaka. Pandangan tersebut turut dikongsikan oleh Haji Iman bin Peli yang mengatakan sejak Abang Yusuf Puteh berjaya menjadi wakil rakyat DUN Kalaka banyak pembangunan fizikal yang telah dibawa masuk ke Daerah Kalaka.

Walaupun pembangunan tersebut hanya berbentuk kegunaan umum seperti jalan raya, pembaikan sekolah, balai raya namun mereka tetap bersyukur kerana Abang Yusuf Puteh tidak mengabaikan kebajikan mereka. Malah kemenangan Abang Yusuf Puteh yang berjaya menawan DUN Kalaka selaku proksi pembangkang merupakan satu kemenangan kepada masyarakat di kawasan tersebut. Hal ini demikian kerana kerajaan mula mengambil berat hal ehwal masyarakat setempat berbanding sebelum ini. Walaupun pelbagai projek pembangunan telah mula masuk di Daerah Kalaka tetapi pembahagian projek pembangunan ternyata tidak dilakukan secara adil. Hal ini dapat diteliti melalui kritikan Mili bin Ismail terhadap sikap kerajaan negeri apabila pembangunan projek-projek kerajaan di kawasan terbabit dilakukan secara tidak adil. Hal ini merujuk kepada pemberian tender kerajaan yang dimonopoli pihak-pihak tertentu sahaja.⁹¹ Keadaan ini jelas menunjukkan protes kerajaan negeri terhadap masyarakat di Daerah Kalaka yang memilih pembangkang sebagai wakil rakyat sedangkan calon pihak kerajaan diketepikan.

⁹⁰ Lihat, *Sarawak Tribune*, 28 June 1987, hlm.1.

⁹¹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 June 1987, hlm.1.

Walaupun tindakan pihak kerajaan dilihat cuba untuk memberikan tekanan kepada Abang Yusuf Puteh namun ianya ternyata gagal untuk menafikan jasa-jasa Abang Yusuf Puteh kepada masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Ini kerana banyak usaha yang telah dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu pesisir malah sebelum beliau terlibat dalam dunia politik di Sarawak lagi. Menurut Haji Daud bin Ulei, jasa dan pengorbanan Abang Yusuf Puteh kepada masyarakat Kalaka sangat besar dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pembangunan fizikal dan agama masyarakat di sini. Hal ini dapat diperlihatkan dengan perubahan fizikal sekolah-sekolah yang lebih sempurna berbanding sebelum ini, jalan raya dan utiliti seperti bekalan elektrik serta air. Abang Yusuf Puteh berkeinginan untuk menyaksikan masyarakat Melayu pesisir mampu melakukan perubahan untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.⁹² Pandangan ini turut disokong oleh Ali Sabana bin Bujang yang mengatakan bahawa ketokohan Abang Yusuf Puteh banyak memberikan pembangunan kepada masyarakat setempat sama ada dari aspek fizikal dan kerohanian. Abang Yusuf Puteh dilihat sebagai seorang pemimpin yang sangat berkaliber dan mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat kampung di kawasan penempatan masyarakat Melayu pesisir.⁹³

⁹² Wawancara yang diadakan dengan Haji Daud bin Ulei (Mantan Ketua Kampung Melango Lama, Saratok) pada jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015. Beliau mengatakan bahawa jasa Abang Yusuf Puteh kepada masyarakat Kalaka sangat besar dalam pelbagai aspek. Beliau inginkan agar masyarakat Melayu Pesisir mampu melakukan perubahan untuk mencapai kemajuan.

⁹³ Wawancara dengan Ali Sabana bin Bujang, seorang guru dan penduduk Kampung Melango, Saratok melalui aplikasi whatsapp pada jam 11.50 pagi bertarikh 31 Mac 2016.

yang berwajib seharusnya memberikan penekanan kepada penglibatan masyarakat Melayu pesisir dalam ekonomi berasaskan perdagangan supaya selari dengan perkembangan ekonomi dunia serta seiring dengan dunia teknologi yang semakin canggih dewasa ini.

Usaha dalam membuka mata masyarakat Melayu pesisir terhadap aspek ekonomi berasaskan perdagangan perlu dilakukan untuk mewujudkan kesedaran dalam diri mereka. Peluang ini perlu diambil serius oleh masyarakat Melayu pesisir berikutan mereka mempunyai tanah yang banyak. Mereka patut merebut peluang dengan mengerjakan tanah-tanah mereka untuk meningkatkan sumber ekonomi berskala besar. Dengan adanya kesedaran terhadap kepentingan untuk mencapai kemajuan maka dapat membuka minda masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir supaya berpandangan jauh untuk jangka masa yang panjang. Di samping itu, mereka perlu mengubah persepsi yang skeptikal terhadap kemampuan sendiri tanpa usaha yang gigih dan kental. Mereka harus sedar bahawa perkembangan dalam aspek pertanian ini sudah tentu akan membuka jalan yang lebih luas kepada mereka dalam usaha meningkatkan sumber pendapatan.

Jika dilihat melalui pandangan Abang Yusuf Puteh mengenai kemiskinan masyarakat Melayu pesisir didapati bahawa kemiskinan yang dialami masyarakat Melayu pesisir bukan hanya diletakkan kesilapannya pada pihak kerajaan tetapi juga terhadap kelemahan ekonomi masyarakat Melayu pesisir itu sendiri. Malah Abang Yusuf Puteh sendiri menyatakan pihak kerajaan turut memainkan peranan dalam usaha untuk memajukan masyarakat di kawasan ini dengan memperkenalkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kemiskinan masyarakat Melayu pesisir turut berakar umbi daripada corak pemikiran mereka yang masih terkongkong dengan pemikiran tradisional sehingga mempengaruhi setiap tindakan mereka. Keadaan ini sudah tentu semakin menjarakkan kemajuan dari kehidupan mereka. Walau

bagaimanapun, peranan kerajaan juga dituntut untuk membetulkan persepsi negatif masyarakat Melayu pesisir dalam aspek pembangunan material agar memupuk semangat mereka untuk melakukan transformasi minda ke arah kecemerlangan.

Sehubungan itu, teguran yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap kemiskinan masyarakat Melayu pesisir bertujuan untuk menjelaskan kelemahan sistem penyampaian pihak yang berwajib sehingga berlakunya pengabaian yang amat ketara. Pihak yang berwajib sepatutnya memainkan peranan yang penting menyebarkan kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui pendidikan yang berupaya mencelikkan mata mereka kepada perubahan dalam kehidupan. Sesungguhnya perubahan itu merupakan satu tuntutan kepada sesebuah masyarakat sekiranya mereka masih jauh ketinggalan dalam dunia yang semakin moden. Oleh itu, peranan Abang Yusuf Puteh dalam memberikan kesedaran dan membantu memperkasakan ekonomi masyarakat Melayu pesisir begitu besar dan amat bermakna kepada masyarakat di kawasan tersebut.

BAB 7 : MEMARTABATKAN ASPEK KEAGAMAAN

PENGENALAN

Bab ini akan memfokuskan kepada dua aspek utama, iaitu teguran terhadap amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir di Sarawak dan usaha-usaha Abang Yusuf Puteh untuk memartabatkan budaya Melayu Sarawak yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir Sarawak merupakan manifestasi daripada budaya yang diamalkan dalam kehidupan mereka yang telah diwarisi sejak turun temurun. Perbincangan dalam bab amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir di Sarawak ini mempunyai signifikannya bagi melihat peranan Abang Yusuf Puteh dalam memartabatkan aspek keagamaan dalam masyarakat Melayu Sarawak.

Teguran Abang Yusuf Puteh terhadap pengamalan budaya masyarakat Melayu tempatan (Sarawak) yang terdiri daripada amalan, nilai dan sikap turut dikaitkan dengan teguran beliau yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini. Hakikatnya, keadaan ini telah mencipta status kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sekiranya dibandingkan dengan masyarakat peribumi yang lain dan orang Cina. Persoalannya, apakah sememangnya wujud perkaitan antara kelemahan kepimpinan, ketinggalan dalam pendidikan dan pengamalan budaya yang negatif dengan kemunduran ekonomi masyarakat Melayu Sarawak?. Berdasarkan kepada perdebatan di dalam bab sebelum ini jelas menunjukkan kemunduran ekonomi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak adalah berakar umbi daripada kelemahan kepimpinan kerana telah gagal memainkan peranan yang sepatutnya. Berikutan itu, penjajahan minda masyarakat Melayu pesisir semakin subur disebabkan budaya negatif yang terus diamalkan tanpa pambanterasan. Situasi ini memperlihatkan teguran beliau bersifat tegas terhadap

corak kepemimpinan yang tidak memanipulasikan mandat yang diberikan kepada mereka dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian yang bermanfaat demi kemaslahatan masyarakat.

Kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu Sarawak menjadi pemangkin kepada teguran beliau terhadap pengamalan budaya yang membantutkan perubahan minda masyarakat Melayu Sarawak. Lantaran itu, beliau ke hadapan dalam usaha untuk menegur kelemahan kepimpinan, menegur pengamalan budaya, iaitu amalan, nilai dan sikap orang Melayu Sarawak. Kesemuanya memberikan kesan negatif kepada kehidupan masyarakat Melayu Sarawak dan menghanyutkan mereka semakin jauh daripada arus kemodenan dan kemajuan.

Walaupun Abang Yusuf Puteh menegur pengamalan budaya yang membantutkan perkembangan dan transformasi pemikiran masyarakat Melayu Sarawak namun beliau tetap menyanjung tinggi beberapa budaya masyarakat Melayu Sarawak yang masih relevan dan perlu diperkukuhkan. Oleh yang demikian, beliau menyeru agar pucuk pimpinan Melayu memainkan peranan yang lebih menyeluruh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat Melayu. Selain itu, peranan ilmuan Islam turut ditagih untuk mengkaji semula interpretasi budaya tradisi yang bersesuaian dengan ajaran Islam.¹ Tujuannya, sudah tentu untuk memberikan kesedaran kepada pemimpin dan masyarakat berkaitan budaya terutamanya meninggalkan budaya yang menolak kemajuan namun memperkukuhkan budaya yang selari dengan tuntutan fitrah manusia. Hal ini sudah pasti akan membuka minda masyarakat Melayu ke arah perkara yang lebih positif untuk melakukan perubahan dan mencipta kejayaan yang hakiki.

¹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, 1996, hlm. 13.

PERSPEKTIF ABANG YUSUF PUTEH TERHADAP AMALAN, NILAI DAN SIKAP MELAYU SARAWAK

Pembentukan sesebuah masyarakat adalah berdasarkan kepada budaya setempat yang diamalkan oleh sesuatu kelompok yang telah diamalkan sejak turun temurun. Budaya terbentuk hasil daripada integrasi dan asimilasi akibat berlakunya percampuran dalam masyarakat, peperangan, penghapusan ataupun penambahbaikan. Tafsiran ke atas budaya perlu dalam konteks ini agar dapat menjelaskan perspektif Abang Yusuf Puteh terhadap budaya masyarakat Melayu Sarawak dalam penulisannya. Budaya bolehlah ditakrifkan sebagai satu sistem idea, kepercayaan, nilai, pengetahuan, norma, adat dan teknologi dalam sekelompok masyarakat di sesebuah tempat atau kawasan.² Takrifan ini menunjukkan bahawa konteks budaya sangat luas meliputi pelbagai aspek berkaitan sosial sesebuah masyarakat tanpa mengecualikan aspek moral, agama, ilmu pendidikan, perkara-perkara yang menjadi rutin sesebuah masyarakat dan pembangunan masyarakat yang semakin berkembang pesat selari dengan arus pemodenan. Budaya berperanan dalam memajukan masyarakat dan dalam masa yang sama boleh melambatkan proses kemajuan terutamanya bagi orang Melayu di kawasan pedalaman.³ Masyarakat akan mengalami perubahan budaya secara berterusan sama ada dalam bentuk material ataupun spiritual,⁴ lebih-lebih lagi ledakan arus pemodenan pada akhir-akhir ini yang memungkinkan pelbagai budaya luar masuk tanpa had. Oleh yang demikian, sesuatu budaya dalam sesebuah bangsa hendaklah sentiasa diingat dan dipraktikkan serta dijunjung walau di mana sahaja agar terus berkekalan dan bertahan.⁵

² Raslie Saharan, Adat Resam Orang Melayu Sarawak, *The Sarawak Museum Journal Vol XL No61*, The Museum Kuching, 1989, hlm. 45.

³ Awg Kasmurie Awg Kitot & Arba'iyah Mohd Noor, Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak, *Jurnal Sejarah Vol. 2*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2015, hlm. 18-30.

⁴ Diane Kendall, *Sociology in Our Times: The Essentials*, Belmont, California: Wadsworth/Thompson Learning, 2011, hlm. 55-56.

⁵ Siddiq Fadzil, Menatap Wajah: Citra Melayu dalam Sejarah, dlm *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, 2012, hlm 8. Pembinaan watan dan budaya yang kuat adalah salah satu agenda penting dalam memperkasakan orang Melayu dan turut disokong oleh Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik, dlm

Masyarakat Melayu Sarawak telah mengamalkan budaya setempat dan budaya yang diasimilasikan daripada kaum lain sejak turun temurun. Budaya ini jugalah yang telah menyatukan masyarakat pelbagai kaum di Sarawak sejak sekian lama. Dalam *The Malay Mind*, Abang Yusuf Puteh sering menekankan budaya dalam konteks cara hidup masyarakat Melayu Sarawak. Baginya, masyarakat Melayu terlalu menekankan budaya yang menjadi tradisi dalam kehidupan sehingga sukar untuk melakukan perubahan dan terus mengalami kemunduran dalam kehidupan mereka. Keterikatan masyarakat terhadap beberapa budaya negatif ini ternyata menyekat perkembangan minda sehingga aspek positif semakin hilang dalam diri mereka. Hal ini dilihat oleh Abang Yusuf Puteh sebagai faktor kemunduran masyarakat Melayu terutamanya di kawasan penempatan beliau di Kalaka.⁶

Pemikiran Abang Yusuf Puteh berkaitan budaya masyarakat Melayu Sarawak lebih banyak menyentuh dua aspek penting, iaitu agama dan adat. Hal ini dibuktikan dengan penulisan-penulisannya yang menampakkan bahawa aspek-aspek tersebut penting untuk menjelaskan budaya masyarakat Melayu Sarawak. Agama dan adat merupakan unsur penting dalam budaya masyarakat Melayu Sarawak. Elemen-elemen inilah yang menyatukan masyarakat Melayu di Sarawak untuk sama-sama berjuang demi kemakmuran.⁷ Oleh yang demikian, aspek ini menunjukkan alasan yang digunakan oleh Abang Yusuf Puteh untuk menjelaskan asas pemikiran budaya beliau dalam penulisannya ini.

Sejarah telah membuktikan gerakan komunis di Sarawak, iaitu *Clandestine Communist Organization* (CCO) turut gagal dalam usaha untuk menyusup masuk dan menyebarkan

Nik Hassan Shuhaimi Abd Rahman (Ed) Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, Bangi, Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2013, hlm. 1098.

⁶ Antara aspek budaya yang perlu diubah bagi Abang Yusuf Puteh ialah berkaitan taat yang telah banyak berubah berbanding sebelumnya. Bagi beliau nilai taat telah banyak kehilangan nilai dan ketertinggiannya. Begitu juga dalam aspek takut menurut beliau perlu disesuaikan dengan perubahan semasa. Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 20-21.

⁷ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen pada jam 3.30 petang bertarikh 9 Januari 2014 di kediamannya di Jalan Muda Hasyim, Kuching Sarawak. Menurut beliau 4 elemen penting dalam kelangsungan kegemilangan masyarakat Melayu di Sarawak, iaitu elemen agama, budaya (adat), kesetiaan dan perpaduan.

dakyah komunis dalam kalangan bumiputera di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu yang telah lama berpegang teguh kepada ajaran Islam menolak ideologi komunis yang bertentangan dengan ajaran Islam terutamanya konsep ketuhanan. Hal ini jelas dengan asas komunis yang tidak mempercayai sebarang bentuk nilai yang berkonsepkan keagamaan.⁸ Kegagalan gerakan ini jelas memberikan gambaran keteguhan kepercayaan masyarakat Melayu Sarawak terhadap Islam sebagai pegangan agama namun dilihat masih gagal dalam mengaplikasikan tuntutan agama secara praktikal. Pengamalan budaya yang negatif masih berleluasa dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini sudah tentu selari sebagaimana yang dipaparkan dengan ketegasan Abang Yusuf Puteh dalam aspek budaya yang menekankan konsep agama sebagai satu aspek penting yang menjadi landasan kepada budaya masyarakat Melayu di Sarawak.

Seterusnya, aspek adat turut ditekankan dalam teguran Abang Yusuf Puteh. Adat masyarakat Melayu Sarawak dapat diperkukuhkan melalui kesanggupan untuk berkorban, taat setia, jujur dan tidak mengkhianati persahabatan sebagaimana yang dikatakan oleh Margaret Brooke.⁹ Aspek kesetiaan merupakan aspek yang penting dalam mempertahankan kelangsungan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak.¹⁰ Dari sudut pandangan lainnya menunjukkan aspek ini sangat penting untuk menjelaskan budaya masyarakat Melayu Sarawak yang cukup menyanjung tinggi peninggalan berzaman selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran agama. Akhirnya kebudayaan masyarakat Melayu terus dipertahankan dan diperkukuhkan walaupun perlu dilakukan perubahan. Rangkuman ini terjelas di dalam karya Abang Yusuf Puteh menerusi *The Malay Mind*.

⁸ Mohd Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia Ed. Ke-2*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 100.

⁹ M. Brooke, *My Life in Sarawak*, hlm. 165.

¹⁰ Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik, dlm Nik Hassan Shuhaimi Abd Rahman (Ed) Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, Bangi, Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2013, hlm. 1101-1102.

Abang Yusuf Puteh ternyata jelas dalam hal ini lantaran pendidikan tingginya dalam bidang Pengajian Melayu dari Universiti Malaya, Singapura adalah berkaitan budaya terutamanya budaya masyarakat Melayu Sarawak.¹¹ Dalam penulisannya, beliau sering menekankan budaya dalam konteks cara hidup masyarakat Melayu Sarawak. Terkesan daripada kemunduran masyarakat Melayu terutamanya di kawasan penempatan beliau di Kalaka telah menjadi sebab musabab kepada kajian beliau. Masyarakat Melayu Sarawak yang terlalu menekankan aspek negatif dalam kehidupan mengakibatkan mereka sukar untuk melakukan perubahan dan terus mengalami kemunduran dalam kehidupan mereka. Masyarakat Melayu Sarawak masih terikat dengan beberapa aspek budaya negatif yang ternyata menyekat perkembangan minda mereka sebagaimana dijelaskan oleh Abang Yusuf Puteh, sedangkan aspek budaya positif semakin hilang dalam diri mereka.

Beliau mengetengahkan buah fikiran dalam teks *The Malay Mind* dalam usaha menyampaikan aspek amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu di Sarawak. Hasil garapan minda beliau boleh diguna pakai untuk mencari titik transformasi minda Melayu terpelajar sepertinya dalam usaha untuk melihat kekuatan dan kelemahan orang Melayu untuk mencapai kemajuan. Jelas terpancar kegembiraan dalam dirinya sebagaimana ungkapannya berkaitan slogan „Melayu Baru“ pada tahun 1991 oleh kepemimpinan Persekutuan Malaysia.¹² Beliau menggambarkan pengisytiharan slogan politik baharu tersebut, iaitu „Melayu Baru“ pada masa yang sama seiring dengan Wawasan 2020 sebagai satu deklarasinya yang mulia dan perlu dibanggakan. Senario ini menunjukkan betapa beliau mempunyai ciri-ciri perjuangan Melayu yang mempunyai keunggulannya untuk melihat kemajuan orang Melayu terutamanya orang-orang Melayu Sarawak dalam bidang ekonomi,

¹¹ Kajian beliau, iaitu “Adat Perkahwinan dalam Kalangan Masyarakat Melayu Sarawak” pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1964 dan telah diulang cetak pada tahun 2008.

¹² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 52, iaitu “pada tahun 1991 pemimpin Melayu Persekutuan telah memperkenalkan slogan politik baru untuk imej orang Melayu iaitu Melayu Baru. Ini adalah pengisytiharan yang mulia untuk masyarakat, seperti mimpi kembar untuk wawasan 2020 untuk Negara”.

sosial dan politik. „Melayu Baharu“ yang diusulkan pasti akan menyumbang kepada kekuatan dalam memperkasakan Wawasan 2020, iaitu menuju ke arah negara yang maju dalam pelbagai bidang seiring dengan kemajuan negara-negara maju yang lain di dunia. Berhubung dengan perkara tersebut, Hassan Ahmad menyifatkan bahawa kejayaan merealisasikan impian yang besar membolehkan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah (bersaing) dengan negara-negara lain. Oleh itu, sikap berani dalam menerima transformasi amat penting agar usaha dan cita-cita tidak seperti angan-angan Mat Jenin.¹³

Melalui pemerhatian tersebut, beliau memaparkan dalam *The Malay Mind* beberapa pandangan tentang budaya negatif yang membawa kemunduran masyarakat Melayu Sarawak secara keseluruhannya. Baginya amalan negatif ini telah menyekat masyarakat Melayu daripada bergerak terus menuju ke arah kemajuan. Sebagaimana kritikan Abdullah Munsyi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* yang mengkritik kepemimpinan Melayu dalam pentadbiran,¹⁴ Abang Yusuf Puteh turut melakukan hal yang sama demi memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu yang terus terpinggir dalam arus kemodenan. Teguran yang dilontarkan oleh Abang Yusuf Puteh lebih menjurus kepada kegagalan pemimpin dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat Melayu Sarawak bagi melakukan transformasi dalam diri mereka. Hal ini merujuk kepada perubahan dalam aspek amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu dari negatif kepada positif.

Tuntasnya, aspek agama dan adat menjadi unsur penting dalam pengamalan budaya masyarakat Melayu Sarawak. Kedua-dua aspek inilah yang bertanggungjawab dalam mengawal kehidupan masyarakat Melayu Sarawak kerana saling berhubung rapat antara satu sama lain. Namun menurut Abang Yusuf Puteh, terdapat beberapa perkara yang

¹³ Hassan Ahmad menegaskan orang Melayu hendaklah bersedia untuk melihat parut lama dan juga situasi mereka dan amat penting bagi mereka untuk bersedia untuk berubah. Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Glokal*, Shah Alam, hlm. 159. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears : The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 78.

¹⁴ Zainal Abidin Borhan, *Pemikiran Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi Tentang Orang Melayu*, dlm Abdul Latiff Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1986, hlm.3.

diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak dilihat lebih mengutamakan adat berbanding dengan aspek agama.¹⁵ Sebagai contoh, pengamalan adat dalam perkahwinan yang ternyata lebih banyak menjunjung tinggi aspek adat jika dibandingkan dengan aspek agama. Hal ini, sudah tentu mengakibatkan kekeliruan dalam masyarakat Melayu di Sarawak dan akhirnya terus diamalkan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, tidak salah mengamalkan sesuatu adat namun biarlah agama menjadi teras dan tulang belakang supaya tidak lari atau tergelincir daripada kebenaran.

Perbincangan mengenai amalan, nilai dan sikap orang Melayu Sarawak memerlukan kita untuk merincikan terlebih dahulu berkaitan budaya Melayu. Budaya orang Melayu Sarawak yang masih diamalkan sehingga sekarang merupakan satu manifestasi pengaruh budaya-budaya asing seperti Hindu, Buddha, Islam dan budaya barat.¹⁶ Walau bagaimanapun, ajaran Islam tetap menjadi benteng yang menentukan budaya orang Melayu terus kekal dalam lingkungan masyarakat timur yang penuh kesopanan dan kesantunan.¹⁷ Tambahan pula, ajaran Islam itu sendiri yang telah banyak membawa perubahan kepada budaya masyarakat Melayu di Sarawak. Perubahan bukan sahaja dari aspek akidah tetapi juga perubahan dalam aspek amalan, nilai dan sikap masyarakat yang turut mengalami perubahan. Harus dijelaskan masyarakat Melayu yang telah terbiasa dengan budaya yang berlandaskan ajaran Islam masih menerima pertembungan budaya-budaya lain asalkan tidak bertentangan dengan syarak. Walaupun budaya luar banyak menerpa masuk dalam diri mereka tetapi budaya-budaya ini tidak sesekali mampu untuk mempengaruhi pemikiran orang-orang mereka (Melayu).¹⁸ Ini bermaksud orang-orang Melayu tetap berpegang teguh kepada budaya yang menjadi induk kepada adat resam tempatan dan budaya ini tetap dipegang serta dipertahankan sebagai peninggalan untuk generasi yang akan datang.

¹⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 12.

¹⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, hlm. 5.

¹⁷ Raslie Saharan, *Adat Resam Orang Melayu Sarawak*, hlm. 45.

¹⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

Kewujudan budaya sesuatu kaum, etnik dan bangsa selari dengan kemunculan manusia itu sendiri. Pembudayaan sesuatu tradisi akhirnya mampu untuk merekabentuk sesuatu budaya yang menjadi pegangan dalam sesebuah masyarakat manusia. Hal ini termasuklah budaya masyarakat Melayu Sarawak yang terbentuk hasil daripada budaya tradisional yang menjadi pegangan dan tradisi nenek moyang sejak sebelum kedatangan Islam. Percampuran etnik dalam kalangan orang-orang Melayu di Sarawak turut menyumbang kepada kewujudan kepelbagaian budaya Melayu di Sarawak namun tetap terkawal oleh adat kampung dan mahkamah Melayu Sarawak.¹⁹ Namun pada tahun 1978 Mahkamah Syariah telah ditubuhkan di bawah Undang-undang Majlis Islam Sarawak dan akhirnya tertubuhlah Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak pada 2 Oktober 1990.²⁰

Budaya Melayu Sarawak dikawal oleh tata tertib atau dalam bahasa tempatannya dikenali sebagai adat kampung yang diberikan kuasa oleh Mahkamah Melayu Sarawak²¹ dan berpaksikan ajaran Islam sebagai teras kepada setiap budaya yang diamalkan. Hal ini disebabkan masyarakat Melayu Sarawak yang menerima pelbagai unsur dalam dan luar yang akhirnya diasimilasikan dalam kehidupan seharian mereka. Kepentingan budaya yang menjadi salah satu tulang belakang kepada budaya masyarakat turut membawa kepada semangat perpaduan yang tinggi, mengutamakan toleransi dan menjunjung tinggi kehidupan yang penuh keharmonian.

Atas sebab kepentingan budaya kepada sesebuah masyarakat telah membawa kepada seruan untuk mempertahankan tradisi menjadi agenda utama dalam kalangan anggotanya. Hal ini selari dengan ucapan dan seruan Ketua Menteri Sarawak²² ketika majlis perasmian Masjid Darul Hana di Kuching, Sarawak.²³ Kehidupan masyarakat Melayu Sarawak yang

¹⁹ Chin & Valeri Mashman, *Sarawak Cultural Legacy a Living Tradition*, Kuching: Society Atelier Sarawak, 1991, hlm. 18-19.

²⁰ <http://www.syariah.sarawak.gov.my/>

²¹ Kini diambilalih oleh Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak sejak Oktober 1990.

²² Pehin Sri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak sejak 1981 hingga kini.

²³ <http://www.theborneopost.com/2013/04/26/pertahan-adat-tradisi-melayu>.

menjunjung tinggi sesuatu budaya akan membawa kepada kelangsungan beberapa amalan dan nilai yang lain. Antaranya, semangat perpaduan, tolong menolong, keamanan dan melahirkan masyarakat yang berjiwa bangsa demi mempertahankan negara dari pelbagai bentuk ancaman sama ada ancaman ke atas politik, ekonomi ataupun sosial.

Justifikasinya, pembentukan sesuatu budaya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang banyak mendapat pengaruh daripada unsur-unsur asing sebagaimana budaya secara umumnya sebenarnya turut memberikan kesan negatif kepada masyarakat. Hal ini disebabkan berlakunya pengabaian terhadap aspek agama yang sepatutnya bertindak untuk menapis dan membentuk sempadan kemasukan pengaruh melampau yang bertentangan dengan nilai masyarakat tempatan hasil daripada perkembangan budaya itu sendiri sepertimana yang telah ditegaskan oleh Abang Yusuf Puteh. Perubahan dan perkembangan boleh berlaku dalam budaya sesebuah tamadun dengan batas-batasnya yang tertentu. Oleh itu, pegangan kukuh terhadap ajaran Islam berupaya untuk menangkis sebarang bentuk kemasukan budaya yang bertentangan dengan amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu.

Berdasarkan penjelasan yang diberikan menunjukkan teguran Abang Yusuf Puteh terhadap budaya akan diketengahkan terutamanya dalam pengamalan aspek amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu itu sendiri. Sesungguhnya, agama dan adat merupakan aspek yang penting kepada pembentukan budaya masyarakat Melayu sebagaimana penegasan beliau, iaitu agama dan adat adalah ramuan utama dalam pemikiran masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam terus dihidupkan diamalkan atas alasan kearifan lokal sesebuah masyarakat ternyata tidak relevan. Hal ini bermakna agama hendaklah menjadi keutamaan sebelum pelaksanaan sesuatu adat budaya dalam sesebuah masyarakat.

TEGURAN TERHADAP AMALAN MELAYU PESISIR

Masyarakat Melayu Sarawak kaya dengan pelbagai amalan yang telah diwarisi dari nenek moyang sejak zaman sebelum kedatangan Islam di Sarawak. Amalan-amalan ini sama ada amalan yang perlu dilakukan transformasi supaya bersesuaian dengan situasi masyarakat atau amalan yang perlu diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat.²⁴ Dari sudut amalan masyarakat Melayu Sarawak banyak yang tidak lagi relevan untuk diamalkan. Keperluan untuk melakukan perubahan kepada sesuatu amalan sebagaimana yang disuarakan oleh Abang Yusuf Puteh ternyata benar berdasarkan pengamatannya terhadap kehidupan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir Sarawak. Faktor kemiskinan relatif yang terus melingkari kehidupan mereka menjadi fokus penting kepada beliau dalam merungkai pelbagai persoalan dalam benak fikiran. Oleh yang demikian, beliau mengemukakan beberapa aspek amalan masyarakat Melayu Sarawak yang banyak menggambarkan kemunduran pemikiran mereka yang menjadi batu penghalang untuk mencapai kemajuan. Amalan-amalan yang bertentangan perlu disingkirkan ataupun dilakukan perubahan supaya berlakunya anjakan paradigma dalam masyarakatnya. Manakala dalam masa yang sama beliau menggesa supaya amalan-amalan yang membawa impak positif terus dikekalkan dalam lingkungan kehidupan mereka.

Transformasi Amalan untuk Kebaikan

Aspek amalan masyarakat Melayu Sarawak banyak diperkatakan oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya. Antaranya amalan masyarakat Melayu Sarawak yang bertentangan dengan ajaran Islam turut ditegur dan dijelaskan oleh Abang Yusuf Puteh. Terdapat dua amalan yang ternyata jelas berlawanan dan ketara menjatuhkan moral dan

²⁴ Lihat, Abang Yusuf Puteh, *Adat Orang Melayu dan Kesannya Terhadap Ekonomi*, dlm *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, Kuching: Jawatankuasa Penyelidikan Sejarah, Penerbitan dan Penerangan, 1979, hlm. 93.

maruah agama Islam dan orang Melayu Sarawak sendiri. Pertama ialah dari segi lafaz perkataan *laillah*. Masyarakat Melayu Sarawak sudah membiasakan diri mereka sejak dahulu apabila menyatakan sesuatu bantahan atau menyaksikan sesuatu yang bertentangan dengan melafazkan perkataan *laillah*.²⁵ Menurut beliau lafaz *laillah* menunjukkan lafaz yang jelas dan nyata bertentangan dengan akidah sebagai seorang Islam kerana ia membawa maksud “Tiada Tuhan” sedangkan mereka mempercayai kewujudan Tuhan, iaitu Allah. Namun sebutan *laillah* sudah menjadi sesuatu kebiasaan bagi masyarakat Melayu di Sarawak ketika itu.

Oleh yang demikian, beliau menyeru kepada masyarakat Melayu Sarawak yang menganut ajaran Islam supaya merubah sebutan lafaz tersebut kepada sebutan secara lengkap, iaitu *laillahailallah* (Tiada Tuhan melainkan Allah).²⁶ Transformasi ini perlu dilakukan agar dapat mengukuhkan akidah orang Melayu Sarawak sebagai penganut Islam dan mampu untuk membina akhlak yang lebih sempurna ke arah pembangunan minda masyarakat. Teguran beliau sebagaimana yang berikut:

*While on the subject of language there are certain phrases which are contrary to Islam and morally degrading. They Malays proclaim their disapproval in a godless way, which is no less than blasphemous. They say „Laillah”; Arabic word which means there is no God. How awful!... The correct way to say it in the Islamic faith is „Laillahailallah” which translates as there is no God but Allah. The Muslims of Sarawak should be prohibited to continue with their current form of expressing disappointment or disapproval.*²⁷

Selain itu, perkara lain yang harus dilakukan transformasi demi kebaikan ialah amalan panggilan kepada adik-beradik yang mempunyai ibu yang sama tetapi berlainan bapa. Panggilan yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu Sarawak ialah *beradik asuk* yang

²⁵ Bermaksud “Tiada Tuhan”.

²⁶ Bermaksud “Tiada Tuhan Melainkan Allah”.

²⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm.27-28. Dibincangkan juga, Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 264.

bermaksud “adik beradik anjing”.²⁸ Pada pandangan beliau, panggilan ini sangat menjijikkan dan tidak bersesuaian dengan nilai dan amalan orang Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Malah gelaran seperti ini tidak sepatutnya wujud lebih-lebih lagi dalam kemuliaan hubungan persaudaraan yang dikaitkan dengan haiwan seperti anjing sebagaimana kenyataan beliau seperti berikut:

*... is highly objectionable, if not totally obnoxious. The Malays refer to half-siblings i.e children of the same mother but different fathers as „beradik asuk“ = dog’s sibling. I do not know the origin of this phrase but whoever invented it must be both immoral and unreligious. Dogs, of all things; forbidden animals in Islam. However the question remains as to why it has been allowed to this day. Will the „Majlis Islam“ act?.*²⁹

Perkara ini jelas tidak bermoral dan menunjukkan bahawa mereka kurang mendalami asas-asas agama terutamanya hukum fekah. Dalam situasi ini juga, beliau turut mempersoalkan kelemahan pihak yang berwajib untuk memberikan maklumat dan penerangan serta tindakan yang sewajarnya memandangkan gelaran *beradik asuk* dalam sesebuah keluarga dan masyarakat Melayu Sarawak masih digunakan dan sepatutnya diubah kepada istilah yang lebih baik. Beliau mahu perubahan istilah yang menggambarkan konotasi yang positif digunakan bagi menggantikan istilah denotatif tersebut

Penghapusan Amalan Jumud

Sebagaimana pemikir dan penulis yang lain, Abang Yusuf Puteh turut mengkritik amalan jumud bersifat negatif bagi orang Melayu sehingga tidak mahu menerima perubahan. Amalan ini jelas bertentangan dengan agama malah menyusahkan diri mereka sendiri lebih-lebih orang Melayu Sarawak di kawasan pesisir. Baginya sebahagian masyarakat Melayu Sarawak tidak menggunakan pemikiran mereka dalam membuat

²⁸ Dalam Bahasa Sarawak “beradik anjing”.

²⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 28.

keputusan yang logik terhadap sesuatu perkara. Beliau menegur amalan negatif orang Melayu Sarawak melalui amalan suka membazir kerana beliau mahu masyarakat Melayu mengamalkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan. Teguran ini dipaparkan melalui pandangannya, iaitu :

In the case of wedding the sky is the limit for expenses. Things are getting fairly out of hand nowadays with imitations of cultures from other peoples and from other areas. A friend of mine in Saratok, a few years ago, spent RM2000 on the rental of wedding dresses from Kuching. the poor bride had to appear like a fashion model twelve times in different costumes ranging from the Western dress to the Japanese and Balinese dresses. Is this necessary?. When I asked my friend why he did it, his answer was quite devastating: "... muas hati..." = to satisfy the heart, which I take to mean that he did not fully use his mind.³⁰

Pernyataan tersebut menjelaskan ketidakpuasan hati Abang Yusuf Puteh terhadap amalan orang Melayu Sarawak dalam melakukan sesuatu perkara yang ternyata mengatasi kemampuan mereka sendiri. Misalnya dalam soal perkahwinan, seseorang itu sanggup menghabiskan wang yang banyak demi memuaskan hati sendiri. Perbuatan mereka ini seolah-olah ingin menunjukkan kemampuannya kepada masyarakat dalam menyediakan sebuah majlis perkahwinan agar dapat menonjolkan diri sedangkan mereka ini tergolong dalam kumpulan masyarakat Melayu yang miskin. Mereka seolah-olah merasa malu atau tidak berpuas hati dalam menguruskan majlis perkahwinan anak-anak sekiranya tidak berbelanja besar walaupun hidup dalam kemiskinan.

Abang Yusuf Puteh turut melahirkan perasaan kecewa apabila berlakunya pembaziran wang yang banyak sekadar untuk menyewa pakaian persalinan pengantin demi memuaskan hati keluarga pengantin semata-mata. Amalan inilah yang dikritik oleh Abang Yusuf Puteh apabila melihat sikap orang Melayu yang tidak mahu menerima perubahan untuk kebaikan diri sendiri dan keluarga. Malah amalan ini pernah juga dikritik oleh Ikhwan Zaini dalam

³⁰ Abang Yusuf Puteh. *River of Dry Tears : The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 264. Lihat juga, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 27.

Utusan Sarawak akibat daripada kecenderungan orang Melayu Sarawak yang suka melakukan pembaziran. Hal ini seperti mana yang diluahkan beliau, iaitu:

Begitulah sikap orang2 kita Melayu terhadap sesuatu perkara yang boleh meninggikan taraf dan darjah kehidupan mereka. Sikap yang seperti itu menyedihkan hati. Sebaliknya orang2 kita Melayu tiadalah bersikap begitu terhadap perkara2 yang berupa penghiboran dan perkara2 yang menyukakan hati. Barangkali mereka itu adalah lebih selangkah dari lain2 kaum dalam perkara ini tetapi mereka itu sebaliknya mundur beberapa langkah dalam perkara yang disebutkan dahulu itu.³¹

Kritikan Ikhwan Zaini jelas menunjukkan orang Melayu Sarawak yang lebih berminat memikirkan keseronokan dan hiburan semata-mata lantaran itu mereka telah jauh ketinggalan dalam bidang-bidang yang lain seperti ekonomi dan pendidikan. Kesan daripada amalan negatif seperti pembaziran ini telah mengakibatkan mereka mudah terlibat dalam aktiviti berhutang yang menambahkan lagi kesengsaraan mereka. Atas dasar itu, Abang Yusuf Puteh lantas mencadangkan agar amalan berjimat cermat diterapkan dalam kehidupan masyarakat Melayu supaya mereka tidak terus menerus ditimpa kemiskinan.

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh turut mempersoal dan menegur amalan masyarakat Melayu Sarawak dalam aspek pengurusan ketika berlakunya kematian. Memandangkan kehidupan masyarakat Melayu yang miskin maka perubahan dalam kalangan masyarakat amat perlu dilakukan. Seandainya kongkongan daripada nilai dan amalan masih terus bermaharajalela dalam budaya mereka maka sudah tentu sukar untuk mereka melakukan perubahan kepada sesuatu yang lebih bermanfaat. Hal ini diterjemahkan dalam penulisan beliau seperti berikut:

Then this: what can be more tragic than death?. However among the Malays it can be more than deadly. Where the pains of the deceased end, the sufferings of the surviving mourners begin. The costly cultural indulgences in the funeral rites and expenses in the days, and nightsm that follow especially within the first seven days, and on the twentieth, fortieth and hundredth have phenomenal economic consequences. The

³¹ *Utusan Sarawak*, 24 April 1958, hlm. 2.

*activities within the first few days of the death are simply incredible bordering on the ludicrous.*³²

Abang Yusuf Puteh cuba menyuarakan bantahannya terhadap amalan sebegini terutama kepada golongan miskin. Hal ini kerana apabila berlaku kematian seolah-olah menjadi suatu kewajiban kepada ahli keluarga yang masih hidup untuk mengadakan kenduri arwah pada hari pertama sehingga ketujuh dengan menjemput imam dan jiran tetangga. Seterusnya diadakan pula kenduri untuk hari ke-20, ke-40 dan ke-100 kematian. Amalan kenduri arwah ini bukan setakat itu sahaja malah akan diadakan setiap tahun pada tarikh kematian mengikut kalendar Islam yang dikenali sebagai *makan hol*.³³ Keadaan ini berlaku disebabkan mereka akan merasa malu atau risau dengan anggapan masyarakat seandainya tidak mengadakan kenduri untuk ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Sikap menunjuk-nunjuk sebegini merupakan sikap yang menguasai diri orang Melayu sehingga pemikiran mereka kurang yakin untuk melakukan pembaharuan. Akhirnya kemiskinan terus menjadi darah dan daging dalam kehidupan mereka.

Bagi Abang Yusuf Puteh, keadaan ini bukanlah suatu tuntutan dalam agama Islam yang sering menyeru umat Islam agar mengelakkan berlakunya pembaziran.³⁴ Ini kerana impak kepada situasi sebegini sudah pasti memberikan kesan terhadap ekonomi masyarakat Melayu Sarawak. Rentetan daripada itu, beliau dengan nada kerasnya menyatakan “... *a funeral in the village means two deaths, physical for the dead, and economic for the living*”.³⁵ Dalam hal ini, kematian kepada ahli keluarga yang masih hidup merujuk kepada pembaziran dari segi sumber kewangan akibat daripada penerusan amalan yang jumud.

³² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 27.

³³ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, hlm.93. Makan hol merupakan kenduri untuk mengingati si mati, ianya sama seperti ulang tahun kematian. Ramai tetamu akan dijemput untuk menghadiri makan hol ini. Dalam budaya orang Melayu Sarawak, hubungan yang berterusan tetap berlaku antara yang hidup dan yang telah meninggal dunia dan ianya adalah kewajiban yang penting dilakukan oleh orang Melayu di Sarawak. Tujuan makan hol juga adalah untuk mengingati si mati dengan doa serta memperoleh pahala (sedekah) dan keduanya kenduri diadakan adalah faedah untuk si mati malah pahala kepadanya.

³⁴ al-Quran: Surah al-Isra’: 27. Maksud ayat “*Sesungguhnya orang yang membazir adalah saudara kepada Syaitan*”.

³⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 27.

Inilah akibat yang perlu dibayar oleh orang-orang Melayu sendiri kesan daripada tidak menerima transformasi minda. Beliau mahu amalan tersebut dihapuskan kerana bersifat jumud dan tidak akan membawa kepada kemajuan fizikal dan mental masyarakat Melayu Sarawak. Penghapusan amalan sebegini akan membawa kebaikan khasnya terhadap ekonomi masyarakat Melayu Sarawak.

Menurut Salina Sauti dan Nursiyati Deni, Abang Yusuf Puteh sering kali mengingatkan masyarakat Melayu di kampung mereka supaya meninggalkan amalan tersebut. Beliau turut mengatakan bahawa dalam konteks untuk bersedekah dan mengingati si mati sememangnya kenduri seperti ini tidak mendapat halangan dalam ajaran Islam. Ini memandangkan konsep bersedekah atas rezeki yang diperoleh untuk dikongsi bersama. Namun begitu, akibat daripada masyarakat Melayu yang berpegang kepada adat secara membuta-tuli seolah-olah menjadikan kenduri sesuatu yang wajib diadakan apabila berlakunya kematian. Lebih malang apabila ahli keluarga yang ditinggalkan si mati hidup dalam serba kemiskinan. Keadaan ini akan menambahkan lagi beban kehidupan mereka kerana tidak berkemampuan untuk menyediakan persediaan kenduri arwah sehingga sanggup berhutang demi melaksanakan amalan tersebut. Hal ini kerana suara-suara sumbang anggota masyarakat akan kedengaran apabila tidak mengadakan kenduri arwah untuk yang telah meninggal dunia.³⁶ Dalam hal ini Abang Yusuf Puteh turut menyeru kepada pihak berwajib seperti Majlis Islam Sarawak (MIS) terutamanya dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) supaya mengkaji semula tindakan masyarakat yang disifatkan oleh beliau sebagai budaya pembaziran dalam kalangan orang Melayu.

³⁶ Wawancara dengan Puan Salina Sauti penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok pada jam 12.30 tengahari bertarikh 19 September 2015. Nada yang sama turut diluahkan oleh Puan Nursiyati binti Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok pada jam 1.30 petang bertarikh 19 September 2015.

Seterusnya, amalan negatif orang Melayu Sarawak yang sering disentuh oleh beliau ialah sikap khianat atau berfikiran jahat.³⁷ Gambaran sikap khianat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak merupakan sikap yang merosakkan watak orang Melayu Sarawak sepertimana kenyataan beliau, iaitu “*perhaps the most destructive trait of the Malay character is ,khianat” = malice, or evil mind, which is of course not peculiar to the Malays alone*”.³⁸ Sikap khianat dalam masyarakat ketika itu berleluasa lebih-lebih lagi dalam aspek politik. Hal ini berlaku akibat daripada ketamakan terhadap kuasa dan keinginan untuk berkuasa. Aspek politik yang sepatutnya penting dalam mentadbir dan memajukan rakyat tidak dipedulikan lantaran sikap tamak telah menguasai diri mereka. Keadaan ini dipaparkan dalam penulisan beliau melalui kenyataan “*However, it is the way that ,khianat” works which terrorizes the soul of the tormentor and his victims aline. Politics is supposed to be noble but power seems to have survived on the forces of ,khianat’*”.³⁹

Berbicara tentang sifat khianat, hasad dengki dan iri hati, ia bukanlah suatu budaya yang telah sedia wujud dalam masyarakat Melayu. Hal ini jelas daripada kenyataan Hassan Ahmad bahawa konsep budaya tidak maju seperti budaya hasad dengki, iri hati dan fitnah adalah budaya yang direka dan dicipta oleh orang yang tidak mengerti minda bangsa Melayu.⁴⁰ Hal ini menjelaskan kepada kita bahawa sikap khianat tidak wujud dalam kamus budaya orang Melayu tetapi diwujudkan atas desakan kuasa sebagaimana yang cuba dijelaskan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu kuasa menjadikan politik sesuatu yang buruk dan jahat. Hal ini dapat dijelaskan apabila Rang Undang-undang penyerahan Sarawak telah diluluskan oleh Majlis Negeri apabila kemenangan berpihak kepada kelompok yang menyokong penyerahan yang terdiri daripada pegawai Eropah dan wakil kaum Cina.

³⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, hlm. 266-267.

³⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 28.

³⁹ *Ibid.*, hlm. 28.

⁴⁰ Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*, hlm. 159-160.

Sokongan yang diberikan oleh beberapa kelompok pembesar Melayu Sarawak yang diketuai oleh Datu Pahlawan dan Abang Haji Abdul Rahim dapat dilihat sebagai satu desakan ketika itu demi kelangsungan kuasa yang mereka miliki.⁴¹ Menurut Liang Kim Bang, sekiranya orang Eropah tidak turut serta dalam pengundian tersebut sudah tentu penyerahan Sarawak kepada kuasa British tidak akan berlaku.⁴² Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa sikap khianat merupakan sikap yang tidak ada dalam diri orang Melayu kerana sudah tertanam dalam diri mereka nilai yang baik sejak turun temurun. Perkara inilah yang dikatakan oleh Abang Yusuf Puteh tentang khianat yang sepatutnya tidak ada dalam politik orang Melayu tetapi wujud atas desakan kuasa. Sekiranya nilai ini tidak dikikis sudah pastinya akan terus membawa masyarakat ke arah kemunduran dan mengekang orang Melayu daripada mencapai kemajuan seterusnya.

NILAI MASYARAKAT MELAYU PESISIR

Masyarakat Melayu Sarawak kaya dengan nilai-nilai tradisi yang bertapak kukuh dalam diri mereka. Nilai-nilai ini penting dalam kehidupan mereka sebagai sebuah masyarakat yang berteraskan Islam sebagai pegangan ukhrawi. Walaupun pada asasnya, nilai yang diamalkan dalam masyarakat ini berbentuk positif namun perlu untuk dilakukan transformasi yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Di samping itu, nilai yang mampu memperkasakan orang Melayu hendaklah dikekalkan supaya terus dimartabatkan. Hal ini demikian kerana terdapat nilai yang dituntut dalam agama beransur-ansur mengalami kepupusan. Oleh itu, Abang Yusuf Puteh menyuarakan kebimbangannya berkaitan fenomena ini yang boleh mengakibatkan masyarakat Melayu Sarawak akan kehilangan khazanah nilai dalam diri mereka yang sepatutnya terus disuburkan. Seterusnya, pada masa

⁴¹ Lihat, Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British, 1946-1963*, hlm. 52.

⁴² Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, Department of History University of Singapore, 1964, hlm. 8.

yang sama terdapat beberapa nilai yang perlu untuk dilakukan transformasi yang bersesuaian dengan zaman.

Transformasi Nilai Positif untuk Jati Diri

Pemikiran budaya yang ditunjukkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya ialah berkaitan nilai taat dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak sebagai salah satu nilai dalam kehidupan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa nilai taat ataupun setia menjadi ciri budaya yang penting dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan telah diamalkan sejak zaman berzaman. Malah menurut Margaret Brooke, orang Melayu Sarawak merupakan kawan yang sangat jujur, setia dan tidak melakukan khianat dalam persahabatan.⁴³ Walau bagaimanapun, perkara yang menimbulkan keresahan beliau ialah hilangnya nilai taat dalam kalangan masyarakat Melayu akibat pengaruh mementingkan diri sendiri.⁴⁴

Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh turut melontarkan teguran terhadap nilai kesetiaan dan rasa hormat yang telah mula luntur dalam masyarakat Melayu Sarawak. Pada dasarnya nilai kesetiaan dan rasa hormat merupakan nilai positif yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Nilai ini telah diamalkan sejak turun-temurun oleh masyarakat Melayu di Sarawak sejak zaman kesultanan Brunei, ketika zaman pentadbiran dinasti Brooke, seterusnya beralih pada zaman British dan ketika penaklukan

⁴³ Lihat, M. Brooke, *My Life in Sarawak*, hlm. 16. Kesetiaan yang teguh dalam diri orang Melayu Sarawak sebagaimana digambarkan oleh Malcom MacDonald, iaitu orang Melayu Sarawak setia kepada Brooke sehingga sanggup membentangkan poster bagi menunjukkan sokongan padu terhadap pemerintahan Brooke dan menentang penyerahan Sarawak kepada Koloni British. Rujuk, M. MacDonald, *Borneo People*, hlm. 347-352. Orang Melayu Sarawak mempunyai jiwa menjunjung tinggi orang lain dan benci kepada pengkhianatan. Lebih-lebih lagi apabila berlaku terhadap bangsa dan negara. Lihat, Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, *Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik*, dlm Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, 26-27 November 2013, hlm. 1100.

⁴⁴ Abang Yusuf Puteh menjelaskan masyarakat Melayu Sarawak pada asasnya mempunyai nilai taat iaitu kesetiaan. Terutamanya tanggungjawab kepada orang tua. Begitu juga kesetiaan digunapakai dalam hidup bermasyarakat. Namun bagi beliau nilai taat atau kesetiaan itu telah semakin hilang dan berubah. Seolah-olah terdapat harganya yang tersendiri. Lihat, Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 20.

Jepun.⁴⁵ Menurut Abang Yusuf Puteh, semangat jati diri yang sedia ada dalam diri masyarakat ini perlu dipertahankan terutamanya aspek kesetiaan dan rasa hormat kepada golongan tua dan pemimpin negara walaupun menghadapi perubahan zaman. Namun hal ini tidak berlaku dalam masyarakat Melayu terhadap pemimpin Melayu sendiri sebaliknya rasa hormat lebih diberikan kepada pegawai British. Atas dasar itu, beliau menuntut masyarakat Melayu Sarawak melakukan transformasi supaya nilai kesetiaan dan rasa hormat perlu diberikan kepada mereka yang layak dan bukannya kepada penjajah. Ini dapat dinyatakan melalui misalan yang dilihat dalam peristiwa seorang pegawai di Sarawak ketika mendapat panggilan telefon daripada seorang pegawai kolonial seperti berikut:

Even when his superior was not physically present, and far away, to the Native Officer's mind he was as good as right in front of him. It must be stressed, to highlight the point, that he stood up while talking. This true story, vouched as true, is of course not funny but certainly very interesting. It reflected the Malay character at that period which was of course fully exploited by the colonial masters.⁴⁶

Situasi di atas menggambarkan bahawa inilah watak dan sifat sebenar orang Melayu Sarawak yang dieksploitasi sepenuhnya oleh kuasa British pada zaman tersebut. Peristiwa ini turut memberikan gambaran seolah-olah orang Melayu Sarawak telah kehilangan semangat jati diri sehingga sanggup tunduk kepada orang luar lebih-lebih lagi kolonial seperti Brooke, British dan Jepun.⁴⁷ Malah beliau menggambarkan ketaatan, kehormatan dan kesetiaan seperti ini sebagai *ta'at* atau *takut paloi (takut bodoh)*.⁴⁸ Oleh itu, beliau

⁴⁵ Abang Ahmad Urai mengatakan kesetiaan merupakan salah satu elemen penting orang Melayu Sarawak. Oleh sebab yang demikian kata beliau, orang Melayu Sarawak menumpahkan kesetiaan kepada sesiapa sahaja pemimpin mereka seperti Brooke, malah pada zaman Jepun sekalipun. Beliau turut menjelaskan bahawa bukan sikap orang Melayu Sarawak untuk memberontak dan kesetiaan adalah darah taat setia orang Melayu. Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden (Mantan Ahli Politik dan Tokoh Melayu Sarawak) di rumahnya di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014. Margaret Brooke menjelaskan orang Melayu Sarawak dikatakan sebagai kawan yang sangat jujur, setia dan tidak mengkhianati dalam persahabatan, lihat, M. Brooke, *My Life in Sarawak*, hlm. 16, dan Orang-orang Melayu Sarawak yang masih setia kepada Brooke sanggup membentangkan poster seperti „No Cession“, „Sarawak Natives Want the Rajah Muda“ dan „We Want Brooke, not Bureaucracy“ bagi menunjukkan sokongan padu terhadap pemerintahan Brooke dan menentang penyerahan Sarawak kepada Koloni British, rujuk, M. MacDonald, *Borneo People*, hlm. 347-352.

⁴⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 38.

⁴⁷ Kuasa-kuasa yang pernah bertapak di Sarawak.

⁴⁸ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 38 & 47.

menyeru agar transformasi dalam konteks kesetiaan dan rasa hormat ini harus dilakukan oleh masyarakat Melayu Sarawak kepada pihak yang sewajarnya. Antaranya kepada pemimpin yang adil dan bukannya diberikan kepada pemimpin yang tidak layak

Perubahan Seiring Perkembangan Teknologi

Seterusnya, nilai yang perlu dilakukan perubahan adalah perasaan takut yang ditanam dalam kehidupan kanak-kanak Melayu Sarawak sejak kecil lagi sehingga berterusan mencengkam jiwa mereka.⁴⁹ Kanak-kanak ditakutkan dengan pelbagai cerita yang membantutkan perkembangan dan keinginan untuk meneroka sesuatu yang baharu. Sebagai contoh cerita-cerita hantu yang sengaja direka agar menakutkan kanak-kanak tersebut sehingga menjadikan mereka tidak berani untuk menghadapi dunia luar yang semakin mencabar. Hal ini sudah tentu akan membunuh peluang kanak-kanak tersebut untuk memajukan minda mereka yang semakin berkembang. Selain itu, keberanian yang sememangnya identiti kanak-kanak untuk melakukan sesuatu yang baharu akan lenyap begitu sahaja. Hal ini mengakibatkan proses pemikiran kanak-kanak yang sangat penting untuk perkembangan diri mereka turut akan terkesan. Oleh itu, cerita-cerita yang mempunyai unsur untuk menakut-nakutkan yang berbentuk negatif perlu dilakukan perubahan supaya dapat membentuk sifat positif dalam kalangan kanak-kanak tersebut.⁵⁰

Hal ini digambarkan sebagaimana ungkapan beliau, iaitu:

*Then the child would be told stories about ghosts and devils mainly as a form of instilling fear. It is intended be a form of psychological break to restrain the child from adventure, mischief etc. the intention is noble but the consequences are disastrous.*⁵¹

⁴⁹ Ibid., hlm. 20-21.

⁵⁰ Ibid., hlm, 20-21. Kanak-kanak seharusnya diajar untuk hormat dan patuh kepada Allah dan bukannya takut. Pengajarannya baik tetapi menimbulkan unsur negatif kepada kehidupan kanak-kanak.

⁵¹ Ibid., hlm. 20.

Tindakan yang sedemikian selain memberikan kesan buruk kepada kanak-kanak turut mengakibatkan kesan psikologi yang berpanjangan kepada mereka. Kanak-kanak menjadi pasif dalam menjalani kehidupan malah mengganggu proses pembelajaran yang sepatutnya berlaku. Sepatutnya, generasi tua memberikan galakan semangat kepada anak-anak mereka berdikari untuk melakukan sesuatu baharu yang akan membentuk sahsiah unggul pada masa hadapan. Namun terkesan daripada nilai yang telah tertanam dalam diri sejak bergenerasi mengakibatkan ianya berterusan berlaku sekiranya tidak dilakukan sebarang perubahan.

Di samping itu, Abang Yusuf Puteh turut menyatakan ketidaksetujuannya terhadap penggunaan perkataan „takutlah kamu akan Allah“ oleh khatib ketika khutbah jumaat dibacakan. Beliau berpendapat penekanan perkataan takut kepada sesuatu boleh mengakibatkan pemikiran terbantut untuk melakukan sesuatu perkara walaupun sesuatu yang bermanfaat. Hal ini sebagaimana dinyatakan beliau, iaitu:

The element of „takut“ has for generations assumed a crucial role in moulding the mind and character of the Malays, in the wrong way. In the old days a Malay child was brought up in an atmosphere of fear in almost every aspect of his life. Most fundamentally dangerous was the invocation by the „Lebai“ to „takutilah Allah“ = fear ye God. The operative word is fear, not love or respect, or obey, but fear.⁵²

I recall as a child the „khutbah“ = Friday prayer sermons, in the Mosque of Saratok which traditionally began with this invocation: „takutilah kamu akan Allah = fear ye God. It is always fear. Always „takut“ this and „takut“ that⁵³

Perkataan „takut“ tidak sesuai kerana hanya akan memberikan gambaran kepada ketakutan semata-mata. Sedangkan pada pandangan Abang Yusuf Puteh, perkataan yang lebih sesuai untuk digunakan ialah perkataan „taqwa“ yang lebih tepat untuk

⁵²Ibid., hlm. 20.

⁵³Ibid., hlm. 47.

menggambarkan ketaatan hanya kepada Sang Pencipta, iaitu Allah SWT. Ini ditunjukkan beliau melalui penulisannya, iaitu *“The current usage of „Taqwa” is more appropriate, which incorporates the elements of faith, obedience, love and respect for God.*⁵⁴

Selain itu, kanak-kanak turut dididik dengan tidak dibenarkan sama sekali untuk memberikan soalan ketika berada di dalam kelas sama ada kelas secara formal atau pun tidak, iaitu kelas agama ataupun berkaitan dengan teguran atau tindakan orang tua. Situasi ini dikaitkan dengan amalan yang kurang sopan sekiranya dilakukan oleh kanak-kanak atau pelajar. Akibat daripada tindakan ini sudah tentu membantutkan perkembangan minda kanak-kanak tersebut untuk berfikir secara aktif. Ini sebagaimana dipancarkan dalam penulisannya, *“He was not even allowed to ask questions either at school or at village religious class. It was considered wrong and ill-mannered to do so.*⁵⁵

Menurut Abang Yusuf Puteh lagi, dunia politik turut diresapi dengan rasa takut dewasa ini dalam pelbagai bentuk dan gaya. Situasi ini telah mengakibatkan politik tidak berkembang malah berada dalam keadaan yang statik dan tidak wujudnya keseimbangan dalam pentadbiran. Suara rakyat tidak didengari lantaran takut untuk bersuara atau untuk menyampaikan ketidakpuasan hati masing-masing kepada pihak yang berwajib. Selain itu, ketakutan yang menyelubungi jiwa mereka juga disebabkan takut akan kehilangan sokongan, kuasa dan kekayaan yang dimiliki. Begitu juga ada yang takut kehilangan akan nikmat dan naungan yang telah mereka peroleh selama ini. Seheingakan ketakutan ini telah menghilangkan persaudaraan apabila takut untuk menziarahi saudara mara yang berlainan pegangan politik dan sebagainya.⁵⁶ Hal ini sebagaimana yang dinyatakannya :

Even Government officers are afraid to be seen in the company of opposition members for fear of being reported to the authorities. It

⁵⁴Ibid., hlm. 47.

⁵⁵Ibid., hlm. 21.

⁵⁶ Ibid., hlm. 21.

*happened in Saratok during the festive „Hari Raya“ when I was a Dewan Undangan Negeri Member for Kalaka.*⁵⁷

Situasi tersebut tidak seharusnya berlaku dalam kalangan masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan adat tradisi yang menjunjung tinggi hubungan silaturahim. Atas kesedaran itu, maka beliau turut menyuarakan kebimbangannya berkenaan perkara tersebut dalam dewan persidangan ketika berlangsungnya persidangan DUN Sarawak bagi penggal pertama pada 9 Julai 1987. Abang Yusuf Puteh melontarkan teguran supaya pihak-pihak tertentu mengenyepikan soal peribadi demi rakyat lebih-lebih lagi masyarakat Melayu telah mula berpecah sehingga sanggup memulaukan majlis saudara sendiri seperti upacara pengebumian dan perkahwinan. Malah keadaan bertambah parah dan malang apabila hubungan persaudaraan sanggup diputuskan atas alasan yang disifatkan oleh Abang Yusuf Puteh sebagai „*partisan loyalties*“:⁵⁸ Teguran beliau dapat diperlihatkan sebagaimana yang dirangkumkan dalam Penyata Rasmi Persidangan DUN, iaitu: *“Above all let us not be carried away by personal prejudices or personal hatred. In politics, let us become or let us be political foes but let us not become personal enemies”*.⁵⁹

Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab ini atas alasan „*partisan loyalties*“ ini dapat dibuktikan apabila kepimpinan negeri Sarawak telah bertindak dengan menamatkan perkhidmatan lebih 200 orang pekerja di *Sarawak Motor Industries* (SMI) atas alasan desakan ekonomi. Menurut Datuk Hafsa Harun (mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak), tindakan kepimpinan negeri bukan atas desakan ekonomi tetapi disebabkan kepentingan politik peribadi mereka, lebih-lebih lagi sebahagian saham SMI dimiliki oleh keluarga Rahman Yaakub, iaitu Presiden PERMAS. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan dengan pihak pembangkang walau dalam apa

⁵⁷ Ibid., hlm. 21.

⁵⁸ Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, Kuching, 09 Julai 1987, hlm. 103.

⁵⁹ Ibid., hlm. 103.

jua bentuk hubungan akan menerima kesannya. Datuk Hafsah Harun turut menyatakan rasa simpatinya terhadap mangsa politik peribadi ini kerana hal tersebut bukan sahaja menghancurkan masa depan pekerja tetapi akan menambahkan kesengsaraan kepada keluarga mereka.⁶⁰ Oleh yang demikian, tindakan seperti ini jelas menunjukkan masyarakat Melayu Sarawak terus terbelenggu dengan nilai yang tidak sepatutnya wujud dalam kalangan mereka.

Pengekalan Nilai Positif untuk Kemakmuran

Seterusnya, beliau memuji semangat anggota masyarakat yang begitu prihatin dan saling membantu antara satu sama lain terutamanya ketika memastikan kelancaran sesebuah majlis. Antaranya, majlis keramaian, kematian dan acara-acara yang memerlukan mereka untuk bergotong royong atau *berdurok*. Ini adalah contoh nilai tradisional yang positif dan perlu dikekalkan demi kemakmuran hidup dalam bermasyarakat seperti di kampung dan desa. Kewujudan nilai ini sebagaimana ungkapan beliau, iaitu “*Another good example is the traditional practice of „berdurok“, known formally in the Malay language as „gotong royong“ which means a joint effort by the community*”.⁶¹

Orang-orang Melayu sepatutnya mengekalkan sesuatu nilai yang positif dan bukannya dilupa serta dipinggirkan. Pengamalan nilai yang positif seperti *berdurok* mampu untuk mendidik pemikiran positif generasi seterusnya ke arah yang lebih baik. Pandangan Abang Yusuf Puteh tentang kepentingan pengekalan dan pengamalan nilai yang positif ternyata senada dengan Hassan Ahmad.⁶² Hal ini demikian kerana tidak perlu untuk mengubah minda Melayu tetapi perkara yang perlu dilakukan adalah dengan mendidik orang Melayu untuk mengamalkan nilai Melayu-Islam yang sedia ada supaya dapat mengekal dan

⁶⁰ Lihat, *Sarawak Tribune*, 16 Mac 1987, hlm.1.

⁶¹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 26

⁶² Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*, hlm. 166.

meneruskan nilai yang positif dan bukannya negatif. Bahkan, nilai *berdurok* merupakan nilai penyatuan kepada keluarga dan masyarakat di sesebuah daerah atau kampung. Situasi ini akan menyemai sikap bekerjasama antara satu lain dan sudah pasti mampu untuk mewujudkan semangat muhibbah termasuklah hubungan yang mesra dalam kalangan anggota masyarakat. Kerjasama dalam kalangan masyarakat Melayu memang telah berlangsung sejak dulu lagi dan terpancar melalui peribahasa “ringan sama dijinjing, berat sama dipikul” dan “hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah”. Semua peribahasa ini melambangkan nilai positif yang ada dalam diri masyarakat Melayu. Abang Yusuf Puteh juga turut mengatakan nilai *berdurok* ini merupakan nilai yang mampu menjadi senjata yang kuat bagi memusnahkan musuh-musuh yang boleh mengancam kemakmuran dan kesejahteraan anggota masyarakat. Musuh yang dimaksudkan adalah perpecahan, mementingkan diri sendiri dan tidak hormat kepada orang lain. Terpancar daripada kepentingan nilai *berdurok* ini juga ialah lahirnya nilai kerjasama, perpaduan, muhibbah dan nilai-nilai positif yang lain dalam masyarakat Melayu Sarawak. Oleh yang demikian, nilai ini sepatutnya masih kekal dalam diri orang Melayu.⁶³

Abang Yusuf Puteh berasa kecewa apabila nilai ini mula terhakis dan hilang dalam arus modenisasi dewasa ini. Beliau meluahkan kekecewaannya dengan sikap masyarakat Melayu Sarawak yang tidak mempertahankan nilai ini malah mementingkan diri sendiri sehingga semangat individualistik diangkat menjadi raja dalam masyarakat. Sikap sukarela tidak lagi wujud tetapi semuanya ada harga yang harus dibayar. Hal ini menunjukkan nilai wang ternyata lebih tinggi harganya daripada warisan bangsa yang seharusnya dipertahan

⁶³ Abang Ahmad Urai menjelaskan orang Melayu Sarawak mempunyai 4 elemen utama yang menjadi pegangan mereka iaitu agama, kesetiaan, budaya dan perpaduan. Inilah elemen-elemen penting orang Melayu Sarawak yang memungkinan mereka menjadi satu bangsa dan masyarakat yang digeruni dan dihormati oleh masyarakat lain sama ada ketika pentadbiran kesultanan Brunei, Dinasti Brooke, Jepun dan koloni British. Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden (Mantan Ahli Politik dan Tokoh Melayu Sarawak) di kediaman beliau di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

dan dikekalkan.⁶⁴ Kekecewaan beliau akibat terhakisnya nilai *berdurok* ini ada asasnya sebagaimana dijelaskan :

*Unfortunately this, too, is a dying culture especially among the farming community. „Berdurok“ can bring the community together in goodwill and co-operation and can be powerful weapon to destroy enmity and disunity in the villages. Now it is being replaced by paid labour in the farms etc. which has a price tag.*⁶⁵

Seterusnya, nilai positif lain yang perlu dikekalkan dalam masyarakat Melayu Sarawak pada pandangan beliau ialah nilai penghargaan terhadap karya sastera. Nilai ini terjelma daripada penghayatan terhadap cerita-cerita rakyat yang kaya dengan kisah-kisah dongeng dan peristiwa-peristiwa bersejarah yang dapat memberikan motivasi kepada masyarakat. Nilai ini sangat disanjung tinggi oleh beliau sebagai satu bentuk nilai positif yang berguna kepada masyarakat. Cerita-cerita ini menggalakkan masyarakat untuk berfikir ke arah yang positif dan memberikan motivasi kepada mereka untuk melakukan perkara yang terbaik dalam kehidupan. Hal ini sebagaimana ungkapan beliau, iaitu:

*On the good side, the Malay village folklores are rich in fairy tales and historical events of great importance as encouragement and motivation to do well in this world. During my primary education in Saratok, there were text books on Malay literature in our school with heroes who portrayed great strength of mind and courage. This could be highlighted and be given positive interpretations to suit the changing times.*⁶⁶

Nilai penghargaan terhadap karya sastera ini ternyata memberikan impak yang positif kepada masyarakat. Lebih-lebih lagi karya-karya sastera orang Melayu seperti Hang Tuah, Wan Pok, Wan Malini dan Tun Fatimah yang seringkali menonjolkan nilai murni dalam setiap watak dan jalan ceritanya.⁶⁷ Watak-watak pahlawan berperanan sebagai idola yang

⁶⁴ Dalam penulisan Siddiq Fadzil menegaskan tiada lagi amalan sukarela dan sesuatu secara percuma dalam kalangan masyarakat Melayu. Nilai luhur tradisi bangsa seperti amalan gotong royong, tolong menolong, telah hilang lantaran pemikiran gagal menahan serangan dan rempuhan nilai asing globalisasi. Lihat, Siddiq Fadzil, Menatap Wajah: Citra Melayu dalam Sejarah, dlm *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, hlm. 11.

⁶⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 26.

⁶⁶ *Ibid.*, hlm. 28.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 28.

mampu memberikan kekuatan dan kekentalan dalam menghadapi sebarang cabaran yang mendatang. Situasi ini dapat menjadi motivasi yang berguna kepada masyarakat terutamanya para pelajar sebagai penyambung warisan bangsa.

Nilai *berdurok* mampu mengikat kesepakatan dalam masyarakat manakala nilai penghargaan terhadap karya sastera berupaya untuk memberikan pengajaran yang berguna kepada anggota masyarakat dan amat penting untuk dikekalkan agar terus hidup demi kemakmuran yang perlu dinikmati.

KRITIKAN TERHADAP SIKAP MELAYU PESISIR

Menurut Abang Yusuf Puteh, *ondor rarat* menjadi punca kepada kekecamukan pemahaman orang Melayu terhadap sesuatu sikap yang positif. Mereka gagal membezakan kebaikan dan keburukan, malah lebih mengenali kelemahan daripada kekuatan. Abang Yusuf Puteh mentakrifkan *ondor rarat* sebagai pemikiran yang terpesong dan menjurus serta lebih cenderung kepada aspek negatif semata-mata.⁶⁸ Beliau menyifatkan sikap *ondor rarat* orang Melayu Sarawak yang tidak mempunyai pendirian, dibelenggu ketakutan, kekecewaan, kegagalan dan tidak mempunyai masa depan menyebabkan mereka tidak mampu untuk mencapai perubahan yang lebih membanggakan.⁶⁹

Adunan daripada kesukaran kehidupan dengan anggapan negatif dalam pemikiran telah membawa kepada sikap negatif yang terus mengekalkan kemunduran dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Pemikiran negatif orang-orang Melayu telah melemahkan mereka dalam pelbagai aspek seperti kerohanian, sosial, politik dan ekonomi. Walaupun orang-orang Melayu Sarawak pada hakikatnya menjadikan agama dan adat sebagai asas kehidupan dan pemikiran mereka namun kesan daripada sikap *ondor rarat* ini telah

⁶⁸ Ibid., hlm. 11.

⁶⁹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 252.

melahirkan konflik yang mengganggu sistem kehidupan mereka.⁷⁰ Atas kesedaran ini, golongan pemimpin baharu yang bakal menerajui kepimpinan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya perlu untuk membawa perubahan, memimpin dengan penuh kejujuran dan menghapuskan sikap negatif yang terus menjadi parasit dalam kehidupan orang Melayu untuk melakukan perubahan yang positif. Saranan turut dilaungkan kepada pucuk kepimpinan Melayu yang ada pada hari ini agar mempunyai wawasan yang jauh untuk membangunkan orang-orang Melayu Sarawak daripada terus dibelenggu sikap negatif ini.⁷¹

SIKAP YANG MENGEKANG KEMAJUAN MINDA

Dalam konteks ini, terdapat lima sikap yang mengekang kemajuan minda yang telah digariskan oleh Abang Yusuf Puteh terhadap masyarakat Melayu Sarawak, iaitu pasrah pada nasib, malu tidak bertempat, sukar menerima perubahan, tiada keyakinan diri dan goyah atau tiada pendirian. Sikap-sikap ini lahir kesan daripada pemikiran negatif yang terus mengawal tindak tanduk mereka untuk berubah ke arah yang lebih baik. Sekiranya tidak wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak maka sudah pasti kemajuan akan semakin jauh daripada mereka. Walaupun pada hakikatnya terdapat sedikit perubahan khususnya dalam aspek ekonomi namun kemajuan ini masih jauh berbeza jika dibandingkan dengan penguasaan ekonomi oleh kaum lain terutamanya masyarakat Cina. Beliau menyedari bahawa perjuangan yang berterusan dan peranan pihak-pihak tertentu perlu untuk melakukan sesuatu yang boleh memantapkan kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu Sarawak.

⁷⁰ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 11.

⁷¹ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 253.

Pasrah kepada nasib

Kejelikan sikap ini dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak turut diluahkan oleh pendeta Za'ba dalam penulisannya. Kekecewaan Za'ba terhadap sikap menyerah diri kepada nasib mengakibatkan orang-orang Melayu lupa untuk berusaha bagi mengubah kehidupan mereka. Nada yang sama turut disajikan oleh Abang Yusuf Puteh tentang sikap orang-orang Melayu di Sarawak, iaitu pasrah kepada nasib. Walaupun sikap ini sering kali ditegur dalam kalangan cendekiawan namun sikap pasrah kepada nasib masih tetap menjadi pegangan dalam masyarakat Melayu Sarawak. Bahkan, orang Melayu Sarawak sering menyalahkan nasib atas kegagalan dan kemiskinan yang dialami. Hal ini bermaksud kemiskinan dan kesukaran kehidupan yang melanda mereka merupakan nasib yang telah ditentukan oleh takdir.

Bagi orang Melayu Sarawak, berusaha bukanlah jalannya tetapi cukup sekadar menyerahkan diri kepada takdir yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Sikap menerima takdir dengan reda merupakan jalan yang terbaik dan perlu diterima seadanya. Mereka juga mempercayai bahawa takdir yang telah tertulis dan ditetapkan hendaklah diterima serta tiada gunanya untuk melakukan sesuatu yang sudah pasti sia-sia walaupun berusaha sekuat mana sekalipun. Hal ini jelas dengan penyataannya:

The Malay mind is obsessed with the word „takdir“, so much so that it inhibits his outlook on and in life. He is quick to blame fate for failures or his poor economic conditions. Blame may not be a fully appropriate word but he readily accepts fate for his state in life. „Takdr“ is pf course one of the fundamental principles of Islam, to which the Muslims must subscribe. However ot is the way the Malays have been made to understand and believe in it that must be reviewed and remedied with urgency.⁷²

⁷² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 14.

*Subconsciously he argues that since his fate has been sealed it therefore does not matter what he does, it is futile to do more.*⁷³

Jika diperhatikan, orang-orang Melayu sering terkeliru dengan hakikat takdir dan nasib. Mereka bertaklid kepada nasib sehingga lupa akan takdir dan ketentuan daripada Allah ada sebab dan musababnya, ada hikmah yang berlaku. Akibat daripada iktikad yang membuta tuli ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk melakukan perubahan atau pembaharuan dalam kehidupan. Anggapan bahawa sesuatu itu telah ditentukan menjadi alasan kepada mereka untuk tidak berusaha setelah menemui kegagalan. Hakikat kepada iktikad nasib yang menjadi pegangan orang-orang Melayu turut disentuh dan dikritik dengan panjang lebar oleh Za'ba, bahkan turut menjadi manhaj orang-orang Melayu Sarawak dalam kehidupan seharian mereka. Abang Yusuf Puteh turut menegaskan sebagaimana juga Za'ba tentang kewujudan fahaman mazhab Jabariah yang memberikan kesan kepada iktikad nasib, merosak dan meninggalkan kekeliruan secara berterusan terhadap pemikiran masyarakat Melayu secara khususnya. Perkara ini sebagaimana yang ditegaskan Za'ba bahawa iktikad sedemikian lebih cenderung ke arah menawarkan segala hemah dan cita-cita yang inginkan kemajuan dan tidak perlu untuk berusaha gigih untuk mencapai impian.⁷⁴ Ini bermakna iktikad tersebut dengan jelas membunuh keinginan orang-orang Melayu untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Hal ini menyebabkan timbulnya kekeliruan dalam kalangan orang-orang Melayu sehingga sering menyamakan takdir dan nasib. Walhal, kedua-duanya mempunyai pengertian yang berbeza sekiranya diperhalusi dan dikaji. Pandangan Za'ba ternyata memberikan kesan yang besar kepada Abang Yusuf Puteh dalam berjuang untuk menyedar dan membangunkan minda masyarakat Melayu Sarawak supaya tidak menyerah tanpa

⁷³ Ibid., hlm. 15.

⁷⁴ Zainal Abidin bin Ahmad, *Falsafah Takdir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 61.

berhenti berusaha atau berputus asa. Penegasan ini jelas menerusi Kalamullah “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib yang ada pada sesuatu kaum (buruk atau baik) sehinggalah mereka sendiri yang mengubah keadaan yang ada pada diri mereka”.⁷⁵ Seterusnya, bangkit daripada kesukaran, kemiskinan dan kemunduran yang seolah-olah terus menjadi badi masyarakat Melayu. Menurut Nordi, seandainya Za’ba masih hidup pada masa sekarang, beliau yakin akan menangi nasib malang yang terus menghantui dan membelenggu orang-orang Melayu dewasa ini.⁷⁶ Berdasarkan daripada teguran Abang Yusuf Puteh kepada sikap ini, beliau ingin menyeru kepada masyarakat Melayu Sarawak supaya terus berusaha untuk mengubah nasib mereka dan bukannya semata-mata menyerahkan diri kepada nasib. Sebagaimana peribahasa Melayu, kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Seterusnya sikap „tidak apa” yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Dalam hal ini dijelaskan bahawa budaya „tidak apa” ini sebenarnya melambangkan karakter orang Melayu Sarawak yang menunjukkan sifat berlembut, berkompromi, toleransi atau lebih tepat menggambarkan tidak kisah dengan apa yang berlaku. Budaya ini ternyata mempunyai pertalian dengan aspek agama yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak, iaitu menerima semua keputusan yang telah ditetapkan atau diistilahkan sebagai takdir.⁷⁷ Hal ini sebagaimana pernyataan beliau, iaitu *“If we were to trace the root-cause of „tidak apa” it could well lead us to „takdir”: who worry, everything is predetermined”*.⁷⁸

Seterusnya, sikap yang menggambarkan budaya mudah atau cepat mengaku kalah masyarakat Melayu Sarawak ialah menerusi tanggapan salah mereka terhadap konsep tawakal. Bagi orang Melayu Sarawak konsep tawakal adalah berbentuk negatif, iaitu seolah-olah tidak ada jalan lain lagi untuk mengubah sesuatu seandainya mereka gagal

⁷⁵ Rujuk, al-Quran, Surah ar-Ra’du: 12.

⁷⁶ Nordi Achie, *Pemikiran Za’ba Dalam „Falsafah Takdir”* (1932), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2006, hlm. 60.

⁷⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 21-22.

⁷⁸ Ibid., hlm.22.

untuk kali pertama. Hal ini akhirnya membawa kepada konsep berserah, iaitu menyerahkan diri tanpa usaha yang berterusan.⁷⁹ Konsep tawakal bagi orang Melayu di Sarawak adalah menyerah secara membuta tuli, menyerah keseluruhan pada nasib dan bagi mereka seandainya memperoleh kejayaan itu merupakan satu kepuasan tetapi tidak mengapa sekiranya gagal.⁸⁰ Ini ditegaskan Abang Yusuf Puteh dalam *The Malay Mind*, iaitu:

The crucial problem with the Malays is that so much blind submission to fate, hopelessness in hoping and last resort in efforts. „Tawakal“, to the Sarawak Malay mind, is negative, lacking in plan and hope. It is a total misconception of „tawakl“ in Islam which is positive. A mind guided by the Sarawak“sversion of „tawakal“ for cure in illness, or for success in business etc. cannot possibly be inspiring.⁸¹

Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Sarawak seolah-olah menyerahkan sesuatu secara bulat-bulat tanpa melakukan tindakan susulan terhadap sesuatu perkara. Tidak berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupan malah tidak menunjukkan semangat untuk berdaya saing bagi mencapai kemajuan. Istilah „cukup makan“ menjadi prinsip yang sukar untuk dikikis lantaran telah ditanam dan sebatikan dalam diri mereka sejak turun temurun. Akhirnya, mereka terus berada di takuk lama tanpa sebarang perubahan seiring dengan arus permodenan. Ini sudah tentu bertentangan dengan konsep yang sebenarnya, iaitu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu kemudian terserah kepada rezeki yang diperoleh disertakan dengan iringan doa kepada Sang Pencipta. Semangat untuk berusaha terus dilakukan tanpa berputus asa sekiranya belum lagi beroleh kejayaan. Pegangan yang salah terhadap konsep tawakal mengakibatkan masyarakat Melayu Sarawak sukar untuk keluar dari belenggu kemiskinan dan terus berada di belakang kaum-kaum yang lain.

⁷⁹ Ibid., hlm.20.

⁸⁰ Ibid., hlm.19-20.

⁸¹ Ibid., hlm.20.

Malu Tidak Bertempat

Di samping itu, Abang Yusuf Puteh turut menegur sikap malu tidak bertempat masyarakat Melayu Sarawak. Malu untuk mengakui hakikat kemiskinan yang dilalui. Sikap malu yang menebal dalam diri untuk mengakui kesusahan dan kemiskinan dalam kehidupan menyebabkan masyarakat Melayu Sarawak sukar berubah untuk mencapai kemajuan. Ketiadaan usaha dalam menangani sikap malu yang tidak bertempat membawa kepada terbantutnya pembangunan diri dan keluarga untuk mencapai kemajuan dan kesenangan. Sikap malu tidak bertempat ini juga lantas menyukarkan perkembangan minda dalam diri mereka. Abang Yusuf Puteh mengkritik hebat sikap malu tidak bertempat ini disebabkan akan melahirkan sikap negatif yang lain seperti hipokrit dalam kehidupan mereka. Tambahan pula, sikap ini tidak akan mendatangkan sebarang keuntungan atau manfaat sebaliknya mendatangkan kemudaratan semata-mata. Ini sebagaimana yang dinyatakan beliau:

*... the Malays do not normally say what they think, and are basically secretive about their problems and plans. If you ask a Malay how he is, his answer is always „bagus“ or „baik“ followed by „Ahamdulillah“ = good, thanks be to God. If you ask him whether he has any problem, the answer is usually a shake of the head. He is generally not communicative. His tongue quite often lies to his brain”.*⁸²

Hakikat kehidupan orang-orang Melayu Sarawak mempunyai sikap malu tidak bertempat memaksa mereka untuk berlagak sepertimana orang lain. Hal ini sebagaimana dinyatakan Abang Yusuf Puteh tentang sepasang suami isteri yang berniaga kecil-kecilan di kedai milik seorang Cina dan mampu memperoleh pendapatan yang baik untuk menyara keluarga. Walau bagaimanapun, perkara yang menjadi kerisauan beliau ialah hasil pendapatan yang diperoleh kebanyakannya dihabiskan si isteri untuk berbelanja seperti

⁸² Ibid., hlm.32.

membeli pakaian yang mahal-mahal semata-mata untuk menunjukkan kemampuannya.⁸³ Abang Yusuf Puteh menegur sikap orang Melayu sedemikian kerana sikap ini akan berterusan sehingga menyebabkan mereka mewariskan kemunduran dan kemiskinan kepada generasi mereka yang akan datang.

Sukar Menerima Perubahan

Orang Melayu Sarawak terus ketinggalan dalam arus pembangunan perubahan sama ada fizikal mahu pun mental akibat dari sikap yang sukar menerima perubahan. Situasi ini bertambah rumit apabila kehidupan mereka yang tidak terdedah dengan dunia luar semakin meningkatkan lagi tahap kedinginan mereka untuk menerima kemajuan. Pada asasnya, minda yang tertutup ini ditegaskan Abang Yusuf Puteh terkesan daripada persekitaran budaya dan pencemaran politik supaya orang Melayu terus berada dalam kedunguan dan kejahilan demi kelangsungan cita-cita golongan pemimpin.⁸⁴ Keadaan ini sebagaimana dilontarkan dalam penulisannya, iaitu:

*A Malay mind is full of uncertainties and lacks directions. There may be several reasons for this. The first is their cultural environment which, until recently, fits the Malay proverb of a frog living under a coconut shell. When confronted with new ideas or problems he is pushed to the wall. He has no exposure or experience to fall back on. It manifests from the problem of eras in isolation. Secondly, the cultural influences which inhibit his ability to accommodate new ideas or new styles for progress. Thirdly, that thing called political pollution.*⁸⁵

Abang Yusuf Puteh percaya sikap sukar untuk melakukan perubahan terkesan daripada sikap pemimpin yang berterusan menutup tahap kesedaran dalam diri masyarakat. Golongan pemimpin memperlihatkan kebimbangan mereka akan wujudnya kesedaran dalam kalangan orang Melayu yang pasti akan memberikan ancaman kepada kedudukan

⁸³ Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*, hlm. 296.

⁸⁴ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 33.

⁸⁵ *Ibid.*, hlm. 33.

dan kuasa politik, ekonomi dan sosial mereka. Oleh hal yang sedemikian, masyarakat Melayu Sarawak perlu dihalang daripada membuka hijab yang menutupi pemikiran mereka selama ini. Keadaan tersebut mengakibatkan orang Melayu terus kekal dalam kehidupan yang menyedihkan dan daif. Sebarang bentuk perubahan walaupun berbentuk positif tidak akan memberikan sebarang kesan lantaran *ondor rarat* yang terus menguasai kotak minda mereka. Sikap orang Melayu ini diibaratkan oleh Abang Yusuf Puteh seperti katak di bawah tempurung lantaran tidak mengetahui perkembangan semasa yang berlaku sehinggakan mereka tidak berupaya untuk bergerak pantas sebagaimana kaum yang lain di Sarawak.

Tiada Keyakinan Diri

Masyarakat Melayu Sarawak merupakan bangsa yang terkenal dengan semangat jati diri yang kental dan digeruni oleh kaum-kaum lain sebelum penguasaan rejim Brooke pada tahun 1841. Kaum-kaum lain ketika itu mengiktiraf kepimpinan orang Melayu malah menghormati kedudukan orang Melayu dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.⁸⁶ Kenyataan tersebut jelas menyokong pernyataan Noboru Ishikawa yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu yang berjaya menguasai kebudayaan masyarakat setempat telah mendapat sokongan dan rasa hormat serta dikagumi kaum-kaum yang lain di Sarawak.⁸⁷ Hal ini telah mewujudkan golongan Melayu Sarawak yang kebanyakannya terdiri daripada golongan bangsawan perabangan dan keturunan mereka. Golongan ini akhirnya telah berjaya membentuk kumpulan sistem sosial sendiri dan dilindungi sepenuhnya oleh pemerintah rejim Brooke. Walaupun kedudukan orang Melayu masih kekal sebagai golongan pemimpin ketika rejim Brooke sehingga 1941, tetapi rejim Brooke telah berjaya

⁸⁶ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden (Mantan ahli politik dan Tokoh Melayu Sarawak) di rumahnya di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

⁸⁷ Noboru, Ishikawa, *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Shouthern Sarawak, Malaysia, 1870s -1990s*, hlm. 47-48

menanamkan sikap tiada keyakinan diri yang kental dalam kalangan orang Melayu. Hal ini terpancar melalui tindakan Brooke mengukuhkan lagi penguasaannya sebagai Raja Putih di Sarawak dengan cara mengekang penguasaan orang Melayu dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.⁸⁸ Sikap tiada keyakinan diri dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sebagaimana yang diungkapkan Abang Yusuf Puteh, iaitu:

*... the largely negative spiritual inputs, mainly that of fear. They become formidable forces in influencing his character and personality. To the western eyes, and even to the urban Malays who have been exposed to western outlook on life, a rural Malay may appear to be timid, indecisive and unable to make up his mind. His language and manners are over-respectful, as if constantly in fear.*⁸⁹

Sikap tiada keyakinan diri ini menyebabkan orang-orang Melayu Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar terus diracuni pemikiran mereka sehingga tidak mampu untuk melakukan perubahan. Abang Yusuf Puteh mengambil contoh akibat sikap yang tidak mempunyai keyakinan diri mengakibatkan masyarakat Melayu Sarawak seolah-olah terhalang untuk mengubah pucuk pimpinan sehinggakan penguasaan parti komponen BN di Sarawak terus berdiri kukuh.⁹⁰ Di samping itu, penyemaian sikap takut kepada „*pørentah*“ (kerajaan) telah membiakkan sikap tiada keyakinan diri orang-orang Melayu di Sarawak. Lanjutan daripada itu, orang Melayu takut untuk melakukan perubahan lantaran mewarisi pemikiran yang dikongkong sejak sekian lama. Impaknya, kemiskinan dan kemunduran terus menggelungi kehidupan orang Melayu Sarawak terutamanya masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

⁸⁸ Telah dibincangkan dengan lanjut dalam Bab Dua.

⁸⁹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 37-38.

⁹⁰ *Ibid.*, hlm. 38.

Goyah atau Tiada Pendirian

Berdasarkan pemerhatian Abang Yusuf Puteh, orang Melayu Sarawak turut bersikap tiada pendirian yang menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berjaya. Bahkan, sikap ini terus menjadi pegangan masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi terutamanya dalam membuat keputusan atas sesuatu perkara. Hal ini dapat dikaitkan kegagalan Kumpulan Maju untuk menguasai majoriti kerusi ketika Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak pada tahun 1987. Ketika kempen pilihan raya diadakan kemenangan sememangnya jelas akan berpihak kepada Kumpulan Maju yang diketuai oleh Rahman Yaakub. Hal ini dapat disaksikan dengan kumpulan penyokong yang banyak memihak kepada Kumpulan Maju ketika itu. Tambahan pula, banyak pihak yang sebelum ini berpihak kepada Parti BN meletak jawatan dan mengumumkan sokongan kepada Kumpulan Maju.⁹¹ Namun begitu, corak pengundi ternyata berubah akibat sikap goyah dan tiada pendirian terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan pesisir.

Jelas menunjukkan sikap goyah dan tiada pendirian mengakibatkan masyarakat Melayu Sarawak terlalu mudah untuk berubah sikap yang merugikan diri mereka sendiri. Sikap yang tidak mempunyai pendirian ini menyebabkan pemikiran mereka menjadi statik dan tidak berusaha untuk melakukan sebarang bentuk perubahan. Keadaan ini sekaligus menyebabkan kejayaan sukar untuk dicapai. Menurut Abang Yusuf Puteh terdapat dua faktor yang mendorong kepada berlakunya keadaan sedemikian. Hal ini sebagaimana yang dinyatakannya, iaitu:

Two factors have brought about the static of the Malay mind. The first is generations of isolation, imprisoned coconut shell. There was minimal communication with the outside world. For the rural Malays e.g. those in Kalaka, such places as Kuching, Miri, Sibuan and other towns in the state were only accessible by sea. They were distant, even foreign, in

⁹¹ Rujuk, *Sarawak Tribune*, 20 March 1987, hlm.1.

*their minds. Secondly, the rule of awe by the authorities, and the sense of fear instilled by the „Lebai“ of their Maker.*⁹²

Atas faktor-faktor inilah maka Abang Yusuf Puteh menegur dengan tegas sikap tiada pendirian masyarakat Melayu Sarawak. Akibat daripada pengasingan, jauh daripada dunia luar telah mengakibatkan pemikiran masyarakat Melayu Sarawak sukar untuk menerima perubahan dan takut untuk melakukan perubahan. Sikap ini membawa kepada kesukaran dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak untuk melakukan transformasi minda demi kebaikan.

Sikap sebegini juga muncul meresapi kehidupan masyarakat Melayu akibat dari pengaruh persekitaran politik penjajah di Sarawak ketika itu. Antaranya, tindakan kerajaan British yang telah melaksanakan undang-undang bagi menjamin keselamatan kerajaan apabila berlakunya penentangan yang berleluasa terhadap penyerahan Sarawak pada tahun 1946. Kemunculan golongan anti penyerahan (*anti cession*) merupakan satu ancaman kepada ketenteraman penguasaan koloni British di Sarawak. Oleh yang demikian, pekeliling No.9/1946 diwujudkan dengan tujuan untuk menakut-nakutkan masyarakat terutamanya kakitangan kerajaan supaya tidak terlibat dalam usaha menentang penyerahan Sarawak yang telah ditandatangani oleh C.W Dawson, iaitu Ketua Setiausaha Kerajaan koloni Sarawak pada 10 Disember 1946.⁹³ Hasilnya telah membawa kepada munculnya sikap goyah atau tiada pendirian dalam kalangan mereka.

Selain itu, peristiwa pembunuhan Gabenor Sarawak yang kedua di Sibul, iaitu Duncan Stewart pada 3 Disember 1946 menyebabkan kerajaan British ketika itu telah memberikan tekanan yang lebih hebat kepada penentang-penentang dengan memberikan hukuman yang berat kepada sesiapa yang terlibat dalam peristiwa berdarah tersebut. Penangkapan ahli

⁹² Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 47.

⁹³ Chang Pat Foh, *Heroes of the Land of Hornbill*, Kuching: Chang Pat Foh Publisher, 1997, hlm. 135.

Rukun 13 dan hukuman gantung sampai mati dijatuhkan kepada Rosli Dhoby, Morshidi Sidek, Awang Rambli Amit serta Bujang Suntong telah memberikan impak kepada pendirian masyarakat Melayu Sarawak.⁹⁴ Kesannya, peristiwa ini telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan mereka untuk melakukan penentangan. Elemen ini ternyata berjaya mengekalkan sikap goyah atau tiada pendirian dalam diri orang-orang Melayu Sarawak.

Berdasarkan buku *The Malay Mind*, Abang Yusuf Puteh juga menegur sikap negatif yang menggambarkan keperibadian yang buruk. Bagi beliau, sikap negatif ini memberikan kesan terhadap keperibadian, akhlak dan kehidupan orang Melayu Sarawak. Terdapat enam sikap negatif yang menggambarkan keperibadian buruk dalam kalangan orang Melayu Sarawak, iaitu individualistik, riak, tidak mensyukuri rahmat, takbur, materialistik dan dengki.

Pemikiran budaya yang diketengahkan oleh Abang Yusuf Puteh dalam penulisannya ialah nilai taat dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak sebagai salah satu aspek yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa nilai taat ataupun setia menjadi ciri budaya yang penting dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan ianya telah menjadi satu amalan sejak zaman berzaman. Walau bagaimanapun, perkara yang menimbulkan keresahan beliau ialah hilangnya nilai taat dalam kalangan masyarakat Melayu akibat pengaruh mementingkan diri sendiri (individualistik). Dengan jelasnya, beliau menegaskan bahawa sikap individualistik ini mengakibatkan nilai persahabatan dapat dibeli dengan wang ringgit dan kekuasaan. Hal ini sebagaimana ditegaskannya, iaitu :

When I look back at the disciplined old days and ways of lie in my village I am greatly disheartened by the changes in Malay perceptions of loyalty, say, in friendship. In the old days friendship had rigidity in its form and substance, deeply rooted in moral values. Nowadays, with the kind of politics that is ravaging their mind and heart, loyalty to

⁹⁴ Lihat, *Sarawak Tribune*, 11 Februari 1950, hlm. 1, *Sarawak Tribune*, 13, 14, 15 & 16 Februari 1950, hlm. 1.

*friendship has a price-tag: if you have power and wealth you are my friend.*⁹⁵

Sejarah telah membuktikan bahawa sikap individualistik ini telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Contohnya, persetujuan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin Melayu untuk menyerahkan Sarawak kepada koloni British. Sikap ini turut dinyatakan oleh A.T Othman menerusi tulisannya dalam Utusan Sarawak, iaitu “berperangai yang sangat rendah yang hanya dilakukan oleh orang yang rendah budi dan tidak berjiwa bebas... si-pengampu berdaya upaya mengambil muka menonjolkan kejujuran-nya serta dengan tenang sahaja menyerah apa saja yang ada pada diri-nya sehingga dengan tidak disedari-nya dengan perbuatannya itu menjatuhkan meruah-nya”.⁹⁶

Selain itu, sikap buruk lain ialah sikap riak. Pada dasarnya, Abang Yusuf Puteh menjelaskan ucapan terima kasih tidak wujud dalam kesusasteraan Melayu purba. Pemerhatian yang dilakukan terhadap kehidupan penduduk di kampung mendapati ungkapan tersebut hanya wujud akibat pengaruh yang diterima daripada luar terutamanya masyarakat Melayu di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak berlaku di kawasan kampung Melayu tradisional. Masyarakat tradisi kampung Melayu tidak mengekspresikan dengan ucapan terima kasih tetapi hanya melahirkan penghargaan terima kasih tersebut melalui lenggok badan dan ucapan syukur kepada Allah. Sikap riak ternyata terlalu jauh dari kehidupan mereka. Ini sebagaimana yang dinyatakannya, iaitu :

My father's version of thank you, whenever he was given anything, was first a „salam“(handshakes) with both hands, which marked a token of acceptance. This would be followed by: a kiss of the gift (especially if it was light, like money); then the gift would make a routine tour to his head and his heart. Finally he would say „Alhamdulillah“ = thanks be to Allah. I very rarely heard him say „terima kasih“. A broad smile would

⁹⁵ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 20.

⁹⁶ Lihat, *Utusan Sarawak*, 27 Disember 1951.

*break over his grateful face. I knew that he was happy and thankful.*⁹⁷

Begitu indahny ungkapan terima kasih diberikan dalam bentuk tradisi Melayu Sarawak yang lama. Bukan sekadar berterima kasih tetapi turut juga menzahirkan syukur atas rezeki yang diperoleh. Di samping itu, tradisi ini dapat mengeratkan lagi ikatan kasih dan sayang antara pemberi dan penerima. Walau bagaimanapun, perkara yang menjadi kerisauan beliau adalah apabila munculnya ungkapan terima kasih yang mengaplikasikan budaya dan cara masyarakat barat melalui penghantaran kad, fax malah sehingga memaparkan penuh satu muka surat dalam iklan semata-mata untuk menyampaikan ucapan terima kasih. Beliau berpendapat bahawa hal ini bertentangan dan tidak ada dalam budaya Melayu yang mementingkan keikhlasan dan kesyukuran. Beliau dengan tegas menyatakan:

*Nowadays „terima kasih“ comes in the most vocal and conspicuous ways. It has become a culture, for instance, to send thank you cards, faxes, and worst of them all a full-page advertisement „terima kasih“ in local and national papers, repeated for many days. I found this to be most boring, distasteful and un-Malay. Such a waste of money; and such a flagrant self-publicity.*⁹⁸

Masyarakat Melayu yang mula kehilangan identiti diri mereka ternyata berbangga-bangga dengan budaya luar demi menunjukkan kemampuan dan kemewahan kehidupan sendiri. Keperibadian ini ternyata berbeza dengan sikap masyarakat Melayu zaman dahulu yang mementingkan keikhlasan dan kejujuran serta bersyukur dengan rezeki yang diberikan. Bagi Abang Yusuf Puteh, perasaan hormat dan sayang melalui cara dan bentuk sebegini tidak boleh diterima sebagai seorang anak Melayu yang berpegang kepada budaya luhur orang Melayu. Sikap sebegini jelas mencitra dan mencerminkan keperibadian yang tenat dalam kalangan masyarakat Melayu. Sudah tentu kemajuan dan kejayaan sukar untuk diraih dan terus berada di takuk lama.

⁹⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 23.

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 23.

Seterusnya, sikap suka menunjuk-nunjuk kebolehan masing-masing turut memprojeksikan sikap riak dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya ketika majlis tahlil atau kenduri doa selamat. Abang Yusuf Puteh menempelak sikap riak orang Melayu sebegini yang bertindak memendekkan doa ketika bersendirian atau bersama keluarga tetapi keadaan sebaliknya ketika majlis dihadiri oleh ramai orang. Hal ini amat jelas menggambarkan satu pembohongan kepada diri sendiri dan masyarakat selain menonjolkan sikap riak dan sombong seseorang. Beliau dengan nada yang tegas menyatakannya, iaitu :

A Malay is taught to recite grace or „doa“ (a) before and at the end of a meal, and (b) before going to sleep and upon waking up. The Malays are excellent in reciting very long „da“ before meals at „kenduri“ and shorter ones at family meals.⁹⁹

Berdasarkan pernyataan tersebut, Abang Yusuf Puteh bukan bertindak mengeji amalan berdo'a yang dilakukan tetapi menyindir sikap orang Melayu yang seolah-olah menjatuhkan martabat ajaran Islam itu sendiri. Sikap riak orang Melayu semakin terserlah apabila melupakan nikmat Allah dalam sekelip mata setelah berjaya memperoleh rezeki-Nya. Keadaan ini dapat diteliti melalui pernyataan Abang Yusuf Puteh, iaitu *“However it is a rarity indeed to hear Malays reciting „doa“ after meals. The most is a form of pleasantries to the hosts or just one word „Alhamdulillah“.”¹⁰⁰*

Sikap Tidak Mensyukuri Rahmat

Perubahan sikap masyarakat Melayu akhir-akhir ini turut menarik perhatian Abang Yusuf Puteh. Dalam hal ini, dapat ditunjukkan melalui bantahannya terhadap penggunaan perkataan tahniah dan takziah bagi menggantikan perkataan alhamdulillah dan *inna lillahi*

⁹⁹ Ibid., hlm. 39.

¹⁰⁰ Ibid., hlm. 39.

wainna illaihi rojiun. Jelas berlakunya inovasi dalam kedua-dua perkataan tersebut namun perubahan yang berlaku bukanlah sesuatu yang amat menggembarakan melainkan sikap tidak mensyukuri rahmat dalam kalangan orang Melayu. Perkataan tahniah di atas kejayaan mahupun kegembiraan seseorang adalah selayaknya diberikan kepada Allah dengan mengucapkan alhamdulillah dan bukannya kepada penerima nikmat. Begitu juga dengan ungkapan takziah tanpa menyebut nama Pencipta, iaitu Allah S.W.T. Kekecewaannya ini turut dituangkan dalam tulisan, iaitu:

*When a Malays is informed of a death he instinctively, and instantly, responds with an Arabic phrase (Qulu) „hna lillahi wainna ilahi rajiun“ = from Allah we came, to Him we return. ... Nowadays both „tahniah“and „takziah“are in common usage so much so that the young generation is hardly heard to say the Arabic phrase and term.*¹⁰¹

*It is now made more elaborate by the sending of cards, and the self-publicity in the press, an alien custom borrowed from the west. I like the traditional Malay way: though indirect, all expressions, either in happiness or grief, are registered with God. In other words it is spiritual in substance.*¹⁰²

Abang Yusuf Puteh kecewa dengan sikap masyarakat Melayu yang semakin jauh daripada Yang Maha Pencipta. Mereka seolah-olah lupa kepada Allah apabila lebih selesa mengungkapkan ucapan takziah ketika berlakunya kematian. Malah lebih teruk daripada itu, ulangtahun kematian turut diiklankan dalam surat khabar lengkap disertakan dengan gambar „si mati“. Ini sudah tentunya paling banyak dilakukan oleh golongan yang mempunyai kedudukan yang lupa kepada nikmat Ilahi. Pada pandangan Abang Yusuf Puteh, hal ini tidak mencerminkan budaya masyarakat Melayu yang berpegang kepada hukum adat dan agama.

¹⁰¹ Ibid., hlm. 24

¹⁰² Ibid., hlm. 24.

Sikap Takbur

Sikap seseorang itu merupakan satu cerminan kepada tingkah laku dan amalannya. Sikap takbur tergolong dalam sikap yang sangat buruk malah merosakkan pemikiran seseorang. Abang Yusuf Puteh turut menegur sikap takbur yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Beliau dengan jelas mengecam sikap buruk ini sebagaimana yang dikatakannya:

*What is repugnant to the Malayculture are excesses which can be construed as arrogance.*¹⁰³

*Take business enterprise for instance which must necessarily begin with feasibility studies such as marketing etc. In business the prime objective is good profit, and this is the feature item in working papers etc. it therefore means forecasting future incomes especially the margin of profits. To the Malay mind, this is predetermining the future, quantitatively, and is forbidden. Only God can do that, runs the arguement. It is „takbur“. The Malays have very destructive phrase for this in condemnation of what is considered as excessive confidence or boastfulness: „macam mendua Tuhan“ = to duplicate the Almighty, which is the worst form of blasphemy.*¹⁰⁴

Pandangan orang Melayu terhadap aspek ini sangat terkebelakang, terlalu taksub hingga melahirkan sikap takbur dalam diri dan sanggup menghukum orang lain yang berusaha untuk mencapai kejayaan. Sikap ini terus membawa kemunduran dan kelemahan orang-orang Melayu untuk mencapai kejayaan dan kekuatan. Pemikiran mereka terkongkong sehingga tidak dapat menerima pembaharuan atau inovasi positif dalam diri. Sikap ini dapat diteliti berdasarkan pernyataan berikut:

At the back of the Malay mind lurks the element of „takbur“. The Malay way has been, what I call, fly with the wind, and go wherever it take you and not to predetermine your destination. It is like a rudderless boat in the sea, or a pilot flying a plane without a compass. One maybe justified to describe the situation as the product of an active co-operation, or even marriage, between „takdir“ and „takbur“... is the damaging effects

¹⁰³ Ibid., hlm. 25.

¹⁰⁴ Ibid., hlm. 25.

*of negative spiritual and cultural inputs in the Malay mind resulting in a general fatalistic outlook on life.*¹⁰⁵

Berdasarkan pandangan beliau, sikap takbur digambarkan sebagai sikap yang tidak mempunyai arah dan tujuan sehingga merosakkan kerohanian dan pemikiran orang Melayu. Masyarakat Melayu yang berterusan bersikap takbur tidak akan menemukan jalan kebenaran sehinggakan mereka menyedari kesilapan dan kealpaan yang telah mereka lakukan. Akibatnya, orang Melayu akan terus berada dalam kemunduran dan mengheret pelbagai kemudaratan yang memusnahkan kehidupan mereka.

Sikap Materialistik

Kesusahan yang dialami telah memberikan tekanan kepada masyarakat Melayu Sarawak sehingga mereka mencari jalan keluar secara mudah. Akibatnya, ada dalam kalangan mereka yang tersilap langkah dengan menjualkan tanah pusaka kepada orang Cina semata-mata untuk mendapatkan wang. Keadaan ini telah mendapat kritikan daripada orang-orang Melayu Sarawak yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan anak bangsanya sebagaimana yang ditegaskan oleh *Pena Sarawak*.¹⁰⁶ Sikap ini turut diberi perhatian oleh Abang Yusuf Puteh berdasarkan pengamatan beliau terhadap kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Hal ini digambarkan oleh beliau seperti berikut:

As a result, the Malay mind in the rural areas has been corrupted, materially. Everything has a price including, and especially, his vite. Campaigners in elections must be paid. Even an office boy expects payments for pushing a businessman's file to the top in the "IN" tray of his boss. Money, money everywhere in urban centres especially for those who push pens and open files, but for the rural folks lofe goes on penniless like in their ancestral times, for them elections are festival

¹⁰⁵ Ibid., hlm. 26.

¹⁰⁶ *Utusan Sarawak*, 5 Julai 1956.

*times, free loadings, opportunities and cash-for-their-votes.*¹⁰⁷

Tafsiran Abang Yusuf Puteh dalam petikan di atas jelas menunjukkan bahawa sikap materialistik adalah menjadi kegilaan dan melingkari kehidupan sosial masyarakat Melayu. Aspek kebendaan mula diangkat menjadi raja dalam kehidupan, berpaksi kepada sesiapa sahaja yang menaburkan wang ringgit pasti akan diserahkan segala kepercayaan. Lanjutan daripada itu, orang-orang Melayu terkongkong untuk mencapai kemajuan kerana kedaifan dan kemunduran terus mengikat kuat kehidupan seharian mereka. Sikap materialistik dan ketamakan terus bermaharajalela dalam mendepani masa depan sendiri. Lantaran dari sikap ini juga telah menyebabkan rasuah turut dihalalkan demi kekayaan yang tidak seberapa. Tindakan ini dengan jelas memperlihatkan kerosakan yang maha hebat kepada pemikiran dan spiritual orang-orang Melayu, sudah pastinya kemajuan akan terus menjauhi mereka. Abang Yusuf Puteh melaungkan dengan tegas dan berani melalui tintanya yang ditunjukkan, iaitu:

*Corruption in any form is evil especially if it enslaves the mind and degrades the soul.*¹⁰⁸

*His „agama“ and „adat“ i.e. the 2As would reject it as sinful, morally wrong, corrupt etc. However, the state of his poverty may be too strong to resist the evils of money. I am sure in the early days of politics in Sarawak the norm was a rejection for bribes of his vote; and this was followed by the village norm of reluctance. And tragically today: he demands money for his vote. Money corrupts the mind in poverty absolutely, just as it does to power and greed for more money.*¹⁰⁹

Aspek yang termasuk dalam sikap materialistik kehidupan masyarakat Melayu Sarawak ialah sikap tamak. Sebenarnya bila pemikiran telah dipenuhi dengan nilai agama dan nilai adat yang baik seperti percaya kepada takdir, takut dan tidak apa (tidak kisah) sudah tentu

¹⁰⁷ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 30.

¹⁰⁸ *Ibid.*, hlm. 30.

¹⁰⁹ *Ibid.*, hlm. 33.

secara logiknya menggambarkan kepuasan dan sudah tentu tidak ada sikap tamak dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, sikap ini turut wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak disebabkan kemiskinan yang dihadapi dalam kehidupan mereka.¹¹⁰ Abang Yusuf Puteh menegaskan tentang sikap ini dalam kalangan masyarakat:

*The can be only one possible reason for this: Poverty. Hunger provokes the heart and humiliates the mind. Now politics provides the avenue for greed to build upon greed at all levels. Power clings to power and wealth breeds wealth. It now seems that „tamak“ is endless.....Tamak dehumanizes the soul, and devastates the mind. The heart wins in the endless battle for power and prosperity. But is it victory?.*¹¹¹

Sikap materialistik dalam kalangan masyarakat Melayu turut ditegur oleh Pena Sarawak sebagaimana dalam pernyataan yang berikut, iaitu:

“Di-masa yang lepas tadi orang2 Melayu telah berfikir kalau dapat hidup sahaja chukuplah, fikiran seperti itulah menyebabkan kealpaan kerana kemewahan yang senang di-dapati. Inilah dia yang menjadi punca tabiat orang2 kita Melayu sekarang ini keadaan yang demikian boleh di-katakan senang di-masa lampau tetapi susah di-zaman tamadun ini. Inilah yang di-katakan senang dahulu susah kemudian”.¹¹²

Pandangan ini memperjelas bahawa sejak dari awal lagi orang Melayu telah memperlihatkan sikap yang negatif dan ambil mudah dalam menghadapi masa hadapan mereka dan perkara ini turut berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Kritikan ini diluahkan oleh Pena Sarawak atas sikap masyarakat Melayu Sarawak yang bersikap materialistik sehingga sanggup menjual tanah mereka kepada kaum lain terutamanya kaum Cina.¹¹³

¹¹⁰ Ibid., hlm. 22. Abang Yusuf Puteh menjelaskan berkaitan dengan kewujudan sikap tamak sepatutnya tidak ada kerana adanya ciri-ciri taqwa, takdir, tawakal, taat, takut dan tidak apa. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu Sarawak sudah mempunyai kepuasan dalam kehidupan mereka. Namun apa yang ingin ditekankan beliau di sini adalah kemiskinan telah menyebabkan wujudnya ciri tamak dalam kalangan mereka. Ini dibuktikan melalui pemerhatian beliau menunjukkan sikap tamak bermula di kampung. Sekiranya sekumpulan kanak-kanak diberikan sesuatu seperti kek atau buah-buahan maka secara spontan kanak-kanak ini akan mengambil bahagian yang paling besar. Satu alasan yang nyata menunjukkan keadaan ini berlaku adalah faktor kemiskinan dalam kehidupan mereka. Seolah-olah kelaparan mendesak hati dan melakukan penghinaan kepada pemikiran mereka.

¹¹¹ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 22.

¹¹² Lihat, *Utusan Sarawak*, 13 April 1961.

¹¹³ Lihat, *Utusan Sarawak*, 5 Julai 1956.

Sikap Dengki

Sikap seterusnya yang mencerminkan keperibadian yang buruk masyarakat Melayu Sarawak dari sisi pandang Abang Yusuf Puteh ialah sikap dengki. Sikap dengki orang-orang Melayu dalam kehidupan seharian mereka dapat diperhatikan sebagaimana gambaran sebenar seperti yang digarapkan oleh Abang Yusuf Puteh, iaitu :

*... the most serious, dangerous and destructive traits of the Malay mind, that of the partnership of the 2Ds. These are „dengki” = jealousy or malicious envy, and „dendam” = vindictiveness, vengeance, victimization. The 2Ds have done untold damages to the Malay community both at communal and individual levels...*¹¹⁴

*The picture eloquently illustrates the state of the Malay mind in this respect: that a Malay generally feels more comfortable going to a Chinese shop than to a Malay outfit for the same merchandise. There can be three fundamental reasons for this. At the Malay shop he is very shy to bargain. But he feels entirely at ease and free to go the full length with the Chinese shopkeeper, maybe to end with five sen less; and that gives him satisfaction. Secondly, and more relevant to the to the argument above, is that he prefers to see a non-Malay prosperous than to see a Malay businessman doing well. The third reason is that a Chinese shopkeeper may be more liberal with his credit handouts.*¹¹⁵

Bahana daripada sikap dengki menyebabkan seseorang itu sanggup mengkhianati kaum sendiri. Rentetan daripada sikap ini menimbulkan perasaan dengki dan sakit hati apabila melihat kejayaan orang lain terutamanya kejayaan kaum sendiri. Disebabkan sikap dengki ini mereka sanggup memberikan sokongan kepada kaum-kaum lain untuk meningkatkan kejayaan dan mengumpul kekayaan. Hal ini menurut pandangan Abang Yusuf Puteh jelas menunjukkan pemikiran orang Melayu yang telah rosak. Sepatutnya, masyarakat Melayu membantu dalam meningkatkan ekonomi antara satu dengan yang lain sekiranya ingin mencapai kemajuan yang lebih baik dan bukannya melakukan pengkhianatan yang menambahkan lagi kesengsaraan orang Melayu. Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh

¹¹⁴ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 30-31.

¹¹⁵ *Ibid.*, hlm. 32.

menegaskan bahawa dengki dan dendam ini merupakan ramuan penting yang membentuk pengkhianatan.

Selain itu, sikap dengki orang Melayu terhadap kaumnya sendiri turut berlaku dalam kalangan pelajar Melayu yang menjadi tonggak kepada masa depan orang Melayu. Hal ini sudah tentu tidak sepatutnya berlaku. Hal ini seperti mana contoh sikap dengki dalam kalangan pelajar yang dinyatakan beliau, iaitu:

*Just watch a multi-racial classroom. The Malay students would invariably ask the least questions or contribute the minimum in group discussions. This may bring us back to the 2Ds, that even as a student, he may not want his friends to share his knowledge.*¹¹⁶

Situasi ini jelas menunjukkan sikap dengki yang menebal dalam diri seseorang itu sehingga tidak sanggup untuk berkongsi ilmu pengetahuan bersama rakan-rakan. Wujud kerisauan dalam diri mereka seandainya pengetahuan mereka turut dimiliki oleh orang lain terutamanya kaum mereka sendiri, iaitu orang Melayu. Perkara ini tidak seharusnya berlaku dalam kalangan orang Melayu kerana hanya akan merugikan masyarakat Melayu itu sendiri. Hal ini sebagaimana yang dicurahkan Abang Yusuf Puteh, iaitu :

*The basic philosophy in the Malay heart has been this: that everybody should be equal in poverty and misery, and that no one should be better off either in prosperity or social standing. The secret wish is to see their successful contemporaries level down to the rest rather than for the have-nots to level up either in economic status or socially.*¹¹⁷

Gambaran sikap dengki orang Melayu yang tenat sebagaimana yang dilontarkan Abang Yusuf Puteh kian bertapak kukuh dalam jiwa orang Melayu apabila tidak mahu melihat bangsa sendiri mencapai kemajuan. Sikap dengki ini terus mengekalkan orang Melayu dalam kemunduran, kemiskinan dan ketinggalan dalam pelbagai bidang. Justeru, falsafah

¹¹⁶ Abang Yusuf Puteh, *The Malay Mind*, hlm. 32-33.

¹¹⁷ *Ibid.*, hlm. 31.

ini perlu dibuang demi kemajuan orang Melayu supaya keperibadian yang buruk ini tidak merebak dalam jiwa mereka dan generasi yang seterusnya.

USAHA-USAHA MEMARTABATKAN AGAMA

Pengamalan budaya dalam sesebuah masyarakat yang bertunjangkan agama sepatutnya terarah kepada aspek positif sama ada dari aspek amalan, nilai ataupun sikap. Hal ini demikian kerana aspek agama memainkan peranan penting dalam mengawal tingkah laku seseorang. Walau bagaimanapun, masih juga wujud amalan, nilai dan sikap yang bertentangan dengan tuntutan ajaran Islam yang menjadi pegangan masyarakat Melayu. Sekalipun agama Islam telah lama bertapak kukuh dalam jiwa mereka tetapi masih tidak mampu untuk menyingkirkan amalan, nilai dan sikap yang tidak bersesuaian dengan agama. Hal ini sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini di mana terdapat adat dan budaya masyarakat Melayu Sarawak yang sememangnya seiring dengan tuntutan agama. Ini bermaksud terdapat juga adat dan budaya yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan agama.¹¹⁸ Oleh yang demikian, Abang Yusuf Puteh telah mengambil beberapa inisiatif untuk menyebarkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Beliau menyedari pendidikan agama yang mantap perlu untuk memupuk kesedaran masyarakat Melayu pesisir berkaitan amalan, nilai dan sikap yang bersesuaian. Sehubungan itu, kekuatan agama yang mantap berupaya untuk mendorong mereka untuk melakukan transformasi terhadap budaya yang melemahkan mereka.

Atas dasar kesedaran dan keinsafan Abang Yusuf Puteh telah membentangkan berkenaan isu adat dan budaya masyarakat Melayu yang dilihat sebagai antara punca kepada kemunduran mereka dalam pelbagai aspek. Adat dan budaya ini termasuklah dalam aspek budaya kepimpinan, sosial dan ekonomi. Masyarakat Melayu di Sarawak sering

¹¹⁸ Rujuk, *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, hlm. 93.

terbelenggu dengan kelemahan kepimpinan yang melemahkan struktur ekonomi, sosial dan aspek keagamaan orang Melayu. Oleh yang demikian, usaha telah dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh semasa muktamar Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) dengan menyeru supaya kajian mendalam perlu dilakukan terutamanya salah faham masyarakat Melayu terhadap adat dan budaya. Beliau turut menekankan bahawa impak daripada kelemahan aspek keagamaan telah menjurus kepada salah faham terhadap adat dan budaya. Keputusan segera perlu dibuat supaya orang Melayu Sarawak tidak memandang ringan tentang salah faham mereka terhadap adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kebimbangan Abang Yusuf Puteh berhubung dengan aspek ini ternyata berasas apabila ianya melibatkan kerosakan kepada sistem ekonomi dan sosial orang Melayu sendiri.

Antaranya, kebimbangan Abang Yusuf Puteh terhadap perkara yang dilakukan apabila berlakunya kematian dalam sesebuah keluarga. Hal ini sebagaimana ungkapan beliau, iaitu “Yang menjadi soal besar ialah kebanyakan perkara yang dikerjakan dan berkaitan dengan hal kematian adalah semata-mata adat resam saja dan tidak kena mengena dengan ugama Islam, bahkan ada pula “mungkin” bertentangan dengannya”.¹¹⁹ Faktor utama yang membawa kepada teguran Abang Yusuf Puteh berkaitan kematian ialah faktor perbelanjaan yang terlalu membebankan untuk “menyempurnakan” kematian.¹²⁰ Atas tanggungjawab besar yang dipikul dibahunya maka Abang Yusuf Puteh menyeru supaya masyarakat Melayu di Sarawak untuk kembali ke jalan Islam yang sebenar dan meninggalkan beberapa adat dan budaya yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang mulia. Selain itu, Abang Yusuf Puteh mencadangkan supaya falsafah hidup orang Melayu hendaklah dilakukan

¹¹⁹ Rujuk, Abang Yusuf Puteh, *Adat Orang Melayu dan Kesannya Terhadap Ekonomi*, dlm Kongress Islam Malaysia Timur Sarawak, 1968, 3 – 5 May 1968, Kuching: Dewan Masyarakat Kuching, hlm. 93-95.

¹²⁰ Pengurusan untuk menyempurnakan kematian yang dimaksudkan oleh Abang Yusuf Puteh ialah setelah jenazah dikebumikan. Hal ini merujuk kepada “ongkos” (perbelanjaan) besar yang terpaksa dibelanjakan keluarga si mati untuk mengadakan jamuan minum dan makan selama 7 hari berturut-turut. Seterusnya, hari ke 20, 40 dan 100 serta diadakan makan hol (ulang tahun kematian) setiap tahun. Perkara inilah yang dikatakan oleh Abang Yusuf Puteh sebagai berlaku kematian dalam kematian dan telah dibincangkan sebelum ini. Rujuk, *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, hlm. 93-95.

transformasi bersesuaian dengan aliran zaman dan tidak sepatutnya mengikut ajaran-ajaran yang bertentangan dengan membabi buta. Beliau turut menegaskan, iaitu orang Melayu tidak sepatutnya semata-mata berkota dengan bidalan „Biar mati anak jangan mati adat“ tetapi hendaklah diubah kepada „Biar mati adat jangan runtuh ekonomi“. Oleh yang demikian, sudah sepatutnya adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam tidak perlu untuk dimegah-megahkan tetapi cukup untuk melakukan yang wajib seperti mana lazimnya menguruskan jenazah.¹²¹

Lanjutan daripada itu, beliau menasihati khususnya pihak Majlis Islam Sarawak (MIS) supaya mengkaji dengan segera supaya adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam dihapuskan serta meletakkan peraturan-peraturan tertentu sebagai panduan umat Islam di Sarawak. Di samping itu, beliau menzahirkan kebimbangan berkaitan sebahagian besar masyarakat Melayu masih lagi lena dibuai fantasi dan ditenggelamkan oleh adat dan budaya kuno yang merosakkan kehidupan mereka. Oleh itu, orang Melayu Sarawak hendaklah berazam untuk bergerak maju ke hadapan dalam segala lapangan supaya seiring dengan peredaran zaman dan setanding dengan kaum-kaum lain di Sarawak.¹²²

Berdasarkan kepada cadangan Abang Yusuf Puteh dalam Kongres Islam Malaysia Timur Sarawak yang diadakan pada 3-5 Mei 1968 telah mendapat reaksi positif oleh kongres tersebut. Kongres berpendapat adat-adat yang tidak berbau agama dan merosakkan sistem ekonomi orang Islam hendaklah dihapuskan. Atas dasar itu, kongres yang telah bersidang sebulat suara mendesak supaya MIS membuat peraturan-peraturan dalam hal yang berkaitan agama dan adat yang sepatutnya diikuti. Selain itu, atas kritikan Abang Yusuf Puteh juga telah membawa kepada keputusan kongres berkaitan amalan, nilai dan sifat yang bertentangan dengan ajaran agama yang dilakukan oleh orang Islam hendaklah

¹²¹ Abang Yusuf Puteh, *Adat Orang Melayu dan Kesannya Terhadap Ekonomi*, dlm *Kongres Islam Malaysia Timur Sarawak*, 1968, 3 – 5 May 1968, Kuching: Dewan Masyarakat Kuching, hlm. 93-95.

¹²² *Ibid.*, hlm. 95.

diubah atau dihapuskan sesuai dengan Islam yang syumul. Oleh itu, pihak MIS hendaklah bersiap siaga dengan menghantar mubaligh di kawasan penempatan orang Islam untuk menjelaskan salah faham masyarakat Islam dalam melaksanakan adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Selain itu, langkah mengedarkan risalah dan surat pekeliling hendaklah dilakukan secepat mungkin supaya memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam. Untuk itu, kongress dalam keputusannya juga memohon supaya MIS menguatkuasakan undang-undang Islam Melayu Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam Bab 12 tegahan kepada orang Islam untuk mengikuti budaya yang berlawanan dengan ajaran Islam.¹²³

Desakan Abang Yusuf Puteh terhadap MIS ada asasnya apabila masyarakat Melayu berterusan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini bukan sahaja merosakkan pegangan agama tetapi memberikan kesan kepada kelumpuhan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu di Sarawak. Terkesan dengan kebimbangan itu beliau menaruh harapan yang tinggi terhadap MIS supaya mengambil tindakan segera untuk menghentikan amalan tersebut daripada terus berleluasa. Oleh itu, orang Islam akan dapat terhindar daripada terus berada dalam kelalaian akibat salah faham terhadap adat dan budaya yang merosakkan pemikiran mereka.

Selain itu, pegangan agama yang kukuh mampu menjadikan seseorang itu menepis sesuatu yang bertentangan atau tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Lantaran itu, Abang Yusuf Puteh telah mengambil inisiatif untuk menggerakkan orang-orang Melayu terutamanya supaya kembali semula ke jalan agama yang sebenar. Atas kesedaran itu, beliau telah mengambil beberapa langkah supaya masyarakat Melayu Sarawak berada di atas landasan yang diredainya. Antaranya, beliau mengasaskan surau setia di pejabat-

¹²³ Rujuk, Usul-usul dari Kongress Islam Malaysia Timur, dlm *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, hlm.100-102.

pejabat kerajaan di Sarawak ketika memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 1970. Di samping itu, beliau turut membuka kelas pendidikan agama percuma di rumahnya di Saratok supaya masyarakat Melayu di daerah Kalaka tidak terus dilalaikan akibat kesalahfahaman terhadap ajaran Islam.

Ketika Abang Yusuf Puteh memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri beliau berusaha untuk mengajak penjawat awam yang beragama Islam supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, beliau telah mengasaskan surau setia untuk setiap jabatan kerajaan yang ada di Negeri Sarawak. Keadaan ini berikutan daripada keruntuhan akhlak masyarakat Islam ketika itu yang terpengaruh dengan gaya hidup yang telah dicipta penjajah Brooke dan British. Kebanyakan penjawat awam berketurunan Melayu ketika itu telah didapati terlibat dengan perjudian dan minuman keras secara meluas. Oleh itu, melalui penubuhan surau setia telah membawa banyak perubahan kepada penjawat awam beragama Islam dengan kembali atas landasan Islam yang diredai.¹²⁴ Sesungguhnya, peranan yang dimainkan oleh Abang Yusuf Puteh jelas mencitrakan harapan beliau supaya orang Melayu Sarawak melakukan perubahan yang hanya mampu dilakukan oleh diri mereka sendiri. Beliau turut menyeru masyarakat Melayu di kawasan kampung untuk bergiat aktif dalam aktiviti keagamaan dengan menghantar pegawai-pegawai untuk memantau melancarkan segala urusan yang berkaitan.¹²⁵ Oleh itu, melalui jalan yang telah disediakan akan memudahkan lagi masyarakat Melayu untuk bergerak menuju kejayaan.

¹²⁴ Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden (mantan Ahli Politik dan Tokoh Melayu Sarawak) di kediamannya di Jalan Muda Hasyim, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 9 Januari 2014.

¹²⁵ Melalui catatan, beliau menegur sikap penduduk kampung yang kurang melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan. Dalam masa yang sama beliau membuat teguran kepada pihak Majlis Islam Sarawak supaya melatih dan melantik pegawai-pegawai muda untuk menguruskan hal ehwal masjid seperti imam, bilal atau khatib. Hal ini memandangkan pegawai-pegawai muda lebih terdedah kepada perubahan yang seiring dengan pembangunan dan kemajuan semasa. Sila rujuk antaranya, Fail Bil: (15) dlm YPS/D1/01-3/S2 yang bertarikh 18.9.1975- memuji semangat penduduk Melayu di kawasan pesisir dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan agama. Seterusnya, catatan yang bertarikh 19.9.1975 fail Bil : (13) dlm YPS/D1/01-3/M1.

Nursiyati Deni menegaskan bahawa sememangnya tidak dinafikan pelbagai usaha yang dilakukan oleh Abang Yusuf Puteh untuk menyedarkan masyarakat Melayu supaya kembali berpegang kepada tali Allah yang sebenar. Beliau sentiasa berusaha untuk memberikan penjelasan berkaitan salah faham masyarakat Melayu di Daerah Kalaka berkaitan aspek agama bukan hanya melalui sesi ceramah tetapi juga di kedai kopi ketika bersama rakan-rakannya.¹²⁶ Hal yang sama turut dikongsikan oleh Ramlan Iskandar yang menyatakan bahawa Abang Yusuf Puteh sangat menitikberatkan pendidikan agama Islam dan kemahiran mengaji al-Quran dalam kalangan masyarakatnya terutama masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Kelas-kelas agama diberikan secara percuma termasuk disediakan pengangkutan dan makanan untuk sesiapa sahaja yang ingin mendalami bidang tersebut. Malah kediamannya di Saratok seolah-olah menjadi hak milik masyarakat kerana semua aktiviti pembelajaran diadakan di situ dengan mengupah guru-guru agama yang terdapat di Sarawak.¹²⁷

Menurut Salina Sauti pula, Abang Yusuf Puteh sangat menitikberatkan pendidikan agama kepada masyarakat Melayu sehinggakan beliau sanggup menyediakan tempat mempelajari agama di rumahnya sendiri di Saratok. Bukan itu sahaja, beliau turut menyediakan pengangkutan van untuk mengambil dan menghantar pelajar semata-mata untuk memastikan masyarakat di kawasan kampung mudah untuk menghadiri kelas yang disediakan tanpa sebarang masalah. Semua kemudahan disediakan kepada masyarakat Melayu di kawasan tersebut asalkan matlamatnya untuk memberikan pemahaman dan pengetahuan agama kepada masyarakat tercapai. Hal ini sudah pasti akan memberikan kesan tersendiri kepada diri mereka supaya berusaha untuk mengubah cara hidup yang

¹²⁶ Wawancara dengan Puan Nursiyati binti Deni penduduk Kampung Melango Lama Saratok, pada jam 1.30 petang bertarikh 19 September 2015.

¹²⁷ Wawancara dengan Encik Ramlan bin Iskandar penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 10.20 malam pada tarikh 20 September 2015. Pandangan Encik Ramlan bin Iskandar turut dinyatakan oleh Encik Ali Sabana bin Bujang, seorang guru dan penduduk asal Kampung Melango, Saratok ketika diwawancara pada jam 11.40 pagi bertarikh 24 Mac 2016.

lebih sempurna berlandaskan Islam sebenar. Apabila pengetahuan agama mengukuh dalam jiwa sudah tentu mereka akan menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam konteks adat dan budaya yang bertentangan dengan Islam kini telah banyak ditinggalkan oleh masyarakat Melayu di kawasan pesisir walaupun tidak seratus peratus.¹²⁸ Perubahan ke arah yang lebih positif tetap berlaku dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut sedikit demi sedikit sehinggakan adat dan budaya yang negatif mulai semakin terhakis.

Ternyata nilai dan amalan positif masyarakat Melayu Sarawak penting dalam memandu kehidupan masyarakatnya ke arah kemakmuran dan kesejahteraan dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Transformasi atau perubahan minda untuk mengubah nilai, amalan dan sikap yang ternyata bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai moral perlu dilakukan oleh masyarakat Melayu. Nilai dan amalan yang unik dan tersendiri ini perlu disesuaikan dengan peredaran zaman agar mereka tidak terkongkong dalam tradisi lama sekali gus dapat memberikan penekanan terhadap aspek positif. Impaknya, pembaharuan ini akan menjadikan mereka lebih agresif dan berdaya saing dengan masyarakat lain. Nilai dan amalan yang positif seandainya diteruskan dan dilakukan dengan cara yang betul dan bermanfaat sudah pasti akan membawa impak yang bermakna kepada orang Melayu Sarawak. Dalam masa yang sama, nilai dan amalan tidak boleh disalahertikan sebagai punca kemunduran dalam masyarakat Melayu, sebaliknya kesedaran dan kemampuan anggota masyarakatnya adalah sangat penting untuk melakukan perubahan atau penambahbaikan tanpa melakukan penghapusan terhadap budaya tersebut.

¹²⁸ Wawancara dengan Puan Salina binti Sauti penduduk Kampung Jalan Bunga Raya Saratok, pada jam 11.30 pagi bertarikh 19 September 2015.

KESIMPULAN

Budaya yang negatif memberikan impak yang signifikan sehingga membawa kepada kemunduran dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Melalui penulisan Abang Yusuf Puteh, ternyata beliau cuba menjelaskan budaya dalam konteks nilai dan amalan positif dan negatif masyarakat Melayu Sarawak. Beliau melahirkan rasa sedih dan kecewa kerana terhakisnya nilai dan amalan positif dalam kalangan masyarakat Melayu yang sepatutnya dikekalkan. Beliau berpendapat bahawa transformasi minda masyarakat Melayu Sarawak boleh membawa kejayaan dalam usaha untuk memajukan masyarakat Melayu yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan masyarakat lain di Sarawak terutamanya masyarakat Cina.

Beliau turut secara terang-terangan melontarkan teguran terhadap amalan, nilai dan sikap negatif yang boleh menjejaskan kemajuan masyarakat terutamanya aspek politik, ekonomi dan sosial. Tuntutan beliau dalam aspek ini ada kebenarannya memandangkan kongkongan daripada budaya yang keterlaluan telah membantutkan kemajuan dan ternyata memberi kesan yang berpanjangan kepada kehidupan masyarakat Melayu. Impaknya, kehidupan terus berada di takuk yang lama lantaran sukar untuk melakukan transformasi.

Terdapat saranan beliau dalam pengkalan dan transformasi aspek nilai, amalan dan sikap yang boleh menjadi asas kepada revolusi minda dan kehidupan masyarakat Melayu. Di samping itu, penekanan terhadap pengukuhan jati diri boleh dijadikan asas kepada tamadun sesuatu bangsa. Revolusi dalam konteks pemikiran Abang Yusuf Puteh ini merupakan transformasi yang positif untuk masyarakat Melayu mencapai kemajuan dan sekaligus menghapuskan kemiskinan yang merupakan identiti mereka sebelum ini.

Keberanian beliau dalam menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap amalan, nilai dan sikap yang mencengkam minda dan sosioekonomi masyarakat Melayu tidak harus

dipandang ringan. Hal ini demikian kerana tuntutan transformasi kepada sesuatu nilai, amalan dan sikap yang telah sebatikan dan mendarah daging dalam diri anggota masyarakat bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Cetusan dan teguran beliau atas tuntutan ini sekurang-kurangnya berjaya membangunkan minda masyarakat sedari awal agar menerima perubahan demi kemajuan orang-orang Melayu Sarawak.

Walaupun kelihatan penulisan Abang Yusuf Puteh lebih ke arah mengkritik budaya negatif masyarakat Melayu Sarawak, namun beliau turut memuji beberapa nilai dan amalan masyarakat seperti nilai hormat dan setia kepada yang lebih tua atau pun kepada pemimpin serta nilai gotong royong dalam masyarakat Melayu Sarawak ataupun *berdurok*. Hasil garapan minda beliau boleh diguna pakai untuk mencari titik transformasi dalam usaha melihat kekuatan dan kelemahan orang Melayu.

Usaha beliau ternyata memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat Melayu Sarawak walaupun memakan masa dalam menyemai dan meluruskan pemahaman masyarakat terhadap budaya positif ini. Apabila slogan “Melayu Baru” diisytiharkan pada tahun 1991 oleh kepemimpinan Persekutuan Malaysia terpancar kegembiraan dalam dirinya kerana usahanya selama ini menepati gagasan tersebut. Beliau menganggap pengisytiharaan slogan “Melayu Baru” seiring dengan Wawasan 2020 sebagai satu deklarasi yang perlu dibanggakan. Senario ini menunjukkan betapa beliau mempunyai ciri-ciri perjuangan Melayu yang unggul untuk melihat kemajuan orang Melayu terutamanya orang-orang Melayu Sarawak dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Ringkasnya, dapatlah dinyatakan bahawa teguran dan kritikan beliau terhadap budaya negatif orang Melayu Sarawak ini adalah berdasarkan realiti ketika berada dalam perkhidmatan awam sebagai kakitangan kerajaan, menjadi ahli politik, 1987-1991 dan lebih-lebih lagi setelah meninggalkan dunia politik apabila tidak mempertahankan kerusi

DUN Kalaka, ketika Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak pada tahun 1991. Pemerhatian yang dilakukan selama 10 tahun sejak persaraan daripada kerajaan negeri pada tahun 1985 telah banyak memberikan input penting dan berguna dalam memahami amalan, nilai dan sikap orang Melayu Sarawak yang perlu dibuang supaya orang Melayu mampu mengecapi kejayaan serta kemajuan untuk generasi pada masa yang akan datang.

University of Malaya

BAB 8 : KESIMPULAN

Sebelum ini beberapa pandangan yang menyatakan kemunduran masyarakat Melayu Sarawak disebabkan mereka malas untuk berusaha dan terlalu mengharap bantuan daripada pihak kerajaan semata-mata. Walau bagaimanapun, menerusi penelitian dalam kajian ini membuktikan terdapat beberapa faktor lain yang membawa kepada kemunduran masyarakat Melayu Sarawak terutamanya Melayu pesisir. Faktor utama yang membawa kepada transformasi yang terlalu perlahan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir ialah faktor kepimpinan pemimpin Melayu itu sendiri. Faktor tersebut telah membawa kepada kemunduran dalam aspek pendidikan, ekonomi dan tiada usaha yang berkesan untuk membuka minda masyarakat Melayu pesisir yang masih terkongkong dengan adat dan budaya lapuk. Oleh itu, aspek-aspek ini membuka jalan kepada terzahirnya teguran Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu pesisir di Sarawak. Teguran-teguran ini menunjukkan bahawa beliau ternyata memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat Melayu pesisir yang masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek pada ketika itu.

Merujuk kepada orang Melayu Sarawak, pada suatu ketika orang Melayu Sarawak melibatkan diri dengan aktif dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Malah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa orang Melayu Sarawak tegak berkuasa dalam semua aspek tersebut terutamanya sebelum tahun 1841. Walau bagaimanapun, penguasaan ini lama kelamaan beransur hilang apabila Sarawak diserahkan kesultanan Melayu Brunei kepada James Brooke pada tahun 1841. Keadaan ini akhirnya telah menyumbang kepada kehilangan kekuasaan orang Melayu Sarawak kepada kuasa penjajah. Tindakan Brooke dalam usaha untuk melemahkan orang Melayu Sarawak tidak terhenti di situ kerana orang

Melayu terutamanya golongan terpendang di Sarawak, iaitu Melayu Perabangan masih mempunyai penguasaan terhadap ekonomi. Oleh yang demikian, dengan membawa masuk imigran Cina adalah jalan terbaik bagi menutup penguasaan ekonomi oleh orang-orang Melayu di Sarawak. Namun peranan golongan Melayu Perabangan yang terdiri daripada pembesar Melayu semasa pemerintahan Brooke sekurang-kurangnya menjadi penyelamat kepada kelangsungan masyarakat Melayu dan agama Islam di Sarawak.

Abang Yusuf Puteh bukanlah satu nama yang asing bagi masyarakat Melayu di Sarawak terutamanya masyarakat Melayu pesisir di Daerah Kalaka. Walaupun usaha beliau hanya berkisar di kelompok yang kecil di Sarawak tetapi idea peranan yang dimainkannya sangat bermakna kepada masyarakat Melayu Sarawak ketika itu. Walaupun beliau dilahirkan pada zaman Brooke tetapi beliau membesar dan menghabiskan persekolahannya ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran koloni British. Oleh yang demikian, beliau memahami situasi yang berlaku di Sarawak sama ada dalam aspek politik, ekonomi ataupun sosial terutamanya di kawasan masyarakat Melayu pesisir. Kesan daripada itu telah memberikan kesedaran kepada Abang Yusuf Puteh tentang permasalahan yang berlaku dan dialami oleh masyarakat Melayu di kawasan pesisir. Berdasarkan kepada penulisan beliau jelas menunjukkan kelemahan dan pengabaian kepimpinan Melayu sendiri yang telah menurunkan darjah kesejahteraan orang Melayu di Sarawak. Pucuk kepimpinan Melayu sepatutnya memainkan peranan dalam usaha peninggian martabat Melayu dalam aspek politik, sosial, ekonomi dan agama namun yang berlaku hanyalah menjaga kepentingan diri sendiri semata-mata.

Abang Yusuf Puteh telah membangunkan kepimpinan Melayu di Sarawak dengan cara melontarkan pandangan dan teguran terhadap budaya kepimpinan Melayu. Abang Yusuf Puteh bukan setakat melakukan kritikan tetapi mengutarakan beberapa cadangan yang perlu

diambil perhatian oleh para pemimpin Melayu demi kepentingan pembangunan orang Melayu Sarawak terutamanya di kawasan pesisir. Di samping itu, Abang Yusuf Puteh turut berperanan dalam aspek pendidikan masyarakat Melayu pesisir yang kurang diberi perhatian oleh pihak kerajaan seperti pengabaian infrastruktur, kekurangan guru, ketiadaan sekolah menengah, sekolah yang jauh dari penempatan dan sebagainya. Oleh itu, Abang Yusuf Puteh mengambil inisiatif dengan melontarkan teguran dan mengutarakan pandangan demi membangunkan aspek pendidikan untuk masyarakat Melayu pesisir yang jauh ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain di Sarawak.

Selain itu, beliau turut melakukan beberapa usaha memajukan aspek pendidikan dalam masyarakat. Antaranya, ketika memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, beliau berusaha untuk mendapatkan dana untuk membaiki sekolah-sekolah dan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, beliau turut menyediakan pendidikan sekular dan agama secara percuma dengan menjadikan rumahnya sebagai tempat PdP. Malah beliau menyediakan guru untuk mengajar para pelajar yang terdiri daripada anak-anak Melayu pesisir dan kelas untuk orang dewasa. Bahkan, beliau menyediakan pengangkutan percuma untuk mengambil dan menghantar pelajar-pelajar bagi memudahkan mereka untuk menghadiri kelas. Semua ini dilakukannya dengan ikhlas atas kesedaran pentingnya pendidikan untuk kemajuan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pesisir.

Seterusnya, Abang Yusuf Puteh turut melontarkan teguran terhadap kemunduran ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Teguran yang dilakukan bukan untuk meletakkan kesalahan kepada masyarakat semata-mata tetapi cuba untuk membuka mata dan telinga golongan pemimpin Melayu tentang permasalahan ini. Teguran yang dilakukannya juga bukan bertujuan untuk menjatuhkan maruah atau kedudukan tetapi untuk memupuk

kesedaran tentang kepentingan dalam membangunkan ekonomi masyarakat. Beberapa usaha turut dilakukan beliau demi meningkatkan aspek ekonomi masyarakat Melayu pesisir. Antaranya, membangunkan aspek pertanian dan memajukan bidang pendidikan. Di samping itu, Abang Yusuf Puteh turut menegur tentang amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir yang bertentangan dengan tuntutan ajaran Islam. Beliau memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat dengan pelbagai usaha yang tidak kurang pentingnya. Antaranya, mengukuhkan aspek pendidikan agama dalam kalangan masyarakat, menggalakkan aktiviti berunsurkan agama dan mendesak MIS untuk melakukan pemantauan dan teguran secara terbuka kepada masyarakat Melayu yang masih mengamalkan sesuatu perkara yang tidak selari dengan ajaran agama. Beliau menyedari masyarakat Melayu melakukan hal sedemikian kerana kurangnya peranan yang dimainkan oleh pucuk kepimpinan Melayu itu sendiri dan juga kemunduran dalam aspek pendidikan. Faktor-faktor ini telah menyebabkan orang Melayu Sarawak terus ketinggalan dalam aspek ekonomi dan masih meneruskan nilai, amalan dan sikap yang mendorong kepada kelemahan peribadi mereka.

Mengenai teguran terhadap budaya kepimpinan Melayu Sarawak, Abang Yusuf Puteh telah melontarkan beberapa budaya kepimpinan negatif yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Melayu. Budaya kepimpinan pemimpin yang terarah kepada pembangunan diri sendiri, keluarga dan rakan subahat telah menyerlahkan lagi hakikat pengabaian yang dilakukan oleh golongan pemimpin Melayu terhadap orang Melayu. Pengabaian ini lebih lagi kepada masyarakat Melayu pesisir yang kebanyakannya menerima seadanya segala keputusan pucuk kepimpinan negeri. Hal ini bertambah buruk apabila pemimpin-pemimpin seperti wakil rakyat dan ketua kampung ataupun penghulu tidak bertindak aktif dan berdiam diri. Hasilnya sudah tentu mengakibatkan masyarakat Melayu pesisir

berterusan berada dalam kemiskinan dan kemunduran sehingga jauh dari kemajuan. Situasi lebih kritikal berdasarkan ruang dan masa ketika kemerdekaan Sarawak yang masih terlalu muda untuk diperintah dan ditadbir oleh golongan yang berusaha untuk mengambil kesempatan yang ada. Selain itu, budaya kepimpinan Melayu yang statik menambahkan tekanan kepada kehidupan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek. Dalam erti kata lain kepimpinan Melayu yang pasif menjadikan masyarakat Melayu berada dalam situasi yang sama sehingga mereka tidak mengetahui makna dan kepentingan kemajuan.

Himpunan budaya kepimpinan yang bertentangan dengan nilai murni yang menjadi pegangan golongan pemimpin-pemimpin Melayu di Sarawak berdasarkan teguran Abang Yusuf Puteh ternyata ada benarnya. Hal ini dapat disaksikan melalui pengamalan budaya materialistik untuk menjaga kepentingan peribadi masing-masing menjadi keutamaan apabila memegang tampuk kekuasaan. Selain itu, kepimpinan yang pincang mewarnai budaya kepimpinan Melayu Sarawak yang membawa kepada pemimpin yang bijak menabur janji-janji palsu kemudiannya dilupakan dengan hanya memberikan sedikit habuan kepada golongan yang dipimpin. Hal ini bukan merujuk kepada sikap masyarakat Melayu pesisir yang melihat kepada kebendaan tetapi kerana sikap syukur yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka sejak dahulu lagi. Akibatnya, pemimpin-pemimpin yang melakukan kepincangan ini mengambil kesempatan atas kesyukuran nikmat secara membuta tuli masyarakat Melayu pesisir. Teguran Abang Yusuf Puteh tidak hanya kepada ketamakan, kelemahan dan kepincangan kepimpinan Melayu tetapi turut merangkumi moral pemimpin-pemimpin Melayu di kawasan masyarakat Melayu pesisir. Ketandusan moral kepimpinan pemimpin Melayu mengakibatkan masyarakat Melayu pesisir berterusan menerima pengabaian yang sepatutnya tidak dilakukan oleh golongan pemimpin yang diberikan amanah.

Budaya kepimpinan Melayu yang lemah juga telah membawa kepada masyarakat Melayu pesisir ketinggalan dalam arus pendidikan perdana. Sesungguhnya aspek pendidikan berperanan penting mendorong Melayu pesisir untuk melakukan anjakan paradigma dalam kehidupan mereka. Transformasi minda akan lebih mudah berlaku apabila berupaya untuk mentafsirkan kepentingan perubahan untuk kemajuan dan kemakmuran mereka. Oleh yang demikian, dakwaan-dakwaan yang meletakkan kesalahan masyarakat Melayu pesisir yang menolak kemajuan dan tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka untuk menimba ilmu pengetahuan ternyata silap. Dakwaan yang menyatakan masyarakat Melayu pesisir tidak mempunyai kesedaran juga ditolak apabila diteliti pengetahuan mereka yang terbatas tentang kepentingan pendidikan. Hal ini menunjukkan keterbatasan ini bukanlah kesalahan atau kelemahan mereka melainkan kelemahan ini perlu untuk diletakkan di bahu pemimpin-pemimpin Melayu setempat yang dilantik atau dipilih di kawasan penempatan Melayu tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas utama pemimpin yang berpendidikan dan berpengetahuan untuk membantu masyarakatnya. Bukti yang menunjukkan kesedaran bukannya relatif apabila pembukaan sekolah-sekolah di kawasan tersebut telah menunjukkan jumlah peningkatan pelajar-pelajar Melayu sama ada di sekolah rendah mahupun di peringkat menengah. Hal ini menjelaskan keinginan masyarakat Melayu pesisir tetap ada untuk mendapatkan sesuatu yang bermanfaat tetapi peranan pihak yang sepatutnya bertanggungjawab perlu untuk meningkatkan tahap pemahaman dan kesedaran mereka.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa masyarakat Melayu pesisir sebenarnya menyedari kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Malah mereka sedaya upaya mungkin untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka sekiranya diberi peluang. Peluang yang dimaksudkan untuk memenuhi keinginan masyarakat Melayu pesisir

adalah sekolah peringkat rendah dan menengah yang sempurna mencakupi infrastruktur yang lengkap, guru yang mencukupi dan berhampiran dengan penempatan mereka. Namun, keadaan ini tidak berlaku di kawasan Melayu pesisir. Impaknya, masyarakat Melayu pesisir yang rata-ratanya tergolong dalam kelompok masyarakat yang miskin dan tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sekurang-kurangnya menamatkan pelajaran di peringkat menengah. Akhirnya, anak-anak Melayu pesisir terpinggir dalam arus perkembangan pendidikan semasa.

Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu pesisir bukannya ketiadaan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan mereka tetapi berpunca daripada kelemahan golongan pemimpin yang mewakili mereka. Keinginan untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna adalah harapan setiap manusia yang bertamadun terutamanya untuk masa depan anak-anak mereka. Sebaliknya, mereka tidak diberi kesempatan untuk menikmati keindahan ilmu apabila peluang-peluang mereka ditutup secara tidak langsung oleh pihak kerajaan. Ketika Abang Yusuf Puteh memegang jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam negeri, beliau telah mengambil beberapa inisiatif untuk membela nasib masyarakat Melayu pesisir yang terbiar untuk bangkit sendiri. Walaupun Abang Yusuf Puteh berusaha untuk melakukan pelbagai inisiatif namun sudah tentu ianya terbatas lantaran beberapa kekangan terutamanya sumber kewangan. Hal ini kerana semuanya atas perbelanjaan yang dikeluarkan sendiri oleh beliau.

Sesungguhnya, tidak dinafikan muncul juga golongan pemimpin Melayu yang melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan tetapi ianya tidak cukup berkesan apabila tidak mendapat sokongan majoriti pemimpin Melayu sendiri. Begitu juga, masyarakat Melayu Sarawak bukanlah semua menjadi mangsa kepada kerakusan

kepimpinan Melayu kerana masyarakat Melayu di kawasan bandar lebih terbelah nasib mereka dengan mendapat pembangunan pendidikan yang setaraf dengan kaum-kaum yang lain. Walau bagaimanapun, harus ditegaskan di sini bahawa kesilapan dan kealpaan pemimpin Melayu harus dipersalahkan yang menjadi punca masyarakat Melayu pesisir terlalu lambat untuk merasai keindahan pendidikan yang sepatutnya telah lama mereka kecapai.

Masyarakat Melayu pesisir gagal mencapai tahap ekonomi yang mapan lantaran kelemahan kepimpinan Melayu dan tidak aktif dalam usaha untuk memperkembangkan ekonomi orang Melayu sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam bab enam sebelum ini. Malah peralihan kuasa ekonomi yang dahulunya pernah dikuasai oleh orang Melayu kepada kaum Cina terutamanya membuktikan golongan pemimpin tidak memainkan peranan yang bersepadu untuk menjaga kepentingan orang Melayu. Hal ini tidak sepatutnya berlaku seandainya golongan kepimpinan Melayu memandang berat permasalahan masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu pesisir. Di samping itu, pengamalan kepercayaan yang berkait rapat dengan ekonomi yang masih berterusan digunapakai oleh masyarakat Melayu pesisir turut memberikan impak psikologi yang berpanjangan kepada diri mereka sendiri. Penggunaan istilah-istilah dalam kehidupan seharian mereka secara tidak langsung mengakibatkan berlakunya penyempitan minda dalam kalangan mereka. Di sini sekali lagi dapat dilihat peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya dipikul di atas bahu pemimpin untuk difikirkan supaya ianya tidak akan berulang dari generasi kepada generasi yang seterusnya.

Dalam konteks ekonomi masyarakat Melayu pesisir, hasil daripada kajian mendapati terdapat beberapa perkara yang telah menjadi amalan masyarakat Melayu pesisir yang mengakibatkan mereka kurang mantap dalam bidang ini. Kebanyakan masyarakat Melayu

pesisir terdiri daripada mereka yang miskin yang masih ketinggalan dalam aspek yang merujuk kepada ekonomi mereka pada ketika itu. Pada saat Abang Yusuf Puteh meninjau tahap kehidupan masyarakat Melayu pesisir telah menunjukkan mereka dipinggirkan atas tiket mereka adalah masyarakat luar bandar yang tidak mengetahui perkembangan semasa. Hakikatnya, perlu ditegaskan bahawa masyarakat Melayu pesisir merupakan masyarakat yang rajin berusaha dengan membanting keringat untuk mencari rezeki. Walau bagaimanapun, kemunduran aspek ekonomi terus berada dalam lingkungan mereka. Kemiskinan dan kemunduran yang dialami oleh masyarakat Melayu pesisir bukan disebabkan mereka malas untuk berusaha tetapi pengabaian yang dilakukan oleh golongan pemimpin. Pemimpin Melayu sendiri yang melakukan pengabaian yang merosakkan sistem ekonomi masyarakat Melayu di kawasan pesisir tanpa pembelaan yang sewajarnya.

Menerusi penelitian tersebut jelas menunjukkan kemunduran ekonomi bukannya terzahir daripada masyarakat Melayu pesisir tetapi akibat daripada pemimpin Melayu yang tamak dan penuh dengan jiwa kedengkian. Pemimpin-pemimpin Melayu yang dibutakan dengan kekuasaan sehinggakan masyarakat sendiri terabai dalam kemunduran dan kemiskinan yang amat serius pada ketika itu. Hal ini dapat dibuktikan dengan tanggungjawab setiap anggota keluarga masyarakat Melayu pesisir yang bekerja keras untuk menutup kekurangan dengan penuh semangat membanting tulang untuk terus mencari rezeki. Masyarakat Melayu pesisir di Sarawak yang kebanyakannya terdiri daripada nelayan dan petani merupakan masyarakat yang rajin sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Hal ini dapat menepis dakwaan mengatakan kemiskinan yang berlaku dalam kalangan mereka adalah disebabkan mereka malas untuk berusaha ternyata tidak tepat.

Kepentingan peranan besar golongan pemimpin Melayu dapat diteliti menerusi kegemilangan masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang seperti aspek ekonomi, sosial dan politik ketika di bawah pemerintahan kesultanan Melayu Brunei kerana di bawah pentadbiran kepimpinan Melayu. Namun segalanya berubah apabila sistem pemerintahan Melayu telah mengalami kemusnahan dan kehilangan kuasa setelah kedatangan penjajah Brooke pada tahun 1841. Perbezaan aspek ekonomi masyarakat Melayu sebelum dan selepas kehilangan kuasa kepimpinan Melayu dapat menjelaskan betapa golongan kepimpinan Melayu memainkan peranan yang sangat besar terhadap kemajuan masyarakat. Walaupun tidak dinafikan segelintir masyarakat Melayu masih berada dalam krisis kemiskinan ketika di bawah pemerintahan kesultanan Melayu Brunei tetapi keadaan mereka kemungkinan lebih baik sekiranya Sarawak tidak diserahkan kepada Brooke. Dengan kata lain, keadaan ekonomi orang Melayu kemungkinan akan bertambah lebih baik sekiranya terus berada di bawah pemerintahan kesultanan Melayu Brunei. Hal ini demikian kerana penguasaan Brooke telah mengubah bukan sahaja senario politik tetapi kepada aspek ekonomi masyarakat Melayu. Perkara yang ingin ditegaskan disini adalah kepentingan peranan pemimpin yang berupaya untuk mencorakkan peninggian sesuatu aspek dalam masyarakatnya. Maka dapat dijelaskan bahawa pemimpin yang tidak melaksanakan tanggungjawab dan peranan mereka menjadi punca kepada kemiskinan berterusan dalam kalangan masyarakat Melayu pesisir. Oleh yang demikian, secara logiknya pemimpin Melayu sendiri yang membina tembok pemisah antara orang Melayu di kawasan pesisir dengan kemajuan sehingga jauh ketinggalan.

Seterusnya, teguran Abang Yusuf Puteh dalam usaha untuk memartabatkan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir dapat ditelusuri menerusi tegurannya ini. Antara aspek yang mendapat teguran beliau sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini ialah

amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu Sarawak. Dalam kajian ini mendapati beberapa amalan, nilai dan sikap masyarakat Melayu pesisir didapati menjadi batu penghalang kepada transformasi masyarakat Melayu. Adat dan budaya yang tidak bersesuaian atau selari dengan ajaran Islam masih digunapakai dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini didapati juga memberikan impak psikologi kepada kehidupan mereka sehingga melambatkan proses perubahan yang positif. Adat dan budaya seperti amalan, nilai dan sikap yang melemahkan ekonomi mereka tidak mengalami kemerosotan tetapi aspek yang mengukuhkan kekuatan ukhwhah antara mereka semakin terhakis sedikit demi sedikit. Hal ini dilihat Abang Yusuf Puteh sebagai kesan daripada kemunduran pendidikan yang menghalang mereka untuk menapis sesuatu perkara. Malah kesan daripada amalan adat dan budaya sedemikian juga membawa mereka ke lembah kemiskinan kerana kewujudan beberapa ungkapan yang merujuk kepada kemunduran terus diamalkan. Ungkapan-ungkapan tersebut memberikan implikasi kepada pemujukan psikologi mereka untuk menghalang kepada transformasi minda dan terus berada dalam situasi yang lama (kemiskinan).

Abang Yusuf Puteh bukan setakat menegur masyarakatnya tetapi turut melakukan pelbagai usaha untuk mengikis amalan yang bertentangan dengan ajaran agama demi mengembalikan kegemilangan masyarakat Melayu Sarawak terutamanya orang Melayu pesisir. Antaranya, menyediakan kelas pendidikan agama secara percuma dengan menjadikan rumahnya sendiri sebagai pusat pendidikan. Selain itu, beliau turut mendesak MIS supaya memainkan peranan dengan melakukan penjelasan dan penerangan kepada masyarakat Melayu berkaitan adat dan budaya masyarakat supaya selari dengan tuntutan agama. Dalam hal ini dapat menjelaskan kepada kita bahawa pemimpin masyarakat yang telah dilantik atau dipilih seharusnya mampu untuk melakukan perubahan sebagaimana

yang diharapkan. Namun apa yang berlaku budaya kepimpinan Melayu Sarawak yang begitu lalai mengakibatkan kemudaratan terus dialami oleh masyarakat Melayu di Sarawak terutamanya orang Melayu pesisir.

Sehubungan itu, dapat dinyatakan di sini bahawa usaha Abang Yusuf Puteh bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan, peninggian ekonomi dan kesedaran aspek keagamaan dalam diri mereka. Aspek pendidikan, ekonomi dan agama adalah asas kepada kemajuan yang perlu mereka miliki. Namun, untuk mencapai aspek-aspek tersebut menemui jalan yang sukar sekiranya pemimpin-pemimpin Melayu sendiri terlalu lalai dalam melaksanakan tanggungjawab dan bersikap mementingkan diri sendiri. Akhirnya nanti generasi orang Melayu termasuk generasi pemimpin Melayu sendiri akan menerima kesan buruknya. Oleh yang demikian, prakarsa Abang Yusuf Puteh ternyata benar apabila beliau bukan setakat melontarkan teguran tetapi mengusahakan sesuatu untuk mengangkat harapan dan impiannya menjadi kenyataan. Justeru, teguran dan prakarsa Abang Yusuf Puteh terhadap budaya kepimpinan Melayu, kemunduran pendidikan Melayu, ketinggalan ekonomi Melayu dan salah faham dalam aspek keagamaan masyarakat Melayu ternyata untuk mengangkat martabat masyarakat Melayu pesisir ke satu tahap yang lebih tinggi ataupun sekurang-kurangnya setanding dengan kaum-kaum yang lain di Sarawak. Untuk mencapai harapan murni tersebut memerlukan pengorbanan semua pihak terutamanya golongan pemimpin Melayu Sarawak sama ada pemimpin di peringkat negeri atau pun di peringkat yang lebih kecil. Manakala sokongan daripada masyarakat Melayu amnya dan Melayu pesisir khasnya perlu untuk memantapkan lagi usaha untuk memartabatkan kedudukan masyarakat Melayu pesisir yang sekian lama dipinggirkan dalam arus pembangunan lebih-lebih lagi dalam era pasca merdeka.

RUJUKAN

SUMBER PRIMER

a. Dokumen, Ucapan, Laporan dan Penerbitan Rasmi

Council Negri Debates, 6th, 7th, 8th, 9th December 1960.

Council Negri Debates, Official Report First Meeting for the First Session of the Ninth Council Negri, 07th December 1971.

Council Negri Debates, Official Report First Meeting for the Second Session of the Ninth Council Negri, 07th December 1975.

Council Negri Debates, Official Report First Meeting for the Third Session of the Ninth Council Negri, 25th March 1976.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke 12, 9 Julai 1987.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama, Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 11 Julai 1987.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Pertama, Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 19 Julai 1987.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Kedua bagi Penggal yang Pertama, Dewan Undangan Negeri yang Ke-12, 23 November 1987.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke 12, 25 Mei 1988.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Pertama bagi Penggal yang Keempat, Dewan Undangan Negeri, yang Ke-12, 16 Mei 1990.

Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, 1970-2009.

Fail National Archives of Australia, A1838/280/3028/2/1 part 2.

Information on Sarawak, Borneo Literature Bureau, Kuching, 1960.

Jabatan Kebajikan Daerah Saratok, 2014.

Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 1971, 1981, 1991, 2001, 2011.

Jabatan Perangkaan Malaysia, Tahun 1970, 1985, 2009, 2011, 2012.

Kementerian Kesihatan dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Keperluan Harian Diperlukan atau Recommended Daily Allowance (RDA), 2004.

Pejabat Pendidikan Daerah Saratok, Enrolmen Pelajar, 2000-2011.

Perlembagaan Malaysia, 1963, Perkara 160 (2).

Sarawak Annual Report 1947, Kuching: Government Printing Office.

Sarawak Department of Education Triennial Report, 1958-1960.

Sarawak Education Department, Annual Summary, 1954, Table IX & 1963, Table IB.

Sarawak Government, *Sarawak Annual Report*, 1954.

b. Fail Setiausaha Kerajaan Negeri, 1970-1985

Fail Bil: (4) dlm YPS/D1/01-3/S4.

Fail Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2.

Fail Bil: (23) dlm YPS/KUC/6.

Fail Bil: (41) dlm YPS/KUC/2.

Fail Bil: (180) dlm YPS/KUC/2.

Fail Bil: (44) dlm YPS/KUC/2 (07.12.1973).

Fail Bil: (33) dlm YPS/KUC/2 (16.11.1973).

Fail Bil: (3) dlm YPS/KUC/2 (02.04. 1974).

Fail Bil: (120) dlm YPS/KUC/2 (11.04.1974).

Fail Bil: (209) dlm YPS/KUC/2 (22.08.1974).

Fail Bil: (222) dlm YPS/Kuch/2 (17.09.1974).

Fail Bil: (223) dlm YPS/KUC/2 (12.09.1974).

Fail Bil: (3) dlm YPS/KUC/2(I) (09.10. 1974).

Fail Bil: 8/YPS/D1/01-3/S6 (06.02.1975).

Fail Bil: (9) dlm YPS/D1/01-3/S2 (04.03.1975).

Fail Bil: (11) dlm YPS/D1/01-3/M1 (05.04.1975).

Fail Bil: (12) dlm YPS/D1/01-3/S2 (18.04.1975).

Fail Bil: (15) dlm YPS/D1/01-3/S2 (18.09.1975).

Fail Bil: (13) dlm YPS/D1/01-3/M1 (19.09.1975).

Fail Bil: (17) dlm YPS/D1/01-3/S2 (13.11.1975).

Fail Bil: (14) dlm YPS/D1/01-3/M1(14.11.1975).

Fail Bil: (19) dlm YPS/D1/01-3/S2 (22.11.1975).

Fail Bil: 16/YPS/D1/01-3/S2 (29.11.1975).

Fail Bil: 8/YPS/D1/01-3/M1 (22.05.1976).

Fail Bil: 8/YPS/D1/01-3/M1 (22.05.1976).

Fail Bil: (5) dlm YPS/01-1/T1 (13.10.1976).

Fail Bil: (4) dlm YPS/D1/01-3/S4 (11.03.1977).

Fail Bil: (6) dlm YPS/D1/01-3/83 (06.04.1977).

Fail Bil: 125/YPS/pf.52 (05.03.1980).

Fail Bil: (4) YPS/D1/01-3/M2 (04.07.1980).

SUMBER SEKUNDER

a. Buku

Al-Quran

A. Aziz Deraman, Pola Minda Melayu dlm. Anwar Ridhwan *Minda Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

- Abang Mohd Atei Medaan, *Di Sebalik Falsafah Realiti Baru: Aspirasi dan Pemikiran Islam Pehin Sri Dr Haji Abdul Taib Mahmud*, Kuching: Jabatan Agama Islam Sarawak, 2004.
- Abang Abdul Razak, *Kisah Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Abang Yusuf Puteh, *A Profile of Sarawak Malays*, Research Projects of the Institute of Malay Civilisation, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005.
- Abang Yusuf Puteh, *Little Footsteps*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1993.
- Abang Yusuf Puteh, Adat Orang Melayu dan Kesannya Terhadap Ekonomi, dlm *Buku Sambutan Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, Kuching: Jawatankuasa Penyelidikan Sejarah, Penerbitan dan Penerangan, 1979.
- Abang Yusuf Puteh, *Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Abang Yusuf Puteh, *Dari Segi Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964.
- Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, Kuching; Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.
- Abang Yusuf Puteh, *River of Dry Tears: The Poor Malay of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.
- Abang Yusuf Puteh, *The Malay Culture of Sarawak*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1996.
- Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak: A Socio-Political Portrait*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1998.
- Abang Yusuf Puteh, *Who Shall Separate Us: Batu Lintang Teachers' College 1949-1999, 50th Anniversary of Golden Memories*, Kuching: Shobra Publications Sdn Bhd, 1999.
- Abdul Razak Abdul Kadir, *Dato Sri Anis bin Abot: Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak, 2007.
- Abu Talib Ahmad, Aliran Kiri Dalam Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 36, 2008, hlm. 24-51.
- Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1998.

- Ahmad Mahdzan Ayob, *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Ahmad Syawal Abdul Hamid, *Hikayat Panglima Nikosa. Kuching: Bukit Persinggahan, 1876.*
- Ahmad Zainal Abidin dan Abdullah Salleh, *Life in the Malays Kampongs of Kuching: Fifty Years Ago*, Kota Samarahan: Institute of East Asia Studies, University Malaysia of Sarawak, 2002.
- Aisah Zainab Taib, *Sarawak 30 Tahun Merdeka: Cemerlang Dalam Politik Pembangunan*, Kuala Lumpur: Ensamol (M) sdn Bhd, dan Kuching: People's Mirror (M) Sdn Bhd, 1993.
- Ally Kawi, *It Has Been Worth The Pain*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2009.
- Ally Kawi, *Ming Court Crisis: A Chose and Intimate Knowledge of the Crisis Behind the Scene*, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd, 2010.
- Amin Sweeney, P.L., Silsilah Raja Berunai, *JMBRAS* 41(2) December 1968.
- Angkatan Nahdatul Islam Bersatu, *Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA), 1969-1979*, Kuching: Jawatankuasa Pendidikan Sejarah, Penerbitan dan Penerangan, 1979.
- Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*. U.S.T Cooperative, 1960.
- Anwar Abdullah, *Biografi Dato" Onn: Hidup Melayu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Awang Azman Awang Pawi (ed), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian ilmu Budaya*, Kota Samarahan: Institut Pengajian Asia Timur, 2014.
- Awang Hasnadi Awang Mois, Adat Melayu Sarawak, dlm Abdul Latif Abu Bakar (Ed), *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998.
- Awg Kasmurie Awg Kitot & Arbaiyah Mohd Noor, Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak, *Jurnal Sejarah*, Vol 2, Universiti Malaya, Disember 2015.
- Aziz Zariza Ahmad, *Taib Mahmud: Ke arah Impian Bersama Sarawak*, Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd, 1986.
- Barbossa, D., *The Book of Duarte Barbossa*, Ed. M.L. Dames, London: Hakluyt Society, Jil.2, No. 49, 1921.

- Baring-Gould, S. & C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under its Two White Rajahs, 1839-1908*, London: Henry Sotheran, 1909.
- Beccari, O., *Wandering in The Great Forests of Borneo: Travels and Research of a Naturalist in Sarawak*, London: Archibald Constable & Co. Ltd, 1904.
- Benedict Sandin, *Return Iban (Iban Geneology)*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1967.
- Bewsher, R.A., Agricultural Education Officer to the Acting Director of Education, *Report on Visits to Schools in 4th and 5th Divisions, March-June 1947*, No.51 in D.A. 22/7/3, 6 June 1947, MSS Pac.s. 59, RHL.
- Blust, R., Whence The Malays?, dlm. James T.Collins & Awang Sariyan (Ed.), *Borneo and The Homeland of The Malays*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Borneo Literature Bureau, *Information on Sarawak*, Kuching: Sarawak Information Service, 1960.
- Brooke, Charles, *Ten Years in Sarawak*, London: Tinsley Brothers, Jilid II, 1866.
- Brooke, M., *My Life in Sarawak*, New York: Oxford University Press, 1986.
- Bullis, Douglas, *A Sould You Can See: The Life and Thinking of Chief Minister Abdul Taib Mahmud of Sarawak*, Singapore: Encrop Group Sdn Bhd, 1996.
- Chang Pat Foh, *Heroes of the Land of Hornbill*, Kuching: Chang Pat Foh Publisher, 1997.
- Chin and Valeri Mashman, *Sarawak Cultural Legacy: a Living Tradition*, Kuching: Society Atelier Sarawak, 1991.
- Cornwall, N., *Borneo, Past, Present and Future*, London: Society for The Propagation of the Gospel in Foreign Parts, Westminster, 1953.
- Dayang Nuralam Awang Raini, *Ikhwan Zaini: Pejuang Perpaduan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak*, 2001.
- David J.Jones & Zasran Abdullah (ed), *Development in Sarawak: An Aerial Perspective*, Kuching: State Planning Unit, 2001.
- Deddy T. Tikson, *Keterbelakangan & Ketergantungan: Teori Pembangunan di Indonesia, Malaysia dan Thailand*, Jakarta: Ininnawa, 2005.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*. Edisi 4 ed, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

- Effendi Ariffin dan Jameson Ahip Nawie, *Challenges of The Second Wave of Prosperity*, Kuching: The Department of Information Malaysia, Sarawak, 2007.
- Effendi Ariffin & Jameson Ahid Nawie (ed), *Pehin Sri Abdul Taib''s Vision of a Shared Destiny in Multi-Racial Sarawak*, Kuching: The Department of Information Malaysia, Sarawak, 2007.
- Everett, H. H., & J. Hewitt, A History of Santubong, an Island Off the Coast of Sarawak, *JMBRAS* 52, 1909, hlm. 3.
- Faisal S Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 2012.
- Faisal S. Hazis, Contesting Sarawak Malayness: Glimpses of The Life and Identity of The Malays in Southwest Sarawak, dlm Zawawi Ibrahim (Ed), *Representation, Identity and Multiculturalism In Sarawak*. Dayak Cultural Foundation & Persatuan Sains Sosial Malaysia, 2008.
- Faisal S. Hazis, The Politics of Islam in Sarawak, dlm Faisal S. Hazis & Stanley Bye Kadam-Kiai (Ed), *Politics and Local Government in Sarawak*, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.
- Freeman, J.D., *Iban Agriculture : A Report on the Shifting Cultivation of Hill Rice by the Iban of Sarawak*, London, H.M.S.O (Colonial Research Studies, No.18), 1955.
- Giddens, A., *Sociology Sixth Edition*, Cambridge: Polity Press, 2009.
- Ginanjari Kartasasmita, *Sasaran dan kebijaksanaan pokok pembangunan jangka panjang kedua dan Repelita VI*, Universitas Brawijaya Malang, Fakultas ilmu Administrasi, 1994.
- Goatly, J., The Malays, dlm Tom Harrison (ed), The Peoples of Sarawak, *The Sarawak Museum Journal*, Kuching, 1959, hlm. 103-113.
- Hamid Bugo, *The Economic Development of Sarawak, The Effects of Export Instability*, Kuching: Summer Times Publishing, 1984.
- Harrison, T., & O'Connor, S.J. The Prehistoric Iron Industry in the Sarawak River Delta: Evidence By Association, *The Sarawak Museum Journal XII*, 1968, hlm.3.
- Harrison, T., *The Malays of Southwest Sarawak Before Malaysia: A Socio Ecological Survey*. London: Macmillan, 1970.
- Harrison, T., The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia, *The Sarawak Museum Journal*, Vol.11, 1964, hlm. 349.
- Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah Penjajahan British, 1941-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

- Hassan Ahmad, *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*, Shah Alam, Selangor: Alaf 21 Sendirian Berhad, 2006.
- Hepburn, J., *The Handbook of Sarawak: Comprising Historical, Statistical and General Information Concerning The Colony Obtained From Official and Other Reliable Records and Compiled*, Singapore: Malaya Publishing House, 1949.
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009.
- Imtiaz Omar, *Rights, Emergencies and Judicial Review*. Martinus Nijhoff Publishers, 1996.
- Jackson, J.C., *Sarawak: A Geographical Survey of a Developing State*, London: University of London Press, 1965.
- Jagjit Singh Sidhu, Sarawak 1900-1963, dlm Zainal Abidin Wahid (ed.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- James P. Ongkili, *Mordenization in East Malaysia 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.
- Jamil al-Sufri, Sultan Tengah: Sultan Sarawak Darul Hana Pertama & Yang Terakhir, SAWAKU, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak I*, 1, 1991, hlm. 78.
- Jeniri Amir, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pejuang Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia*, Penerbit Jenza, Kuching, 2013.
- Jeniri Amir, *Politik Sarawak: Perspektif Penganalisis*, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.
- Jeniri Amir, Asal Usul Melayu Sarawak: Menjejak Titik Tidak Pasti, *Jurnal Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 1-17.
- Jones, L. W., *Report on the Census of Population (taken on 15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, Ch.VI, 1961.
- Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1962.
- Jones, L. W., *Sarawak: Census of Population (taken on 15th June 1960)*, Kuching: Government Printing Office, 1962.
- Kamaruddin Salleh (ed), *pemikiran Ibn Khaldun*, Bangi: Penerbit UKM, 1996.

- Keppel, Henry, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for The Suppression of Piracy*, New York: Harper & Bros, 1846.
- Kendall, D., *Sociology in Our Times: The Essentials*, Belmont, California: Wadsworth/Thompson Learning, 2011.
- King, V., Additional Notes On The Malohs and Related People of Kalimantan Barat: The Value of Dutch Ethnography". *Sarawak Museum Journal*. Vol XX. 1972, hlm. 94.
- Kosim, M., Belajar dari Negara Tetangga: Catatan Wisata Ilmiah ke Singapura., *Jurnal Karsa* (Terakreditasi No. 80/DIKTI/Kep/2012), 18(2), 2012, hlm. 96-113.
- Kris Jitab & James Ritchie, *Taib Mahmud's Politics of Development Sarawak Awakens*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd, 1992.
- Le Gros Clark, C.D., *The Blue Report*, Kuching: Government Printing Office, 1935.
- Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, Department of History University of Singapore, 1964.
- Lockard, C., Charles Brooke and The Foundation of Modern Chinese Community in Sarawak, *The Sarawak Museum Journal*. 1971, hlm. 77-108.
- Lockard, C.A., *From Kampung to City: A Social History of Kuching, Malaysia 1820 1970*, Ohio: Ohio University, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No 75, 1987.
- Loh Chee Yin, Pieces from the Brooke Past: The Malay Language, dlm *Sarawak Gazette*, Mei 1966, hlm. 162.
- Loon Ching Yu, *The Plot that Failed: Sarawak : 10 March 87-17 April 87*, Singapore: Summer Times, 1987.
- Low, H., *Its Inhabitants and Productions*, London: Frank Cass & Co Ltd, 1848.
- Low, H., *Its Inhabitants and Productions*, London: Frank Cass & Co Ltd, 1968.
- Machiavelli, N., *The Prince*, Wellesley MA: Brenden Books, 2002.
- MacDonald, M., *Borneo People*, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Mahathir Mohamad, *A New Deal for Asia*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 1999.
- Mahathir Mohamad, *Doktor Umum*, Kuala Lumpur: MPH, 2012.
- Malike Brahim, *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*, Selangor: IBS Buku, 2011.

- Mason, R., Parti Bansa Dayak Sarawak and the Sarawak State Elections of 1987 and 1991, *Kajian Malaysia* XIII, No1, 1995, dlm Faisal S. Hazis, *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2012.
- Mohammed Yusof Shibli, The Descent of Some Kuching Malays, dlm *The Sarawak Museum Journal*, Vol 2, 1950, hlm. 262-264.
- Mohd Faisal Syam Abdul Hazis, Etnikisme & Pembangunanisme: Budaya Politik Melayu Sarawak, dlm. *Masyarakat Pesisir Sarawak Barat Daya* (ed), Kota Samarahan: Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, 2006.
- Mohd Murtadza Hj. Daud, Kepercayaan Karut di Kalangan Orang Melayu dan tafsiran dari Segi Agama dan Masyarakat, dlm *Sarawak Gazette*, Kuching, Mac 1966, hlm. 154.
- Mohd Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia Ed. Ke-2*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Mohd Salleh Lamry, Mereka yang Terpinggir: Orang Melayu Sumatera Utara, *Jurnal Melayu*, Jil. 2 Bil.2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Disember 2004, hlm. 73-90.
- Mohd Zufadly Othman, Rohana Hamzah, Ismail Sabri Norihan & Muhammad Afzamiman Ariffin, Dua Teras, Satu Dimensi: Pelan Reformasi Strategik PTV ke Arah Pembangunan Sejahtera, *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 2011, hlm. 109-117.
- Morrison, H., *Sarawak*, London: MacGibbon & Kee, 1957.
- Muhammad Rakawi Yusuf, *Melati Sarawak (1932)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak (1932)*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Najihah Binti Abdul Mutalib, Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak Dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka, *Jurnal Pengajian Melayu Jilid 20*, 2009, hlm. 219-240.
- Naroll, R., On Ethnic Unit Classification, *Current Anthtopology*, Vol 5, 1964, hlm. 283-312.
- Noakes, J.L., *Malays of Sarawak, Awaken! A plan for The Reconstruction of Malay Economy and Culture*, Kuching: Sarawak Co-Operative Development Department, 1954.

- Noakes, J.L., *Sarawak and Brunei : A Report On The 1947 Population Census*, Government Printing Office, Kuching, 1948.
- Nordi Achie, Pemikiran Ahmad Syawal Abdul Hamid Terhadap Kepimpinan dan Kemajuan Melayu dengan Rujukan Kepada Hikayat Panglima Nikosa, 1876, dalam *Jurnal Purba*, Bil. 22, 2003, hlm. 68-100.
- Nordi Achie, Pemikiran Mohd Rakawi Yusof dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak 1932, *Jurnal Sejarah*, No 7, 1999, hlm. 81-120 .
- Nordi Achie, *Pemikiran Za'ba Dalam „Falsafah Takdir“ (1932)*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2006.
- Oppenheimer, S., *Eden in The East: The Drowned Continent of Southeast Asia*, London: Orion Publishing, 1998.
- Page, M., *Some Malay Customs and Ceremonies*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1968.
- Percival, M.S & Robert, T.F., Welfare of the Teacher, *Review of Educational Research*, Vol 22, No.3, 1952, hlm. 206-211.
- Peter, M. Kedit, *Iban Bejalai*, Kuala Lumpur; Ampang Press, 1993.
- Pires, Tome, *The Suma Oriental of Tome Pires*, Ed. Armando Cortesao, London: Hakluyt Society, Jil.2, No.90, 1944.
- Pollard, E., *Kuching Past and Present*, Sarawak: Borneo Literature Bureau, 1972.
- Pringle, R.M., The Brookes of Sarawak: Reformers Inspite of Themselves, *The Sarawak Museum Journal*, Vol XIX, 1971, hlm. 53-76.
- Pringle, R.M., *The Rajah and The Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, Kuala Lumpur: S.A Majeed & Co Sdn Bhd, 1970.
- Putit Matzen, Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak, *The Sarawak Museum Journal*, Vol XLVII, December 1997, hlm. 107-124.
- Raffles, T.S., *Memoir*, ed. Sophia Raffles, Kuala Lumpur: White Lotus, 1991.
- Rahimah Aziz, *Pengantar sosiologi pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

- Raslie Saharan, Adat Resam Orang Melayu Sarawak, *The Sarawak Museum Journal Vol XL No61*, The Museum Kuching, 1989, hlm. 45.
- Rawlins, J., *Sarawak-1939-1963*, London: MacMillan & Co Ltd, 1965.
- Reece, Bob, *Datu Bandar Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1993.
- Reece, R., *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982.
- Richards, Anthony J.N., The Migration of the Ibans and Their Petry, *Journal Museum Sarawak*, Jil. V, No. 1, 1949.
- Ritchie, James, *A Political Saga: Sarawak 1981-1993*, Singapore: Summer Times, 1993.
- Ritchie, James, *Tun Ahmad Zaidi: Son of Sarawak*, Pelanduk Publications, 2000.
- Riyadi dan Deddy Supriyadi Bratakusumah, *Perencanaan Pembangunan Daerah*, Jakarta : PT Gramedia Pustaka Utama, 2005.
- Robert, G., "Datu Merpati (A Sadong Version)", *Sarawak Museum Journal* 5/2 September, 1950.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Dg Hafizah Ag Basir & Siti Halimah Putung, *Tamadun Islam & Tamadun Asia*, Universiti Malaya: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2012.
- Rosenthal, F., *The Muqaddimah: An Introduction to History (Ibn Khaldun) (terj)*, United Kingdom: Princeton University Press, 1969.
- Runcimen, S., *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1941-1940*, London: Cambridge University Press, 1960.
- Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Sabihah Osman, Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19, dlm Rahmat Saripan, Mohd Kamaruzaman, Nik Hassan Shuhaimi, Saliha Hassan & Abd Murat, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 132-184.
- Sabariah Putit & Palan, R., *People Development: a Leader's Journey in the Transformation of Sarawak-Taib Mahmud*, Kuala Lumpur: SMR HR Group, 2010.
- Sabitha Marican, *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*, cet. kedua, Selangor: Edusystem Sdn Bhd, 2009.

- Sanib Said, Kerajaan Awal di Sarawak Sebelum 1400ES, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 3, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 94-107.
- Sanib Said, *Malay Politic In Sarawak: The Search for Unity Political Ascendancy*, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Sanib Said, Melayu di bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio Politik Melayu. *Sarawak Museum Journal* XL No.61. 1989, hlm. 87-101.
- Sanib Said, The History of Sarawak: When We Begin?, dlm SAWAKU, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak I*, 1, 1991.
- Sanib Said, *Yang Dikehendaki : Biografi Yang Di-Pertua Sarawak, Tun Datuk Patinggi Hj. Ahmad Zaidi Adruce Mohd. Noor*, Kuching: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, 1991.
- Seymour, J.M., 'Education in Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941,' Bahagian III, *Sarawak Gazette*, 1350 , 31 Ogos 1970, hlm. 158.
- Siddiq Fadzil, Menatap Wajah: Citra Melayu dalam Sejarah, dlm *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, 2012.
- Siddiq Fadzil, Pemberdayaan Umat: Kembalikan Daulat Keinsanan Rakyat!, dlm *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, Kajang Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah, 2012.
- Silcock, T.H., *Fiscal Survey Report of Sarawak 1956*, Kuching: Government Printing Office, 1956.
- Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005.
- Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang: Satu Dekad Penuh Cabaran*, Petaling Jaya, Selangor: Penerbitan Pena Sdn Bhd, 1981.
- Syed Husin Ali, *Apa Erti Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.
- Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah & Masa Depan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, 2008.
- Syed Hussien al-Attas, *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*, Kuala Lumpur: Al-Nujum Enterprise, 1983.
- Syed Idrus & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

- Tajul Ariffin Nordin, *Perspektif Falsafah & Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993.
- Templer, John C., (ed). *The Private Letter of Sir James Brooke K.C.B. Raja of Sarawak* Vol 1, London: Richard Bently, 1855.
- Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, Pekanbaru: Yayasan Tenas Effendy, 2010.
- Tengku Luckman Sinar, Jati Diri Melayu, dlm. Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan (Peny.), *Pengajian Sastera dan Sosio Budaya Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 1998.
- Tweedie, M.W.F., *Prehistoric Malaya*, Singapore: Eastern University, 1957.
- Ungku A. Aziz, *Jejak-jejak di Pantai Zaman*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1987.
- Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.
- Wan Hashim Wan The, *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud Di Malaysia Sejak Ribuan Tahun yang Lalu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986.
- Ward, A.B., *Rajah's Servant*, Ithaca: Cornell University Press, 1966.
- Zaheruddin & Mohd Yusof Pon, *Pengantar Teori Pembangunan Dunia Ketiga*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2005.
- Zainal Abidin Ahmad, *Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu*, Al-Ikhwan, 16 Jun 1927.
- Zainal Abidin bin Ahmad, *Falsafah Takdir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Zainal Abidin Borhan, Pemikiran Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi Tentang Orang Melayu, dlm Abdul Latiff Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1986.
- Zainal Kling, "James Brooke dan Sarawak Pertembungan Kebudayaan Timur dan Barat", dlm *Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1979.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, Pendidikan Menurut al Quran dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasa Tamadun Ummah, dlm *Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 7- 22.

b. Akhbar dan Majalah

Berita Harian, 22 April 2011.

Lembaga Melayu, Singapura, 1917.

Sarawak Tribune, February 1950 – November 1987.

The Borneo Post, January 1980 – April 2010.

The Star, 17 February 2011.

Utusan Malaysia, April 1999 – September 2014.

Utusan Sarawak, Disember 1949 – Mei 1961

Sarawak Gazette, 1903 – 1987.

c. Tesis

Adnan Hj Nawang, *Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986

Awang Hopeni Awang Ongget, *Sejarah Perkembangan Ekonomi Negeri Sarawak Pada Zaman Pemerintahan Kolonial British (1946-1963) dan Tahap-Tahap Awal Selepas Kemerdekaan (1963-1970)*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991.

Awang Reduan Awang Omar, *Perpecahan dan Gabungan Parti-parti Politik di Negeri Sarawak (1963-1990)*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990,

Azri Noor Abdul Rahman, *Poverty In Sarawak*, 1998. Tesis Sarjana, Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

Chu Chi Hung, *Minority Representative in the Malaysian Legislature*, Ph.D., Thesis, University of Kentucky, 1974,

Dayang Nuralam Awang Raini' *Ikhwan Zaini: Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politik*, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1996/1997.

Fidler, R.C., *Kanowit: A Bazaar Town in Borneo*, Ph.D., Thesis University of Pennsylvania, 1972.

- Fred Entau, *Krisis Politik Sarawak 1966 dan 1986 : Satu Tinjauan Politik*, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.
- Habib Bughiba Mohammad Bustamam, *Limbang Wilayah Tuntutan Kerajaan Brunei, 1890-1976*, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2011.
- Habib Bughiba Mohammad Bustamam, *Perkembangan Islam di Sarawak 1946-1991*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991.
- Hossain bin Fauzi, *Adat Istiadat Orang Melayu Sarawak: Satu Tinjauan di daerah Saribas*. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Pengajian Bahasa Moden, Universiti Pertanian Malaysia, 1995.
- Ishikawa, N., *Between Frontiers: The Formation and Marginalization of a Borderland Malay Community in Southwestern Sarawak, Malaysia, 1870s-1990s*, Tesis Ph.D yang diterbitkan, New York: The City University of New York, 1998.
- Jawan A. Jayum, *Political Change and Economic Development Among the Ibans of Sarawak, East Malaysia*, Ph.D., University of Hull, 1991.
- John Federick Jolis George, *Kaum Bidayuh Sarawak : Mencari Identiti Politik 1960 1980*, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1980/1981.
- Juliana Chan Sau Yeong, *Kajian Biografi Politik Ong Kee Hui-Pelopop Parti SUPP*, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1991/1992.
- Lockard, C. A., *Southeast Asia Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia 1870-1970*, Tesis Ph.D, Madison: University of Wisconsin, 1973.
- Lockard, C.A., *The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970*, Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Madison: University of Wisconsin, 1975.
- Norshiah Abang Chee, *Pergerakan Komunis di Sarawak*, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/1987.
- Ratna binti Amin, *Unsur-unsur Khurafat dalam Amalan Pendukunan di Kalangan Masyarakat Islam Sarawak*, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.
- Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak dalam Zaman Regim Brooke 1841-1946*, Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974.

Sanib Said, *Anti-Cession Movement, 1946 to 1951: The Birth of Nationalism in Sarawak*, Tesis B.A Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975.

Seymour, James Madision. 1967. *Education in Sarawak Under Brooke Rule 1841-1941*. M.A Thesis, University of Hawaii, Seymour, James Madison. 1972. *The Rural School and Rural Development Among the Iban of Sarawak, Malaysia*. PhD Thesis University of Stanford.

Zainal Kling, *The Saribas Malays of Sarawak (Their Social Economic Organization and System of Values)*, Tesis Ph.d yang tidak diterbitkan, University of Hull, 1973.

d. Kertas Kerja

Abang Abdul Rahman Zohari. "Pembentukan Melayu Baru Sarawak Menjelang Abad Ke 21: Potensi, Cabaran dan Harapan", dlm *Seminar Budaya Melayu Sarawak II*, 28 Jun 1993.

Abang Yusuf Puteh, Adat Orang Melayu dan Kesannya Terhadap Ekonomi, dlm *Kongres Islam Malaysia Timur Sarawak, 1968*, 3 – 5 May 1968, Kuching: Dewan Masyarakat Kuching, hlm. 93-95.

Awang Hasmadi Awang Mois, Masalah Masyarakat Melayu Sarawak dan Pembangunan, dlm *Seminar Budaya Melayu II*, 28-30 Jun 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 1993, hlm. 2.

Awang Hasmadi, Masyarakat Melayu Sarawak: Satu Penilaian, dlm *Seminar Budaya Melayu Sarawak Ke-3*, Kuching, Sarawak, 1999, hlm. 1-12.

Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, Abang Yusuf Puteh, 1935-2009: Nasionalis Sarawak Era Pasca Kolonial, dlm *Prosiding Seminar IAHA*, 2014.

Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya dengan Amalan Patriotik, dlm Nik Hassan Shuhaimi Abd Rahman (Ed) *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, Bangi, Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2013, hlm. 1101-1102.

Awg Kasmurie, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur, Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak Menerusi „The Malay Mind“ (1996), dlm *Proceeding of The 50th Anniversary Celebration International Conference*, Hankuk University of Foreign Language, South Korea, 2014, hlm. 500-507.

Becker, G.S., *The Economic Way of Looking at Life, Paper presented at Nobel Lecture*, Department of Economics, University of Chicago, 9 December 1992.

Kwon, Dae-Bong, Human Capital and its Measurement. Paper presented at *The 3rd OECD World Forum on "Statistics Knowledge and Policy"*, Charting Progress, Building Vision. Busan, South Korea, 27-30 October 2009.

Muklis Paeni, Penerimaan Anjakan Paradigma Asal Usul Bangsa Melayu melalui Kajian Genom Manusia di Nusantara, dlm Konvesyen Asal Usul Melayu telah berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC) pada 20 Januari 2012.

Oppenheimer, s., Keluar dari Afrika (Penghijrahan dari Afrika): Pendudukan Manusia di dunia dan Asal Usul Melayu' melalui Proses Genetik Phylogeography, dlm *Konvensyen Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia* pada 20 Januari 2012, Kuala Lumpur.

Putit Matzen, Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak, dalam *Seminar Budaya Melayu Sarawak II*, 28-30 Jun 1993, Kuching, Sarawak, hlm. 1-15.

Sanib Said, Melayu Dalam Sejarah Sarawak : Iktibar Untuk Pembangunan Masa Depan, dlm. *Seminar Budaya Melayu Sarawak II*, 28-30 Jun 1993, Yayasan Budaya Melayu & Kerajaan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 3-4.

Zafarina Zainudin, „Malay Archipelago: The Origin of Malays“. dlm *Konvensyen Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia* pada 20 Januari 2012, Kuala Lumpur.

e. Wawancara

Wawancara dengan Puan Mordiah bt Abdul Kadir, di Pejabat Shobra Holding, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Kuching pada jam 9.00 pagi bertarikh 14 November 2013.

Wawancara dengan Datuk Rogayah Abdul Majid (isteri Allahyarham Datuk Abang Haji Yusuf bin Abang Puteh), di kediamannya di Jalan Song, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 21 Disember 2013 dan pada jam 10.00 pagi bertarikh 02 September 2015.

Wawancara dengan Dayang Kartini Abang Yusuf (Anak Allahyarham Datuk Abang Haji Yusuf bin Abang Puteh), di kediamannya di Jalan Song, Kuching, pada jam 3.30 petang bertarikh 21 Disember 2013.

Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden (Mantan Ahli Politik dan Tokoh Melayu Sarawak), di kediamannya di Jalan Muda Hasyim, Kuching pada jam 3.30 petang bertarikh 09 Januari 2014.

Wawancara dengan Puan Mordiah bt Sulaiman, Ketua Cawangan Sosio Ekonomi dan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak di pejabatnya Wisma Kebajikan, Jalan Siol Kanan, Kuching pada jam 9.00 pagi bertarikh 22 Disember 2014.

Wawancara dengan Encik Ikhwan Achem penduduk Kampung Tambak Daerah Kalaka pada jam 11.05 pagi bertarikh 20 April 2015.

Wawancara dengan Encik Sauti Karim, penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok, pada jam 11.00 pagi bertarikh 19 September 2015.

Wawancara dengan Puan Nursiyati Deni penduduk Kampung Melango Lama, Saratok, pada jam 2.30 petang bertarikh 19 September 2015.

Wawancara dengan Puan Salina Sauti penduduk Kampung Jalan Bunga Raya, Saratok melalui wawancara pada jam 1.30 petang bertarikh 19 September 2015.

Wawancara dengan Encik Manterang, penduduk Kampung Melango Lama, Saratok jam 9.00 malam bertarikh 20 September 2015.

Wawancara dengan Encik Ramlan bin Iskandar penduduk Kampung Melango Lama, pada jam 10.20 malam pada tarikh 20 September 2015.

Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Ulei (mantan Ketua Kampung Melango Lama) pada jam 9.00 pagi bertarikh 21 September 2015.

Wawancara dengan Encik Razali Busri di Kampung Bunga Raya, Saratok, pada jam 10.29 malam bertarikh 21 September 2015 (melalui aplikasi facebook dan whatsapp memandangkan beliau bekerja di Sabah).

Wawancara dengan Encik Ahmad Dewi Deli, penduduk Kampung Debak pada jam 8.00 malam bertarikh 24 September 2015) melalui panggilan telefon.

Wawancara dengan Encik Ali Sabana bin Bujang, penduduk Kampung Melango, Saratok pada jam 11.50 pagi bertarikh 24 Mac 2016.

f. Sumber Internet

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/DuniaBuku_AdatPerkahwinanOrangMelayuSarawak/Article.

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/7593-tun-datuk-patinggi-haji-abdul-rahman-bin-yakub.html>.

<http://sejarahmelayusarawak.blogspot.ac/2015/03abang-yusuf-puteh.html?m=1>.

<http://www.hikmah.org.my>.

<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7117-akauntabiliti-menurut-pandangan-islam>.

<http://www.kpwkm.gov.my/nkra>.

<http://www.Sarawak.gov.my>

<http://www.syariah.sarawak.gov.my/>

<http://www.theborneopost.com/2013/04/26/pertahan-adat-tradisi-melayu.>

<http://www.betongro.sarawak.gov.my>

University of Malaya

SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Senarai Penerbitan Kertas Kerja

1. Awg Kasmurie bin Awg Kitot & Arba'iyah Mohd Noor, Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak, *Jurnal Sejarah*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2015 (volume 2), hlm. 18-30.
2. Awg Kasmurie bin Awg Kitot & Arba'iyah Mohd Noor, Penilaian Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Kepimpinan Melayu Sarawak, 1970-1996, *Jurnal Peradaban*, Pusat Dialog, Universiti Malaya, Disember 2015.
3. Awg Kasmurie bin Awg Kitot & Arba'iyah Mohd Noor, Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya „Ondor Rarat“ Masyarakat Melayu Sarawak, *Jurnal Pengajian Melayu*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2016 (volume 27)

Senarai Pembentangan Kertas Kerja

1. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Adat Melayu Sarawak dan Kesignifikannya Dengan Amalan Patriotik. Prosiding Amalan Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM), Anjuran Institut Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-27 November 2013, hlm. 1095-1106.
2. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Sarawak Menerusi “The Malay Mind” (1996). Prosiding Seminar Antarabangsa “Bridging The Unbridgeable: Changing Paradigms in Malay/Indonesian Studies”. Anjuran Hankuk University of Foreign Studies, Department of Malay-Indonesian Studies, South Korea, 15th May 2014, hlm. 500-507.
3. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Abang Yusuf Puteh, 1935-2009: Nasionalis Sarawak Era Pasca Kolonial. Prosiding Seminar 23rd Conference of The International Association of Historians of ASIA 2014 (IAHA 2014), hlm. 1052-1063.
4. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Budaya Disanjung Adat Dijunjung: Transformasi Minda Terhadap Nilai dan Amalan Masyarakat Melayu Sarawak Dari Perspektif Pemikiran Abang Yusuf Puteh. Prosiding dalam “The 8th International Conference on Indonesia-Malaysia Relations. Anjuran Universitas Lanchang Kuning, Pekanbaru, Riau Indonesia & Universiti Malaya, 23-25 September 2014 Universitas Lanchang Kuning, Riau Indonesia, hlm. 590-597.
5. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Pemikiran Abang Yusuf Puteh Terhadap Masyarakat Melayu Sarawak, 1985-1995. Prosiding

Seminar Antarabangsa Psikolinguistik III (SEAPSIL III). Anjuran Universiti Putra Malaysia & Persatuan Psikolinguistik Malaysia (PERSIMA), 26-27 November 2014 Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak.

6. Awg Kasmurie Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor & Suffian Mansur. Budaya Kepimpinan Melayu Sarawak: Penilaiannya dari Perspektif Pemikiran Abang Yusuf Puteh. Prosiding "The 9th International Conference on Malaysia-Indonesian Relations (PAHMI 9). Anjuran Universitas Negeri Yogyakarta & Universiti Malaya, 15-16 September 2015 Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia, hlm. 1157-1168.

University of Malaya

Transkrip Wawancara Bersama Tan Sri Datuk Seri Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiden, iaitu mantan ahli politik.

Apa pandangan ayahanda tentang Melayu Sarawak?

Islam *is the main thing* rahmat dari Allah SWT. Apabila disebut Melayu Sarawak maka mereka adalah yang beragama Islam. *That's big asset* yang digelar *spiritual position*. Kita mempunyai sesuatu yang tidak ada pada orang bukan Islam. Kita percaya kepada monotheism itulah aset kita. Apabila disebut kualiti pula kita lihat sejarah orang Melayu Sarawak. Pada saya terdapat 81 pengikut macam-macam aliran di dunia hari ini. Dalam politik satu perkara yang kita tidak boleh lupa, iaitu *loyalty*. Berkenaan dengan kesetiaan orang Melayu Sarawak sukar untuk ditandingi oleh kaum-kaum lain. Sebagai contoh Raja Brooke merupakan orang putih yang memimpin Sarawak. Brooke bukannya Melayu tapi boleh menjadi raja kepada orang Sarawak. Sebenarnya orang Melayu banyak memainkan peranan yang mengangkat Brooke menjadi raja. Hal ini kerana orang Melayu merupakan kaum yang berkuasa dan sentiasa dihormati serta dipandang oleh kaum yang lain. Bahkan kaum Dayak sendiri begitu menghormati orang Melayu Sarawak. Kesetiaan orang Melayu terhadap Brooke membuktikan bahawa orang Melayu Sarawak sememangnya masyarakat yang sangat setia. Apabila Jepun menyerang dan memerintah Sarawak maka orang Melayu setia pula dengan Jepun. Keadaan ini menyebabkan Jepun turut menghormati orang Melayu sehinggakan pemimpin-pemimpin, rumah-rumah Melayu diletakkan bendera Jepun. Malah Datu-datu Melayu sangat dihormati oleh tentera Jepun. Walaupun Jepun yang menyerang dan memerintah tetapi orang Melayu Sarawak turut menumpahkan kesetiaan kepada orang Jepun. Orang Melayu Sarawak tidak akan melakukan sesuatu yang merugikan. Akhirnya

Jepun menyerah kalah maka British pula yang datang ke Sarawak. Raja Brooke pun kembali ke Sarawak sebelum menyerahkan sepenuhnya kepada British. Orang Melayu tidak memerangi orang Jepun sehingga menyerah kalah tetapi disebabkan kekalahan dalam Perang Dunia. Andaikata Jepun tidak menyerah kalah kemungkinan pada hari ini kita akan berajakan Jepun.

Aset setia agama itu boleh jadi dari segi agama maka kita bersikap merendah diri. Kita tidak menerima penentangan kepada pemimpin. *Loyalty* taat setia darah taat setia kepada orang Melayu. Kita tidak seperti Melayu di tempat lain. Orang Melayu Sarawak tidak suka kepada penentangan dan pemberontakan. Penentangan orang Melayu di Sarawak hanya berlaku ketika penyerahan Sarawak kepada British. Itu pun dipimpin oleh sepupu Raja Brooke. Hal ini kerana orang Sarawak ketika itu inginkan Anthony Brooke untuk menjadi raja seterusnya dan bukannya diserahkan kepada pihak British. Keinginan untuk mengembalikan kuasa kepada Anthony disebabkan *loyalty* kepada raja yang terdahulu. Seheinggakan persatuan Melayu di bawah pimpinan Abang Abdillah turut bangkit. Akhirnya orang Melayu digelar sebagai *anti cession*. Keadaan bertambah parah apabila berlaku pembunuhan terhadap gabenor British di Sibu oleh Rosli Dhoby. Disebabkan apa? Semuanya disebabkan taat kepada Brooke. Aset taat kepada pemimpin yang nak melawan bangsa Melayu kita ini di Sarawak. Disebabkan gerakan *anti cession* dan penyokong *cession* menyebabkan orang Melayu Sarawak terpecah kepada dua kumpulan. Ketika itu politik di Sarawak dikuasai sepenuhnya oleh orang Melayu. Namun orang Melayu akhirnya bersatu kembali kerana berpandukan kepada agama. Saya dan keluarga turut sama dalam perbalahan ini. Saya dan adik beradik tidak bertegur sapa disebabkan oleh *cession* seheinggakan sekiranya hari raya ada dua hari. Maka hari pertama untuk penyokong *cession* manakala hari raya kedua untuk *anti cession*. Sarawak telah berlaku perpecahan orang

Melayu malah lebih dahulu berbanding Melayu Semenanjung antara PAS dan UMNO. Saya sendiri melihat perpecahan tersebut. Berlakunya demonstrasi, pergaduhan dan sebagainya. Perpecahan yang berlaku dalam kalangan orang Melayu ketika itu sangat teruk sehinggakan tidak bertegur adik beradik malah tidak menziarahi sekiranya ada berlaku kematian dalam keluarga. Orang-orang tua dikeji, dihina dan dimaki. Bahkan golongan Datu-datu turut sama berpecah. Walau bagaimanapun, orang Melayu Sarawak yang berpecah belah berjaya disatukan antaranya dengan tindakan golongan muda/anak-anak muda Melayu. Antara tindakan yang dilakukan oleh anak-anak muda Melayu untuk menyatukan semula masyarakat Melayu yang berpecah disebabkan *cession* adalah dengan muzik dan mengadakan pertunjukan bangsawan yang amat digemari oleh orang-orang Melayu.

Terkesan daripada pertunjukan bangsawan yang diselangi dengan lawak jenaka dan turut menjemput kedua-dua pemimpin *cession* dan *anti cession* akhirnya telah membawa penyatuan semula masyarakat Melayu Sarawak yang berpecah sebelum itu. Pertunjukan bangsawan terus dibawa ke kawasan-kawasan lain di Sarawak seperti di Simanggang, Sibul dan lain-lain. Oleh yang demikian, sebenarnya *back to social life*, berlaku seperti ini terhadap orang Melayu Sarawak disebabkan oleh *loyalty*. Walaupun telah diperintah oleh orang putih (British) dari tahun 1946 sehingga 1963. Akhirnya, Malaysia terbentuk dengan tindakan Tunku Abdul Rahman membawa Sarawak untuk bekerjasama membentuk Malaysia. Saya sendiri terlibat secara langsung dalam pembentukan Malaysia. Berbalik kepada *loyalty*. Apabila terbentuknya Malaysia maka kita akhirnya menumpahkan *loyalty* kepada negara baharu yang dibentuk. Pada hari kedudukan kita dalam Malaysia merupakan satu rahmat dari Allah. Seandainya Anthony terus kekal menjadi raja Sarawak maka akan hilanglah Melayu dan Islam. Aset kita sebagai orang Melayu adalah adanya agama Islam.

Apabila Malaysia terbentuk orang Melayu menjadi majoriti dan tidak lagi minoriti. Ketika di sekolah dahulu saya belajar di St Joseph dan wajib mempelajari Bible. Orang Melayu menghafal bible ketika di sekolah. Alhamdulillah tidak ada tergelincir pun akidah kita orang Melayu di Sarawak malah tidak pernah terfikir suatu hari kelak akan berada dalam sebuah negara yang besar dan agama Islam menjadi agama rasmi. Brooke, British dan Jepun berada di Sarawak tapi saya lebih menyukai yang sekarang. Allah Maha Perancang. Jadi, agama sangat penting merupakan *loyalty* orang Sarawak yang tidak dapat dipersoalkan sehingga hari ini. Kita hendaklah bersyukur. Tuhan memberikan kepada kita sesuatu dan menafikannya maka tunggu dan lihatlah. Walaupun sehingga ke hari ini mereka berusaha untuk mendapatkan kembali semuanya daripada anda. Ingat, bahawa anda hanyalah 22 peratus. Jangan jadi seperti Singapura. Siapakah empunya Singapura sebelum ini? Orang Melayu. Saya adalah nasionalis dalam mempertahankan agama dan diri sendiri. *Loyalty* sangat-sangat penting kepada kita. Oleh itu, bila bercakap pasal *loyalty* kita dengannegara kita maka kita sendiri yang memerintah. Raja-raja Melayu. Askar Melayu polis Melayu di seluruh Malaysia. Semuanya seolah-olah dimiliki Melayu tapi kenapa orang lain kaya. Jangan nak mengeji orang Cina. Rezeki Allah telah berikan kepada negara kita tapi kita sendiri tidak menggunakan sebaik-baiknya. Nasib baik ada petronas, kalaulah petronas tidak ada tidak tahu apa yang berlaku kepada ekonomi kita. Berbalik kepada semangat kesetiaan hendak melawan kita orang Melayu di Sarawak ini sangat susah kalau dibandingkan dengan orang lain. Kerana Raja Brooke sanggup membunuh gabenor. Setia dengan Brooke sedangkan yang patut menjadi raja Sarawak bukannya Brooke tapi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.

Apa pandangan ayahanda tentang Allahyarham Datuk Abang Yusuf Puteh?

Datuk Abang Yusuf Puteh banyak menulis selepas tidak lagi aktif dalam politik. Semangat Melayu dia sangat kuat. Datuk Abang Yusuf tidak mahu bangsa kita boleh digoncang atau diganggu-gugat. Apa yang kita gelarkan sebagai nasionalis. Saya fikir dia adalah nasionalis Melayu. Seheinggakan orang Melayu dari Semenanjung Malaysia sendiri pun dia tidak suka. Inilah masalah dengan orang Melayu Sarawak sebab apabila seseorang itu mempunyai nasionalis yang kuat maka *'feeling'*nya ada. Ianya bukannya menentang kaum-kaum lain tapi asalkan orang luar Sarawak sahaja dia akan menjadi sedemikian. Banyak pegawai dari semenanjung yang telah dibuang dalam pekerjaan. Ketika beliau menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri apabila melihat beberapa perkara yang tidak betul maka beliau akan terus mengambil tindakan yang tegas. Saya rasa beliau ada hak sebab sekiranya orang luar melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan budaya kita maka tindakan harus diambil. Sekarang kita lihat, keadaan berbeza kita orang Sarawak pula yang kena hasut oleh pihak lain. Semuanya politik. *Sorry to say*. Pihak di sana dalam hal politik menghasut orang Sarawak akhirnya kita sesama sendiri telah mula bergaduh. Jadi, Abang Yusuf Puteh bertindak betul. Apa gunanya kita mengikut budaya pihak lain seandainya akan merosakkan diri kita sendiri. Kita orang Sarawak ada budaya sendiri. Budaya kita mempunyai kesopanan dan ketatasusilaan Melayu Sarawak. Atas sebab itu, orang Iban mengikut orang Melayu Sarawak. Apabila melihat orang Melayu mereka akan tunduk. Bukan apa tapi segan dengan orang Melayu. Segan dengan cara kita. Hal ini kerana budaya kita berpandukan kepada agama. Berdasarkan kepada agama dan kesetiaan orang Melayu akhirnya membawa kepada perpaduan. Perpaduan itulah yang paling penting. Kesetiaan dan perpaduan. Sangat penting kepada aset kita orang Melayu Sarawak. Saya tidak tahu tentang masa depan. Tapi saya bercakap tentang hari ini. Sangat penting untuk kita

mendapatkan semua kualiti ini. *Loyalty* daripada rakyat kepada pemimpin terpulang kepada pemimpin yang ada sekarang. Dalam kualiti ada pada Tun Mahathir. Beliau telah berjaya melakukan yang terbaik dalam kepimpinan. Seorang Cina tidak berani melawan. Beliau berjaya membangunkan Putrajaya sehingga ada dalam kalangan pihak UMNO sendiri yang menentang ketika itu kerana difikirkan membazirkan wang kerajaan.

Kembali kepada Abang Yusuf Puteh, penglibatan politiknya adalah bersifat nasionalis. Beliau turut berpegang kepada *loyalty* kepada pemimpin, iaitu Tun Abdul Rahman. Beliau beranggapan bahawa Tun Rahman merupakan pemimpin Islam yang sebenar di Sarawak. Malah saya sendiri bersetuju dengan pandangan beliau. *Loyalty* kepada Tun Rahman bukan sahaja saya tetapi hampir keseluruhan masyarakat Sarawak. Hal ini kerana Tun Rahman mempunyai kelebihan mampu untuk mengawal kaum-kaum yang lain di Sarawak. Malah Tun Rahman dilihat oleh orang Melayu Sarawak seperti raja ketika itu. Tun Rahman seorang yang berani yang menjadi ikutan dan contoh tauladan Abang Yusuf Puteh. Abang Yusuf Puteh merupakan seorang pemimpin yang berpendidikan dan berwawasan jauh. Kesetiaan beliau kepada Tun Rahman sangat kuat sehinggakan satu-satunya orang yang boleh bercakap dengan beliau adalah Tun Rahman. Beliau seorang yang panas baran. Kredibiliti Abang Yusuf Puteh menyebabkan orang lain melihat dia seperti mana melihat Tun Rahman. Berkenaan dengan sikap panas baran Abang Yusuf Puteh terdapat cerita yang mengatakan tentang seorang India yang bekerja di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Setiap kali Abang Yusuf Puteh memanggilnya atau menghubunginya serta merta wajahnya akan berubah pucat dan putih. Begitu juga pegawai-pegawai kerajaan akan ketakutan apabila mengetahui bahawa Abang Yusuf Puteh akan datang untuk membuat lawatan dan sebagainya.

Apakah pandangan ayahanda terhadap penekanan pendidikan dan pembangunan orang Melayu Sarawak pada Abang Yusuf Puteh?

Abang Yusuf Puteh merupakan seorang yang sangat mementingkan aspek pendidikan. Lihat sendiri usaha beliau bersama Tun Rahman menubuhkan Yayasan Sarawak. Beliau merupakan pengerusi Yayasan Sarawak yang pertama. Semuanya kerana pendidikan anak-anak Melayu maka Yayasan Sarawak ini ditubuhkan.. Apabila Yayasan Sarawak berjaya ditubuhkan maka banyak biasiswa yang diberikan kepada anak-anak Sarawak terutamanya bumiputera. Bahkan dari aspek pembangunan, beliau banyak membantu belia-belia terutamanya Melayu di Sarawak untuk berusaha dan menjadi hartawan. Semangat nasionalis untuk membantu orang Melayu dalam pembangunan ekonomi sangat kuat. Beliau tidak pernah menunjukkan bahawa dirinya pandai namun untuk membantu orang-orang Melayu tidak boleh secara terus terang tapi kena berani. Pengaruh kuat perlu ada kalau ingin berjaya. Abang Yusuf Puteh ada pengaruh. Pengaruh sangat penting dalam membawa usaha kita agar dapat diperkembangkan. Beliau lebih banyak menumpukan kepada pembangunan masyarakat Melayu pesisir. Hal ini kerana orang Melayu di kawasan perkampungan Abang Yusuf Puteh yang masih banyak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Hidup dalam kemiskinan kerana tiadanya ilmu pendidikan. Abang Yusuf Puteh sedar bahawa dengan adanya pendidikanlah maka perubahan dapat dilakukan oleh orang Melayu pesisir.

Transkrip Wawancara Bersama Encik Ramlan Iskandar, iaitu penduduk kampung Melango, Saratok.

Adakah anda mengenali Abang Yusuf Puteh?

Abang Yusuf Puteh merupakan anak Melayu pesisir berasal dari Saratok yang pertama memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan di Sarawak. Saya sebagai anak-anak generasi kedua turut mengenali beliau melalui cerita-cerita yang dibawa oleh masyarakat kampung tentang kehebatan beliau. Walaupun tidak pernah mengenali rapat namun menerusi cerita orang tua dan masyarakat kampung seolah-olah beliau begitu dekat dengan masyarakat kampung. Beliau banyak membantu masyarakat kampung dalam pelbagai aspek demi kemajuan masyarakat. Abang Yusuf Puteh sangat menjaga kepentingan masyarakat Melayu pesisir. Beliau mahukan kami mencapai kemajuan sebagaimana orang lain. Saya percaya seandainya Abang Yusuf Puteh masih hidup sudah pasti Kalaka akan lebih maju dan ke hadapan pada hari ini.

Apakah sumbangan Datuk Abang Yusuf Puteh kepada masyarakat Melayu pesisir?

Kalau bercakap pasal sumbangan. Terlalu banyak sumbangan yang diberikan oleh Abang Yusuf Puteh kepada masyarakat kami. Abang Yusuf Puteh banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat Melayu pesisir terutamanya dalam aspek pendidikan dan ekonomi masyarakat. Dalam aspek pendidikan saya sendiri pernah belajar mengaji di rumah beliau ketika masih kanak-kanak. Pada suatu ketika dahulu, iaitu ketika zaman kanak-kanak saya pernah belajar di rumah beliau di Saratok. Belajar agama dan juga ilmu-ilmu lain. Bukan setakat menjadikan rumahnya sebagai tempat belajar tetapi beliau turut menyediakan perkhidmatan pengangkutan van untuk memudahkan lagi anak-anak kampung datang menghadiri kelas. Hal ini disebabkan aspek pendidikan sangat penting

untuk mengubah masa depan masyarakatnya. Beliau mengupah guru agama untuk mengajar anak-anak kampung. Abang Yusuf Puteh bukan setakat menggalakkan anak-anak Melayu pesisir untuk mendalami ilmu pendidikan tetapi turut mengajak golongan dewasa sekali. Datuk Abang Yusuf juga menyediakan jamuan ringan pada setiap malam selepas selesai pembelajaran dilakukan untuk semua pelajar. Beliau juga akan menyediakan majlis khatamul Quran kepada sesiapa sahaja yang berjaya qatam al-Quran. Hasilnya banyak anak-anak kampung yang telah berjaya. Di samping itu, Abang Yusuf Puteh seorang yang sangat bermurah hati terutamanya perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Kebiasaanya beliau akan memberikan sejumlah wang kepada pelajar-pelajar di kawasan tersebut sekiranya berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah terpilih dan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Bukan itu sahaja, wakil Barisan Nasional yang bertanding menentang Abang Yusuf Puteh, iaitu Wahab Aziz juga berjaya menyambung belajar atas bantuan Abang Yusuf Puteh.

Abang Yusuf Puteh bukan setakat membantu dalam pendidikan tapi beliau turut memberikan bantuan dalam pertanian kepada orang kampung. Antaranya beliau menggunakan wang sendiri untuk membeli peralatan jentera moden untuk menggalakkan orang kampung mengusahakan tanah pertanian. Selain itu, beliau turut menyediakan bijih benih yang bagus (bermutu) untuk orang kampung.

Sekarang ini kita dapat melihat kemajuan yang berjaya diperoleh daerah kalaka. Semuanya adalah hasil bantuan yang pernah Abang Yusuf Puteh perjuangkan. Masyarakat kawasan ini tahu akan perkara tersebut. Sesuatu yang tidak dapat untuk dinafikan. Atas jasa sumbangan beliau juga maka ada jalan di kampung ini yang diberikan sempena nama ayah beliau, iaitu Jalan Abang Puteh.

Bagaimana dengan aspek keagamaan masyarakat Melayu pesisir?

Seperti yang saya telah jelaskan, Abang Yusuf Puteh telah menjadikan rumahnya sebagai tempat pembelajaran bagi anak-anak Melayu pesisir dan golongan dewasa. Pendidikan yang diberikan bukan semata-mata ilmu duniawi tetapi juga mencakupi ilmu ukhrawi. Dalam aspek ini, Abang Yusuf Puteh sering mengingatkan penduduk berkaitan pembaziran yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pesisir.

Antaranya, apabila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga. Hal ini saya fahami dari penjelasan ahli keluarga saya yang selalu mendengar nasihat-nasihat yang beliau berikan. Begitu juga hendaklah berpada-pada sekiranya berbelanja jangan membazir dan boros dengan mengikut kemampuan. Pada pandangan beliau, kenduri arwah yang terpaksa ahli keluarga yang meninggal laksanakan sebenarnya merupakan beban kepada sumber ekonomi sesebuah keluarga. Beliau sering juga menjelaskan dalam Islam tidak ada kewajiban untuk mengadakan kenduri arwah dan sebagainya.